
Pemikiran Islam



UṢŪL AL-KĀFĪ-KITĀB AL-ḤUJJAH

(Kitab Penghujahan Para Imam A.S)

THIQAT AL-ISLAM ABU JA'FAR MUHAMMAD BIN

YA'QUB AL-KULAINI

Wafat 328/ 329 Hijrah

☎12☽

ωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωωω

Diterjemahkan dari buku aslinya *Usul al-Kafi-Kitab al-Hujjah*
Karya Thiqat al-Islam Abu Ja'far Muhammad bin Ya'qub al-Kulaini
Tahqiq oleh Ali Akbar al-Ghifari
Cetakan Bahasa Arab: Maktabah al-Saduq
Tehran 1380 H

Cetakan Pertama: Februari, 1994

Edisi Bahasa Arab
Usul al-Kafi-kitab al-Hujjah, jilid 1, Tehran, 1380 H.

Edisi Bahasa Melayu

PRAKATA DAN KOMENTAR

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala pujian adalah untuk Allah s.w.t, selawat dan salam kepada Muhammad s.a.w dan keluarganya yang suci a.s serta para sahabat mereka yang terpilih r.h.

Amma Ba'du, Adapun kemudian daripada itu, bahawa buku ini berjodol ***Usul al-Kafi-kitab al-Hujjah*** adalah karya *Thiqat al-Islam* Abu Ja'far Muhammad bin Ya'qub bin Ishaq al-Kulaini al-Razi. Beliau dilahirkan di sebuah kampung bernama al-Kulain atau al-Kulin di Iran. Beliau adalah di kalangan ulama yang masyhur di Ray, Iran. Kemudian beliau telah berpindah ke Baghdad kerana menjadi ketua ulama kepada pengikut Syi'ah Imam Dua Belas di sana semasa pemerintahan al-Muqtadir. Beliau telah hidup di zaman *sufaraa'* (wakil-wakil Imam al-Mahdi a.s) dan mati di Kufah pada tahun 328/329 hijrah bersamaan 939/940 masihi.

Beliau telah menulis beberapa buah buku di antaranya *Usul al-Kafi (Asas asas yang mencukupi), Kitab al-Rijaal, al-Radd 'ala al-Qaramitah* dan lain-lain. Buku beliau yang paling masyhur adalah *al-Kafi*. Beliau telah menulis buku ini selama dua puluh tahun. Buku *al-Kafi* boleh dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama *al-Kafi* membincangkan mengenai *Usul* yang mengandungi lapan bab (*kutub*) seperti kitab akal dan kejahilan, kitab kelebihan ilmu, kitab tauhid, kitab *al-Hujjah* (kitab ini), kitab iman dan lain-lain, dinamakan *al-Usul min al-Kafi* atau *Usul al-Kafi*.

Bahagian kedua *al-Kafi* atau *Furu'* membincangkan tentang *Furu'* yang mengandungi dua puluh enam (26) bab (*kutub*) seperti kitab kebersihan, kitab sembahyang, kitab haid, kitab jenazah, kitab puasa, kitab haji dan lain-lain, maka ia dinamakan *al-Furu' min al-Kafi*. Bahagian ketiga *Raudhat al-Kafi* membincangkan mengenai *Furu'*, *Usul* secara ringkas, alam semesta, rawatan penyakit dan lain-lain mengandungi lima ratus sembilan puluh tujuh (597) hadis, maka ia dinamakan *Raudhat al-Kafi*. Adapun *Kitab al-Hujjah* mengandungi 1015 hadis para imam Ahlul Bait a.s. Sebahagian daripadanya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh World Organization for

Islamic Services (WOFIS) P.O. Box No.2245, Tehran, 1981, Iran di dalam 6 jilid bersama teks Arab iaitu sebanyak 488 hadis daripada 1015 hadis kesemuanya di dalam *Kitab al-Hujjah.* Ia mengandungi 130 bab yang membincangkan tentang keperluan kepada seorang imam, dunia tidak sunyi daripada seorang imam, imam dua belas, wasiat Rasulullah s.a.w tentang *imamah,* keghaiban imam a.s, sejarah para imam a.s, keilmuan mereka a.s dan lain-lain. *Kitab al-Hujjah* adalah kitab penghujahan para imam a.s tentang *imamah* untuk mereka a.s daripada Rasulullah s.a.w.

Penterjemahan buku ini adalah berdasarkan kepada *Tahqiq* Hujjat al-Islam 'Ali Akbar Al-Ghifari, cetakan pertama Maktabah al-Saduq, Tehran, 1380 Hijrah.

Keistimewaan *Usul al-Kafi-kitab al-Hujjah* karangan Thiqat al-Islam al-Kulaini terletak kepada sanad dan matannya yang masih tidak terputus dengan para Imam Ahlu l-Bait a.s meskipun terdapat beberapa hadis yang diriwayatkannya secara *marfuu'.*

Terjemahan buku ini adalah khusus untuk pengikut-pengikut mazhab Ahlu l-Bait a.s atau mazhab Ja'fari atau mazhab Syi'ah Imam Dua Belas SAHAJA.

Semoga hujah-hujah para imam a.s tentang *imamah* dapat dimanfaatkan oleh mereka. Selawat dan salam ke atas Muhammad s.a.w dan keluarganya yang suci.

Penterjemah Dan Komentar,

8 hb. Februari, 1994.

KANDUNGAN

Bab 1

☼Keperluan Kepada *Al-Hujjah* (*al-Idhtirar ila al-Hujjah*)☼

[Abu Ja'far Muhammad bin Ya'qub al-Kulaini pengarang kitab ini-*rahimahu llahu*- telah berkata:

(1)-1. Ali bin Ibrahim telah meriwayatkan kepada kami, daripada bapanya, daripada al-'Abbas bin Umar al-Fuqimiy daripada al-Hisyam bin al-Hakam, daripada Abu Abdillah a.s bahawa sesungguhnya beliau a.s telah berkata kepada seorang zindiq yang telah bertanya kepadanya: Bagaimanakah anda buktikan para nabi dan para rasul? Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya manakala kami membuktikan bahawa bagi kami Pencipta Yang Maha Bijaksana yang mana makhluk-Nya tidak dapat menyaksikanNya dan menyentuhiNya, justeru Dia menghubungi mereka atau mereka menghubungiNya, lalu Dia berhujah dengan mereka dan mereka pula berhujah dengan-Nya, maka terbuktilah bahawa bagiNya duta-duta (*sufara'*) pada makhluk-Nya bagi menerangkan tujuan-Nya kepada makhluk-Nya dan hamba-hamba-Nya.

Menunjukkan kebaikan dan manfaat kepada mereka serta menjaga kewujudan mereka kerana jika *al-Hujjah* ditinggalkan, maka ia akan membinasakan mereka. Justeru, mereka yang menyuruh (*al-Amirun*) dan melarang (*al-Nahun*) adalah daripada Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui tentang makhluk-Nya. Dan mereka yang bercakap tentangNya adalah para nabi a.s dan mereka yang terpilih di kalangan makhluk-Nya. Mereka adalah bijak diutus untuk mendidik umat dengan hikmah tanpa bersyarikat dengan mereka dari segi penciptaan dan bentuk-meskipun mereka pada zahirnya adalah sama. Mereka disokong oleh Yang Maha Bijaksana lagi Mengetahui dengan hikmah. Kemudian dalil-dalil dan bukti-bukti yang dibawa oleh para nabi dan para rasul a.s di setiap era dan zaman membuktikan bahawa bumi Allah tidak sunyi daripada (seorang) *Hujjah* yang mana bersamanya petanda yang menunjukkan kepada kebenaran kata-katanya dan ketepatan keadilannya.

(2)-2. Muhammad bin Ismail, daripada al-Fadhl bin Syazan, daripada Safwan bin Yahya, daripada Mansur Ibn Hazim berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s bahawa sesungguhnya Allah adalah lebih dihormati dan lebih mulia dari memperkenalkan diri-Nya kepada makhluk-Nya, malah makhluk-Nya mengenaliNya, beliau a.s telah berkata: Apa yang anda telah katakan itu adalah benar. Maka aku telah berkata: Sesiapa yang telah mengetahui bahawa baginya Tuhan,

maka sayugia baginya mengetahui bahawa Allah mempunyai keredaan dan kemurkaan. Sesungguhnya beliau tidak mengetahui keredaan-Nya dan kemurkaan-Nya melainkan dengan wahyu atau rasul.

Justeru, sesiapa yang tidak didatangi wahyu, maka beliau harus mendapatkan para rasul dan apabila beliau bertemu dengan mereka, maka beliau mengetahui bahawa mereka adalah al-*Hujjah* dan mereka pula wajib ditaati. Aku telah berkata kepada orang ramai: Adakah kamu mengetahui bahawa Rasullah s.a.w adalah seorang *Hujjah* daripada Allah ke atas makhluk-Nya? Mereka telah berkata: Ya, aku telah berkata: Apabila Rasulullah s.a.w mati, maka siapakah *Hujjah* ke atas makhluk-Nya? Mereka telah berkata: Al-Qur'an, lalu aku telah melihat kepada al-Qur'an, maka aku dapati Murjiah, Qadariyah dan Zindiq menggunakan hujah daripada al-Qur'an meskipun mereka tidak mempercayainya. Lantaran itu, aku dapati al-Qur'an tidak menjadi *Hujjah* kecuali dengan wujud penjaganya. Justeru, apa yang dikatakannya itu adalah benar.

Aku telah berkata kepada mereka: Siapakah penjaga al-Qur'an? Mereka telah berkata: Ibn Mas'ud telah mengetahuinya, 'Umar telah mengetahuinya dan Huzaifah telah mengetahuinya, aku telah berkata: Semuanya? Mereka telah berkata: Tidak, maka aku tidak mendapati seorangpun yang berkata bahawa beliau mengetahui semuanya kecuali Ali a.s. Apabila persoalan mengenai al-Qur'an timbul di kalangan orang ramai, Ibn Mas'ud telah berkata: Aku tidak mengetahuinya. Sementara seorang lain ('Umar) telah berkata: Aku tidak mengetahuinya dan seorang lagi (Huzaifah) telah berkata: Aku tidak mengetahuinya. Dan lelaki ini (Ali a.s) telah berkata: Aku mengetahuinya. Lantaran itu, aku naik saksi bahawa Ali a.s adalah penjaga al-Qur'an. Dan Ketaatan kepadanya adalah difardukan (*kanat ta'atu-hu muftaradhatan*) justeru beliau adalah *Hujjah* ke atas manusia selepas Rasulullah s.a.w. Dan apa yang dikatakan olehnya tentang al-Qur'an adalah benar. Imam Ja'far a.s telah berkata: Semoga Allah merahmati anda.

(3)-3. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada al-Hasan bin Ibrahim, daripada Yunus bin Ya'qub berkata: Di sisi Abu Abdillah a.s sekumpulan para sahabatnya antaranya Humraan bin A'yan, Muhammad bin Nu'man, Hisyam bin Abu Salim, al-Tayyar dan satu kumpulan yang terdiri daripada Hisyam bin al-Hakam; seorang remaja pada masa itu, maka Abu Abdillah a.s telah berkata: Wahai Hisyam, apakah yang anda telah buat kepada 'Umru bin 'Ubaid dan bagimana anda telah bertanya kepadanya? Hisyam telah berkata: Wahai anak Rasulullah, sesungguhnya aku memuliakan anda dan menjadi malu kepada anda, lidahku tidak berfungsi di hadapan anda, maka Abu Abdillah a.s telah berkata: Apabila aku memerintahkan kamu melakukan sesuatu, maka lakukanlah. Hisyam telah berkata: Aku telah

diberitahu bahawa 'Umru bin 'Ubaid telah berada di masjid Basrah (mengajar), maka ia mencemaskan aku. Kemudian aku telah pergi ke Basrah pada hari Jumaat. Aku telah memasuki masjid Basrah, maka aku telah mendapati orang ramai mengelilingi 'Umru bin 'Ubaid yang memakai kain bulu berwarna hitam yang membaluti pinggangnya dan satu kain di atas bahunya.

Orang ramai telah bertanya kepadanya, aku telah meminta orang ramai di sekelilingnya memberi laluan kepadaku, lantas mereka melakukanya untukku. Lalu akupun duduk di atas lututku di belakang mereka. Aku telah berkata: Wahai orang alim, aku adalah orang asing di sini, adakah anda izin kepadaku untuk bertanya? Beliau telah berkata kepadaku: Ya, aku telah berkata kepadanya: Adakah anda mempunyai mata? Maka beliau telah berkata: Wahai anak lelakiku, apakah soalan semacam ini? Bagaimana anda telah bertanya soalan yang anda dapat melihatnya dengan jelas? Aku telah berkata: Tetapi ini adalah soalanku.

Beliau telah berkata: Wahai anak lelakiku, tanyalah sekalipun soalan anda itu bodoh. Aku telah berkata: Jawablah soalanku, beliau telah berkata: Tanyalah. Aku telah berkata: Adakah anda mempunyai mata? Beliau telah berkata: Ya, aku telah berkata: Apakah anda buat dengannya? Beliau telah berkata: Aku menlihat dengannya, aku telah berkata: Adakah anda mempunyai mulut? Beliau telah berkata: Ya, aku telah berkata: Apakah anda buat dengannya?

Beliau telah berkata: Aku merasai makanan dengannya. Aku telah berkata: Adakah anda mepunyai telinga? Beliau telah berkata: Ya, aku telah berkata: Apakah anda buat dengannya? Beliau telah berkata: Aku mendengar suara dengannya. Aku telah berkata: Adakah anda mempunyai hati (*al-Qalb*)? Beliau telah berkata: Ya, aku telah berkata: Apakah anda buat dengannya? Beliau telah berkata: Aku membezakan dengannya apa yang datang daripada anggota-anggota dan perasaan, aku telah berkata: Adakah anggota-anggota ini tidak memerlukan hati? Beliau telah berkata: Tidak, aku telah berkata: Bagaimana itu boleh terjadi sekiranya ia sihat dan sejahtera?

Beliau telah berkata: Wahai anak lelakiku, anggota-anggota badan apabila ia syak tentang sesuatu, maka ia mengidunya, melihatnya atau merasainya dan mendengarnya, kemudian ia mengembalikanya kepada hati, lalu ia mengembalikan keyakinan dan menghilangkan syak. Hisyam telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Tidakkah Allah menjadikan hati untuk menghilangkan syak anggota-anggota? Beliau telah berkata: Ya, maka aku telah berkata kepadanya: Wahai Abu Marwan, sesungguhnya Allah tidak meninggalkan anggota-anggota badan anda sehingga Dia menjadikan untuknya imam (*imaman*) bagi mengesahkan kebenaran dan menyakinkan apa yang disyakinya. Dia tidak meninggalkan semua makhluk di dalam kebingungan, syak dan perselisihan tanpa melantik imam untuk mereka yang membolehkan

mereka menjelaskan kebingungan dan syak mereka kepadanya sebagaimana Dia telah menjadikan untuk anda [seorang] imam bagi anggota-anggota anda. Segala kebingunan dan syak anda dirujukkan kepadanya?! Beliau telah berkata: 'Umru bin 'Ubaid telah terdiam tanpa berkata apa-apa kepadaku.

Kemudian beliau telah berpaling kepadaku sambil berkata kepadaku: Anda Hisyam bin al-Hakam? Aku telah berkata: Tidak, beliau telah berkata: Adakah anda di kalangan sahabatnya? Aku telah menjawab: Tidak, beliau telah berkata: Dari manakah anda datang? Aku telah berkata: Aku daripada ahli Kufah. Beliau telah berkata: Jika begitu, maka anda adalah beliau, kemudian beliau telah memelukku dan menjemput aku duduk bersamanya. Dan beliau terus berdiam diri sehingga aku pergi dari majlis itu. Perawi telah berkata: Abu Abdillah a.s telah tersenyum sambil berkata: Wahai Hisyam, siapakah yang telah mengajar anda semua ini? Aku telah berkata: Suatu yang aku telah mengambilnya daripada anda dan aku menyusunnya sendiri, maka beliau a.s telah berkata: Ini adalah tertulis di dalam mashaf Ibrahim dan Musa.

(4)-4. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada orang yang beliau telah menyebutnya, daripada Yunus bin Ya'qub berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdillah a.s apabila seorang lelaki dari Syam datang kepadanmya sambil berkata: Aku adalah seorang pakar di dalam bidang ilmu Kalam, Fekah dan Faraid. Aku telah datang untuk berdialog tentang para sahabat anda, lantas Abu Abdillah a.s telah berkata: Percakapan anda daripada percakapan Rasulullah s.a.w atau dari sisi anda?

Beliau telah berkata: Dari percakapan Rasulullah s.a.w dan percakapan aku, maka Abu Abdillah a.s telah berkata: Jika begitu, anda adalah bersekutu (*syarik*) Rasulullah s.a.w? Beliau telah berkata: Tidak, Abu Abdillah a.s telah berkata: Anda mendengar wahyu daripada Allah menceritakan kepada anda? Beliau telah berkata: Tidak, beliau a.s telah berkata: Anda wajib ditaati sebagaimana wajib ditaati Rasulullah s.a.w? Beliau telah berkata: Tidak, maka Abu Abdillah a.s telah berpaling kepadaku sambil berkata: Wahai Yunus bin Ya'qub, orang ini telah menentang dirinya sendiri sebelum beliau berdialog, kemudian beliau a.s telah berkata: Wahai Yunus, jika anda seorang pendebat yang baik, nescaya anda boleh berdebat dengannya. Yunus telah berkata: Alangkah tidak beruntungnya aku! Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya aku telah mendengar anda mencegah perbahasan di dalam ilmu Kalam dan berkata: Celakalah kepada mereka yang berdebat di dalam ilmu Kalam. Mereka telah berkata: Ini boleh diterima dan ini tidak boleh diterima, ini boleh dibuat kesimpulan dan ini tidak boleh dibuat kesimpulan. Ini boleh difahami dan itu tidak boleh difahami.

Maka Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya aku telah berkata: Celakalah kepada mereka sekiranya mereka meninggalkan apa yang aku telah katakan kepada mereka dan berpendapat apa yang mereka mahu. Kemudian beliau telah berkata kepadaku: Keluar ke pintu dan lihat kepada Mutakallimun serta jemput mereka masuk? Yunus telah berkata: Aku telah memasukkan Humraan bin A'yan seorang pendebat yang baik, aku telah memasukkan al-Ahwal, seorang pendebat yang baik, aku telah memasukkan Hisyam bin Salim, seorang pendebat yang baik, aku telah memasukkan Qais bin al-Masir, seorang pendebat yang paling baik di sisiku. Beliau telah mempelajari ilmu Kalam daripada Ali bin al-Husain a.s.

Manakala majlis diadakan- Abu Abdillah a.s sebelum mengerjakan haji, beliau a.s telah tinggal beberapa hari di dalam khemah di atas bukit yang berdekatan dengan al-Haram. Perawi telah berkata: Abu Abdillah a.s telah mengeluarkan kepalanya dari khemahnya, tiba-tiba beliau a.s telah melihat unta betina melompat kepadanya. Beliau a.s telah berkata: Hisyam, demi Tuhan Ka'bah, Yunus telah berkata: Kami telah menyangka bahawa Hisyam adalah daripada keturunan 'Aqil, kerana beliau a.s telah mengasihinya dengan kuat. Yunus telah berkata: Hisyam bin al-Hakam telah sampai, seorang remaja yang baru tumbuh janggutnya. Di kalangan kami tiada seorangpun yang lebih muda daripadanya.

Yunus telah berkata: Abu Abdillah a.s telah menyediakan bilik untuknya sambil berkata: Beliau adalah pembantu kami dengan hatinya, lidahnya dan tangannya. Kemudian beliau a.s telah berkata: Wahai Humraan, berdebatlah dengannya (lelaki dari Syam), lalu Humraan telah berdebat dengannya dan mengatasinya. Abu Abdillah a.s telah berkata: Wahai Taqi, berdebatlah dengannya, lalu beliau telah berdebat dengannya dan dapat mengatasinya. Al-Ahwal juga berdebat dengannya dan mengatasinya.

Kemudian Abu Abdillah a.s telah berkata: Wahai Hisyam bin Salim, berdebatlah dengannya, maka mereka adalah sama di dalam debat. Kemudian beliau a.s telah berkata kepada Qais al-Masir: Berdebatlah dengannya, lalu beliau telah berdebat dengannya. Abu Abdillah a.s telah tersenyum kerana perdebatan mereka berdua telah dapat mengatasi lelaki dari Syam itu. Beliau a.s telah berkata: kepada lelaki Syam itu: Berdebatlah dengan remaja ini-iaitu Hisyam bin al-Hakam-maka beliau berkata: Ya, sambil berkata kepada Hisyam, wahai remaja, bertanyalah aku tentang *imamah* lelaki ini (Abu Abdillah a.s), lantas Hisyam telah menjadi marah sehingga gementar, kemudian berkata kepada lelaki dari Syam itu: Wahai lelaki, adakah Tuhan anda lebih memahami makhlukNya atau makhluk-Nya lebih memahami tentang diri mereka? Lelaki dari Syam telah berkata: Tuhanku lebih memahami tentang makhluk-Nya. Hisyam telah berkata: Apakah Dia telah melakukan

kepada mereka sebagai hasil kefahaman-Nya? Beliau telah berkata: Beliau telah mendirikan *hujjah* dan dalil untuk mereka supaya mereka tidak berpecah dan berselisih faham. Beliau telah menjinakkan mereka, menyokong mereka dengan kasih sayang, menceritakan kepada mereka apa yang difardukan oleh Tuhan mereka. Hisyam telah berkata: Siapakah dia?

Lelaki daripada Syam telah berkata: Rasulullah s.a.w, Hisyam telah berkata: Siapakah selepas Rasulullah s.a.w? Beliau telah berkata: Al-Qur'an dan Sunnah. Hisyam telah berkata: Apakah al-Qur'an dan Sunnah memanfaatkan kita di dalam menghapuskan perselisihan di kalangan kita? Lelaki daripada Syam telah berkata: Ya. Beliau telah berkata: Kenapakah kita berselisih faham, aku dan anda. Anda telah datang dari Syam untuk menentang kami?

Yunus telah berkata: Lelaki dari Syam itu terdiam. Abu Abdillah a.s telah berkata kepada lelaki dari Syam itu: Kenapa anda tidak bercakap? Lelaki dari Syam telah berkata: Jika aku telah berkata: Aku tidak berselisih faham, nescaya aku berbohong dan jika aku telah berkata: Sesungguhnya al-Qur'an dan Sunnah dapat menghapuskan perselisihan di antara kita, maka aku berbohong juga kerana kedua-duanya memberi berbagai-bagai tafsiran. Dan jika aku telah berkata: Kita telah berberselisih faham (berbeza), maka setiap seorang daripada kita mendakwa bahawa beliaulah di atas kebenaran.

Justeru, al-Qur'an dan Sunnah tidak memanfaatkan kita. Tetapi aku boleh mengemukakan perkara yang sama untuk menentangnya (Hisyam). Abu Abdillah a.s telah berkata: Tanyalah beliau, nescaya anda mendapatinya bersedia untuk menjawabnya. Lelaki dari Syam telah berkata: Wahai remaja, siapakah yang lebih memahami tentang makhluk, Tuhan mereka atau mereka sendiri? Hisyam telah berkata: Tuhan mereka lebih memahami tentang diri mereka daripada mereka sendiri. Lelaki dari Syam telah berkata: Adakah Dia telah melantik untuk mereka seorang yang akan menyatukan mereka di dalam percakapan mereka, menyokong mereka, memberitahu kepada mereka kebenaran dan kebatilan?

Hisyam telah berkata: Pada masa Rasulullah s.a.w atau pada masa sekarang? Lelaki dari Syam telah berkata: Pada masa Rasulullah adalah Rasulullah s.a.w dan pada masa sekarang siapa? Hisyam telah berkata: Lelaki ini yang sedang duduk yang mana orang ramai datang kepadanya, beliau menceritakan kepada kita khabar-khabar dari langit mewarisi daripada bapa daripada datuknya. Lelaki dari Syam telah berkata: Bagaimana aku akan mengetahui perkara itu?

Hisyam telah berkata kepadanya: Tanyalah beliau apa yang terlintas di hatimu. Lelaki dari Syam telah berkata: Anda telah memotong alasanku dan sekarang aku mesti bertanya kepadanya. Abu Abdillah a.s telah berkata: Wahai lelaki dari Syam, bolehkah aku menceritakan

kepadamu tentang perjalananmu dan apakah jalan yang anda lalui? Ia adalah begini dan begitu, maka lelaki dari Syam telah berkata: Anda adalah benar, aku menyerahkan diriku kepada Allah sekarang ini juga. Aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawa Muhammad adalah pesuruh-Nya dan anda adalah wasi di kalangan [para] wasi. Kemudian Abu Abdillah a.s telah berpaling kepada Humraan dan berkata: Anda telah berdebat menurut tradisi dan anda telah melakukannya dengan tepat. Beliau a.s telah berpaling kepada Hisyam bin Salim dan berkata: Anda mahu menurut tradisi debat, tetapi anda tidak mengetahuinya.

Kemudian beliau a.s telah berpaling kepada al-Ahwal dan berkata: Anda telah berdebat dengan menggunakan kias yang pantas, anda telah memecahkan kebatilan dengan kebatilan, tetapi kebatilan anda lebih terserlah. Kemudian beliau a.s telah berpaling kepada Qais al-Masir dan berkata: Anda telah berdebat hampir menggunakan makna hadis Rasulullah s.a.w, tetapi anda telah pergi lebih jauh daripada itu. Anda telah mencampur-adukkan kebenaran dengan kebatilan sedangkan kebenaran yang sedikit adalah memadai daripada kebatilan yang banyak. Anda dan al-Ahwal adalah pantas dan bijak.

Yunus telah berkata: Demi Allah, aku telah menyangka bahawa beliau a.s akan berkata kepada Hisyam hampir sama dengan apa yang beliau a.s katakan kepada mereka berdua. Tetapi beliau a.s telah berkata kepada Hisyam: Wahai Hisyam, anda tidak akan kalah, apabila anda hampir kalah, anda mula kembali, lelaki seperti anda layak berdebat dengan orang ramai. Anda mesti menjaga diri anda dari tergelincir dan pada hari Akhirat akan ada syafaat untuk anda insya' Allah.

(5)-5. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Abban berkata: Al-Ahwal telah memberitahu kepadaku bahawa Zaid bin Ali bin al-Husain a.s telah diutus kepadanya ketika beliau sedang bersembunyi berkata: Aku telah mendatanginya, maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Wahai Abu Ja'far, apakah pendapat anda jika seorang daripada kami mengetuk pintu anda, adakah anda akan keluar bersama kami? Perawi telah berkata: Aku telah berkata: Jika beliau adalah bapa anda atau saudara lelaki anda (Imam Ja'far a.s), maka aku akan keluar bersamanya. Maka beliau telah berkata kepadaku: Aku mahu keluar menentang mereka (Bani Umayyah), maka keluarlah bersamaku. Aku telah berkata: Tidak, aku tidak akan melakukannya, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, maka beliau telah berkata kepadaku: Adakah anda mencintai diri anda lebih daripada diriku? Aku telah berkata kepadanya: Aku hanya mempunyai satu kehidupan sahaja.

Jika Allah mempunyai *Hujjah* di bumi ini, maka orang yang menyalahi anda akan selamat dan orang yang keluar [menentang] bersama anda akan binasa. Jika Allah tidak mempunyai *Hujjah* di bumi ini, maka orang yang menyalahi anda dan orang yang keluar bersama anda adalah sama. beliau telah berkata kepadaku: Wahai Abu Ja'far, akulah orang yang pernah duduk dengan bapaku di hidangan makan dan beliau telah mengambil berat tentangku.

Beliau pernah memberi kepadaku secebis makanan dan menyejukkan makanan yang panas sehingga ia menjadi sejuk, [memberi] kasih sayang kepadaku, tetapi beliau tidak kasihan belas terhadapku tentang api neraka. Jika begitu keadaannya, aku akan menceritakan kepada anda tentang agama yang mana beliau tidak menceritakan kepadaku mengenainya? Aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, antara kasihan belasnya terhadap anda bahawa beliau tidak menceritakan kepada anda tentang kepanasan api neraka kerana khuatir bahawa anda tidak akan menerimanya, lalu anda akan memasuki neraka. Beliau telah memberitahu kepadaku bahawa jika aku menerimanya, maka aku akan selamat dan beliau tidak gelisah jika aku tidak menerimanya.

Kemudian aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, adakah kamu lebih mulia daripada para nabi? Beliau a.s telah berkata: Malah para nabi, aku telah berkata: Ya'qub berkata kepada Yusuf "*Dia (ayahnya) berkata: Hai anakku, janganlah kamu menceritakan mimpimu itu kepada saudara-saudaramu, maka mereka akan menipumu*" Kenapakah Ya'qub tidak menceritakan kepada mereka sehingga mereka tidak dapat membuat rancangan jahat terhadapnya, tetapi beliau telah menyembunyikannya. Begitulah bapa anda telah menyembunyikannya daripada anda, kerana beliau khuatir ke atas diri anda.

Perawi telah berkata: Beliau telah berkata: Demi Allah, jika anda telah berkata sedemikian, maka sesungguhnya sahabat anda telah memberitahu kepadaku di Madinah bahawa aku akan dibunuh dan akan disalib di Kunasah (Kufah). Dan sesungguhnya di sisinya mashaf yang menyebut pembunuhanku dan salibku. Aku telah pergi untuk mengerjakan haji dan memberitahu kepada Abu Abdillah a.s apa yang telah dikatakan oleh Zaid dan apa yang aku telah katakan kepadanya. Maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Anda telah memerangkap beliau di hadapannya, di belakangnya, dari kanannya, dari kirinya, dari atasnya, dari bawahnya dan anda tidak memberi ruang untuk beliau berjalan ke mana-mana"

Bab 2

☼Tingkatan Para Nabi, Para Rasul Dan Para Imam A.S (*Tabaqat al-Anbiyaa' wa al-Rusul wa al-Aimmah A.S*)☼

(6)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Abu Yahya al-Wasiti, daripada Hisyam bin Salim dan Darst bin Abu Mansur, daripadanya berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Para nabi dan para rasul di atas empat tingkatan: Nabi yang diutus untuk dirinya sahaja tanpa (berdakwah) kepada orang lain; nabi yang melihat (wahyu] di dalam mimpinya, mendengar suara dan tidak melihat malaikat di masa jaga dan di atasnya seorang imam seperti Ibrahim ke atas Lut a.s; nabi yang melihat [wahyu] di dalam mimpinya, mendengar suara melihat malaikat dan diutus kepada satu kumpulan sama ada sedikit atau banyak seperti Yunus sebagaimana Allah telah berfirman kepada Yunus *"Dan Kami utus dia kepada seratus ribu orang atau lebih"*[1]

Beliau a.s telah berkata: Perkataan "lebih" (*yazidun*) adalah tiga puluh ribu orang dan di atasnya seorang imam; dan nabi yang melihat [wahyu} di dalam mimpinya, mendengar suara dan melihat malaikat semasa jaganya, maka beliau adalah seorang imam seperti *Uli al-'Azm*. Ibrahim pada mulanya adalah seorang nabi sahaja dan bukanlah seorang imam sehingga Allah telah berfirman "*Sesungguhnya Aku akan menjadikanmu imam bagi seluruh manusia" Ibrahim berkata: Dari keturunanku. Allah telah berfirman: Janji-Ku (ini) tidak mengenai orang yang zalim*"[2] Lantaran itu, sesiapa yang telah menyembah berhala tidak boleh menjadi imam.

(7)-2. Muhammad bin al-Hasan, daripada mereka yang beliau telah menyebut namanya, daripada Muhammad bin Khalid, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Zaid al-Syahham berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah mengambil Ibrahim sebagai seorang hamba sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang nabi. Sesungguhnya Dia telah mengambilnya sebagai seorang nabi sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang rasul. Sesungguhnya Allah telah mengambilnya sebagai seorang rasul sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang *khalil* dan sesungguhnya Dia telah mengambilnya sebagai seorang *khalil* sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang imam. Manakala semuanya berkumpul padanya, Dia telah berfirman "*Sesungguhnya Aku akan menjadikanmu imam*"
Disebabkan perkara ini besar di mata Ibrahim, maka beliau telah berkata: *Dari keturunanku*" Allah telah berfirman "*Janji-Ku tidak mengenai orang yang zalim"* Abu Abdillah a.s telah berkata: Orang yang bodoh (*al-Safih*) tidak boleh menjadi imam yang bertakwa".

---

[1] Surah al-Saafaat (37): 147
[2] Surah al-Baqarah (2): 124

(8)-3. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Yahya al-Khasya'i, daripada Hisyam bin Abu Ya'fur, berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Penghulu para nabi dan rasul adalah lima orang; mereka adalah *Ulu al-'Azm* di kalangan para rasul a.s di atas merekalah batu pengisar para rasul berpusing: Nuh, Ibrahim, Musa, Isa dan Muhammad s.a.w.

(9)-4. Ali bin Muhammad, daripada Sahal bin Ziad, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ishaq bin Abd al-Aziz Abi al-Safatij, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Aku telah mendegarnya berkata: Sesungguhnya Allah telah mengambil Ibrahim sebagai seorang hamba sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang nabi. Dia telah mengambilnya sebagai seorang nabi sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang rasul. Dia mengambilnya sebagai seorang rasul sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang *khalil* (teman). Dan Dia telah mengambilnya sebagai seorang *khalil* sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang imam. Manakala Dia mengumpulkan semua perkara untuknya- Beliau a.s telah memegang tangannya-Dia telah berfirman kepada Ibrahim: *Aku akan menjadikanmu imam bagi seluruh manusia*" Disebabkan perkara ini besar di mata Ibrahim, maka beliau telah berkata: *Dari keturunanku.* Allah telah berfirman: *Janji-Ku (ini) tidak mengenai orang yang zalim"*

Bab 3

☼Perbezaan Antara Rasul, Nabi Dan *Muhaddath* (*al-Farq Baina al-Rasul wa al-Nabi wa al-Muhaddath*)☼

(10)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abi Nasir, daripada Tha'labah bin Maimun, daripada Zurarah berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w "*Dan dia adalah seorang rasul dan nabi*"[3] Apakah rasul dan apakah nabi? Beliau a.s telah berkata: Nabi adalah yang melihat [malaikat] di dalam mimpinya (*al-Ladhi yara fi manami-hi*), mendengar suaranya (*wa yasma'u al-Saut*), tetapi tidak melihatnya ketika jaga (*wa la yu'ayanu al-Malak*). Rasul adalah yang mendengar suara malaikat [ketika jaga], melihatnya ketika mimpinya dan ketika jaga. Aku telah berkata: Apakah kedudukan seorang imam? Beliau a.s telah berkata: Beliau mendengar suara malaikat, tetapi tidak

[3] Surah Maryam (19): 54

melihat malaikat ketika mimpinya dan ketika jaganya (*yasma' al-Saut wa la yara wa la yu'ayinu al-Malak*). Kemudian beliau a.s telah membaca firman-Nya "*Dan Kami tidak mengutus seorang rasulpun dan tidak (pula) seorang nabi*"[4] dan tidak pula seorang *muhaddath* (imam)[5].

(11)-2. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ismail bin Marrar berkata: Al-Hasan bin al-'Abbas al-Ma'rufiy telah menulis kepada al-Ridha a.s a.s: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah perbezaan antara rasul, nabi dan imam? Perawi telah berkata: Maka beliau a.s telah menulis atau berkata: Perbezaan antara rasul, nabi dan imam bahawa sesungguhnya rasul adalah yang didatangi oleh Jibrail, maka beliau melihatnya, mendengar percakapannya dan wahyu diturunkan ke atasnya (*al-Rasul yanzilu 'alai-hi Jibrail fa-yara-hu wa yasma u kalama-hu wa yanzilu 'alai-hi al-Wahyu*) beliau melihat[nya] di dalam mimpinya seperti mimpi nabi Ibrahim a.s. Dan nabi sama ada beliau mendengar percakapan malaikat atau beliau melihatnya tanpa mendengarnya (*al-Nabi rubbama sami'a al-Kalam wa rubbama ra'a al-Syakhs wa lam yasma'*). Sementara imam adalah yang mendengar percakapan malaikat dan tidak melihatnya (*al-Imam huwa al-Ladhi yasma' al-Kalam wa la yara al-Syakhs*)

(12)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada al-Ahwal berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang rasul, nabi dan *muhaddath* [6], beliau a.s telah berkata: Rasul adalah yang didatangi oleh Jibrail secara berdepan, lalu beliau melihatnya dan bercakap dengannya, maka ini adalah rasul (*al-Rasul al-Ladhi ya'ti-hi Jibrail qubulan fa-yara-hu wa yukallimu-hu fa-hadha al-Rasul*). Adapun nabi, maka belaiu melihat [malaikat] di dalam mimpinya seperti mimpi Ibrahim a.s dan mimpi Rasulullah s.a.w tentang sebab-sebab kenabian sebelum turunnya wahyu sehingga Jibrail mendatanginya daripada Allah dengan risalah. Muhammad s.a.w ketika terkumpul sifat kenabian dan risalah, Jibrail telah mendatanginya dari sisi Allah dan bercakap kepadanya mengenainya secara berdepan. Di kalangan para nabi ada yang melihat [malaikat] di dalam mimpinya, didatangi oleh *al-Ruh* (malaikat) dan bercakap dengannya tanpa melihatnya ketika jaga. *Muhaddath* adalah yang dicakapkan kepadanya (*muhaddath*), lantas beliau mendengar [suara malaikat], tetapi beliau tidak melihat dengan matanya atau beliau tidak melihat di dalam

---

[4] Surah al-Hajj (22):52
[5] Menurut Imam Ja'far al-Sadiq a.s bahawa terdapat perkataan "*wa la muhaddath*" selepas ayat tersebut, tetapi ia tidak ada di dalam mashaf Uthman.
[6] Tentang *muhaddath*, lihat al-Bukhari, *Sahih*, iv, hlm. 221, v, hlm15, Muslim, *Sahih*, vii, hlm. 115, Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*, vi, hlm. 55 dan lain-lain.

mimpinya *(al-Muhaddath fa-huwa al-Ladhi yuhaddath fa-yasma‘, wa la yu‘ayan wa la yara fi manami-hi)*.

(13)-4. Ahmad bin Muhammad dan Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ali bin Hassan daripada Ibn Fadhdhal, daripada Ali bin Ya‘qub al-Hasyimiy, daripada Marwan bin Muslim, daripada Buraid, daripada Abu Ja‘far dan Abu Abdillah a.s tentang firman-Nya "*Dan Kami tidak mengutus seorang rasulpun dan tidak (pula) seorang nabi*"[7] (dan tidak pula seorang yang dicakapkan kepadanya (*muhaddath*)? Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, ini bukanlah bacaan kita, maka apakah rasul, nabi dan *muhaddath*? Beliau a.s telah berkata: Rasul adalah yang mana malaikat menampakkan dirinya kepadanya dan bercakap kepadanya (*al-Rasul yazharu la-hu al-Malak fa-yukallimu-hu*).

Dan nabi adalah yang melihat [malaikat] di dalam mimpinya (*al-Nabi huwa al-Ladhi yara fi manami-hi*). Kemungkinan terkumpulnya kenabian dan kerasulan pada seseorang. Sementara *muhaddath* mendengar suara [malaikat], tetapi tidak melihat bentuknya (*al-Muhaddath al-Ladhi yasma‘ al-Saut wa la yara al-Surah*). Aku telah berkata: Mudah-mudahan Allah membuatkan semua perkara benar untuk anda- bagaimana beliau mengetahui bahawa apa yang beliau melihat di dalam mimpinya itu benar dan ia daripada malaikat? Beliau a.s telah berkata: Beliau diberikan taufik kepada kebenaran sehingga beliau mengetahuinya, Allah telah menamatkan kitab-kitab dengan kitab kamu dan menamatkan para nabi dengan nabi kamu.

Bab 4

☼Sesungguhnya *Al-Hujjah* Tidak Dapat Diperkukuhkan Untuk Allah Ke Atas Makhluk-Nya Kecuali Melalui Seorang Imam (*anna al-Hujjah la taqumu li-llah ‘ala khalqi-hi illa bi-imam*)☼

(14)-1. Muhammad bin Yahya al-‘Attar, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ibn Abi ‘Umair, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Daud al-Raqiy, daripada al-‘Abd al-Salih berkata: Sesungguhnya *Al-Hujjah* tidak dapat diperkukuhkan ke atas makhluk-Nya kecuali melalui seorang imam yang diakui"

(15)-2. Al-Hasan bin Muhammad, daripada Mu‘alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali al-Wasya’ berkata: Aku telah mendengar al-Ridha a.s berkata: Sesungguhnya Abu Abdillah a.s telah berkata: *Al-*

[7] Surah al-Hajj (22):52

Hujjah tidak dapat diperkukuhkan untuk Allah a.w ke atas makhluk-Nya kecuali melalui seorang imam yang diakui"

(16)-3. Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada 'Ubbad bin Sulaiman, daripada Sa'd bin Sa'd daripada Muhammad bin 'Ammarah, daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah berkata: Sesungguhnya Abu Abdillah a.s telah berkata: *Al-Hujjah* tidak dapat diperkukuhkan untuk Allah a.w ke atas makhluk-Nya kecuali melalui seorang imam yang diakui"

(17)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin Muhammad, daripada al-Baraqiy, daripada Khalaf bin Hammad, daripada Abban bin Taghlab berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Al-*Hujjah* adalah sebelum penciptaan, bersama penciptaan dan selepas penciptaan"[8] (*al-Hujjah qabl al-Khlq wa ma'a al-Khalq wa ba'd al-Khalq*).

Bab 5

☼Sesungguhnya Bumi Tidak Pernah Sunyi Daripada *Al-Hujjah* (*anna al-Ardh la takhlu min al-Hujjah*)☼

(18)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin Abu 'Umair, daripada al-Husain bin Abi al-'Ala' berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Bolehkah bumi ini wujud tanpa seorang imam? Beliau a.s telah berkata: Tidak. Aku telah berkata: Bolehkan ada dua imam (pada satu masa)? Beliau a.s telah berkata: Tidak, melainkan salah seorang daripada mereka berdiam diri (*samit*).

(19)-2. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Muhammad bin Abi 'Umair, daripada Mansur bin Yunus dan Sa'dan bin Muslim, daripada Ishaq bin 'Ammar, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Sesungguhnya bumi tidak sunyi melainkan padanya seorang imam. Apabila mukminun menambahkan sesuatu, maka beliau mengembalikan mereka kepada kebenaran (*radda-hum*) dan jika mereka mengurangkan sesuatu, maka beliau menyempurnakannya untuk mereka (*atamma lahum*).

20)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Rabi' bin Muhammad al-Musalli, daripada Abdullah bin Sulaiman al-'Amiri, daripada Abu Abdillah a.s

[8] Ini bermakna: Penciptaan para imam a.s adalah sebelum penciptaan makhluk lain, kewujudan mereka sentiasa bersama makhluk dan selepas ketiadaannya.

telah berkata: Selagi bumi masih berterusan, maka bagi Allah *Hujjah* padanya yang memperkenalkan halal dan haram dan menyeru manusia kepada jalan Allah.

(21)-4. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada al-Husain bin Abi al-'Ala', daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Adakah bumi akan wujud tanpa seorang imam? Beliau a.s telah berkata: Tidak.

(22)-5. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus, daripada Ibn Maskan, daripada Abu Basir, daripada salah seorang daripada dua imam a.s[9] berkata: Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah tidak akan membiarkan bumi tanpa seorang alim[10]. Jika ia tidak ada, maka kebenaran tidak akan diketahui daripada kebatilan.

(23)-6. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Qasim bin Muhammad daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah adalah lebih mulia dan lebih dihormati dari meninggalkan bumi tanpa seorang imam yang adil (*bi-ghairi imam 'adil*)

(24)-7. Ali bin Muhammad, daripada Sahal bin Ziad, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Abu Usamah dan Hisyam bin Salim daripada Abu Hamzah, daripada Abu Ishaq, daripada sahabat Amir al-Mukminin a.s yang dipercayai sesungguhnya Amir al-Mukmin a.s telah berkata: Wahai Tuhanku, sesungguhnya Engkau tidak akan mengosongkan bumi Engkau tanpa *Hujjah* Engkau".

(25)-8. Ali bin Ibrahim daripada Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu Hamzah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Beliau a.s telah berkata: Demi Allah, Allah tidak meninggalkan bumi semenjak Adam a.s mati melainkan padanya seorang imam yang mana dengannya [manusia] dapat pertunjuk kepada Allah, beliaulah *Hujjah*-Nya ke atas hamba-hamba-Nya. Bumi tidak akan wujud melainkan padanya seorang imam yang menjadi *Hujjah* Allah ke atas makhluk-Nya".

(26)-9. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada sebahagian daripada sahabat kami, daripada Abu Ali bin Rasyid berkata: Abu al-Hasan a.s telah berkata: Sesungguhnya

[9] Imam Ja'far atau Imam al-Baqir a.s
[10] Seorang imam.

bumi tidak sunyi daripada *Hujjah* dan aku, demi Allah, adalah *Hujjah* itu"

(27)-10. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Bolehkah bumi tinggal tanpa seorang imam? Beliau a.s telah berkata: Tidak, aku telah berkata: Kami diriwayatkan daripada Abu Abdillah a.s bahawa bumi tidak boleh tinggal tanpa seorang imam melainkan Allah memarahi ke atas penduduk bumi atau ke atas hamba-hamba-Nya, maka beliau a.s telah berkata: Tidak, bumi tidak boleh tinggal sedemikian, maka ia akan menjadi lumpur"

28)-12. Ali, daripada Muhammad bin Isa, daripada Abu Abdillah al-Mu'min, daripada Abu Harasah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Jika seorang imam dibuang dari bumi sekalipun satu jam, nescaya ia akan menggulung penghuninya sebagaimana lautan menggulung penghuninya"

(29)-13. Al-Hasan bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasya' berkata: Aku telah bertanya Abu al-Hasan al-Ridha a.s bolehkah bumi tinggal tanpa seorang imam? Beliau a.s telah berkata: Tidak, aku telah berkata: Kami diriwayatkan bahawa bumi tidak tinggal melainkan Allah memarahi ke atas hamba-hamba-Nya? Beliau a.s telah berkata: Bumi tidak akan tinggal [tanpa seorang imam], jika tidak, ia akan menjadi lumpur"

Bab 6

☼Jika Tidak Tinggal Di Bumi Kecuali Dua Orang Lelaki, Nescaya Salah Seorang Daripada Mereka Berdua Adalah *Al-Hujjah* (*anna-hu lau lam yabqa fi al-Ardh illa rajulani la-kana ahadu-hu-ma al-Hujjah*)☼

(30)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Ibn al-Tayyar berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Jika tidak tinggal di bumi kecuali dua orang lelaki, nescaya salah seorang daripada mereka berdua adalah *al-Hujjah*".

(31)-2. Ahmad bin Idris dan Muhammad bin Yahya mereka berdua, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Isa Ibn 'Ubaid, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Hamzah bin al-Tayyar,

daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Jika dua orang tinggal, nescaya salah seorang daripada mereka berdua adalah *al-Hujjah* di atas sahabatnya"

Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Muhammad bin Isa adalah seperti di atas.

(32)-3. Muhammad bin Yahya, daripada mereka yang beliau telah menyebutnya, daripada al-Hasan bin Musa al-Khasysyab, daripada Ja'far bin Muhammad daripada Kiram berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Jika manusia ada dua orang lelaki sahaja, nescaya salah seorang daripadanya adalah seorang imam" Dan beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya orang yang paling akhir mati adalah seorang imam (*inna akhir man yamut al-Imam*) supaya seorang tidak akan berhujah dengan Allah bahawa Dia telah meninggalkannya tanpa seorang *Hujjah* bagi Allah ke atasnya"

(33)-4. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad al-Barqiy, daripada Ali bin Ismail, daripada Ibn Sinan, daripada Hamzah bin al-Tayyar berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s berkata: Jika tidak tinggal di bumi kecuali dua orang, nescaya salah seorang daripadanya adalah *al-Hujjah*"- Atau yang keduanya adalah *al-Hujjah*-Syak (riwayat) adalah daripada Ahmad bin Muhammad.

(34)-5. Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada al-Nahdiy, daripada bapanya, daripada Yunus bin Ya'qub, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Jika tidak ada di bumi kecuali dua orang, nescaya salah seorang daripada mereka berdua adalah seorang imam"

Bab 7

☼Mangenali Seorang Imam Dan Merujuk [segala perkara] Kepadanya (*Ma'rifat al-Imam wa al-Radd ilai-hi*)☼

(35)-1. Al-Hasan bin Muhamad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali al-Wasya' berkata: Muhammad bin al-Fudhail telah menriwayatkan kami, daripada Abu Hamzah berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata kepadaku: Sesungguhnya Allah disembah oleh orang yang mengenaliNya. Adapun orang yang tidak mengenali Allah, maka sesungguhnya beliau menyembahnya sedemikian di dalam keadaan sesat. Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah *ma'rifatullah*? Beliau a.s telah berkata: Membenarkan Allah a.w

(*tasdiq*), membenarkan Rasul-Nya dan mewalikan Ali a.s sebagai seorang imam serta para imam yang mendapat pertunjuk [selepasnya], pelepasan diri kepada Allah daripada musuh-musuh mereka. Demikianlah Allah dikenali"

(36)-2. Al-Hasan, daripada Mu'alla, daripada al-Hasan bin Ali, daripada Ahmad bin 'Aidh, daripada bapanya, daripada Ibn Uzinah berkata: Beberapa orang telah memberitahu kepada kami, daripada salah seorang daripada dua imam[11] a.s telah berkata: Seorang itu tidak menjadi mukmin sehingga beliau mengetahui Allah, Rasul-Nya dan para imam semua mereka termasuk imam pada zamannya, beliau merujukkan [semua perkara] kepadanya dan menerimanya. Kemudian beliau a.s telah berkata: Bagaimana beliau mengetahui yang akhir[12] sedangkan beliau tidak mengetahui yang pertama[13]?

(37)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-hasan bin Mahbub, daripada Hisyam bin Salim, daripada Zurarah berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: Beritahukan kepadaku pengetahuan tentang imam (*ma'rifat al-Imam*) daripada kamu wajib di atas semua makhluk? Maka beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah a. w telah mengutus Muhammad s.a.w sebagai seorang Rasul kepada semua manusia dan *Hujjah* bagi Allah ke atas semua makhluk-Nya di bumi-Nya.

Lantaran itu, sesiapa yang telah beriman dengan Allah dan dengan Muhammad Rasulullah, mengikutinya, membenarkannya, maka pengetahuan tentang imam daripada kami (*ma'rifat al-Imam min-na*) adalah wajib ke atasnya. Sesiapa yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, lalu tidak mengikutinya dan membenarkannya dan tidak mengetahui hak kedua-duanya, bagaimana beliau wajib mengetahui imam sedangkan beliau tidak beriman dengan Allah, Rasul-Nya dan tidak mengetahui hak kedua-duanya?

Aku telah berkata: Apakah pendapat anda tentang mereka yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, membenarkan Rasul-Nya pada apa yang diturunkan Allah, adakah wajib ke atas mereka mengetahui hak kamu? Beliau a.s telah berkata: Ya, tidakkah mereka mengetahui polan dan polan?[14] Aku telah berkata: Ya, beliau a.s telah berkata: Tidakkah anda terfikir bahawa Allah telah meletakkan di hati mereka pengetahuan tentang para imam a.s? Demi Allah, Syaitan telah meletakkan perkara itu [15] pada hati mereka, tidak, demi Allah, hanya

[11] Imam al-Baqir atau Imam Ja'far a.s
[12] Imam yang kedua belas.
[13] Imam Ali a.s.
[14] Abu Bakr dan Umar.
[15] Pengetahuan mereka tentang Abu Bakr dan Umar.

Allah a.w yang telah memberi ilham kepada mukminin tentang hak kami”

(38)-4. Daripadanya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada 'Umru bin Abu al-Miqdam, daripada Jabir berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah a.w diketahui dan disembah oleh orang yang mengetahui Allah dan mengetahui imamnya daripada kami Ahlu l-Bait. Sesiapa yang tidak mengetahui Allah a.z dan ([tidak] mengetahui imam daripada kami Ahlu l-Bait, maka sesungguhnya beliau mengetahui dan menyembah selain daripada Allah. Demi Allah, beliau adalah sesat (*wa man la ya'rif Allah a.z wa la ya'rif al-Imam min-na Ahlu l-Bait fa-inna-ma ya'rifu wa ya'budu ghaira llah ha-kadha wa llahi dalalan*)

(39)-5. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Fadhalah bin Ayyub, daripada Mu'awiyah bin Wahab, daripada Dhuraih berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang para imam selepas s.a.w, maka beliau a.s telah berkata: Amir al-Mukminin adalah seorang imam, kemudian al-Hasan seorang imam, kemudian al-Husain seorang imam, kemudian Ali bin al-Husain seorang imam. Kemudian Muhammad bin Ali seorang imam. Sesiapa yang mengingkari mereka, maka beliau sepertilah mengingkari pengetahuan tentang Allah (*ma'rifat Allah*) dan pengetahuan tentang Rasul-Nya s.a.w. Kemudian aku telah berkata: Kemudian anda, aku telah menjadikan diriku tebusan anda- aku telah mengulanginya sebanyak tiga kali-, maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Sesungguhnya aku telah meriwayatkannya kepada anda supaya anda terdiri di kalangan para saksi Allah di bumi-Nya”

(40)-6. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Khalid, daripada bapanya, daripada orang yang beliau telah menyebutnya, daripada Muhammad bin Abd al-Rahman bin Abu Laila, daripada bapanya, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya kamu tidak menjadi soleh (*la takunu salihin*), sehingga kamu mengetahui; dan kamu tidak mengetahui sehingga kamu membenarkan; dan kamu tidak membenarkan sehingga kamu menyerah kepada empat pintu[16]. Yang pertamanya tidak ada guna melainkan dengan akhirnya. Tersesatlah mereka yang mengikuti sahabat yang tiga[17] akan kesesatan yang jauh (*wa dalla ashab al-Thalathah wa tahu taihan ba'idan*).

[16] Taubat dari syirik, kepercayaan kepada tauhid dan risalah, amalan soleh dan mengetahui *Hujjah* Allah.
[17] Abu Bakr, Umar dan Uthman.

Sesungguhnya Allah tidak akan menerima melainkan amalan soleh dan Allah tidak akan menerima [amalan soleh] melainkan mencukupi syarat-syarat dan perjanjian-perjanjian. Sesiapa yang menyempurnakan segala syarat-Nya dan melaksanakan sebagaimana diceritakan olehNya di dalam janiji-Nya, nescaya beliau akan mendapati apa yang ada di sisi-Nya dan Dia melaksanakan apa yang Dia telah menjanjikannya. Sesungguhnya Allah telah memberitahu kepada hamba-Hamba-Nya jalan-jalan pertunjuk dan menyalakan untuk mereka lampu-lampu isyarat dan memberitahu kepada mereka bagaimana mereka berjalan. Maka Dia telah berfirman "*Sesungguhnya Aku Maha Pengampun bagi orang yang bertaubat, beriman, beramal soleh, kemudian tetap di jalan yang benar*"[18]. Dan Dia telah berfirman "*Sesungguhnya Allah hanya menerima (korban) dari mereka yang bertakwa*"[19]

Oleh itu, sesiapa yang bertakwa kepada Allah dengan menuruti apa yang telah diperentahkan oleh Allah kepadanya, maka beliau akan berjumpa dengan Allah sebagai mukmin yang menuruti apa yang telah dibawa oleh Muhammad s.a.w. Jauh bagi mereka yang telah hilang peluang dan mati sebelum mendapat hidayat serta menyangka bahawa mereka telah beriman, tetapi mereka telah melakukan syirik kepada Allah tanpa mereka mengetahuinya.

Sesiapa yang memasuki rumah-rumah menerusi pintu-pintunya, maka dia mendapat pertunjuk. Sesiapa yang mengambil selain daripadanya, maka dia melalui jalan yang rosak. Allah telah menyambungkan ketaatan kepada wali-Nya (*waliy al-Amr*) dengan ketaatan kepada Rasul-Nya.

Dan ketaatan kepada Rasul-Nya dengan ketaatan kepada-Nya. Justeru sesiapa yang tidak mentaati *Uli al-Amr*, maka dia tidak mentaati Allah dan Rasul-Nya. Iaitu sebagai pengakuan kepada apa yang telah diturunkan dari sisi Allah a.w "*Pakailah pakaian yang indah di setiap masjid*"[20] dan dapatkanlah rumah-rumah yang "*diperintahkan untuk dimuliakan dan disebut nama-Nya*"[21] Sesungguhnya Dia telah menceritakan kepada kamu bahawa mereka "*Lelaki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jual beli dari mengingati Allah dan (dari) mendirikan sembahyang dan (dari) membayarkan zakat. Mereka takut kepada suatu hari yang (di hari itu) hati dan penglihatan menjadi goncang*"[22].

Sesungguhnya Allah telah memilih para rasul untuk melaksanakan urusan-Nya. Kemudian Dia telah memilih mereka untuk membenarkan peringatan-Nya, maka Dia telah berfirman "*Dan tidak ada suatu*

---

[18] Surah Taha (20): 82.
[19] Surah al-Ma'idah (5): 27.
[20] Surah al-A'raaf (7):31
[21] Surah al-Nuur (24):36
[22] Surah al-Nuur (24):37

umatpun melainkan telah ada padanya seorang pemberi peringatan"[23]. Sesungguhnya telah sesatlah orang yang jahil dan mendapat hidayah orang yang melihat dan memahaminya. Sesungguhnya Allah a.w berfirman "*Sesungguhnya bukan mata itu yang buta, tetapi yang buta ialah hati di dalam dada*"[24]. Justeru bagaimana orang yang tidak dapat melihat akan mendapat pertunjuk? Bagaimana orang yang tidak memikir secara mendalam akan melihat? Ikutilah Rasulullah dan Ahlu l-Baitnya. Perakuilah apa yang telah diturunkan dari sisi Allah dan ikutilah kesan-kesan petunjuk, kerana mereka adalah alamat amanah dan ketakwaan.

Ketahuilah sesungguhnya jika seorang itu mengingkari Isa Ibn Maryam a.s dan mengakui orang yang selain daripadanya di kalangan para rasul, maka beliau bukanlah seorang mukmin. Ikutilah jalan dengan mendapatkan lampu isyarat (*al-Manar*) dan dapatilah kesan-kesan di sebalik hijab, nescaya kamu akan menyempurnakan urusan agama kamu dan kamu beriman dengan Allah tuhan kamu.

(41)-7. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Muhammad bin al-Husain bin Saghir, daripada orang yang telah meriwayatkannya, daripada Ruba'i bin Abdullah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Allah telah enggan melakukan perkara-perkara melainkan dengan sebab-sebab. Lantaran itu, Dia telah menjadikan setiap sesuatu sebabnya. Dia telah menjadikan setiap sebab itu penerangan. Dia telah menjadikan setiap penerangan itu ilmu. Dan Dia telah menjadikan setiap ilmu itu pintu yang bercakap[25]. Sesiapa yang mengetahuinya, maka beliau mengetahuinya. Sesiapa yang tidak mengetahuinya, maka beliau tidak mengetahuinya. Inilah Rasulullah s.a.w dan kami.

(42)-8. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Safwan bin Yahya, daripada al-'Ala' bin Razin daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Setiap orang yang mentaati Allah dengan ibadat yang memenatkan dirinya, tetapi beliau tidak mempunyai seorang imam untuknya daripada Allah, maka ibadatnya tidak diterima; beliau adalah sesat dan kebingungan. Allah benci kepada amalannya. Orang seperti itu adalah seperti seekor biri-biri yang tersesat jauh daripada kumpulannya dan gembalanya, berjalan ke sana dan ke sini di sepanjang hari. Apabila malam tiba, maka ia melihat sekumpulan kambing bersama gembalanya, lalu ia pergi kepadanya dan ia tertipu dengannya. Kemudian ia telah bermalam bersamanya di kandangnya.

[23] Surah Faatir (35): 24
[24] Surah al-Hajj (22):46
[25] Memberi jawapan.

Manakala gembala mengembala biri-birinya, maka ia menolak gembalanya dan kumpulannya. Ia berjalan di dalam kebingungan mencari gembalanya dan kumpulannya.

Kemudian ia telah melihat kepada sekumpulan biri-biri yang lain bersama gembalanya, lalu ia telah pergi kepadanya dan ia tertipu dengannya pula. Gembala itu telah melaung: Berhubunglah dengan gembala anda dan kumpulan anda. Anda adalah sesat dan kebingungan dari gembala anda dan kumpulan anda. Kemudian kambing biri-biri itu melarikan diri di dalam ketakutan dan kebingungan tanpa gembalanya yang menunjukkannya ke padang rumput atau pulang ke tempatnya. Di dalam keadaan sedemikian, serigala telah mengambil kesempatan, lalu memakannya. Demikianlah, demi Allah, wahai Muhammad, sesiapa daripada umat ini yang tidak mempunyai seorang imam yang zahir dan adil baginya daripada Allah a.w, maka beliau adalah sesat dan kebingungan.

Jika beliau mati di dalam keadaan ini, maka beliau mati dengan kematian kufur dan *nifaq* (*in mata 'ala hadhi-hi al-Halah mata maitata kufr wa nifaq*). Ketahuilah, wahai Muhammad, sesungguhnya para imam yang zalim dan pengikut-pengikut mereka terpisah daripada agama Allah (*la-ma'zulun 'an dini llah*). Mereka telah sesat dan menyesatkan, justeru, amalan-amalan yang mereka kerjakan "*adalah seperti debu ditiup angin dengan keras pada suatu hari yang berangin kencang. Mereka tidak dapat mengambil manfaat sedikitpun dari apa yang mereka telah usahakan. Yang demikian itu adalah kesesatan yang jauh*"[26].

(43)-9. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Abdullah bin Abd al-Rahman, daripada al-Haitham bin Waqid, daripada Muqrin berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Ibn al-Kawa' telah mendatangi Amir al-Mukminin a.s, maka beliau telah berkata: Wahai Amir al-Mukmin, "*Dan di atas A'raf itu lelaki yang mengenal masing-masing dari dua golongan itu dengan tanda-tanda mereka*" [27]Lalu beliau a.s telah berkata: Kamilah di atas al-A'raaf, kami mengetahui pembantu-pembantu kami dengan tanda-tanda mereka. Kamilah al-A'raaf yang mana Allah tidak dapat dikenali kecuali dengan jalan kami.

Kamilah al-A'raaf yang Allah akan memperkenalkan kami pada hari Kiamat di al-Sirat. Tidak seorangpun akan memasuki syurga melainkan beliau mengetahui kami dan kami mengetahuinya dan tidak seorangpun yang akan memasuki neraka melainkan beliau menentang kami dan kami pula menentang nya. Sesungguhnya Allah, jika Dia mahu, nescaya

[26] Surah Ibrahim (14): 18
[27] Surah al-A'raaf (7): 46

Dia memperkenalkan diri-Nya kepada hamba-hamba-Nya, tetapi Dia telah menjadikan kami pintu-pintu-Nya, Sirat-Nya, jalan-Nya dan wajah yang didatangi daripadaNya. Sesiapa yang berpaling daripada wilayah kami atau melebihkan orang lain ke atas kami, nescaya mereka "*menyimpang dari jalan yang lurus*"[28] Tidaklah sama mereka yang berpegang kepadanya[29] tidaklah sama mereka yang pergi kepada mata-mata air yang kotor yang terpancar sesama sendiri dengan mereka yang pergi kepada mata-mata air yang bersih mengalir dengan perintah Tuhan-Nya, tidak akan kering dan tidak akan terputus.

(44)-10. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ali bin Muhammad, daripada Bakr bin Salih, daripada al-Rayyaan bin Syabib, daripada Yunus, daripada Abu Ayyub al-Khazzaaz, daripada Abu Hamzah berkata: Abu Ja'far a. s berkata: Wahai Abu Hamzah, apabila seorang daripada kamu keluar beberapa farsakh sahaja, maka beliau mendapatkan seorang petunjuk untuk dirinya, tetapi anda dengan jalan-jalan langit lebih jahil daripada jalan-jalan bumi. Lantaran itu, dapatkanlah seorang petunjuk untuk anda.

(45)-11. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus, daripada Ayyub bin al-Hurr, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w "*Dan sesiapa yang diberi hikmah, sesungguhnya diberi kebajikan yang banyak*"[30] Maka beliau a.s telah berkata: Ketaatan kepada Allah dan mengetahui imam[31].

(46)-12. Muhammad bin Yahya, daripada Abdullah bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Abban, daripada Abu Basir berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata kepadaku: Adakah anda telah mengetahui imam anda? Aku telah berkata: Ya, iaitu sebelum aku keluar dari Kufah, maka beliau a.s telah berkata: Jika begitu, maka ia memadai bagi anda".

(47)-13. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Ismail, daripada Mansur bin Yunus, daripada Buraid berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata tentang firman Allah "*Dan adakah orang yang telah mati, maka Kami menghidupkannya kembali dan kami menjadikan untuknya cahaya dan dengan cahaya itu dia dapat berjala di tengah-tengah orang ramai*" Maka beliau a.s telah berkata: Mayat (*maitan*) adalah yang tidak mengetahui sesuatu dan "*dengan cahaya itu dia dapat berjalan di tengah-tengah orang ramai*" Iaitu imam yang diikuti "*serupa dengan orang yang*

[28] Surah al-Mu'minun (23): 74
[29] Seorang imam daripada Ahlu l-Bait a.s
[30] Surah al-Baqarah (2): 269
[31] Yang dilantik oleh Allah

keadaannya berada di dalam kegelapan yang sekali-kali tidak dapat keluar daripadanya?[32] Beliau a.s telah berkata: Orang yang tidak mengetahui imam[33].

(48)-14. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Uramah dan Muhammad bin Abdullah, daripada Ali bin Hassan, daripada Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Abu Abdillah al-Jadali telah datang kepada Amir al-Mukminin a.s, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Abdillah, adakah aku akan memberitahu anda tentang firman Allah a.w: "*Dan sesiapa yang membawa kebaikan, maka ia memperoleh (balasan) yang lebih baik daripadanya, sedang mereka itu adalah aman tenteram daripada kejutan yang dahsyat pada hari itu. Dan sesiapa yang membawa kejahatan, maka disungkurkanlah muka mereka ke dalam neraka. Tiadalah kamu dibalasi, melainkan (setimpal) dengan apa yang dahulu kamu kerjakan*" ?[34]

Beliau telah berkata: Ya, wahai Amir al-Mukminin a.s, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, maka beliau a.s telah berkata: Kebaikan (*al-Hasanaat*) adalah mengenali wilayah [Ahlu l-Bait] a.s dan mencintai kami Ahlu l-Bait (*ma'rifat al-Wilayah wa hubbu-na Ahlu l-Bait*). Dan kejahatan (*al-Sayyi'aat*) adalah mengingkari wilayah (Ahlu l-Bait) dan membenci kami Ahlu l-Bait (*ingkar al-Wilayah wa baghdu-na ahlu l-Bait*), kemudian beliau a.s telah membaca ayat ini.

Bab 8

[32] Surah al-An'aam (6): 122
[33] Daripada Ahlu l-Bait a.s
[34] Surah al-Naml (27): 89-90

Bab 8

☼Fardu Mentaati Para Imam A.S (*Fardh ta'at al-A'immah*)☼

(49)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Hammad bin Isa, dariapda Huraiz, daripada Zurarah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Puncak segala perkara, ketinggiannya, kuncinya, pintunya dan keredaan Yang Maha Pemurah adalah ketaatan kepada Imam selepas mengetahuinya (*Dhirwat al-Amr wa sinamu-hu wa miftahu-hu wa bab al-Asyya' wa Ridha al-Rahman tabaraka wa ta'ala al-Ta'at li-l-Imam ba'da ma'rifati-hi*). Kemudian beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah berfirman: "*Sesiapa yang mentaati Rasul itu, sesungguhnya ia telah mentaati Allah. Dan sesiapa yang berpaling (dari ketaatan itu), maka Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pemelihara bagi mereka*"[1]

(50)-2. Al-Husain bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali al-Wasya', daripada Abban bin Uthman, daripada Abu al-Sabaah berkata: Aku naik saksi bahawa aku telah mendengar Abu Abdillah a.s berkata: Aku naik saksi bahawa Ali adalah seorang imam yang mana ketaatan kepadanya difardukan oleh Allah (*Imam farada llahu ta'ata-hu*). Sesungguhnya al-Hasan adalah seorang imam yang mana ketaatan kepadanya difardukan oleh Allah. Sesungguhnya al-Husain adalah seorang imam yang mana ketaatan kepadanya difardukan oleh Allah. Sesungguhnya Ali bin al-Husain adalah seorang imam yang mana ketaatan kepadanya difardukan oleh Allah dan sesungguhnya al-Husain bin Ali adalah seorang imam yang mana ketaatan kepadanya difardukan oleh Allah".

(51)-3. Daripada sanad-sanad yang sama, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali berkata: Hammad Ibn Uthman telah memberitahu kami, daripada Basyir bin al-'Atar berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Kami adalah golongan yang mana Allah memfardukan ketaatan kami [kepada makhluk] sedangkan kamu mengikuti seorang yang mana orang ramai tidak dimaafkan tanpa mengetahuinya" (*nahnu qaum farada llahu ta'ata-na wa antum ta'tammun bi-man la ya'dhur al-Nas bi-jahalati-hi*).

(52)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muahammad, Daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Hammad bin Isa, daripada al-Husain bin al-Mukhtar, daripada sebahagian daripada sahabat kami,

[1] Surah al-Nisaa' (4): 80

daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah *"Dan kami telah memberikan kepadanya kerajaan yang besar"*[2] Beliau a.s telah berkata: Ketaatan yang difardukan (*al-Ta'at al-Mafrudah*).

(53)-5. Daripada beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Abu Khalid al-Qammat, daripada Abu al-Hasan al-'Atar berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Para wasi dan para rasul bersyarikat di dalam ketaatan"[3]

(54)-6. Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Abu 'Umair, daripada Saif bin 'Umairah, daripada Abu al-Sabah al-Kinani, berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Kamilah golongan yang mana Allah a.w memfardukan ketaatan kami. *Al-Anfaal* adalah untuk kami, harta yang bersih adalah untuk kami. Kamilah yang teguh dengan ilmu dan kamilah yang didengki sebagaimana firman-Nya *"Ataukah mereka dengki kepada manusia (Muhammad) lantaran kelebihan yang Allah berikan kepada manusia itu"*[4]

(55)-7. Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada al-Husain bin Abu al-'Ala' berkata: Aku telah menyebut kepada Abu Abdillah a.s pendapat kami tentang para wasi bahawa ketaatan mereka adalah difardukan, maka beliau a.s telah berkata:Ya, merekalah yang difirmankan oleh Allah *"Wahai mereka yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya) dan Uli Amri di kalangan kamu"*[5] Dan merekalah yang difirmankan oleh Allah *"Sesungguhnya wali kamu adalah Allah dan Rasul dan mereka yang beriman"*[6]

(56)-8. Daripada sanad-sanad yang sama, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Mu'ammar bin Khallad, berkata: Seorang Farsi telah bertanya Abu al-Hasan a.s, maka beliau telah berkata: Ketaatan kepada anda difardukan? Beliau a.s telah berkata: Ya, beliau telah berkata lagi: Seperti ketaatan kepada Ali bin Abu Talib a.s? Maka beliau a.s telah berkata: Ya.

(57)-9. Daripada sanad-sanad yang sama, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Ali bin Abu Hamzah, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah bertanya kepadanya tentang para imam adakah kedudukan mereka

[2] Surah al-Nisaa' (4):54
[3] Mereka wajib ditaati.
[4] Surah al-Nisaa' (4): 54
[5] Surah al-Nisaa' (4):56
[6] Surah al-Maidah (5): 55

sama di dalam melaksanakan perintah dan ketaatan? Beliau a.s telah berkata: Ya.

(58)-10. Daripada sanad-sanad yang sama, daripada Marwak bin 'Ubaid, daripada Muhammad bin Zaid al-Tabari, berkata: Aku telah berkhidmat dengan al-Ridha a.s di Khurasan dan di sisinya beberapa orang daripada Bani Hasyim. Antaranya Ishaq bin Musa bin Isa al-'Abbasi, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Ishaq, berita telah sampai kepadaku bahawa kami mendakwa bahawa semua orang adalah hamba kami, tidak, dengan kekerabatanku dengan Rasulullah s.a.w, aku tidak pernah berkata sedemikian dan aku tidak pernah mendengarnya daripada bapa-bapaku telah berkata sedemikian, tetapi aku telah berkata: Orang ramai adalah hamba-hamba kami dari segi ketaatan (*al-Naas 'abidun la-na fi al-Ta'ah*) dan mewalikan kami dari segi keagamaan. Lantaran itu, orang yang hadir hendaklah memberitahu kepada orang yang tidak hadir.

(59)-11. Ali bin Ibrahim, daripada al-Salih al-Sanadiy, daripada Ja'far al-Basyir, daripada Abu Salmah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Kamilah yang mana Allah telah memfardukan ketaatan kami [ke atas orang lain]. Orang ramai wajib mengetahui kami. Orang ramai tidak dapat mengilak dari tidak mengetahui kami. Sesiapa yang mengetahu kami, maka beliau adalah seorang muslim (*man 'arafa-na kana mu'minan*). Sesiapa yang mengingkari kami, maka beliau adalah seorang kafir (*man Ankara-na kana kafiran*). Sesiapa yang tidak mengingkari kami, maka beliau adalah seorang yang sesat (*kana dallan*) sehingga beliau kembali kepada pertunjuk yang mana Allah mewajibkan ke atasnya mentaati kami. Sekiranya beliau mati di atas kesesatannya, maka Allah akan melakukan [kepadanya] apa yang Dia mahu"

(60)-12. Ali, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus, daripada Muhammad bin al-Fudhail berkata: Aku telah bertanya beliau a.s tentang perkara yang paling baik yang mana hamba-hamba-Nya dapat menghampiri diri mereka kepada Allah a.w? Beliau a.s telah berkata: Perkara yang paling baik yang mana hamba-hamba-Nya dapat menghampiri diri mereka kepada Allah adalah mentaati Allah, mentaati Rasul-Nya dan mentaati *Uli Amri*-Nya. Abu Ja'far a.s telah berkata: Kecintaan kepada kami adalah keimanan dan kebencian kepada kami adalah kekufuran (*hubbub-na iman wa baghdu-na kufr*).

(61)-13. Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Muhammad bin Isa, daripada Fadhalah bin Ayyub, daripada Abban, daripada Abdullah bin Sinan, daripada Ismail bin Jabir berkata:

Aku telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: Bolehkah aku membentangkan kepada anda agamaku yang mana aku mempecayai Allah dengannya? Maka beliau a.s telah berkata: Beritahulah kepadaku, maka aku telah berkata: Aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah sahaja, tiada bagi-Nya sekutu dan sesungguhnya Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya. Mengakui apa yang dibawa oleh Muhammad s.a.w dari sisi-Nya. Sesungguhnya Ali adalah seorang imam yang difardukan Allah ketaatan kepadanya. Kemudian al-Hasan adalah seorang imam yang difardukan Allah ketaatannya. Kemudian al-Husain sebagai seorang imam yang difardukan Allah ketaatannya. Kemudian selepasnya Ali bin al-Husain seorang imam yang difardukan Allah ketaatannya sehingga urusan berakhir kepadanya. Kemudian aku telah berkata: Anda mudah-mudahan dihormati Allah? Beliau a.s telah berkata: Inilah agama Allah dan agama para malaikat-Nya"

(62)-14. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Mahbub, daripada Hisyam bin Salim, daripada Abu Hamzah, daripada Abu Ishaq, daripada beberapa sahabat Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Amir al-Muminin a.s telah berkata: Ketahuilah bahawa bersahabat dengan orang alim[7] dan pengikut-pengikutnya merupakan agama Allah yang dipercayai, ketaatan kepadanya menambahkan kebaikan, menghilangkan kejahatan, [beliau adalah] simpanan mukminin, dapat meninggikan kedudukan dan kebaikan mereka selepas kematian".

(63)-15. Muhammad bin Ismail, daripada al-Fadhl bin Syadhan, daripada Safwan bin Yahya, daripada Mansur Ibn Hazim berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Sesungguhynya Allah adalah lebih dihormati dan lebih mulia dari memperkenalkan diri-Nya kepada makhluk-Nya, malah makhluk-Nya mengenaliNya, beliau a.s telah berkata: Apa yang anda telah katakan itu adalah benar. Maka aku telah berkata: Sesiapa yang telah mengetahui bahawa baginya Tuhan, maka sayugia baginya mengetahui bahawa Allah mempunyai keredaan dan kemurkaan dan sesungguhnya beliau tidak mengetahui keredaan-Nya dan kemurkaan-Nya melainkan dengan wahyu atau rasul.

Justeru, sesiapa yang tidak didatangi wahyu, maka beliau harus mendapatkan para rasul dan apabila beliau bertemu dengan mereka, maka beliau mengetahui bahawa mereka adalah *al-Hujjah* dan mereka pula wajib ditaati. Aku telah berkata kepada orang ramai: Adakah kamu mengetahui bahawa Rasullah s.a.w adalah seorang *Hujjah* daripada Allah ke atas makhluk-Nya? Mereka telah berkata: Ya, aku telah berkata: Apabila Rasulullah s.a.w mati, maka siapakah *al-Hujjah* ke atas makhluk-Nya? Mereka telah berkata: Al-Qur'an, lalu aku telah melihat kepada al-Qur'an, maka aku telah dapati Murjiah, Qadariyah dan Zindiq

[7] Imam Ahlu l-Bait a.s

menggunakan hujah daripada al-Qur'an meskipun mereka tidak mempercayainya. Lantaran itu, aku dapati al-Qur'an tidak menjadi *Hujjah* kecuali dengan wujud penjaganya. Justeru apa yang dikatakannya itu adalah benar.

Aku telah berkata kepada mereka: Siapakah penjaga al-Qur'an? Mereka telah berkata: Ibn Mas'ud telah mengetahuinya, 'Umar telah mengetahuinya dan Huzaifah telah mengetahuinya, aku telah berkata: Semuanya? Mereka telah berkata: Tidak, maka aku tidak mendapati seorangpun yang berkata bahawa beliau mengetahui semuanya kecuali Ali a.s. Apabila persoalan mengenai al-Qur'an timbul di kalangan orang ramai, Ibn Mas'ud telah berkata: Aku tidak mengetahuinya. Sementara seorang lain ('Umar) telah berkata: Aku tidak mengetahuinya dan seorang lagi (Huzaifah) telah berkata: Aku tidak mengetahuinya. Dan Ini (Ali a.s) telah berkata: Aku mengetahuinya. Lantaran itu, aku naik saksi bahawa Ali a.s adalah penjaga al-Qur'an. Dan Ketaatan kepadanya adalah difardukan (*kanat ta'atu-hu muftaradah*) Justeru beliau adalah *al-Hujjah* ke atas manusia selepas Rasulullah s.a.w.

Dan apa yang dikatakan olehnya tentang al-Qur'an adalah benar. Imam Ja'afar a.s telah berkata: Semoga Allah merahmati anda. Lalu aku telah berkata: Sesungguhnya Ali a.s tidak tidak mati melainkan beliau a.s telah meninggalkan seorang *Hujjah* selepasnya sebagaimana dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Sesungguhnya *al-Hujjah* selepas Ali adalah al-Hasan bin Ali. Aku naik saksi bahawa di atas al-Hasan bahawa beliau tidak pergi melainkan beliau a.s telah meninggalkan seorang *Hujjah* selepasnya sebagaimana telah dilakukan oleh bapanya dan datuknya. Sesungguhnya *al-Hujjah* selepas al-Hasan adalah al-Husain dan ketaatan kepadanya adalah difardukan. Lalu beliau a.s telah berkata: Mudah-mudahan Allah merahmati anda.

Kemudian aku telah mengucup kepalanya sambil berkata: Aku naik saksi ke atas al-Husain a.s bahawa beliau a.s tidak pergi sehingga beliau meninggalkan seorang *Hujjah* selepasnya Ali bin al-Husain dan ketaatan kepadanya adalah fardu, maka beliau a.s telah berkata: Mudah-mudahan Allah merahmati anda. Maka aku mengucup kepalanya sambil berkata: Aku naik saksi ke atas Ali bin al-Husain bahawa beliau tidak pergi melainkan beliau a.s telah meninggalkan seorang *Hujjah* selepasnya Muhammad bin Ali Abu Ja'far a.s dan ketaatan kepadanya adalah difardukan.

Lalu beliau a.s telah berkata: Mudah-mudahan Allah merahmati anda, aku telah berkata: Berilah kepala anda sehingga aku mengucupnya, lalu beliau a.s tersenyum. Aku telah berkata: *Aslahaka-llah,* sesungguhnya aku telah mengetahui bahawa bapa anda tidak pergi sehingga beliau meninggalkan seorang *Hujjah* selepasnya sebagaimana dilakukan oleh bapanya. Aku naik saksi bahawa anda adalah *Hujjah* dan ketaatan kepada anda adalah difardukan, lalu beliau a.s telah

berkata: Cukuplah, Mudah-mudahan Allah merahmati anda, aku telah berkata: Berilah kepala anda supaya aku mengucupnya, maka aku pun mengucup kepalanya, maka beliau a.s telah tersenyum sambil berkata: Tanyalah kepadaku apa yang anda mahu, aku tidak akan menentang anda selepas hari ini untuk selama-lamanya"

(64)-16. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin Khalid al-Barqiy, daripada al-Qasim bin Muhammad al-Jauhariy, dariapada al-Husain bin Abu al-'Ala' berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Adakah ketaatan kepada para wasi difardukan? Beliau a.s telah berkata: Ya, merekalah yang difirmankan oleh Allah "*Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan Uli al-Amri daripada kamu*"[8]. Dan merekalah yang difirmankan oleh Allah "*Sesungguhnya wali kamu adalah Allah dan Rasul-Nya dan mereka yang beriman yang mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat di dalam keadaan rukuk*"[9]

(65)-17. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus bin Abd al-Rahman, daripada Hammad, daripada Abd al-A'la berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Mendengar dan mentaati adalah pintu-pintu kebaikan, orang yang mendengar lagi mentaati tidak ada hujah bagi menentangnya. Tiada hujah ke atas orang yang mendengar dan menderhakai. Dan hujah Imam muslimin akan sempurna pada hari beliau berjumpa dengan Allah "*Pada hari itu, kami akan menyeru orang ramai dengan imam mereka*"[10]

Bab 9

☼Sesungguhnya Para Imam Adalah Saksi-Saksi Allah Ke Atas Makhluk-Nya. (*fi anna al-A'immah Syuhadaa' Allah a.w 'ala khalqi-hi*)☼

(66)-1. Ali bin Muhammad, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Ya'qub bin Yazid, daripada Ziyad al-Qandiy daripada Sama'ah berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata tentang firman Allah a.w "*Maka bagaimanakah apabila Kami mendatangkan seorang saksi bagi setiap umat dan Kami mendatangkan kamu sebagai saksi di atas mereka?*"[11] Beliau a.s telah berkata: Ayat ini telah diturunkan kepada umat

[8] Surah al-Nisaa' (4): 59
[9] Surah al-Ma'idah (5): 55
[10] Surah al-Israa' (17): 71
[11] Surah al-Nisaa' (4):41

Muhammad s.a.w secara khusus, pada setiap kurun seorang imam daripada kami akan menjadi saksi ke atas mereka dan Muhammad s.a.w adalah menjadi saksi ke atas kami pula"

(67)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali al-Wasyaa', daripada Muhammad bin 'A'idh, daripada 'Umar bin Udhinah, daripada Buraid al-'Ajaliy berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w "*Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu umat yang adil agar kamu menjadi saksi atas manusia*"[12] Beliau a.s telah berkata: Kamilah umat yang adil (*ummatan wasatan*) dan kamilah saksi-saksi Allah ke atas makhluk-Nya dan *Hujjah-Hujjah*-Nya di bumi-Nya (*nahnu al-Ummat al-Wusta wa nahnu syuhadaa' llahi wa hujaji-hi fi ardi-hi*). Aku telah bertanya tentang firman Allah a.w "*Agama bapa kamu Ibrahim*"

Beliau a.s telah berkata: Kamilah yang dimaksudkan dengan ayat ini secara khusus "*Dialah yang telah menamakan kamu Muslimin sebelumnya*" di dalam kitab-kitab yang terdahulu (*dan pada ini*) al-Qur'an (*Supaya Rasul menjadi saksi ke atas kamu*)[13]Justeru Rasul adalah saksi ke atas kami di atas apa yang telah kami sampaikan daripada Allah a.w dan kamilah saksi-saksi di atas manusia. Lantaran itu, sesiapa yang membenarkan kami, maka kami akan membenarkan mereka pada hari Kiamat. Dan sesiapa yang membohongi kami, maka kami akan membohongi mereka pada hari Kiamat"

(68)-3. Daripada sanad-sanad yang sama, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali, daripada Ahmad bin 'Umar al-Halal berkata: Aku telah bertanya Abu al-Hasan a.s tentang firman Allah a.w "*Apakah orang yang mempunyai bukti yang nyata daripada Tuhannya dan diikuti pula oleh seorang saksi daripada-Nya*"[14] Maka beliau a.s telah berkata: Amir al-Mukminin a.s adalah saksi ke atas Rasulullah s.a.w dan Rasulullah s.a.w adalah bukti daripada Tuhan-Nya"

(69)-4. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Muhammad bin Abu 'Umair, daripada Ibn Udhinah, daripada Buraid al-'Ajaliy berkata: Aku telah bertanya kepada Abu Ja'far a.s mengenai firman Allah a.w "*Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu umat yang adil agar kamu menjadi saksi atas manusia*"[15] Beliau a.s telah berkata: Kamilah umat yang adil (*wasatan*), kamilah saksi-saksi Allah ke atas makhluk-Nya dan *Hujjah-Hujjah*-Nya di bumi-Nya. Aku bertanya mengenai firman-Nya "*Wahai mereka yang beriman, rukuklah kamu, sujudlah kamu,*

---

[12] Surah al-Baqarah (2): 143
[13] Surah al-Hajj(22): 78
[14] Surah Hud (11): 17
[15] Surah al-Baqarah (2): 143

sembahlah Tuhanmu dan perbuatlah kebajikan, supaya kamu mendapat kemenangan. Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dia telah memilih kamu"[16]

Beliau a.s telah berkata: Ianya dimaksudkan kepada kami dan kamilah yang terpilih. "*Dan Dia tidak menjadikan untuk kami di dalam agama suatu kesempitan*" Kesempitan itu adalah lebih teruk daripada kesesakan. "*Agama bapa kami Ibrahim*" Ianya dimaksudkan kepada kami secara khusus.
"(*Dia) telah menamakan kamu Muslimin*" Allah telah menamakan kami Muslimin "*sebelumnya*" di dalam kitab-kitab yang terdahulu (*dan pada ini*) al-Qur'an (*Supaya Rasul menjadi saksi ke atas kamu*)[17]Justeru Rasul adalah saksi ke atas kami di atas apa yang telah kami sampaikan daripada Allah a.w dan kamilah saksi-saksi atas manusia. Lantaran itu, sesiapa yang membenarkan kami, maka kami akan membenarkan mereka pada hari Kiamat. Dan sesiapa yang membohongi kami, maka kami akan membohongi mereka pada hari Kiamat"

(70)-5. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Hammad bin Isa, daripada Ibrahim bin 'Umar al-Yamaniy, daripada Sulaim bin Qais al-Hilali, daripada Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah membersihkan kami, menjaga kami dan telah menjadikan kami saksi-saksi ke atas makhluk-Nya. Kamilah *Hujjah-Hujjah*-Nya di bumi-Nya. Dia telah menjadikan kami bersama al-Qur'an dan al-Qur'an bersama kami, kami tidak berpisah dengannya dan ia tidak berpisah dengan kami"

Bab 10

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Adalah Penunjuk (anna al-A'immah A.S Hum al-Hudaat)☼

(71-1. Daripada beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar Ibn Suwaid dan Fadhalah bin Ayyub, daripada Musa bin Bakr, daripada al-Fudhail berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s mengenai firman Allah a.w "*Dan setiap kaum itu ada orang yang memberi petunjuk*"[18] Beliau a.s telah berkata: Setiap Imam adalah petunjuk kepada kaum pada kurun yang mana beliau berada padanya"

[16] Surah al-Hajj (22): 77-76
[17] Surah al-Hajj (22): 78
[18] Surah al-Ra'd (13): 7

(72)-2. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Muhammad bin Abu 'Umair, daripada Ibn Udhinah, daripada Buraid al-'Ajaliy, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w "*Sesungguhnya kamu hanya seorang yang memberi peringatan dan setiap kaum ada orang yang memberi petunjuk*"[19] Beliau a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w adalah orang yang memberi peringatan dan setiap zaman ada seorang petunjuk daripada kami yang menunjukkan mereka kepada apa yang dibawa oleh nabi Allah s.a.w. Kemudian penunjuk-penunjuk selepasnya adalah Ali, kemudian para wasi seorang selepas seorang"

(73)-3. Al-Husain bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Muhammad bin Ismail, daripada Sa'daan daripada Abu Basir berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s "*Sesungguhnya kamu hanya seorang yang memberi peringatan dan setiap kaum ada orang yang memberi petunjuk*"[20] Beliau a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w adalah orang yang memberi peringatan (*al-Mundhir*) dan Ali adalah orang yang memberi petunjuk (*al-Haadi*). Wahai Abu Muhammad, adakah orang yang memberi petunjuk pada hari ini? Aku telah berkata: Ya, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sentiasa ada orang yang memberi petunjuk selepasnya sehingga ia diberikan kepada anda, maka beliau a.s telah berkata: Allah memberi rahmat kepada anda, wahai Abu Muhammad, sekiranya satu ayat itu diturunkan atas seorang lelaki, kemudian lelaki itu mati, maka matilah ayat itu dan matilah al-Kitab, tetapi ia (hidayah) masih hidup dan berlaku kepada orang yang masih hidup sebagaimana ia telah berlaku kepada orang yang terdahulu"

(74)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Safwan, daripada Mansur, daripada 'Abd al-Rahim al-Qasir, daripada Abu Ja'far a.s mengenai firman Allah "*Sesungguhnya kamu hanya seorang yang memberi peringatan dan setiap kaum ada orang yang memberi petunjuk*"[21] Beliau a.s telah berkata: Rasulullah adalah orang yang memberi peringatan (*al-Mundhir*) dan Ali adalah orang yang memberi petunjuk. Demi Allah, ia (hidayah) tidak pergi daripada kami dan ia sentiasa pada kami"

Bab 11

---

[19] *Ibid*
[20] Surah al-Ra'd (13):7
[21] Surah al-Ra'd (13):7

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Adalah *Uli Amri LLahi* Dan Penyimpan Ilmu-Nya (*anna al-A'immah a.s wulaat amri llahi wa khazanat 'ilmi-hi*☼

(75)-1. Muhamad bin Yahya al-'Attar, daripada Ahmad bin Abu Zahir, daripada al-Hasan bin Musa, daripada Ali bin Hassan, daripada Abd al-Rahman bin Kathir berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Kamilah *wulaat amri llah*, penyimpan ilmu Allah dan bekas wahyu Allah"

(76)-2. Daripada beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Ali bin Asbaat, daripada bapanya Asbat, daripada Surat bin Kulaib berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata kepadaku: Demi Allah, sesungguhnya kami adalah penyimpan khazanah Allah di langit-Nya dan di bumi-Nya, bukan di atas emas dan perak, tetapi di atas ilmu-Nya"

(77)-3. Ali bin Musa, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id dan Muhammad bin Khalid al-Barqiy, daripada al-Nadhar bin Suwaid secara *marfu'*, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah kedudukan kamu semua?[22] Beliau a.s telah berkata: Kamilah penyimpan ilmu Allah (*nahnu Khazzan 'ilmi llahi*), kamilah terjemahan wahyu Allah [23](*nahnu taraajumati wahyi llahi*) dan kamilah *Hujjah* Allah yang menyampaikan (hujah) kepada orang yang berada di langit dan di bumi"

(78)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada al-Nadhar bin Syu'aib, daripada Muhammad bin Fudhail daripada Abu Hamzah berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Allah telah berfirman[24]: *Kesempurnaan hujahku adalah di atas mereka yang celaka daripada umatmu yang telah menjauhkan wilayah Ali dan [wilayah] para wasi selepasmu kerana pada merekalah sunnahmu dan sunnah para nabi sebelum daripadamu. Mereka adalah penyimpan ilmu-Ku selepas kamu*" Kemudian Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya Jibrail a.s telah menceritakan kepadaku nama-nama mereka dan nama-nama bapa mereka"

---

[22] Kedudukan kamu para imam a.s
[23] Kamilah penterjemah kepada wahyu-Nya.
[24] Di dalam hadis kudsi.

(79)-5. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin Abd al-Jabbar, daripada Muhammad bin Khalid, daripada Fadhalah bin Ayyub, daripada Abdullah bin Abu Ya'fur berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Wahai Ibn Abu Ya'fur, sesungguhnya Allah adalah Satu di dalam kesatuan, Tunggal di dalam perintah-Nya, maka Dia telah menciptakan makhluk, lalu Dia menetapkan perintah untuk mereka. Maka kamilah mereka itu, wahai Ibn Abi Ya'fur, Kamilah *Hujjah-Hujjah* Allah pada hamba-hamba-Nya, [kamilah] penyimpan ilmu-Nya dan kamilah yang menjalankan perintah-Nya"

(80)-6. Ali bin Muhammad, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Musa bin al-Qasim bin Mu'awiyah dan Muhammad bin Yahya, daripada 'Umar Kiyy bin Ali, daripada Ali bin Ja'far, daripada Abu al-Hasan Musa a.s telah berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menciptakan kami, lalu Dia menciptakan kami dengan baik. Dia telah membentukkan kami (*sawwara-na*), lalu Dia telah membentuk kami dengan baik. Kemudian Dia telah menjadikan kami bendahari-bendahari-Nya di langit-Nya dan di bumi-Nya. Pokok-pokok bercakap untuk kami dan melalui cara ibadah kami, Allah a.w disembah (*bi 'ibadati-na 'ubida llahu*). Sekiranya kami tidak ada, nescaya Allah tidak disembah (*laula-na ma 'ubida llahu*)"[25]

Bab 12

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Adalah Khalifah Allah A.W Di Bumi-Nya Dan Pintu-Pintu-Nya Yang Di Datangi (*anna al-A'immah a.s khulafa' Allah fi ardhi-hi wa abwabu-hu al-Lati min-ha yu'ta*☼

(81)-1. Al-Husain bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Abu Mas'ud, daripada al-Ja'fari berkata: Aku telah mendengar Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah berkata: Para imam a.s adalah khalifah Allah a.w di bumi-Nya".

(82)-2. Daripadanya, daripada Mu'alla, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Sulaiman bin Samaa'ah, daripada Abdullah bin al-Qasim, daripada Abu Basir berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Para wasi adalah pintu-pintu Allah a.w yang di datangi. Jika mereka tidak ada, nescaya Allah tidak diketahui dan dengan merekalah Allah telah berhujah ke atas makhluk-Nya"

[25] Wajib mengikuti cara ibadat para imam a.s bagi mendapatkan keredaan Allah.

(83)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Abdullah bin Sinan berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s mengenai firman Allah Jalla Jalalah "*Allah telah berjanji kepada mereka yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang saleh bahawa Dia akan menjadikan mereka berkuasa di bumi sebagaimana Dia telah menjadikan mereka sebelum mereka berkuasa*"[26] Beliau a.s telah berkata: Mereka itu adalah para imam a.s."

Bab 13

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Adalah Cahaya Allah A.W (*anna al-A'immah a.s nuru llah a.w*)☼

(84)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ali bin Mirdas berkata: Safwan bin Yahya dan al-Hasan bin Mahbub telah meriwayatkan kami daripada Abu Ayyub, daripada Abu Khalid al-Kaabili berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w "*Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada cahaya yang telah kami turunkan*"[27]Maka beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Khalid, cahaya, demi Allah, adalah cahaya para imam daripada keluarga Muhammad s.a.w sehingga hari Kiamat. Mereka, demi Allah, adalah cahaya Allah yang Dia telah menurunkannya dan mereka, demi Allah, adalah cahaya Allah di langit dan di bumi.

Demi Allah, wahai Abu Khalid, cahaya Imam pada hati mukminin adalah lebih bercahaya daripada matahari yang bersinar di siang hari (*la-nur al-Imam fi qulub al-Mu'minin anwar min al-Syams al-Mudhi'ah bi al-Nahar*). Mereka, demi Allah, menyinari hati mukminin. Allah menghalang cahaya mereka daripada sesiapa yang Dia kehendaki, lalu hati mereka menjadi gelap. Demi Allah, wahai Abu Khalid, seorang hamba tidak mencintai kami dan mewalikan kami (*wa llahi, ya Aba Khalid, la yuhibbu-na 'abdun wa yatawallaa-na*) sehingga Allah membersihkan hatinya (*hatta yutahhira llahu qalba-hu*) dan Allah tidak membersihkan hati seorang hamba sehingga beliau menyerahkan dirinya kepada kami (*wa la yutahirru llahu qalba 'abdin hatta yusallima*

---

[26] Surah al-Nuur (24): 55

[27] Surah al-Taghaabun (64: 8

la-na) serta berdamai dengan kami [28](*wa yakun silman la-na*). Apabila beliau berdamai dengan kami, maka Allah melindunginya dari ketakutan Hisab dan menyelamatkannya dari ketakutan yang lebih besar pada hari Kiamat"

(85)-2. Ali bin Ibrahim dengan sanad-sanadnya, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah "*Mereka yang mengikut Rasul, Nabi yang ummi yang mereka mendapatinya tertulis di dalam Turat dan Injil yang ada di sisi mereka, yang menyuruh mereka mengerjakan yang makruf dan melarang mereka dari mengerjakan yang mungkar dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk dan membuang dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka mereka yang beriman kepada-nya, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang diturunkan kepadanya, maka itulah mereka yang beruntung*"[29] Beliau a.s telah berkata: Cahaya pada ayat ini adalah [Ali] Amir al-Mukminin a.s dan para imam a.s.

(86)-3. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin Abd al-Jabbar, daripada Ibn Fadhdhal, daripada Tha'labah bin Maimun, daripada Abu Jarud berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: Allah telah kurniakan kepada Ahlu l-Kitab kebaikan yang banyak. Beliau a.s telah berkata: Apakah itu? Aku telah berkata: Firman Allah "*Golongan yang telah Kami datangkan kepada mereka al-Kitab sebelumnya al-Qur'an, mereka beriman dengan al-Qur'an itu. Apabila dibacakan kepada mereka, mereka telah berkata: Kami beriman kepadanya; sesungguhnya al-Qur'an itu suatu kebenaran dari Tuhan kami sesungguhnya kami sebelumnya adalah mereka yang membenarkan(nya). Mereka itu diberi pahala dua kali disebabkan kesabaran mereka*"[30]

Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah kurniakan kepada kamu sebagaimana Dia telah kurniakan kepada mereka. Kemudian beliau a.s telah membaca firman-Nya: "*Wahai mereka yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan berimanlah kepada Rasul-Nya, nescaya Allah memberikan rahmat-Nya kepadamu dua bahagian dan menjadikan untukmu cahaya dan dengan cahaya itu kamu dapat berjalan dengannya*"[31] Iaitu Imam yang kamu ikutinya"

---

[28] Rasulullah s.a.w telah bersabda: Aku berperang dengan orang yang memerangi mereka (Ahlu l-Bait a.s) dan aku berdamai dengan orang yang berdamai dengan mereka"

[29] Surah al-A 'raaf (7): 157

[30] Surah al-Qasas (28):52-54

[31] Surah al-Hadiid (57):28

(87)-4. Ahmad bin Mihran, daripada Abd al-'Azim bin Abdullah al-Hasani, daripada Ali bin Asbaat dan al-Hasan bin Mahbub, daripada Ayyub, daripada Abu Khalid al-Kabiliy berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah mengenai firman Allah "*Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada cahaya yang telah kami turunkan*"[32]Maka beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Khalid, cahaya, demi Allah, adalah cahaya para imam daripada keluarga Muhammad s.a.w sehingga hari Kiamat. Mereka, demi Allah, adalah cahaya Allah yang mana Dia telah menurunkannya dan mereka, demi Allah, adalah cahaya Allah di langit dan di bumi. Demi Allah, wahai Abu Khalid, cahaya Imam pada hati mukminin adalah lebih bercahaya daripada matahari yang bersinar di siang hari (*la-nur al-Imam fi qulub al-Mu'minin anwar min al-Syams al-Mudhi'ah bi al-Nahar*). Mereka, demi Allah, menyinari hati mukminin. Allah menghalang cahaya mereka daripada sesiapa yang Dia kehendaki, lalu hati mereka menjadi gelap dan Dia menutup mereka dengannya"

(88)-5. Ali bin Muhammad, dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Muhammad bin al-Hasan bin Syammun, daripada Abdullah bin Abd al-Rahman al-Assam, daripada Abdullah bin al-Qasim, daripada Salih bin Sahal al-Hamdani berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata mengenai firman Allah "*Allah adalah cahaya langit dan bumi perumpamaan cahaya-Nya adalah sebuah lubang yang tak tembus* (Fatimah a.s) *yang di dalamnya ada pelita besar* (al-Hasan). *Dan pelita itu di dalam kaca* (al-Husain), *kaca itu seakan-akan bintang yang bercahaya seperti mutiara* (Fatimah a.s adalah bintang yang bercahaya di antara wanita dunia) *yang dinyalakan dengan minyak dari pohon yang banyak berkatnya* (Ibrahim a.s), *pohon zaiton yang tumbuh tidak di sebelah timur dan tidak pula di sebelah barat* (bukan yahudi dan bukan pula kristian) *minyaknya hampir-hampir menerangi* (hampir-hampir ilmunya terpancar) *walaupun tidak disentuh api, cahaya di atas cahaya* (Imam daripadanya selepas Imam). *Allah membimbing kepada cahaya-Nya siapa yang Dia kehendaki* (Allah membimbing kepada para imam a.s mereka yang Dia kehendaki) *Dan Allah memperbuat perumpamaan-perumpamaan kepada manusia*"[33]

Aku telah bertanya kepadanya mengenai firman Allah "*Atau seperti gelap gulita di lautan yang dalam yang diliputi oleh ombak*" Beliau a.s telah berkata: Orang yang pertama (*al-Awwal*)[34] dan sahabatnya (*wa sahibu-hu*)[35] "*gelap gulita yang ditutupi oleh ombak*" Orang yang ketiga (*al-Thalith*)[36] *di atasnya awan yang gelap gulita* (orang yang kedua)[37]

---

[32] Surah al-Taghaabun (64: 8
[33] Surah al-Nuur (24):40
[34] Abu Bakr
[35] Umar
[36] Uthman

yang bertindih-tindih (Mu'awiyah *la'ana-hu* llahu dan fitnah Bani Umayyah) *apabila dia mengeluarkan tangannya* (mukmin di dalam kegelapan fitnah mereka) *dia tidak dapat melihatnya dan sesiapa yang Allah tidak menjadikan cahaya untuknya* (Imam daripada anak lelaki Fatimah a.s) *tidak ada baginya cahaya*[38] (Imam pada hari Kiamat).

Dan beliau a.s telah berkata mengenai firman Allah "*Pada hari ketika kamu melihat orang mukmin lelaki dan perempuan sedang cahaya mereka bersinar di hadapan dan di sebelah kanan mereka*"[39]: Pada hari Kiamat para imam mukminin berjalan di hadapan mukminin dan di kanan mereka sehingga mereka ditempatkan bersama penghuni syurga"

Ali bin Muhammad dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Musa bin al-Qasim al-Bajaliy dan Muhammad bin Yahya, daripada Umar Kiyy bin Ali, daripada Ali bin Ja'far a.s, daripada saudara lelakinya Musa a.s seumpamanya.

(89)-6. Ahmad bin Idris, daripada al-Husain bin Abdullah, daripada Muhammad bin al-Hasan dan Musa bin Umar, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Muhammad bin Fudhail, daripada Abu al-Hasan a.s telah berkata: Aku telah bertanya beliau a.s mengenai firman Allah t.w "*Mereka ingin memadamkan cahaya Allah dengan mulut-mulut mereka*"[40] Beliau a.s telah berkata: Mereka ingin memadamkan wilayah Amir al-Mukminin a.s dengan mulut-mulut mereka". Aku telah berkata: Firman-Nya "*Dan Allah tetap menyempurnakan cahaya-Nya*"[41] Beliau a.s telah berkata: Allah akan menyempurnakan *imamah* dan *imamah* adalah cahaya sebagaimana firman-Nya "*Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada cahaya yang telah kami turunkan*"[42] Beliau a.s telah berkata: Cahaya itu adalah Imam (*al-Nur huwa al-Imam*)"

Bab 14

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Adalah Tiang-Tiang Bumi (*anna al-A'immah hum arkaan al-Ardh*)☼

(90)-1. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali dan Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada al-Mufadhdhal bin Umar, daripada Abu

[37] Umar
[38] Surah al-Nuur (24: 40
[39] Surah al-Hadiid (57):12
[40] Surah al-Saf (61): 8
[41] *Ibid*
[42] Surah al-Taghaabun (64: 8

Abdillah a.s telah berkata: Apa yang dibawa oleh Ali, maka aku menerimanya dan apa yang beliau a.s menegahnya, maka aku meninggalkannya. Kelebihan yang dikurniakan kepadanya adalah seperti kelebihan Muhammad s.a.w, tetapi kelebihan Muhammad s.a.w adalah di atas semua makhluk Allah a.w. Sesiapa yang mengambil pengecualian daripada hukum-hukumnya, maka beliau sepertilah mengambil pengecualian daripada Allah dan Rasul-Nya. Sesiapa yang menolak mana-mana hukumnya sama ada kecil atau besar, maka beliau berada di atas batasan syirik kepada Allah (*wa al-Raadd 'alai-hi fi saghirah au kabirah 'ala hadd al-Syirk bi-llah*).

Amir al-Mukminin a.s adalah pintu Allah yang tidak dimasuki kecuali menerusinya (*baab Allah al-Ladhi la yu'ta illa min-hu*), jalan-Nya yang mana orang yang berjalan selain daripada jalannya akan binasa (*sabilu-hu al-ladhi man salaka bi-ghairi-hi halaka*). Demikianlah ia berlaku kepada para imam petunjuk seorang selepas seorang (*waahid ba'd waahid*), Allah telah menjadikan mereka tiang-tiang bumi yang kukuh bersama penghuninya dan *Hujjah*-Nya yang sampai kepada mereka yang berada di bumi dan di bawah bumi. Amir al-Mukminin a.s pernah berkata beberapa kali: Akulah pembahagi [yang dilantik oleh] Allah di antara syurga dan neraka (*ana qasiim Allah bain al-Jannah wa al-Nar*).

Akulah *al-Faaruq* yang paling besar (*ana al-Faruq al-Akbar*)[43], akulah sahabat tongkat dan tanda[44] (*ana sahib al-'Asa wa Misam*) yang mana semua para malaikat, Roh dan para rasul telah mengakuiku sebagaimana mereka telah mengakui Muhammad s.a.w[45] (*wa laqad aqarrat li jami' al-malaikat wa al-Ruh wa al-Rusul bi-mithli ma aqarru bi-hi Muhammad s.a.w*). Sesungguhnya aku telah dibebankan sebagaimana baginda s.a.w dibebankan oleh Tuhan. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w dipanggil dan dipakaikan kepadanya, maka begitu juga aku akan dipanggil dan akan dipakaikan untukku.

Baginda s.a.w akan disoal, maka aku juga akan disoal dan aku akan menjawab sebagaimana jawapannya. Aku telah dikurniakan beberapa sifat keistimewaan yang mana tiada seorangpun yang telah mendahuluiku kepadanya sebelumku. Aku telah diajar ilmu kematian (*al-Manaaya*), ilmu bala (*al-Balaaya*), dan ilmu keturunan (*al-Ansaab*) serta kefasihan bercakap (*fasl al-Khitab*). Tidak ada perkara yang telah berlaku, hilang dari ilmuku dan tidak ada perkara yang jauh dariku akan terlepas dariku. Aku memberi khabar gembira dengan izin Allah, aku melaksanakan [apa] yang datang daripadaNya. Semua ini adalah

---

[43] Orang dapat membezakan di antara kebenaran dan kebatilan yang paling besar.

[44] Dapat membezakan kafir dan muslim dengan tanda di muka mereka.

[45] Mereka berdua adalah satu cahaya yang dibahagikan kepada dua. Lantaran itu, Rasulullah s.a.w telah bersabda: Aku daripada Ali dan Ali daripadaku"

daripada Allah dan Dia telah kurniakan kuasa kepadaku mengenainya menurut ilmu-Nya"

Al-Hasan bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur al-'Amiy, daripada Muhammad bin Sinan berkata: Al-Mufadhdhal telah meriwayatkannya kepada kami, berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata, kemudian beliau a.s telah menyebut hadis yang pertama.

(91)-2. Ali bin Muhammad, dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Muhammad bin al-Walid Syabab al-Sairafi berkata: Sa'id al-A'raj telah memberitahu kepada kami, lalu berkata: Aku dan Sulaiman bin Khalid telah berjumpa dengan Abu Abdillah a.s, lalu beliau a.s telah mula bercakap dengan kami: Wahai Sulaiman, apa yang datang daripada Amir al-Mukminin a.s, mestilah diterima dan apa yang ditegah olehnya, mestilah dihentikan.

Kelebihan yang dikurniakan kepadanya adalah seperti kelebihan Muhammad s.a.w, tetapi kelebihan Muhammad s.a.w adalah di atas semua makhluk Allah a.w. Sesiapa yang mengambil pengecualian daripada hukum-hukumnya, maka beliau sepertilah mengambil pengecualian daripada [hukum-hukum] Allah dan Rasul-Nya. Sesiapa yang menolak mana-mana hukumnya sama ada kecil atau besar, maka beliau berada di atas batasan syirik kepada Allah (*wa al-Raadd 'alai-hi fi saghirah au kabirah 'ala hadd al-Syirk bi-llah*).

Amir al-Mukminin a.s adalah pintu Allah yang tidak dimasuki kecuali menerusinya (*baab Allah al-Ladhi la yu'ta illa min-hu*), jalan-Nya yang mana orang yang berjalan selain daripada jalannya akan binasa (*sabilu-hu al-ladhi man salaka bi-ghairi-hi halaka*). Demikianlah ia berlaku kepada para imam petunjuk seorang selepas seorang (*waahid ba'd waahid*), Allah telah menjadikan mereka tiang-tiang bumi yang kukuh bersama penghuninya dan Hujjah-Nya yang sampai kepada mereka yang berada di bumi dan di bawah bumi.

Amir al-Mukminin a.s pernah berkata beberapa kali: Akulah pembahagi [yang dilantik oleh] Allah di antara syurga dan neraka (*ana qasiim Allah bain al-Jannah wa al-Nar*). Akulah *al-Faaruq* yang paling besar (*ana al-Faruq al-Akbar*), akulah sahabat tongkat dan tanda (*ana sahib al-'Asa wa Misam*) yang mana semua para malaikat, Roh dan para rasul telah mengakuiku sebagaimana mereka telah mengakui Muhammad s.a.w (*wa laqad aqarrat li jami' al-malaikat wa al-Ruh wa al-Rusul bi-mithli ma aqarru bi-hi Muhammad s.a.w*). Sesungguhnya aku telah dibebankan sebagaimana beliau s.a.w dibebankan oleh Tuhan. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w dipanggil dan dipakaikan kepadanya, maka begitu juga aku akan dipanggil dan akan dipakaikan untukku. Beliau s.a.w akan disoal, maka aku juga akan disoal dan aku akan menjawab sebagaimana jawapannya.

Aku telah dikurniakan beberapa sifat keistimewaan yang mana tiada seorangpun yang telah mendahuluiku kepadanya sebelumku. Aku telah diajar ilmu kematian (*al-Manaaya*), ilmu bala (*al-Balaaya*), dan ilmu keturunan (*al-Ansaab*) serta kefasihan bercakap (*fasl al-Khitab*). Tidak ada perkara yang telah berlaku, hilang dari ilmuku dan tidak ada perkara yang jauh dariku akan terlepas dariku. Aku memberi khabar gembira dengan izin Allah, aku melaksanakan [apa] yang datang daripadaNya. Semua ini adalah daripada Allah dan Dia telah kurniakan kuasa kepadaku mengenainya menurut ilmu-Nya"

(92)-3. Muhammad bin Yahya dan Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Ali bin al-Hassan berkata: Abu Abdillah al-Riyaahi telah meriwayatkan kepadaku, daripada Abu al-Samit al-Hilwaani, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Kelebihan Amir al-Mukminin a.s adalah: Aku menerima apa yang dibawa olehnya dan aku menghentikan apa yang dilarang olehnya. Kewajiban mentaatinya adalah selepas Rasulullah s.a.w seperti ketaatan kepada Rasulullah s.a.w, tetapi kelebihan adalah kepada Muhammad s.a.w.

Orang yang mendahuluinya adalah seperti orang yang mendahului Allah dan Rasul-Nya (*al-Mutaqaddim baina yadai-hi ka al-Mutaqaddim 'ala Allah wa Rasuli-hi*). Orang yang memikirkan sesuatu melebihi Ali a.s adalah seperti orang yang memikir sesuatu melebihi Rasulullah s.a.w. (*al-Mutafadhdhil 'alai-hi ka al-Mutafadhdhil 'ala Rasulillah s.a.w)* Orang yang menentangnya sama ada kecil atau besar adalah di atas batas syirik dengan Allah. Kerana Rasulullah s.a.w adalah pintu Allah yang tidak boleh dimasuki melainkan menerusinya dan jalan-Nya yang mana sesiapa yang berjalan akan sampai kepada Allah a.w. Demikianlah keadaan Amir al-Mukminin a.s dan para imam a.s selepasnya, seorang selepas seorang. Allah telah menjadikan mereka tiang-tiang bumi yang kukuh bersama penghuninya, penolong Islam dan ikatannya menurut jalan petunjuk.

Seorang tidak mendapat hidayah kecuali dengan hidayah mereka dan tidak tersesat orang yang keluar daripada petunjuk kecuali dengan mengabaikan hak mereka. Mereka adalah penjaga ilmu Allah, kemaafan dan peringantan-Nya yang diturunkan. Hujah yang sampai kepada penghuni bumi. Ia akan berlaku kepada yang akhir mereka sebagaimana telah berlaku kepada yang pertama mereka.

Tidak ada seorangpun akan sampai ke peringkat itu melainkan dengan pertolongan Allah. Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Akulah pembahagi di antara syurga dan neraka (*ana qasiin baina al-Jannah wa al-Nar*), akulah *al-Faruq* yang paling besar, akulah Imam bagi mereka selepasku (*al-Imam li-man ba'di*) dan pelaksana bagi mereka sebelumku.

Tidak seorangpun yang akan mendahuluiku kecuali Ahmad s.a.w[46]. Sesungguhnya aku dan beliau s.a.w di atas jalan yang satu selain beliau s.a.w dipanggil dengan namanya dan aku dikurniakan dengan enam perkara[47]: Ilmu tentang kematian, ilmu tentang bala, ilmu wasiat, ilmu kefasihan bercakap. Sesungguhnya aku adalah sahabat *al-Karraat* [48]dan pusingan. Akulah sahabat tongkat dan tanda serta *al-Daabah*[49] yang bertutur dengan manusia"

Bab 15

☼Hadis-Hadis Yang Luar Bisa Tentang Kelebihan Imam Dan Sifat-SifatNya (*nadir jami' fi fadhl al-Imam wa sifaati-hi*)☼

(93)-1. Abu Muhammad al-Qasim bin al-'Alaa'-*rahimahu llah*- secara *marfu'*, daripada Abd al-'Aziz bin Muslim berkata: Kami telah berada bersama al-Ridha a.s di Marw. Kami telah berkumpul di masjid pada hari Jumaat apabila kami baru sahaja tiba. Mereka telah berbincang mengenai *imamah* dan mereka menyebutkan perselisihan manusia mengenainya. Lantas aku berjumpa dengan *sayyidi* a.s, maka aku telah memberitahunya tentang pendapat orang ramai mengenainya.

Lalu beliau a.s tersenyum sambil berkata: Wahai Abd al-'Aziz, orang ramai telah jahil dan mereka tertipu dengan pendapat-pendapat mereka. Sesungguhnya Allah tidak mengambil nyawa nabi-Nya s.a.w sehingga Dia menyempurnakan baginya agama-Nya, menurunkan ke atasnya al-Qur'an yang menerangkan setiap perkara, menerangkan padanya halal dan haram, batasan dan hukum serta semua yang dihajati oleh manusia secara umumnya. Allah a.w telah berfirman: "*Tidaklah Kami alpakan sesuatupun di dalam al-Kitab*"[50] Dia telah menurunkannya pada haji Perpisahan (*al-Widaa'*) iaitu pada akhir umurnya s.a.w firman-Nya "*Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agamamu dan telah Kucukupkan kepadamu nikmat-Ku dan telah Ku redai Islam itu jadi agama bagimu*"[51]

---

[46] Muhammad s.a.w

[47] Kelebihan Imam Ali a.s tidak terkira banyaknya, tetapi kelebihan Rasulullah s.a.w mengatasi kelebihan Ali a.s.

[48] Peredaran masa. Di dalam ertikata yang lain, Imam Ali a.s adalah sahabat *raj'ah* yang kembali lagi ke dunia apabila Allah kehendaki.

[49] Asal pengertiannya adalah binatang berkaki empat. Manusia adalah separuh binatang di dalam ilmu mantik.

[50] Surah al-An'aam (6): 38

[51] Surah al-Ma'idah (5): 3

Urusan *imamah* adalah daripada kesempurnaan agama (*amr al-Imamah min tamam al-Din*). Rasulullah s.a.w tidak mati sehingga beliau s.a.w menerangkan kepada umatnya prisip-prinsip agama mereka, menjelaskan kepada mereka jalan mereka, meninggalkan mereka ke jalan yang benar. Beliau s.a.w telah menjadikan Ali untuk mereka sebagai mercu tanda dan Imam. Beliau s.a.w tidak meninggalkan sesuatu yang diperlukan oleh umat melainkan beliau s.a.w telah menerangkannya kepada mereka. Sesiapa yang menyangka bahawa Allah a.w tidak menyempurnakan agama-Nya, maka sesungguhnya beliau telah menolak Kitab Allah. Dan sesiapa yang menolak Kitab Allah, maka beliau adalah seorang kafir dengannya.

Apakah mereka mengetahui nilai *imamah* dan kedudukannya pada umat sehingga pemilihan diharuskan untuk mereka? Sesungguhnya *imamah* adalah lebih bernilai, lebih besar kedudukannya, dan lebih tinggi tempatnya (*Inna al-Imamah ajallu qadaran wa a'zam sya'nan wa a'la makaanan*), tidak boleh dimasuki di setiap penjuru (*amna' jaaniban*), lebih sukar bagi orang ramai untuk mencapainya menerusi akal mereka atau mendapatinya melalui pandangan mereka atau mereka melantik seorang imam dengan pilihan mereka sendiri. Sesungguhnya *imamah* telah dikhususkan oleh Allah kepada Ibrahim al-Khalil a.s selepas kenabian (*al-Nubuwwah*) dan teman (*al-Khullah*) adalah pada martabat yang ketiga. Satu kelebihan yang mana Dia memuliakannya dan memperkuatkan sebutan-Nya, lalu Dia telah berfirman "*Sesungguhnya Aku akan menjadikanmu imam bagi seluruh manusia*". Kemudian Ibrahim al-Khalil a.s telah berkata dengan gembira: *Dari keturunanku?*

Allah telah berfirman: "*Janjiku tidak mengenai orang yang zalim*" Lantaran itu, ayat ini telah membatalkan *imamah* setiap orang yang zalim sehingga hari Kiamat. Oleh itu, ia adalah untuk orang yang terpilih sahaja. Kemudian Allah telah memuliakannya (Ibrahim a.s) dengan menjadikan *imamah* pada zuriatnya yang terpilih dan disucikan olehNya, maka Dia telah berfirman: "*Dan Kami telah memberikan kepadanya (Ibrahim) Ishaq dan Ya'qub sebagai satu anugerah. Dan masing-masingnya Kami jadikan mereka yang saleh. Kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami dan telah Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan hanya kepada Kamilah mereka menyembah*"[52]

Imamah sentiasa pada zuriatnya diwarisinya oleh sebahagian daripada sebahagian yang lain sepanjang abad sehingga Allah telah mewariskannya kepada nabi s.a.w, maka Allah telah berfirman: "*Sesungguhnya orang yang paling dekat kepada Ibrahim adalah mereka*

[52] Surah al-Anbiyaa' (21): 72-73

yang mengikutinya dan Nabi ini (Muhammad) dan mereka yang beriman (kepada Muhammad) dan Allah adalah Pelindung semua orang yang beriman"[53]Justeru, *imamah* adalah untuknya s.a.w secara khusus, kemudian beliau s.a.w telah melantik Ali a.s dengan perintah Allah menurut apa yang telah difardukan oleh Allah.

Lalu ia berada pada zuriatnya mereka yang terpilih yang mana Allah kurniakan mereka ilmu dan keimanan dengan firman-Nya: "*Dan berkata mereka yang diberi ilmu dan keimanan: Sesungguhnya kamu telah berdiam menurut ketetapan Allah sampai hari berbangkit*" Lantaran itu, *imamah* adalah pada zuriat Ali a.s secara khusus sehingga hari Kiamat kerana tiada nabi selepas Nabi Muhammad s.a.w. Justeru, dari manakah mereka yang jahil itu akan memilih?

Sesungguhnya *Imamah* adalah kedudukan para nabi (*inna al-A'immah hiya manzilah al-Anbiyaa'*) dan warisan para wasi (*wa irth al-Ausiyaa'*). Sesungguhnya *imamah* adalah *khilafat* Allah dan *khilafah* Rasulullah s.a.w, *maqam* Amir al-Mukminin a.s, warisan al-Hasan dan al-Husain a.s. Sesungguhnya *imamah* adalah pengawal agama (*inna al-A'immah zimaam al-Din*), sistem pemerintahan muslimin (*nizam al-Muslimin*), kebaikan dunia dan kekuatan mukminin (*salah al-Dunya wa 'izz al-Mu'minin*).

Sesungguhnya *imamah* adalah asas Islam yang membangun (*inna al-Imamah uss al-Islam al-Nami*), cabangnya yang tinggi (*far'u-hu al-Sami*). Dengan imamlah sempurnanya sembahyang, zakat, puasa, haji, jihad, *al-Fa'i*, sedekah, pelaksanaan hudud dan hukum, pos-pos kawalan sempadan dan perbatasan (*bi al-Imam tamam al-Salat wa al-Zakat wa al-Siyam wa al-Hajj wa al-Jihad, wa taufir al-Fa'I wa al-Sadaqaat, wa imdha', al-Hudud wa al-Ahkam wa ma ' al-Thughur wa al-Atraf*). Imam menghalalkan halal Allah, mengharamkan haram Allah, melaksanakan hudud Allah, mempertahankan agama Allah. Beliau menyeru kepada jalan Tuhannya dengan hikmah dan nasihat yang baik serta hujah yang sampai [kepada mereka]. Imam adalah seperti matahari yang terang dengan cahayanya kepada alam, ia berada di ufuk yang mana tangan dan mata tidak dapat mencapainya.

Imam adalah seperti bulan yang bercahaya, lampu yang bersinar, cahaya yang terserlah, bintang petunjuk pada kegelapan malam di seluruh negara, padang pasir dan lautan. Imam adalah air yang manis bagi orang yang dahaga (*al-Imam al-Maa' al-'Adhb 'ala al-Zamaa'*), penunjuk ke atas pertunjuk, penyelamat daripada kemusnahan. Imam adalah api di puncak, memanaskan orang yang mencari kepanasan, petanda kepada kemusnahan. Sesiapa yang menjauhinya akan binasa. Imam adalah awan yang menurunkan hujan dan hujan yang meliputi segenap penjuru, matahari yang bercahaya, langit yang ada bayang,

[53] Surah Ali Imraan (3): 68

bumi yang terbentang, kawasan dataran rumput yang luas, kolam dan taman. Imam adalah teman yang rapat (*al-Anis al-Rafiq*).

Bapa yang penuh kasih sayang, saudara kandung, ibu yang penyayang kepada anak kecil, tempat perlindungan kepada manusia daripada bencana yang merbahaya. Imam adalah penjaga ke atas makhluk-Nya dan *Hujjah*-Nya ke atas hamba-hamba-Nya, khalifah-Nya di bumi-Nya, penyeru kepada Allah dan penjaga kehormatan Allah. Imam adalah suci daripada segala dosa, bebas daripada segala keaiban, dikhususkan dengan ilmu dan kesabaran. Kemuliaan agama, kekuatan muslimin, kemarahan munafiqin dan kehancuran mereka yang kafir.

Imam tiada taranya pada zamannya, tiada seorang yang dapat mencapai kedudukannya, tiada seorang yang alim dapat menandinginya, tiada seorang yang akan dapat mengambil tempatnya[54], tiada seorang yang seumpamanya atau serupa dengannya. Imam dikhususkan dengan segala kelebihan tanpa tuntutan daripadanya dan tanpa usaha, malah ia adalah daripada keistimewaan yang dikurniakan oleh Yang Maha Pemberi. Justeru siapakah di sana yang sampai ke tahap ilmu seorang imam atau yang mempunyai kelebihan untuk memilihnya?

Alangkah jauhnya daripada kebenaran! Akal dan khayalan tersesat, hati di dalam kebingungan, mata tidak dapat melihatnya, perkara yang besar menjadi kecil, bijak-pandai di dalam kebingungan, ahli fakir tidak dapat mencapainya, pemidato-pemidato tidak dapat menerangkannya, mereka yang cerdik menjadi jahil, pujangga-pujangga tidak dapat menjelaskannya, penyair-penyair dan sasterawan-sasterawan tidak terdaya dan orang yang fasih lidah menjadi kaku untuk menceritakan satu daripada aspek-aspeknya atau satu daripada kelebihan-kelebihannya.

Semua mereka telah mengakui kelemahan dan kekurangan mereka. Justeru bagaimana Imam diceritakan secara keseluruhannya, bagaimana dalamannya boleh ditentukan secara terperinci? Atau bagaimana urusannya difahami? Siapakah yang akan mengambil tempatnya dan memberi apa yang beliau (imam) memberikannya? Tidak! Bagaimana dan di mana? Imam kedudukannya sepertilah bintang kepada tangan yang mahu menyentuhinya, seperti cerita yang diceritakan oleh mereka yang menceritakannya. Lantaran itu, apakah peranan pemilihan (*al-Ikhtiyar*) di dalam perkara ini? Apakah peranan akal di dalam perkara ini? Di manakah orang seperti ini boleh didapati?

Apakah kamu menyangka bahawa ini boleh didapati selain daripada keluarga Muhammad s.a.w. Demi Allah, mereka telah membohongi diri mereka sendiri, mereka telah menjanjikan kepada mereka sendiri perkara yang mustahil. Mereka telah menaiki tempat yang susah dan

---

[54] Melainkan beliau seorang Imam

bahaya, kaki mereka akan tergelincir ke bawah. Mereka mahu melantik seorang imam dengan akal yang tercengang dan kekurangan serta pendapat-pendapat yang menyesatkan. Malah mereka bertambah jauh, [bagaimana mereka sampai berpaling!][55] Mereka telah mencari kesusahan, mereka telah berbohong (*ifkan*), mereka telah tersasar jauh, mereka berada di dalam kebingungan kerana mereka telah meninggalkan imam a.s di dalam keadaan mengetahuinya "*Dan syaitan menjadikan mereka memandang baik perbuatan-perbuatan mereka, lalu ia menghalangi mereka dari jalan Allah sedangkan mereka berpandangan tajam*"[56]

Mereka telah mengetepikan pilihan Allah dan pilihan Rasulullah s.a.w dan keluarganya kepada pilihan mereka sendiri sedangkan al-Qur'an menyeru mereka "*Dan Tuhanmu menciptakan apa yang Dia kehendaki dan memilihnya. Sekali-kali tidak ada pilihan bagi mereka. Maha Suci Allah dan Maha Tinggi dari apa yang mereka persekutukan*"[57] Dan firman Allah "*Dan tidaklah patut bagi mukmin dan mukminah, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan sesuatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka*"[58] dan firman-Nya "*Mengapa kamu (berbuat sedemikian): Bagaimana kamu mengambil keputusan?*

Atau adakah kamu mempunyai sebuah kitab (yang diturunkan) yang kamu membacanya? Bahawa di dalamnya kamu benar-benar boleh memilih apa yang kamu sukai untukmu. Atau apakah kamu memperoleh janji-janji yang diperkuat dengan sumpah dari Kami, yang tetap berlaku sampai hari Kiamat; sesugguhnya kamu benar-benar dapat mengambil keputusan (sekehendakmu)? Tanyalah kepada mereka: "Siapakah di antara mereka yang bertanggung-jawab terhadap keputusan yang diambil itu?" Atau apakah mereka mempunyai sekutu-sekutu? Maka hendaklah mereka mendatangkan sekutu-sekutunya jika mereka benar"[59] Dan Allah telah berfirman "*Maka apakah mereka tidak memerhatikan al-Qur'an ataukah hati mereka terkunci?*"[60].

Ataukah "*hati mereka telah dikunci mati, maka mereka tidak mengetahui?*"[61] Atau "*Mereka telah berkata: Kami telah mendengar sedangkan mereka tidak mendengarkan (nya). Sesungguhnya binatang yang seburuk-buruknya pada sisi Allah ialah mereka yang pekak dan tuli, yang tidak mengerti apa-apapun. Jikalau Allah mengetahui kebaikan ada pada mereka, nescaya Allah menjadikan mereka dapat mendengar. Dan*

---

[55] Surah al-Taubah (9): 30
[56] Surah al-'Ankabuut (29): 38
[57] Surah al-Qasas (28): 68
[58] Surah al-Ahzab (33): 36
[59] Surah al-Qalam (68): 36-41
[60] Surah Muhammad (47): 24
[61] Surah al-Taubah (9):87

Jikalau Allah menjadikan mereka dapat mendengar, nescaya mereka pasti berpaling juga sedang mereka memalingkan diri"[62] ataukah "*Mereka telah berkata: Kami telah mendengar dan kami menderhakainya*"[63] Malah ia adalah "*Kurnia Allah, Dia kurniakannya kepada siapa yang Dia kehendaki dan Allah mempunyai kurnia yang besar*"[64]

Bagaimana mereka berhak memilih seorang imam? Sedangkan imam adalah seorang alim yang tidak jahil, seorang pengembala yang tidak cuai, galian yang suci dan bersih, warak dan zuhud, keilmuan dan ibadah, secara khusus disebut di dalam doa Rasulullah s.a.w, keturunan yang disucikan, tiada kecurigaan pada keturunannya, tiada seorangpun yang dapat menandinginya pada kemuliaannya, beliau adalah daripada Quraisy dan kemuncak Bani Hasyim, daripada keturunan Rasulullah s.a.w, diredai oleh Allah a.w. beliau adalah di kemuncak yang mulia, cabang daripada 'Abd al-Manaf, ilmu yang bertambah, kesabaran yang sempurna, yang mengetahui dengan *Imamah*, alim dengan politik, mentaatinya adalah wajib, melaksanakan urusan Allah (*Qaim bi-amri llahi*), penasihat kepada hamba-hamba Allah, penjaga kepada agama Allah.

Sesungguhnya para nabi dan para imam a.s diberi taufik oleh Allah dari simpanan ilmu-Nya dan hikmah-Nya yang mana Dia tidak memberikannya selain daripada mereka. Justeru, ilmu mereka mengatasi keilmuan ahli zaman mereka sebagaimana firman Allah "*Maka apakah mereka yang menunjuki kepada kebenaran itu lebih berhak diikuti ataukah orang yang tidak dapat memberi petunjuk kecuali (bila) diberi petunjuk? Mengapa kamu (berbuat sedemikian)? Bagaimana kamu mengambil keputusan?*"[65] Dan firman-Nya "*Dan siapa yang diberikan hikmah, maka dia telah diberikan kebaikan yang banyak*"[66]. Dan firman-Nya kepada Talut "*Sesungguhnya Allah telah memilihnya menjadi rajamu dan menganugerahinya ilmu yang luas dan tubuh yang perkasa. Allah memberikan pemerintahan kepada siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas pemberian-Nya lagi Maha Mengetahui*"[67]

Dan Dia telah berfirman kepada nabi-Nya "*Dan Allah telah menurunkan Kitab dan hikmah kepadamu dan telah mengajarkan kepadamu apa yang belum kamu ketahui. Dan adalah kurnia Allah sangat besar atasmu*"[68] Dan Dia telah berfirman tentang para imam Ahlu l-Bait nabi-Nya dan zuriatnya a.s "*Ataukah mereka dengki kepada manusia, lantaran kurnia yang Allah telah berikan kepada manusia itu?*

---

[62] Surah al-Anfaal (8):21-23
[63] Surah al-Baqarah (2): 93
[64] Surah al-Hadiid (57: 21, Surah al-Jumu'ah (62): 4
[65] Surah Yunus (10): 35
[66] Surah al-Baqarah (2): 269
[67] Surah al-Baqarah (2): 247
[68] Surah al-Nisaa' (4):113

Sungguhnya Kami telah memberikan Kitab dan Hikmah kepada keluarga Ibrahim dan Kami telah memberikannya kerajaan yang besar. Maka di antara mereka ada yang beriman kepadanya dan di antara mereka ada yang menghalangi (manusia) dari beriaman kepadanya. Dan cukuplah bagi mereka neraka Jahanam yang menyala-nyala apinya"[69]

Sesungguhnya apabila Allah memilih seorang hamba untuk pengurusan hamba-hamba-Nya, Dia melampangkan dadanya untuknya; Dia menyimpan di hatinya pancaran hikmah dan memberi ilham kepadanya dengan ilmu. Selepas itu beliau tidak menggagap dengan jawapan dan beliau tidak akan menyeleweng daripada kebenaran. Lantaran itu, beliau adalah maksum, disokong, diberi taufik dan petunjuk (*fa-huwa ma'sum muayyad, muwaffaq musaddad*). Beliau akan terselamat dari kesalahan, kegelinciran dan kesilapan (*qad amina min al-Khataya wa al-Zulal wa al-'Ithar*). Allah mengkhususkan untuknya dengan sifat-sifat sedemikian supaya beliau menjadi *Hujjah*-Nya ke atas hamba-hamba-Nya, saksi-Nya ke atas makhluk-Nya "*Itu adalah kurnia Allah, Dia memberikannya kepada siapa yang Dia kehendaki dan Allah mempunyai kurnia yang besar*"[70]

Adakah mereka mempunyai kuasa untuk melakukan seperti ini, lantaran itu, mereka boleh memilihnya? Atau bolehkah seorang yang mereka pilih itu mempunyai sifat-sifat ini sehingga mereka mengutamakannya? Dengan nama Baitullah, mereka telah melampaui kebenaran dan meninggalkan Kitab Allah di belakang mereka seolah-olah mereka tidak mengetahuinya dan di dalam Kitab Allah terdapat petunjuk dan penawar, tetapi mereka telah menolaknya dan mengikuti hawa nafsu mereka.

Justeru, Allah telah mencela mereka, memarahi mereka dan menghina mereka, maka Dia telah berfirman "*Dan siapakah yang lebih sesat daripada orang yang mengikuti hawa nafsunya tanpa petunjuk daripada Allah, sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada mereka yang zalim*"[71] Dan Dia telah berfirman "*Maka kecelakaanlah bagi mereka dan Allah menyesatkan amal-amal mereka*"[72] Dan Dia telah berfirman "*Amat besar kemurkaan (bagi mereka) di sisi Allah dan di sisi mereka yang beriman. Demikianlah Allah mengunci mati hati orang yang sombong dan sewenang-wenang*"[73]

(94)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Ishaq bin Ghalib, daripada Abu Abdillah a.s di dalam khutbahnya menyebut tentang keadaan para

---

69 Surah al-Nisaa' (4): 54-55
70 Surah al-Hadiid (57): 21 dan Surah al-Qasas (28): 50
71 Surah al-Qasas (28): 50
72 Surah Muhammad (47): 8
73 Surah al-Mu'min (40): 35

imam a.s dan sifat-sifat mereka: Sesungguhnya Allah a.w telah menerangkan agama-Nya melalui para imam yang mendapat petunjuk daripada keluarga nabi kami, Dia telah menjelaskan melalui mereka jalan-Nya, membuka batin pancaran ilmu-Nya melalui mereka. Lantaran itu, sesiapa yang mengetahui di kalangan umat Muhammad tentang hak para imam a.s yang wajib ke atasnya, nescaya beliau merasai kemanisan imannya dan mengetahui kebaikan Islamnya. Ini kerana Allah telah melantik seorang imam sebagai tanda ke atas makhluk-Nya dan menjadikannya sebagai *Hujjah* ke atas pencinta-pencinta-Nya.

Allah telah memakaikannya dengan mahkota ketenangan dan menutupinya dengan cahaya Yang Maha Perkasa, Dia telah menjadikannya sebagai tali yang memanjang ke syurga dengan kasih-sayang-Nya tidak pernah terputus daripadanya. Tidak ada satu perkara pun yang dapat dicapai di sisi Allah kecuali melalui tali-talinya[74] (*la yunalu ma 'inda llahi illa bi-jihati asbabi-hi*) dan Allah tidak menerima amalan baik hamba-hamba-Nya melainkan dengan mengetahuinya (*bi-ma'rifati-hi*)[75]. Lantaran itu, beliau mengetahui kesamaran kegelapan yang mendatanginya, jalan-jalan yang kabur dan kesamaran-kesamaran fitnah.

Allah sentiasa memilih mereka untuk makhluk-Nya daripada anak-anak lelaki al-Husain a.s selepas setiap imam. Dia telah mengutamakan mereka untuk itu, memilih mereka dan meredai mereka untuk makhluk-Nya. Apabila seorang imam daripada mereka mati, maka Dia melantik seorang imam untuk makhluk-Nya selepasnya sebagai satu tanda yang terang, petunjuk yang bersinar, imam yang bertanggungjawab, *Hujjah* yang alim, para imam daripada Allah sebagaimana firman-Nya "*Mereka memberi petunjuk dengan hak dan dengan hak itulah mereka menjalankan keadilan*"[76]

Merekalah *Hujjah-Hujjah* Allah, pendakwah-pendakwah-Nya dan pengembala-pengembala kepada makhluk-Nya yang mana hamba-hamba-Nya mengambil petunjuk daripada mereka, semua tempat disinari cahaya mereka, keberkatan bertambah menerusi keberkatan mereka. Allah telah menjadikan mereka penghidupan kepada umat manusia, lampu kepada kegelapan, kunci kepada percakapan, tiang kepada Islam. Ketetapan Allah kepada mereka telah berlaku dengan kepastian. Justeru, imam a.s adalah dilantik dan diredai, petunjuk yang dipercayai (olehNya), pengganti yang diharap-harapkan (*al-Qaim al-Murtaja*). Allah telah mengutamakannya untuk itu, Dia telah membentuknya di dalam "penglihatan-Nya" di alam atom (*dhar*) ketika ia bertaburan dan di alam daratan ketika ia membebaskannya, di alam

[74] Para imam a.s
[75] Imam a.s
[76] Surah al-A'raaf (7): 159

bayangan (*al-Zillah*) sebelum penciptaan makhluk[77], berada di kanan Arasy-Nya, dikurniakan hikmah yang tersembunyi bersamanya. Dia telah memilihnya menerusi ilmu-Nya dan memilihnya kerana kesuciannya.

Imam adalah peninggalan Adam a.s dan sebaik-baik zuriat Nuh a.s, terpilih daripada keluarga Ibrahim a.s, keturunan daripada Ismail a.s dan pilihan daripada keluarga Muhammad s.a.w yang sentiasa dijaga dengan "mata Allah", menjaganya dengan penutupan-Nya, jauh daripada jaringan Iblis dan tentera-tenteranya, [jauh daripada] hembusan malam dan hembusan penjahat. Beliau adalah bebas daripada kecacatan badan, terlindung daripada mala-petaka, terpelihara daripada kesalahan (*ma'suman min al-Zillaat*), terkawal daripada segala kejahatan, dikenali dengan kesabaran dan kebaikannya terserlah. Dikenali dengan keluhuran akhlak, ilmu dan kelebihan pada akhir kehidupan bapanya. Urusan bapanya diberikan kepadanya. Beliau berdiam diri dari bercakap [78]ketika ayahnya masih hidup. Apabila tempoh bapanya berakhir dan ketetapan Allah mengenainya berakhir kepada kehendak-Nya dan iradat datang daripada Allah untuk mencintainya dan apabila tempoh bapanya berakhir dan beliau mati, maka urusan Allah bertukar kepadanya selepasnya. Kemudian Dia memberi amanah-Nya kepadanya dan menjadikannya pemimpin di bumi-Nya.

Dan Dia menguatkannya dengan roh-Nya, mengurniakan kepadanya ilmu-Nya dan menjelaskannya dengan terperinci, menyimpan rahsia-Nya, melantiknya untuk urusan-Nya yang besar, memberitahunya tentang kelebihan ilmu-Nya dan melantik-nya sebagai tanda kepada makhluk-Nya dan menjadikannya *Hujjah* ke atas semua makhluk-Nya, sebagai cahaya untuk agama-Nya dan pengembala ke atas hamba-hamba-Nya. Allah meredainya sebagai imam untuk mereka.

Dia telah menyimpan di sisinya ilmu-Nya dan memintanya supaya menjaganya, memperkuatkan hikmat-Nya untuknya, membuatnya penjaga kepada agama-Nya, melantiknya untuk urusan-Nya yang besar, menghidupkan jalan-Nya, fardu-Nya dan batasan-Nya. Lantaran itu, beliau melaksanakan keadilan, ketika mereka yang jahil dan pendebat-pendebat agama di dalam kebingungan, dengan cahaya yang terang dan penawar yang mujarab; kebenaran yang jelas, keterangan yang nyata di setiap perkara menurut jalan yang dilalui oleh bapa-bapanya yang benar.

Tiada seorang yang tidak mengetahui hak alim ini[79] kecuali seorang yang celaka (*fa-laisa yajhalu haqqa hadha al-'Alim illa syaqiyyun*), tiada seorang yang mengingkarinya kecuali orang yang sesat (*wa-la yajhadu-*

---

[77] Penciptaan para imam a.s adalah lebih awal daripada penciptaan makhluk-Nya yang lain.
[78] Tentang *imamah.*
[79] Imam a.s

hu illa ghawiyyun) dan tiada seorang yang menentangnya kecuali orang yang berani menentang Allah Yang Maha Mulia dan Maha Tinggi (*wa-la yasuddu 'an-hu illa jariyyun 'ala llahi jalla wa 'alaa*).

Bab 16

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Adalah Mereka Yang Mempunyai Kuasa Dan Merekalah Yang Didengkikan (*inna al-Aimmata a.s wullat al-Amri wa hum al-Naas al-Mahsudun*) ☼

(95)-1. Al-Husain bin Muhammad bin 'Amir al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad berkata: Al-Hasan ibn Ali al-Wasya' telah memberitahuku, daripada Ahmad bin 'A'idh, daripada ibn Udhinah, daripada Buraid al-'Ajali berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w "*Taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya dan uli al-Amri di antara kamu*"[80]Maka beliau a.s telah membaca firman Allah "*Apakah kamu tidak memperhatikan mereka yang diberi bahagian dari al-Kitab? Mereka percaya apa yang disembah selain Allah dan taghut dan mengatakan kepada mereka yang kafir bahawa mereka itu lebih benar jalannya dari mereka yang beriman*"

Mereka telah berkata kepada para imam yang sesat dan penyeru-penyeru kepada neraka: Mereka itu adalah lebih benar jalannya daripada keluarga Muhammad "*Mereka itulah orang yang dilaknati Allah. Sesiapa yang dilaknati Allah, nescaya kamu sekali-kali tidak akan memperolehi penolong baginya. Atau adakah bagi mereka bahagian dari kerajaan-Iaitu imamah dan khilafah-Jika ada sekalipun, mereka tidak akan memberi sedikitpun (kebajikan) kepada mansia*" Kamilah manusia (*al-Naas*) yang dimaksudkan oleh Allah. Dan *naqir* adalah noktah di biji kurma. "*Atau adakah mereka dengki kepada manusia lantaran kurnia yang Allah berikan kepada manusia itu?*" Kamilah manusia yang

---

[80] Surah al-Nisaa' (4): 59

didengkikan di atas kurniaan *imamah* bukan makhluk Allah yang lain (*nahnu al-Naas al-Mahsudun 'ala ma ataa-na llahu min al-Imamati duna khalqi llahi ajma'iin*) "*Sesungguhnya Kami telah memberikan Kitab dan Hikmah kepada keluarga Ibrahim*"

Beliau a.s telah berkata: Dia telah menjadikan daripada mereka para rasul, para nabi dan para imam a.s, maka bagaimana mereka mengakuinya pada keluarga Ibrahim a.s sedangkan mereka mengingkarinya pada keluarga Muhammad s.a.w "*Maka di antara mereka (yang dengki itu) ada yang beriman kepadanya dan di antara mereka ada yang menghalangi (manusia) dari beriman kepadanya. Dan cukuplah (bagi mereka) Jahanam yang menyala-nyala apinya. Sesungguhnya mereka yang kafir kepada ayat-ayat Kami, kelak akan Kami masukkan mereka ke dalam neraka. Setiap kali kulit mereka hangus, Kami ganti kulit mereka dengan kulit yang lain, supaya mereka merasakan azab. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana*"[81]

(96)-2. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu al-Hasan a.s tentang firman Allah "*Atau adakah mereka dengki kepada manusia lantaran kurnia yang Allah berikan kepada manusia itu?*"[82] Beliau a.s telah berkata: Kamilah yang mereka dengkikan (*nahnu al-Mahsudun*).

(97)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya al-Halabi, daripada Muhammad bin Ahwal, daripada Humraan bin A'yan berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w "*Sesungguhnya Kami telah memberikan Kitab dan Hikmah kepada keluarga Ibrahim*" Maka beliau a.s telah berkata: Al-Kitab adalah Kenabian (*al-Nubuwwah*). Aku telah berkata: Al-Hikmah? Beliau a.s telah berkata: Kefahaman dan hukuman (adil). Aku telah berkata: "*Sesungguhnya Kami telah memberikan Kitab dan Hikmah kepada keluarga Ibrahim*"[83] Beliau a.s telah berkata: Ketaatan.

(98)-4. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasya', daripada Hammad bin Uthman, daripada Abu al-Sabah berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w "*Atau adakah mereka dengki kepada manusia lantaran kurnia yang Allah berikan kepada manusia itu?*"[84] Beliau a.s

[81] Surah al-Nisaa' (4): 51-56
[82] Surah al-Nisaa' (4): 54
[83] Ibid
[84] Ibid

telah berkata: Wahai Abu al-Sabah, kamilah, demi Allah, manusia yang di dengkikan (*nahnu al-Naas al-Mahsudun*).

(99)-5. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Muhammad bin Abu 'Umair, daripada Umar bin Udhinah, daripada Buraid al-'Ajali, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w "*Sesungguhnya Kami telah memberikan Kitab dan Hikmah kepada keluarga Ibrahim*" Beliau a.s telah berkata: Dia telah menjadikan daripada mereka para rasul, para nabi dan para imam a.s, maka bagaimana mereka mengakuinya pada keluarga Ibrahim a.s sedangkan mereka mengingkarinya pada keluarga Muhammad s.a.w. Aku telah berkata: "*Kami telah memberikan kepadanya kerajaan yang besar*"? Beliau a.s telah berkata: Kerajaan yang besar (*al-Mulk al-A'zim*) bahawa Dia telah menjadikan di kalangan mereka para imam; sesiapa yang mentaati mereka, maka sesungguhnya beliau mentaati Allah dan sesiapa yang menderhakai mereka, maka beliau telah menderhakai Allah, maka Dia adalah kerajaan yang besar.

Bab 17

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Merekalah Alamat-Alamat Yang Telah Disebutkan Allah A.W Di Dalam Kitab-Nya (*inna al-Aimmata a.s hum al-'Alamaat al-Lati zakara-ha lluhu a.w fi kitabi-hi*)☼

(100)-1. Al-Hasan bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Abu Daud al-Mustariqq berkata: Daud al-Jassas telah memberitahu kami berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s berkata: "*Dan alamat-alamat dan dengan bintang itulah mereka mendapat petunjuk*"[85] Beliau a.s telah berkata: Bintang (*al-Najm*) itu adalah Rasulullah s.a.w dan alamat-alamat[86] itu adalah para imam a.s.

(101)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasya', daripada Asbat bin Salim berkata: Al-Haitham telah bertanya Abu Abdillah a.s dan aku telah berada di sisinya tentang firman Allah a.w "*Dan alamat-alamat dan dengan bintang itulah mereka mendapat petunjuk*"[87] Beliau a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w adalah bintang dan alamat-alamat adalah para imam a.s.

---

[85] Surah al-Nahl (16): 16
[86] Tanda-tanda
[87] Surah al-Nahl (16): 16

(102)-3. Al-Hasan bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasya' berkata: Aku telah bertanya al-Ridha a.s tentang firman Allah a.w "*Dan alamat-alamat dan dengan bintang itulah mereka mendapat petunjuk*"[88] Beliau a.s telah berkata: Kamilah alamat-alamat itu dan bintang itu adalah Rasulullah s.a.w.

Bab 18

☼ Sesungguhnya Ayat-Ayat (Tanda-Tanda) Yang Disebut Oleh Allah A.W Di Dalam Kitab-Nya Adalah Para Imam A.S (*inna al-Ayat al-Lati dhakara-ha llahu a.w fi kitabi-hi hum al-Aimmatu a.s*)☼

(103)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mua'lla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdullah, daripada Ahmad bin Hilal, daripada Umayyah bin Ali, daripada Daud al- Raqiy berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.s "*Tidaklah bermanfaat tanda-tanda (ayat-ayat) dan para rasul yang memberi peringatan (al-Nuzur) bagi mereka yang tidak beriman*"[89] Beliau a.s telah berkata: *Al-Ayat* adalah para imam dan *al-Nuzur* adalah para nabi a.s.

(104)-2. Ahmad bin Mihran, daripada 'Abd al-'Azim bin Abdullah al-Hasani, daripada Musa bin Muhammad al-'Ajali, daripada Yunus bin Ya'qub secara *marfu'*, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w "*Mereka telah mendustakan ayat-ayat kami kesemuanya*"[90]Iaitu para wasi kesemuanya.

(105)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Ahmad, daripada Muhammad bin Abu 'Umair atau selain daripadanya, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu Hamzah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan

---

[88] Surah al-Nahl (16): 16
[89] Surah Yunus (10): 101
[90] Surah al-Qamar (54): 42

diriku tebusan anda, sesungguhnya Syiah bertanya anda tentang tafsir ayat ini *"Tentang apakah mereka saling bertanya-tanya?"*[91] Beliau a.s telah berkata: Itu terserah kepadaku, jika aku mahu, aku memberitahukan mereka dan jika aku tidak mahu, aku tidak memberitahukan mereka, tetapi aku akan memberitahukannya kepada anda tentang tafsirnya. Aku telah berkata: *"Tentang apakah mereka saling bertanya-tanya?"*[92] Beliau a.s telah berkata: Ayat itu adalah tentang Amir al-Mukminin a.s. Amir al-Mukmin a.s pernah berkata: Tidak ada bagi Allah a. w ayat yang lebih besar daripadaku dan tidak ada bagi Allah berita yang lebih besar daripadaku (*ma li-llah ayat hiya akbar min-ni wa la li-llah min naba'in a'zamu min-ni*)

Bab 19

☼ Apa Yang Difardukan Oleh Allah A. W Dan Rasul-Nya S.A.W Ke Atas Makhluk-Nya Adalah Bersama Para Imam A.S (*ma fardha llahu a.w wa rasalu-hu s.a.w min al-Kaun ma'a al-Aimmati a.s*)☼

(106)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasya', daripada Ahmad bin 'Aidh, daripada Ibn Udhainah, daripada Buraid bin Mu'awiyah al-'Ajali berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w "*Wahai mereka yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah kamu bersama mereka yang benar*"[93] Beliau a.s telah berkata: Kepada kamilah ayat itu dimaksudkan.

(107)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Abi Nasr, daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah berkata: Aku telah bertanya beliau a.s tentng firman Allah a.w "*Wahai mereka yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah kamu bersama mereka yang benar*"[94] Beliau a.s telah berkata: Mereka yang benar(*al-Sadiqun*) adalah para imam a.s dan mereka yang membenarkan mereka (*al-Siddiqun*) adalah dengan mentaati mereka.

(108)-3. Ahmad bin Muhammad dan Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin 'Abd al-

[91] Surah al-Naba' (76):1
[92] Surah al-Naba' (76):1
[93] Surah al-Tubah (9): 119
[94] Surah al-Tubah (9): 119

Hamid, daripada Mansur bin Yunus, daripada Sa'd bin Tarif, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesiapa yang ingin hidup seperti kehidupan yang menyerupai kehidupan para nabi dan mati seperti kematian yang menyerupai kematian para syahid dan mendiami taman-taman (syurga) yang ditanamkan oleh Yang Maha Pemurah, maka hendaklah beliau mewalikan Ali dan mewalikan walinya dan mengikuti para imam selepasnya, kerana merekalah keluargaku, mereka diciptakan daripada tanahku. Wahai Tuhanku, kurnialah kepada mereka kefahamnku dan ilmuku. Dan celakalah bagi mereka yang menyalahi "mereka" daripada umatku. Wahai Tuhanku, janganlah syafaatku sampai kepada mereka" (*man ahabba an yahya hayatan tusybihu hayata al-Anbiya' wa yamutu maitatan tusybihu maitata al-Syuhadaa' wa yaskunu al-Jinaan al-Lati gharasa-ha al-Rahman fa-yatawalla 'Aliyyan wa-l-Yuwali waliyya-hu wa l-Yaqtadi bi-al-Aimmati man ba'da-hu, fa-inna-hum 'itrati khuliquu min tinati. Allahumma urzuq-hum fahmi wa 'ilmi wa wailun lil-Mukhalifin la-hum min ummatii, Allahumma la tanal-hum syafa'ati*).

(109)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada al-Nadhar bin Syu'aib, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu Hamzah al-Thumali berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda di dalam sebuah hadis Kudsi: Penyempurnaan *Hujjah*-Ku ke atas mereka yang celaka daripada umatmu adalah apabila seorang itu telah meninggalkan wilayah Ali dan mewalikan musuh-musuhnya, mengingkari kelebihannya dan kelebihan para wasinya selepasnya, kerana kelebihanmu adalah kelebihan mereka, ketaatanmu adalah ketaatan mereka, hakmu adalah hak mereka, menderhakaimu adalah menderhakai mereka. Mereka adalah para imam yang memberi petunjuk selepasmu. Rohmu[95] mengalir pada mereka dan roh yang mengalir padamu adalah daripada Tuhanmu.

Mereka adalah keluargamu daripada tanah (*tinah*) mu, dagingmu dan darahmu. Sesungguhnya Allah telah mengalirkan pada mereka sunnahmu dan sunnah para nabi sebelummu. Mereka itu adalah penyimpan-penyimpan ilmu-Ku selepasmu. Adalah menjadi hak Aku, sesungguhnya Aku telah memilih mereka, menjadikan mereka ikhlas (kepadaKu) dan Aku pula meredai mereka. Berjayalah orang yang mencintai mereka, mewalikan mereka dan menyerahkan diri kepada mereka kerana kelebihan mereka. Sesungguhnya Jibrail a.s telah mendatangiKu dengan nama-nama mereka, nama-nama bapa mereka, pencinta-pencinta mereka dan mereka yang menyerahkan diri mereka kerana kelebihan mereka.

[95] Roh Rasulullah s.a.w dan roh para imam a.s adalah satu

(110)-5. Daripada beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Fadhalah bin Ayyub, daripada Abu al-Maghra, daripada Muhammad bin Salim, daripada Abban bin Taghlab berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesiapa yang ingin hidup kehidupanku, mati kematianku dan memasuki syurga 'Aden yang telah ditanam oleh Allah, Tuhanku dengan tangan-Nya, maka hendaklan beliau mewalikan Ali bin Abu Talib, mewalikan walinya, memusuhi musuhnya dan menyerahkan dirinya kepada para wasi selepasnya, kerana mereka adalah keluargaku daripada dagingku dan darahku, Allah telah memberikan kepada mereka kefahamanku dan ilmuku, kepada Allah aku mengadu [urusan] umatku yang mengingkari kelebihan mereka, memutuskan pada mereka perhubunganku. Demi Allah, mereka akan membunuh anak lelakiku[96], Allah tidak akan membenarkan syafaatku sampai kepada mereka.

(111)-6. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Musa bin Sa'dan, daripada Abdullah bin al-Qasim, daripada 'Abd al-Qahhar, daripada Jabir al-Ja'fi, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesiapa yang ingin hidup kehidupanku, mati kematianku, memasuki syurga yang telah dijanjikannya oleh Tuhanku dan berpegang kepada sebatang kayu atau tongkat (*al-Qadhib*) yang telah ditanam oleh Tuhanku dengan tangan-Nya, maka hendaklah beliau mewalikan Ali bin Abu Talib a.s dan para wasinya selepasnya kerana mereka tidak akan memasukkan kamu kepada pintu kesesatan dan tidak mengeluarkan kamu daripada pintu petunjuk.

Janganlah kamu mengajar mereka, kerana mereka lebih mengetahui daripada kamu (*fa-la tu'allimuu-hum fa-inna-hum a'lamu min-kum*) dan sesungguhnya aku telah memohon kepada Tuhanku supaya tidak memisahkan mereka daripada Kitab (al-Qur'an) sehingga kedua-duanya dikembalikan kepadaku di Kolam (al-Haudh) seperti ini-beliau telah memasukkan anak-anak jari kedua-dua tangannya-dan membentangkannya di antara San'a' dan Ilah. Padanya[97] cawan-cawan daripada emas dan perak seperti bilangan bintang-bintang.

(112)-7. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Fadhalah bin Ayyub, daripada al-Hasan bin Ziyad, daripada al-Fudhail bin Yasar berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya keselesaan,

---

[96] Al-Husain a.s
[97] Di al-Haudh

kerehatan, kenikmatan, pertolongan, kejayaan, keberkatan, kemuliaan (*al-Karamah*), keampunan, kemaafan, kesenangan, kegembiraan, keampunan, berdekatan, kemenangan, kekuasaan, harapan dan kasih sayang adalah daripada Allah a.w bagi orang yang telah mewalikan Ali dan mengikutinya, membersihkan dirinya daripada musuhnya, menyerahkan dirinya kepada para wasi selepasnya, maka berhak ke atasku memasukkan mereka ke dalam syafaatku dan menjadi hak ke atas Tuhanku menyahuti seruanku kepada mereka kerana mereka adalah pengikut-pengikutku, maka sesiapa yang mengikutiku, maka beliau adalah daripadaku".

Bab 20

☼Sesungguhnya *Ahl Al-Zikr* Yang Allah Perintahkan MakhlukNya Supaya Bertanya Kepada Mereka Merupakan Para Imam A.S *(inna ahl al-Zikr al-Ladhin amara llahu bi-suaali-him hum al-Aimmati a.s)*☼

(113)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasya', daripada Abdullah bin 'Ajalan, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w "*Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan (ahl al-Zikr) jika kamu tidak mengetahui*"[1] Rasulullah s.a.w telah bersabda: *Al-Zikr* adalah aku dan para imam (a.s) adalah *ahl al-Zikr*. Dan firman-Nya "*Sesungguhnya al-Qur'an itu peringatan kepadamu dan kaummu dan kamu akan diminta pertanggunganjawab*"[2] Abu Ja'far a.s telah berkata: Kamilah kaumnya dan kamilah yang dipertanggungjawabkannya [untuk menjawab soalan-soalan kamu].

(114)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Uramah, daripada Ali bin Hassan, daripada bapa saudaranya Abd al-Rahman bin Kathir berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah "*Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan (ahl al-Zikr) jika kamu tidak mengetahui*"[3]

Beliau a.s telah berkata: *Al-Zikr* adalah Muhammad s.a.w dan kamilah keluarganya yang dipertanggungjawabkan (*nahnu ahlu-hu al-Mas'uluun*). Aku telah bertanya kepadanya tentang firman-Nya "*Sesungguhnya al-Qur'an itu peringatan kepadamu dan kaummu dan kamu akan diminta pertanggunganjawab*"[4] Beliau a.s telah berkata: Kepada kamilah ia dimaksudkan, kamilah *ahl al-Zikr* dan kamilah yang dipertanggungjawabkan [untuk menjawab soalan-soalan kamu].

(115)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasya' berkata: Aku telah bertanya al-Ridha a.s, maka aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, "*Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai*

[1] Surah al-Nahl (16): 43
[2] Surah al-Zukhruf (43): 44
[3] Surah al-Nahl (16): 43
[4] Surah al-Zukhruf (43): 44

pengetahuan (ahl al-Zikr) jika kamu tidak mengetahui"[5] Beliau a.s telah berkata: Kamilah *ahl al-Zikr* dan kamilah yang dipertanggungjawab [untuk menjawab soalan-soalan kamu]. Aku telah berkata: Kamulah yang ditanya dan kamilah orang yang mesti bertanya? Beliau a.s telah berkata: Ya, aku telah berkata: Adakah hak kami bertanya kamu? Beliau a.s telah berkata: Ya. Aku telah berkata: Adakah hak ke atas kamu menyahuti seruan kami? Beliau a.s telah berkata: Tidak. Ini terserah kepada kami, jika kami mahu, kami akan melakukannya dan jika kami mahu, kami tidak melakukannya. Tidakkah anda mendengar firman Allah "*Inilah anugerah kami, maka berikanlah atau tahanlah dengan tiada pertanggungjawab*"[6]

(116)-4. Daripada beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada 'Asim bin Hamid, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w "*Sesungguhnya al-Qur'an itu peringatan kepadamu dan kaummu dan kamu akan diminta pertanggunganjawab*"[7] Maka Rasulullah s.a.w adalah *al-Zikr* (peringatan) dan Ahl al-Baitnya a.s adalah yang akan dipertanggungjawab [8] dan merekalah *ahl al-Zikr.*

(117)-5. Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Hammad, daripada Ruba'i, daripada al-Fudhail, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah "*Sesungguhnya al-Qur'an itu peringatan kepadamu dan kaummu dan kamu akan diminta pertanggunganjawab*"[9] Beliau a.s telah berkata: *Al-Zikr* adalah al-Qur'an, kamilah kaumnya dan kamilah yang akan dipertanggungjawab.

(118)-6. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Ismail, daripada Mansur bin Yunus, daripada Abu Bakr al-Hadhrami berkata: Aku telah berada di sisi Abu Ja'far a.s, tiba-tiba al-Ward; saudara lelaki al-Kumait telah datang dan berkata: Allah telah menjadikan diriku tebusan anda, aku telah memilih untuk anda tujuh puluh soalan, tetapi tidak satu pun terlintas di hatiku sekarang. Beliau a.s telah berkata: Tidak satu soalan pun, wahai al-Ward? Beliau telah berkata: Ya, baru sekarang satu soalan terlintas di hatiku. Beliau a.s telah berkata: Apakah dia? Beliau telah berkata: Tentang firman Allah "*Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai*

---

[5] Surah al-Nahl (16): 43
[6] Surah al-Saad (38): 39
[7] Surah al-Zukhruf (43): 44
[8] Akan ditanya
[9] Surah al-Zukhruf (43): 44

pengetahuan (ahl al-Zikr) jika kamu tidak mengetahui"[10] Siapakah mereka? Beliau a.s telah berkata: Kami. Aku telah berkata: Adakah wajib ke atas kami bertanya kepada kamu? Beliau a.s telah berkata: Ya. Aku telah berkata: Adakah wajib ke atas kamu menyahuti kami? Beliau a.s telah berkata: Itu terserah kepada kami.

(119)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Safwan bin Yahya, daripada al-'Alaa' bin Razin, daripada Muhammad bin Muslim, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya mereka[11] di sisi kami menyangka bahawa firman Allah "*Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan (ahl al-Zikr) jika kamu tidak mengetahui"*[12] Sesungguhnya mereka itu adalah golongan Yahudi dan Nasrani. Beliau a.s telah berkata: Jikalau begitu, mereka menyeru kamu kepada agama mereka! Beliau a.s telah berkata dengan tangannya ke dadanya-Kamilah *ahl al-Zikr* dan kamilah *al-Mas'uluun* (yang bertanggungjawab).

(120)-8. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Wasya', daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Ali bin al-Husain a.s telah berkata: Apa yang wajib ke atas para imam tidak wajib ke atas Syiah mereka dan apa yang wajib ke atas Syiah kami, tidak wajib ke atas kami, Allah telah memerintahkan mereka supaya bertanya kepada kami. Dia telah berfirman "*Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan (ahl al-Zikr) jika kamu tidak mengetahui"*[13] Maka Dia telah memerintahkan mereka supaya bertanya kepada kami dan tidaklah wajib ke atas kami menjawabnya. Jika kami mahu, kami menjawabnya dan jika kami mahu, kami tahan (tidak menjawabnya).

(121)-9. Ahmad bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abu Nasr berkata: Aku telah menulis kepada al-Ridha a.s sepucuk surat antara apa yang aku telah menulisnya: Firman Allah a.w ""*Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan (ahl al-Zikr) jika kamu tidak mengetahui"*[14] Dan firman Allah a.w "*Tidak sepatutnya bagi mereka yang mukmin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka kembali kepadanya, supaya*

[10] Surah al-Nahl (16): 43
[11] Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah
[12] Surah al-Nahl (16): 43
[13] Ibid
[14] Ibid

mereka itu dapat menjaga dirinya"[15] Sesungguhnya difardukan ke atas mereka bertanya dan tidak difardukan ke atas kamu menjawabnya? Beliau a.s telah berkata: Allah telah berfirman *"Jika mereka tidak menjawab kepadamu, ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka hanyalah mengikuti hawa nafsu mereka. Dan siapakah yang lebih sesat daripada orang yang mengikuti hawa nafsunya"*[16]

Bab 21

☼Sesungguhnya Mereka Yang disifatkan Allah Di Dalam Kitab-Nya Dengan Ilmu Adalah Para Imam A.S (*inna man wasafa-hu llahu ta'ala fi kitabi-hi bi al-'Ilm hum al-Aimmatu a.s*)☼

(122)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Abdullah bin al-Mughirah, daripada 'Abd al-Mu'min bin al-Qasim al-Ansari, daripada Sa'd bin Jabir, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w "*Adakah sama mereka yang mengetahui dengan mereka yang tidak mengetahui? "Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran"*[17] Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya kamilah orang yang mengetahui dan mereka yang tidak mengetahui adalah musuh kami dan Syiah kami adalah *Ulu al-Albab.*[18]

(123)-2. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w "*Adakah sama mereka yang mengetahui dengan mereka yang tidak mengetahui? "Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran"*[19] Beliau a.s telah berkata: Kamilah orang yang mengetahui sementara musuh kami tidak mengetahui dan Syiah kami adalah *Ulu al-Bab.*

---

[15] Surah al-Taubah (9) :122
[16] Surah al-Qasas (28) : 50
[17] Surah al-Zumar (39) : 9
[18] Orang yang mempunyai mata hati atau pemikiran yang terbuka
[19] Surah al-Zumar (39) : 9

Bab 22

☼Sesungguhnya Orang Yang Mendalam Ilmunya, Mereka Adalah Para Imam A.s (*inna al-Rasikhin fi al-'Ilm hum al-Aimmahtu a.s*)☼

(124)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada al-Ayyub bin al-Hurr dan 'Umran bin Ali, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Kamilah orang yang mendalam ilmunya (*al-Rasikhun*) dan kami mengetahui takwilnya.

(125)-2. Ali bin Muhammad, daripada Abdullah bin Ali, daripada Ibrahim bin Ishaq, daripada Abdullah bin Hammad, daripada Buraid bin Mu'awiyah, daripada salah seorang daripada mereka berdua[20] a.s tentang firman Allah a.w "*Tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah dan mereka yang mendalami ilmunya*"[21] Rasulullah s.a.w adalah orang yang paling mendalam ilmunya. Sesungguhnya Allah telah mengajarnya segala ilmu yang diturunkan kepadanya sama ada merupakan *tanzil* atau takwil. Allah tidak menurunkan sesuatu sehingga Dia mengajar takwilnya kepadanya. Dan para wasi selepasnya mengetahui semuanya. Adapun mereka yang tidak mengetahui takwilnya apabila seorang alim[22] berkata pada mereka tentang ilmu, maka Allah memberi jawapan kepada mereka di dalam firman-Nya "*Mereka telah berkata: Kami beriman kepadanya; semuanya itu dari sisi Tuhan kami*"[23] Al-Qur'an adalah khas dan umum, *muhkam* dan *mutasyabih*, *nasikh* dan *mansukh*. Justeru, orang yang mendalam ilmunya (*al-Rasikhun*) mengetahuinya.

(126)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Uramah, daripada Ali bin Hassan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s berkata: *Al-Rasikhun fi al-'Ilm* adalah Amir al-Mukminin dan para imam a.s selepasnya.

---

[20] Al-Baqir dan Abu Abdillah a.s
[21] Surah Ali Imran (3): 7
[22] Imam a.s
[23] Surah Ali Imran (3): 7

Bab 23

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Dikurniakan ilmu Dan Ditetapkannya Di Dalam Dada Mereka (*inna al-Aimmata a.s qad uutu al-'Ilma wa- uthbita fi suduri-him*)☼

(127)-1. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Hammad bin Isa, daripada al-Husain bin al-Mukhtar, daripada Abu Basir berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata tentang firman Allah a.w "*Sebenarnya al-Qur'an itu adalah ayat-ayat yang nyata di dalan dada mereka yang diberi ilmu*"[24] Lalu beliau a.s telah memberi isyarat dengan tangannya kepada dadanya.

(128)-2. Daripadanya, daripada Muhammad bin Ali, daripada Ibn Mahbub, daripada 'Abd al-'Aziz al-'Abdi, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w "*Sebenarnya al-Qur'an itu adalah ayat-ayat yang nyata di dalan dada mereka yang diberi ilmu*"[25] Beliau a.s telah berkata: Mereka adalah para imam a.s.

(129)-3. Dan daripadanya, daripada Muhammad bin Ali, daripada Uthman bin Isa, daripada Sammaa'ah, daripada Abu Basir berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata tentang ayat ini "*Sebenarnya al-Qur'an itu adalah ayat-ayat yang nyata di dalan dada mereka yang diberi ilmu*"...[26] Kemudian beliau a.s telah berkata: Adapun kemudian daripada itu, demi Allah, wahai Abu Muhammad, Dia tidak berfirman di antara dua kulit mashaf [mengenai ayat tersebut selain daripada kami]? Aku telah berkata: Siapakah mereka? Aku telah menjadikan diriku tebusan anda? Beliau a.s telah berkata: Siapakah mereka selain daripada kami (para imam a.s)?

(130)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Yazid Sya'ar, daripada Harun bin Hamzah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata tentang firman-Nya "*Sebenarnya al-Qur'an itu adalah ayat-ayat yang nyata di dalan dada mereka yang diberi ilmu*"[27] Beliau a.s telah berkata: Mereka adalah para imam a.s secara khusus.

---

[24] Surah al-Ankabuut (29): 49
[25] Ibid
[26] Ibid
[27] Ibid

(131)-5. Daripada beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Muhammad bin al-Fudhail berkata: Aku telah bertanya kepadanya tentang firman Allah a.w "*Sebenarnya al-Qur'an itu adalah ayat-ayat yang nyata di dalan dada mereka yang diberi ilmu*"[28] Beliau a.s telah berkata: Mereka adalah para imam a.s secara khusus.

Bab 24

☼Tentang Hamba-Hamba Yang Telah Dipilih Oleh Allah Dan Mewariskan Mereka Dengan Kitab-Nya, Mereka Adalah para Imam A.S (*fi anna man istafa-hu llahu min 'ibadi-hi wa-auratha-hum kitaba-hu hum al-Aimmatu a.s*)☼

(132)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Hammad bin Isa, daripada 'Abd al-Mu'min, daripada Salim berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w "*Kemudian Kitab itu Kami wariskan kepada mereka yang Kami pilih di antara hamba-hamba-Kami, lalu di antara mereka ada yang menzalimi diri mereka sendiri dan di antara mereka ada yang pertengahan dan di antara mereka ada (pula) yang lebih cepat berbuat kebaikan*"[29] Beliau a.s telah berkata: *Al-Sabiq bi al-Khairat* (yang cepat berbuat kebaikan) itu adalah Imam dan *al-Muqtasid* (yang pertengahan) adalah orang yang mengenali imam a.s dan *al-Zalim li-nafsi-hi* (yang menzalimi dirinya sendiri) adalah orang yang tidak mengetahui imam a.s.

(133)-2. Al-Husain, daripada Mu'alla, daripada al-Wasya', daripada 'Abd al-Karim, daripada Sulaiman bin Khalid, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah bertanya kepadanya tentang firman Allah a.w "*Kemudian Kitab itu Kami wariskan kepada mereka yang Kami pilih di antara hamba-hamba-Kami*" Beliau a.s telah berkata: Apa pendapat kamu mengenainya? Aku telah berkata: Kami telah berpendapat: Sesungguhnya ia adalah untuk keturunan Fatimah a.s? Beliau a.s telah berkata: Ia bukanlah sebagaimana anda katakan, kerana seorang yang telah menunjukkan pedangnya dan menyeru orang ramai kepada penentangan tidak termasuk di dalam ayat ini. Maka aku telah berkata: Apakah pengertian "*yang menzalimi dirinya*"? Beliau a.s telah berkata: Orang yang duduk di rumahnya tanpa mengetahui hak seorang imam

[28] Surah al-Ankabuut (29): 49
[29] Surah al-Faatir (35): 32

a.s. Dan "*yang pertengahan*": Orang yang mengetahui hak seorang imam a.s dan "*yang cepat berbuat kebaikan*": Imam a.s.

(134)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan, daripada Ahmad bin 'Umar berkata: Aku telah bertanya Abu al-Hasan al-Ridha a.s tentang firman Allah a.w "*Kemudian Kitab itu Kami wariskan kepada mereka yang Kami pilih di antara hamba-hamba-Kami*"[30] Beliau a.s telah berkata: Anak-anak lelaki Fatimah a.s, "*yang cepat kepada kebaikan*": Imam a.s, "*yang pertengahan*": Yang mengetahui imam a.s dan "*yang menzalimi dirinya*": Yang tidak mengetahui imam a.s.

(135)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Abu Wallad berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah tentang firman Allah a.w "*Mereka yang telah Kami berikan al-Kitab kepadanya, mereka membacanya dengan bacaan yang sebenarnya, mereka itu beriman kepadanya*"[31] Beliau a.s telah berkata: Mereka itu adalah para imam a.s.

Bab 25

☼ Sesungguhnya Para Imam Di Dalam Kitab Allah Ada Dua Jenis: Imam Yang Menyeru Kepada Allah Dan Imam Yang Menyeru Kepada Neraka (*inna al-Aimmata fi kitabi llahi imamani: Imam yad'u ila llahi wa imam yad'u ila al-Naari*)☼

(136)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Abdullah bin Ghalib, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Apabila turunnya ayat "*Suatu hari Kami panggil setiap umat dengan pemimpinnya (imamnya)*"[32] Mereka yang beragama Islam telah berkata: Wahai Rasulullah, tidakkah anda imam kepada manusia semuanya? Rasulullah s.a.w telah bersabda: Aku adalah Rasulullah kepada semua manusia, tetapi akan ada selepasku para imam ke atas manusia daripada Allah di kalangan keluargaku, mereka akan berada bersama orang ramai, tetapi orang ramai mendustakan mereka. Mereka akan dizalimi oleh para imam kafir lagi sesat serta pengikut-pengikut mereka. Justeru sesiapa yang mengikuti mereka, membenarkan mereka, maka beliau adalah daripadaku dan bersamaku dan beliau akan bertemu denganku. Sesiapa

---

[30] Surah al-Faatir (35): 32
[31] Surah al-Baqarah (2): 121
[32] Surah al-Israa' (17): 71

yang menzalimi mereka, mendustakan mereka, maka beliau bukanlah daripadaku dan bersamaku dan aku bersih daripadanya"

(137)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad dan Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Yahya, daripada Talhah bin Zaid, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya para imam di dalam Kitab Allah ada dua jenis, Allah telah berfirman "*Kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin (imam) yang memberi petunjuk dengan perintah Kami*"[33] Bukan dengan perintah manusia, mereka mendahulukan perintah Allah sebelum perintah mereka, hukum Allah sebelum hukum mereka. Dia telah berfirman "*Dan Kami jadikan mereka pemimpin-pemimpin yang menyeru (manusia) ke neraka*"[34] Mereka mendahulukan perintah mereka sebelum perintah Allah, hukum mereka sebelum hukum Allah. Mereka mengikut hawa nafsu mereka, menyalahi apa yang ada di dalam Kitab Allah a.w.

Bab 26

☼Sesungguhnya Al-Qur'an Memberi Petunjuk Kepada Imam A.S (*inna al-Qur'an yahdi li-al-Imam*)☼

(138)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Hasan bin Mahbub berkata: Aku telah bertanya Abu al-Hasan al-Ridha a.s tentang firman Allah a.w "*Bagi setiap harta peninggalan dari harta yang ditinggalkan ibu bapa, kaum kerabat, Kami jadikan pewaris-pewarisnya. Dan mereka yang kamu telah bersumpah setia dengan mereka*"[35] Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya ia dimaksudkan dengan para imam a.s, kerana merekalah Allah telah bersumpah setia dengan kamu.

(139)-2. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abu 'Umair, daripada Ibrahim bin 'Abd al-Hamid, daripada Musa bin Akil al-Namiri, daripada al-'Ala' bin Siyabah, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w "*Sesungguhnya al-Qur'an ini memberi petunjuk kepada (jalan) yang lebih lurus*"[36] Beliau a.s telah berkata: Ia memberi petunjuk kepada imam a.s.

[33] Surah al-Anbiyaa' (21): 73
[34] Surah al-Qasas (28): 41
[35] Surah al-Nisaa' (4): 33
[36] Surah al-Israa' (17): 9

Bab 27

☼Sesungguhnya Nikmat Yang Telah Disebut Oleh Allah A.W Di Dalam Kitab-Nya Adalah Para Imam A.S *(anna al-Ni'mata al-Lati dhakara-ha llahu a.w fi kitabi-hi al-Aimmatu a.s)*☼

(140)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Bustam bin Murrah, daripada Ishaq bin Hassan, daripada al-Haitham bin Waqid, daripada Ali bin al-Husain al-'Abdi, daripada Sa'd al-Asqaaf, daripada al-Asbagh bin Nubatah berkata: Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Apakah gerangan kaum yang telah mengubah sunnah Rasulullah s.a.w dan berpaling daripada wasinya? Mereka tidak takut bahawa azab akan turun kepada mereka, kemudian beliau a.s telah membaca ayat "*Tidakkah kamu perhatikan mereka yang telah menukar nikmat (ni'mat) Allah dengan kekafiran dan menjatuhkan kaumnya ke lembah kehinaan? Iaitu Jahannam, mereka masuk ke dalamnya dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman*"[37]Kemudian beliau a.s telah berkata: Kamilah nikmat yang Allah kurniakan kepada hamba-hamba-Nya dan dengan kamilah akan berjaya mereka yang berjaya pada hari Kiamat.

(141)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad secara *marfu'* tentang firman Allah a.w "*Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?*"[38] Adakah kamu mendustakan seorang nabi atau seorang wasi? Ayat ini diturunkan di dalam Surah al-Rahmaan.

(142)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Abdullah bin 'Abd al-Rahman, daripada al-Haitham bin Waqid, daripada Abu Yusuf al-Bazzaz berkata: Abu Abdillah a.s telah membaca ayat "*Maka ingatlah nikmat-nikmat Allah supaya kamu mendapat keberuntungan*"[39] Beliau a.s telah berkata: Adakah anda mengetahui apakah nikmat-nikmat Allah (*alaa' Allah*)? Aku telah berkata: Tidak, beliau a.s telah berkata: Nikmat Allah yang paling besar ke atas makhluk-Nya adalah wilayah kami"

(143)-4. Al-Husain bin Muhammad, dariapda Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Uramah, daripada Ali bin

[37] Surah Ibrahim (14): 28
[38] Surah al-Rahmaan (55):13
[39] Surah al-A'raaf (7):69,74

Hassan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w "*Tidakkah kamu perhatikan mereka yang telah menukar nikmat-nikmat) Allah dengan kekafiran dan menjatuhkan kaumnya ke lembah kehinaan? Iaitu Jahannam, mereka masuk ke dalamnya dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman*"[40] Beliau a.s telah berkata: Ia dimaksudkan dengan Quraisy secara langsung; mereka yang telah memusuhi Rasulullah s.a.w dan melakukan peperangan terhadapnya serta menentang wasiat wasinya.

Bab 28

☼Sesungguhnya *Mutawassimiin* Yang Disebut Oleh Allah Di Dalam Kitab-Nya Adalah Para Imam A.S (*anna al-Mutawassimiin al-Ladhina zakara-humu llahu fi kitabi-hi hum al-Aimmatu a.s*)☼

(144)-1. Ahmad bin Mihran, daripada 'Abd al-'Azim bin Abdullah al-Hasani, daripada Ibn Abi 'Umair berkata: Asbat Bayya' al-Zutti telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdillah a.s, lalu seorang lelaki bertanya kepadanya tentang firman Allah a.w "*Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi mereka yang memerhatikan tanda-tanda (al-Mutawassimiin). Sesungguhnya ia adalah jalan yang lurus*"[41] Beliau a.s telah berkata: Kamilah yang mengetahui tanda-tanda[42] (*al-Mutawassimun*) dan jalan (*al-Sabil*) pada kami adalah lurus.

(145)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khattab, daripada Yahya bin Ibrahim berkata: Asbat bin Salim telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdillah a.s, tiba-tiba seorang lelaki dari Hit (di Iraq) telah datang dan berkata: Mudah-mudahan Allah membuatkan semua perkara baik untuk anda, apakah pendapat anda tentang firman Allah a.w "*Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi mereka yang memerhatikan tanda-tanda (al-Mutawassimiin)*[43] Beliau a.s telah berkata: Kamilah *al-Mutawassimun* dan jalan (*al-Sabil*) pada kami adalah lurus"

---

[40] Surah Ibrahim (14): 28
[41] Surah al-Hijr (15): 75-76
[42] Para imam a.s mengetahui tanda-tanda pada seseorang sama ada beliau seorang mukmin atau seorang kafir.
[43] Surah al-Hijr (15): 75-76

(146)-3. Muhammad bin Ismail, daripada al-Fadhl bin Syadhan, daripada Hammad bin Isa, daripada Ruba'i bin Abdullah, daripada Muhammad bin Muslim, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w "*Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi mereka yang memerhatikan tanda-tanda (al-Mutawassimiin*"[44] Beliau a.s telah berkata: Mereka itu adalah para imam a.s. Rasulullah s.a.w telah bersabda: Jagalah diri kamu dari firasat mukmin, kerana beliau melihat dengan cahaya Allah a.w sebagaimana firman Allah a.w "*Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi mereka yang memerhatikan tanda-tanda*"[45]

(147)-4. Muhammad bin Yahya, daripada al-Hasan bin Ali al-Kufi, daripada 'Abis bin Hisyam, daripada Abdullah bin Sulaiman, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w "*Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi mereka yang memerhatikan tanda-tanda (al-Mutawassimiin).* Beliau a.s telah berkata: Mereka itu adalah para imam a.s. dan "*Sesungguhnya ia adalah jalan yang lurus*"[46] Beliau a.s telah berkata: Ia tidak akan terkeluar daripada kami selama-lamanya.

(148)-5. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Aslam, daripada Ibrahim bin Ayyub, daripada 'Umru bin Syamir, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Amir al-Mukmin a.s telah berkata tentang firman-Nya "*Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi mereka yang memerhatikan tanda-tanda*"[47] Beliau a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w adalah *al-Mutawassim* dan aku selepasnya dan para imam daripada zuriatku adalah *al-Mutawassimuun.*

Dan di dalam manuskrip yang lain daripada Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Muhammad bin Aslam daripada Ibrahim bin Ayyub dengan sanad-sanad seumpamanya.

---

[44] Surah al-Hijr (15): 75-76
[45] Ibid
[46] Ibid
[47] Ibid

Bab 29

☼Pembentangan Semua Amalan Kepada Nabi S.A.W Dan Para Imam A.S (*'Ardh al-A'maal 'ala al-Nabi s.a.w wa-al-Aimmati a.s*)☼

(149)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Qasim bin Muhammad, daripada Ali bin Abu Hamzah, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Semua amalan hamba-hamba-Nya akan dibentangkan kepada Rasulullah s.a.w pada setiap pagi; yang baiknya, yang jahatnya dan berwaspadalah sebagaimana firman Allah "*Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta mukminun akan melihat amalan kamu itu*"[48] Dan di sini beliau a.s mendiamkan diri.

(150)-2. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya al-Halabi, daripada 'Abd al-Hamid al-Ta'i, daripada Ya'qub bin Syu'aib berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w "*Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta mukminun akan melihat amalan kamu itu*"[49] Beliau a.s telah berkata: Mereka itu adalah para imam a.s.

(151)-3. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Uthman bin Isa, daripada Sammaa'ah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Kenapakah kamu menyakiti Rasulullah s.a.w? Seorang lelaki berkata: Bagaimana kami menyakitinya? Maka beliau a.s telah berkata: Tidakkah kamu mengetahui bahawa amalan-amalan kamu dibentangkan kepadanya, justeru apabila baginda s.a.w melihat padanya maksiat, maka ia akan menyakitinya. Lantaran itu, janganlan kamu menyakiti Rasulullah s.a.w, sebaliknya buatlah baginda s.a.w bergembira (dengan amalan baik kamu)".

(152)-4. Ali, daripada bapanya, daripada al-Qasim bin Muhammad, daripada al-Zayyaat, daripada Abdullah bin Abban al-Zayyaat yang diterima baik di sisi al-Ridha a.s telah berkata: Berdoalah kepada Allah untukku dan keluargaku, maka al-Ridha a.s telah berkata: Adakah aku tidak melakukannya? Demi Allah, sesungguhnya amalan-amalan kamu dibentangkan kepadaku pada setiap hari dan malam. Beliau telah berkata: Aku telah membesar-besarkan kata-katanya itu, lalu beliau a.s

[48] Surah al-Taubah (9): 105
[49] Surah al-Taubah (9): 105

telah berkata kepadaku: Tidakkah anda membaca Kitab Allah a.w "*Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya dan mukminun akan melihat amalan kamu itu*"[50] Beliau a.s telah berkata: Demi Allah, ini adalah Ali bin Abu Talib a.s [dan para imam a.s yang lain]".

(153)-5. Ahmad bin Marwan, Daripada Muhammad bin Ali, daripada Abu Abdillah al-Samity, daripada Yahya bin Musawir, daripada Abu Ja'far a.s bahawa sesungguhnya beliau a.s telah menyebut ayat ini "*Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya dan mukminun akan melihat amalan kamu itu*"[51]. Beliau a.s telah berkata: Demi Allah, ini adalah Ali bin Abu Talib [dan para imam a.s yang lain]".

(154)-6. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Wasya' berkata: Aku telah mendengar al-Ridha a.s telah berkata: Sesungguhnya semua amalan dibentangkan kepada Rasulullah s.a.w sama ada yang baiknya dan yang jahatnya".

Bab 30

☼Sesungguhnya Jalan (*al-Tariqah*) Yang Digalakkan Supaya Tetap Di Atasnya Adalah Wilayah Ali A.S (*anna al-Tariqata al-Lati huuththa 'ala al-Istiqamati 'alai-ha wilayatu Ali a.s*)☼

(155)-1. Ahmad bin Mihran, daripada 'Abd al-'Azim bin Abdullah al-Hasani, daripada Musa bin Muhammad, daripada Yunus bin Ya'qub, daripada orang yang beliau telah menyebutnya, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w "*Dan sesungguhnya jikalau mereka tetap di atas jalan itu, benar-benar Kami akan memberi kepada mereka minuman air yang banyak*"[52] Beliau a.s telah berkata: Iaitu jikalau mereka tetap di atas wilayah Ali bin Abu Talib, Amir al-Mukminin dan para wasi daripada anak-anak lelakinya a.s dan mereka menerima ketaatan mereka di dalam suruhan dan larangan mereka, nescaya Kami akan memberi kepada mereka minuman air yang banyak, beliau a.s telah berkata: Nescaya Kami meminumkan hati mereka dengan keimanan. Dan Jalan (*al-Tariqah*) adalah beriman kepada wilayah Ali dan para wasi selepasnya.

(156)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Fadhalah bin

---

[50] Surah al-Taubah (9): 105
[51] Surah al-Taubah (9): 105
[52] Surah al-Jin (72): 16

Ayyub, daripada al-Husain bin Uthman, daripada Abu Ayyub, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w. "*Sesungguhnya mereka yang mengatakan: Tuhan kami ialah Allah" kemudian mereka menetapkan pendirian mereka*" Maka Abu Abdillah a.s telah berkata: Mereka telah menetapkan pendirian mereka pada para imam, seorang selepas seorang "*Maka malaikat akan turun kepada mereka: Janganlah kamu merasa takut dan janganlah kamu merasa sedih dan bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan Allah kepadamu*"[53]

Bab 31

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Adalah Galian Ilmu, Pokok Kenabian Dan Tempat Turunnya Malaikat (*inna al-Aimmata ma'danu al-'ilmi wa-syajaratu al-Nubuwwah wa-makhtalafu al-Malaikati*)☼

(157)-1. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada lebih daripada seorang, daripada Hammad bin Isa, daripada Ruba'i bin Abdullah, daripada Abu Jarud berkata: Ali bin al-Husain a.s telah berkata: Kenapa orang ramai cemburu kepada kami? Demi Allah, kamilah pokok kenabian, rumah rahmat, galian ilmu dan tempat turunya para Malaikat"

(158)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Abdullah bin Muhammad bin Isa, dariapda bapanya, daripada Abdullah bin al-Mughirah, daripada Ismail bin Abu Ziyad, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada bapanya a.s berkata: Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Sesungguhnya kami-Ahlu l-Bait- Adalah pokok kenabian, tempat risalah, tempat turunnya para malaikat, rumah rahmat dan galian ilmu.

(159)-3. Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Abdullah bin Muhammad, daripada al-Khasysyab berkata: Sebahagian sahabat kami telah memberitahu kepada kami daripada Khaisyamah berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata kepadaku: Wahai Khaisyamah, kami adalah pokok kenabian, rumah rahmat, kunci hikmah, galian ilmu, tempat risalah, tempat turunnya malaikat, tempat simpan rahsia Allah, kamilah simpanan Allah pada hamba-hamba-Nya, kamilah *haram Allah* yang lebih besar (*nahnu haram Allah al-Akbar*), kamilah cagaran Allah (*dhimmah Allah*), kamilah janji Allah. Sesiapa

---

[53] Surah Fussilat (41):30

yang menyumpurnakan janji kami, maka sesungguhnya beliau menyumpurnakan janji Allah. Sesiapa yang mengabaikannya, maka beliau mengabaikan cagaran Allah dan janji-Nya.

Bab 32

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Adalah Pewaris Ilmu, Seorang [Imam] Mewarisi Ilmu Daripada Seorang [Imam] Yang lain *(anna al-Aimmata a.s warathatu al-'ilm, yarithu ba'dhu-hum ba'dhan al 'ilma)*☼

(160)-1. Daripada beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya al-Halabi, daripada Buraid bin Mu'awiyah, daripada Muhammad bin Muslim, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Ali adalah seorang yang alim dan ilmu boleh diwarisi, tidak mati seorang alim melainkan tempatnya diganti oleh orang yang mengetahui ilmunya atau apa yang dikehendaki Allah.

(161)-2. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Hammad bin Isa, daripada Huraiz, daripada Zurarah dan al-Fudhail, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya ilmu yang telah turun bersama Adam a.s tidak dihilangkan dan ilmu diwarisi. Ali a.s adalah orang alim umat ini. Sesungguhnya seorang alim[54] daripada kami tidak mati melainkan seorang daripada keluarganya yang mempunyai ilmu sepertinya menggantikannya atau apa yang dikehendaki Allah.

(162)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Baraqi, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya al-Halabi, daripada 'Abd al-Hamid al-Ta'i, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya ilmu diwarisi (*yatawarathu*) dan seorang alim tidak akan mati melainkan beliau meninggalkan seorang alim seumpamanya atau apa yang dikehendaki Allah.

(163)-4. Abu Ali al-Asy'ari, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Safwan, daripada Musa bin Bakr, daripada al-Fudhail bin Yasar berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s berkata: Sesungguhnya pada Ali a.s sunnah seribu nabi. Sesungguhnya ilmu

[54] Seorang imam a.s

yang telah turun bersama Adam a.s tidak dihilangkan dan tidak mati seorang alim (imam) sehingga hilang ilmunya dan ilmu diwarisi.

(164)-5. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Fadhalah bin Ayyub, daripada Umar bin Abban berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya ilmu yang telah turun bersama Adam a.s tidak dihilangkan. Seorang alim tidak akan mati sehingga ilmunya dihilangkan"[55]

(165)-6. Muhammad, daripada Ahmad, daripada Ali bin al-Nu'man secara *marfu'*, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Mereka menghisap lembapan sementara itu mereka meninggalkan sungai yang besar (*al-Nahr al-'Azim*). Ada orang berkata kepadanya: Apakah sungai yang besar itu? Beliau a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w dan ilmu yang diberi oleh Allah kepadanya. Sesungguhnya Allah a.w telah mengumpulkan untuk Muhammad s.a.w sunnah-sunnah para nabi daripada Adam sehinggalah kepada Muhammad s.a.w. Ada orang bertanya kepadanya: Apakah sunnah-sunnah itu? Beliau a.s telah berkata: Ilmu para nabi kesemuanya (*'ilm al-Nabiyyin bi-asri-hi*).

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah memberikan semuanya kepada Amir al-Mukminin a.s, seorang lelaki telah bertanya: Wahai anak lelaki Rasulullah, adakah Amir al-Mukminin lebih mengetahui (*a'lam*) atau sebahagian nabi? Abu Ja'far a.s telah berkata: Dengarlah apa yang beliau kata? Sesungguhnya Allah membuka telinga sesiapa yang Dia kehendaki, sesungguhnya aku telah memberitahu kepadanya bahawa sesungguhnya Allah telah mengumpulkan untuk Muhammad s.a.w ilmu para nabi dan sesungguhnya Dia telah mengumpulkan semuanya di sisi Amir al-Mukminin a.s, beliau telah bertanya kepadaku, adakah beliau (Ali a.s) lebih mengetahui atau sebahagian para nabi [lebih mengetahui]"

(166)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Baraqi, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya al-Halabi, daripada 'Abd al-Hamid al-Ta'i, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya ilmu diwarisi, maka seorang alim tidak akan mati sehingga beliau meninggalkan seorang yang mengetahui seumpama ilmunya atau apa yang dikehendaki Allah"

(167)-8. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus, daripada al-Harith bin al-Mughirah berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah berkata: Sesungguhnya ilmu yang turun

---

[55] Mesti ada penggantinya yang akan mewarisi ilmunya, kerana ilmunya tidak akan hilang begitu sahaja.

bersama Adam a.s tidak dihilangkan dan seorang alim tidak akan mati melainkan beliau telah mewariskan ilmunya. Sesungguhnya bumi tidak akan tinggal tanpa seorang yang alim.

Bab 33

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Telah Mewarisi Ilmu Nabi, Ilmu Semua Nabi Dan Wasi Sebelum Mereka (*inna al-Aimmata warithuu 'ilma al-Nabi, wa-jami' al-Anbiyaa' wa al-Ausiyaa' al-ladhin min qabli-him*)☼

(168)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada 'Abd al-'Aziz al-Muhtadi, daripada Abdullah bin Jundub bahawa sesungguhnya al-Ridha a.s telah menulis surat kepadanya: *Amma ba'd,* adapun kemudian daripada itu, sesungguhnya Muhammad s.a.w adalah penjaga [yang dilantik OlehNya) pada makhluk-Nya. Apabila baginda s.a.w mati, kamilah pewarisnya. Kamilah penjaga di bumi-Nya. Di sisi kami ilmu tentang kematian, apa yang berlaku kepada orang ramai, ilmu tentang keturunan Arab dan mereka yang lahir di dalam Islam. Sesungguhnya kami mengetahui seseorang apabila kami melihatnya dengan hakikat iman dan hakikat nifak. Sesungguhnya Syiah kami tertulis dengan nama mereka dan nama bapa-bapa mereka. Allah telah mengambil perjanjian ke atas kami dan mereka.

Mereka sampai di tempat yang kami sampai dan mereka memasuki tempat yang kami masuki, tidak ada di dalam agama Islam selain daripada kami dan mereka (*laisa 'ala millat al-Islam ghairu-na wa-ghairu-hum*). Kamilah orang cerdik yang selamat, kamilah orang yang pertama menerima para nabi, kamilah anak-anak lelaki para wasi. Kamilah yang dikhususkan di dalam Kitab Allah a.w. Kamilah orang yang paling istimewa (*aula al-Nas*) dengan Kitab Allah, kamilah orang yang paling istimewa dengan Rasulullah s.a.w.

Kamilah orang yang Allah telah meletakkan agama-Nya untuk kami, maka Dia telah berfirman di dalam Kitab-Nya "*Dia telah mensyariatkan bagi kamu (wahai keluarga Muhammad) tentang agama, apa yang telah diwasiatkanNya kepada Nuh (sesungguhnya Kami telah wasiatkan apa yang telah diwasiatkan kepada Nuh) dan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan apa yang telah Kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa (sesungguhnya Dia telah mengajar kami dan menyampaikan kepada kami ilmu mereka dan kami menyimpan ilmu mereka. Kamilah pewaris Ulun al-'Azmi) iaitu: Tegakkanlah agama (wahai keluarga Muhammad) dan janganlah kamu berpecah belah (Jadilah kamu di atas jemaah). Amat berat bagi mereka yang musyrik (sesiapa yang*

bersekutu dengan wilayah Ali) apa yang kamu seru mereka kepadanya (tentang wilayah Ali sesungguhnya). Allah menarik kepadaNya orang yang dikehendakiNya dan memberi petunjuk kepada orang yang kembali kepada-Nya"[56] (sesiapa yang menyahuti anda tentang wilayah Ali).

(169)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya wasi yang pertama di muka bumi ini adalah Hibatullah bin Adam a.s. Tidak ada seorang nabi yang berlalu (mati) melainkan baginya seorang wasi. Bilangan para nabi adalah 120 ribu orang, lima daripada mereka adalah *Ulu al-'Azmi*; Nuh, Ibrahim, Musa, Isa, dan Muhammad a.s. Sesungguhnya Ali bin Abu Talib adalah Hibatullah (pemberian Allah) kepada Muhammad, beliau a.s telah mewarisi ilmu para wasi dan ilmu mereka sebelumnya. Sesungguhnya Muhammad s.a.w telah mewarisi ilmu para nabi dan rasul sebelumnya.

Tertulis di tiang 'Arasy: "Hamzah adalah singa Allah dan singa rasul-Nya dan penghulu para syahid". Dan di hujung Arasy itu pula tertulis: Ali adalah pemimpin Mukminin". Maka ini adalah *Hujjah* kami menentang orang yang mengingkari hak kami dan menentang warisan kami. Tidak ada yang menghalang kami dari mengatakan kebenaran apabila keyakinan di hadapan kami. Manakah *Hujjah* yang lebih kuat daripada ini"!?

(170)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khattab, daripada Abdullah bin Muhammad, daripada Abdullah bin al-Qasim, daripada Zar'ah bin Muhammad, daripada al-Mufadhdhal bin Umar berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Sulaiman telah mewarisi Daud, sesungguhnya Muhammad telah mewarisi Sulaiman dan sesungguhnya kami telah mewarisi Muhammad. Sesungguhnya di sisi kami ilmu Taurat, Injil, Zabur dan penjelasan apa yang ada pada Loh-loh (*alwaah*). Aku telah berkata: Ini juga ilmu. Beliau a.s telah berkata: Ini bukanlah ilmu, sesungguhnya ilmu (kepada kami) itu apa yang berlaku hari selepas hari dan jam selepas jam.

(171)-4. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Safwan bin Yahya, daripada Syu'aib al-Haddad, daripada Dhurais al-Kinasi berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdillah a.s dan di sisinya Abu Basir, maka Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Daud telah mewarisi ilmu para nabi, sesungguhnya Sulaiman telah mewarisi Daud dan sesungguhnya Muhammad s.a.w telah mewarisi Sulaiman. Sesungguhnya kami telah mewarisi

[56] Surah al-Syu'araa' (42): 13

Muhammad s.a.w (*warath-na Muhammadan*). Sesungguhnya di sisi kami mashaf Ibrahim dan loh-loh Musa. Maka Abu Basir telah berkata: Sesungguhnya ini adalah ilmu. Beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Muhammad, sesungguhnya ini bukanlah ilmu, sesungguhnya ilmu datang (kepada kami) di waktu malam dan siang, hari ke hari dan jam ke jam"

(172)-5. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Muhammad bin Ismail, daripada Ali bin al-Nu'man, daripada Ibn Maskan, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata kepadaku: Wahai Abu Muhammad, sesungguhnya Allah a.w tidak memberi sesuatu kepada para nabi melainkan Dia telah memberinya kepada Muhammad s.a.w, beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Dia telah memberi kepada Muhammad segala yang telah Dia berikan kepada para nabi. Di sisi kami mashaf-mashaf yang mana Allah a.w telah berfirman: "*Mashaf-mashaf Ibrahim dan Musa*"[57] Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, adakah dia *Alwaah*? Beliau a.s telah berkata: Ya.

(173)-6. Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Abdullah bin Sinan, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w "*Sesungguhnya telah kami tulis di dalam Zabur selepas al-Dhikr...*"[58] Apakah al-Zabur dan *al-Dhikr*? Beliau a.s telah berkata: *Al-Dhikr* adalah [ilmu] di sisi Allah dan al-Zabur [kitab] diturunkan kepada Daud. Setiap kitab yang diturunkan, maka ia di sisi ahli ilmu (*'inda ahl 'ilmi*) dan kamilah mereka (*wa nahnu hum*).

(174)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Abu Zahir atau orang lain, daripada Muhammad bin hammad, daripada saudara lelakinya Ahmad bin Hammad, daripada Ibrahim, daripada bapanya, daripada Abu al-Hasan yang pertama berkata: Aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, beritahulah kepadaku tentang Nabi s.a.w, adakah baginda s.a.w telah mewarisi [ilmu] semua nabi? Beliau a.s telah berkata: Ya, aku telah berkata: Daripada Adam sehingga berakhir kepada dirinya? Beliau a.s telah berkata: Allah tidak mengutus seorang nabi melainkan Muhammad s.a.w lebih mengetahui daripadanya. Aku telah berkata: Sesungguhnya Isa bin Maryam telah menghidupkan orang yang telah mati dengan izin Allah. Beliau a.s telah berkata: Anda memang benar dan Sulaiman bin

---

[57] Surah al-A'la (87): 19
[58] Surah al-Anbiyaa' (21): 105

Daud telah memahami percakapan burung dan Rasulullah s.a.w mampu mengatasi semua kedudukan ini.

Beliau telah berkata: Sesungguhnya Sulaiman bin Daud telah berkata kepada hudhud ketika ketiadaannya dan syak pada urusannya, maka beliau telah berkata: "*Mengapa aku tidak melihat hudhud, apakah dia termasuk yang tidak hadir.*[59] Ketika ketiadaannya, lantas beliau memarahinya dan berkata: "*Sungguh aku benar-benar akan mengazabnya dengan azab yang keras atau benar-benar menyembelihnya atau benar-benar dia datang kepadaku dengan alasan yang terang*"[60]

Sesungguhnya beliau telah memarahinya, kerana hudhud telah menunjukkannya kepada air. Burung ini telah diberi apa yang tidak diberikan kepada Sulaiman. Angin, semut, manusia, jin dan syaitan-syaitan mematuhinya (Sulaiman), tetapi Sulaiman tidak mengetahui bahawa air ada di bawah udara. Tetapi burung hudhud telah mengetahuinya. Sesungguhnya Allah telah berfirman di dalam Kitab-Nya "*Sekiranya ada suatu bacaan yang dengan bacaan itu gunung-gunung dapat digoncangkan atau bumi jadi terbelah atau oleh kerananya mereka yang telah mati dapat berbicara*"[61]

Sesungguhnya kami telah mewarisi al-Qur'an ini yang mana padanya apa yang dapat menggoncangkan gunung-gunung, melintasi negeri-negeri, menghidupkan mereka yang telah mati, kami mengetahui air di bawah udara. Sesungguhnya di dalam Kitab Allah ayat-ayat yang mana ia tidak dapat "dilaksanakan" melainkan dengan izin Allah. Tetapi Dia telah menjadikannya untuk kami di dalam *Umm al-Kitab*. Sesungguhnya Dia telah berfirman: "*Kemudian Kitab itu Kami wariskan kepada mereka yang Kami pilih di antara hamba-hamba Kami*"[62] Maka kamilah orang yang telah dipilih oleh Allah a.w dan kami telah mewarisi ini (al-Qur'an) padanya penjelasan kepada setiap perkara".

---

[59] Surah al-Naml (27):20
[60] Surah al-Naml (27): 21
[61] Surah al-Ra'du (13): 31
[62] Surah Faatir (35): 32

Bab 34

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Di Sisi Mereka Semua Kitab Yang Diturunkan Oleh Allah A.W Dan Sesungguhnya Mereka Mengetahuinya Sekalipun Berbeza bahasanya (*inna al-Aimmata a.s 'inda-hum jami'a al-Kutub al-Lati nazalat min 'indi llahi a.w wa inna-hum ya'rifuuna-ha 'ala ikhtilafi alsinati-ha*)☼

(175)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada al-Hasan bin Ibrahim, daripada Yunus, daripada Hisyam bin al-Hakam di dalam riwayatnya tentang Buraih apabila dia datang bersamanya kepada Abu Abdillah a.s, tiba-tiba dia berjumpa dengan Abu al-Hasan Musa bin Ja'far a.s, Lalu Hisyam menceritakan kepadanya satu hikayat. Manakala dia selesai, maka Abu al-Hasan a.s telah berkata kepada Buraih: Wahai Buraih, bagaimana keilmuan anda tentang kitab anda? Dia berkata: Aku benar-benar mengetahui tentangnya. Kemudian dia berkata: Bagaimana kepercayaan anda tentang takwilnya?

Dia berkata: Aku yakin dengan ilmuku mengenainya. Hisyam berkata: Abu al-Hasan a.s mulai membaca Injil. Kemudian Buraih berkata: Aku telah mencari anda selama lima puluh tahun atau orang seperti anda. Lalu Buraih telah beriman dan imannya adalah baik dan seorang wanita bersamanya juga telah beriman. Kemudian Hisyam, Buraih dan wanita tadi datang berjumpa dengan Abu Abdillah a.s. Lalu Hisyam menceritakan kepada Abu Abdillah a.s tentang percakapan yang telah berlaku di antara Abu al-Hasan dan Buraih, maka Abu Abdillah a.s membaca firman Allah a.w "*Iaitu satu keturunan yang sebahagiannya dari yang lain. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui*"[63] Buraih berkata: Dari manakah Taurah, Injil dan kitab-kitab para nabi datang kepada anda?

Beliau a.s telah berkata: Kitab-kitab tersebut ada di sisi kami sebagai warisan daripada mereka, kami membacanya sebagaimana mereka membacanya dan kami menerimanya sebagaimana mereka telah menerimanya, sesungguhnya Allah tidak menjadikan seorang *Hujjah* di bumi-Nya apabila ditanya tentang sesuatu, maka dia akan berkata: Aku tidak mengetahuinya.

(176)-2. Ali bin Muhammad dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Bakr bin Salih, daripada Muhammad bin

[63] Surah Ali Imraan (3): 34

Sinan, daripada Mufadhdhal bin Umar berkata: Kami telah datang di pintu [rumah] Abu Abdillah a.s dan kami mahu meminta izin daripadanya, tiba-tiba kami telah mendengarnya bercakap dengan bahasa bukan Arab, maka kami menyangka bahawa ia adalah bahasa Syriac. Kemudian beliau a.s telah menangis, lalu kamipun menangis kerana tangisannya. Kemudian seorang budak keluar kepada kami, lalu dia membenarkan kami masuk, maka kamipun masuk berjumpa dengannya.

Aku telah berkata: *Aslaha-ka llahu*, kami telah mendatangi anda, kami ingin meminta izin anda, kemudian kami telah mendengar percakapan yang bukan berbahasa Arab, maka kami telah menyangka bahawa ia adalah bahasa Syriac. Kemudian anda telah menangis, lalu kami telah menangis sama kerana tangisan anda, maka beliau a.s telah berkata: Ya, aku telah mengingati nabi Ilyas, beliau adalah seorang nabi Bani Israel yang amat kuat ibadatnya, maka aku telah berkata sebagaimana beliau telah berkata di dalam sujudnya. Kemudian belia a.s telah membacanya di dalam bahasa Syriac yang baik. Demi Allah, kami belum pernah melihat seorang paderi atau Jaathiliq yang lebih fasih daripadanya. Kemudian beliau a.s telah menerangkannya di dalam bahasa Arab. Beliau a.s telah berkata di dalam sujudnya:

Adakah Engkau terfikir untuk mengazabku sedangkan aku
dahaga kerana beribadat kepadaMu
Adakah Engkau terfikir untuk mengazabku sedangkan aku
Melumurkan mukaku dengan tanah untuk beribadat
kepadaMu
Adakah Engkau terfikir untuk mengazabku sedangkan aku
Menjauhi segala maksiat,
Adakah Engkau terfikir untuk mengazabku sedangkan aku
Berjaga malam untukMu

Beliau telah berkata: Allah telah mewahyukan kepadanya: "Supaya mengangkat kepala engkau [dari sujud], sesungguhnya Aku tidak akan mengazab engkau. Beliau telah berkata: Jika Engkau berkata: Aku tidak mengazab engkau, kemudian Engkau mengazab aku bagaimana? Tidakkah aku ini hambaMu dan Engkau adalah Tuhanku? Maka Allah telah memberi wahyu kepadanya: Angkatlah kepala engkau [dari sujud], sesungguhnya Aku tidak akan mengazabmu, sesungguhnya Aku apabila Aku membuat janji, maka Aku melaksanakannya.

Bab 35

☼Sesungguhnya Tidak Seorangpun Yang Telah Mengumpulkan Al-Qur'an Kesemuanya Melainkan Para Imam A.S. Sesungguhnya Mereka Mengetahui Semua Ilmunya (*Inna-hu lam yajma' al-Qur'an kulla-hu illa al-Aimmatu a.s wa-anna-hum ya'lamuun 'ilma-hu kulla-hu*)☼

(177)-1. Muhammad bin Yahya, Ahamd bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada 'Umru bin Abu al-Muqdam, daripada Jabir berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Tidak ada seorang pun yang telah mendakwa bahawa sesungguhnya beliau telah mengumpulkan semua al-Qur'an sebagaimana diturunkan melainkan dia adalah seorang pendusta (*Ma idda'a ahadun min al-Naas anna-hu jama'a al-Qur'an kulla-hu kama unzila illa kadhdhab*) dan tidak seorang pun yang telah mengumpulkannya dan menghafaznya sebagaimana diturunkan Allah *Ta'aala* melainkan Ali bin Abu Talib dan para imam a.s selepasnya (*wa ma jama'a-hu wa hafiza-hu kama nazzala-hu llahu Ta 'aala illa 'Ali bin Abi Talib wa al-Aimmatu ba'da-hu a.s*)[64].

(178)-2. Daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Muhammad bin Sinan, daripada 'Ammar bin Marwan, daripada al-Mankhal, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s bahawa beliau a.s telah berkata: Tidak ada seorang pun yang mampu mendakwa bahawa di sisinya semua al-Qur'an zahirnya dan batinnya selain daripada para wasi.[65]

---

[64] Al-Suyutu, *al-Itqan*, 111, 41 mencatatkan riwayat daripada Abdullah bin Umar, daripada bapanya Umar al-Khattab, beliau telah berkata: "Jangan seorang itu berkata aku telah mengambil keseluruhan al-Qur'an, apakah dia tahu keseluruhan al-Qur'an itu? Sesungguhnya sebahagian al-Qur'an telah hilang dan katakan sahaja aku telah mengambil al-Qur'an mana yang ada" Ini bererti sebahagian al-Qur'an telah hilang dan tidak dikumpulkan oleh Uthman di dalam Mashafnya.

[65] Al-Bukhari, *Sahih*, vi, hlm. 210 menyatakan bahwa (Surah al-Lail 92:3) telah ditambah perkataan "*Maa khalaqa*", Lantaran itu, ayat asalnya "*Wa al-Dhakari wa al- Unthaa*" tanpa "*Maa khalaqa*". Hadis ini diriwayatkan oleh Abu al-Dardaa', kemudian ia dicatat pula oleh Muslim, *Sahih*, I, hlm.565, al-Turmudhi, *Sahih*, v, v, hlm. 191. Al-Suyuti, *al-Itqaan*, ii, hlm. 82 meriwayatkan bahawa 'Aisyah menyatakan (Surah al-Ahzab33: 56) pada masa Nabi s.a.w adalah lebih panjang, iaitu dibaca " *Wa 'ala al-Ladhiina yusalluna al-Sufuuf al-Uwal*" selepas " *Inna llaha wa malaikata-hu yusallaana 'Ala al-Nabiy*" 'Aisyah telah berkata: Iaitu sebelum Uthman mengubah mashaf-mashaf.

(179)-3. Ali bin Muhammad dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahal bin Ziyad, daripada al-Qasim bin al-Rabi', daripada 'Ubaid bin Abdullah bin al-Hasyim al-Sairafi, daripada 'Umru bin Mus'ab, daripada Salmah bin Muhriz berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s berkata: Sesungguhnya di antara ilmu yang diberikan kepada kami ialah tafsiran tentang al-Qur'an dan hukum-hukumnya, ilmu perubahan masa dan peristiwa-peristiwanya. Apabila Allah mengehendaki kebaikan kepada satu kaum, maka Dia membuatnya mendengar dan jika Dia membuatnya mendengar kepada orang yang tidak mahu mendengarnya, maka beliau akan menolakkannya, seolah-olah beliau tidak mendengarnya. Kemudian beliau a.s mendiamkan diri seketika, kemudian beliau a.s telah berkata: Jikalau kita mendapati orang yang menerimanya, nescaya kami berkata: Allahlah Yang Menolong.

(180)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Isa, daripada Abu Abdillah al-Mu'min, daripada 'Abd al-A'la, *maula* Ali Syam berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Demi Allah, sesungguhnya aku lebih mengetahui Kitab Allah daripada awalnya hingga akhirnya seolah-olah ia di tapak tanganku, padanya berita langit dan berita bumi, berita yang telah berlaku dan berita yang akan berlaku, Allah telah berfirman "*Penjelasan segala sesuatu*"[66]

(181)-5. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Abu Zahir, daripada al-Khasysyab, daripada Ali bin Hassan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s telah membaca Firman-Nya "*Berkatalah orang yang mempunyai ilmu dari Kitab: Aku akan membawa singgahsana itu kepadamu sebelum matamu berkelip*"[67] Abu Abdillah a.s telah membuka jari tangannya kemudian meletakkannya di dadanya sambil berkata: Dan di sisi kami, demi Allah, ilmu Kitab kesemuanya".

(182)-6. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya dan Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada orang yang menyebutnya, semuanya daripada Abu 'Umair, daripada Udhainah, daripada Buraid bin Mu'awiyah berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: "*Cukuplah Allah menjadi saksi antaraku dan antara kamu dan orang yang di sisinya ilmu al-Kitab*"?[68] Beliau a.s telah berkata: Kepada kamilah ia dimaksudkan. Ali adalah orang yang pertama kami, orang yang paling *afdhal* kami dan orang yang paling baik kami selepas nabi s.a.w.

---

[66] Surah al-Nahl (16): 89
[67] Surah al-Naml (27): 40
[68] Surah al-Ra'd (13: 43

Bab 36

☼Apa Yang Diberikan Kepada Para Imam A.S Tentang "Nama Allah Yang Maha Besar" (*ma u'tiya al-Aimmatu a.s min ismi llahi al-A'zam*)☼

(183)-1. Muhammad bin Yahya dan selain daripadanya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Muhammad bin al-Fudhail berkata: Syurais al-Wabisi telah memberitahuku, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya nama Allah Yang Maha Besar adalah tujuh puluh tiga huruf. Sesungguhnya Asif mempunyai satu huruf sahaja apabila beliau bercakap dengannya, maka bumi telah mengecut di antaranya dan singgahsana Balqis sehingga beliau telah mengmbil singgahsana Balqis dengan tangannya. Kemudian bumi telah kembali kepada keadaan seperti sebelumnya lebih cepat daripada sekelip mata. Kami memiliki tujuh puluh dua huruf daripada nama Allah yang Maha Besar. Dan satu huruf di sisi Allah yang mana Dia menggunakannya untuk mengetahui ilmu ghaib di sisi-Nya. Tiada helah dan kekuatan melainkan dengan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar"

(184)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id dan Muhammad bin Khalid, daripada Zakaria bin 'Iraan al-Qummi, daripada Harun al-Jahmi, daripada seorang lelaki daripada sahabat Abu Abdillah a.s yang mana aku tidak mengingati namanya berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s berkata: Sesungguhnya Isa bin Maryam a.s diberikan dua huruf yang mana beliau telah menggunakannya. Musa diberikan empat huruf, Ibrahim diberikan lapan huruf, Nuh diberikan lima belas huruf, Adam diberikan dua puluh lima huruf. Sesungguhnya Allah telah mengumpulkan semuanya kepada Muhammad s.a.w. Sesungguhnya "nama Allah Yang Maha Besar" adalah tujuh puluh tiga huruf, diberikan kepada Muhammad s.a.w adalah tujuh puluh dua huruf dan disembunyikan daripadanya satu huruf.

(185)-3. Al-Husain bin Muhammad bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdullah, daripada Ali bin Muhammad al-Naufali, daripada Abu al-Hasan Sahib al-'Askar a.s berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Nama Allah Yang Maha Besar (*ismu llahi al-A'zam*) adalah tujuh puluh tiga huruf, Asif telah memiliki satu huruf apabila beliau bercakap

dengannya, maka bumi telah berlipat untuknya lebih cepat daripada sekelip mata di antaranya dan Saba', lantas beliau telah mengambil singgahsana Balqis dan membawanya kepada Sulaiman. Kemudian bumi telah terhampar lebih cepat daripada sekelip mata. Kami mempunyai tujuh puluh dua huruf dan satu huruf di sisi Allah yang mana Dia menggunakannya bagi mengetahui perkara ghaib.

Bab 37

☼Tanda-Tanda Para Nabi A.S Dimiliki Oleh Para Imam A.S (*ma 'inda al-Aimmati min ayaat al-Anbiyaa' a.s*)☼

(186)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khattab, daripada Abdullah bin Muhammad, daripada Mani' bin al-Hajjaj al-Basri, daripada Mujasyi', daripada Mu'alla, daripada Muhammad bin al-Faidh, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Tongkat Musa adalah milik Adam a.s. Kemudian ia menjadi milik Syu'aib. Kemudian ia menjadi milik Musa bin 'Imraan dan sekarang ia adalah milik kami. Sesungguhnya aku mengetahui sekejap tadi bahawa ia berwarna hijau seperti keadaannya ketika dicabut daripada pokoknya. Ia bercakap apabila ia diminta bercakap. Ia disediakan untuk Qaim kami a.s, beliau akan melakukannya sebagaimana dilakukan oleh Musa, ia akan menelannya "*Tongkat itu menelan apa yang mereka suapkan*"[69] Ia melakukan apa yang diperintahkannya. Apabila berdepan ia menelan apa yang disuapkan kepadanya, membuka dua cabangnya: Satunya di bumi dan satu lagi di langit dan di antara keduanya empat puluh hasta, menelan apa yang disuapkan kepadanya dengan lidahnya.

(187)-2. Ahmad bin Idris, daripada 'Imraan bin Musa, daripada Musa bin Ja'far al-Baghdadi, daripada Ali bin Asbaat, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu Hamzah al-Thumali, daripada Abu Abdillah a.s, berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Sesungguhnya *Alwaah* (loh-loh) Musa di sisi kami, kamilah pewaris para nabi.

(188)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Musa bin Sa'dan daripada Abdullah bin al-Qasim, daripada Abu Sa'id al-Khurasani, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya al-Qaim apabila beliau datang ke Makkah dan ingin pergi ke Kufah, maka penyerunya akan berkata: Perhatian, tidak seorang pun dibenarkan membawa

[69] Surah al-A'raaf (7): 117

makanan dan minuman, sebaliknya beliau membawa batu (Loh) Musa bin 'Imraan seberat muatan unta. Maka beliau tidak bermalam di sebuah rumah melainkan mata air terpancar daripadanya. Sesiapa yang lapar akan kenyang dan sesiapa yang dahaga akan diberi minuman yang segar, maka itu adalah bekalan mereka sehingga mereka telah sampai di Najaf dari Kufah.

(189)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Musa bin Sa'dan, daripada Abu al-Hasan al-Asadi, daripada Abu Basir, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Amir al-Mukmin a.s telah keluar di waktu malam (*al-'Atamah*) dan beliau a.s telah berkata: *Hamhamah, Hamhamah* di waktu malam begitu gelap, lalu seorang imam (al-Mahdi) akan keluar dengan [memakai] baju Adam a.s, di tangannya cincin Sulaiman dan tongkat Musa.

(190)-5. Muhammad, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Ismail, daripada Abu Ismail al-Sarraj, daripada Basyar bin Ja'far a.s, daripada Mufadhdhal bin Umar, daripada Abu Abdillah a.s, berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Adakah anda mengetahui apakah baju (*qamis*) Yusuf a.s ? Aku telah berkata: Tidak, beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Ibrahim apabila dinyalakan api kepadanya, Jibrail a.s mendatanginya dengan kain daripada pakaian syurga, lalu dia memakaikannya dengan pakaian tersebut. Lantaran itu, kepanasan dan kesejukan tidak memudaratkannya. Apabila Ibrahim mati, beliau meletakkannya di dalam azimat dan menggantungkannya pada Ishaq.

Kemudian Ishaq telah menggantungkannya pada Ya'qub. Manakala Yusuf dilahirkan, maka beliau telah menggantungkannya pada lengannya sehingga berlakulah kepadanya apa yang telah berlaku. Apabila Yusuf mengeluarkan azimat itu di Mesir, maka Ya'qub dapat mencium bauannya dan berkata: "*Sesungguhnya aku mencium bau Yusuf sekiranya kamu tidak menuduhku lemah akal*"[70] Maka itulah baju yang mana Allah telah menurunkannya dari syurga. Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, maka untuk siapakah baju itu? Beliau a.s telah berkata: Untuk keluarganya. Kemudian beliau a.s telah berkata: Setiap nabi telah mewarisi ilmu, kemudian ia (ilmu) berakhir kepada keluarga Muhammad s.a.w.

---

[70] Surah Yusuf (12): 94

Bab 38

☼Apa Yang Dimiliki Oleh Para Imam A.S Terhadap Senjata Rasulullah S.A.W Dan Barang Miliknya (*ma 'inda al-Aimmati min silaah Rasulillah s.a.w wa-mata'i-hi*

(191)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Mu'awyah bin Wahab, daripada Sa'id al-Sammaan berkata: Aku telah berada bersama-sama Abu Abdillah a.s, tiba-tiba dua orang lelaki bermazhab Zaidiyyah telah datang berjumpa dengannya, maka mereka berdua telah berkata: Adakah pada kamu seorang imam yang wajib ditaati (*muftardhu al-Ta'ati*)? Beliau a.s telah berkata: Tidak, maka mereka berdua telah berkata kepadanya: Mereka yang dipercayai telah memberitahu kami tentang anda bahawa anda memberi fatwa, mengakui dan berkata mengenainya. Kami boleh menamakan mereka kepada anda, polan dan polan, mereka adalah orang yang warak, ahli ibadah dan mereka daripada golongan yang tidak berbohong.

Lantas Abu Abdillah a.s telah menjadi marah dan berkata: Aku tidak merintahkan mereka untuk berkata sedemikian[71]. Manakala mereka berdua melihat kemarahan di mukanya, maka mereka berdua terus keluar. Maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Adakah anda mengenali dua lelaki ini? Aku telah berkata: Ya, mereka berdua adalah dari Pasar kita dan mereka berdua bermazhab Zaidiyah, mereka berdua telah menyangka bahawa pedang (*saif*) Rasulullah s.a.w di sisi Abdullah bin al-Hasan, maka beliau a.s telah berkata: Mereka berdua telah berbohong, Allah melaknati mereka berdua. Demi Allah, Abdullah bin al-Hasan tidak pernah melihatnya dengan kedua-dua matanya, malah beliau tidak melihatnya dengan satu mata pun, begitu juga bapanya tidak pernah melihatnya. Mungkin beliau telah melihatnya di sisi Ali bin al-Husain. Jikalau mereka berdua benar, maka apakah alamat pada pemegangnya? Dan apakah kesannya di hujung mata pedangnya?

Sesungguhnya di sisiku pedang Rasulullah s.a.w. Sesungguhnya di sisiku bendera Rasulullah s.a.w dan baju besinya, bajunya yang tebal dan helmetnya. Jikalau mereka berdua benar, maka apakah alamat pada baju besi Rasulullah s.a.w? Sesungguhnya di sisiku bendera Rasulullah s.a.w yang selalu menang, sesungguhnya di sisiku *Alwah* (*tablets*) Musa dan tongkatnya. Sesungguhnya di sisiku cincin (*khatam*)

[71] Kata-katanya a.s adalah secara *taqiyyah* di hadapan musuh. Kerana para imam a.s adalah wajib ditaati.

Sulaiman bin Daud. Sesungguhnya di sisiku tempat mengisi air (*al-Tast*) yang mana Musa telah menggunakannya untuk menyembelih binatang korbannya. Di sisisku nama yang mana jika Rasulullah s.a.w meletakkannya di antara Muslimin dan Musyrikin, nescaya anak panah tidak akan sampai kepada Muslimin. Sesungguhnya di sisiku adalah seperti yang dibawa oleh para malaikat.

Umpama senjata pada kami sepertilah tabut pada Bani Israel. Bani Israel pada ahli bait yang didapati tabut di pintu-pintu (rumah] mereka diberikan kenabian (*al-Nubuwwah*). Sesiapa yang diberikan senjata daripada kami, maka beliau diberikan *imamah.* Sesungguhnya bapaku telah memakai baju besi Rasulullah s.a.w, maka ia agak besar. Aku telah memakainya dan ia agak besar untukku. Al-Qaim kami apabila beliau memakainya akan sepadan dengannya insya' Allah.

(192)-2. Al-Husain bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali bin al-Wasya', daripada Hammad bin Uthman, daripada 'Abd al-A'laa bin A'yan berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Di sisiku senjata Rasulullah s.a.w, tidak seorang pun yang dapat berhujah denganku mengenainya. Kemudian beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya senjata tidak dapat ditembusi. Sekiranya ia diletakkan di sisi sejahat-jahat makhluk Allah, nescaya beliau akan menjadi sebaik-baik mereka. Kemudian beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya urusan ini akan terjadi kepada orang yang mana orang ramai akan menyerahkan diri mereka kepadanya apabila Allah kehendaki, maka beliau akan keluar dan berkata kepada orang ramai: Apakah ini terjadi? Dan Allah akan meletakkan tangan (kuasa) untuknya[72]di atas kepala rakyat-Nya".

(193)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya al-Halabi, daripada Ibn Maskan, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah meninggalkan barang-barang peribadinya yang terdiri daripada pedang, baju besi, tongkat, pelana kuda dan baghal betina yang bernama al-Syahbaa'. Semuanya telah diwarisi oleh Ali bin Abu Talib a.s.

(194)-4. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasya', daripada Abban bin Uthman, daripada Fudhail bin Yassar, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Bapaku telah memakai baju besi Rasulullah s.a.w yang dipanggil *Dhat al-Fudhul* (yang mempunyai kelebihan), aku juga telah memakainya, tetapi ia agak besar untukku.

---

[72] Allah akan menolongnya

(195)-5. Ahmad bin Muhammad dan Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Muhammad bin Isa, daripada Ahmad bin Abi Abdullah, daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah berkata: Aku telah bertanya kepadanya di manakah *Dhu al-Fiqar*; pedang Rasulullah s.a.w? Beliau a.s telah berkata: Jibrail a.s telah menurunkannya dari langit (syurga). Ia dihiasi dengan perak dan ia berada di sisiku.

(196)-6. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus bin 'Abd al-Rahman, daripada Muhammad bin Hakim, daripada Abi Ibrahim a.s telah berkata: Baju besi itu di dalam milik kami, ia tidak dapat ditembusi. Jika diletakkannya di sisi sejahat-jahat makhluk Allah, nescaya beliau akan menjadi sebaik-baik mereka. Bapaku telah memberitahuku bahawa ketika beliau a.s memasuki bilik isterinya dari Bani Thaqif yang mana pedang itu disimpan di celah dinding yang dihiasi dengan bahan jenis dinding tersebut. Di pagi hari selepas malam pertama perkahwinannya, tiba-tiba beliau a.s ternampak di hadapan pedang itu lima belas paku, lantas beliau a.s terkejut dan berkata kepadanya (paku): Pidahlah (dari sini), jika tidak, aku akan memanggil hamba-hambaku untuk melakukan sesuatu. Beliau a.s telah menurunkan dinding itu dan mendapati tiada paku dan kesannya padanya.

(197)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Safwan bin Yahya, daripada Ibn Maskan, daripada Hajr, daripada Humraan, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Aku telah bertanya kepada Abu Ja'far a.s tentang apa yang diperkatakan oleh orang ramai bahawa mashaf yang ditutup telah diserahkan kepada Umm Salmah, maka beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya apabila Rasulullah s.a.w mati, maka Ali a.s telah mewarisi ilmunya, senjatanya dan apa yang ada di sana. Kemudian ia telah berpindah kepada al-Hasan, kemudian kepada al-Husain a.s. Manakala kami takut dikuasai (selepas peristiwa Karbala'), kami telah menyimpannya di sisi Umm Salmah. Kemudian selepas itu, Ali bin al-Husain a.s telah mengambilnya daripada Umm Salmah. Aku telah berkata: Ya, selepas itu ia telah berpindah kepada bapa anda, kemudian ia telah berakhir kepada anda, beliau a.s telah berkata: Ya.

(198)- 8. Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Fadhalah, daripada Umar bin Abban berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang apa yang diperkatakan oleh orang ramai bahawa mashaf yang tertutup telah diserahkan kepada Umm Salmah, maka beliau a.s telah berkata: Apabila Rasulullah s.a.w telah mati, Ali telah mewarisi ilmunya, senjatanya dan

apa yang ada di sana. Kemudian ia telah berpindah kepada al-Hasan, kemudian kepada al-Husain a.s. Aku telah berkata: Kemudian kepada Ali bin al-Husain a.s, kemudian kepada anak lelakinya, kemudian ia telah berakhir kepada anda, maka beliau a.s telah berkata: Ya.

(199)-9. Muhammad bin al-Husain dan Ali bin Muhammad, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Muhammad bin al-Walid Syabab al-Sairafi, daripada Abban bin Uthman, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Apabila Rasulullah s.a.w di saat kematiannya, baginda s.a.w telah menyeru al-'Abbas bin 'Abd al-Muttalib dan Amir al-Mukminin a.s, maka beliau a.s telah bersabda kepada al-'Abbas: Wahai bapa saudara Muhammad, adakah anda akan menerima warisan Muhammad, menunaikan hutangnya dan melaksanakan janji-janjinya? Al-'Abbas telah menjawab kepadanya dan berkata: Wahai Rasulullah, dengan (nama) bapaku, anda dan ibuku, sesungguhnya aku adalah seorang lelaki yang tua, banyak tanggungan, sedikit harta, siapa yang boleh menandingi anda sedangkan anda melawan arus.

Beliau telah berkata: Rasulullah s.a.w telah menundukkan kepalanya beberapa ketika, kemudian bersabda: Wahai 'Abbas, adakah anda akan menerima warisan Muhammad, menunaikan hutangnya dan melaksanakan janji-janjinya? Wahai Rasulullah, dengan (nama) bapaku, anda dan ibuku, sesungguhnya aku adalah seorang lelaki yang tua, banyak tanggungan, sedikit harta, siapa yang boleh menandingi anda sedangkan anda melawan arus.

Baginda s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya aku akan memberikannya kepada orang yang akan mengambilnya dengan haknya, kemudian baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Ali, wahai saudara Muhammad, adakah anda akan melaksanakan janji-janji Muhammad, menunaikan hutang-hutangnya dan menerima warisannya? Maka beliau a.s telah berkata: Ya, dengan (nama) bapaku, anda dan ibuku, itu adalah ke atasku dan untukku. Beliau a.s telah berkata: Aku telah melihat kepadanya sehingga baginda s.a.w mencabutkan sebentuk cincinnya daripada anak jarinya dan bersabda: Anda pakailah cincin ini semasa hidupku.

Amir al-Mukminin) a.s telah berkata: Maka aku telah melihat kepada cincin itu apabila aku meletaknya di anak jari tanganku, aku berangan-angan daripada semua itu supaya baginda s.a.w tidak meninggalkan cincinnya. Kemudian baginda s.a.w telah memanggil Bilal, bawakan kepadaku topi besi, baju besi, bendera, baju (*qamis*), Dhu al-Fiqar (pedangnya), serban, pakaian bahu (*burd*), kain pengikat lengan dan tongkat. Beliau (Ali) a.s telah berkata: Demi Allah, aku tidak pernah melihatnya sebelum ini. Apa yang beliau a.s telah maksudkannya adalah kain pengikat lengan berwarna hitam-putih(*abraqah*). Lalu dibawa pakaian yang panjang dan lebar yang membuatkan mata menjadi kabur,

rupa-rupanya ia adalah kain pengikat lengan yang berwarna hitam-putih (*abraqah*) dari syurga. Maka baginda s.a.w bersabda kepada Ali a.s: Wahai Ali, sesungguhnya Jibrail telah membawanya kepadaku dan dia berkata: Wahai Muhammad, jadikannya di hujung baju besi anda dan ikatlah ia di tempat tali pinggang. Kemudian baginda s.a.w telah menyeru untuk dua pasang kasutnya yang mana kedua-duanya menurut cita-rasa Arab, salah satu daripadanya mempunyai dua tapak kasut dan satu lagi tidak. Dua baju (*qamis*). Satu daripadanya baginda s.a. w telah memakainya di dalam perjalanan malam (*Israa'*) dan yang satu lagi baginda s.a.w telah memakainya di dalam peperangan Uhud.

Tiga songkok atau kopiah (*qalansuwah*); satu songkok untuk musafir, satu songkok untuk dua hari Raya Puasa, hari Raya Haji dan hari Jumaat dan satu songkok lagi baginda s.a.w memakainya ketika duduk bersama-sama para sahabatnya. Kemudian baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Bilal, bawakan kepadaku dua ekor baghal, al-Syahbaa' dan al-Duldul, dua ekor unta betina, al 'Adhbaa' dan al-Qaswaa, dua ekor kuda', al-Janaah yang diletakkan di luar pintu masjid untuk keperluan Rasulullah s.a.w.

Apabila baginda s.a.w mengutus seorang lelaki untuk memenuhi keperluannya, maka lelaki itu dapat menungganginya bagi memenuhi keperluan Rasulullah s.a.w. Sementara Haizum[73] yang mana baginda s.a.w pernah bersabda: Majulah, wahai Haizum. Dan keldai 'Ufair yang mana baginda s.a.w pernah bersabda: Jagalah ia sepanjang hidupku. Amir al-Mukminin a.s telah menyebut bahawa binatang ternakan [Rasulullah s.a.w] yang pertama telah mati adalah 'Ufair yang telah mati ketika matinya Rasulullah s.a.w. Ia telah memutuskan tali kengkangnya, kemudian ia berlari sehingga sampai ke perigi Bani Khatmah di Qubaa', lalu mencampakkan dirinya kedalamnya dan ia telah menjadi kuburnya.

(200)-10. Diriwayatkan bahawa Amir al-Mukminin a.s berkata: Keldai ini telah bercakap kepada Rasulullah s.a.w, maka ia telah berkata: Dengan bapaku, anda dan ibuku bahawa sesungguhnya bapaku telah memberitahuku, daripada bapanya, daripada datuknya, daripada bapanya bahawa ia telah berada bersma-sama Nuh di dalam bahteranya. Maka Nuh datang kepadanya, lalu menyapukan belakangnya. Kemudian beliau a.s telah berkata: Seekor keldai akan keluar daripada keldai ini yang mana ia akan ditunggani oleh penghulu para nabi dan terakhir mereka. Segala puji bagi Allah yang telah menjadikan aku keldai tersebut.

---

[73] Nama seekor kuda Rasulullah s.a.w

Bab 39

☼Umpama Senjata Rasulullah S.A.W Sepertilah Tabut Pada Bani Israel (*anna mithla silah Rasulullah mithla al-Tabut fi Bani Israel*)☼

(201)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Mu'awiyah bin Wahab, daripada Sa'id al-Sammaan berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya umpama senjata [Rasulullah s.a.w] pada kami sepertilah tabut pada Bani Israel. Bani Israel iaitu ahlu bait yang mendapati tabut di pintu-pintu [rumah] mereka, diberikan kenabian. Lantaran itu, sesiapa yang memiliki senjata [Rasulullah s.a.w] daripada kami, diberikan *imamah.*

(202)-2. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Muhammad bin al-Sikkin, daripada Nuh bin Darraj, daripada Abdullah bin Abi Ya'fur berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya umpama senjata [Rasulullah s.a.w] pada kami sepertilah tabut pada Bani Israel. Di mana saja tabut berada, maka kerajaan diberikan dan di mana saja senjata berada pada kami, maka ilmu diberikan.

(203)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Safwan, daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya umpama senjata [Rasulullah s.a.w] pada kami sepertilah tabut pada Bani Israel. Di mana saja tabut berada, diberikan kenabian. Di mana saja senjata berada pada kami, maka diberikan *imamah.* Aku telah berkata: Bolehkah senjata dipisahkan daripada ilmu? Beliau a.s telah berkata: Tidak.

(204)-4. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Abi Nasr, daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya umpama senjata [Rasulullah s.a.w] pada kami sepertilah tabut pada Bani Israel. Di mana saja tabut berada, diberikan kerajaan. Di mana saja senjata berada pada kami, maka di berikan ilmu.

Bab 40

☼Padanya Sebutan Mashaf, Al-Jafar, Al-Jami'ah Dan Mashaf Fatimah A.S (*fi-hi dhikr al-Sahifah wa-al-Jafar wa-al-Jami'ah wa-mushaf Fatimah a.s*)☼

(205)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Abdullah bin al-Hijjal, daripada Ahmad bin 'Umar al-Halabi, daripada Abu Basir berkata: Aku telah datang kepada Abu Abdillah a.s, maka aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya aku ingin bertanya kepada anda tentang satu masalah. Di sini adakah seorang yang sedang mendengaar percakapanku? Beliau telah berkata: Lalu Abu Abdillah a.s telah mengangkat langsir (*sitran*) di antara rumahnya dan rumah yang lain dan melihat di dalamnya, kemudian berkata: Wahai Abu Muhammad, tanyalah apa yang terlintas di hati anda.

Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya Syiah anda mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w telah mengajar Ali satu bab (pintu ilmu) yang membuka seribu pintu yang lain? Maka beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Muhammad, sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mengajar Ali a.s seribu pintu [ilmu] yang membuka setiap pintu seribu pintu yang lain pula. Aku telah berkata: Demi Allah, ini adalah ilmu, lalu beliau a.s mengetok di tanah beberapa ketika, kemudian berkata: Ini adalah ilmu, tetapi ia bukanlah ilmu.

Kemudian beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Muhammad, sesungguhnya di sisi kami al-Jami'ah, apakah yang membuat mereka mengetahui apa itu al-Jami'ah? Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah itu al-Jami'ah? Beliau a.s telah berkata: Mashaf (*scroll*) panjangnya tujuh puluh hasta dengan ukuran hasta Rasulullah s.a.w dan imlaknya daripada mulutnya dan khat Ali dengan tangannya. Di dalamnya setiap perkara yang halal dan haram dan setiap perkara yang dihajati oleh manusia sehinggakan kepada denda bagi orang yang melakukan sesuatu. Dan beliau a.s telah memukul aku dengan tangannya sambil berkata: Adakah anda memberi izin kepadaku, wahai Abu Muhammad?

Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya aku adalah untuk anda, lakukanlah apa yang anda mahu. Beliau telah berkata: Beliau a.s telah mencubit tanganku dan berkata:-sehingga denda semacam ini-seolah-olah beliau a.s di dalam keadaan marah-aku telah berkata: Demi Allah, ini adalah ilmu. Beliau

a.s telah berkata: Sesungguhnya ia adalah ilmu, tetapi ia bukanlah ilmu. Kemudian beliau a.s telah mendiamkan diri seketika, kemudian berkata: Sesungguhnya di sisi kami al-Jafar, apakah yang membuat mereka mengetahui apa itu al-Jafar? Aku telah berkata: Apakah itu al-Jafar? Beliau a.s telah berkata: Bekas daripada kulit padanya ilmu para nabi, para wasi dan ilmu para ulama Bani Israel yang telah berlalu. Aku telah berkata: Sesungguhnya ini adalah ilmu, beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya ia adalah ilmu, tetapi ia bukanlah ilmu.

Kemudian beliau a.s telah mendiamkan diri seketika. Kemudian beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya di sisi kami mashaf Fatimah a.s dan apakah yang dapat mengajar mereka tentang mashaf Fatimah a.s? Aku telah berkata: Apakah mashaf Fatimah a.s? Beliau a.s telah berkata: Mashaf seperti tiga kali al-Qur'an kamu (*mushaf fi-hi mithlu Qur'ani-kum hadha thalatha marraat*). Demi Allah, ia tidak seperti Qur'an kamu sekalipun satu huruf (*wa llahi ma fi-hi min Qur'ani-kum harfun wahid*).

Aku telah berkata: Demi Allah, ini adalah ilmu, beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya ia adalah ilmu, tetapi ia bukanlah ilmu. Kemudian beliau a.s telah mendiamkan diri seketika. Kemudian beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya di sisi kami ilmu tentang apa yang telah berlaku dan apa yang akan berlaku sehingga berlakunya Kiamat. Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, demi Allah, ini adalah ilmu, beliau a.s telah berkata: Ia adalah ilmu, tetapi ia bukanlah sedemikian. Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah itu ilmu? Beliau a.s telah berkata: Apa yang berlaku di waktu malam dan siang hari, satu urusan selepas urusan yang lain, satu perkara selepas perkara yang lain sehingga hari Kiamat.

(206)-2. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Umar bin 'Abd al-'Aziz, daripada Hammad bin Uthman, berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Mereka yang Zindiq akan zahir pada tahun 128 Hijrah (745/746 M), aku telah melihatnya pada mashaf Fatimah a.s. Aku telah berkata: Apakah mashaf Fatimah? Beliau a.s telah berkata: Apabila Allah mematikan nabi-Nya s.a.w, dukacita telah menguasai Fatimah a.s yang mana tiada seorang pun yang mengetahuinya melainkan Allah a.w. Lalu Allah mengutus kepadanya malaikat untuk menggembirakannya dan bercakap-cakap dengannya (*yuhaddithu-ha*). Kemudian Fatimah a.s telah mengadu kepada Amir al-Mukminin a.s, maka Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Apabila anda telah merasainya dan anda telah mendengar suara, beritahulah kepadaku. Kemudian Fatimah a.s telah memberitahu kepadanya perkara itu. Lalu Amir al-Mukminin a.s terus menulis setiap kali beliau a.s mendengarnya sehingga beliau a.s menjadikannya satu mashaf. Beliau a.s telah berkata: Tidak ada

padanya perkara yang halal dan haram, tetapi ada padanya ilmu tentang apa yang akan berlaku. [74]

(207)-3. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada al-Husain bin Abi al- 'Alaa' berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya di sisi kami al-Jafar yang putih (*al-Abyadh*). Aku telah berkata: Apakah yang ada di dalamnya? Beliau a.s telah berkata: Zabur Daud, Taurat Musa, Injil Isa, mashaf Ibrahim, halal dan haram dan mashaf Fatimah. Aku tidak mendakwa di dalamnya al-Qur'an. Di dalamnya ialah apa yang dihajati oleh orang ramai kepada kami dan kami tidak berhajat kepada sesiapapun sehingga di dalamnya [hukuman] satu rotan, separuh rotan, satu per empat rotan dan denda.

Di sisi kami al-Jafar yang berwarna merah (*al-Ahmar*). Aku telah berkata: Apakah yang ada di dalam al-Jafar yang berwarna merah? Beliau a.s telah berkata: Senjata, ia hanya dibuka untuk darah yang akan dibuka oleh pemilik pedang untuk membunuh [seseorang]. Maka Abu Abdillah bin Abi Ya'fur telah berkata kepadanya: *Asalaha-ka llahu*, adakah Banu al-Hasan[75] mengetahuinya? Maka beliau a.s telah berkata: Ya, demi Allah, sebagaimana mereka mengetahui malam bahawa ia adalah malam, sebagaimana mereka mengetahui siang bahawa ia adalah siang, tetapi mereka didorongkan oleh hasad dan cinta kepada dunia berdasarkan kedegilan dan keingkaran. Jika mereka menuntut kebenaran dengan kebenaran, nescaya ia adalah lebih baik untuk mereka.

(208)-4. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus, daripada orang yang telah disebutkannya, daripada Sulaiman bin Khalid, berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya pada al-Jafar yang mereka sebutkannya menyakitkan mereka, kerana mereka tidak berkata benar sedangkan kebenaran ada padanya. Hendaklah mereka mengeluarkan hukum-hukum Ali dan kiraan ilmu pusakanya, jika mereka bercakap benar. Tanya mereka tentang ibu saudara sebelah bapa dan di sebelah ibu, hendaklah mereka mengeluarkan mashaf Fatimah a.s, kerana padanya wasiat Fatimah a.s. Bersamanya adalah senjata Rasulullah s.a.w. Sesungguhnya Allah a. w telah berfirman: "*Bawakan kepadaku Kitab sebelum ini (al-Qur'an) atau peninggalan dari pengetahuan, jika kamu yang benar*"[76]

---

[74] Mashaf Fatimah a.s adalah imlak Ali a.s berdasarkan suara malaikat yang didengari oleh Fatimah a.s.

[75] Anak-anak al-Hasan bin Ali a.s

[76] Surah al-Ahqaf (46): 4

(209)-5. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Ibn Ri'ab, daripada Abu 'Ubaidah, berkata: Dia telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang sebahagian daripada sahabat kami mengenai al-Jafar, maka beliau a.s telah berkata: Iaitu kulit lembu jantan yang dipenuhi ilmu, beliau telah berkata kepadanya: Al-Jami'ah? Beliau a.s telah berkata: Mashaf (*sahifah*) [77]panjangnya tujuh puluh hasta di dalam bentuk kulit sebesar paha unta. Padanya apa yang dihajati oleh orang ramai kepadanya, tidak ada satu perintah melainkan ada di dalamnya sehinggakan [hukum] denda.

Beliau telah berkata: Dan mashaf Fatimah a.s? Beliau a.s telah mendiamkan dirinya agak lama, kemudian berkata: Sesungguhnya kamu telah membincangkan apa yang kamu mahu dan apa yang kamu tidak mahu. Sesungguhnya Fatimah a.s telah tinggal selepas Rasulullah s.a.w selama tujuh puluh lima hari. Dukacita telah menguasainya kerana kematian bapanya. Lalu Jibrail a.s mendatanginya, memberi takziah di atas kematian bapanya, menasihatinya, memberitahunya tentang bapanya dan tempatnya serta memberitahu kepadanya apa yang akan berlaku kepada zuriatnya selepasnya, lalu Ali a.s telah menulisnya, maka inilah mashaf Fatimah a.s.[78]

(210)-6. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Salih bin Sa'id, daripada Ahmad bin Abi Basyar, daripada Bakr bin Karb al-Sairafi berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya di sisi kami apa yang kami tidak berhajat kepada orang ramai, sesungguhnya orang ramai berhajat kepada kami. Sesungguhnya di sisi kami kitab dengan imlak Rasulullah s.a.w dan khat Ali a.s, mashaf di dalamnya halal dan haram. Sesungguhnya kamu akan mendatangi kami dengan urusan, maka kami mengetahuinya apabila kamu mengambilnya dan kami mengetahuinya apabila kamu meninggalkannya.

(211)-7. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abu 'Umair, daripada Umar bin Udhainah, daripada Fudhail bin Yassar, Buraid bin Mu'awyah dan Zurarah bahawa 'Abd al-Malik bin A'yan berkata kepada Abu Abdillah a.s: Sesungguhnya Zaidiyah dan Muktazilah telah berkumpul di sekitar Muhammad bin Abdullah, maka adakah di sisinya kuasa? Maka beliau a.s telah berkata: Demi Allah, sesungguhnya di sisiku dua kitab yang mana setiap nabi dan setiap raja yang memerintah ada di dalamnya, tidak, demi Allah, Muhammad bin Abdullah tidak ada di dalam salah satu daripada dua kitab".

---

[77] Bererti *scroll*

[78] Mashaf Fatimah a.s ialah percakapan malaikat dengan Fatimah a.s selepas kematian bapanya yang ditulis oleh Ali a.s. dan ia bukanlah al-Qur'an.

(212)-8. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Qasim bin Muhammad, daripada 'Abd al-Samad bin Basyir, daripada Fudhail bin Sukkarah berkata: Aku telah mendatangi Abu Abdillah a.s, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Fudhail, adakah anda mengetahui apakah yang aku sedang melihat sebelum kedatangan anda sekejap tadi? Aku telah berkata: Tidak, beliau a.s telah berkata: Aku sedang melihat kepada kitab Fatimah a.s. Tidak ada di sana raja yang memerintah [bumi ini] melainkan ia termaktub di dalamnya namanya, nama bapanya dan aku tidak mendapati anak-anak al-Hasan di dalamnya".

Bab 41

☼Tentang "*Inna Anzal-na-hu Fi Lailati al-Qadar*" Dan Tafsirnya (*fi sya'ni inna anzal-na-hu fi lailati al-Qadar wa-tafsiri-ha*)☼

(213)-1. Muhammad bin Abi Abdullah dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahal bin Ziyad dan Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Ibn Muhammad, daripada al-Hasan bin al-'Abbas, daripada al-Harisy, daripada Abu Ja'far al-Thani berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Manakala bapaku a.s (al-Baqir) mengelilingi Ka'bah, tiba-tiba seorang lelaki yang menutup mukanya dengan kain, telah menghalang tawafnya sehingga beliau membawanya ke sebuah rumah di sekitar al-Safa, lalu beliau mengiringiku, maka kami hanya bertiga. Beliau telah berkata: Selamat datang (*marhaban*), wahai anak lelaki Rasulullah, kemudian beliau telah meletakkan tangannya di atas kepalaku sambil berkata: Allah memberkati anda, wahai orang yang dipercayai Allah (*aminu llah*) selepas bapa-bapanya. Wahai Abu Ja'far, Jika anda mahu, maka beritahulah kepadaku dan jika anda mahu, maka aku memberitahu kepada anda. Jika anda mahu, bertanyalah kepadaku dan jika anda mahu, aku bertanya anda.

Dan jika anda mahu, maka anda membenarkan aku. Dan jika anda mahu, aku membenarkan anda? Beliau a.s telah berkata: Semuanya aku mahu. Beliau a.s telah berkata: Berhati-hatilah, supaya lidah anda tidak bercakap tentang masalahku dengan perkara yang mana anda menyembunyikannya daripadaku. Sesungguhnya orang yang melakukan sedemikian ialah orang yang di hatinya dua ilmu yang salah satu daripadanya menyalahi yang lain. Sesungguhnya Allah a.w enggan mempunyai ilmu yang bertentangan (*ikhtilaf*). Beliau telah berkata: Inilah masalahku dan sesungguhnya aku telah menerangkan sebahagiannya. Beliau telah berkata: Beritahulah kepadaku tentang

ilmu yang tidak ada pertentangan (*ikhtilaf*); siapakah yang mengetahuinya?

Beliau a.s telah berkata: Jumlah ilmu secara keseluruhannya adalah di sisi Allah. Adapun ilmu yang diperlukan oleh hamba-hamba-Nya, maka ia di sisi para wasi. Beliau a.s telah berkata: Lelaki itu telah membuka serbannya, lalu duduk dan cahaya mukanya berseri sambil berkata: Inilah yang aku telah mahu, kerana itulah aku telah datang. Anda mendakwa bahawa ilmu yang tidak ada pertentangan itu ada di sisi para wasi, bagaimana mereka mengetahuinya? Beliau a.s telah berkata: Ianya sebagaimana Rasulullah s.a.w telah mengetahuinya. Tetapi mereka tidak melihat sebagaimana Rasulullah s.a.w telah melihatnya, kerana beliau adalah seorang nabi dan mereka adalah *muhaddathuun*. Rasulullah s.a.w pernah berjalan malam (*asra*) kepada Allah, lalu baginda s.a.w telah mendengar wahyu sedangkan mereka pula tidak mendengarnya. Beliau telah berkata: Anda memang benar, wahai anak lelaki Rasulullah s.a.w, aku akan mengemukakan kepada anda masalah yang lebih sukar lagi.

Beritahulah kepadaku tentang ilmu yang tidak zahir? Sebagaimana ia telah zahir bersama Rasulullah s.a.w? Abu Abdillah a.s telah berkata: Bapaku a.s (al-Baqir) telah tersenyum dan berkata: Sesungguhnya Allah enggan mendedahkan ilmu-Nya melainkan kepada orang yang telah diuji imannya mengenainya sebagaimana telah berlaku kepada Rasulullah s.a.w yang telah bersabar di atas penyeksaan kaumnya dan tidak menentang mereka melainkan dengan perintah-Nya. Berapa banyak rahsia yang baginda s.a.w telah sembunyikannya sehingga turun firman-Nya: *"Maka sampaikanlah olehmu secara terang-terang segala apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah dari mereka yang musyrik"*[79]. Demi Allah, jika baginda s.a.w telah menyampaikannya sebelum ini, nescaya beliau telah selamat, tetapi baginda s.a.w telah memusatkan kepada ketaatan [Nya] dan khuatir tentang pertentangan. Justeru, baginda s.a.w telah menahan dirinya [dari melakukannya]. Aku mahu mata anda akan bersama Mahdi umat ini dan para malaikat dengan pedang-pedang keluarga Daud di antara langit dan bumi yang mana roh-roh mereka yang kafir diseksa dan roh-roh seumpama mereka yang masih hidup akan bersama mereka.

Kemudian beliau a.s telah mengeluarkan pedangnya, kemudian beliau telah berkata: Ini adalah salah satu daripadanya. Bapaku telah berkata: Ya, demi Yang telah memilih Muhammad ke atas semua manusia. Beliau a.s (Abu Abdillah) telah berkata: Lelaki itu telah mendedahkan mukanya sambil berkata: Aku adalah Ilyas. Aku tidak bertanya anda tentang urusan anda kerana aku tidak mengetahuinya, tetapi aku mahu supaya diskusi ini menjadi kekuatan kepada para

[79] Surah al-Hijr (15): 94

sahabat anda dan aku akan memberitahu kepada anda satu tanda yang mana anda akan mengetahuinya, jika mereka bertengkar mengenainya, mereka akan menang.

Beliau a.s telah berkata: Bapaku telah berkata kepadanya: Jika anda mahu, aku akan memberitahu anda mengenainya? Beliau (Ilyas) telah berkata: Aku mahu. Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Syiah kami jika mereka telah berkata kepada orang yang tidak bersetuju dengan kami (*ahl al-Khilaf*): Sesungguhnya Allah a.w telah berfirman kepada Rasul-Nya: "*Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (al-Qur'an) pada malam kemuliaan*" sehingga akhir surah.[80] Adakah Rasulullah s.a.w mengetahui sesuatu yang beliau tidak mengetahuinya pada malam itu atau Jibrail a.s membawanya (ilmu) kepadanya pada malam yang lain? Sesungguhnya jika mereka berkata: Tidak, maka katakanlah kepada mereka: Adakah perlu baginda s.a.w menzahirkan ilmunya sebelumnya?

Jika mereka akan berkata: Tidak, maka katakanlah kepada mereka: Adakah apa yang telah dizahirkan oleh Rasulullah s.a.w tentang ilmu Allah itu terdapat pertentangan (*ikhtilaf*)? Jika mereka telah berkata: Tidak, maka katakanlah kepada mereka: Jika seseorang yang menghukum dengan hukum Allah yang ada padanya pertentangan, adakah beliau menyalahi Rasulullah s.a.w? Mereka akan berkata: Ya. Jika mereka telah berkata: Tidak, maka mereka telah bercanggah dengan kata-kata mereka yang pertama, maka katakanlah kepada mereka: "*Tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah dan mereka yang mendalam ilmunya*"[81]

Jika mereka telah berkata: Siapakah mereka yang mendalam ilmunya (*al-Rasikhun fi al-'Ilm*)? Maka katakanlah kepada mereka: Mereka yang tidak bertentangan pada ilmunya. Jika mereka telah berkata: Siapakah mereka? Katakanlah: Rasulullah s.a.w adalah orangnya, adakah baginda s.a.w telah menyampaikannya atau tidak? Jika mereka telah berkata: Baginda s.a.w telah menyampaikannya, maka katakanlah kepada mereka: Adakah Rasulullah s.a.w telah mati dan khalifah selepasnya telah mengetahui ilmu yang tidak ada pertentangan?

Jika mereka telah berkata: Tidak, maka katakanlah kepada mereka: Sesungguhnya khalifah Rasulullah s.a.w seorang yang kuat (*muayyad*) kerana Rasulullah s.a.w tidak melantik penggantinya melainkan beliau menghukum dengan hukumnya kecuali beliau seumpamanya selain daripada kenabian. Jika Rasulullah s.a.w tidak melantik seorang yang menepati ilmunya, nescaya baginda s.a.w telah mensia-siakan zuriat mereka yang masih di salbi lelaki selepasnya.

---

[80] Surah al-Qadr (97):1-5
[81] Surah Ali Imran (3): 7

Jika mereka telah berkata kepada anda: Sesungguhnya ilmu Rasulullah s.a.w adalah daripada al-Qur'an, maka katakalah kepada mereka Firman Allah: "*Haa miim. Demi Kitab (al-Qur'an) yang menjelaskan. Sesungguhnya Kami menurunkannya pada suatu malam yang diberkati dan sesungguhnya Kamilah yang memberi peringatan. Pada malam itu dijelaskan segala urusan yang penuh hikmah. Iaitu urusan yang besar dari sisi Kami. Sesungguhnya Kamilah Yang mengutus rasul-rasul*"[82]

Jika mereka telah berkata kepada anda: Allah tidak menurunkan [nya] melainkan kepada seorang nabi, maka katakanlah kepada mereka: Adakah urusan yang penuh hikmah ini dari malaikat dan *ruh* yang turun dari langit ke langit atau dari langit ke bumi? Jika mereka telah berkata: Dari langit ke langit, maka tidak ada seorang pun di langit yang kembali dari ketaatan kepada maksiat. Jika mereka telah berkata: Dari langit ke bumi, maka penghuni bumi adalah makhluk yang lebih berhajat kepadanya. Maka katakanlah kepada mereka: Adakah mereka perlu kepada seorang *sayyid* atau *maula* yang mana mereka dapat merujuk kepadanya di dalam pertengkaran mereka?

Jika mereka telah berkata: Khalifah adalah hakim di dalam pertengkaran mereka, maka katakanlah kepada mereka: Firman-Nya "*Allah Pelindung mereka yang beriman; Dia mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya. Dan mereka yang kafir, pelindung-pelindungnya ialah syaitan yang mengeluarkan mereka daripada cahaya kepada kegelapan. Mereka itu adalah penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya*"[83] Aku bersumpah bahawa tidak ada di bumi dan di langit wali Allah melainkan dia disokong [oleh Allah] dan sesiapa yang disokong [oleh Allah] tidak akan dihina. Tidak ada di bumi musuh Allah melainkan beliau dihina. Dan sesiapa yang dihina, tidak akan berjaya. Turunnya perintah dari langit adalah perlu bagi menghukum penghuni bumi. Begitu juga seorang wali adalah perlu.

Jika mereka telah berkata: Kami tidak mengetahui perkara ini, maka katakanlah kepada mereka: Katakan saja apa yang kamu suka, Allah enggan, selepas Muhammad s.a.w, meninggalkan hamba-hamba-Nya tanpa *Hujjah* ke atas mereka. Abu Abdillah a.s telah berkata: Kemudian beliau (Ilyas) telah berhenti dan berkata: Di sinilah, wahai anak lelaki Rasulullah, inilah perkara yang rumit (*bab ghamidh*). Jika anda fikir bahawa mereka telah berkata: *Hujjah* Allah: Al-Qur'an? Beliau (Ilyas) telah berkata: Aku akan berkata kepada mereka: Sesungguhnya al-Qur'an tidak bercakap, menyuruh atau melarang. Lantaran itu, al-Qur'an perlu kepada ahli (orang) yang boleh memerintah dan melarang dan aku telah berkata: Musibah telah berlaku kepada sebahagian

[82] Surah al-Dukhan (44): 1-5
[83] Surah al-Baqarah (2): 257

penghuni bumi yang tidak ada di dalam sunnah [nabi s.a.w] dan hukum yang tidak ada pertentangan serta tidak ada di dalam al-Qur'an, tetapi Allah enggan- kerana ilmu-Nya-fitnah itu berlaku di bumi dan tidak ada di dalam hukuman-Nya untuk menolaknya dan menyelamatkan penghuninya[84].

Maka beliau telah berkata: Di sinilah, kamu akan berjaya, wahai anak lelaki Rasulullah, aku naik saksi bahawa Allah telah mengetahui musibah yang akan menimpa makhluk-Nya di bumi atau pada diri mereka mengenai agama dan lain-lain, lalu Dia telah meletakkan al-Qur'an sebagai dalil. Lelaki itu telah berkata: Adakah anda mengetahui, wahai anak lelaki Rasulullah, apakah dalil itu?

Abu Ja'far a.s telah berkata: Ya, padanya beberapa batasan dan tafsirannya di dalam hukuman, maka beliau a.s telah berkata: Allah enggan mengenakan musibah kepada hamba-Nya pada agamanya atau pada dirinya atau pada hartanya yang mana tidak ada di bumi-Nya seorang hakim yang dapat menghukum mereka dengan adil. Beliau a.s (Abu Abdillah) telah berkata: Lelaki itu telah berkata: Adapun di dalam perkara ini, kamu akan berjaya ke atas mereka dengan seorang *Hujjah* melainkan musuh kamu bercakap dengan kebatilan menentang Allah, maka beliau (musuh) telah berkata: Tidak ada bagi Allah *Hujjah*, tetapi beritahulah kepadaku tentang tafsir "*Supaya jangan kamu berdukacita terhadap apa yang luput dariapdamu*" Ia dikhususkan untuk Ali a.s. "*Dan jangan kamu terlalu gembira terhadap apa yang diberikanNya kepadamu*"[85]. Beliau a.s telah berkata: Ia dikhususkan untuk *Abi fulan*[86] dan para sahabatnya.

Satu ayat didahulukan dan satu ayat dilewatkan "*Supaya jangan kamu berdukacita terhadap apa yang luput dariapdamu*" Dikhususkan untuk Ali a.s. "*Dan jangan kamu terlalu gembira terhadap apa yang diberikanNya kepadamu*" Fitnah yang dibentangkan kepada kamu selepas Rasulullah s.a.w. Kemudian lelaki itu telah berkata: Aku naik saksi bahawa sesungguhnya kamu adalah pemilik hukumnya (*ashab al-Hukm*) yang tidak ada pertentangan padanya. Kemudian lelaki itu telah berdiri dan meninggalkan tempat itu dan aku tidak melihatnya lagi.

(214)-2. Daripada sanad-sanad yang sama, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Manakala bapaku (al-Baqir) sedang duduk dan di sisinya beberapa orang, beliau a.s telah ketawa sehingga dua matanya berlinang dengan air mata, kemudian beliau a.s telah berkata: Adakah kamu mengetahui apakah yang membuatkan aku ketawa? Abu Abdillah a.s telah berkata: Mereka telah berkata: Tidak, beliau a.s (al-Baqir) telah

[84] *Hujjah* akan menyelesaikannya
[85] Surah al-Hadid (57): 23
[86] Abu Bakr

berkata: Ibn 'Abbas[87] telah mendakwa bahawa beliau adalah salah seorang yang telah berkata: "*Sesungguhnya mereka yang mengatakan: Tuhan kami ialah Allah, kemudian meneguhkan pendirian mereka*"[88]

Maka aku telah berkata kepadanya: Adakah anda telah melihat malaikat, wahai Ibn 'Abbas, menceritakan kepada anda bahawa mereka adalah penolong-penolong anda di dunia dan di akhirat, aman daripada ketakutan dan dukacita? Beliau telah berkata: Sesungguhnya Allah telah berfirman: "*Sesungguhnya mukminun itu adalah saudara*"[89] Dan semua umat termasuk di dalam ayat ini, maka akupun ketawa. Kemudian aku telah berkata: Anda memang benar, wahai Ibn 'Abbas, aku menyeru anda dengan nama Allah, adakah di dalam hukum Allah pertentangan?

Beliau telah berkata: Tidak, maka aku telah berkata: Apakah pendapat anda tentang seorang lelaki yang telah memotong jari tangan seorang lelaki (*asaabi'a-hu*) dengan pedang sehingga terputus, kemudian beliau pergi dan seorang lelaki lain datang, lalu memotong tapak tangannya (*kaffa-hu*), kemudian beliau datang kepada anda dan anda sebagai hakim, bagaimana anda akan melakukannya? Ibn 'Abbas telah berkata: Aku akan berkata kepada pemotongnya (*al-Qati'*)[90]: Berilah kepadanya diat (denda) tapak tangannya dan aku akan berkata kepada orang yang dipotong tapak tangannya [*al-Maqtu'*]: Berdamailah dengannya menurut kehendak anda dan tampil bersamanya kepada dua orang lelaki yang adil. Aku telah berkata: Pertentangan dengan hukum Allah telah berlaku di sini, anda telah menyalahi kata-kata anda yang pertama.

Allah enggan melakukan sesuatu batasan hukum kepada makhluk-Nya sedangkan tafsiran mengenainya tidak ada di bumi. Potonglah tangan [lelaki yang kedua) yang telah memotong tapak tangan lelaki itu. Kemudian berilah kepada lelaki yang pertama [supaya membayar] diat anak jarinya [yang dipotong]. [91]Demikianlah hukum Allah pada malam diturunkan perintah-Nya. Jika anda menentangnya selepas anda mendengarnya daripada Rasulullah s.a.w, maka Allah akan memasukkan anda ke neraka sebagaimana Dia telah membutakan mata anda pada hari anda menentang Ali bin Abu Talib. Beliau telah berkata: Lantaran itu, Dia telah membuat mata aku buta. Beliau a.s telah berkata: Bagaimana anda mengetahuinya! Demi Allah, mataku telah menjadi buta kerana pukulan sayap malaikat.

---

[87] Abdullah bin 'Abbas bin 'Abd al-Muttalib (lahir 3 tahun sebelum Hijrah).
[88] Surah Fussilat (41):30
[89] Surah al-Hajaraat (49): 10
[90] Sama ada lelaki yang telah memotong anak jari tangannya atau lelaki yang telah memotong tapak tangannya
[91] Diat bagi lelaki yang telah memotong anak jari dan potong tapak tangan bagi lelaki yang telah memotongnya.

Beliau a.s telah berkata: Ini telah membuatku ketawa, kemudian aku telah meninggalkanya pada harinya kerana kelemahan akalnya. Kemudian aku telah bertemu dengannya, maka aku telah berkata: Wahai Ibn 'Abbas, anda tidak bercakap benar semenjak kelmarin. Ali bin Abu Talib telah berkata kepada anda: Sesungguhnya malam *Lailatu l-Qadr* adalah pada setiap tahun. Sesungguhnya urusan tahunan diturunkan pada malam itu. Dan bagi urusan ini ada pelaksana-pelaksananya (*wulat*) selepas Rasulullah s.a.w. Lantas anda berkata: Siapakah mereka? Maka beliau a.s telah berkata: Aku dan sebelas para imam daripada salbiku adalah *muhaddathuun*.

Anda telah berkata: Aku tidak berpendapat sedemikian. Ia adalah untuk semua orang kecuali Rasulullah s.a.w. Kemudian malaikat yang bercakap kepada Ali telah menampakkan dirinya kepada anda dan berkata: Anda telah berbohong, wahai Abdullah, dua mataku telah melihat apa yang dicakapkan oleh Ali kepada anda- Dua matanya tidak melihatnya, tetapi hatinya menyedarinya dan menetap pada pendengarannya-kemudian dia telah memukul anda dengan sayapnya dan anda telah menjadi buta. Ibn 'Abbas telah berkata: Apa yang kita telah berselisih pendapat di dalam suatu perkara, maka hukumnya [kembali] kepada Allah. Maka aku telah berkata kepadanya: Adakah Allah telah menghukum satu perkara dengan dua hukuman? Beliau telah berkata: Tidak, maka aku telah berkata: Di sinilah anda telah binasa dan membinasakan orang lain.

(215)-3. Dengan sanad-sanad yang sama, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Allah telah berfirman pada malam *Lailatu l-Qadr* "*Pada malam itu dijelaskan segala urusan dengan penuh hikmah*"[92] Yang bijaksana tidak boleh menjadi dua perkara, kerana ia adalah satu perkara sahaja. Sesiapa yang menghukum [sesuatu perkara] tanpa padanya pertentangan, maka hukumnya adalah hukum Allah a.w. Sesiapa yang menghukum sesuatu perkara yang ada padanya pertentangan dan berpendapat bahawa beliau seorang benar (*musib*), maka sesungguhnya beliau telah menghukum dengan hukum *taghut*. Sesungguhnya tafsiran semua perkara diturunkan pada malam *Lailatu l-Qadr* dari setahun ke setahun kepada orang yang mempunyai kuasa (*waliyyu al-Amr*) diperintahkan padanya untuk urusan dirinya seperti itu dan ini. Dan untuk urusan orang ramai seperti itu dan ini. Sesungguhnya akan berlaku ilmu Allah a.w secara khusus dan keajaiban rahsia yang tersembunyi [didedahkan] kepada wali (*al-Amr*) setiap hari sebagaimana urusan yang diturunkan pada malam *Lailatu l-Qadr*. Kemudian beliau a.s telah membaca Firman-Nya: "*Dan seandainya pohon-pohon di bumi menjadi pena dan laut (menjadi tinta),*

[92] Surah al-Dukhaan (44):4

ditambahkan kepadanya tujuh laut (lagi) sesudah (kering)nya, nescaya tidak akan habis-habisnya kalimat Allah. Sesungguhnya Allah Maha perkasa lagi Maha Bijaksana"[93]

(216)-4. Dengan sanad-sanad ini, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Ali bin al-Husain a.s telah membaca firman-Nya: "*Sesungguhnya Kami telah menurunkannya pada malam Lailatu l-Qadr*"[94] Beliau a.s berlata: Memang benar bahawa Allah telah menurunkan al-Qur'an pada malam *Lailatu l-Qadr.* Tetapi apakah dia malam *Lailatu l-Qadr* itu? Rasulullah s.a.w telah bersabda: Aku tidak mengetahuinya. Allah telah berfirman: "*Malam Lailatu l-Qadr itu adalah lebih baik daripada seribu bulan*"[95] yang tidak ada padanya *Lailatu l-Qadr.* Dia telah berfirman kepada Rasulullah s.a.w: Adakah engkau mengetahui kenapakah ia lebih baik daripada seribu bulan? Baginda s.a.w telah bersabda: Tidak, Dia telah berfirman: "*Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan Ruh dengan izin Tuhannya untuk mengatur segala urusan*"[96]

Apabila Allah telah izin dengan sesuatu, maka sesungguhnya Dia telah meredainya "*Malam itu (penuh) kesejahteraan sehingga sampai terbit fajar*"[97] Kemudian Dia telah berfirman di dalam Kitab-Nya: "*Dan peliharalah dirimu daripada fitnah yang tidak khusus menimpa mereka yang zalim saja di antara kamu*"[98] (Begitu juga fitnah) pada ayat "*Sesungguhnya Kami telah menurunkannya pada malam Lailatu l-Qadr*" Dan Dia telah berfirman di dalam Kitab-Nya: "*Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul, sungguh telah berlalu sebelumnya beberapa rasul. Apakah jika dia mati atau dibunuh kamu berbalik ke belakang (murtad)? Sesiapa yang berbalik ke belakang, maka ia tidak dapat mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun dan Allah kan memberi balasan kepada mereka yang bersyukur*"[99]

Dia telah berfirman di dalam ayat yang pertama bahawa Muhammad ketika mati, ahli khilaf (penentang) akan berkata: *Lailaatu l-Qadr* telah berlalu bersama Rasulullah s.a.w, maka ini adalah fitnah yang telah menimpa mereka secara khusus. Justeru, mereka telah murtad ke belakang. Jika mereka telah berkata: *Lailatu l-Qadr* tidak berlalu, maka sudah pasti ada perintah Allah pada malam *Lailatu l-*

[93] Surah Luqman (31): 27
[94] Surah al-Qadr (97):1
[95] Surah al-Qadr (97):3
[96] Surah al-Qadr (97): 4
[97] Surah al-Qadr (97): 5
[98] Surah al-Anfaal (8): 25
[99] Surah Ali Imran (3): 144

Qadr. Dan apabila mereka mengakui urusan tersebut, maka sudah pasti ada seorang yang akan menerimanya[100].

(217)-5. Dan daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Ali a.s banyak berkata bahawa al-Taimi[101] dan al-'Adawi[102] pernah berkumpul di sisi Rasulullah s.a.w yang sedang membaca:"*Innaan-zal-na-hu*" (*Sesungguhnya kami telah menurunkannya*) dengan khusuk dan tangisan, lalu mereka berdua berkata: Alangkah lembutnya hati anda ketika membaca surah ini? Rasulullah s.a.w telah bersabda: Kerana mataku melihat, hatiku sedar dan hati lelaki ini[103] yang akan melihat selepasku. Lantas mereka berdua berkata: Apakah yang anda melihatnya dan apakah yang dia akan melihatnya? Beliau telah berkata: Maka baginda s.a.w telah menulis di tanah untuk mereka berdua: "*Malaikat-malaikat dan Ruh akan turun padanya dengan izin Tuhan mereka daripada setiap urusan*"[104].

Rasulullah s.a.w telah bersabda: Adakah ada lagi sesuatu selepas firman-Nya "*min kulli amr*" (daripada setiap sesuatu). Mereka berdua berkata: Tidak, adakah kamu berdua mengetahui kepada siapakah surah ini diturunkan? Mereka berdua berkata: Anda, wahai Rasulullah, maka baginda s.a.w telah bersabda: Ya. Kemudian Rasulullah s.a.w telah bersabda: Adakah *Lailatu l-Qadr* akan berlaku selepasku? Mereka berdua telah berkata: Ya, maka Rasulullah s.a.w telah bersabda: Adakah urusan (*al-Amr*) akan turun padanya? Mereka berdua telah berkata: Ya, maka Rasulullah s.a.w telah bersabda: Kepada siapakah ia [akan diturunkannya]? Mereka berdua telah berkata: Kami tidak mengetahuinya. Lalu Rasulullah s.a.w telah memegang kepalaku sambil bersabda: Jika kamu berdua tidak mengetahuinya, maka ketahuilah sekarang bahawa beliaulah orang selepasku[105] Beliau telah berkata: Dua lelaki ini mengetahui malam itu (*Lailatu l-Qadr*) selepas Rasulullah s.a.w kerana ketakutan akan menguasai mereka berdua.

(218)-6. Dan daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Wahai kumpulan Syiah, berhujahlah dengan *Inna anzal-na-hu*[106], nescaya kamu akan berjaya. Demi Allah, sesungguhnya ia adalah *Hujjah* Allah di

---

[100] Imam Ali a.s akan menerima *Lailatu l-Qadr* selepas kematian Rasulullah s.a.w dan para imam a.s selepasnya.
[101] Abu Bakr
[102] Umar
[103] Ali bin Abu Talib
[104] Surah al-Qadr (97):4
[105] Ali bin Abu Talib didatangi para malaikat dan Ruh. Beliau pernah berkata: "Akulah tempat turunnya para malaikat". Kemudian kepada para imam selepasnya.
[106] Surah al-Qadr (94): 1-5

atas makhluk-Nya selepas Rasulullah s.a.w. Ia adalah penghulu agama kamu (*inna-ha la-sayyidatu dini-kum*) dan ia adalah matlamat ilmu kami. Wahai kumpulan Syiah, berhujahlah dengan "*Haa miim wa al-Kitab al-Mubin...*" "*Haa miim, demi Kitab yang menjelaskan, sesungguhnya Kami menurunkannya pada suatu malam yang diberkati dan sesungguhnya Kamilah yang memberi peringatan*"[107] Sesungguhnya ayat ini dikhususkan kepada *wulaat al-Amr* (mereka yang mempunyai kuasa agama) selepas Rasulullah s.a.w. Wahai kumpulan Syiah, Allah telah berfirman: "*Dan tidak ada suatu umatpun melainkan telah ada padanya seorang pemberi peringatan*"[108]

Seorang lelaki telah berkata: Wahai Abu Ja'far, pemberi peringatan umat ialah Muhammad s.a.w. Beliau a.s telah berkata: Anda memang benar, adakah di sana pemberi peringatan (*nadhir*) sedangkan baginda s.a.w masih hidup, di kalangan mereka yang diutuskan ke seluruh pelusuk dunia? Maka lelaki yang bertanya telah berkata: Tidak, maka Abu Ja'far a.s telah berkata: Adakah anda percaya bahawa mereka yang diutus oleh Rasulullah s.a.w itu bukanlah pemberi peringatannya sebagaimana Rasulullah s.a.w di dalam utusannya daripada Allah sebagai pemberi peringatan? Beliau telah berkata: Ya, beliau a.s telah berkata: Begitu juga Muhammad tidak mati melainkan baginya utusan yang akan menjadi pemberi peringatan. Jika anda telah berkata: Tidak, sesungguhnya baginda s.a.w telah mensia-siakan zuriat lelaki daripada umatnya.

Lelaki itu telah berkata: Adakah al-Qur'an tidak cukup untuk mereka? Beliau a.s telah berkata: Ya, sekalipun mereka mendapati pentafsir untuknya. Lelaki itu telah berkata: Rasulullah s.a.w tidak mentafsirkannya? Beliau a.s telah berkata: Ya, baginda s.a.w telah mentafsirkannya kepada seorang lelaki dan baginda s.a.w telah menjelaskan kepada umat bahawa lelaki itu ialah Ali bin Abu Talib. Lelaki yang bertanya itu berkata: Wahai Abu Ja'far, ini adalah perkara khusus bahawa ramai orang tidak dapat menerimanya. Beliau a.s telah berkata: Allah enggan disembah melainkan secara rahsia (*an yu'bada illa sirran*) sehingga tiba masa-Nya untuk menzahirkan agama-Nya sebagaimana Rasulullah s.a.w bersama Khadijah telah merahsiakannya sehingga baginda s.a.w diperintahkan secara terang-terang.

Lelaki yang bertanya itu telah berkata: Adakah mustahak bagi pengamal agama ini merahsiakannya? Atau tidakkah Ali bin Abu Talib a.s telah merahsiakan imannya pada hari beliau a.s telah menerima Islam bersama Rasulullah s.a.w sehingga ia diisytiharkannya? Beliau a.s telah berkata: Ya, beliau a.s telah berkata lagi: Begitu juga urusan kami sehingga masa yang ditetapkan-Nya itu tiba.

[107] Surah al-Dukhaan (44):1-3
[108] Surah Faatir (35): 24

(219)-7. Dan daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menciptakan *Lailatu l-Qadr* pada permulaan Dia menciptakan dunia. Dia telah menciptakan padanya seorang yang akan menjadi nabi dan seorang yang akan menjadi wasi. Dia telah memerintahkan supaya pada setiap tahun akan berlaku satu malam yang akan diturunkan tafsiran segala perkara sehingga kepada malam yang sama pada tahun berikutnya. Sesiapa yang menentangnya, maka sesungguhnya dia telah menentang keilmuan Allah a.w, kerana para nabi, para rasul dan *muhaddathuun* tidak dapat melaksanakan [tugasan mereka] melainkan dengan *hujjah* yang datang kepada mereka pada malam itu bersama *hujjah* yang dibawa kepada mereka oleh Jibrail a.s. Aku telah berkata: *Muhaddathuun* juga didatangi oleh Jibrail atau malaikat a.s yang lain? Beliau a.s telah berkata: Adapun para nabi dan para rasul a.s adalah pasti, tetapi ia adalah mustahak kepada selain daripada mereka pada hari pertama diciptakan bumi sehingga ke akhir kebinasaannya bahawa bumi wajib mempunyai *hujjah* yang diturunkan pada malam itu kepada makhluk-Nya yang dicintaiNya.

Demi Allah, sesungguhnya Ruh dan malaikat telah turun pada malam *Lailatu l-Qadr* kepada Adam a.s. Demi Allah, Adam tidak mati melainkan baginya seorang wasi dan setiap nabi selepas Adam didatangi *Lailatu l-Qadr*. Dan beliau telah melantik wasinya selepasnya. Demi Allah, setiap nabi diperintahkan supaya *Lailatu l-Qadr* berlaku kepadanya daripada Adam sehinggalah kepada Muhammad s.a.w supaya melantik penggantinya. Sesungguhnya Allah a.w telah berfirman di dalam Kitab-Nya kepada *wulaat al-Amr* [109] selepas Muhammad secara khusus: "*Dan Allah berjanji kepada mereka yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang saleh bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan mereka yang sebelum mereka berkuasa dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredai-Nya untuk mereka dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka berada di dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembahKu dengan tiada mempersekutukan sesuatu apapun dengan Aku. Dan sesiapa yang kafir sesudah itu, maka mereka itulah golongan yang fasik*"[110]

Beliau a.s [di dalam tafsirannya] telah berkata: Aku melantik kamu sebagai pengganti kerana ilmu-Ku, agama-Ku dan iabdat kepadaKu selepas nabi kamu sebagaimana Dia telah melantik para wasi Adam selepasnya sehingga Dia mengutus nabi berikutnya "*Mereka tetap menyembahKu dengan tiada mempersekutukan sesuatu apapun dengan Aku*" Beliau a.s telah berkata: Mereka menyembahKu dengan iman

---

[109] Para imam a.s

[110] Surah al-Nuur (24):55

bahawa tiada nabi selepas Muhammad s.a.w. Sesiapa yang telah berkata sebaliknya "*Maka mereka itulah golongan yang fasik*". Lantaran itu, Dia telah memperkuatkan *wulaat al-Amr* selepas Muhammad dengan ilmu, maka mereka itu ialah kami (*wa-nahnu-hum*). Bertanyalah kami jika apa yang kami perkatakan itu benar. Jika begitu, terimalah, tetapi kamu tidak akan melakukannya. Adapun ilmu kami adalah terserlah (zahir) di sepanjang ajal kami dan agama juga terserlah daripada kami sehingga tiada pertentangan di kalangan orang ramai. Sesungguhya ia mempunyai ajal berlalunya malam dan siang. Apabila ia datang akan terserlah dan urusan orang ramai adalah satu. Demi Allah, perkara itu telah ditetapkan bahawa tiada pertentangan di antara mukminin. Justeru, Dia telah menjadikan mereka saksi ke atas manusia agar Muhammad s.a.w akan menjadi saksi ke atas kami.

Kami menjadi saksi ke atas Syiah kami dan Syiah kami pula menjadi saksi ke atas orang ramai. Allah enggan hukum-Nya akan bertentangan di antara ahli ilmu-Nya. Kemudian Abu Ja'far a.s telah berkata: Kelebihan iman mukmin yang membawa "*Inna anzal-na-hu*" dan tafsirnya ke atas orang yang tidak seumpamanya di dalam keimanannya seperti kelebihan manusia ke atas binatang. Sesungguhnya Allah a.w mempertahankan mereka yang percaya dengannya dari mereka yang mengingkarinya di dunia-kerana kesempurnaan azab akhirat bagi orang yang telah mengetahui bahawa Dia tidak menerima taubat mereka-sebagaimana Dia mempertahankan pejuang-pejuang dari mereka yang tinggal di rumah. Aku tidak mengetahui jihad pada zaman ini selain daripada haji, umrah dan kejiranan.

(220)-8. Beliau [111]telah berkata: Seorang lelaki telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: Wahai anak lelaki Rasulullah, janganlah anda marah kepadaku. Beliau a.s telah berkata: Kenapa? Beliau telah berkata: Kerana aku mahu bertanya sesuatu kepada anda. Beliau a.s telah berkata: Tanyalah, beliau telah berkata: Janganlah anda marah kepadaku? Beliau a.s telah berkata: Aku tidak akan marah kepada anda. Beliau telah berkata: Adakah anda faham kata-kata anda tentang *Lailatu l-Qadr*, Malaikat dan Ruh turun padanya [*Lailatu l-Qadr*] kepada para wasi, mendatangi mereka dengan perkara yang Rasulullah s.a.w tidak mengetahuinya? Atau mereka mendatangi mereka (para wasi) dan Rasulullah s.a.w telah mengetahuinya? Dan anda telah mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w telah mati dan di sana tidak ada sesuatu daripada ilmunya melainkan Ali menyedarinya? Abu Ja'far a.s telah berkata: Tidak ada apa-apa di antara aku dan anda, wahai lelaki, dan siapakah yang membenarkan anda datang kepadaku? Beliau telah

---

[111] Abu Abdillah a.s atau Abu Ja'far al-Thani

berkata: Penyelesaian tuntutan hutang yang telah membenarkan aku datang kepada anda, beliau telah berkata: Fahamilah apa yang aku katakan kepada anda.

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w manakala diperjalankan (*usria bi-hi*),[112]baginda s.a.w tidak turun atau pulang sehingga Allah memberitahu kepadanya ilmu yang telah berlaku dan ilmu yang akan berlaku (*'ilma ma kana wa-ma- sayakun*). Tetapi kebanyakan ilmunya itu secara ringkas dan penjelasannya akan berlaku pada malam *Lailatu l-Qadr*. Demikian juga dengan Ali bin Abu Talib, beliau a.s telah mengetahui ilmu secara ringkas dan penjelasannya (tafsirnya)akan berlaku pada malam-malam *al-Qadr* sebagaimana Rasulullah s.a.w [mengetahuinya].

Lelaki yang bertanya telah berkata: Tidakkah ada di dalam ringkasannya itu penjelasan? Beliau a.s telah berkata: Ya, tetapi ia akan berlaku dengan perintah Allah pada malam-malam *al-Qadr* kepada Nabi dan para wasi: Lakukan itu dan ini tentang perkara yang mereka telah mengetahuinya sebelumnya (*li-amrin qad kanuu 'alimuu-hu*), mereka diperintahkan supaya melakukannya padanya. Aku telah berkata: Jelaskan ia kepadaku?[113] Beliau a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w tidak mati tanpa menghafaz ringkasan ilmu dan penjelasannya (tafsirnya).

Aku telah berkata: Apakah ilmu yang mendatanginya pada malam-malam al-*Qadr*? Beliau a.s telah berkata: Perintah dan pemudahan (*al-Amr wa al-Yusr*) apa yang baginda s.a.w telah mengetahuinya sebelumnya. Lelaki yang bertanya telah berkata: Adakah ilmu yang berlaku kepada mereka pada malam-malam *al-Qadr* itu selain daripada ilmu yang mereka telah mengetahuinya? Beliau a.s telah berkata: Ini adalah di antara perkara-perkara yang mereka telah diperintahkan supaya merahsiakannya dan tiada seorangpun yang mengetahui tafsir yang anda tanya melainkan Allah a.w.

Lelaki yang bertanya telah berkata: Adakah para wasi mengetahui apa yang tidak diketahui oleh para nabi? Beliau a.s telah berkata: Tidak, bagaimana wasi mengetahui selain daripada ilmu yang diwasiatkan kepadanya, lelaki yang bertanya telah berkata: Bolehkah kita berkata: Sesungguhnya seorang daripada para wasi itu mengetahui apa yang tidak diketahui oleh yang lain? Beliau a.s telah berkata: Tidak, seorang nabi tidak mati melainkan ilmunya berada pada wasinya. Sesungguhnya malaikat dan Ruh turun pada malam *al-Qadr* dengan hukum yang akan dilaksanakan oleh Nabi s.a.w terhadap hamba-hamba-Nya.

Lelaki yang bertanya telah berkata: Mereka tidak mengetahui hukum itu sebelumnya? Beliau a.s telah berkata: Ya (*balaa*), mereka

---

[112] Ketika Israk

[113] *Fassir li hadha*?

telah mengetahuinya, tetapi mereka tidak mampu melakukan sesuatu daripadanya sehingga mereka diperintahkan pada malam-malam al-Qadr[114] untuk melakukannya pada tahun yang akan datang[115]. Lelaki yang bertanya telah berkata: Wahai Abu Ja'far, adakah aku mampu mengingkarinya? Beliau a.s telah berkata: Sesiapa yang mengingkarinya, maka beliau bukanlah daripada kami.

Lelaki yang bertanya telah berkata: Wahai Abu Ja'far, apakah pendapat anda tentang Nabi s.a.w, adakah sesuatu yang mendatanginya pada malam-malam al-Qadr yang baginda s.a.w tidak mengetahuinya? Beliau a.s telah berkata: Anda tidak dibenarkan bertanya soalan seperti ini. Adapun tentang ilmu yang telah berlaku dan akan berlaku, maka seorang nabi atau seorang wasi tidak akan mati kecuali wasi selepasnya mengetahui ilmunya. Adapun ilmu yang anda bertanya mengenainya, maka sesungguhnya Allah enggan ia diketahui oleh para wasi melainkan mereka sendiri [ingin mengetahuinya] [116]

Lelaki yang bertanya telah berkata: Wahai anak lelaki Rasulullah, bagaimana aku mengetahui bahawa *Lailatu l-Qadr* berlaku pada setiap tahun? Beliau a.s telah berkata: Apabila tiba bulan Ramadan, maka bacalah Surah al-Dukhaan pada setiap malam seratus kali. Apabila tiba malam yang kedua puluh tiga, maka anda lihatlah kepada kebenaran yang anda tanyakan mengenainya.

(221)-9. Dan beliau (Abu Abdillah a.s atau Abu Ja'far al-Thani) berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Apa yang kamu lihat mereka yang diutus oleh Allah a.w untuk merosakkan ahli kesesatan daripada bala tentera syaitan dan pasangan mereka lebih banyak dari apa yang kamu lihat tentang khalifah Allah yang diutus untuk keadilan dan kebenaran daripada para malaikat. Ada orang berkata: Wahai Abu Ja'far, bagaimana sesuatu itu lebih banyak daripada malaikat? Beliau a.s telah berkata: Sebagaimana Allah kehendaki, seorang lelaki telah berkata: Wahai Abu Ja'far, sesungguhnya jika aku menceritakan kepada sebahagian Syiah tentang hadis ini, nescaya mereka mengingkarinya. Beliau a.s telah berkata: Bagaimana mereka mengingkarinya?

Lelaki itu telah berkata: Mereka telah berkata: Sesungguhnya malaikat adalah lebih banyak daripada syaitan. Beliau a.s telah berkata: Apa yang anda katakan itu benar, fahamilah apa yang aku akan katakannya: Sesungguhnya tiada siang dan malam melainkan semua jin

---

[114] Mereka tidak dibenarkan bertindak seperti mengetahuinya sebelum berlaku *Lailatu l-Qadr* setiap tahun.

[115] Sekalipun mereka mengetahui ilmu yang akan berlaku tanpa jarak masa, tetapi "pengamalan ilmu" tertakluk kepada perintah Allah pada malam *Lailatu l-Qadr* sehingga *Lailatu l-Qadr* berikutnya sahaja.

[116] Tidak dibenarkan orang yang selain daripada para wasi a.s mengetahuinya, termasuk lelaki yang bertanya itu.

dan syaitan akan melawat imam-imam sesat. Dan bilangan yang sama daripada malaikat melawat imam petunjuk (*imam al-Huda*) sehingga *Lailatu l-Qadr* tiba. Maka sebahagian malaikat akan turun pada malam *al-Qadr* kepada wali *al-Amr*.

Allah telah menciptakan-Atau beliau a.s telah berkata: Allah telah menjadikan syaitan-syaitan seramai bilangan mereka, kemudian mereka melawati wali kesesatan (*al-Dhalalah*), lalu mereka mendatanginya dengan kebatilan dan pembohongan sehingga apabila waktu pagi menjelang, dia berkata: Aku telah melihat itu dan ini. Jika dia bertanya kepada seorang yang mempunyai kuasa (wali *al-Amr*), nescaya beliau telah berkata: Aku telah melihat syaitan menceritakan kepada anda dengan itu dan ini sehingga beliau memberi penjelasan kepadanya dan memberitahu kepadanya kesesatan yang dia berada di atasnya.

Demi Allah, sesiapa yang telah membenarkan *Lailatu l-Qadr*, hendaklah beliau mengetahui bahawa ianya adalah untuk kami secara khusus (*li-ya'lam anna-ha lana khassatan*) kerana sabda Rasulullah s.a.w kepada Ali ketika maut menghampirinya: Lelaki ini adalah wali kamu selepasku. Jika kamu mentaatinya, maka kamu telah memilih jalan yang benar, tetapi orang yang tidak percaya dengan *Lailatu l-Qadr* dan mengingkarinya (ianya untuk kami). Sesiapa yang telah percaya dengan *Lailatu l-Qadr*, tetapi beliau tidak sependapat dengan kami, maka beliau tidak bercakap benar melainkan beliau berkata: Sesungguhnya *Lailatu l-Qadr* adalah untuk kami dan sesiapa yang tidak berkata sedemikian, maka beliau adalah seorang pembohong.

Sesungguhnya Allah a.w lebih besar dari menurunkan perintah bersama Ruh dan malaikat kepada seorang kafir lagi fasik. Jika beliau berkata: Sesungguhnya perintah diturunkan kepada khalifah yang beliau percayakannya, maka kata-katanya itu tidak bermakna. Dan jika mereka pula berkata: Sesungguh Dia tidak menurunkannya kepada seorangpun secara khusus, maka tidak mungkin sesuatu diturunkan, tetapi bukan kepada seseorang. Jika mereka telah berkata dan mereka akan berkata: Ini (percakapan tentang *Lailatu l-Qadr*) tiada gunanya, maka mereka telah sesat dengan kesesatan yang jauh.

Bab 42

☼Tentang Para Imam A.S Bertambah Ilmu Mereka Pada Malam Jumaat (*fi anna al-Aimmata a.s yazdaduun fi lailat al-Jum 'ati*)☼

(222)-1. Ahmad bin Idris al-Qummi dan Muhammad bin Yahya, dariapda al-Hasan bin Ali al-Kufi daripada Musa bin Sa'dan, daripada Abdullah bin Ayyub, daripada Abi Yahya al-San'ani, daripada Abu Abdillah a.s, berkata: Beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Yahya, sesungguhnya kami mempunyai satu kedudukan daripada beberapa kedudukan pada hari Jumaat. Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah kedudukan itu? Beliau a.s telah berkata: Dibenarkan kepada roh-roh para nabi yang telah mati, roh-roh para wasi yang telah mati dan roh wasi yang di hadapan kamu, naik ke langit sehingga mereka sampai ke Arasy Tuhan mereka. Kemudian mereka melakukan tawaf selama satu minggu dan sembahyang dua rakaat di setiap tiang Arasy. Kemudian mereka dibawa kembali kepada badan-badan mereka yang asal. Apabila waktu pagi tiba, maka para nabi dan para wasi dipenuhi kegembiraan dan begitu juga wasi di hadapan anda. Sesungguhnya ditambahkan pada ilmunya seperti orang ramai yang penuh sesak"

(223)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Abi Zahir, daripada Ja'far bin Muhammad al-Kufi, daripada Yusuf al-Abzari, daripada al-Mufadhdhal berkata: Pada suatu hari Abu Abdillah telah berkata kepadaku dan beliau a.s tidak memanggilku dengan kunyahku sebelum ini: Wahai Abu Abdillah, aku telah berkata: *Labbai-ka*, sesungguhnya kami bergembira pada setiap malam Jumaat". Aku telah berkata: Mudah-mudahan Allah menambahkannya untuk anda, apakah itu? Beliau a.s telah berkata: Apabila malam Jumaat tiba, Rasulullah s.a.w sampai ke Arasy dan para imam a.s sampai (kepadanya) bersamanya dan kami sampai kepadanya bersama mereka. Dan Roh-roh kami tidak kembali kepada badan-badan kami melainkan mereka telah memperoleh ilmu (*bi-'ilm mustafad*). Jika tidak, kami kekeringan ilmu".

(224)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khattab, daripada Abdullah bin Muhammad, daripada al-Husain Ibn Ahmad al-Minqari, daripada Yunus atau al-Mufadhdhal, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Tidak ada malam Jumaat melainkan kegembiraan bagi para wali Allah. Aku telah berkata: Bagaimana begitu? Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, beliau a.s telah berkata: Apabila tiba

malam Jumaat, maka Rasulullah s.a.w sampai ke Arasy, para imam a.s sampai (kepadanya) bersamanya dan aku telah sampai bersama mereka dan aku tidak kembali tanpa penambahan ilmu. Jika tidak, nescaya habislah apa yang ada di sisiku"

Bab 43

☼Jikalaulah Para Imam A.S Tidak Bertambah Apa Yang Mereka Mahu, Nescaya Habislah Apa yang Ada Pada Sisi Mereka (*Laula anna al-Aimmata a.s yazdaduun la-nafida ma 'anda-hum*)☼

225)-1. Ali bin Muhammad dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abi Nasr, daripada Safwan bin Yahya berkata: Aku telah mendengar Abu al-Hasan a.s telah berkata: Ja'far bin Muhammad a.s telah berkata: Jikalaulah [ilmu] kami tidak bertambah, nescaya habislah [ilmu] kami (*laula anna nazdadi la-anfadna*).

* Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Khalid, daripada Safwan, daripada Abu al-Hasan tentang hadis yang sama.

(226)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya al-Halabi, daripada Dharih al-Muharibi berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata kepadaku: Wahai Dharih, jikalaulah [ilmu] kami tidak bertambah, nescaya habislah [ilmu] kami"

(227)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Abi Nasr, daripada Tha'labah, daripada Zurarah, berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Jikalaulah [ilmu] kami tidak bertambah, nescaya habislah [ilmu] kami. Aku telah berkata: Kamu bertambah sesuatu yang tidak diketahui oleh Rasulullah s.a.w? Beliau a.s telah berkata: Adapun jika berlaku sedemikian, maka ia dibentangkan kepada Rasulullah s.a.w, kemudian kepada para imam [sebelum kami], kemudian berakhir perintah kepada kami.

(228)-4. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus bin Abd al-Rahman, daripada sebahagian sahabatnya, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Tiada sesuatu yang keluar dari sisi Allah a.w sehingga ia bermula dengan Rasulullah s.a.w, kemudian dengan Amir al-Mukminin a.s, kemudian dengan seorang (imam) selepas

(seorang) imam supaya yang akhir kami tidak menjadi lebih mengetahui daripada yang awal kami”

Bab 44

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Mengetahui Semua Ilmu Yang Telah Keluar Kepada Malaikat, Para Nabi Dan Para Rasul A.S (*anna al-Aimmata a.s ya‘lamuun jami‘ al-‘Uluum al-Lati kharajat ila al-Mala’ikati wa al-Anbiyaa’ wa al-Rasul a.s*)☼

(229)-1. Ali bin Muhammad dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Sal bin Ziyad, daripada Muhammad bin al-Hasan bin Syammun, daripada Abdullah bin ‘Abd al-rahman, daripada Abdullah bin al-Qasim, daripada Sama‘ah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah mempunyai dua (jenis) ilmu: Satu ilmu yang Dia telah menzahirkannya kepada para malaikat-Nya, para nabi-Nya, apa yang Dia telah menzahirkan kepada para malaikat-Nya, para rasul-Nya dan para nabi-Nya kami telah mengetahuinya. Dan satu ilmu lagi ialah khusus untuknya. Apabila Allah menzahirkan sesuatu daripadanya (*badaa llahu fi syai’in min-hu*), Dia memberitahunya kepada kami (*a‘lama-na dhalika*) dan Dia telah membentangkannya kepada para imam sebelum kami.

* Ali bin Muhammad dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Musa bin al-Qasim* Dan Muhammad bin Yahya, daripada al-‘Amraki bin Ali kedua-duanya, daripada Ali bin Ja‘far, daripada saudara lelakinya Musa bin Ja‘far a.s mengenai hadis yang sama.

(230)-2. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa‘id, daripada al-Qasim bin Muhammad, daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah mempunyai dua (jenis) ilmu: Satu ilmu yang Dia tidak membenarkan seorang pun daripada makhluk-Nya mengetahuinya dan satu ilmu lagi Dia telah meninggalkannya kepada para malaikatnya dan para rasul-Nya. Dan apa yang Dia telah meninggalkannya (*nabadha-hu*) kepada para malaikat-Nya dan para rasul-Nya, maka ia berakhir kepada kami.

(231)-3. Ali bin Ibrahim, daripada Salih bin al-Sanadi, daripada Ja‘far bin Basyir, daripada Dhuraisy berkata: Aku telah mendengar Abu Ja‘far a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah mempunyai dua (jenis)

ilmu: Satu ilmu yang diberikan secara bebas (*'ilm mabdhul*) dan satu ilmu lagi ditahan, tidak diberikan kepada sesiapapun (*'ilm makfuf*). Adapun ilmu yang diberikan secara bebas (*al-Mabdhul*), tiada suatupun (ilmu) yang diketahui oleh para malaikat dan para rasul melainkan kami juga mengetahuinya. Adapun ilmu yang ditahan, tidak diberikan kepada sesiapapun (*al-Makfuf*), maka ia ada di sisi Allah a.w pada Umm al-Kitab, apabila ia keluar, akan dilaksanakannya.

(232)-4. Abu Ali al-Asy'ari, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Muhammad bin Isma'il, daripada Ali bin al-Nu'man, daripada Suwaid al-Qala, daripada Abu Ayyub, daripada Abu Basir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah mempunyai dua (jenis) ilmu: Ilmu yang tidak diketahui selain daripadaNya dan ilmu yang Dia telah mengajarnya kepada para malaikat-Nya dan para rasul-Nya. Apa yang Dia telah mengajar kepada para malaikat-Nya dan para rasul-Nya, maka kami mengetahuinya".

Bab 45

☼(Hadis) Pelik Mengenai Ghaib (*nadir fi-hi dhikr al-Ghaib*)☼

(233)-1. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Mu'ammar bin Khallad berkata: Seorang lelaki Farsi telah bertanya Abu al-Hasan a.s, maka beliau telah bertanya kepadanya: Adakah kamu mengetahui perkara ghaib? Abu Ja'far a.s telah berkata: (Apabila) Dikembangkan ilmu kepada kami, maka kami mengetahuinya dan [apabila] dikecutkan [ilmu] daripada kami, maka kami tidak mengetahuinya dan beliau a.s telah berkata: Rahsia Allah a.w yang mana Dia telah merahsiakannya kepada Jibrail dan Jibrail merahsiakannya kepada Muhammad s.a.w dan Muhammad pula merahsiakannya kepada sesiapa yang Allah kehendaki.

(234)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Abdullah bin Muhammad bin Isa, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Ali bin Ri'ab, daripada Sudair al-Sairafi berkata: Aku telah mendengar Humraan bin A'yan sedang bertanya Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w "*Allah Pencipta langit dan bumi*"[117] Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menciptakan semua perkara dengan ilmu-Nya tanpa contoh sebelumnya. Kemudian Dia telah menciptakan langit dan bumi tanpa

[117] Surah al-Baqarah (2): 117, Surah al-An'aam (6): 101

langit dan bumi sebelumnya. Tidakkah anda mendengar firman-Nya "*Arasy-Nya di atas air*"[118]

Humraan telah berkata kepadanya: Apakah pendapat anda tentang firman-Nya "*Yang Mengetahui yang ghaib, maka Dia tidak memperlihatkan kepada seorangpun tentang yang ghaib itu*"[119] Maka Abu Ja'far a.s telah berkata: *Kecuali kepada rasul yang diredai-Nya*"[120] Demi Allah, Muhammad adalah di kalangan yang diredaiNya. Adapun firman-Nya "*Yang Mengetahui yang ghaib*" (*'alim al-Ghaib*), maka sesungguhnya Allah a.w mengetahui perkara yang telah ghaib daripada makhluk-Nya menurut apa yang ditetapkanNya pada sesuatu dan Dia melaksanakannya menurut ilmu-Nya sebelum Dia menciptakannya, sebelum Dia menyampaikannya kepada para malaikat-Nya. Demikianlah, wahai Humraan, ilmu yang khusus (*mauquf*) di sisi-Nya, ia terserah kepada kehendak-Nya. Dia melaksanakannya apabila Dia kehendaki dan [apabila] terserlah pula baginya padanya (*yabdu lahu-fihi*), maka Dia tidak melaksanakannya. Adapun ilmu yang ditetapkan oleh Allah a.w, maka Dia terus melaksanakannya, maka ia adalah ilmu yang telah berakhir kepada Rasulullah s.a.w, kemudian kepada kami.

(235)-3. Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada 'Abbad bin Sulaiman, daripada Muhammad bin Sulaiman daripada bapanya, daripada Sudair berkata: Aku, Abu Basir, Yahya al-Bazzaz dan Daud bin Kathir telah berada pada majlis Abu Abdillah a.s, tiba-tiba beliau a.s telah keluar di dalam keadaan marah. Manakala beliau a.s telah mengambil tempatnya, beliau a.s telah berkata: Alangkah anehnya beberepa kumpulan menyangka bahawa kami mengetahui perkara yang ghaib, hanya Allah sahaja yang mengetahui perkara ghaib. Aku telah berniat untuk memukul seorang hamba perempuanku, *fulanah*[121], lalu beliau telah melarikan diri daripadaku, aku tidak mengetahui di bilik mana beliau berada.

Sudair telah berkata: Apabila beliau a.s telah meninggalkan tempatnya dan terus berada di rumahnya, maka aku, Abu Basir dan Maisar telah memasuki rumahnya dan kami telah berkata kepadanya: Kami telah menjadikan diri kami tebusan anda, kami telah mendengar anda berkata itu dan ini tentang urusan hamba perempuan anda. Sedangkan kami mengetahui bahawa anda mengetahui ilmu yang banyak dan kami tidak mengaitkan anda dengan ilmu ghaib. Beliau a.s telah berkata: Wahai Sudair, Tidakkah anda membaca al-Qur'an? Aku telah berkata: Ya, adakah anda telah mendapati di dalam Kitab Allah firman-Nya: "*Berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari al-Kitab:*

---

[118] Surah Hud (11): 7
[119] Surah al-Jin (72): 26
[120] Surah al-Jin (72): 27
[121] Tanpa menyebut namanya

"Aku akan membawa singgahsana itu kepadamu sebelum matamu berkelip"[122] Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya aku telah membacanya. Beliau a.s telah berkata: Adakah anda telah mengetahui lelakinya? Dan adakah anda telah mengetahui apa yang ada di sisinya daripada ilmu al-Kitab? Aku telah berkata: Beritahulah kepadaku mengenainya, beliau a.s telah berkata: Sekadar satu titisan air di lautan yang biru, maka ia bukanlah daripada ilmu al-Kitab?! Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, alangkah sedikitnya ini, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Sudair, alangkah banyaknya ini apabila Allah mengaitkannya kepada ilmu yang aku akan memberitahu kepada anda mengenainya, wahai Sudair, adakah anda telah membaca di dalam Kitab-Nya firman-Nya: "*Katakanlah: "Cukuplah Allah menjadi saksi antaraku dan kamu dan orang yang di sisinya ilmu al-Kitab*"[123]

Aku telah berkata: Aku telah membacanya, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, beliau a.s telah berkata: Adakah beliau mempunyai ilmu al-Kitab kesemuanya atau beliau mempunyai sebahagiannya? Aku telah berkata: Tidak, malah beliau mempunyai ilmu al-Kitab kesemuanya. Beliau telah berkata: Maka beliau a.s telah memberi isyarat dengan tangannya kepada dadanya dan berkata: Demi Allah, semuanya di sisi kami, ilmu Allah, demi Allah, semuanya di sisi kami (*kullu-hu 'inda-na*).

(236)-4. Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Ahmad bin al-Hasan bin Ali, daripada 'Umru bin Sa'id, daripada Musaddiq bin Sadaqah, daripada 'Ammar al-Sabiti berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang imam? Adakah beliau a.s mengetahui perkara ghaib? Beliau a.s telah berkata: Tidak, tetapi apabila beliau mahu mengetahui sesuatu, maka Allah memberitahunya kepadanya.

Bab 46

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Apabila Mereka Mahu Mengetahui, Maka Mereka mengetahui (*anna al-Aimmata a.s idha syaa'uu an ya'lamuu 'alimuu*)☼

(237)-1. Ali bin Muhammad dan lain-lain, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Ayyub bin Nuh, daripada Safwan bin Yahya, daripada Ibn Maskan, daripada Badr bin al-Walid, daripada Abi al-Rabi' al-Syami,

---

[122] Surah al-Naml (27): 40
[123] Surah al-Ra'd (13): 43

daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya seorang imam a.s apabila beliau mahu mengetahui [sesuatu], maka beliau mengetahui[nya].

(238)-2. Abu Ali al-Asy'ari, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Safwan, daripada Ibn Maskan, daripada Badr bin al-Walid, daripada Abi al-Rabi', daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya seorang imam a.s apabila beliau mahu mengetahui [sesuatu], maka ia akan diberitahu [kepadanya].

(239)-3. Muhammad bin Yahya, dariapda 'Imran bin Musa, daripada Musa bin Ja'far, daripada 'Umru bin Sa'id al-Mada'ini, daripada Abu 'Ubaidah al-Mada'ini, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Apabila seorang imam mahu mengetahui sesuatu, Allah akan memberitahunya kepadanya.

Bab 47

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Mengetahui Bila Mereka Akan Mati Dan Sesungguhnya Mereka Tidak Akan Mati Melainkan Dengan Pilihan Mereka Sendiri (*anna al-Aimmata a.s ya'lamuun mata yamutuun, wa anna-hum la yamutuun illa bi-ikhtiyari-him*)☼

(240)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khattab, daripada Sulaiman bin Sama'ah dan Abdullah bin Muhammad, daripada Abdullah bin al-Qasim al-Batal, daripada Abu Basir berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Mana-mana imam yang tidak mengetahui apa yang akan menimpanya dan apa yang akan terjadi kepadanya, maka dia bukanlah *Hujjah* Allah ke atas makhluk-Nya.

(241)-2. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada al-Hasan bin Muhammad bin Basysyar berkata: Seorang syeikh daripada Qati'atu al-Rabi' di kalangan orang awam (bukan Syiah) di Baghdad yang diambil riwayatnya telah berkata kepadaku: Aku telah melihat sebahagian mereka telah berkata tentang kelebihannya dan ibadatnya, maka aku telah berkata kepadanya: Siapakah orangnya? Bagaimana anda telah melihatnya? Beliau telah berkata: Kami telah berkumpul pada masa al-Sindi bin Syahik bersama lapan puluh lelaki daripada muka-muka yang dikaitkan dengan kebaikan, maka kami telah bertemu dengan Musa bin Ja'far a.s, lalu al-Sindi berkata kepada kami: Wahai lelaki, lihatlah kepada lelaki ini, adakah sesuatu telah berlaku

kepadanya? Kerana orang ramai mendakwa bahawa beliau a.s telah diperlakukan ke atasnya dan mereka telah memperbesarkannya. Ini adalah tempat tinggalnya, banyak kebebasan diberikan kepadanya dan beliau tidak dihalang sepenuhnya, Amir al-Mukminin (Harun al-Rasyid) tidak mahu keburukan ke atasnya (Musa a.s), tetapi beliau hanya ditahan sehingga kepulangannya (Harun al-Rasyid) ke (Baghdad). Justeru, beliau akan berbincang dengan Amir al-Mukminin (Harun alRasyid).

Beliau (Musa a.s) adalah sihat dan diberikan kebebasan di dalam semua perkara. Justeru, tanyalah beliau. Beliau telah berkata: Kami tidak ada angan-angan selain melihat lelaki ini, kelebihannya dan tanda di dahinya. Musa bin Ja'far a.s telah berkata: Mengenai kebebasan dan perkara seumpamanya, ia sebagaimana anda sebutkan kecuali aku akan memberitahu kepada kamu, wahai orang ramai, aku telah diberi racun dalam tujuh biji kurma, aku akan bertukar menjadi hijau besok dan selepas besok aku akan mati. Beliau telah berkata: Maka aku telah melihat kepada al-Sindi bin Syahik sedang menggelentar dan bergerak seperti pelepah kurma.

(242)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Fadhdhal, daripada Abi Jamilah, daripada Abdullah bin Abi Ja'far berkata: Saudara lelakiku telah memberitahuku, daripada Ja'far, daripada bapanya bahawa beliau telah mendatangi Ali bin al-Husain a.s pada malam beliau mati dengan minuman, maka beliau a.s telah berkata: Wahai bapaku, minumlah ini, maka beliau a.s telah berkata: Wahai anak lelakiku, sesungguhnya malam ini aku akan mati iaitu malam yang sama Rasulullah s.a.w telah mati.

(243)-4. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Muhammad bin 'Abd al-Hamid, daripada al-Hasan bin al-Jahm berkata: Aku telah berkata kepada al-Ridha a.s: Sesungguhnya Amir al-Mukminin a.s telah mengetahui pembunuhnya, malam beliau akan dibunuh, tempat beliau dibunuh, kata-katanya apabila beliau a.s mendengar suara angsa-angsa di rumah: "Suara yang akan diikuti dengan tangisan perempuan dan kata-kata Umm Kalthum: Jika anda sembahyang malam di rumah dan menyuruh orang lain mengimamkan orang ramai [adalah lebih baik]. Tetapi beliau a.s telah enggan menerima permintaannya, kemudian beliau a.s telah keluar dan masuk pada malam ini tanpa senjata. Sesungguhnya beliau a.s telah mengetahui bahawa sesungguhnya Ibn Muljam-Allah telah melaknatinya-akan membunuhnya dengan pedang. Ini adalah satu perkara yang beliau a.s tidak harus membentangkannya (menghalangnya), maka beliau a.s telah berkata: Itulah apa yang telah berlaku (*dhalika kana*), tetapi beliau a.s

telah diberi pilihan (sama ada menerima kematiannya atau menolaknya) pada malam itu supaya takdir Allah berlalu[124].

(244)-5. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada sebahagian sahabat kami, daripada Abu al-Hasan Musa a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah memarahi Syiah. Justeru Dia telah memberi pilihan kepadaku sama ada diriku atau mereka, lalu aku telah mempertahankan mereka dengan diriku"[125]

(245)-6. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Wasya', daripada Musafir bahawa Abu al-Hasan al-Ridh a.s telah berkata kepadanya: Adakah saluran air ini (*al-Qanat*) ada ikan? Beliau telah berkata: Ya, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, maka beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya aku telah melihat Rasulullah s.a.w di dalam mimpi dan baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Ali, apa yang ada di sisi kami (di akhirat) adalah lebih baik bagi anda"

(246)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Wasya', daripada Ahmad bin 'Aidh, daripada Abi Khadijah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah berada di sisi bapaku pada hari beliau a.s mati, maka beliau a.s telah memberi wasiat kepadaku perkara-perkara mengenai mandi jenzah, kapannya dan bagaimana beliau a.s diletakkan di dalam kuburnya. Maka aku telah berkata: Wahai bapaku, demi Allah, aku tidak pernah melihat anda lebih baik daripada hari ini semenjak anda mengadu tentang kesakitan anda, aku tidak melihat tanda kematian pada anda. Maka beliau a.s telah berkata: Wahai anak lelakiku, tidakkah anda telah mendengar Ali bin al-Husain a.s menyeru di balik dinding: Wahai Muhammad, datanglah cepat?

(247)-8. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Saif bin 'Umairah, daripada 'Abd al-Malik bin A'yan, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Allah telah menurunkan kemenangan ke atas al-Husain a.s sehingga beliau di antara langit dan bumi. Kemudian beliau telah diberi pilihan: Kemenangan atau pertemuan dengan Allah, lalu beliau telah memilih pertemuan dengan Allah"

---

[124] Beliau telah memilih untuk mematuhi takdir Allah sekalipun beliau diberi pilihan.

[125] Imam Musa a.s dipenjarakan pada zaman Harun al-Rasyid kerana tidak mahu memberi maklumat kepadanya tentang Syiahnya. Akhirnya beliau diracun dan mati di dalam penjara.

Bab 48

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Mengetahui Ilmu Yang Telah Berlaku Dan Ilmu Yang Akan Berlaku Dan Sesungguhnya Tiada Sesuatu Yang Tersembunyi Daripada Mereka S.A (*anna al-Aimmata a.s ya'lamuun 'ilma ma kana wa-ma yakun wa-anna-hu la yukhfa 'alai-him al-Sya'i salawatu llahi 'alai-him*)☼

(248)-1. Ahmad bin Muhammad dan Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ibrahim bin Ishaq al-Ahmar, daripada Abdullah bin Hammad, daripada Saif al-Tammar berkata: Kami, kumpulan Syiah telah berada bersama Abu Abdillah a.s di al-Hajr al-Aswad. Beliau a.s telah berkata: Adakah pengintip sedang melihat kepada kita? Lalu kami berpaling ke kanan dan ke kiri, tetapi kami tidak melihat seorangpun, maka kami telah berkata: Tiada pengintip melihat kami.

Maka beliau telah berkata: Demi Tuhan Ka'bah dan binaannya-tiga kali- Jikalaulah aku telah berada di antara Musa dan Khidir, nescaya aku telah memberitahu kepada mereka berdua bahawa aku lebih mengetahui daripada mereka berdua (*a'lamu min-hu-ma*) dan aku telah memberitahu kepada mereka berdua apa yang mereka berdua tidak memilikinya kerana Musa dan Khidir a.s telah diberikan ilmu tentang apa yang telah berlaku (*'ilm ma kana*), mereka berdua tidak diberikan ilmu tentang apa yang akan berlaku (*'ilm ma yakun*) dan sedang berlaku sehingga hari Kiamat. Sesungguhnya kami telah mewarisinya daripada Rasulullah s.a.w secara warisan.

(249)-2. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Yunus bin Ya'qub, daripada al-Harith bin al-Mughirah dan beberapa orang sahabat kami di antaranya 'Abd al-A'la, Abu 'Ubaidah dan Abdullah bin Bisyar al-Khasy'mi telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku lebih mengetahui apa yang ada di langit dan di bumi, aku lebih mengetahui apa yang ada di syurga, aku lebih mengetahui apa yang ada di neraka, aku lebih mengetahui apa yang telah berlaku dan apa yang akan berlaku. Beliau (perawi) telah berkata: Beliau a.s telah berhenti seketika, melihat kata-katanya itu menjadi besar atau berat kepada orang yang mendengarnya, lalu beliau a.s telah berkata: Aku telah mengetahui semua itu daripada Kitab Allah a.w, sesungguhnya Allah a.w telah berfirman: "*Di dalamnya menerangkan setiap sesuatu*"

(250)-3. Ali bin Muhammad, daripada Sahl, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abi Nasr, daripada 'Abd al-Karim, daripada Jama'ah bin Sa'd al-Kath'ami bahawa beliau telah berkata: Al-Mufadhdhal telah berada di sisi Abu Abdillah a.s, lalu beliau telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, Allah memfardukan ketaatan seorang hamba ke atas hamba-hamba-Nya dan menyembunyikan daripadanya berita langit? Beliau a.s telah berkata: Tidak, Allah lebih mulia, lebih bersifat kasihan belas dan lebih lembut kepada hamba-hamab-Nya dari memfardukan ketaatan seorang hamba ke atas hamba-hamba-Nya, kemudian Dia menyembunyikan daripadanya berita langit, pagi dan petang.

(251)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Ibn Ri'ab, daripada Dhurais al-Kinasi berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata- di sisinya beberapa orang daripada sahabatnya-: Aku telah merasa pelik tentang kumpulan yang mewalikan kami, menjadikan kami imam-imam dan mendakwa bahawa ketaatan kepada kami adalah wajib ke atas mereka seperti ketaatan Rasulullah s.a.w, kemudian mereka memecahkan hujah mereka dan menentang bukti yang mereka miliki disebabkan kelemahan hati mereka. Justeru, mereka telah mengurangkan hak kami dan mengaibkan perkara tersebut ke atas mereka yang telah diberikan Allah hujah dan hak mengenali kami dan menyerahkan diri mereka kepada kami. Adakah kamu fakir bahawa Allah telah memfardukan ketaatan para wali kami ke atas hamba-hamba-Nya, kemudian menyembunyikan daripada mereka berita-berita langit dan bumi serta memutuskan daripada mereka sumber ilmu yang mengandungi asas-asas agama mereka?

Humraan telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah pendapat anda tentang pendirian Ali bin Abu Talib, al-Hasan, al-Husain, penentangan mereka, pengukuhan mereka terhadap agama Allah dan apa yang mereka alami daripada pembunuhan oleh mereka yang zalim (*tawaaghit*) terhadap mereka dan kemenangan mereka sehingga mereka dibunuh dan dikalahkan? Abu Ja'far a.s telah berkata: Wahai Humraan, *sesungguhnya* Allah telah mentakdirkan perkara itu ke atas mereka (*qad kana qaddara dhalika 'alai-him*), memerintahkannya, melakukannya dan mengakhirinya secara pilihan (*sabil al-Ikhtiyar*). Kemudian Dia telah melaksanakannya dengan mendahulukan ilmu kepada mereka daripada Rasulullah s.a.w, maka Ali, al-Hasan dan al-Husain a.s telah berdiri teguh [dalam perkara ini].

Dan dengan ilmu (ini), mereka telah berdiam diri. Wahai Humraan, apabila perintah Allah telah turun kepada mereka dan kebangkitan mereka yang zalim menentang mereka, (jika) mereka telah memohon kepada Allah supaya mempertahankan mereka dan mereka terus

bermunajat bagi menggulingkan pemerintahan mereka yang zalim dan kehancuran pemerintahan mereka, nescaya Dia menyahuti permintaan mereka dan mempertahankan mereka. Kerana berakhirnya zaman *tawaaghit* dan kehancuran pemerintahan mereka adalah lebih cepat daripada tali tasbih yang dipotong, lalu ia rosak. Wahai Humraan, Apa yang telah menimpa mereka bukanlah kerana dosa yang mereka telah melakukannya dan bukan kerana balasan maksiat yang mereka telah menyalahi Allah padanya, tetapi kerana kedudukan dan kekeramatan daripada Allah yang mana Dia mahu mereka sampai kepadanya[1]. Justeru, janganlah pendapat-pendapat yang tidak layak tentang mereka menguasai anda"

(252)-5. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ali bin Ma'bad, daripada Hisyam bin al-Hakam berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s di Mina lima ratus perkara tentang ilmu Kalam, maka aku mulai bertanya beliau a.s: Mereka telah berkata ini dan itu, maka beliau a.s telah berkata: Katakanlah itu dan ini, aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, in adalah halal dan ini adalah haram, aku mengetahui bahawa anda adalah orangnya dan sesungguhnya anda adalah orang yang paling alim tentang ilmu Kalam. Beliau a.s telah berkata kepadaku: Aduhai dukacitanya anda, wahai Hisyam, sesungguhnya Allah tidak berhujah ke atas makhluk-Nya dengan hujah yang tidak ada di sisinya apa yang mereka berhajat kepadanya.

(253)-6. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada 'Umar bin 'Abd al-'Aziz, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abi Hamzah berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Tidak, demi Allah, seorang alim tidak akan menjadi seorang jahil selama-lamanya, alim dengan sesuatu, jahil dengan sesuatu, kemudian beliau a.s telah berkata: Allah adalah lebih mulia, lebih tinggi dan lebih pemurah dari memfardukan ketaatan seorang hamba yang Dia menyembunyikan daripadanya ilmu langit-Nya dan bumi-Nya. Kemudian beliau a.s telah berkata: Dia tidak akan menyembunyikannya daripadanya".

[1] Allah menghendaki perkara itu berlaku sedemikian kepada mereka a.s.

Bab 49

☼Sesungguhnya Allah Tidak Mengajar Ilmu Kepada Nabi-Nya Melainkan Dia Telah Memerintahkannya Supaya Mengajarnya Pula Kepada Amir Al-Mukminin A.S. Sesungguhnya Beliau A.S Adalah Kongsi Ilmunya (*anna llaha 'a.w lam yu'allim nabiyya-hu illa amara-hu an yu'allima-hu Amir al-Mu'minin wa-anna-hu kana syarika-hu fi al-'ilm*)☼

(254)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abu 'Umair, daripada Ibn Udhainah, daripada Abdullah bin Sulaiman, daripada Humraan bin A'yan, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Jibrail a.s telah membawa dua biji buah delima, maka Rasulullah s.a.w telah makan salah satu daripada keduanya dan membelah sebiji buah delima yang satu lagi kepada dua bahagian, kemudian baginda s.a.w telah makan sebahagiannya dan memberikan kepada Ali sebahagiannya.

Kemudian Rasulullah s.a.w telah bersabda: Wahai saudaraku, apakah anda mengetahui dua biji delima ini? Beliau a.s telah berkata: Tidak, baginda s.a.w telah bersabda: Buah delima yang pertama adalah kenabian (*al-Nubuwwah*) yang anda tiada bahagian padanya. Adapun buah delima kedua, maka ia adalah ilmu, justeru, anda adalah kongsiku padanya. Aku telah berkata: *Aslaha-ka llahu*, bagaimana ia telah terjadi, sehingga beliau a.s menjadi kongsinya padanya? Beliau a.s telah berkata: Allah tidak mengajar ilmu kepada Muhammad s.a.w melainkan baginda s.a.w mengajarnya pula kepada Ali a.s"

(255)-2. Ali, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Ibn Udhainah, daripada Zurarah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Jibrail a.s telah membawa turun kepada Rasulullah s.a.w dua biji buah delima daripada syurga, lalu dia telah memberikan kedua-duanya kepadanya. Kemudian baginda s.a.w telah makan satu biji buah delima dan membelah yang lain kepada dua bahagian, maka baginda s.a.w telah memberi kepada Ali a.s sebahagiannya, lalu beliau a.s memakannya. Lantas baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Ali, adapun satu biji buah delima yang aku telah memakannya, maka itulah kenabian, anda tiada bahagian padanya. Adapun yang satu lagi, adalah ilmu. Justeru, anda adalah kongsiku padanya (*fa-anta syariki fi-ha*)"

(256)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Muhammad bin 'Abd al-Hamid, daripada Mansur bin Yunus, daripada Ibn Udhainah, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku

telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Jibrail telah turun ke atas Muhammad s.a.w dengan dua biji buah delima daripada syurga, maka Ali a.s telah berjumpa dengannya dan beliau a.s telah berkata: Apakah dua biji buah delima di tangan anda? Baginda s.a.w telah bersabda: Adapun ini, maka ia adalah kenabian yang anda tiada bahagian padanya.

Adapun ini adalah ilmu. Kemudian baginda s.a.w telah membelahnya kepada dua, lalu memberi separuhnya kepadanya dan telah mengambil separauhnya, kemudian baginda s.a.w telah bersabda: Anda adalah kongsiku (*syariki*) padanya. Abu Ja'far a.s telah berkata: Demi Allah, Rasulullah s.a.w tidak mengajar satu huruf daripada apa yang telah diajar oleh Allah kepadanya melainkan baginda s.a.w telah mengajarnya kepada Ali a.s. Kemudian ilmu itu berakhir kepada kami. Kemudian beliau a.s telah meletakkan tangannya di atas dadanya"

Bab 50

☼Dimensi Ilmu Para Imam A.S (*jihaat 'uluum al-Aimmati a.s*)☼

(257)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Ismail, daripada Hamzah bin Bazi', daripada Ali al-Sa'i, daripada Abu al-Hasan yang pertama Musa a.s telah berkata: Peringkat ilmu kami terbahagi kepada tiga: Ilmu yang telah berlalu (*madhin*), ilmu yang berterusan (*ghabir*) dan ilmu yang sedang berlaku sekarang (*hadith*). Adapun ilmu *madhin*, maka ia ditafsirkan oleh nabi s.a.w. Adapun ilmu *ghabir* di tulis kepada kita. Adapun ilmu *hadith* dicampakkan ke dalam hati dan diketukkan di telinga. Iaitu ilmu kami yang terbaik dan tiada nabi selepas nabi kita.

(258)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Zahir, daripada Ali bin Musa, daripada Safwan bin Yahya, daripada al-Harith bin al-Mughirah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah berkata: Beritahulah kepadaku tentang ilmu orang alim kamu? Beliau a.s telah berkata: Warisan daripada Rasulullah s.a.w dan daripada Ali a.s. Aku telah berkata: Kami bercakap bahawa ia dicampakkan pada hati kamu dan dicakapkan pada telinga kamu. Beliau a.s telah berkata: Ya, begitulah.

(259)-3. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada orang yang telah meriwayatkannya, daripada al-Mufadhdhal bin Umar berkata: Aku telah berkata kepada Abu al-Hasan a.s: Kami diriwayatkan daripada Abu Abdillah a.s bahawa beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya ilmu kami

ditinggalkan atau ditulis (*ghabir wa mazbur*), gerakan di hati dan deringan di telinga. Maka beliau a.s telah berkata: *Al-Ghabir* ialah ilmu yang telah berlalu. Adapu *mazbur* ialah ilmu yang datang kepada kita. Adapun gerakan di hati, maka ia adalah ilham. Adapun deringan di telinga, maka ia adalah urusan malaikat.

Bab 51

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Jika Rahsia Mereka Tidak Disembunyikan, Nescaya Mereka Menceritakan Setiap Orang Akan Manfaatnya Dan Mudaratnya (*anna al-Aimmata a.s lau sutira alai-him la-akhbaruu kulla imri'in bi-ma-lahu wa-'alai-hiu*)☼

(260)-1. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Fadhalah bin Ayyub, daripada Abban bin Uthman, daripada 'Abd al-Wahid bin al-Mukhtar berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Jikalaulah lidah-lidah kamu diikat, nescaya aku akan menceritakan kepada setiap orang manfaatnya dan mudaratnya.

(261)-2. Dengan sanad-sanad ini, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Sinan, daripada Abdullah bin Maskan berkata: Aku telah mendengar Abu Basir berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Bagaimana mungkin sahabat Ali telah menanggung musibah sedangkan mereka mengetahui kematian dan musibah mereka? Beliau a.s telah menjawab kepadaku-seperti seorang pemarah- siapa lagi selain daripada mereka? Aku telah berkata: Apakah yang menghalang mereka, aku telah menjadikan diriku tebusan anda? Beliau a.s telah berkata: Pintu ini telah ditutup kecuali al-Husain bin Ali a.s telah membuka hanya sedikit daripadanya. Kemudian beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Muhammad, sesungguhnya mulut mereka diikat[2].

---

[2] Seolah-olah mulut mereka diikat kerana tidak mendedahkan rahsia kepada orang ramai.

Bab 52

☼Penyerahan Kepada Rasulullah S.A.W Dan Para Imam A.S Dalam Urusan Agama(*al-Tafwidh ila rasulillah s.a.w wa ila al-Aimmati a.s fi amr al-Din*)☼

(262)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Abi Zahir, daripada Ali bin Ismail, daripada Safwan bin Yahya, daripada 'Asim bin Hamid, daripada Abu Ishaq al-Nahwi berkata: Aku telah masuk berjumpa dengan Abu Abdillah a.s, maka aku telah mendengar beliau a.s berkata: Sesungguhnya Allah a.w telah mendidik nabi-Nya di atas kecintaan-Nya kepadanya. Justeru Dia telah berfirman: "*Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung*"[3] Kemudian Dia telah menyerahkan kuasa (*tafwidh*) kepadanya, maka Dia telah berfirman: "*Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah*"[4] Dan Dia telah berfirman: "*Sesiapa yang telah mentaati Rasul itu, sesungguhnya dia telah mentaati Allah*"[5]Kemudian beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya nabi Allah telah menyerahkannya kepada Ali dan mengamanahkannya kepadanya. Kamu telah menerimanya, tetapi orang ramai telah mengingkarinya. Demi Allah, bahawa kami mencintai kamu apabila kamu berkata [sesuatu]. Dan apabila kami berkata, hendaklah kamu diam. Dan apabila kami berdiam diri, maka kami di antara kamu dan Allah a.w, Allah tidak akan menjadikan seseorang lebih baik di dalam menyalahi urusan kami (*ma ja'ala llahu li-ahadin khairan fi khilaf amri-na*)"

* Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Abu Najran, daripada Abu Ishaq berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata, kemudian beliau telah menyebutnya sedemikian.

(263)-2. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Yahya bin Abi 'Imaran, daripada Yunus, daripada Bakkar bin Bakr, daripada Musa bin Asyim berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdillah a.s, maka seorang lelaki telah bertanya kepadanya satu ayat daripada Kitab Allah a.w, lalu beliau a.s telah memberitahu kepadanya tentangnya. Kemudian ada seseorang telah datang kepadanya, maka beliau telah bertanya beliau a.s tentang ayat yang sama, maka beliau a.s telah memberitahu

---

[3] Surah al-Qalam (68):4
[4] Surah al-Hasyr (59):7
[5] Surah al-Nisaa' (4): 80

kepadanya menyalahi apa yang dijelaskan kepada orang sebelumnya, lantaran itu, aku telah dikuasai syak tentang perkara tersebut, jika dikehendaki Allah sehingga seolah-olah hatiku dipotong dengan pisau, lalu aku telah berkata kepada diriku: Aku telah meninggalkan Abu Qatadah di Syam, tetapi beliau tidak melakukan kesalahan dengan *wau* dan seumpamanya[6] sedangkan aku telah datang kepada ini (Abu Abdillah a.s) yang melakukan banyak kesalahan.

Manakala kami di dalam hal sedemikian, tiba-tiba seorang lelaki telah datang kepadanya, lalu beliau telah bertanya ayat yang sama, Maka beliau a.s telah memberitahu kepadanya, menyalahi apa yang beliau a.s telah memberitahunya kepadaku dan sahabatku. Aku telah mengawal diriku, maka aku telah mengetahui bahawa itu adalah *taqiyyah*'. Kemudian beliau a.s telah berpaling kepadaku sambil berkata kepadaku: Wahai Ibn Asyim, sesungguhnya Allah a.w telah memberi kuasa (*tafwidh*) kepada Sulaiman bin Daud, maka Dia telah berfirman: "*Inilah anugerah Kami; maka berikanlah atau tahanlah dengan tiada pertanggung-jawab*"[7] dan Dia telah memberi kuasa kepada nabi-Nya s.a.w, maka Dia telah berfirman: "*Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah*"[8] Maka kuasa yang mana Dia telah berikan kepada Rasulullah s.a.w, diberikannya pula kepada kami oleh Rasulullah s.a.w"

(264)-3. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hijjal, daripada Tha'labah, daripada Zurarah berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far dan Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menyerahkan kuasa (*tafwidh*) kepada nabi-Nya s.a.w urusan makhlik-Nya supaya baginda s.a.w melihat bagaimana ketaatan mereka, kemudian beliau a.s membaca firman-Nya "*Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah*"[9]

(265)-4. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Umar bin Udhainah, daripada Fudhail bin Yasar berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata kepada sebahagian sahabat Qais al-Masir: Sesungguhnya Allah telah mendidik nabi-Nya di dalam ilmu akhlak, maka Dia telah menyempurnakan pendidikannya, lalu Dia telah berfirman: "*Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung*"[10]. Kemudian Dia telah memberi kuasa (*tafwidh*) urusan agama dan umat kepadanya. Justeru, baginda s.a.w dapat

---

[6] Kesalahan kecil sahaja.
[7] Surah alSaad (38): 39
[8] Surah al-Hasyr (59): 7
[9] Surah al-Hasyr (59): 7
[10] Surah al-Qalam (68):4

mengurus hamba-hamba-Nya. Allah telah berfirman: "*Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah*"[11] Sesungguhnya Rasulullah s.a.w seorang yang disokong, diberikan taufik dan diperkuatkan dengan *Ruh al-Quds*.

Baginda s.a.w tidak tergelincir, tidak bersalah di dalam sesuatupun di dalam pengurusan makhluk-Nya. Baginda s.a.w telah beradab dengan adab-adab Allah. Kemudian Allah telah memfardukan sembahyang dua rakaat, dua rakaat, (jumlah) sepuluh rakaat. Kemudian Rasulullah s.a.w telah menambahkan kepada dua rakaat dua rakaat[12] dan kepada sembahyang Maghrib satu rakaat. Maka ia (tambahan) dikira sebagai menyamai fardu yang tidak harus ditinggalkannya kecuali di dalam musafir. Baginda s.a.w telah menjadikan satu rakaat di dalam sembahyang Maghrib tetap di dalam musafir dan *hadhar* (tidak musafir), maka Allah telah mengharuskannya (*ajaza*) untuknya. Justeru, sembahyang fardu adalah tujuh belas rakaat[13].

Kemudian Rasulullah s.a.w telah menjadikan sunnah sembahyang sunat (*al-Nawaafil*) tiga puluh empat rakaat, dua kali ganda sembahyang fardu. Maka Allah telah mengharuskannya semuanya untuknya. Lantaran itu, sembahyang fardu dan sembahyang sunat ialah lima puluh satu rakaat di antaranya dua rakaat selepas (*al-'Atamah*) secara duduk dikira satu rakaat di tempat Witir. Allah telah memfardukan di dalam setahun puasa di dalam bulan Ramadan dan Rasulullah s.a.w telah menjadikan sunnahnya berpuasa bulan Sya'ban (*sanna Rasulullah s.a.w sauma syahr Sya'ban*) dan tiga hari pada setiap bulan seperti fardu, maka Allah telah mengharuskannya semuanya untuknya.

Allah telah mengharamkan arak dan patinya (*al-Khamr bi-'aini-ha*) sementara Rasulullah s.a.w pula telah mengharamkan minuman yang memabukkan, maka Allah telah mengharuskannya semuanya untuknya. Rasulullah s.a.w telah benci sesuatu perkara dan menunjukkan baginda s.a.w tidak menyukainya, tetapi baginda s.a.w tidak mengharamkannya. Ia adalah sebagai larangan makruh. Kemudian baginda s.a.w telah menjadikan satu *rukhsah* (memberi kebenaran). Justeru, mengambil *rakhsah*nya adalah wajib di atas hamba-hamba-Nya sebagaimana mereka mengambil larangannya dan *'Azimah*nya. Tetapi Rasulullah s.a.w tidak memberi *rakhsah* kepada perkara yang mana baginda s.a.w telah melarangnya secara haram untuk mereka dan juga perkara yang baginda s.a.w telah menolaknya

---

[11] Surah al-Hasyr (59): 7
[12] Zuhur, Asar dan Isyak
[13] Perintah Allah adalah sepuluh rakaat, Rasulullah s.a.w telah menambah dua rakaat pada sembahyang Zuhur, dua rakaat pada sembahyang Asar, dua rakaat pada sembahyang Isyak dan satu rakaat pada sembahyang Maghrib sebagai sunnahnya, maka Allah telah menerimanya seperti perintah-Nya.

sebagai perkara fardu yang lazim seperti banyaknya minuman yang memabukkan yang mana baginda s.a.w telah melarang mereka sebagai larangan haram.

Justeru, baginda s.a.w tidak memberi *rukhsah* kepada seorangpun mengenainya. Begitu juga Rasulullah s.a.w tidak memberi *rakhsah* untuk seseorang bagi melakukan qasar dua rakaat yang telah difardukan Allah, malah baginda s.a.w mewajibkan mereka dengannya. Rasulullah s.a.w tidak memberi *rukhsah* kepada sesiapapun mengenai perkara tersebut kecuali kepada orang musafir. Justeru, tiada seorangpun yang dapat memberi *rukhsah* kepada sesuatu jika ianya tidak diberikan oleh Rasulullah s.a.w. Lantaran itu, perintah Rasulullah s.a.w menepati perintah Allah a.w, larangannya adalah larangan-Nya. Justeru, hamba-hamba-Nya wajib menyerah kepadanya sebagaimana penyerahan mereka kepada Allah *tabaraka wa ta'ala.*

(266)-5. Abu 'Ali al-Asy'ari, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Ibn Fadhdhal, daripada Tha'labah bin Maimun, daripada Zurarah bahawa beliau telah mendengar Abu Ja'far dan Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah t.w telah memberi kuasa (*tafwidh*) kepada nabi-Nya tentang urusan makhluk-Nya supaya baginda s.a.w melihat bagaimana ketaatan mereka, kemudian beliau a.s telah membaca ayat ini: "*Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah*"[14]

* Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hijjal, daripada Tha'labah bin Maimun, daripada Zurarah telah meriwayatkannya seperti di atas.

(267)-6. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Ishaq bin 'Ammar, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah t.w telah mendidik nabi-Nya s.a.w di dalam ilmu akhlak, maka apabila ia sampai kepada tahap yang dikehendakiNya, Dia telah berfirman kepadanya: "*Sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung*" Kemudian Dia telah memberi kuasa (*tafwidh*) tentang agamanya kepadanya dan telah berfirman: "*Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah*"[15] Sesungguhnya Allah a.w telah memfardukan pembahagian pusaka (*al-Fara'idh*), tetapi Dia tidak membahagikan sesuatupun untuk datuk (*al-Jadd*). Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah memberikan kepadanya satu per enam, maka Allah telah mengharuskannya untuknya. Kerana firman

[14] Surah al-Hasyr (59): 7
[15] Surah al-Hasyr (59): 7

Allah a.w: "*Inilah anugerah Kami; maka berikanlah atau tahanlah dengan tiada pertanggung-jawab*"[16]

(268)-7. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasya', daripada Hammad bin Uthman, daripada Zurarah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah meletakkan diat mata, diat diri (*al-Nafs*) dan mengharamkan *al-Nabidh* (arak daripada anggur) dan setiap yang memabukkan. Seorang lelaki telah berkata kepadanya: Adakah Rasulullah s.a.w telah meletakkan atau menetapkan [sesuatu] tanpa datang kepadanya sesuatu?[17] Beliau a.s telah berkata: Ya, agar baginda s.a.w mengetahui siapakah yang mentaati Rasul di kalangan yang menderhakainya"

(269)-8. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Hasan, berkata: Aku telah mendapati di dalam *Nawaadir* Muhammad bin Sinan, daripada Abdullah bin Sinan berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Tidak, demi Allah, Allah tidak memberi kuasa (*tafwidh*) kepada seorangpun daripada makhluk-Nya kecuali kepada Rasulullah s.a.w dan kepada para imam a.s. Allah telah berfirman: "*Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab kepadamu dengan membawa kebenaran supaya kamu mengadili antara manusia dengan apa yang Allah wahyukan kepadamu*"[18] Ayat ini juga berlaku kepada para wasi a.s.

(270)-9. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Ya'qub bin Yazid, daripada al-Hasan bin Ziyad, daripada Muhammad bin al-Hasan al-Maithami, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Sesungguhnya Allah telah mendidik Rasul-Nya sehingga Dia telah menguatkannya menurut kehendakNya. Kemudian Dia telah memberi kuasa (*tafwidh*) kepadanya, lalu Dia telah berfirman: "*Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah*"[19] Maka Allah telah memberi kuasa (t*afwidh*) kepadanya. Kemudian baginda s.a.w telah memberinya pula kepada kami.

(271)-10. Ali bin Muhammad, daripada sebahagian sahabatnya, daripada al-Husain bin Abd al-Rahman, daripada Sandal al-Khayyat, daripada Zaid al-Syahham berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman-Nya: "*Inilah anugerah Kami; maka berikanlah atau tahanlah dengan tiada pertanggung-jawab*"[20] Beliau a.s telah berkata:

---

[16] Surah al-Saad (38): 39
[17] Perbuatan Rasulullah s.a.w adalah sunnahnya.
[18] Surah al-Nisaa' (4): 105
[19] Surah al-Hasyr (59): 7
[20] Surah al-Saad (38): 39

Dia telah memberi kepada Sulaiman kerajaan yang besar, kemudian berlaku ayat ini kepada Rasulullah s.a.w, maka baginya hak untuk memberi kepada sesiapa yang baginda s.a.w kehendaki atau menegah sesiapa yang baginda s.a.w kehendaki. Allah telah memberi kepadanya lebih baik daripada apa yang Dia telah berikan kepada Sulaiman sebagaimana firman-Nya: "*Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah*"[21]

Bab 53

☼Tentang Para Imam A.S Yang Menyerupai Mereka Yang Telah Berlalu Dan Kebencian Bercakap Tentang Mereka Dengan Kenabian (*fi anna al-Aimmata a.s bi-man yasybahuun bi-man madha wa karahiyat al-Qaul fi-him bi al-Nubuwwati*)☼

(272)-1. Abu 'Ali al-Asy'ari, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Safwan bin Yahya, daripada Humraan bin A'yan berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: Apakah kedudukan para ulama? Beliau a.s telah berkata: Seperti (kedudukan) Dhu al-Qarnain, sahabat Sulaiman dan sahabat Musa a.s.

(273)-2. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada al-Husain bin Abi al-'Alaa' berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Ia berakhir tentang halal dan haram kepada kami. Adapun tentang kenabian, maka ia adalah tidak.

(274)-3. Muhammad bin Yahya al-'Asy'ari, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Barqi, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya bin 'Imran al-Halabi, daripada Ayyub bin al-Hurr, berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menamatkan para nabi dengan nabi kamu, justeru, tiada nabi selepasnya. Dia telah menamatkan kitab-kitab dengan Kitab kamu, justeru, tiada kitab selepasnya selama-lamanya. Dia telah menurunkan padanya penerangan kepada setiap sesuatu. Dia telah menciptakan kamu dan Dia telah menciptakan langit dan bumi. Dia telah menceritakan berita sebelum kamu dan menghuraikannya kepada kamu. Dia telah memberitahu cerita selepas kamu, urusan syurga, neraka dan apa yang kamu akan jadi.

[21] Surah al-Hasyr (59): 7

(275)-4. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Hammad bin Isa, daripada al-Husain bin al-Mukhtar, daripada al-Harith bin al-Mughirah berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Ali a.s adalah seorang *muhaddath*, maka aku telah berkata: Anda telah berkata: Seorang nabi? Beliau telah berkata: Maka beliau a.s telah menggerakkan tangannya begini, kemudian beliau a.s telah berkata: Atau seperti sahabat Sulaiman atau sahabat Musa atau Dhu al-Qarnain atau tidakkah berita telah sampai kepada kamu bahawa Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Di kalangan kamu ada orang seperti Dhu al-Qarnain...)?

(276)-5. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Ibn Udhainah, daripada Buraid bin Mu'awiyah, daripada Abu Ja'far dan Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Apakah kedudukan kamu? Dan siapakah yang menyerupai mereka yang telah berlalu? Beliau a.s telah berkata: Sahabat Musa dan Dhu al-Qarnain, mereka berdua adalah alim, tetapi bukanlah nabi.

(277)-6. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Barqi, daripada Abu Talib, daripada Sudair berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Sesungguhnya satu kumpulan menganggap kamu tuhan-tuhan *(aalihatun*). Mereka membaca kepada kami al-Qur'an: "*Dan Dialah Tuhan di langit dan Tuhan di bumi*"[22] Maka beliau a.s telah berkata: Wahai Sudair, pendengaranku, penglihatanku, kulitku, dagingku, darahku dan rambutku meninggalkan mereka dan Allah telah meninggalkan (*bari'a*) mereka. Mereka itu bukanlah di atas agamaku dan bukanlah di atas agama bapa-bapaku. Allah tidak akan mengumpulkan aku dan mereka pada hari Kiamat kecuali Dia memarahi mereka. Aku telah berkata: Di sisi kami ada kumpulan yang menganggap bahawa kamu semua adalah para rasul. Mereka telah membaca kepada kami al-Qur'an: "*Wahai rasul-rasul, makanlah dari makanan yang baik-baik dan kerjalah amal yang saleh. Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan*"[23]

Maka beliau a.s telah berkata: Wahai Sudair, pendengaranku, penglihatanku, rambutku, kulitku, dagingku dan darahku telah meninggalkan mereka dan Allah juga telah meninggalkan mereka. Mereka itu bukanlah di atas agamaku dan bukanlah di atas agama bapa-bapaku. Allah tidak akan mengumpulkan aku dan mereka pada hari Kiamat kecuali Dia memarahi mereka. Aku telah berkata: Siapakah kamu? Beliau a.s telah berkata: Kamilah penyimpan ilmu Allah, kamilah

---

[22] Surah al-Zukhruf (43): 84
[23] Al-Mu'minuun (23): 51

terjemahan urusan Allah, kamilah golongan yang maksum. Allah telah memerintah (hamba-hamba-Nya) supaya mentaati kami dan Dia melarang (mereka) dari menderhakai kami. Kamilah *Hujjah* yang sampai kepada mereka yang tinggal di bawah langit dan di atas bumi"

(278)-7. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, dariapda al-Husain bin Sa'id, daripada Abdullah bin Bahr, daripada Ibn Maskan, dariapda 'Abd al-Rahman bin Abi Abdillah, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s berkata: Para imam adalah kedudukan Rasulullah s.a.w kecuali mereka bukanlah para nabi (*al-Aimmatu bi-manzilati Rasulullah s.a.w illa anna-hum laisuu bi-anbiyaa'*). Tidak halal untuk mereka mempunyai (bilangan) isteri yang dihalalkan untuk nabi s.a.w[24]. Adapun selain daripada itu, maka mereka seperti kedudukan Rasulullah s.a.w.

Bab 54

[24] Pada umumnya para imam a.s adalah di bawah kedudukan Rasulullah s.a.w. Mereka hanya menjalankan risalah Rasulullah s.a.w

☼Para Imam A.S *Muhaddathuun Mufahhamuun* (*anna al-Aimmata a.s muhaddathuun mufahhamuun*)☼

(279)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hijjal, daripada al-Qasim bin Muhammad, daripada 'Ubaid bin Zurarah berkata: Abu Ja'far a.s telah mengutus Zurarah supaya memberitahu al-Hakam bin 'Utbah bahawa para wasi Muhammad a.s *muhaddathuun*.

(280)-2. Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Jamil bin Saleh, daripada Ziyad bin Suqah, daripada al-Hakam bin 'Utaibah berkata: Suatu hari aku telah berjumpa dengan Ali bin al-Husain a.s, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Hakam, adakah anda mengetahui ayat yang dengannya Ali bin Abu Talib mengetahui pembunuhnya dan beliau a.s mengetahui dengannya perkara-perkara yang besar? Al-Hakam berkata: Aku telah berkata kepada diriku: Aku akan mengetahui sebahagian ilmu daripada ilmu Ali bin al-Husain, aku akan mengetahui dengannya perkara-perkara yang besar. Maka aku telah berkata: Tidak, demi Allah, aku tidak mengetahuinya. Kemudian aku telah berkata: Ayat yang menceritakan kepadaku mengenainya, wahai anak lelaki Rasulullah?

Beliau a.s telah berkata: Iaitu firman Allah: *"Kami tidak mengutus sebelum kamu seorang rasul, seorang nabi dan seorang (muhaddath)"*. Sesungguhnya Ali bin Abu Talib adalah seorang *muhaddath*. Seoranmg lelaki yang dikenali dengan nama Abdullah bin Zaid, saudara Ali di sebelah ibunya, *Subhana llah* beliau a.s seorang *muhaddath*? Seolah-olah beliau mengingkarinya. Tiba-tiba Abu Ja'far a.s telah datang kepada kami, maka beliau a.s telah berkata: Demi Allah, sesungguhnya anak lelaki ibu anda (Abdullah bin Ziyad) telah mengetahuinya. Apabila beliau a.s telah berkata sedemikian, lelaki itu telah berdiam diri. Beliau a.s telah berkata: Inilah yang telah membuat Abu al-Khattab[25] telah binasa. Dia tidak mengetahu takwil seorang *muhaddath* dan seorang nabi.

(281)-3. Ahmad bin Muhammad dan Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Ya'qub bin Yazid, daripada Muhammad bin Ismail berkata: Aku telah mendengar Abu al-Hasan a.s telah berkata: Para imam adalah ulama yang benar, boleh memahami secara sempurna dan *muhaddathuun*.

[25] Seorang pelampau

(282)-4. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus, daripada seorang lelaki, daripada Muhammad bin Muslim, berkata: Perkataan *muhaddath* disebut di sisi Abu Abdillah a.s, maka beliau a.s telah berkata: Beliau mendengar suara, tetapi tidak melihat orangnya. Maka aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, bagaimana beliau mengetahui percakapan malaikat? Beliau a.s telah berkata: Beliau akan diberikan ketenangan, keamanan sehingga beliau mengetahui bahawa ia adalah percakapan malaikat.

(283)-5. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Hammad bin Isa, daripada al-Husain bin al-Mukhtar, daripada al-Harith bin al-Mughirah, daripada Humraan bin A'yan berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Ali a.s adalah *muhaddath*, maka aku pun telah keluar kepada para sahabatku, maka aku telah berkata: Aku telah mendatangi kamu dengan satu perkara yang pelik. Mereka telah berkata: Apakah dia? Maka aku telah berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Ali adalah *muhaddath*. Mereka telah berkata: Anda tidak melakukan sesuatu, kenapa anda tidak bertanya kepadanya siapakah yang beliau bercakap dengannya?

Maka akupun telah kembali kepadanya, maka aku telah bertanya kepadanya: Sesungguhnya aku telah menceritakan kepada para sahabatku apa yang anda telah menceritakannya kepadaku. Mereka telah berkata: Anda tidak melakukan sesuatu, anda tidak bertanya kepadanya siapakah yang beliau a.s bercakap dengannya? Maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Malaikat yang bercakap dengannya, aku telah berkata: Anda telah berkata: Sesungguhnya beliau a.s seorang nabi? Beliau telah berkata: Beliau a.s telah menggerakkan tangannya begini atau seperti sahabat Sulaiman atau sahabat Musa atau seperti Dhu al-Qarnain atau tidakkah berita telah sampai kepada kamu bahawa Amir al-Mukminin Ali a.s telah berkata: Di kalangan kamu ada orang seperti Dhu al-Qarnain.

Bab 55

☼Tentang Sebutan Roh-Roh Pada Para Imam A.S (*fi-hi dhikr al-Arwaah al-Lati fi al-Aimmati a.s*)☼

(284)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Hammad bin Isa, dariapda Ibrahim bin Umar al-Yamani, daripada Jabir al-Ja'fi berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Wahai Jabir, sesungguhnya Allah telah

menciptakan makhluk tiga jenis, iaitu sebagaimana firman-Nya a.w "*Dan kamu menjadi tiga golongan, iaitu golongan kanan. Alangkah mulianya golongan kanan itu. Dan golongan kiri. Alangkah sengsaranya golongan kiri itu. Dan mereka yang paling dahulu beriman. Balasan kepada mereka yang paling dahulu beriman. Mereka itulah orang yang didekatkan (kepada Allah)*"[26]

Al-Sabiquun (mereka yang paling dahulu beriman) ialah para rasul a.s dan mereka yang mempunyai perhubungan yang istimewa dengan Allah daripada makhluk-Nya. Dia telah menjadikan pada mereka lima roh *(arwaah*). Dia telah menyokong mereka dengan *ruh al-Quds*, maka dengannyalah mereka telah mengetahui berbagai perkara. Dia telah menyokong mereka dengan roh iman, maka dengannyalah mereka telah takut kepada Allah a.w. Dia telah menyokong mereka dengan roh kekuatan, maka dengannyalah mereka telah mampu melakukan ketaatan kepada Allah.

Dia telah menyokong mereka dengan roh syahwat, maka dengannyalah mereka rindukan ketaatan kepada Allah a.w dan membenci kemaksiatan kepada-Nya. Dia telah menjadikan pada mereka roh al-Madraj (roh pergerakan) yang dengannyalah manusia pergi dan datang. Dia telah menjadikan pada mukminin dan golongan kanan roh iman, maka dengannyalah mereka telah takut kepada Allah. Dia telah menjadikan pada mereka roh kekuatan, maka dengannyalah mereka telah mampu untuk mentaati Allah. Dia telah menjadikan pada mereka roh syahwat, maka dengannyalah mereka rindukan ketaatan kepada Allah. Dan Dia telah menjadikan pada mereka roh al-Madraj, maka dengannyalah manusia pergi dan datang.

(285)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Musa bin 'Umru, daripada Muhammad bin Sinan, daripada 'Ammar bin Marwan, daripada al-Mankhal, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Aku telah bertanya kepadanya tentang ilmu seorang alim, maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Sesungguhnya para nabi dan para wasi mempunyai lima roh (*arwaah*). Roh kudus, roh iman, roh kehidupan, roh kekuatan dan roh syahwat. Maka dengan roh kudus, wahai Jabir, mereka telah mengetahui apa yang ada di bawah Arasy sehingga apa yang ada di bawah bumi. Kemudian beliau a.s telah berkata: Wahai Jabir, sesungguhnya empat roh ini akan berlaku perubahan di luar dugaan padanya, tetapi roh kudus tidak akan berlaku perubahan padanya.

(286)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada al-Mu'alla bin Muhammad, daripada Abdullah bin Idris, daripada Muhammad bin

---

[26] Surah al-Waaqi'ah (56): 7-11

Sinan, daripada al-Mufadhdhal bin 'Umar, daripada Abu Abdillah a.s, berkata: Aku telah bertanya kepadanya ilmu seorang imam [mengetahui] di seluruh pelusuk bumi sedangkan beliau a.s berada di rumahnya yang ditutupi langsirnya? Beliau a.s telah berkata: Wahai Mufadhdhal, sesungguhnya Allah telah menjadikan pada nabi lima roh: Roh kehidupan, maka dengannyalah beliau berjalan dan pergi, roh kekuatan, maka dengannyalah beliau bangkit dan berjuang. Roh syahwat, maka dengannyalah beliau makan, minum dan "datang" kepada perempuan secara halal. Roh iman, maka dengannyalah beliau beriman dan melakukan keadilan. Dan roh kudus, maka dengannyalah beliau menanggung kenabian. Apabila nabi s.a.w mati, maka roh kudus berpindah kepada imam a.s. Roh kudus tidak tidur, tidak lupa, tidak bermain dan tidak berlaku perubahan padanya. Adapun empat roh yang lain, tidur, lalai, bermain dan boleh berubah. Beliau (nabi/imam) melihat sesuatu melalui roh kudus.

Bab 56

☼Roh Yang Diarahkan Oleh Allah Ke Atas Para Imam A.S (*al-Ruh al-Lati yusaddidu llahu bi-ha al-Aimmata a.s*)☼

(287)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya al-Halabi, daripada Abi al-Sabah al-Kinani, daripada Abu Basir berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah "*Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu roh dengan perintah Kami. Sebelumnya kamu tidak mengetahui apakah al-Kitab dan tidak pula mengetahui apakah iman itu*"[27] Beliau a.s telah berkata: Satu makhluk daripada makhluk-makhluk Allah a.w yang lebih besar daripada Jibrail dan Mikail. Dia telah berada bersama Rasulullah s.a.w menceritakannya, mengarahkannya dan dia bersama para imam selepasnya.

(288)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ali bin Asbat, daripada Asbat bin Salim berkata: Seorang lelaki daripada penduduk Hit (Iraq) telah bertanya kepadanya-aku telah hadir berasamanya-tentang firman Allah a.w "*Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu roh dengan perintah Kami*"[28] Maka beliau a.s telah berkata: Semenjak Allah a.w menurunkan roh itu ke atas Muhammad s.a.w (*mundhu anzala llahu a.w dhalika al-Ruh 'ala*

[27] Surah al-Syuura (42): 52
[28] Surah al-Syuura (42): 52

Muhammad), dia tidak pernah naik ke langit (*ma sa'ada ila al-Sama'*), sesungguhnya dia ada bersama kami (*inna-hu la-fi-na*).

(289)-3. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus, daripada Ibn Maskan, daripada Abu Basir berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: *"Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: "Roh itu daripada urusan Tuhanku"*[29] Beliau a.s telah berkata: Makhluk yang lebih besar daripada Jibrail dan Mikail, dia telah berada bersama Rasulullah s.a.w, dia bersama para imam. Dia adalah dari alam malaikat (*malakut*).

(290)-4. Ali, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Abi Ayyub al-Khazzaz, daripada Abu Basir berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata tentang firman-Nya: *"Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: "Roh itu daripada urusan Tuhanku"*[30] Beliau a.s telah berkata: Makhluk yang lebih besar daripada Jibrail dan Mikail, dia tidak pernah berada bersama sesiapapun selain daripada Muhammad s.a.w dan dia bersama para imam memberi arahan kepada mereka dan tiada semua yang diminta itu, boleh didapati"

(291)-5. Muhammad bin Yahya, daripada 'Imran bin Musa, daripada Musa bin Ja'far, daripada Ali bin Asbat, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu Hamzah berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang ilmu, adakah ia ilmu yang dipelajari seorang alim daripada mulut lelaki atau pada Umm al-Kitab yang kamu membacanya, justeru, kamu mengetahui daripadanya? Beliau a.s telah berkata: Perkara itu adalah lebih besar daripada itu dan lebih penting. Tidakkah anda telah mendengar firman Allah a.w: *"Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu roh dengan perintah Kami. Sebelumnya kamu tidak mengetahui apakah al-Kitab dan tidak pula mengetahui apakah iman itu"*[31]

Kemudian beliau a.s telah berkata: Apakah pendapat para sahabat anda tentang ayat ini, adakah mereka mengakui bahawa baginda s.a.w tidak mengetahui apakah Kitab dan apakah iman? Aku telah berkata: Aku tidak mengetahui-aku telah menjadikan diriku tebusan anda- apa yang mereka katakan, maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Ya, baginda s.a.w telah berada di dalam keadaan tidak mengetahui apakah Kitab dan tidak mengetahui apakah iman sehingga Allah mengutus roh yang disebutkan di dalam al-Qur'an. Apabila Dia mewahyukannya kepadanya, maka baginda s.a.w telah mengetahui dengannya ilmu dan kefahaman. Iaitu roh yang diberikan oleh Allah kepada sesiapa yang Dia

[29] Surah al-Israa' (17): 85
[30] Surah al-Israa' (17): 85
[31] Surah al-Syuura (42): 52

kehendaki. Apabila Dia memberikan roh kepada seseorang, maka roh itu mengajarnya kefahaman (ilmu).

(292)-6. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ali bin Asbat, daripada al-Husain bin Abi al-'Alaa', daripada Sa'd al-Askaaf berkata: Seorang lelaki telah mendatangi Amir al-Mukminin a.s bertanya kepadanya tentang roh, adakah dia itu Jibrail? Maka Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepadanya: Jibrail adalah daripada malaikat sementara roh bukanlah Jibrail. Kemudian beliau a.s telah mengulanginya kepada lelaki itu.

Lelaki itu berkata kepadanya: Sesungguhnya anda telah bercakap perkara yang besar, tiada seorangpun menyangka bahawa roh bukan Jibrail, maka Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepadanya: Sesungguhnya anda seorang yang sesat, anda telah meriwayatkannya daripada mereka yang sesat. Allah telah berfirman kepada nabi-Nya s.a.w *"Telah pasti datangnya ketetapan Allah, maka janganlah kamu meminta agar disegerakannya. Maha Suci Allah dan Maha Tinggi dari apa yang mereka persekutukan. Dia menurunkan para malaikat dengan roh dengan perintah-Nya"*[32] Dan roh bukanlah malaikat a.s.

Bab 57

☼Waktu Seorang Imam Mengetahui Semua Ilmu Imam Sebelumnya (*waqtu ma ya'lamu al-Imam jami' 'ilm al-Imam al-Ladhi ma kana qabli-hi*)☼

(293)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Sa'id, dariapda Ali bin Asbat, daripada al-Hakam bin Miskin, daripada sebahagian sahabat kami berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s tentang bilakah [imam] yang akhir mengetahui apa yang ada pada [imam] yang pertama? Beliau a.s telah berkata: Pada minit akhir sebelum pemergian rohnya.

(294)-2. Muhammad, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ali bin Asbat, daripada al-Hakam bin Miskin, daripada 'Ubaid bin Zurarah dan kumpulan bersamanya berkata: Kami telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Orang yang selepas imam mengetahui ilmu imam sebelumnya pada minit akhir sebelum pemergian rohnya"

---

[32] Surah al-Nahl (16):1-2

(295)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ya'qub bin Yazid, daripada Ali bin Asbat, daripada sebahagian sahabatnya, daripada Abu Abdillah a.s, berkata: Aku telah berkata kepadanya: Bilakah imam mengetahui *imamah*nya dan urusannya berakhir kepadanya? Beliau a.s telah berkata: Pada minit akhir kehidupan [imam] pertamanya.

Bab 58

☼Para Imam A.S Adalah Sama Dari Sudut Ilmu, Keberanian Dan Ketaatan *(fi anna al-Aimmata a.s fi al-'ilmi wa al-Syaja'ati wa al-Ta'ati sawaa')*☼

(296)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Abi Zahir, daripada al-Khasyyab, daripada Ali bin Hassan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Allah telah berfirman: "*Dan mereka yang beriman dan yang anak cucu mereka mengikuti mereka dalam keimanan, Kami hubungkan anak cucu mereka dengan mereka dan Kami tiada mengurangi sedikitpun dari pahala amal mereka*"[33] Beliau a.s telah berkata: "*Mereka yang beriman*" ialah nabi dan Amir al-Mukminin a.s dan "*zuriat*"nya ialah para imam dan para wasi a.s. "*Kami hubungkan dengan mereka*" Kami tidak menguranginya. "*zuriat mereka*" ialah *Hujjah* yang dibawa oleh Muhammad s.a.w pada Ali a.s dan *Hujjah* mereka seorang demi seorang serta ketaatan mereka adalah satu"

(297)-2. Ali bin Muhammad bin Abdullah, daripada bapanya, daripada Muhammad bin Isa, daripada Daud al-Nahdi, daripada Ali bin Ja'far, daripada Abu al-Hasan a.s telah berkata: Beliau a.s telah berkata kepadaku: Kami dari sudut ilmu dan keberanian adalah sama sementara dari sudut pemberian pula menurut apa yang diperintahkan kepada kami"

(298)-3. Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Ali bin Ismail, daripada Safwan bin Yahya, daripada Ibn Maskan, daripada al-Harith bin al-Mughirah, daripada Abu Abdillah a.s, berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Kami dari sudut urusan, kefahaman, halal dan haram adalah satu (sama). Adapun Rasulullah s.a.w dan Ali mempunyai kelebihan mereka berdua.

---

[33] Surah al-Tuur(52): 21

Bab 59

☼Sesungguhnya Imam A.S Mengetahui Imam Selepasnya Dan Firman Allah ***"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya"*** Diturunkan kepada Mereka A.S (***anna al-Imam a.s ya'rifu al-Imam al-Ladhi yakun min ba'di-hi au anna qaula llahi ta'ala "inna llahi ya'muri-kum an tuadduu al-Amanaat ila ahli-ha***)☼

(299)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali al-Wasya', daripada Ahmad bin 'Aidh, daripada Udhainah, daripada Buraid al-'Ajali berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: "*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya dan apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil*"[34] Beliau a.s telah berkata: Ianya dimaksudkan kepada kami, [imam] yang pertama menyampaikan kepada imam selepasnya buku-buku, ilmu dan senjata (*al-Silaah*).

"*Dan apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil"* yang berada di tangan kamu. Kemudian beliau a.s telah berkata kepada orang ramai tentang firman-Nya: "*Wahai mereka yang beriman, taatilah Allah, taatilah Rasul dan uli l-amri di antara kamu*"[35]Ayat ini diturunkan khusus untuk kami. Dia telah memerintahkan semua muslimin sehingga hari Kiamat supaya mentaati kami. "*Sekiranya kamu khuatir pertelingkahan di dalam sesuatu perkara, maka kembalilah ia kepada Allah, kepada Rasul dan uli l-amri daripada kamu*". Demikianlah ia diturunkan. Bagaimana Allah memerintahkan mereka supaya mentaati *wulaat al-Amri* dan memberi kebenaran untuk menentang mereka? Sesungguhnya dikatakan sedemikian kepada mereka yang diperintahkan kepada mereka: "*Wahai mereka yang beriman, taatilah Allah, taatilah Rasul dan uli l-amri di antara kamu*"[36]

(300)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Husain bin Ali al-Wasya', daripada Ahmad bin Umar berkata: Aku telah bertanya al-Ridha a.s tentang firman Allah a.w: "*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada*

[34] Surah al-Nisaa' (4): 58
[35] Surah al-Nisaa' (4): 59
[36] Surah al-Nisaa' (4): 59

yang berhak menerimanya!"[37] Beliau a.s telah berkata: Mereka adalah para imam daripada keluarga Muhammad a.s supaya imam menyampaikan amanah kepada imam selepasnya, tiada orang lain yang dikhususkan untuknya dan tiada orang lain yang dapat mengetepikannya daripadanya.

(301)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s tentang firman Allah a.w: "*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya!*"[38] Beliau a.s telah berkata: Mereka adalah para imam supaya imam menyampaikan amanah kepada imam selepasnya, tiada orang lain yang dikhususkan untuknya dan tiada orang lain yang dapat mengetepikanya daripadanya.

(302)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Ishaq bin 'Ammar, daripada Ibn Abi Ya'fur, daripada al-Mu'alla bin Khanis berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya!*"[39] Beliau a.s telah berkata: Allah telah memerintahkan imam yang pertama supaya menyerahkan kepada imam selepasnya setiap sesuatu di sisinya.

(303)-5. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ibn Mahbub, daripada al-'Alaa' bin Razin, daripada Abdullah bin Abi Ya'fur, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Seorang imam tidak akan mati sehingga beliau mengetahui orang yang akan menjadi imam selepasnya, maka beliau memberi wasiat kepadanya"

(304)-6. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Safwan bin Yahya, daripada Ibn Abi Uthman, daripada al-Mu'alla bin Khanis, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya seorang imam mengetahui imam selepasnya, lalu beliau memberi wasiat kepadanya"

(305)-7. Ahmad, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Abu Abdillah al-Barqi, daripada Fadhalah bin Ayyub, daripada Sulaiman bin Khalid, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Seorang alim tidak

---

[37] Surah al-Nisaa' (4): 58
[38] Surah al-Nisaa' (4): 58
[39] Surah al-Nisaa' (4): 58

akan mati sehingga Allah memberitahu kepadanya siapa yang beliau akan memberi wasiat kepadanya”

Bab 60

☼Sesungguhnya *Imamah* Adalah Janji Daripada Allah A.W Yang Dijanjikan Daripada Seorang Imam Kepada Seorang Imam Yang Lain A.S (*anna al-Aimmata ‘ahdun mina llahi a.w ma‘huud min wahid ila wahid a.s*)☼

(306)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu‘alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali al-Wasya’ berkata: Umar bin Abban telah meriwayatkan kepadaku, daripada Abu Basir berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdillah a.s, maka mereka telah menyebut para wasi, aku telah menyebut Isma‘il, maka beliau a.s telah berkata: Demi Allah, tidak, wahai Abu Muhammad, ianya bukan untuk kita (melakukannya), ianya adalah untuk Allah a.w, Dia melantik seorang [imam] selepas seorang [imam].

(307)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa‘id, daripada Ibn Abi ‘Umair, daripada Hammad bin Uthman, daripada ‘Umru bin al-Asy‘ath berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Adakah anda berpendapat bahawa orang yang memberi wasiat (*al-Musi*) di kalangan kami akan memberi wasiat kepada sesiapa yang beliau mahu? Demi Allah, tidak, tetapi janji daripada Allah dan Rasul-Nya daripada seorang lelaki kepada seorang lelaki sehingga urusan berakhir kepadanya”

* Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu‘alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Hammad bin Isa, daripada Minhal, daripada ‘Umru bin al-Asy‘ath, daripada Abu Abdillah a.s tentang riwayat yang sama.

(308)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu‘alla bin Muhammad, daripada Ali bin Muhammad, daripada Bakr bin Salih, daripada Muhammad bin Sulaiman, daripada ‘Aitham bin Aslam, daripada Mu‘awiyah bin ‘Ammar, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya *imamah* adalah janji daripada Allah yang dijanjikan kepada lelaki yang dinamakannya. Seorang imam tidak boleh mengetepikan seorang imam selepasnya. Sesungguhnya Allah telah mewahyukan kepada Daud a.s “Ambillah seorang wasi daripada keluarga engkau kerana ketetapan telah berlaku pada ilmu-Ku yang

terdahulu bahawa Aku tidak akan mengutus seorang nabi kecuali beliau mempunyai wasi daripada keluarganya. Daud mempunyai anak yang ramai. Di antara anak-anaknya ialah seorang yang masih muda, ibunya dicintai oleh Daud.

Pada suatu hari Daud telah mendatanginya ketika turunnya wahyu, maka beliau a.s telah berkata kepadanya: Sesungguhnya Allah a.w telah mewahyukan kepadaku, memerintahkan aku supaya aku mengambil seorang wasi daripada keluargaku, lantas isterinya berkata kepadanya: Harapan agar anakku dipilih? Beliau a.s telah berkata: Itulah yang aku mahu. Tetapi telah berlaku pada ilmu Allah bahawa "beliau" adalah Sulaiman. Kemudian Allah mewahyukan kepada Daud: Janganlah kamu gopoh sebelum datang perintah-Ku. Tidak lama selepas itu, dua orang lelaki yang bertengkar mengenai kambing dan kebun anggur datang kepadanya, lalu Allah mewahyukan kepadanya: *Kumpulkan anak-anak kamu, maka sesiapa yang dapat memberi hukuman di dalam masalah ini dan tepat pula, maka dia adalah wasi kamu selepas kamu*". Kemudian Daud telah mengumpulkan anak-anaknya.

Manakala dua orang lelaki yang bertengkar itu menceritakan kes masing-masing, Sulaiman a.s telah berkata: Wahai pemilik kebun anggur, bilakah kambing lelaki ini telah memasuki kebun anggur anda? Dia telah berkata: Kambingnya telah memasukinya pada waktu malam. Beliau a.s telah berkata: Aku menghukum ke atas anda, wahai pemilik kambing, dengan anak-anak kambing anda dan bulu-bulunya pada tahun ini[40]. Kemudian Daud telah berkata kepadanya: Kenapa anda tidak menghukum tengkuk-tengkuk kambing itu sendiri[41] sedangkan Bani Israel telah menghukumnya sedemikian dan harga kebun anggur adalah sebanyak nilai kambing? Sulaiman telah berkata: Kebun anggur itu tidak dimusnahkan sepenuhnya, sesungguhnya ia dimakan sekadar kenyang sahaja dan ia akan berbuah kembali.

Maka Allah telah mewahyukan kepada Daud: *Sesungguhnya penghakiman di dalam kes ini adalah mengikut hukuman Sulaiman. Wahai Daud, engkau telah kehendaki sesuatu, tetapi Kami kehendaki sesuatu yang lain*". Daud telah datang kepada isterinya dan berkata: Kami kehendaki suatu perkara, tetapi Allah kehendaki suatu perkara yang lain. Justeru, sesuatu itu tidak akan berlaku melainkan apa yang dikehendaki Allah a.w. Sesungguhnya kami telah meredai dengan perintah Allah a.w dan kami menerimanya. Begitu juga dengan para wasi a.s, mereka tidak boleh melampaui perintah ini dengan memberikannya kepada orang lain.

Al-Kulaini telah berkata: Makna hadis pertama: Jika kambing itu telah memasuki kebun anggur di waktu siang, maka pemilik kambing

---

[40] Mesti diberikan kepada pemilik kebun anggur sebagai bayaran ganti ruginya, tetapi bukan (ibu) kambingnya.
[41] Ibu kambingnya

tidak dikenakan apa-apapun kerana pemilik kambing boleh melepaskan kambingnya di waktu siang memakan rumput dan pemilik kebun anggur menjaga kebunnya. Pemilik kambing hendaklah mengikat kambingnya di waktu malam. Sementara pemilik kebun anggur pula hendaklah tidur di waktu malam.

(309)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Ibn Bukair dan Jamil, daripada 'Umru bin Mus'ab berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Adakah kamu fikir bahawa orang yang memberi wasiat di kalangan kami memberi wasiatnya kepada siapa saja yang beliau mahu? Demi Allah, tidak, tetapi ia adalah janji daripada Rasulullah s.a.w kepada seseorang, kemudian kepada seseorang sehingga berakhir kepada dirinya.

Bab 61

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Tidak Pernah Melakukan Sesuatu Dan Tidak Akan Melakukan Sesuatu Melainkan Dengan Janji Allah A.W Dan Perintah DaripadaNya Serta Mereka Tidak Akan Melampauinya (*anna al-Aimmata a.s lam yaf'aluu syai'an wa la yaf'aluuna illa bi-'ahdin mina llahi a.w wa-amrin min-hu la yatajawazuuna-hu*)☼

(310)-1. Muhammad bin Yahya dan al-Husain bin Muhammad, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada Ali bin al-Husain bin Ali, daripada Ismail bin Mihran, daripada Abi Jamilah, daripada Mu'adh bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya wasiat telah turun dari langit ke atas Muhammad di dalam bentuk tulisan (kitab), tidak diturunkan ke atas Muhammad s.a.w di dalam bentuk tulisan yang dibubuh cap (*kitab makhtum*) melainkan wasiat. Jibrail a.s telah berkata: Wahai Muhammad, inilah wasiat anda pada umat anda di sisi ahlu Bait anda (*ahl baitai-ka*). Maka Rasulullah s.a.w telah bersabda: Ahlu Baitku yang mana satu, wahai Jibrail?

Dia berkata: Orang yang dipilih oleh Allah di kalangan mereka dan zuriatnya supaya beliau mewarisi ilmu kenabian daripada anda sebagaimana diwarisi oleh Ibrahim a.s dan warisannya adalah untuk Ali a.s dan zuriat anda daripada salbinya. Beliau a.s telah berkata: Ia mempunyai beberapa cap di atasnya. Ali a.s telah membuka cap yang pertama dan mengeluarkan apa yang ada di dalamnya. Kemudian al-Hasan a.s telah membuka cap yang kedua dan melakukan apa yang diperintahkan kepadanya. Apabila al-Hasan mati dan berlalu, al-Husain

a.s telah membuka cap yang ketiga, maka beliau a.s telah mendapati di dalamnya: Perangilah, bunuhlah dan anda akan dibunuh. Keluarlah dengan beberapa kumpulan untuk mati syahid. Tiada syahadah bagi mereka melainkan dengan anda. Abu Abdillah a.s telah berkata: Al-Husain a.s telah melakukannya. Sebelum beliau a.s mati, beliau a.s telah memberikannya kepada Ali bin al-Husain a.s.

Kemudian beliau a.s telah membuka cap yang keempat, maka beliau a.s telah mendapatinya: Diamlah dan rendahlah kepala anda di dalam diam kerana ilmu telah disembunyikan. Apabila beliau a.s mati dan berlalu, beliau a.s telah memberikannya kepada Muhammad bin Ali a.s, maka beliau a.s telah membuka cap yang kelima, maka beliau a.s telah mendapati di dalamnya: Tafsirlah Kitab Allah, perkuatkan apa yang dilakukan oleh bapa anda, wariskan kepada anak lelaki anda, bangunkan umat dan berdirilah dengan kebenaran Allah a.w, berkata benar pada masa takut dan masa aman. Janganlah anda takut melainkan Allah, maka beliau telah melakukannya.

Kemudian beliau a.s telah memberikannya kepada orang yang mengikutinya. Aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, maka andalah orangnya? Beliau a.s telah berkata: Tiada apa-apa bagiku kecuali anda akan pergi, wahai Mu'adh, dan anda meriwayatkannya [bagi] menentangku. Aku telah berkata: Aku pohon kepada Allah yang telah memberikan kepada anda daripada bapa-bapa anda kedudukan ini supaya memberikannya kepada anda dan anak anda seumpamanya sebelum kematian anda? Beliau a.s telah berkata: Allah telah melakukannya, wahai Mu'adh, aku telah berkata: Siapakah dia? Beliau a.s telah berkata: Ini yang sedang tidur- beliau a.s telah memberi isyarat dengan tangannya kepada seorang hamba Allah yang saleh- Beliaulah yang sedang tidur itu.

(311)-2. Ahmad bin Muhammad dan Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Abi al-Hasan al-Kinani, daripada Ja'far bin Najih al-Kindi, daripada Muhammad bin Ahmad bin 'Ubaidillah al-'Umari daripada bapanya, daripada datuknya, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah a.w telah menurunkan ke atas nabi-Nya s.a.w kitab sebelum kematiannya. Maka Jibrail a.s telah berkata: Wahai Muhammad, inilah wasiat engkau kepada mereka yang mulia daripada keluarga engkau (*hadhihi wasiyatu-ka ila al-Nujabah min ahli-ka*), baginda s.a.w telah bersabda: Siapakah yang mulia itu, wahai Jibrail? Dia berkata: Ali bin Abu Talib dan anak-anaknya a.s.

Di atas kitab itu terdapat beberapa cap daripada emas (*khawatim min dhahabin*), lalu Nabi s.a.w telah memberikannya kepada Amir al-Mukminin a.s dan memerintahkannya supaya memecahkan satu cap daripadanya serta beramal dengan apa yang ada di dalamnya. Lalu Amir

al-Mukiminin a.s telah memecahkannya dan beramal dengan apa yang ada di dalamnya. Kemudian beliau a.s telah memberikannya kepada anak lelakinya al-Hasan a.s, lalu beliau a.s telah memecahkan satu cap dan beramal dengan apa yang ada di dalamnya. Kemudian beliau a.s telah memberikannya kepada al-Husain a.s, lalu beliau a.s telah memecahkan satu cap, lalu beliau a.s telah mendapati di dalamnya [tertulis]: Keluarlah bersama satu kumpulan kepada kesyahidan (*syahadah*), maka tiada syahadah bagi mereka melainkan bersama anda, juallah diri anda kepada Allah a.w, maka beliau a.s telah melakukannya.

Kemudian beliau a.s telah memberikannya kepada Ali bin al-Husain a.s, lalu beliau telah memecahkan satu cap, kemudian beliau telah mendapati di dalamnya [tertulis]: Rendahkanlah diri anda di dalam diam dan janganlah anda bercakap, tinggal di rumah anda dan sembahlah Tuhan anda sehingga kematian mendatangi anda. Maka beliau a.s telah melakukannya. Kemudian beliau telah memberikannya kepada anak lelakinya Muhammad bin Ali a.s, lalu beliau a.s telah memecahkan satu cap, lalu beliau telah mendapati di dalamnya: Bercakaplah kepada orang ramai, berilah fatwa kepada mereka dan janganlah anda takut melainkan Allah a.w kerana tiada jalan bagi seseorang (menyakiti) anda, maka beliau a.s telah melakukannya.

Kemudian beliau a.s telah memberikannya kepada anak lelakinya Ja'far a.s, lalu beliau a.s telah memecahkan satu cap, maka beliau a.s telah mendapati di dalam-nya: Bercakaplah kepada orang ramai, berilah fatwa kepada mereka, sibarlah ilmu Ahlu l-Bait anda, sokonglah bapa-bapa anda yang saleh, janganlah anda takut selain daripada Allah a.w dan anda adalah di dalam jagaan dan keamanan[Nya]. Maka beliau a.s telah melakukannya. Kemudian beliau telah memberikannya kepada anak lelakinya Musa a.s. Demikianlah Musa a.s memberikannya kepada orang selepasnya, demikianlah seterusnya sehingga kemunculan al-Mahdi a.s.

(312)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Ibn Ri'ab, daripada Dhurais al-Kunasi, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Humraan telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah pendapat anda tentang apa yang telah berlaku kepada Ali, al-Hasan, al-Husain, penentangan mereka, pendirian mereka dengan agama Allah dan apa yang dialami oleh mereka daripada pembunuhan mereka yang zalim terhadap mereka dan kemenangan [mereka] ke atas mereka sehingga mereka telah dibunuh dan dikalahkan? Abu Ja'far a.s telah berkata: Wahai Humaraan, sesungguhnya Allah telah menetap dan menentukan perkara tersebut [berlaku] ke atas mereka. Justeru, dengan ilmu yang diberitahu oleh Rasulullah s.a.w kepada mereka, maka Ali, al-

Hasan dan al-Husain telah berdiri dengan teguh dan dengan ilmulah mereka telah berdiam diri [tentangnya].

(313)-4. Al- Husain bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Harith bin Ja'far, daripada Ali bin Isma'il bin Yaqtin, daripada Isa bin al-Mustafad Abi Musa al-Dharir berkata: Musa bin Ja'far a.s telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Tidakkah Amir al-Mukminin a.s penulis wasiat (*katib al-Wasiyyah*), Rasulullah s.a.w melakukan imlak ke atasnya. Sementara Jibrail dan para malaikat yang terdekat telah menjadi saksi? Maka beliau a.s telah merendahkan kepalanya beberapa ketika, kemudian beliau a.s telah berkata: Wahai Abu al-Hasan, ia sebagaimana anda telah katakan, tetapi ketika perintah (tentang wasiat itu) telah turun kepada Rasulullah s.a.w, wasiat telah turun dari sisi Allah merupakan sebuah kitab yang dicapkan (*kitaban musajjalan*).

Jibrail telah menurunkannya bersama malaikat daripada Allah. Jibrail telah berkata: Wahai Muhammad, perintahkan supaya sesiapa di sisi anda supaya keluar melainkan wasi anda supaya beliau menerimanya daripada kami dan memanggil kami menjadi saksi di atas penyerahannya oleh anda kepadanya, menjamin bahawa ia adalah untuknya-Iaitu Ali a.s- maka Nabi s.a.w telah memerintahkan supaya mereka yang ada di rumahnya supaya keluar selain daripada Ali dan Fatimah a.s telah berada di antara langsir dan pintu. Jibrail a.s telah berkata: Wahai Muhammad, Tuhan anda memberi salam kepada anda dan berfirman: Ini adalah kitab yang Aku telah janjikan kepada engkau, Aku menurunkannya ke atas engkau, Aku telah menjadi saksi ke atasnya dan para malaikat-Ku telah menjadi saksi ke atas engkau dan cukuplah bagiKu, wahai Muhammad, menjadi saksi. Beliau a.s telah berkata: Sendi-sendi Nabi s.a.w mulai gementar, maka baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Jibrail, Tuhanku adalah keamanan, daripadaNyalah [datangnya] keamanan dan kepadaNyalah kembali[nya] keamanan.

Memang benar apa yang difirmankan oleh Allah a.w dan Dia menunaikan janji-Nya. Berilah kepadaku kitab itu, lalu Jibrail memberikannya kepadanya dan dia memerintahkannya supaya memberikannya kepada Amir al-Mukminin a.s, maka baginda s.a.w telah bersabda kepadanya: Bacalah, lalu beliau a.s membacanya satu huruf kepada satu huruf yang lain. Kemudian baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Ali, inilah janji Tuhanku kepadaku, Dia telah mengenakannya ke atasku dan ia adalah amanah-Nya. Aku telah menyampaikannya, aku telah menasihatinya dan aku telah melakukannya.

Maka Ali a.s telah berkata: Aku menjadi saksi kepada anda, [dengan bapaku, ibuku dan anda] dengan penyampaian itu, nasihat dan kebenaran di atas apa yang disabdakan oleh anda. Pendengaranku, penglihatanku, dagingku dan darahku menjadi saksi kepada anda. Maka Jibrail a.s telah berkata: Dan aku di kalangan mereka yang menjadi saksi kepada kamu berdua. Lantas Rasulullah s.a.w bersabda: Wahai Ali, adakah anda telah mengambil wasiatku, anda telah mengetahuinya, anda telah menjamin untuk Allah dan akan melaksankan apa yang ada di dalamnya? Ali a.s telah berkata: Ya, dengan bapaku, anda dan ibuku, aku menjaminnya dan semoga Allah menolongku dan memberi taufik kepadaku untuk melaksanakannya. Maka Rasulullah s.a.w telah bersabda: Wahai Ali, sesungguhnya aku mahu menjadi saksi ke atas anda di atas pelaksanaanku dengannya pada hari Kiamat.

Ali a.s telah berkata: Ya, persaksikanlah, maka Nabi s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya Jibrail dan Mikail hadir di antara aku dan anda sekarang, mereka berdua hadir bersama para malaikat yang terdekat supaya mereka menjadi saksi di atas anda. Maka beliau a.s telah berkata: Ya, biarlah mereka menjadi saksi dan aku- [bersumpah] dengan bapaku, anda dan ibu anda-aku pula menjadi saksi kepada mereka. Kemudian Rasulullah s.a.w telah menjadi saksi kepada mereka. Ini adalah di antara syarat yang dikenakan oleh Nabi s.a.w dengan perintah Jibrail a.s yang diperintahkan oleh Allah supaya baginda s.a.w bersabda kepadanya: Wahai Ali, anda sempurnakan persahabatan dengan mereka yang mewalikan Allah dan Rasul-Nya, penolakan dan permusuhan dengan mereka yang memusuhi Allah dan Rasul-Nya. Penolakan terhadap mereka dengan kesabaran daripada anda, memadamkan kemarahan di atas kehilangan hak anda, perampasan khumus anda dan pencabulan kehormatan anda?

Maka beliau a.s telah berkata: Ya, wahai Rasulullah. Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Demi Yang telah membelah bijian dan menciptakan jiwa, sesungguhnya aku telah mendengar Jibrail a.s berkata kepada Nabi s.a.w: Wahai Muhammad, beritahulah kepadanya bahawa kehormatannya akan dicabuli dan ia adalah kehormatan Allah dan Rasulullah s.a.w. Janggutnya akan berlumuran dengan darah dari kepalanya dengan banyak. Maka Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Aku telah terperanjat ketika aku memahami perkataan daripada Jibrail yang dipercayai sehingga aku telah berkata: Ya, aku telah menerimanya dan aku telah meredainya sekalipun kehormatan dicabuli, sunnah-sunnah dibekukan, Kitab dikoyakkan, Ka'bah diruntuhkan, janggutku akan berlumuran dengan darah dari kepalaku dengan banyak, aku bersabar, menghisab diri [ku] sehingga aku menghadapi anda (pada hari Kiamat).

Kemudian Rasulullah s.a.w telah memanggil Fatimah, al-Hasan dan al-Husain, melaporkannya kepada mereka sebagaimana baginda s.a.w telah melaporkannya kepada Amir al-Mukminin a.s. Kemudian mereka semua telah berkata sebagaimana kata-kata Ali a.s. Wasiat telah dicapkan dengan beberapa cap daripada emas yang tidak akan disentuhi api dan diberikan kepada Amir al-Mukminin a.s. Maka aku telah berkata kepada Abu al-Hasan a.s: Dengan bapaku, anda dan ibuku, adakah anda akan menyebut apa yang tertulis di dalam wasiat itu? Maka beliau a.s telah berkata: Sunnah-sunnah Allah dan sunnah-sunnah Rasul-Nya, maka aku telah berkata: Adakah di dalam wasiat itu ditulis tentang perebutan dan penentangan mereka terhadap Amir al-Mukminin a.s?

Beliau a.s telah berkata: Ya, demi Allah, sedikit demi sedikit, huruf demi huruf, tidakkah anda mendengar firman Allah: "*Sesungguhnya Kami menghidupkan mereka yang mati dan Kami menuliskan apa yang telah mereka kerjakan dan bekas-bekas yang mereka tinggalkan. Dan segala sesuatu Kami kumpulkan pada imam mubin*"?[42] Demi Allah, sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah bersabda kepada Amir al-Mukminin dan Fatimah a.s: Adakah kamu berdua telah memahami apa yang aku telah kemukakannya kepada kamu berdua dan kamu berdua telah menerimanya? Mereka berdua telah berkata: Ya, kami bersabar apa yang telah menyakiti kami dan membuatkan kami marah"

Dan mengikut naskhah al-Safwani ditambah:

(314)-5. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Abdullah bin 'Abd al-Rahman al-Assam, daripada Abi Abdillah al-Bazzaz, daripada Hariz berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, alangkah sedikit waktu kewujudan kamu Ahlu l-Bait (di dunia ini) dan ajal kamu yang paling dekat di antara kamu sedangkan orang ramai berhajat kepada kamu? Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya setiap orang daripada kami mempunyai mashaf yang dihajati olehnya untuk beramal dengannya pada masa hidupnya. Apabila berlalu padanya apa yang diperentahkan kepadanya, maka beliau mengetahui bahawa ajalnya telah tiba.

Maka Nabi s.a.w mendatanginya dan memberitahu kepadanya kedudukannya di sisi Allah. Sesungguhnya al-Husain a.s telah membaca mashafnya yang diberikan kepadanya dan ditafsirkan kepadanya kematiannya yang akan berlaku dan perkara-perkara yang belum dilaksanakannya. Maka beliau a.s telah keluar berperang, maka ia adalah di antara perkara yang belum berlaku. Malaikat telah memohon kepada Allah supaya menolongnya (al-Husain a.s), lalu Dia telah memberi keizinan kepada mereka. Justeru, mereka telah bersedia untuk

---

[42] Surah Yaa Siin (36): 12

berperang sehingga beliau a.s dibunuh, lalu mereka turun [ke bumi], tetapi masanya telah berakhir dan beliau a.s dibunuh.

Maka malaikat telah berkata: Wahai Tuhan, Engkau telah memberi keizinan kepada kami untuk turun [ke bumi] dan Engkau telah memberi keizinan kepada kami untuk menolongnya, lalu kami telah turun, tetapi Engkau telah mengambil nyawanya. Maka Allah mewahyukan kepada mereka: Tinggallah berhampiran kuburnya sehingga kamu melihatnya. Dan sesungguhnya beliau telah keluar berperang, maka tolonglah beliau dan tangisilah beliau di atas kegagalan kamu menolongnya. Sesungguhnya kamu dikhususkan untuk menolongnya dan menangis untuknya. Lantas malaikat menangis, sambil memberi takziah dan berdukacita kerana tidak menolongnya. Dan apabila beliau a.s keluar, mereka akan menjadi penolong-penolongnya"

Bab 62

☼Perkara-Perkara Yang Mewajibkan *Hujjah* Seorang Imam A.S (*al-Umuur al-Lati tujibu hujjata al-Imam a.s*)☼

(315)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Abi Nasr berkata: Aku telah berkata kepada Abu al-Hasan al-Ridha a.s: Apabila seorang imam mati, maka dengan apakah beliau mengetahui seorang imam selepasnya? Beliau a.s telah berkata: Imam mempunyai beberapa alamat, antaranya: Beliau adalah anak lelaki yang paling tua, mempunyai kelebihan dan wasiat. Justeru, mereka yang musafir akan berkata: Kepada siapakah polan telah memberi wasiat? Maka ia dijawab: Kepada polan dan senjata pada kami sepertilah kedudukan tabut pada Bani Israel, justeru, *imamah* adalah bersama senjata di mana ia berada"[43]

(316)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Yazid Syi'r, daripada Harun bin Hamzah, daripada 'Abd al-A'la berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Apakah hujah ke atas orang yang mendakwa [*imamah*] di dalam perkara ini? Beliau a.s telah berkata: Beliau mesti ditanya tentang halal dan haram. Perawi telah berkata: Beliau a.s telah datang kepadaku dan berkata: Tiga hujah yang tidak akan berhimpun pada seseorang melainkan beliau adalah pemilik yang sah di dalam perkara ini. Beliau hendaklah menjadi orang yang paling layak selepas orang sebelumnya. Beliau mempunyai senjata [Rasulullah s.a.w] di sisinya. Beliau hendaklah mempunyai

[43] Orang yang menjadi imam harus mempunyai senjata Rasulullah s.a.w sebagai bukti.

wasiat pada zahir. Apabila anda mendatangi satu bandar, orang ramai dan kanak-kanak akan bertanya: Kepada siapakah polan telah melantik penggantinya? Mereka akan berkata: Kepada polan bin polan.

(317)-3. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Hisyam bin Salim dan daripada Hafs bin al-Bakhtari, daripada Abu Abdillah a.s berkata: Ada orang berkata kepadanya: Dengan apakah seorang imam diketahui? Beliau a.s telah berkata: Dengan wasiat yang zahir dan kelebihan. Justeru, tiada seorangpun dapat mencari kesalahannya sama ada pada mulut, perut atau kemaluannya sehingga beliau berkata: Beliau adalah seorang pembohong, memakan harta orang ramai dan seumpamanya.

(318)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin Isma'il, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Mu'awiyah bin Wahab berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: Apakah alamat seorang imam selepas seorang imam? Beliau a.s telah berkata: Kesucian kelahiran (*taharah al-Wiladah*), didikan yang baik, tidak membuat sesuatu tanpa tujuan dan tidak membuat sesuatu untuk bermain-main"

(319)-5. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus, daripada Ahmad bin Umar, daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s, berkata: Aku telah bertanya kepadanya tentang bukti pemilik urusan ini, maka beliau a.s telah berkata: Bukti ke atasnya: Umur, kelebihan dan wasiat. Jika mereka yang musafir memasuki satu bandar, maka mereka telah berkata: Kepada siapakah polan telah melantik penggantinya? Akan dijawab: Polan bin polan dan pergilah bersama senjata di mana ia pergi. Adapun orang yang hanya memberi jawapan sahaja, maka beliau bukanlah *Hujjah.*

(320)-6. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Ahmad, daripada Abi Yahya al-Wasiti, daripada Hisyam bin Salim, daripada Abu Abdillah a.s [berkata]: Urusan (*imamah*) kepada yang berumur selama beliau tidak ada kecacatan.

(321)-7. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Abu Basir berkata: Aku telah berkata kepada Abu al-Hasan a.s : Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, dengan apakah seorang imam diketahui? Beliua telah berkata: Maka beliau a.s telah berkata: Dengan beberapa sifat keistimewaan: Pertamanya, ia telah datang daripada bapanya secara isyarat kepadanya supaya ia menjadi *Hujjah* ke atas mereka. Kedua: [Jika] beliau ditanya, beliau akan menjawabnya. Jika beliau tidak ditanya, beliau akan memulakannya. Ketiga: Beliau akan memberitahu apa yang akan berlaku besok. Keempat: Beliau boleh

bercakap kepada manusia dengan bahasa mereka (*bi-kulli lisan*). Kemudian beliau a.s telah berkata kepadaku: Wahai Abu Muhammad, aku akan memberi satu alamat sebelum anda berdiri. Tidak lama selepas itu, seorang lelaki daripada penduduk Khurasan telah datang kepada kami, maka lelaki itu telah bercakap kepadanya di dalam bahasa Arab, lalu Abu al-Hasan a.s telah menjawabnya di dalam bahasa Farsi. Lelaki dari Khurasan itu telah berkata kepadanya: Demi Allah, apakah yang menghalang aku dari bercakap di dalam dialek Khurasan, tetapi aku menyangka bahawa anda tidak mengetahuinya dengan baik.

Maka beliau a.s telah berkata: *Subhana llah*! Jika aku tidak dapat menjawab anda dengan baik, maka apakah kelebihan aku ke atas anda? Kemudian beliau a.s telah berkata kepadaku: Wahai Abu Muhammad, tiada percakapan seorang manusia atau seekor burung atau seekor binatang atau sesuatu yang ada nyawa tersembunyi daripada seorang imam. Justeru, sesiapa yang tidak mempunyai sifat-sifat ini, maka beliau bukanlah seorang imam".

Bab 63

☼Penerusan *Imamah* Pada Keturunan Dan Sesungguhnya Ia Tidak Biasa Berlaku Kepada Saudara Lelaki, Tidak Kepada Bapa Saudara Sebelah Bapa Atau Mana-Mana Keluarga Selain Daripada Mereka (*thabat al-Aimmatu fi- al-A'qaab wa-anna-ha la ta'awwadu fi akhin wa-la 'Ammin wa-la ghairi-hima min al-Qaraabaat*)☼

(322)-1. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus, daripada al-Husain bin Thuwair bin Abi Fakhitah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: *Imamah* pada dua orang saudara lelaki tidak biasa berlaku selepas al-Hasan dan al-Husain selama-lamanya. Sesungguhnya ia telah berlaku daripada Ali bin al-Husain a.s sebagaimana firman Allah: *"Mereka yang mempunyai hubungan kerabat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya (daripada yang bukan kerabat) di dalam Kitab Allah"*[44] Justeru, [*imamah*] tidak berlaku selepas Ali bin al-Husain a.s melainkan pada keturunan dan keturunan selepas keturunannya.

(323)-2. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Muhammad bin al-Walid, daripada Yunus bin Ya'qub, daripada Abu Abdillah a.s bahawa sesungguhnya beliau telah mendengarnya berkata:

[44] Surah al-Anfaal (8): 75

Sesungguhnya Allah enggan menjadikan *imamah* untuk dua saudara lelaki selepas al-Hasan dan al-Husain a.s.

(324)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin Isma'il bin Bazi', daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s bahawa beliau a.s ditanya: Bolehkah *imamah* pada bapa saudara sebelah bapa atau bapa saudara sebelah ibu? Beliau a.s telah berkata: Tidak, maka aku telah berkata: Bolehkah ia [berlaku] pada saudara lelaki? Beliau a.s telah berkata: Tidak, aku telah berkata: Kepada siapa? Beliau a.s telah berkata: Kepada anak-anak lelakiku-Pada masa itu beliau tidak mempunyai anak lelaki.

(325)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada 'Abd al-Rahman bin Abi Najran, daripada Sulaiman bin Ja'far al-Ja'fari, daripada Hammad bin Isa, daripada Abu Abdillah a.s bahawa beliau a.s telah berkata: *Imamah* tidak akan berhimpun pada dua orang saudara lelaki selepas al-Hasan dan al-Husain. Sesungguhnya ia berlaku pada keturunan dan keturunan selepasnya.

(326)-5. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ibn Abi Najran, daripada Isa bin Abdullah bin Umar bin Ali bin Abu Talib a.s, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Jika sesuatu berlaku kepada anda dan mudah-mudahan Allah tidak memperlihatkannya kepadaku, maka siapakah yang aku akan ikuti? Lantas beliau a.s memberi isyarat kepada anak lelakinya Musa. Aku telah berkata: Jika berlaku sesuatu kepada Musa, siapakah yang aku akan ikuti? Beliau a.s telah berkata: Anak lelakinya. Jika berlaku sesuatu kepada anak lelakinya dan beliau telah meninggalkan saudara lelaki yang tua atau anak lelaki yang masih kecil, siapakah yang aku akan ikuti? Beliau a.s telah berkata: Anak lelakinya, seorang demi seorang. Dan mengikut naskhah al-Safwani "beginilah seterusnya sehingga ke akhirnya".

Bab 64

☼Apa Yang Dinaskan Oleh Allah A.W Dan Rasul-Nya Ke Atas Para Imam A.S Seorang Selepas Seorang (*ma nassa llahu wa rasulu-hu 'ala al-Aimmati a.s waahidan fa-waahidan*)☼

(327)-1. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus dan Ali bin Muhammad, daripada Sahl Ibn Ziyad Abi Sa'id, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus, daripada Ibn Maskan,

daripada Abu Basir berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya dan Uli l-Amri di antara kamu*"[45] Maka beliau a.s telah berkata: Ayat ini telah diturunkan kepada Ali bin Abu Talib, al-Hasan dan al-Husain a.s. Aku telah berkata kepadanya: Sesungguhnya orang ramai telah berkata: Kenapakah Dia tidak menamakan Ali dan Ahlu l-Baitnya di dalam Kitab Allah a.w? Maka beliau a.s telah berkata: Katakanlah kepada mereka: Sesungguhnya sembahyang (*al-Salat*) telah diturunkan kepada Rasulullah s.a.w, tetapi Allah tidak menentukan tiga atau empat [rakaat] sehingga Rasulullah s.a.w telah mentafsirkannya untuk mereka.

Zakat telah diturunkan kepadanya, tetapi Dia tidak menamakan untuk mereka setiap empat puluh dirham adalah satu dirham (zakat) sehingga Rasulullah s.a.w yang mantafsirkannya untuk mereka. Begitu juga haji telah diturunkan, tetapi Dia tidak berfirman kepada mereka: Tawaflah selama satu minggu sehingga Rasulullah s.a.w mentafsirkannya untuk mereka. Dan telah turun firman-Nya: "*Taatilah Allah dan taatilah rasul-Nya dan uli l-Amri di antara kamu*"[46] -maka ia telah turun pada Ali, al-Hasan dan al-Husain- maka Rasulullah s.a.w telah bersabda pada Ali: "Siapa yang aku menjadi *maula*-nya, maka Ali adalah *maula*nya" Dan baginda s.a.w telah bersabda: Aku mewasiatkan kepada kamu dengan Kitab Allah dan keluargaku".

Sesungguhnya aku telah memohon kepada Allah a.w supaya tidak memisahkan di antara kedua-duanya sehingga kedua-duanya di bentangkan kepadaku di Haudh (kolam), maka Dia telah memberikan kepadaku ini dan bersabda: Janganlah kamu mengajar mereka kerana mereka lebih mengetahui daripada kamu. Dan baginda s.a.w telah bersabda lagi: Sesungguhnya mereka tidak akan mengeluarkan kamu dari pintu petunjuk dan mereka tidak akan memasukkan kamu pada pintu kesesatan.

Jika Rasulullah s.a.w tidak menerangkan siapakah keluarganya (Ahlu l-Bait), nescaya keluarga polan [47] dan keluarga polan[48] akan mendakwanya untuk mereka, tetapi Allah a.w telah menurunkannya di dalam Kitab-Nya untuk menyokong Nabi-Nya: "*Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu, wahai Ahlu l-Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya*"[49]Maka Rasulullah s.a.w telah memasukkan Ali, al-Hasan, al-Husain dan Fatimah a.s di bawah *al-Kisaa'* (kain berwarna hitam) di rumah Umm Salmah. Kemudian baginda s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya setiap nabi mempunyai *ahlan* (keluarga) dan *thiqalan* (perkara yang berharga).

---

[45] Surah al-Nisaaa' (4): 59
[46] Surah al-Nisaa' (4): 59
[47] Abu Bakr
[48] Umar
[49] Surah al-Ahzaab (33): 33

Mereka adalah *ahli* dan *thiqali.* Umm Salmah telah berkata: Tidakkah aku daripada keluargamu? Maka baginda s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya anda di dalam kebaikan,[50] tetapi mereka adalah keluargaku dan perkara yang berhargaku. Apabila Rasulullah s.a.w telah mati, Ali adalah orang yang paling layak di kalangan orang ramai kerana Rasulullah s.a.w telah menyampaikan [kebaikan] tentang dirinya dengan banyak. Justeru, baginda s.a.w telah membuatnya berdiri teguh di hadapan orang ramai dan memegang tangannya.

Apabila Ali mati, maka beliau a.s tidak mampu[51] untuk memasukkan Muhammad bin Ali atau al-'Abbas bin Ali atau mana-mana anaknya yang lain ke dalam(*imamah*). Jika tidak, nescaya al-Hasan dan al-Husain telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menurunkan [ayat] kepada kami sebagaimana Dia telah menurunkannya kepada anda (Ali a.s), lalu Dia telah memerintahkan supaya kami ditaati sebagaimana Dia telah memerintahkan supaya anda ditaati. Rasulullah s.a.w telah menyampaikan [risalah] kepada kami sebagaimana baginda s.a.w telah menyampaikannya kepada anda.

Dia telah menghilangkan daripada kami kotoran dosa sebagaimana Dia telah menghilangkannya daripada anda. Apabila Ali a.s mati, al-Hasan a.s adalah yang paling layak dengannya kerana faktor umurnya yang lebih tua. Apabia beliau a.s mati, beliau tidak mampu untuk memasukkan anaknya[52] dan beliau a.s telah tidak melakukannya. Allah telah berfirman: "*Mereka yang mempunyai hubungan kerabat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya*"[53]

Jika beliau a.s (al-Hasan a.s) telah melakukannya, nescaya al-Husain a.s telah berkata: Allah telah memerintahkan supaya aku ditaati sebagaimana Dia telah memerintahkan supaya anda ditaati dan bapa anda ditaati. Rasulullah s.a.w telah menyampaikannya padaku sebagaimana baginda s.a.w telah menyampaikannya pada anda dan pada bapa anda. Allah telah menghilangkan daripadaku kotoran dosa sebagaimana Dia telah menghilangkan kotoran dosa daripada anda dan bapa anda.

Apabila ia (*imamah*) telah sampai kepada al-Husain a.s, tiada seorangpun di kalangan keluarganya yang mampu menentangnya sebagaimana beliau a.s tidak mampu menentang *imamah* saudaranya (al-Hasan a.s) dan *imamah* bapanya (Ali a.s). Jikalaulah mereka berdua mahu mengubahnya daripadanya, nescaya mereka berdua tidak akan melakukannya. Apabila ianya berpindah kepada al-Husain a.s, maka takwil ayat ini: "*Mereka yang mempunyai hubungan kerabat itu*

---

[50] Doa Nabi s.a.w kepada Umm Salamah r.a

[51] Tidak dibenarkan melantik mereka yang tidak ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w sebagai para imam.

[52] Menjadikan anaknya seorang imam.

[53] Surah al-Anfaal (8): 75, Surah al-Ahzaab (33): 6

sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya di dalam Kitab Allah"[54]. Kemudian ianya telah berpindah selepas al-Husain a.s kepada Ali bin al-Husain a.s. Kemudian ia telah berpindah selepas Ali bin al-Husain kepada Muhammad bin Ali a.s. Beliau a.s telah berkata: *Al-Rijsu* (di dalam ayat) ialah syak, demi Allah, kami tidak syak terhadap Tuhan kami selama-lamanya.

* Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin Khalid dan al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya bin 'Imran al-Halabi, daripada Ayyub bin al-Hurr dan 'Imran bin Ali al-Halabi, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s mengenai hadis yang sama.

(328)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada bapanya, daripada Abdullah bin al-Mughirah, daripada Ibn Maskan, daripada 'Abd al-Rahim bin Ruh al-Qasir, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: "*Nabi itu adalah lebih utama bagi mereka yang mukmin dari diri mereka sendiri dan isteri-isterinya adalah ibu-ibu mereka. Dan mereka yang mempunyai hubungan darah satu sama lain lebih berhak di dalam Kitab Allah*"[55] Beliau a.s telah berkata: Ia telah diturunkan tentang kuasa pemerintahan (*al-Imrah*). Sesungguhnya ayat ini telah berlaku kepada anak-anak lelaki al-Husain a.s selepasnya. Justeru, kami adalah lebih utama dengan urusan pemerintahan dan dengan Rasulullah s.a.w daripada mukminin sama ada kaum Muhajirin atau Ansar. Maka aku ('Abd al-Rahim bin Ruh) telah berkata: Adakah anak-anak Ja'far (bin Abu Talib) mempunyai bahagian di dalamnya?

Beliau a.s telah berkata: Tidak, aku telah berkata: Adakah anak-anak al-'Abbas mempunyai bahagian di dalamnya? Maka beliau a.s telah berkata: Tidak, lalu aku menyebut beberapa kabilah anak-anak 'Abd al-Muttalib, semuanya beliau a.s telah berkata: Tidak, beliau ('Abd al-Rahim) telah berkata: Aku telah terlupa[bertanya] tentang anak-anak al-Hasan a.s, lalu aku telah pergi kepadanya lagi, maka aku telah berkata kepadanya: Adakah anak-anak al-Hasan mempunyai bahagian di dalamnya? Maka beliau a.s telah berkata: Tidak, demi Allah, wahai 'Abd al-Rahim, tiada seorangpun yang ada hubungan dengan Muhammad mempunyai bahagian di dalamnya selain daripada kami (*ma li-Muhammadiyyin fi-ha nasib ghairu-na*).

(329)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Muhammad al-Hasyimi, daripada bapanya, daripada Ahmad bin Isa,

---

[54] Surah al-Anfaal (8): 75, Surah al-Ahzaab (33): 6
[55] Surah al-Ahzaab (33): 6

daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Sesungguhnya wali kamu adalah Allah dan Rasul-Nya dan mereka yang beriman*"[56] Beliau a.s telah berkata: Ia dimaksudkan dengan "yang paling utama daripada kamu" atau "yang paling berhak daripada kamu" di dalam semua urusan sama ada diri kamu atau harta kamu. "*Allah dan Rasul-Nya dan mereka yang beriman*" dimaksudkan dengan Ali dan anak-anak lelakinya a.s sehingga hari Kiamat.

Kemudian Allah telah menceritakan tentang mereka di dalam firman-Nya: "*Mereka yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat di dalam keadaan rukuk*" Amir al-Mukminin a.s [pada ketika itu] sedang melakukan dua rakaat sembahyang Zuhur di dalam keadaan rukuk, memakai pakaian yang bernilai seribu dinar. Sesungguhnya Nabi s.a.w telah memakaikannya kepadanya. Al-Najjasyi telah menghadiahkannya kepadanya. Tiba-tiba seorang peminta sedekah telah datang, lalu berkata: *As-salamu 'alaika ya, waiyyu llah*, yang lebih utama dengan mukminin daripada diri mereka sendiri, berilah sedekah kepada orang miskin, lantas beliau a.s mencampakkan pakaiannya dan memberi isyarat dengan tangannya kepadanya supaya beliau mengambilnya: Kemudian Allah telah menurunkan ayat ini padanya dan menjadikan nikmat anak-anaknya dengan nikmatnya (Ali a.s) kepada semua anak-anaknya yang telah sampai martabat *imamah* sepertinya. Justeru, mereka bersedekah di dalam keadaan rukuk. Adapun peminta sedekah itu adalah di kalangan malaikat dan mereka yang bertanya para imam daripada anak-anaknya adalah di kalangan para malaikat.

(330)-4. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Umar bin Udhainah, daripada Zurarah, al-Fudhail bin Yasar, Bukair bin A'yan, Muhammad bin Muslim, Buraid bin Mu'awiyah dan Abi al-Jarud semuanya daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Allah telah memerintahkan Rasul-Nya dengan wilayah Ali dan Dia telah menurunkan ke atasnya firman-Nya: "*Sesungguhnya wali kamu adalah Allah dan Rasul-Nya dan mereka yang beriman yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat*"[57] Dia telah memfardukan wilayah *uli al-Amr* sekalipun mereka tidak memahaminya. Justeru, Allah telah memerintahkan Muhammad s.a.w supaya menjelaskan kepada mereka tentang wilayah (*an ufassira la-hum al-Wilayah*) sebagaimana baginda s.a.w telah menjelaskan kepada mereka tentang sembahyang, puasa dan haji. Apabila ianya datang kepadanya daripada Allah, maka Rasulullah s.a.w telah menjadi cemas dan khuatir mereka akan menjadi murtad daripada agama mereka dan membohonginya pula.

---

[56] Surah al-Ma'idah (5): 55
[57] Surah al-Ma'idah (5): 55

Maka baginda s.a.w telah menjadi cemas, lalu merujukkannya kepada Tuhannya, lantas Allah mewahyukan kepadanya firman-Nya: "*Wahai Rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Dan jika tidak kamu kerjakan, kamu tidak menyampaikan amanat-Nya. Allah memelihara kamu dari (gangguan) manusia*"[58] Maka baginda s.a.w telah menerima perintah Allah, lalu mengukuhkan wilayah Ali a.s di Ghadir Khumm dengan menyeru orang ramai supaya dilakukan sembahyang secara berjemaah dan memerintahkan mereka yang menyaksikan[nya] supaya memberitahukannya kepada mereka yang tidak hadir-Umar bin Udhainah berkata: Semuanya telah berkata demikian selain daripada Abi al-Jarud-Abu Ja'far a.s telah berkata: Fardu diturunkan selepas fardu yang lain dan *al-Wilayah* adalah fardu yang terakhir [diturunkan].

Maka Allah a. w telah menurunkan firman-Nya: "*Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu dan telahKu cukupkan kepadamu nikmat-Ku*"[59] Abu Ja'far a.s telah berkata: Allah a.w telah berfirman: Aku tidak akan menurunkan [fardu] lagi ke atas kamu selepas fardu ini. Sesungguhnya Aku telah menyempurnakan fardu-fardu untuk kamu"

(331)-5. Ali bin Ibrahim, daripada Salih bin al-Sindi, daripada Ja'far bin Basyir, daripada Harun bin Kharijah, daripada Abu Basir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Aku telah duduk di sisisnya, tiba-tiba seorang lelaki telah berkata kepadanya: Ceritakan kepadaku tentang wilayah Ali, adakah ia daripada Allah atau Rasul-Nya? Lantas beliau a.s menjadi marah, kemudian berkata: Alangkahkah dukacitanya anda, Rasulullah s.a.w adalah lebih takut kepada Allah dari berkata apa yang tidak diperintahkannya oleh Allah. Maka Allah telah memfardukannya sebagaimana Dia telah memfardukan sembahyang, zakat, puasa dan haji.

(332)-6. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad dan Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Isma'il bin Bazi', daripada Mansur bin Yunus, daripada Abi al-Jarud, daripada Abi Ja'far a.s, berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Allah telah memfardukan ke atas hamba-hamba-Nya lima fardu: Mereka telah mengambil empat dan meninggalkan satu. Aku telah berkata: Namakan mereka kepadaku, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, maka beliau a.s telah berkata: Sembahyang, orang ramai tidak mengetahui bagaimana mereka melakukan sembahyang, lalu Jibrail a.s turun dan berkata: Wahai Muhammad, beritahulah kepada mereka tentang waktu-waktu sembahyang mereka.

---

[58] Surah al-Ma'idah (5): 67
[59] Surah al-Ma'idah (5): 3

Kemudian zakat diturunkan, maka dia berkata: Wahai Muhammad, beritahu kepada mereka tentang zakat mereka sebagaimana anda telah memberitahu kepada mereka tentang sembahyang mereka. Kemudian puasa diturunkan, Rasulullah s.a.w pada hari 'Asyura, telah mengirim mesej kepada kampung-kampung di sekelilingnya, lalu mereka berpuasa pada hari itu. Kemudian datang bulan Ramadan di antara Sya'ban dan Syawwal. Kemudian haji diturunkan, maka Jibrail turun dan berkata: Beritahu mereka tentang haji mereka sebagaimana anda telah memberitahu kepada mereka tentang sembahyang, zakat dan puasa mereka. Kemudian turun pula *al-Wilayah.* Sesungguhnya ia datang kepadanya pada hari Jumaat di 'Arafah, Allah telah menurunkan firman-Nya: "*Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu dan telahKu cukupkan kepadamu nikmat-Ku*"[60] Kesempurnaan agama adalah dengan wilayah Ali bin Abu Talib a.s, maka Rasulullah s.a.w bersabda: Umatku baru sahaja dengan zaman jahiliah dan apabila aku memberitahu kepada mereka dengan ini (wilayah) untuk sepupuku, orang akan berkata itu dan orang lain pula akan berkata ini-

Maka aku telah berkata pada diriku tanpa lidahku bercakap- Maka keputusan muktamad telah datang daripada Allah a.w memberi ancaman kepadaku jika aku tidak menyampaikannya, Dia akan mengazabku, maka turunlah firman-Nya: "*Wahai Rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Dan jika tidak kamu kerjakan, kamu tidak menyampaikan amanat-Nya. Allah memelihara kamu dari (gangguan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada mereka yang kafir*"[61]

Maka Rasulullah s.a.w telah mengambil tangan Ali a.s, lalu bersabda: Wahai manusia, tiada seorang nabi di kalangan para nabi sebelumku melainkan Allah telah memanjangkan umurnya. Kemudian Dia memanggilnya, lalu beliau menyahuti panggilan-Nya. Aku hampir dipanggil, maka aku akan menyahutinya, aku bertanggung–jawab dan kamu juga bertanggung-jawab, apakah kamu akan berkata? Mereka berkata: Kami naik saksi bahawa anda telah menyampaikan [apa yang anda wajib menyampaikannya], anda telah memberi nasihat dan anda telah menunaikan apa yang diwajibkan ke atas anda, semoga Allah memberi kepada anda ganjaran yang paling baik di kalangan para rasul. Maka baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Tuhanku, persaksikanlah-tiga kali-Kemudian baginda s.a.w telah bersabda lagi: Wahai golongan muslimin, ini (Ali) adalah wali kamu selepasku, maka hendaklah orang yang menjadi saksi di kalangan kamu menyampaikannya kepada orang yang tidak hadir"

[60] Surah al-Ma'idah (5): 3
[61] Surah al-Ma'idah (5): 67

Abu Ja'far a.s telah berkata: Demi Allah, Ali adalah orang yang dipercayai oleh Allah ke atas makhluk-Nya, perintah-Nya yang tidak dapat dilihat dan agama-Nya yang diredai untuk diri-Nya. Kemudian Rasulullah s.a.w apabila hampir hari kematiannya, memanggil Ali dan bersabda: Wahai Ali, sesungguhnya aku mahu memberi amanah kepada anda sebagaimana Allah telah memberi amanah-Nya kepadaku tentang ghaib-Nya, ilmu-Nya, agama-Nya, makhluk-Nya dan agama-Nya yang diredaiNya untuk diri-Nya, demi Allah, wahai Ziyad, Dia tidak berkongsi dengan sesiapapun daripada makhluk-Nya. Kemudian apabila Ali hampir kematiannya, maka beliau a.s telah memanggil anak-anak lelakinya, bilangan mereka adalah dua belas orang, maka beliau a.s telah berkata kepada mereka: Wahai anak-anakku, sesungguhnya Allah a.w telah enggan kecuali Dia menjadikan padaku sunnah Ya'qub.

Sesungguhnya Ya'qub telah memanggil dua belas orang anak lelakinya, lalu beliau memberitahu kepada mereka tentang seorang yang mempunyai kuasa. Sesungguhnya aku memberitahu kepada kamu tentang seorang yang mempunyai kuasa di kalangan kamu, sesungguhnya dua orang ini adalah dua anak lelaki Rasulullah s.a.w; al-Hasan dan al-Husain a.s. Justeru, dengarlah kepada mereka berdua, taatilah mereka berdua dan sokonglah mereka berdua. Sesungguhnya aku telah memberi amanah kepada mereka berdua sebagaimana Rasulullah s.a.w telah memberi amanahnya kepadaku. Ia adalah amanah yang diberikan oleh Allah kepadanya di kalangan makhluk-Nya, ghaib-Nya dan agama-Nya yang diredai. Maka Allah mewajibkan ke atas mereka berdua apa yang diwajibkannya ke atas Ali a.s daripada Rasulullah s.a.w.

Tiada kelebihan seorang ke atas sahabatnya melainkan dari sudut umurnya sahaja. Apabila al-Hasan datang di dalam sesuatu majlis, al-Husain a.s tidak bercakap sehingga al-Hasan a.s pergi. Apabila al-Hasan hampir kematiannya, maka beliau a.s menyerahkannya *(imamah)* kepada al-Husain a.s. Kemudian apabila al-Husain hampir kematiannya, maka beliau a.s memanggil anak perempuanya yang paling tua Fatimah binti al-Husain a.s, lalu beliau a.s menyerahkan kepadanya kitab (surat) yang mengandungi wasiatnya yang zahir. Ali bin al-Husain a.s ketika itu sedang sakit gastrik. Mereka menyangka beliau akan mati [kerana penyakitnya]. Maka Fatimah telah menyerahkan kitab itu kepada Ali bin al-Husain, kemudian kitab itu, demi Allah, telah sampai kepada kami.

* Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Muhammad bin Isma'il bin Bazi', daripada Mansur bin Yunus, daripada Abi al-Jarud, daripada Abu Ja'far tentang hadis yang sama.

(333)-7. Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Muhammad bin Isa, daripada Safwan bin Yahya, daripada

Sabah al-Azraq, daripada Abu Basir berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: Sesungguhnya seorang lelaki dari fahaman al-Mukhtariyyah[62] telah berjumpa denganku, maka dia telah menyangka bahawa Muhammad bin al-Hanafiyyah adalah seorang imam, lantas Abu Ja'far a.s menjadi marah, kemudian beliau a.s telah berkata: Kenapa anda tidak berkata sesuatu kepadanya? Aku telah berkata: Tidak, demi Allah, aku tidak mengetahui apa yang aku katakannya, beliau a.s telah berkata: Kenapa anda tidak berkata kepadanya: Bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mewasiatkan kepada Ali, al-Hasan dan al-Husain.

Apabila Ali mati, maka beliau a.s telah mewasiatkan kepada al-Hasan dan al-Husain. Jika beliau (Ali) mengetepikan mereka berdua daripada *imamah*, nescaya mereka berdua akan berkata: Kami berdua adalah wasi seperti anda, tetapi beliau a.s tidak melakukannya. Dan al-Hasan telah mewasiatkan kepada al-Husain. Jika beliau mengetepikannya daripada *imamah*, nescaya beliau (al-Husain) berkata: Aku adalah wasi seperti anda daripada Rasulullah s.a.w dan daripada bapaku, tetapi beliau a.s tidak melakukannya. Allah berfirman: "*Mereka yang mempunyai hubungan kerabat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya*"[63]

[62] Mukhtar bin Abu 'Ubaid al-Thaqafi, seorang ketua yang menuntut bela atas kematian al-Husain bin Ali di Karbala'.
[63] Surah al-Anfaal (8): 75, Surah al-Ahzaab (33): 6

Bab 65

☼Isyarat Dan Nas Ke Atas Amir al-Mukminin A.S (*al-Isyarat wa al-Nas 'ala Amir al-Mu'minin a.s*)☼

(334)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Isma'il, daripada Mansur bin Yunus, daripada Zaid bin al-Jahm al-Hilali, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Manakala turunnya wilayah Ali bin Abu Talib a.s, maka di antara sabda Rasulullah s.a.w: Berilah salam kepada Ali dengan gelaran Amir al-Mukminin, wahai Zaid, antara perkara-perkara yang disokong oleh Allah ke atas mereka berdua[64] pada hari itu ialah sabda Rasulullah s.a.w kepada mereka berdua: Berdirilah dan berilah salam kepadanya (Ali a.s) dengan gelaran Amir al-Mukminin (*qumaa fa-sallimaa 'alai-hi bi-imrat al-Mu'minin*), lalu mereka berdua berkata: Adakah ia daripada Allah dan Rasul-Nya, wahai Rasulullah? Rasulullah s.a.w bersabda kepada mereka berdua: Daripada Allah dan Rasul-Nya. Maka Allah a.w telah menurunkan firman-Nya: "*Dan janganlah kamu membatalkan sumpah-sumpah [mu] itu, sesudah meneguhkannya, sedang kamu telah menjadikan Allah sebagai saksimu. Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu perbuat*"[65]

Apa yang dimaksudkan dengan ayat ini adalah sabda Rasulullah s.a.w kepada mereka berdua dan kata-kata mereka berdua adakah ia daripada Allah dan daripada Rasul-Nya "*Janganlah kamu seperti seorang perempuan yang menguraikan benangnya yang sudah dipintal dengan kuat, menjadi cerai berai kembali, kamu menjadikan sumpahmu sebagai alat penipu di antaramu disebabkan adanya* (para imam yang lebih cerdik (*azkaa*) dari para imam kamu)[66]. Beliau (perawi) berkata: Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, para imam (*aimmah*)? Beliau a.s telah berkata: Ya, demi Allah, para imam, aku telah berkata: Kami membaca *arba*[67], lalu beliau a.s telah berkata: Apakah itu *arba*?

---

[64] Abu Bakr dan Umar

[65] Surah al-Nahl (16):91

[66] *Aimmatun hiya azkaa min aimmati-kum* Ertinya: Para imam yang lebih cerdik daripada para imam kamu. Tetapi di dalam al-Qur'an sekarang dibaca "*ummatun hiya arbaa min ummatin*" Ertinya: Satu golongan yang lebih banyak jumlahnya dari yang lain. Muslim, *Sahih*, hlm. 726 meriwayatkan bahawa Abu Musa al-Asy'ari membaca selepas Surah al-Saf (61): 2 "*fatuktabu syahadatan fi a'naaqi-kum...*" tetapi ia tidak ada di dalam al-Qur'an sekarang.

[67] Di dalam al-Qur'an sekarang disebut *arbaa* bukan *azkaa.*

Beliau a.s telah memberi isyarat dengan tangannya, lalu menolaknya-*Sesungguhnya Allah hanya menguji kamu dengannya* (Iaitu dengan Ali a.s). *Sesungguhnya pada hari Kiamat akan dijelaskanNya apa yang dahulu kamu perselisihkan itu. Dan kalau Allah menghendaki, nescaya Dia menjadikan kamu satu umat, tetapi Dia menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi petunjuk siapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesungguhnya kamu akan ditanya tentang apa yang telah kamu kerjakan. Dan janganlah kamu menjadikan sumpah-sumpahmu sebagai alat menipu di antaramu yang menyebabkan tergelincir kaki(mu) selepas kokoh tegaknya* (Iaitu selepas sabda Rasulullah s.a.w kepada Ali a.s) *dan kamu rasakan kemelaratan (di dunia) kerana kamu menghalangi (manusia) dari jalan Allah* (Iaitu Ali a.s) *dan bagimu azab yang besar*"[68]

(335)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain dan Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu Hamzah al-Thumali, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Apabila Muhammad s.a.w [hampir] menamatkan kenabiannya dan menyempurnakan hari-harinya, Allah mewahyukan kepadanya: Wahai Muhammad, sesungguhnya kamu telah menamatkan kenabianmu dan menyempurnakan hari-harimu, maka jadilah ilmu yang ada di sisimu, iman, *al-Ism al-Akbar* (nama yang paling besar), warisan ilmu, bukti-bukti ilmu kenabian pada keluargamu; di sisi Ali bin Abu Talib. Sesungguhnya Aku tidak akan memutuskan ilmu, iman, *al-Ism al-Akbar*, warisan ilmu dan bukti-bukti ilmu kenabian daripada keturunmu sebagaimana Aku tidak memutuskannya daripada zuriat-zuriat para nabi [terdahulu].

(336)-3. Muhammad bin al-Husain dan lain-lain, daripada Sahl, daripada Muhammad bin Isa dan Muhammad bin Yahya dan Muhammad bin al-Husain bersama, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Isma'il bin Jabir dan 'Abd al-Karim bin 'Umru, daripada 'Abd al-Hamid bin Abi Dailam, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Musa telah mewasiatkan kepada Yusya' bin Nun dan Yusya' bin Nun telah mewasiatkan kepada anak lelaki Harun.

Beliau a.s tidak mewasiatkan kepada anak lelakinya begitu juga beliau a.s tidak mewasiatkan kepada anak lelaki Musa. Sesungguhnya Allah mempunyai pilihan, Dia memlilih siapa yang Dia kehendaki. Musa dan Yusya' telah memberi khabar gembira kepada al-Masih a.s. Apabilla Allah a.w mengutus al-Masih a.s, maka al-Masih a.s telah berkata kepada mereka: Sesungguhnya akan datang selepasku seorang nabi, namanya Ahmad daripada anak-anak Isma'il a.s, beliau akan datang untuk menyokong kebenaranku, kebenaran kamu dan akan

[68] Surah al-Nahl (16): 92-94

membersihkan tuduhan terhadapku dan terhadap kamu. Kemudian ia telah berlaku selepasnya kepada pengikut-pengikutnya yang setia (*al-Hawariyyin al-Mustahfiziin*).

Sesungguhnya mereka dinamakan *al-Mustahfiziin* kerana mereka menjaga dengan setia *al-Ism al-Akbar* iaitu kitab yang menceritakan semua ilmu yang berada di sisi para nabi a.s. Allah berfirman: "*Sesungguhnya Kami telah mengutus para rasul sebelum kamu dan kami telah menurunkan bersama mereka Kitab dan Mizan*"[69] Kitab itu adalah *al-Ism al-Akbar* untuk membezakannya dengan apa yang didakwa bahawa Kitab itu adalah Taurah, Injil dan Furqaan. Di dalamnya kitab Nuh, kitab Saleh, Syu'aib dan Ibrahim a.s. Maka Allah a.w telah menceritakan: "*Sesungguhnya ini benar-benar terdapat di dalam kitab-kitab yang dahulu, iaitu kitab-kitab Ibrahim dan Musa*"[70] Di manakah mashaf Ibrahim, sesungguhnya mashaf Ibrahim adalah *al-Ism al-Akbar* dan mashaf Musa adalah *al-Ism al-Akbar.* Wasiat sentiasa berada di sisi seorang alim selepas seorang alim sehingga mereka memberikannya kepada Muhammad s.a.w.

Manakala Allah mengutus Muhammad s.a.w, maka keturunan al-Hawariyyun yang setia telah menerimanya, sementara Banu Israil membohonginya, lalu baginda s.a.w telah berdoa kepada Allah dan berjuang pada jalan-Nya. Kemudian Allah menurunkan ke atasnya bahawa Dia telah memberitahu kelebihan wasi anda, maka baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Tuhan, Arab adalah bangsa yang liar. Tiada kitab di kalangan mereka, nabi tidak diutus kepada mereka. Justeru, mereka tidak mengetahui kelebihan para nabi a.s dan kemuliaan mereka dan mereka tidak beriman denganku jika aku menceritakan kepada mereka tentang kelebihan keluargaku, maka Allah a.w telah berfirman: "*Janganlah kamu berdukacita ke atas mereka*"[71] "*Dan katalah: Salam". Kelak kamu akan mengetahui*"[72] Kemudian baginda s.a.w telah menyebut kelebihan wasinya, maka nifak telah berlaku di dalam hati mereka.

Rasulullah s.a.w telah mengetahui apa yang mereka ucapkan. Allah berfirman: Wahai Muhammad! "*Dan Kami sungguh-sungguh mengetahui bahawa dadamu menjadi sempit disebabkan apa yang mereka ucapkan*"[73] "*Kerana mereka sebenarnya bukan mendustakan kamu,*

---

[69] Di dalam al-Qur'an di sebut "*Sesungguhnya Kami telah mengutus para rasul kami dengan ketangan-keterangan dan Kami telah menurunkan bersama mereka Kitab dan Mizan*" Surah al-Hadiid (57): 25. Al-Majlisi meriwayatkan bahawa hadis ini adalah *dha'if* di dalam *Mar'aat al-'Uquul,* 111, hlm.270.

[70] Surah al-A'laa (87): 18-19

[71] Surah al-Hajr (15): 88

[72] Surahal-Zukhruf (43):89. Di dalam al-Qur'an disebut "*saufa ya'lamuun*".

[73] Surah al-Hijr (15: 97

tetapi mereka yang zalim itu mengingkari ayat-ayat Allah"[74] Mereka mengingkarinya tanpa hujah, tetapi Rasulullah s.a.w pernah menjinak-jinakkan mereka dan mengambil mereka sebagai penolong ke atas sebahagian mereka. Baginda s.a.w sentiasa memberitahu kepada mereka tentang kelebihan wasinya sehingga turunnya surah ini. Baginda s.a.w telah berhujah ke atas mereka ketika diberitahu tentang kematiannya, lalu Allah berfirman: "*Maka apabila kamu telah selesai, kerjakanlah dengan sungguh-sungguh (lantiklah dan hanya kepada Tuhanmulah hendaknya kamu berharap*"[75]

Beliau a.s telah berkata: Apabila kamu selesai, maka lantiklah tandamu (Ali a.s) dan iklankan wasimu (*idha faragh-ta fansib 'alama-ka wa a'lin wasiyya-ka*). Justeru, baginda s.a.w telah memberitahu kepada mereka kelebihannya secara terang-terang, maka baginda s.a.w telah bersabda: Siapa yang aku telah menjadi walinya, maka Alilah walinya, wahai Tuhanku, hormatilah mereka yang mewalikannya, dan tentangilah mereka yang memusuhinya-tiga kali- Kemudian baginda s.a.w telah bersabda: Aku akan mengutus seorang lelaki yang mencintai Allah dan Rasul-Nya sementara Allah dan Rasul-Nya pula mencintainya, beliau bukanlah seorang lelaki yang telah melarikan diri (dalam peperangan), mengatakan para sahabatnya pengejut, tetapi para sahabatnya pula mengatakannya pengecut[76] Rasulullah s.a.w bersabda: Ali adalah penghulu mukminin".

Baginda s.a.w juga telah bersabda: Ali adalah tiang agama". Baginda s.a.w juga bersabda: Ini adalah seorang yang akan memukul manusia dengan pedang kerana kebenaran selepasku". Baginda s.a.w juga berkata: Kebenaran adalah bersama Ali yang mana saja beliau cenderung". Baginda s.a.w juga berkata: Sesungguhnya aku tinggalkan kepadamu dua perkara, jika kamu mengambil kedua-duanya, maka kamu sekali-kali tidak akan sesat: Kitab Allah a.w dan keluargaku, *itrah*ku", wahai manusia, dengarlah, sesungguhnya aku telah menyampaikannya, kamu akan datang kepadaku di Kolam (*al-Haudh*), maka aku akan bertanya kepada kamu apakah yang kamu telah buat kepada dua perkara yang berharga (*al-Thaqalain*) itu.

Dan *al-Thaqalaani*: Adalah Kitab Allah a.w dan keluargaku. Justeru, janganlah kamu mendahului mereka, nescaya kamu akan binasa dan janganlah kamu mengajar mereka kerana mereka lebih mengetahui daripada kamu" Lantaran itu, hujah telah berlaku dengan sabda Nabi s.a.w dan dengan Kitab yang dibaca oleh manusia. Baginda s.a.w sentiasa mengemukakan kelebihan keluarganya di dalam sabda-

---

[74] Surah al-An'aam (6):33
[75] Surah al-Insyiraah (94): 7-8. Di dalam al-Qur'an disebut *fa-nsab*. Ertinya: Kerjalah dengan sungguh-sungguh. Jika dibaca *fan-sib*, ertinya: Lantiklah.
[76] Sindiran kepada Abu Bakr dan Umar yang telah melarikan diri di dalam peperangan.

sabdanya dan menerangkannya kepada mereka dengan al-Qur'an: "*Sesungguhnya Dia mahu menghilangkan kotoran dosa daripada kamu Ahlul Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya*"[77] Dia telah berfirman: "*Ketahuilah, sesungguhnya apa saja yang dapat kamu peroleh daripada sesuatu, maka sesungguhnya seperlima untuk Allah, Rasul, kerabat*"[78] Kemudian Dia telah berfirman: "*Dan berikanlah akan keluarga-keluarga yang terdekat akan haknya*"[79]

Inilah kedudukan Ali dan haknya adalah wasiat yang dijadikan untuknya, *al-Ism al-Akbar*, warisan ilmu, bukti-bukti ilmu kenabian, maka Dia telah berfirman: "*Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upahpun atas seruanku kecuali kasih sayang di dalam kekeluargaan*"[80] Kemudian Dia telah berfirman: "*Apabila kasih sayang ditanya (wa idha al-Mawaddatu su'ilat) kerana dosa apakah ia dibunuh*"[81] Allah berfirman: Aku akan bertanya kamu tentang kasih sayang (*al-Mawaddah*) yang Aku telah turunkannya ke atas kamu tentang kelebihannya, kasih sayang kekeluargaan, kerana dosa apakah kamu telah membunuh mereka. Dia telah berfirman: "*Maka bertanyalah kepada Ahli al-Zikr, jika kamu tidak mengetahui*"[82]

Abu Abdillah a.s telah berkata: *Al-Kitab* adalah *al-Zikr* dan ahlinya adalah keluarga Muhammad s.a.w. Allah a.w telah memerintahkan supaya bertanya kepada mereka dan mereka tidak diperintahkan untuk bertanya kepaqda mereka yang bodoh. Allah telah menamakan al-Qur'an sebagai *zikran* (peringatan) di dalam firman-Nya: "*Dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka berfikir*"[83] Dan Allah berfirman: "*Sesungguhnya al-Qur'an itu benar-benar adalah suatu kemuliaan besar bagimu dan bagi kaummu dan kelak kamu akan diminta pertanggung-jawab*"[84] Dan Dia telah berfirman: "*Wahai mereka yang beriman, taatilah Allah, taatilah Rasul [Nya] dan uli al-Amri daripada kamu*"[85]. Dan Dia telah berfirman: "*Dan kalau mereka menyerahkannya kepada Rasul dan uli al-Amri di antara mereka, tentulah mereka yang ingin mengetahui kebenarannya, mengetahuinya dari mereka*"[86] Justeru,

---

[77] Surah al-Ahzaab (33): 33
[78] Surah al-Anfaal (8): 41
[79] Surah al-Israa' (17): 26
[80] Surah al-Syura (42): 23
[81] Surah al-Takwiir (81): 8-9. Di dalam al-Qur'an disebut dengan perkataan " *al-Maudatu*" yang bererti anak perempuan. Sementara perkataan "*al-Mawaddatu*" bererti: Kasih sayang.
[82] Surah al-Nahl (16): 43
[83] Surah al-Nahl (16): 44
[84] Surah al-Zukhruf (43): 44
[85] Surah al-Nisa' (4): 59
[86] Surah al-Nisaa' (4): 83

Dia telah mengembalikan urusan-urusan manusia kepada *uli al-Amri* daripada mereka yang diperintahkan supaya mentaati mereka dan merujukkan (urusan) kepada mereka. Apabila Rasulullah s.a.w telah kembali dari haji *Wida'*, Jibrail a.s telah turun ke atasnya dan berkata: "*Wahai Rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Dan jika tidak kamu kerjakan, kamu tidak menyampaikan amanat-Nya.*

Allah memelihara kamu dari (gangguan) manusia, sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang ingkar"[87] Baginda s.a.w telah menyeru orang ramai, lalu mereka berkumpul dan baginda s.a.w telah memerintahkan supaya pokok yang berduri [di hadapannya] dibersihkan. Kemudian baginda s.a.w telah bersabda: Wahai manusia, siapakah wali kamu dan orang yang lebih utama bagi kamu daripada diri kamu? Mereka berkata: Allah dan Rasul-Nya, maka baginda s.a.w telah bersabda: Siapa yang aku telah menjadi walinya, maka Ali adalah walinya, wahai Tuhanku, hormatilah orang yang mewalikannya dan musuhilah orang yang memusuhinya- tiga kali-Lalu duri-duri nifak telah menyusuk hati orang ramai dan mereka berkata: Allah tidak pernah menurunkan ini ke atas Muhammad, baginda s.a.w tidak mahu selain untuk mengangkat ketiak sepupunya.

Apabila baginda s.a.w telah tiba di Madinah, maka kaum Ansar telah datang kepadanya dan mereka berkata: Sesungguhnya Allah a.w telah membuat baik kepada kami dan Dia telah memuliakan kami dengan anda dan keberadaan anda di sisi kami. Sesungguhnya Allah telah menggembirakan sahabat kami dan mendukacitakan musuh kami, beberapa rombongan datang kepada anda, tetapi anda tidak memberi sesuatu kepada mereka, lalu musuh bergembira dengan memandang rendah kepada anda.

Justeru, kami suka anda mengambil satu pertiga harta-harta kami sehingga jika rombongan dari Makkah datang kepada anda, maka anda ada sesuatu untuk diberikan kepada mereka. Rasulullah s.a.w tidak memberi apa-apa jawapan kerana baginda s.a.w menunggu wahyu daripada Tuhannya, lalu Jibrail a.s turun dengan firman-Nya: "*Katalah: Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upahpun atas seruanku kecuali kasih sayang di dalam kekeluargaan*"[88] Baginda s.a.w tidak menerima harta-harta mereka. Kaum munafik pula berkata: Allah tidak menurunkan ini[89] ke atas Muhammad, beliau tidak mahu kecuali untuk mengangkat ketiak sepupunya (Ali a.s) dan membebankan kami dengan keluarganya. Kelmarin baginda s.a.w telah berkata: Siapa yang aku telah menjadi walinya, maka Ali adalah walinya" Dan hari ini pula "*Katalah:*

---

[87] Surah al-Ma'idah (5): 67
[88] Al-Syuura (42): 23
[89] Wasiat kepada Ali dan para imam a.s selepasnya.

Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upahpun atas seruanku kecuali kasih sayang di dalam kekeluargaan".

Kemudian ayat tentang khumus telah turun ke atasnya, maka mereka berkata pula: Beliau mahu supaya harta-harta dan *fai-fai* kami diberikan kepada mereka. Kemudian Jibrail telah datang kepadanya dan berkata: Wahai Muhammad, sesungguhnya anda telah menamatkan kenabian anda dan anda telah menyempurnakan hari-hari anda, maka jadilah *al-Ism al-Akbar*, warisan kenabian dan bukti-bukti ilmu para nabi di sisi Ali a.s kerana Aku tidak akan meninggalkan bumi melainkan ia diperintahkan oleh seorang alim yang dikenali dengannya ketaatan-Ku, dikenali dengannya wilayah-Ku dan beliau akan menjadi *Hujjah* bagi mereka yang dilahirkan di antara kematian Nabi s.a.w sehingga datangnya nabi [imam] yang lain.

Abu Abdillah a.s telah berkata: Baginda s.a.w telah mewasiatkan kepadanya dengan *al-Ism al-Akbar*, warisan kenabian, bukti-bukti ilmu kenabian. Baginda s.a.w telah mewasiatkan kepadanya dengan seribu kalimah dan seribu bab yang membuka setiap kalimah dan setiap bab seribu kalimah dan seribu bab yang lain pula"

(337)-4. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya dan Saleh bin al-Sanadi, daripada Ja'far bin Basyir, daripada Yahya bin Muhammad al-'Attar, daripada Basyir al-Dahhan, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda ketika sakitnya yang membawa kepada kematiannya: Panggillah kepadaku sahabat sejatiku (*khalil*ku), maka dua orang wanita ('Aisyah dan Hafsah) telah mengutus kepada kedua bapa mereka. Apabila Rasulullah s.a.w telah melihat kepada mereka berdua, maka baginda s.a.w berpaling daripada mereka berdua. Kemudian bersabda: Panggilah kepadaku sahabat sejatiku, lalu diutus kepada Ali. Apabila baginda s.a.w telah melihatnya, maka Ali menunduk kepadanya dan baginda s.a.w telah bercakap kepadanya. Apabila beliau a.s keluar, mereka berdua telah bertemu dengannya dan berkata kepadanya: Apakah sahabat anda yang sejati telah berkata kepada anda? Maka beliau a.s telah berkata: Baginda s.a.w telah menceritakan kepadaku seribu bab yang membuka setiap bab seribu bab yang lain pula"

(338)-5. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Muhammad bin Isma'il, daripada Mansur bin Yunus, daripada Abu Bakr, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah mengajar kepada Ali a.s seribu huruf, setiap huruf membuka seribu huruf yang lain pula".

(339)-6. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Ali bin Abi

Hamzah, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya pada tali kulit pedang Rasulullah s.a.w ada mashaf (*sahifah*) yang kecil, maka aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Apakah yang ada di dalam mashaf itu? Beliau a.s telah berkata: Huruf-huruf yang membuka setiap huruf seribu huruf yang lain pula".

Abu Basir berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Sehingga sekarang ini dua hurufpun tidak keluar daripadanya"

(340)-7. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada anak lelaki Abu Basir, daripada Fudhail bin Sukarah berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, adakah air yang digunakan untuk memandikan mayat itu mempunyai hadnya? Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah bersabda kepada Ali a.s: Apabila aku mati, maka ambillah enam *qirab* (bekas) air dari perigi Gars, kemudian mandilah (*ghusl)* aku, kafanlah aku dan lakulah *tahnit* kepadaku. Apabila anda selesai dari memandi dan mengapankan aku, maka ambillah segala kapanku dan letaklah aku di dalam keadaan duduk, kemudian bertanyalah kepadaku apa yang anda mahu. Demi Allah, anda tidak akan bertanya kepadaku sesuatu melainkan aku memberi jawapan kepada anda mengenainya.

(341)-8. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Qasim bin Muhammad, daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada anak lelaki Abi Sa'id, daripada Abban bin Taghlib, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Apabila kematian mendatangi Rasulullah s.a.w, Ali a.s telah datang kepadanya dan memasukkan kepalanya, kemudian baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Ali, apabila aku mati, maka mandilah aku dan kapanlah aku. Kemudian letaklah aku di dalam keadaan duduk (*uq'ud-ni*), bertanyalah kepadaku dan tulislah"[90]

(342)-9. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Muhammad bin al-Walid Syabab al-Sairafi, daripada Yunus bin Ribat berkata: Aku dan Kamil al-Tammaar telah bertemu dengan Abu Abdillah a.s, maka Kamil berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, mengenai hadis yang telah diriwayatkan oleh polan? Beliau a.s telah berkata: Sebutlah, maka beliau telah berkata: Diriwayatkan kepadaku bahawa Nabi s.a.w telah meriwayatkan kepada Ali a.s dengan seribu bab pada hari Rasulullah s.a.w mati, setiap bab membuka seribu bab yang lain pula, begitulah sehingga beribu ribu bab.

---

[90] Rasulullah s.a.w telah menjawab soalan-soalan yang dikemukan kepadanya selepas jenazahnya dimandikan oleh Amir al-Mukminin a.s. Keadaan sedemikian telah berlaku kepada Fatimah a.s selepas kematiannya a.s.

Beliau a.s telah berkata: Ia memang begitu, maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, adakah ianya terserlah kepada Syiah kamu dan pengikut-pengikut kamu?

Beliau a.s telah berkata: Satu atau dua bab, maka aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apa yang diriwayatkan tentang kelebihan kamu daripada beribu-ribu bab itu hanya satu atau dua bab sahaja? Beliau a.s telah berkata: Apakah yang kamu dapat meriwayatkan tentang kelebihan kami? Apa yang dapat kamu meriwayatkan tentang kelebihan kami hanya bagaikan Alif tanpa penghujungnya"[91]

Bab 66

☼Isyarat Dan Nas Ke Atas al-Hasan Bin Ali A.S (*al-Isyarat wa al-Nas 'ala al-Hasan bin 'Ali a.s*)☼

(343)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Hammad bin Isa, daripada Ibrahim bin Umar al-Yamani dan Umar bin Udhainah, daripada Abban, daripada Sulaim bin Qais berkata: Aku telah menjadi saksi kepada wasiat Amir al-Mukminin a.s ketika beliau a.s mewasiatkannya kepada anak lelakinya al-Hasan a.s. Beliau a.s telah mengambil al-Husain a.s, Muhammad (Ibn al-Hanafiyyah),[92] semua anak-anaknya, ketua-ketua Syiahnya dan Ahlu l-Baitnya menjadi saksi. Kemudian beliau a.s telah memberi kepadanya (al-Hasan a.s) kitab dan senjata dan berkata kepada anak lelakinya al-Hasan a.s: Wahai anak lelakiku, Rasulullah s.a.w telah memerintahkan aku supaya mewasiatkan kepada anda dan memberi kepada anda kitabku dan senjataku sebagaimana Rasulullah s.a.w telah mewasiatkan kepadaku dan memberi kepadaku kitabku dan senjataku.

Baginda s.a.w telah memerintahkan aku supaya aku memerintahkan anda apabila hampir kematian anda supaya anda memberikannya kepada saudara lelaki anda al-Husain a.s. Kemudian beliau a.s telah berpaling kepada anak lelakinya al-Husain a.s dan berkata: Rasulullah s.a.w telah memerintahkan anda supaya memberikannya kepada anak lelaki anda ini. Kemudian beliau a.s telah mengambil tangan Ali bin al-Husain a.s, kemudian berkata kepada Ali bin al-Husain a.s: Rasulullah s.a.w telah memerintahkan anda supaya memberikannya kepada anak lelaki anda Muhammad bin Ali dan sampaikanlah salam Rasulullah s.a.w dan salam aku kepadanya"

---

[91] Sedikit sahaja tentang kelebihan para imam a.s diriwayatkannya sedangkan kelebihan mereka adalah banyak.

[92] Anak Amir al-Mukminin a.s daripada isterinya dari suku al-Hanafiyyah.

(344)-2. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi Umair, daripada 'Abd al-Samad bin Basyir, daripada Abi Jarud, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Amir al-Mukminin a.s apabila hampir kematiannya, telah berkata kepada anak lelakinya al-Hasan: Dekatkan diri anda kepadaku sehingga aku merahsiakan kepada anda apa yang telah dirahsiakan oleh Rasulullah s.a.w kepadaku dan mengamanahkan anda di atas apa yang dimanahkan oleh Rasulullah s.a.w kepadaku, maka beliau a.s (al-Hasan a.s) telah melakukannya.

(345)-3. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Saif bin 'Umairah, daripada Abu Bakr al-Hadhrami berkata: Al-Ajlah, Salamah bin Kuhail, Daud bin Abi Yazid dan Zaid al-Yamami telah meriwayatkan kepadaku bahawa mereka berkata: Syahr bin Haisyab telah meriwayatkan kepada kami: Sesungguhnya Ali a.s ketika berjalan menuju Kufah, beliau a.s telah mengamanahkan kitab-kitabnya (surat-suratnya) dan wasiatnya kepada Umm Salmah. Apabila al-Hasan a.s telah pulang, beliau (Umm Salmah) telah memberikannya kepadanya.

Menurut naskhah al-Safwani:

(346)-4. Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Saif, daripada Abu Bakr, daripada Abu Abdillah a.s bahawa Ali a.s ketika berjalan menuju Kufah telah mengamanahkan kitab-kitabnya dan wasiatnya kepada Umm Salamah. Apabila al-Hasan a.s telah pulang, Umm Salmah telah memberikannya kepadanya"

(347)-5. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Hammad bin Isa, daripada 'Umru bin Syimr, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Amir al-Mukminin a.s telah mewasiatkan kepada al-Hasan a.s. Beliau a.s telah mengambil al-Husain a.s, Muhammad, semua anak-anaknya, ketua-ketua Syiahnya dan Ahlu l-Baitnya menjadi saksi. Kemudian beliau a.s telah berkata kepada anak lelakinya al-Hasan a.s: Wahai anak lelakiku, sesungguhnya Allah telah memerintahkan aku supaya mewasiatkan kepada anda dan memberikan anda kitab-kitabku dan senjataku sebagaimana Rasulullah s.a.w telah mewasiatkan kepadaku dan memberikan kitab-kitabnya dan senjatanya kepadaku. Dan Dia telah memerintahkan aku supaya aku memerintahkan anda apabila kematian mendatangi anda supaya anda memberikannya kepada saudara lelaki anda al-Husain.

Kemudian beliau a.s telah berpaling kepada anak lelakinya al-Husain a.s dan berkata: Rasulullah s.a.w telah memerintahkan anda supaya anda memberikannya kepada anak lelaki anda ini. Kemudian

beliau a.s telah mengambil tangan anak lelakinya Ali bin al-Husain, kemudian berkata kepada Ali bin al-Husain: Wahai anak lelakiku, Rasulullah s.a.w telah memerintahkan anda supaya memberikannya kepada anak lelaki anda Muhammad bin Ali dan sampailah salam Rasulullah s.a.w dan salamku kepadanya. Kemudian beliau a.s telah berpaling kepada anak lelakinya al-Hasan sambil berkata: Wahai anak lelakiku, anda mempunyai kuasa di dalam urusan (*imamah*) dan anda mempunyai kuasa di atas darahku (wali *al-Amr* dan wali *al-Damm*). Jika anda memaafinya (pembunuhku), maka ia terserah kepada anda. Dan jika anda membunuhnya, maka pukullah dia di tempat (luka) dia telah memukulku dan anda tidak berdosa"

(348)-6. Al-Husain bin al-Hasan al-Hasani secara *marfu'* dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Ibrahim bin Ishaq al Ahmariy secara *marfu'* berkata: Apabila Amir al-Mukminin a.s dipukul (diserang), maka pelawat-pelawatnya telah berkumpul di sekelilingnya dan ada orang berkata: Wahai Amir al-Mukminin, berwasiatlah, lalu beliau a.s telah berkata: Bawakan kepadaku bantal[93], kemudian beliau a.s telah berkata: Segala puji bagi Allah, pujian yang selayaknya di atas takdir-Nya, mentaati perintahNya. Aku memujiNya sebagaimana Dia suka, tiada tuhan melainkan Allah Yang Satu, segala sesuatu bergantung kepada-Nya sebagaimana Dia telah menceritakan tentang diri-Nya. Wahai manusia, setiap orang akan bertemu di dalam pelariannya dengan apa yang dia lari daripadanya, dan ajalnya menarik dirinya kepadanya, lari daripadanya adalah seperti sampai kepadanya. Beberapa lama aku telah mengejar hari-hari mencari rahsia yang tersembunyi di dalamnya, maka Allah enggan kecuali menyembunyikannya. Betapa jauhnya ilmu yang tersembunyi. Adapun wasiatku, maka janganlah kamu melakukan syirik terhadap Allah dan adapun Muhammad s.a.w, maka janganlah kamu mensia-siakan sunnahnya. Tegaplah dua tiang ini (tauhid dan kenabian) dan nyalakanlah dua lampu ini (al-Hasan dan al-Husain). Kamu adalah bebas dari celaan selama kamu tidak mengambil risiko menentang mereka. Setiap orang dipertanggung-jawabkan terhadap usahanya, tetapi ia diringankan bagi mereka yang jahil, Tuhan Yang Maha Pemurah, seorang imam yang alim dan agama yang teguh.

Aku kelmarin adalah sahabat anda, [aku] pada hari ini adalah contoh bagi kamu, esok akan berpisah, Jika kaki dapat ditegapkan di atas [tempat] yang licin, maka itulah yang dikehendakinya, tetapi jika ia ditegapkan di tempat yang bergerak, maka kami telah berada di bawah bayangan dahan-dahan yang besar di tengah angin yang kencang, di bawah bayangan awan yang mana kelompoknya pudar di udara dengan

---

[93] Untuk mengangkat kepalanya.

banyak, garisannya dapat dihilangkan dari bumi. Aku adalah jiran anda, tubuhku berada di sisi kamu hanya beberapa hari dan kamu akan mendapatiku selepas itu mayat yang kosong, tidak bergerak selepas ia bergerak, terdiam selepas bercakap untuk memberi pengajaran kepada kamu. Ia adalah lebih bermakna bagi kamu daripada orang yang mahir bercakap. Aku mengucap selamat tinggal kepada kamu bagaikan ucapan yang terakhir daripada seorang yang menunggu pertemuan yang akan datang (hari Akhirat).

Besok kamu akan melihat hari-hariku, Allah akan mendedahkan segala rahsiaku dan kamu akan mengetahuiku selepas tempatku dikosongkan dan orang lain akan mengisi tempatku. Jika aku masih ada, maka aku adalah wali *damm* (darah) dan jika aku mati, maka kematianku adalah ajalku. Jika aku memaafkannya (pembunuhku) adalah kerana [aku] mendekatkan diri kepada Allah dan bagi kamu kebaikan. Maafkanlah mereka dan biarlah mereka: "*Apakah kamu tidak ingin bahawa Allah mengampunimu*"[94] Alangkah dukacitanya bagi orang yang lalai, umurya menjadi hujah ke atasnya atau hari-harinya membawanya kepada kecelakaan.

Semoga Allah menjadikan kami dan kamu di kalangan mereka yang tidak mengabaikan ketaatan kepada-Nya secara sukarela atau dendam akan mendatangi mereka selepas kematian. Sesungguhnya kami adalah untuk-Nya dan kerana-Nya. Kemudian beliau a.s telah berpaling kepada al-Hasan a.s dan berkata: Wahai anakku, pukulan di tempat pukulan, anda tidak berdosa".

(349)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Ali bin al-Hasan, daripada Ali bin Ibrahim al-'Aqili secara *marfu'* berkata: Manakala Ibn Muljam memukul atau menikam Amir al-Mukminin a.s, beliau a.s telah berkata kepada al-Hasan: Wahai anakku, apabila aku mati, maka bunuhlah Ibn Muljam dan kebumilah dia di Kunaasah (al-'Aqili telah menceritakan tempatnya di Bab Taq al-Mahaamil, tempat yang mana penjual-penjual daging panggang dan kepala kambing yang dimasakkan boleh didapati). Kemudian campaklah dia padanya kerana ia adalah salah satu wadi daripada wadi-wadi neraka Jahannam.

Bab 67

☼Isyarat Dan Nas Ke Atas Al-Husain Bin Ali A.S (*al-Isyarat wa al-Nas 'ala al-Husain bin 'Ali a.s*)☼

[94] Surah al-Nuur (24): 22

(350)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Bakr bin Salih [al-Kulaini berkata] dan beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ibn Ziyad, daripada Muhammad bin Sulaiman al-Dailami, daripada Harun bin al-Jahmi, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Apabila masa kematian telah datang kepada al-Hasan bin Ali a.s, beliau a.s telah berkata kepada al-Husain a.s: Wahai saudaraku, sesungguhnya aku mewasiatkan anda dengan satu wasiat, maka hafazlah. Apabila aku mati, maka sempurnakanlah jenazahku, kemudian hadaplah aku ke arah [kubur] Rasulullah s.a.w.

Justeru, aku dapat memperbaharui janjiku dengannya. Kemudian palinglah aku ke arah [kubur] ibuku a.s dan bawalah aku kembali dan kebumilah aku di al-Baqi'. Ketahuilah bahawa suatu perkara, Allah dan orang ramai mengetahui perbuatan 'Aisyah, sikap cemburunya dan permusuhannya terhadap Allah dan Rasul-Nya serta permusuhannya terhadap kita Ahlu l-Bait, akan menimpaku. Apabila al-Hasan a.s mati, maka beliau a.s diletakkan di atas katil dan orang ramai membawanya kepada musalla Rasulullah s.a.w yang mana baginda s.a.w telah melakukan sembahyang jenazah padanya. Kemudian al-Husain a.s telah melakukan sembahyang [jenazah] ke atasnya. Lalu beliau a.s dibawa dan dimasukkan ke masjid.

Dan apabila beliau a.s diberhentikan di atas kubur Rasulullah s.a.w, maka seorang pengintip telah datang kepada 'Aisyah dan berkata kepadanya: Sesungguhnya mereka telah membawa al-Hasan untuk dikebumikan bersama Rasulullah s.a.w, lantas beliau keluar menunggang seekor baghal yang berpelana- maka beliau adalah perempuan pertama yang telah menunggang [seekor baghal yang berpelanadi dalam Islam] dan berkata: Jauhkan anak lelaki kamu (al-Hasan) dari rumahku kerana beliau tidak akan dikebumikan di rumahku dan beliau (al-Hasan) akan mencabuli atau membuka hijab Rasulullah s.a.w. Maka al-Husain a.s telah berkata kepadanya: Sejak dahulu lagi anda dan bapa anda telah mencabuli atau membuka hijab Rasulullah s.a.w, anda telah memasukkan ke rumahnya orang yang tidak dicintainya untuk berdekatan dengannya.

(351)-2. Muhammad bin al-Hasan dan Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Muhammad bin Sulaiman al-Dalimi daripada sebahagian daripada sahabat kami, daripada al-Mufadhdhal bin Umar, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Apabila kematian menghampiri al-Hasan bin Ali a.s, beliau a.s telah berkata: Wahai Qanbar, lihatlah adakah anda melihat di balik pintu itu mukmin selain daripada keluarga Muhammad? Maka beliau telah berkata: Allah, Rasul-Nya dan anak lelaki Rasul-nya lebih mengetahui tentangnya daripadaku. Beliau a.s telah berkata: Panggillah untukku Muhammad bin Ali (Ibn al-

Hanafiyyah), lalu aku mendatanginya. Apabila aku bertemu dengannya, beliau telah berkata: Adakah sesuatu yang baik telah berlaku? Aku telah berkata: Sahutilah panggilan Abu Muhammad. Lantas beliau bergegas sambil memakai kasutnya secara tidak sempurna dan keluar bersamaku berlari.

Apabila beliau berdiri di hadapannya, beliau memberi salam. Maka al-Hasan bin Ali berkata kepadanya: Duduklah, kerana orang yang bukan seperti anda tidak patut datang ke sini untuk mendengar percakapan yang dapat menghidupkan orang yang mati dan mematikan orang yang hidup. Jadilah anda tempat menyimpan ilmu dan lampu-lampu petunjuk. Kerana cahaya di siang hari sebahagiannya lebih bercahaya daripada sebahagian yang lain. Tidakkah anda mengetahui bahawa Allah telah menjadikan anak-anak Ibrahim a.s para imam dan melebihkan sebahagian ke atas sebahagian yang lain. Dan Dia telah membawa Zabur untuk Daud. Anda juga telah mengetahui apa yang ditetapkan oleh Muhammad s.a.w, wahai Muhammad bin Ali, aku khuatir anda akan dengki. Sesungguhnya Allah a.w telah mengaitkan sifat dengki (hasad) kepada orang kafir. Allah telah berfirman : "*Kerana dengki yang (timbul) dari diri mereka sendiri, setelah nyata bagi mereka kebenaran*"[95]

Allah tidak akan menjadikan syaitan menguasai anda, wahai Muhammad bin Ali, bolehkah aku memberitahu kepada anda apa yang aku telah mendengar daripada bapa anda tentang anda? Beliau telah berkata: Tentu sekali. Beliau a.s telah berkata: Aku telah mendengar daripada bapa anda berkata pada hari Basrah[96]: Siapa yang mahu membuat baik kepadaku di dunia dan di akhirat, maka hendaklah dia berbuat baik kepada Muhammad, anak lelakiku, wahai Muhammad bin Ali, jika anda mahu, aku akan memberitahu kepada anda ketika anda masih sperma (*nutfah*) di dalam salbi bapa anda, nescaya aku akan memberitahunya kepada anda, wahai Muhammad bin Ali, tidakkah anda mengetahui bahawa al-Husain bin Ali a.s selepas kematianku dan perpisahan rohku dari badanku, adalah imam selepasku di sisi Allah, warisan daripada Nabi s.a.w yang mana Allah telah menambahkannya untuknya pada warisan bapanya dan ibunya.

Allah telah mengetahui bahawa kamu adalah sebaik-baik makhluk-Nya, lalu Dia telah memilih daripada kamu Muhammad s.a.w dan Muhammad telah memilih Ali a.s dan Ali a.s telah memilih aku untuk *imamah* dan aku telah memilih al-Husain a.s. Maka Muhammad bin Ali berkata kepadanya: Anda adalah seorang imam dan anda adalah jalanku (*wasilati*) untuk [sampai] kepada Muhammad s.a.w. Demi Allah, aku mahu bahawa nyawaku telah pergi sebelum aku mendengar kata-

[95] Surah al-Baqarah (2): 109
[96] Hari peperangan Jamal.

kata ini daripada anda. Sesungguhnya di kepalaku kata-kata yang tidak dapat dikeringkan oleh baldi, tidak dapat diubah oleh tiaupan angin seperti buku yang telah diukir dengan rapi. Aku mendapati diriku telah didahulukan oleh Kitab yang diturunkan atau apa yang telah dibawa oleh para rasul, sesungguhnya ia adalah kata-kata yang memenatkan lidah untuk bertutur dengannya dan begitu juga dengan tangan penulis [untuk menulisnya] sehingga dia tidak mendapati pensil dan dibawa kepadanya kertas-kertas yang lusuh, justeru dia tidak akan sampai kepada kelebihan anda.

Demikianlah Allah akan membalas kepada mereka yang membuat baik, tiada kekuatan melainkan dengan Allah. Al-Husain adalah orang yang paling berilmu di kalangan kami, lebih kuat kesabarannya, paling hampir darah [nya] di kalangan kami daripada Rasulullah s.a.w, beliau adalah seorang faqih sebelum beliau diciptakan. Beliau telah membaca wahyu sebelum beliau bercakap. Jikalau Allah mengetahui seorang yang lebih baik, nescaya Dia tidak memilih Muhammad s.a.w. Manakala Allah telah memilih Muhammad dan Muhammad telah memilih Ali dan Ali telah memilih seorang imam (al-Hasan) dan anda telah memilih al-Husain, kami telah menerima [nya] dan meredainya. Siapa dia selain daripadanya diredai dan siapa dia selain daripadanya kami terima untuk menyelesaikan kesukaran urusan kami.

(352)-3. Dengan sanad-sanad yang sama, daripada Sahl, daripada Muhammad bin Sulaiman, daripada Harun bin al-Jahm, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Apabila al-Hasan bin Ali a.s hampir mati, beliau a.s telah berkata kepada al-Husain: Wahai saudara lelakiku, sesungguhnya aku mewasiatkan kepada anda dengan satu wasiat, maka hafazlah ia. Apabila aku mati, sempurnalah mayatku dan letaklah aku ke arah [kubur] Rasulullah s.a.w supaya aku memperbaharui janjiku, kemudian palinglah aku ke arah [kubur] ibuku Fatimah a.s. Kemudian bawalah aku pulang dan kebumilah aku di al-Baqi'. Ketahuilah, satu perkara akan menimpaku daripada al-Humairaa' ('Aisyah}, ia diketahui oleh orang ramai tentang cemburunya dan permusuhannya terhadap Allah dan Rasul-Nya s.a.w serta permusuhannya terhadap Ahlu l-Bait.

Apabila al-Hasan a.s mati, maka beliau a.s diletakkan di atas katil dan orang ramai membawanya kepada musalla Rasulullah s.a.w yang mana baginda s.a.w telah melakukan sembahyang jenazah padanya. Kemudian al-Husain a.s telah melakukan sembahyang [jenazah] ke atasnya. Lalu beliau a.s dibawa dan dimasukkan ke masjid. Dan apabila beliau a.s diberhentikan di atas kubur Rasulullah s.a.w, maka berita telah disampaikan kepada 'Aisyah dan dikatakan kepadanya: Sesungguhnya mereka telah membawa al-Hasan untuk dikebumikan bersama Rasulullah s.a.w, lantas beliau keluar menunggang seekor

baghal yang berpelana- Maka beliau adalah perempuan pertama yang telah menunggang [seekor baghal yang berpelana di dalam Islam] dan berkata: Jauhkan anak lelaki kamu (al-Hasan) dari rumahku kerana seorangpun tidak akan dikebumikan di rumahku dan beliau (al-Hasan) akan mencabuli atau membuka hijab Rasulullah s.a.w.

Maka al-Husain a.s telah berkata kepadanya: Sejak dahulu lagi anda dan bapa anda telah mencabuli atau membuka hijab Rasulullah s.a.w, anda telah membawa masuk ke rumahnya orang yang tidak dicintainya berdekatan dengannya. Sesungguhnya Allah akan bertanya anda tentang perkara ini, wahai 'Aisyah, sesungguhnya saudaraku telah memerintahkan aku supaya membawanya kepada bapanya Rasulullah s.a.w untuk memperbaharui janji dengannya, ketahuilah bahawa saudaraku adalah orang yang paling mengetahui tentang Allah dan Rasul-Nya serta lebih mengetahui tentang takwil Kitab-Nya dari mencabuli atau membuka hijab Rasulullah s.a.w kerana Allah berfirman: "*Wahai mereka yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah-rumah Nabi kecuali kamu diizinkan*"[97]

Sesungguhnya anda telah membawa masuk lelaki (*al-Rijaal*) tanpa izinnya dan Allah berfirman: "*Wahai mereka yang beriman, janganlah kamu mengangkat suara kamu lebih tinggi dari suara Nabi*"[98] Demi jiwaku, anda telah mengangkat suara anda ke telinga Rasulullah s.a.w di hadapan bapa anda dan Faruqnya (Umar). Untuk itu Allah berfirman: *Sesungguhnya mereka yang merendahkan suaranya di sisi Rasulullah, mereka itulah yang telah diuji hati mereka*"[99]

Demi jiwaku, sesungguhnya bapa anda dan Faruqnya telah menyakiti Rasulullah s.a.w kerana berdekatan mereka berdua dengannya. Mereka berdua tidak menjaga haknya sebagaimana mereka berdua telah diperintahkan oleh Allah untuk melakukannya di atas lidah Rasulullah s.a.w, sesungguhnya Allah telah mengharamkan mukminin yang telah mati apa yang Dia telah mengharamkan mereka pada masa hidup. Demi Allah, wahai 'Aisyah, jika inilah yang anda benci; pengebumian al-Hasan di sisi bapanya Rasulullah s.a.w adalah harus (*jaaizan*) di antara kami dan Allah, nescaya anda mengetahui bahawa beliau akan dikebumikan [di sana] sekalipun anda menghinanya".

Beliau (perawi) berkata: Kemudian Muhammad bin al-Hanafiyyah berkata: Wahai 'Aisyah, satu hari berada di atas baghal dan satu hari berada di atas unta, justeru anda tidak dapat menguasai diri anda dan anda tidak dapat menguasai bumi ini kerana permusuhan dengan Bani Hasyim. Kemudian beliau telah berpaling kepadanya dan berkata: Wahai

[97] Surah al-Ahzaab (33): 53
[98] Surah al-Hujuraat (49): 2
[99] Surah al-Hujuraat (49): 3

Ibn al-Hanafiyyah, anak-anak Fatimah sahaja yang bercakap seperti ini, kenapa anda bercakap seperti ini?

Maka al-Husain a.s telah berkata: Bagaimana anda menjauhkan Muhammad daripada anak-anak Fatimah. Demi Allah, beliau telah dilahirkan oleh tiga [orang] Fatimah: Fatimah binti 'Imran bin 'Aidh bin 'Umru bin Makhzum, Fatimah binti Asad bin Hasyim dan Fatimah binti Za'idah bin al-Asamm bin Rawahah hin Hajr bin 'Abd Mu'is bin 'Amir. 'Aisyah berkata kepada al-Husain a.s: Jauhlah anak lelaki kamu dan bawalah bersamanya kerana kamu adalah kaum yang suka bertengkar. Beliau (perawi) berkata: Justeru, al-Husain telah pergi ke kubur ibunya, kemudian membawanya keluar dan mengembumikannya di al-Baqi'.

Bab 68

☼Isyarat Dan Nas Ke Atas Ali Bin Al-Husain A.S (*al-Isyarat wa al-Nas 'ala al-Husain bin 'Ali a.s*)☼

(353)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain dan Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Isma'il, daripada Mansur bin Yunus, daripada Abi al-Jarud, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya al-Husain bin Ali apabila hampir kematiannya, telah memanggil anak perempuannya yang paling tua Fatimah bin al-Husain a.s, kemudian beliau a.s memberi kepadanya kitab (surat) wasiat secara terbuka. Ali bin al-Husain a.s yang telah berada bersama mereka menghidapi sakit perut dan kebanyakan orang mengatakan beliau akan mati. Fatimah telah memberi kitab itu kepada Ali bin al-Husain a.s, kemudian, demi Allah, kitab itu berada di sisi kami, wahai Ziyad. Aku telah berkata: Apakah yang ada di dalam kitab itu, aku telah menjadikan diriku tebusan anda? Beliau s.a berkata: padanya, demi Allah, apa yang dihajati oleh manusia semenjak Allah telah menciptakan Adam sehingga binasanya dunia. Demi Allah, padanya hukum hudud sehingga ada padanya denda memukul seseorang.

(354)-2. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Ibn Sinan, daripada Abi al-Jarud, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Apabila al-Husain hampir kematiannya, beliau a.s telah memberi wasiatnya kepada anak perempuannya Fatimah secara terbuka di dalam satu kitab (surat) yang disusun. Apabila apa yang telah berlaku kepada al-Husain a.s telah berlalu, beliau telah memberikannya kepada Ali bin al-Husain a.s. Aku telah berkata kepadanya: Apakah di dalamnya- Semoga Allah memberi rahmat kepada anda? Beliau a.s telah berkata: Apa yang dihajati oleh manusia semenjak dunia diciptakan sehingga binasa dunia.

(355)-3. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Saif bin 'Umairah, daripada Abu Bakr al-Hadhrami, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya al-Husain a.s ketika di dalam perjalanan ke Iraq, beliau a.s telah menyimpan buku-buku dan wasiat di sisi Umm Salmah r.a dan apabila Ali bin al-Husain a.s telah kembali, beliau telah memberikannya kepada Ali bin al-Husain a.s. Menurut naskhah al-Safwani:

(356)-4. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Hanan bin Sadir, daripada Fulaih bin Abu Bakr al-Syaibani berkata: Demi Allah, sesungguhnya aku telah berada di sisi Ali bin al-Husain a.s dan di sisinya anak lelakinya, tiba-tiba Jabir bin Abdullah al-Ansari datang, lalu beliau memberi salam kepadanya, kemudian beliau telah mengambil tangan Abu Ja'far a.s dan pergi bersamanya, maka beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah memberitahu kepadaku sesungguhnya aku akan mendapati (melihat) seorang lelaki daripada Ahlu l-Bait-nya yang bernama Muhammad bin Ali dipanggil Abu Ja'far a.s, maka apabila anda mendapatinya, sampaikanlah salamku kepadanya.

Beliau telah berkata: Jabir telah pergi dan Abu Ja'far a.s telah kembali, lalu beliau a.s duduk bersama bapanya Ali bin al-Husain a.s dan saudara-saudaranya. Apabila sembahyang Maghrib telah dilakukan, maka Ali bin al-Husain a.s telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: Apakah yang dikatakan oleh Jabir bin Abdullah al-Ansari kepada anda? Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya anda akan mendapati (melihat) seorang lelaki daripada Ahlu l-Baitku bernama Muhammad bin Ali dipanggil Abu Ja'far, maka sampaikanlah salamku kepadanya" Bapanya berkata kepadanya: Tahniah untuk anda, wahai anak lelakiku, di atas apa yang dikhususkan untuk anda oleh Allah daripada Rasul-nya di kalangan keluarganya. Jangan biarkan saudara-saudara anda mengetahuinya supaya mereka tidak merancang tipu-daya kepada anda sebagaimana saudara-saudara Yusuf telah merancang tipu-daya kepada Yusuf.

Bab 69

☼Isyarat Dan Nas Ke Atas Abu Ja'far A.S (*al-Isyarat wa al-Nas 'ala Abi Ja'far a.s*)☼

(357)-1. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Abi al-Qasim al-Kufi, daripada Muhammad bin Sahl, daripada Ibrahim bin Abi al-Bilad, daripada Isma'il bin Muhammad bin Abdullah

bin Ali bin al-Husain daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Apabila al-Husain bin Ali hampir kematiannya, beliau a.s telah mengeluarkan kotak di sisinya, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Muhammad, bawalah kotak ini. Beliau telah berkata: Empat orang telah membawa kotak itu. Apabila beliau a.s (Ali bin al-Husain) mati, saudara-saudaranya (Abu Ja'far) datang kepadanya untuk menuntut apa yang ada di dalam kotak itu, mereka berkata: Berilah bahagian kami di dalam kotak itu, maka beliau a.s telah berkata: Demi Allah, tiada hak anda di dalamnya. Jika ada hak anda di dalamnya, nescaya beliau a.s (bapanya) tidak memberikannya kepadaku. Sesungguhnya di dalam kotak itu adalah senjata Rasulullah s.a.w dan kitab-kitabnya.

(358)-2. Muhammad bin Yahya, daripada 'Imraan bin Musa, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Abdullah, daripada Isa bin Abdullah, daripada bapanya, daripada datuknya berkata: Ali bin al-Husain a.s telah berpaling kepada anak-anaknya ketika kematiannya sedang mereka berkumpul di sisinya, kemudian beliau a.s berpaling kepada Muhammad bin Ali sambil berkata: Wahai Muhammad, bawalah kotak ini ke rumah anda. Beliau telah berkata: Sesungguhnya tidak ada di dalamnya dinar dan dirham, tetapi ia dipenuhi dengan ilmu.

(359)-3. Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahl, daripada Muhammad bin Isa, daripada Fadhalah bin Ayyub, daripada al-Husain bin Abi al-'Alaa', daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Sesungguhnya Umar bin 'Abd al-'Aziz telah menulis surat kepada Ibn Hazm supaya beliau menghantar kepadanya dokumen tentang sedekah Ali, Umar dan Uthman. Sesungguhnya Ibn Hazm telah mengutus kepada Zaid bin al-Hasan yang paling tua di kalangan mereka, lalu beliau telah meminta dokumen daripadanya, maka Zaid telah berkata: Sesungguhnya Wali selepas Ali adalah al-Hasan dan selepas al-Hasan adalah al-Husain dan selepas al-Husain adalah Ali bin al-Husain dan selepas Ali bin al-Husain adalah Muhammad bin Ali, lantaran itu, utuslah kepadanya. Maka Ibn Hazm telah mengutus kepada bapaku. Kemudian bapaku telah mengirim kitab kepadaku untuknya sehingga aku telah memberikannya kepada Ibn Hazm.

Sebahagian daripada kami telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Adakah anak-anak al-Hasan megetahui perkara ini? Beliau a.s telah berkata: Ya, mereka megetahuinya seperti mereka mengetahui waktu malam, tetapi mereka dikuasai oleh hasad. Jika mereka telah mencari kebenaran dengan kebenaran, nescaya ia adalah lebih baik bagi mereka, tetapi mereka mencari dunia.

Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali al-Wasysyaa', daripada 'Abd al-Karim bin 'Umru, daripada Ibn Abi Ya'fur berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Umar bin 'Abd al-'Aziz telah menulis kepada Ibn Hazm, kemudian beliau telah menyebut seumpamanya, tetapi beliau telah berkata: Ibn Hazm telah mengutus kepada Zaid bin al-Hasan dan beliau adalah lebih tua daripada Abu Abdillah a.s.

Beberapa orang daripada sahabat kita, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Wasysyaa' [meriwayatkan] hadis yang sama.

Bab 70

☼Isyarat Dan Nas Ke Atas Abu Abdillah Ja'far Bin Muhammad Al-Sadiq A.S (*al-Isyarat wa al-Nas 'ala Abi Abdillah Ja'far bin Muhammad al-Sadiq a.s*)☼

(360)-1. Al-Hasan bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasysyaa', daripada Abban bin Uthman, daripada Abi al-Sabah al-Kinani berkata: Abu Ja'far a.s telah melihat kepada Abu Abdillah a.s sedang berjalan, maka beliau a.s telah berkata: Anda sedang melihat kepada ini? Ini adalah di kalangan mereka yang difirmankan oleh Allah a.w: "*Dan Kami hendak memberi kurnia kepada mereka yang tertindas di bumi itu dan hendak menjadikan mereka pemimpin dan menjadikan mereka pewaris bumi*"[100]

(361)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Hisyam bin Salim, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Apabila bapaku hampir kematiannya, beliau a.s telah berkata: Wahai Ja'far, aku mewasiatkan kepada anda supaya melakukan kebaikan kepada para sahabatku, aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, demi Allah, aku akan meninggalkan mereka di tempat mereka maka beliau a.s tidak akan [perlu] bertanya seorang pun daripada mereka [tentang agama].

(362)-3. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Hisyam bin al-Muthanna, daripada Sadir al-Sairafi berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya di antara kebahagian seorang lelaki itu bahawa beliau mempunyai anak yang dikenali menyerupai tubuhnya, akhlaknya dan bentuknya. Dan

[100] Surah al-Qasas (28): 5

sesungguhnya aku mengenali anak lelakiku ini menyerupai tubuhku, akhlakku dan bentukku; iaitu Abu Abdillah a.s.

(363)-4. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Tahir berkata: Aku telah berada di sisi Abu Ja'far a.s, tiba-tiba Ja'far a.s menghampirinya, maka Abu Ja'far a.s telah berkata: Ini adalah sebaik-baik makhluk (selepasku).

(364)-5. Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Khalid, daripada sebahagian sahabat kami, daripada Yunus bin Ya'qub, daripada Tahir berkata: Aku telah berada di sisi Abu Ja'far a.s, tiba-tiba Ja'far a.s telah menghampirinya, lantas Abu Ja'far a.s telah berkata: Ini adalah sebaik-baik makhluk.

(365)-6. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Fudhail bin Uthman, daripada Tahir, berkata: Aku telah duduk di sisi Abu Ja'far a.s, tiba-tiba Ja'far a.s telah menghampirinya, lantas Abu Ja'far a.s telah berkata: Ini adalah sebaik-baik makhluk.

(366)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Hisyam bin Salim, daripada Jabir bin Yazid al-Ja'fi, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Beliau a.s ditanya tentang al-Qaim a.s, lantas beliau a.s memukul dengan tangannya ke atas Abu Abdillah a.s dan berkata: Ini, demi Allah, adalah Qaim keluarga Muhammad s.a.w. 'Anbasah telah berkata: Apabila Abu Ja'far a.s mati, aku telah pergi kepada Abu Abdillah a.s, maka aku telah memberitahu kepadanya mengenainya. Beliau a.s telah berkata: Jabir telah bercakap benar, kemudian beliau a.s telah berkata: Mudah-mudahan kamu terfikir bahawa bukan setiap imam menjadi al-Qaim[101] selepas imam sebelumnya.

(367)-8. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus bin 'Abd al-Rahman, daripada 'Abd al-A'laa, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya bapaku telah mengamanahkan kepadaku apa yang telah ada di sana.[102] Apabila kematian telah menghampirinya, beliau a.s telah berkata: Panggillah beberapa orang saksi untukku, maka aku telah memanggil empat orang Quraisy, antaranya Nafi' bin Umar, maka beliau a.s telah berkata: Tulislah, ini adalah apa yang telah diwasiatkan oleh Ya'qub kepada

[101] Perkataan *al-Qaim* mempunyai dua makna: Pertama seorang imam yang menggantikan imam sebelumnya dan kedua ia adalah khusus untuk imam al-Mahdi a.s.
[102] Kitab-kitab dan senjata Rasulullah s.a.w.

anak-anaknya "*Wahai anak-anakku, sesungguhnya Allah telah memilih agama ini bagimu, maka janganlah kamu mati kecuali dalam memeluk agama Islam*"[103] Muhammad bin Ali telah mewasiatkan kepada Ja'far bin Muhammad dan memerintahkannya supaya mengapankannya dengan pakaian burdahnya yang dipakai pada sembahyang Jumaat dan dipakaikannya dengan serbannya.

Kuburnya diratakan, empat jari lebar di bawah tanah dan dibukakan ikatan bajunya ketika disemadikan. Kemudian beliau a.s telah berkata kepada para saksi: Pulanglah, semoga kamu dirahmati Allah, maka aku telah berkata kepadanya: Wahai bapaku- selepas mereka telah pulang- Tiada di sini untuk disaksikan ke atasnya. Maka beliau a.s telah berkata: Wahai anak lelakiku, Aku tidak suka anda dikalahkan dan dikatakan: Sesungguhnya beliau (Abu Abdillah a.s) tidak diwasiatkan kepadanya. Aku mahu ia akan menjadi hujah untuk anda"

Bab 71

☼Isyarat Dan Nas Ke Atas Abu al-Hasan Musa A.S (*al-Isyarat wa al-Nas 'Ala Abi al-Hasan Musa a.s*)☼

(368)-1. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Abdullah bin al-Qala, daripada al-Faidh bin al-Mukhtar berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Ambillah tanganku dari neraka[104], siapakah untuk kami selepas anda? Maka Abu Ibrahim a.s telah dating, beliau pada masa itu seorang kanak-kanak, maka beliau a.s telah berkata: Inilah sahabat (imam) kamu, maka berpeganglah dengannya.

(369)-2. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Abi Ayyub al-Khazzazz, daripada Thubait, daripada Mu'az bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Aku memohon kepada Allah Yang telah mengurniakan bapa anda dan anda kedudukan ini supaya Dia mengurniakan anda daripada keturunan anda sebelum kematian [anda] seumpamanya, maka beliau telah berkata: Allah telah melakukannya. Aku telah berkata: Siapakah dia, aku telah menjadikan diriku tebusan anda? Beliau a.s telah memberi isyarat kepada seorang lelaki soleh yang sedang tidur (Pada masa itu beliau a.s adalah seorang kanak-kanak).

[103] Surah al-Baqarah (2): 132
[104] Selamatlah kami dari neraka.

(370)-3. Dengan sanad-sanad yang sama, daripada Ahmad bin Muhammad, berkata: Abu 'Ali al-Rajani al-Farisi telah memberitahu kepadaku daripada 'Abd al-Rahman bin al-Hajjaj berkata: Aku telah bertanya 'Abd al-Rahman pada tahun Abu al-Hasan a.s ditangkap, maka aku telah berkata kepadanya: Sesungguhnya lelaki ini (imam Musa a.s) telah jatuh ke tangan lelaki ini (Harun al-Rasyid) dan kami tidak mengetahui tentang nasibnya. Adakah berita telah sampai kepada anda tentang salah seorang anak lelakinya?

Maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Aku tidak menyangka bahawa seorang akan bertanya kepadaku soalan seperti ini. Aku telah pergi kepada Ja'far bin Muhammad a.s di rumahnya, maka tiba-tiba beliau a.s telah berada di rumah tertentu di musallanya berdoa dan di kanannya Musa bin Ja'far a.s yang sedang mengaminkan doanya. Maka aku telah berkata kepadanya: Allah telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya anda telah mengetahui dedikasiku kepada anda dan perkhidmatanku untuk anda, maka siapakah wali orang ramai selepas anda? Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Musa telah memakai baju besi dan berpadanan dengannya, maka aku telah berkata kepadanya: Aku tidak berhajat selepas ini kepada sesuatu.

(371)-4. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Musa al-Saiqal, daripada al-Mufadhdhal bin Umar berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdillah a.s, tiba-tiba Abu Ibrahim a.s-ketika kanak-kanak- datang, maka beliau telah berkata: Jagalah wasiatnya dan letaklah urusannya di sisi para sahabat anda yang dipercayai"

(372)-5. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Ya'qub bin Ja'far al-Ja'fari berkata: Ishaq bin Ja'far telah meriwayatkan kepadaku, berkata: Pada suatu hari, aku telah berada di sisi bapaku, lalu Ali bin Umar bin Ali telah bertanya kepadanya, maka beliau telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, kepada siapakah kami dan orang ramai berlindung selepas anda? Beliau a.s telah berkata: Kepada orang yang mempunyai dua kain kuning dan dua jalinan rambut yang terhurai akan melihat kepada anda daripada pintu ini, beliau akan membuka dua pintu dengan dua tangannya. Tidak lama sebelum dua tangan ternampak kepada kami membuka dua pintu, Abu Ibrahim a.s datang kepada kami".

(373)-6. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi Najran, daripada Safwan al-Jamal, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Mansur bin Hazim telah berkata kepadanya: Dengan bapaku, anda dan ibuku [bersumpah], sesungguhnya roh-roh datang pada waktu pagi atau petang, jikalaulah begitu keadaannya, maka siapakah selepas anda? Abu Abdillah a.s telah berkata: Apabila ia berlaku sedemikian, maka dia

adalah sahabat kamu (imam) dan beliau a.s telah memukul dengan tangannya di atas bahu kanan Abu al-Hasan a.s- menurut apa yang aku tahu- dan beliau pada hari itu baru berumur lima tahun dan Abdullah bin Ja'far pada ketika itu sedang duduk bersama kami.

(374)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada 'Abd al-Rahman bin Abi Najran, daripada Isa bin Abdullah bin Muhammad bin Umar bin Ali bin Abu Talib, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Jika sesuatu berlaku kepada anda dan mudah-mudahan Allah tidak membenar aku melihatnya (keadaan itu), maka siapakah yang aku mesti ikuti? Beliau telah berkata: Beliau a.s telah memberi isyarat kepada anak lelakinya Musa a.s. Aku telah berkata: Jika sesuatu berlaku kepada Musa, maka siapakah yang aku mesti ikuti?

Beliau a.s telah berkata: Anak lelakinya, aku telah berkata: Jika sesuatu berlaku kepada anak lelakinya dan beliau telah meninggalkan saudara yang tua dan anak lelaki yang masih kecil, maka siapakah yang aku mesti ikuti? Beliau a.s telah berkata: Anak lelakinya. Kemudian beliau a.s telah berkata: Begitulah seterusnya. Aku telah berkata: Jika aku tidak mengetahuinya dan aku tidak mengetahui tempatnya? Beliau a.s telah berkata: Anda berkata: Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku mewalikan seorang yang masih hidup di kalangan *Hujjah-hujjah* Engkau daripada anak lelaki imam yang lalu, kerana itu akan memadai bagi anda jika Allah kehendaki.

(375)-8. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Abdullah bin al-Qalaa, daripada al-Mufadhdhal bin Umar berkata: Abu Abdillah a.s telah menyebut Abu al-Hasan a.s-beliau pada ketika itu masih kanak-kanak- Maka beliau a.s telah berkata: Tidak ada kanak-kanak yang dilahirkan pada kami yang lebih besar keberkatannya ke atas Syiah kami selain daripadanya, kemudian beliau a.s telah berkata kepadaku: Janganlah kamu melayani Isma'il dengan kasar"

(376)-9. Muhammad bin Yahya dan Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada al-Hasan bin al-Husain, daripada Ahmad bin al-Hasan al-Maithami, daripada Faidh bin al-Mukhtar di dalam hadis yang panjang tentang Abu al-Hasan a.s sehingga Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Beliau adalah sahabat (imam) anda yang mana anda telah bertanya mengenainya. Berdirilah kepadanya dan isytiharlah kepadanya bahawa anda menerima haknya. Akupun berdiri sehingga aku mengucup kepalanya dan tangannya serta aku telah berdoa kepada Allah untuknya. Abu Abdillah a.s telah berkata: Walaubagaimanapun pada mulanya kami tidak dibenarkan untuk memberitahu kepada anda mengenainya. Aku

telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, bolehkah aku memberitahu seseorang tentangnya?

Beliau a.s telah berkata: Ya, keluarga anda dan anak-anak anda. Bersamaku keluargaku, anak-anakku dan kawan-kawanku, antaranya Yunus bin Zabyan di kalangan kawan-kawanku. Apabila aku memberitahu kepada mereka, maka mereka memuji Allah a.w dan Yunus berkata: Tidak, demi Allah, sehingga aku mendengar perkara itu daripadanya sendiri, beliau adalah seorang yang gopoh, beliau telah keluar dan aku mengikutinya. Apabila aku telah sampai ke pintu, aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Wahai Yunus, perkara itu telah mendahului aku, ia sebagaimana telah dikatakan oleh Faidh: Beliau telah berkata: beliau telah berkata: Aku telah mendengar dan aku telah mentaati. Maka Abu Abdillah a.s telah berkata kepadaku: Jagalah (apa yang aku telah memberitahu kepada anda).

(377)-10. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ja'far bin Basyir, daripada Fudhail, daripada Tahir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Abu Abdillah a.s pernah mencaci Abdullah (anak lelakinya) dan mencelanya, menasihatinya dan berkata: Apakah yang telah menghalang anda dari menjadi seperti saudara anda (Musa), demi Allah, aku mengetahui cahaya pada mukanya? Abdullah berkata: Tidakkah bapaku dan bapanya satu dan ibuku dan ibunya satu? [105] Abu Abdillah a.s telah berkata: Dia adalah daripadaku (sepertiku) sedangkan anda adalah anak lelakiku"

(378)-11. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasysyaa', daripada Muhammad bin Sinan, daripada Ya'qub al-Sarraj, berkata: Aku telah datang kepada Abu Abdillah a.s ketika beliau a.s sedang berdiri di kepala Abu al-Hasan Musa yang berada dalam buaian. Beliau a.s sedang membisikkannya di dalam masa yang agak lama. Justeru, aku telah duduk sehingga beliau a.s selesai. Kemudian aku telah pergi kepadanya, maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Dekatilah *maula* anda dan berilah salam kepadanya. Aku telah mendekatinya dan memberi salam kepadanya.

Maka beliau a.s telah mengembalikan salam kepadaku dengan lidah yang fasih. Kemudian beliau a.s telah berkata kepadaku: Pergi dan tukarlah nama anak perempuan anda yang anda telah menamakannya kelmarin kerana namanya tidak disukai Allah (*yabghudhu-hu llah*). Aku mempunyai seorang anak perempuan yang dilahirkan untukku, aku

[105] Abdullah dan Isma'il adalah daripada ibu yang sama. Sementara Musa a.s daripada ibu yang lain. Barangkali apa yang dimaksudkan oleh Abdullah ialah mereka berdua daripada keturunan yang sama. Kerana bapa mereka adalah Imam Ja'far al-Sadiq a.s.

telah menamakannya al-Humaira'. Maka Abu Abdillah a.s telah berkata: Buatlah apa yang beliau perintah, nescaya anda berada di jalan yang betul. Maka aku telah menukarkan namanya.

(379)-12. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Safwan, daripada Ibn Maskan, daripada Sulaiman bin Khalid berkata: Pada suatu hari Abu Abdillah a.s telah menyeru Abu al-Hasan a.s dan kami berada di sisinya, maka beliau a.s telah berkata kepada kami: Terimalah beliau kerana beliau, demi Allah, adalah sahabat (imam) kamu selepasku.

(380)-13. Ali bin Muhammad, daripada Sahl dan orang lain, daripada Muhammad bin al-Walid, daripada Yunus, daripada Daud Ibn Zurbi, daripada Abu Ayyub al-Nahwi berkata: Abu Ja'far al-Mansur telah mengutus kepadaku pada pertengahan malam, maka aku telah mendatanginya ketika beliau sedang duduk di atas kerusi di hadapannya lilin dan kitab (surat) di tangannya. Manakala aku memberi salam kepadanya, beliau terus mencampakkan kitab (surat) kepadaku di dalam keadaan menangis. Beliau telah berkata kepadaku: Ini adalah kitab (surat) Muhammad bin Sulaiman memberitahu kepada kami bahawa Ja'far bin Muhammad telah mati.

"*Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan dan kepadaNya-lah kami kembali*"[106]-sebanyak tiga kali- Di mana orang seperti Ja'far? Kemudian beliau telah berkata kepadaku: Tulislah, beliau telah berkata: Aku telah menulis bahagian pertama surat itu, kemudian beliau telah berkata: Tulislah, jika beliau (Ja'far bin Muhammad) telah mewasiatkan kepada seorang lelaki tertentu, maka kemukakannya kepadaku dan penggallah kepalanya" Beliau telah berkata: Jawapan dikembalikan kepadanya bahawa sesungguhnya beliau a.s telah mewasiatkan kepada lima orang. Seorang daripadanya adalah Abu Ja'far al-Mansur, Muhammad bin Sulaiman, Abdullah (anak lelaki Imam al-Sadiq a.s), Musa dan Hamidah (Ibu Imam Musa a.s).[107]

(381)-14. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada al-Nadhar bin Suwaid seperti riwayat ini kecuali disebutkan bahawa beliau a.s telah mewasiatkan kepada Abi Ja'far al-Mansur, Abdullah, Musa, Muhammad bin Ja'far dan Maula kepada Abu Abdillah a.s. Beliau telah berkata: Abu Ja'far berkata: Tidak ada jalan untuk membunuh mereka.

[106] Surah al-Baqarah (2): 156
[107] Surat jawapan kepada Abu Ja'far al-Mansur untuk mengelakkan pengganti Imam Ja'far al-Sadiq a.s (Musa a.s) dipenggalkan kepalanya. Di antara penggantinya termasuklah Abu Ja'far al-Mansur.

(382)-15. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasysyaa', daripada Ali bin al-Hasan, daripada Safwan bin Jamal berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang seorang yang mempunyai urusan *imamah*, maka beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya seorang yang mempunyai urusan *imamah* (*sahib hadha al-Amr*) tidak melakukan sesuatu untuk kegembiraan dirinya dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Tiba-tiba datanglah Abu al-Hasan Musa yang masih kecil dan bersamanya anak kambing betina, lalu berkata kepadanya (anak kambing betina): Sujudlah kepada Tuhan anda. Kemudian Abu Abdillah a.s mengambilnya dan merapatkannya ke dadanya sambil berkata: Dengan bapaku, ibuku, [Musa a.s) seorang yang tidak melakukan sesuatu untuk kegembiraan dirinya dan tidak pula melakukan perkara yang sia-sia".

(383)-16. Ali bin Muhammad, daripada sebahagian sahabat kami, daripada 'Abis bin Hisyam berkata: Umar al-Ramaani telah memberitahuku, daripada Faidh bin al-Mukhtar berkata: Sesungguhnya aku telah berada di sisi Abu Abdillah a.s, tiba-tiba Abu al-Hasan Musa a.s datang-beliau masih kanak-kanak- maka aku telah memeluknya dan mengucupnya, Abu Abdillah a.s telah berkata: Kamu adalah bahtera dan beliau adalah kaptennya (*antum al-Safinah wa huwa mallahu-ha*), beliau telah berkata: Aku telah pergi mengerjakan haji dan aku mempunyai dua ribu dinar. Justeru aku telah mengirimkan satu ribu dinar untuk Abu Abdillah a.s dan seribu dinar kepadanya (Abu al-Hasan Musa a.s). Manakala aku datang kepada Abu Abdillah a.s, beliau a.s telah berkata: Wahai Faidh, anda telah menyamakannya dengan aku? Aku telah berkata: Sesungguhnya aku telah melakukan sedemikian kerana kata-kata anda juga. Beliau a.s telah berkata: Demi Allah, aku tidak melakukan sedemikian, malah Allah a.w telah melakukannya".

Bab 72

☼Isyarat Dan Nas Ke Atas Abu al-Hasan Al-Ridha A.S (*al-Isyarat wa al-Nas 'ala Abi al-Hasan al-Ridha a.s*)☼

(384)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada al-Husain bin Na'aim al-Sahhaf berkata: Aku, Hisyam bin al-Hakam dan Ali bin Yaqtin telah berada di Baghdad, maka Ali bin Yaqtin berkata: Aku telah duduk di sisi al-'Abd al-Salih (Imam Musa a.s), tiba-tiba anak lelakinya Ali datang, lalu beliau a.s telah berkata kepadaku: Wahai Ali bin Yaqtin, ini Ali adalah penghulu anak-anakku. Sesungguhnya aku telah memberi kepadanya gelaranku, lalu Hisyam bin al-Hakam memukul dahinya dengan tapak tangannya, kemudian beliau telah berkata: Alangkah dukacitanya anda, bagaimana anda telah berkata sedemikian?

Ali bin Yaqtin berkata: Demi Allah, aku telah mendengar daripadanya sebagaimana anda telah katakan, maka Hisyam telah berkata: Aku akan memberitahu kepada anda bahawa urusan *imamah* adalah padanya (al-Ridha a.s) selepasnya. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada al-Husain bin Nu'aim al-Sahhaf berkata: Aku telah berada di sisi al-'Abd al-Salih (pada naskhah al-Safwani) beliau telah berkata: Aku...- kemudian beliau telah menyebutnya seumpamanya.

(385)-2. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Mu'awiyah bin Hakim, daripada Nu'aim al-Qabusi daripada Abu al-Hasan a.s bahawa beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya anak lelakiku Ali adalah anak lelakiku yang paling tua, paling baik di sisiku dan yang paling aku cintai, beliau melihat bersamaku pada al-Jafar yang mana hanya nabi atau wasi nabi yang melihat kepadanya.

(386)-3. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Muhammad bin Sinan dan Isma'il bin 'Abbad al-Qasri bersama-sama Daud al-Raqiy berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ibrahim a.s: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, umurku telah meningkat, maka ambillah tanganku dari api neraka, beliau telah berkata: Maka beliau a.s telah menunjukkan kepada anak lelakinya Abu al-Hasan a.s sambil berkata: Beliau adalah sahabat (imam) kamu selepasku"

387)-4. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdullah, daripada al-Hasan Ibn Abi 'Umair, daripada Muhammad bin Ishaq bin 'Ammar berkata: Aku telah berkata kepada Abu al-Hasan yang pertama a.s: Bolehkah anda tunjukkan kepadaku siapakah yang aku patut mengambil daripadanya agamaku? Maka beliau a.s telah berkata: Ini anak lelakiku Ali. Sesungguhnya bapaku telah mengambil tanganku, lalu mengambil aku kepada kubur Rasulullah s.a.w, maka beliau telah berkata: Wahai anak lelakiku! Sesungguhnya Allah telah berfirman: "*Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi*[108]"" Dan sesungguhnya Allah apabila Dia telah berfirman sesuatu, Dia melaksanakannya.

(388)-5. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada al-Hasan bin al-Husain al-Lu'lu' daripada Yahya bin 'Umru, daripada Daud al-Raqiy berkata: Aku telah berkata kepada Abu al-Hasan Musa a.s: Sesungguhnya umurku telah meningkat, tulangku menjadi lemah, sesungguhnya aku telah bertanya bapa anda a.s, maka beliau telah memberitahu kepadaku tentang anda, kemudian beliau a.s telah memberitahu kepadaku (orang selepas anda), maka beliau telah berkata: Ini adalah Abu al-Hasan al-Ridha.

(389)-6. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Ziyad bin Marwan al-Qanadiy, beliau adalah seorang penganut fahaman al-Waqifah, berkata: Aku telah datang kepada Abu Ibrahim a.s dan di sisinya anak lelakinya Abu al-Hasan a.s, maka beliau telah berkata kepadaku: Wahai Ziyad, ini adalah anak lelakiku polan, kitabnya adalah kitabku (suratku), percakapannya adalah percakapanku, utusan-nya adalah utusanku dan [kebenaran] adalah pada kata-katanya"

(390)-7. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Muhammad bin Fudhail berkata: Al-Makhzumi telah memberitahu kepadaku, ibunya adalah daripada salah seorang anak lelaki Ja'far bin Abu Talib a.s telah berkata: Abu al-Hasan Musa a.s telah mengutus kepada kami, lalu kami berkumpul, kemudian beliau a.s telah berkata kepada kami: Adakah kamu mengetahui kenapakah aku telah memanggil kamu? Kami berkata: Tidak, beliau a.s telah berkata: Jadilah saksi bahawa sesungguhnya anak lelakiku ini adalah wasiku dan orang yang mempunyai kuasa di dalam urusanku dan khalifahku selepasku. Sesiapa yang mempunyai hutang di sisiku, maka hendaklah dia mengambilnya daripada anak lelakiku ini. Sesiapa yang mempunyai janji denganku, maka hendaklah beliau mendapatkannya daripadanya.

[108] Surah al-Baqarah (2): 30

Sesiapa yang ingin berjumpa denganku, maka beliau tidak boleh berjumpa denganku kecuali dengan melalui suratnya.

(391)-8. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Muhammad bin Sinan dan Ali bin al-Hakam bersama, daripada al-Husain bin al-Mukhtar berkata: Beberapa keping kertas (surat) telah datang kepada kami daripada Abu al-Hasan a.s- beliau a.s di dalam tahanan- Janjiku dengan anakku yang paling tua supaya melakukan sesuatu dan jangan berikan kepada polan sesuatupun sehingga aku berjumpa dengan anda atau Allah memerintahkan aku dengan kematian.

(392)-9. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Abdullah bin al-Mughirah, daripada al-Hasan bin al-Mukhtar berkata: Beberapa lambaran surat daripada Abu al-Hasan a.s di Basrah telah sampai kepada kami secara kiasan: Janjiku adalah kepada anak lelakiku yang paling tua, diberikan kepada polan begitu dan polan begitu, polan begitu dan polan tidak diberikan sehingga aku datang atau Allah mengambil nyawaku, sesungguhnya Allah melakukan apa yang Dia kehendaki.

(393)-10. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Ibn Muhriz, daripada Ali bin Yaqtin, daripada Abu al-Hasan a.s telah berkata: Beliau a.s telah mengirim surat kepadaku dari tempat tahanannya bahawa polan adalah anak lelakiku, penghulu anak lelakiku dan aku telah memberi kepadanya gelaranku (*kunyati*).

(394)-11. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Abi Ali al-Khazzaz, daripada Daud bin Sulaiman berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ibrahim a.s: Aku khuatir sesuatu akan berlaku kepada anda dan aku tidak bertemu dengan anda lagi, justeru, beritahu kepadaku siapakah imam selepas anda? Beliau a.s telah berkata: Anak lelakiku polan-Iaitu Abu al-Hasan a.s.

(395)-12. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Sa'id bin Abi al-Jahm, daripada al-Nasr bin Qabus berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ibrahim a.s: Sesungguhnya aku telah bertanya bapa anda a.s tentang siapakah selepas anda? Maka beliau a.s telah memberitahu kepadaku bahawa andalah orangnya. Manakala Abu Abdillah a.s mati, orang ramai telah pergi ke kanan dan ke kiri, aku dan para sahabatku telah menerima anda, justeru, beritahu kepadaku siapakah selepas anda? Beliau a.s telah berkata: Anak lelakiku polan.

(396)-13. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada al-Dhahhak bin al-Asy'ath, daripada Daud bin Zurbi berkata: Aku telah datang kepada Abu Ibrahim a.s dengan harta, lalu beliau a.s telah mengambil sebahagian dan meninggalkan sebahagian, maka aku telah berkata: *Aslaha-ka llahu*, kenapakah anda meninggalkannya di sisiku? Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya seorang yang mempunyai kuasa (*sahib hadha al-Amr*) akan menuntutnya daripada anda. Apabila berita kematiannya telah sampai kepada kami, maka Abu al-Hasan a.s telah mengutus anak lelakinya, lalu beliau meminta harta itu, maka aku telah memberikannya kepadanya.

(397)-14. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Abi al-Hakam al-Armani berkata: Abdullah bin Ibrahim bin Ali bin Abdullah bin Ja'far bin Abu Talib telah memberitahu kepadaku, daripada Yazid bin Salit al-Zaidi, Abu al-Hakam berkata: Abdullah bin Muhammad bin 'Imarah al-Jarmi telah memberitahu kepadaku, daripada Yazid bin Salit berkata: Aku telah berjumpa dengan Abu Ibrahim a.s- ketika kami mahu melakukan umrah- di sebahagian jalan, maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, adakah anda menyedari tempat ini di mana kita berada? Beliau a.s telah berkata: Ya, adakah anda sendiri menyedarinya? Aku telah berkata: Ya, sesungguhnya aku dan bapaku, kami telah berjumpa dengan anda di sini ketika anda bersama Abu Abdillah a.s dan bersamanya saudara-saudara anda, maka bapaku telah berkata kepadanya: Dengan bapaku, anda dan ibuku, kamu semua para imam yang disucikan, tiada seorang yang akan terlepas daripada kematian. Justeru beritahulah kepadaku sesuatu supaya aku memberitahunya kepada mereka selepasku, lantaran itu, mereka tidak akan sesat.

Beliau a.s telah berkata: Ya, wahai Abu Abdillah (bapa Yazid bin Salit), mereka itu adalah anak-anak lelakiku dan ini adalah penghulu mereka-beliau a.s telah menunjukkan kepada anda dan beliau a.s telah diberikan ilmu, kefahaman, kemurahan hati, ilmu yang dihajati oleh orang ramai, ilmu yang tidak disepakati oleh mereka tentang urusan agama dan dunia mereka, akhlak yang mulia, jawapan yang baik [kepada soalan]. Beliau a.s adalah satu pintu daripada pintu-pintu Allah. Dan di dalam diri beliau a.s terdapat satu sifat yang lebih baik daripada ini. Bapaku telah berkata: Apakah dia? -Dengan bapaku, anda dan ibuku-Beliau a.s telah berkata: Allah akan mengeluarkan daripadanya pertolongan umat ini, kejayaan umat ini, ilmunya, cahayanya, kelebihannya, hikmahnya, sebaik-baik bayi yang dilahirkan dan sebaik-baik (manusia) yang akan membesar.

Allah memelihara darah [orang ramai] dengannya, membaiki silaturahim, menyatukan perselisihan, memakaikan yang bertelanjang, mengenyangkan yang lapar, mengamankan yang takut, Allah

menurunkan hujan dengannya, merahmati hamba-hamba-Nya, paling baik di kalangan orang tua dan paling baik di kalangan remaja, kata-katanya adalah hikmah, diamnya adalah ilmu, menerangkan kepada manusia apa yang mereka tidak sepakati. Beliau akan menjadi ketua keluarga sebelum beliau mencapai umur baligh. Maka bapaku telah berkata kepadanya: Dengan bapaku, anda dan ibuku, adakah beliau telah dilahirkan? Beliau a.s telah berkata: Ya, beberapa tahun umurnya telah berlalu. Yazid berkata: Tiba-tiba seorang lelaki telah datang kepada kami dan kami tidak dapat bercakap dengannya.

Yazid berkata kepada Abu Ibrahim a.s: Beritahu kepadaku sebagaimana bapa anda a.s telah memberitahunya kepadaku, maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Ya, sesugguhnya bapaku a.s telah berada di zaman di mana sekarang bukan zamannya. Maka aku telah berkata kepadanya: Sesiapa yang meredai anda tentang perkara ini, maka laknat Allah ke atasnya. Beliau telah berkata: Abu Ibrahim a.s telah ketawa dengan nyaring, kemudian beliau a.s telah berkata: Aku akan memberitahunya kepada anda, wahai Abu 'Ammarah, apabila aku telah keluar dari rumahku, maka aku telah mewasiatkan kepada anak lelakiku polan, tetapi aku telah bersyarikat bersamanya anak-anakku yang lain pada zahir sedangkan aku telah mewasiatkan kepadanya pada batin.

Justeru, aku telah mengasingkannya seorang sahaja. Sekiranya urusan ini terletak kepadaku, nescaya aku telah memilih anak lelakiku al-Qasim kerana cintaku dan kelembutan hatiku kepadanya, tetapi ia terletak kepada Allah, Dia menjadikannya untuk siapa yang Dia kehendaki. Sesungguhyna Rasulullah s.a.w telah datang kepadaku dengan berita ini. Kemudian baginda s.a.w telah memperlihatkan [di dalam mimpi] kepadaku penggantiku (imam) di kalangan anak-anakku dan mereka yang bersamanya. Begitulah tiada seorangpun yang mewasiatkan kepada seseorang di kalangan kami sehingga Rasulullah s.a.w dan datukku Ali a.s datang dengan beritanya. Aku telah melihat sebentuk cincin, sebilah pedang, sebatang tongkat, sebuah kitab dan serbannya (Rasulullah s.a.w). Maka aku telah berkata: Apakah ini, wahai Rasulullah s.a.w? Baginda s.a.w telah bersabda kepadaku: Adapun serban adalah kekuasaan Allah a.w.

Adapun pedang, maka ia adalah kekuatan Allah t.w. Adapun kitab, maka adalah cahaya Allah t.w. Adapun tongkat, maka ia adalah kekuatan Allah. Adapun cincin, maka ia meliputi semua perkara. Kemudian baginda s.a.w telah bersabda kepadaku: Urusan *imamah* telah keluar daripada anda kepada orang lain. Lantas aku telah berkata kepada Rasulullah s.a.w, perlihatkanlah beliau (imam selepasnya) kepadaku, siapakah beliau di kalangan mereka? Maka Rasulullah s.a.w bersabda kepadaku: Aku tidak melihat seorangpun di kalangan para imam yang paling mengambil berat di dalam perkara ini selain daripada

anda. Jika *imamah* adalah dengan kasih sayang (*al-mahabbah*), nescaya Isma'il lebih dikasihi oleh bapa anda daripada anda, tetapi perkara itu adalah daripada Allah a.w.

Kemudian Abu Ibrahim a.s telah berkata: Aku telah melihat semua anak-anakku sama ada yang masih hidup ataupun yang telah mati. Maka Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepadaku: Ini adalah penghulu mereka, beliau a.s telah menunjukkan kepada anak lelakiku Ali, maka beliau adalah daripadaku dan aku adalah daripadanya dan Allah adalah bersama mereka yang melakukan kebaikan" Yazid berkata: Kemudian Abu Ibrahim a.s telah berkata: Wahai Yazid, ini adalah simpanan [rahsia] di sisi anda. Justeru, janganlah anda memberitahu kepada sesiapapun tentangnya melainkan dia seorang yang berakal atau seorang hamba [Allah] yang anda percaya bahawa dia seorang yang benar. Jika anda dipanggil untuk membuat penyaksian, maka buatlah iaitu sebagaimana firman Allah a.w: "*Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya menunaikan amanah kepada ahlinya*"[109]

Dan Dia juga berfirman kepada kita: "*Dan siapakah orang yang lebih zalim daripada orang yang menyembunyikan syahadah dari Allah?*[110] Abu Ibrahim a.s telah berkata: Aku telah berpaling kepada Rasulullah s.a.w sambil berkata: Sesungguhnya anda telah mengumpulkan anak-anakku untukku- dengan bapaku dan ibuku-manakah beliau di kalangan mereka? Maka baginda s.a.w telah bersabda: Seorang yang melihat dengan cahaya Allah a.w, mendengar dengan kefahaman-Nya, bercakap dengan hikmah-Nya, tepat dan tidak bersalah, mengetahui tanpa kejahilan, pendidik hikmah dan ilmu, inilah dia orangnya (*huwa hadha*) dan baginda s.a.w telah mengambil tangan anak lelakiku Ali-Kemudian baginda s.a.w telah bersabda: Anda akan hanya bersamanya di dalam jangka waktu yang pendek.

Justeru, apabila anda kembali dari musafir anda, maka berwasiatlah, perbaikilah urusan anda dan selesailah apa yang anda kehendaki kerana anda akan berpindah daripada mereka dan akan berjiran dengan orang lain. Jika anda mahu, maka panggillah Ali, maka beliau akan memandi dan mengapankankan anda kerana ia adalah suci untuk anda. Ia mesti dijalankan menurut cara ini. Inilah sunnah yang telah berlalu.

Kemudian biarlah beliau meletakkan anda di hadapannya, biarkan saudara-saudaranya dan bapa-bapa saudaranya beratur di hadapannya dan perintahkannya supaya melakukan takbir di atas anda sembilan takbir, sesungguhnya wasiatnya telah diperkukuhkan dan beliau adalah wali anda ketika anda masih hidup. Kemudian kumpulkan semua anak-anak anda di kelilingnya dan jadikan mereka saksi dan Allah akan

---

[109] Surah al-Nisaa' (4): 58
[110] Surah al-Baqarah (2): 140

menyaksikannya dan cukuplah Allah menjadi saksi. Yazid berkata: Kemudian Abu Ibrahim a.s telah berkata kepadaku: Aku akan diambil pada tahun ini dan urusan *imamah* adalah kepada anak lelakiku Ali nama yang sama dengan Ali: Ali yang pertama, maka Ali bin Abu Talib dan adapun Ali yang akhir adalah Ali bin al-Husain a.s. Dikurniakan dengan fahaman yang pertama, kesabarannya, kemenangannya, kasih sayangnya, agamanya dan ujiannya. Dan ujian yang lain adalah kesabarannya di atas apa yang beliau tidak sukai, tetapi beliau tidak bercakap melainkan selepas empat tahun kematian Harun.

Kemudian beliau a.s telah berkata kepadaku: Wahai Yazid, jika anda melintasi tempat ini dan berjumpa dengannya- dan anda akan berjumpa dengannya- maka beritahulah kepadanya tentang berita baik kepadanya bahawa seorang bayi (*ghulam*) akan dilahirkan untuknya, yang amanah, dijamin, diberkati dan beliau akan memberitahu kepada anda bahawa anda telah berjumpa denganku, maka beritahulah kepadanya ketika itu bahawa seorang hamba perempuan (*al-Jariah*) yang akan melahirkan bayi ini adalah seorang hamba perempuan daripada keluarga Mariah seorang hamba perempuan Rasulullah s.a.w, ibu Ibrahim a.s (anak lelaki Rasulullah s.a.w).

Jika anda boleh menyampaikan salamku kepadanya, maka lakukanlah. Yazid berkata: Aku telah berjumpa dengan Ali a.s selepas kematian bapanya Abu Ibrahim a.s, maka beliau a.s telah memulakan percakapan denganku. Beliau a.s telah berkata kepadaku: Wahai Yazid, apa pendapat anda tentang umrah? Aku telah berkata: Dengan bapaku, anda dan ibuku, itu terserah kepada anda, aku tidak ada wang untuk perbelanjaannya.

Maka beliau a.s telah berkata: *Subhana llah*, kami tidak memaksa anda dan tidak akan menyediakan perbelanjaan untuk anda. Kemudian kami telah keluar sehingga kami sampai ke tempat itu, maka beliau a.s telah mula bercakap denganku, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Yazid, pada tempat ini anda banyak berjumpa dengan jiran-jiran anda dan bapa-bapa saudara anda, aku telah berkata: Ya, kemudian aku telah menceritakan kepadanya kisah itu, lalu beliau a.s telah berkata kepadaku: Adapun seorang hamba perempuan, maka dia belum datang lagi kepadaku, maka apabila dia datang, aku akan menyampaikan salamnya kepadanya. Kemudian kami meneruskan perjalanan kami ke Makkah dan beliau a.s telah membelinya pada tahun itu juga.

Tidak lama kemudian, dia telah mengandung (hamil) dan melahirkan seorang bayi. Yazid berkata: Saudara-saudara Ali masih berharap bahawa mereka akan mewarisinya. Justeru, saudara-saudaranya telah memusuhiku tanpa dosa. Ishaq bin Ja'far telah berkata kepada mereka: Demi Allah, aku telah melihatnya (Yazid) sedang duduk dekat dengan Abu Ibrahim a.s di majlis yang aku tidak duduk bersama.

(398)-15. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Abi al-Hakam berkata: Abdullah bin Ibrahim al-Ja'fari telah memberitahu kepadaku dan Abdullah bin Muhammad bin 'Ammarah, daripada Yazid bin Salit berkata: Apabila Abu Ibrahim a.s telah mewasiatkan [*imamah*], beliau a.s telah memanggil Ibrahim bin Muhammad al-Ja'fari, Ishaq bin Muhammad al-Ja'fari, Ishaq bin Ja'far bin Muhammad, Ja'far bin Salih, Mu'awiyah al-Ja'fari, Yahya bin al-Husain bin Yazid bin Ali, Sa'd bin 'Imran al-Ansari, Muhammad bin al-Harith al-Ansari, Yazid bin Salit al-Ansari dan Muhammad bin Ja'far bin Sa'd al-Aslami-iaitu wasiat yang pertama-Beliau a.s telah memanggil mereka untuk menjadi saksi bahawa beliau a.s naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah Yang Satu, tiada sekutu bagi-Nya, sesungguhnya Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya, sesungguhnya hari Kiamat akan berlaku tanpa syak lagi. Sesungguhnya Allah akan membangkitkan mereka di dalam kubur.

Sesungguhnya [hari] Kebangkitan selepas kematian adalah benar. Sesungguhnya Janji[Nya] adalah benar, sesungguhnya Hisab adalah benar, Penghakiman adalah benar, sesungguhnya wukuf di hadapan Allah adalah benar, sesungguhnya apa yang telah dibawa oleh Muhammad adalah benar, sesungguhnya apa yang telah diturunkan oleh *al-Ruh al-Amin* adalah benar. Di atas (kepercayaan ini], aku hidup dan di atasnya aku mati dan di atasnya aku akan dibangkitkan kembali *in sya'a Allah*. Aku telah memanggil mereka sebagai saksi bahawa inilah wasiatku dengan khat aku sendiri, sesungguhnya aku telah menyalin khat datukku Amir al-Mukminin Ali bin Abu talib a.s dan wasiat Muhammad bin Ali sebelum itu. Aku telah menyalinnya satu persatu dan wasiat Ja'far bin Muhammad seperti itu juga. Sesungguhnya aku telah mewasiatkan kepada Ali dan anak-anakku bersamanya jika beliau mahu, jika beliau melakukan penghakiman yang adil kepada mereka. Aku suka supaya beliau menyokong mereka, tetapi itu terserah kepadanya. Jika beliau tidak mengakui mereka dan beliau suka untuk memecat mereka, maka ia terserah kepadanya dan mereka pula tidak mempunyai kuasa ke atasnya.

Aku telah mewasiatkan kepadanya tentang wakaf-wakafku, harta-hartaku, hamba-hambaku, anak-anak kecilku yang aku telah meninggalkan mereka dan anak-anakku yang lain. Aku telah meninggalkan perempuan-perempuanku kepada al-'Abbas dan Ibrahim, al-Qasim, Isma'il, Ahmad, Umm Ahmad kepada Ali dan bukan kepada orang lain. Satu pertiga daripada *sadaqah* bapaku dan dua pertiga *sadaqah*ku (aku tinggalkan untuk Ali a.s), beliau boleh melakukan sesuatu kepadanya apabila beliau fikir sesuai seperti seorang pemilik harta terhadap hartanya.

Jika beliau suka menjualnya atau memberikannya, mendermanya atau bersedekah dengannya kepada orang yang aku telah

menamakannya kepadanya ataupun aku tidak menamakannya. Maka ia terserah kepadanya. Beliau adalah sepertiku sendiri tentang wasiatku pada hartaku, keluargaku dan anak-anakku. Jika beliau melihat bersesuain untuk menetapkan saudara-saudaranya yang aku telah menamakan mereka di dalam wasiatku ini, maka beliau boleh melakukannya dan jika beliau tidak menyukainya, maka beliau boleh mengeluarkan mereka, beliau tidak boleh dicela atau ditolak.

Jika beliau mendapati keadaan mereka berlainan semasa aku meninggalkan mereka dan beliau mahu mengeluarkan mereka daripda kuasa [yang aku telah tetapkan], maka ia adalah terserah kepadanya. Jika ada di kalangan mereka (saudara-saudaranya) yang ingin mengahwinkan saudara perempuannya, maka beliau (saudaranya) tidak boleh mengahwinkannya melainkan dengan izinnya (Ali al-Ridha a.s) dan perintahnya kerana beliau lebih mengetahui tentang perkahwinan keluarganya.

Mana-mana kuasa atau individu yang mencegahnya dari sesuatu atau meletak halangan di antaranya dan sesuatu daripada apa yang aku telah sebutkannya di dalam suratku ini atau antara beliau dan seorang daripada mereka yang aku telah sebutkannya, maka beliau adalah terlepas daripada Allah dan Rasul-Nya, Allah dan Rasul-nya juga terlepas daripadanya dan di atasnya laknat Allah, kemurkaan-Nya, laknat para pelaknat, para malaikat yang dekat dengan Allah, para nabi, para rasul dan kumpulan mukminin. Tiada seorangpun yang mempunyai kuasa boleh mencegahnya dari sesuatu dan tiada tuntutan di pihakku untuk menentangnya (Ali al-Ridha) dengan alasan salah laku. Tiada seorangpun di kalangan anak-anakku boleh menuntut mana-mana harta menentangku daripadanya. Beliau mesti diterima di dalam semua perkara yang dikatakan olehnya. Jika beliau mengurangkan [pembahagian], maka beliau lebih mengetahui atau jika beliau memperbanyakkannya, maka beliau adalah seorang yang benar begitulah seterusnya.

Sesungguhnya aku mahu memasukkan nama anak-anakku bersamanya adalah untuk memuliakan mereka. Kepada hamba-hamba perempuanku yang telah melahirkan anak-anakku (*ummahaat aulaadi*) yang masih tinggal di rumah-rumah mereka dan di sebalik hijab akan diberikan perbelanjaan seperti pada masa hidupku, jika beliau melihat keadaannya sesuai dan sesiapa di kalangan mereka keluar untuk berkahwin, maka beliau tidak boleh lagi kembali ke rumahku kecuali Ali memikirkan sebaliknya.

Begitu juga dengan anak-anak perempuanku, tiada seorangpun daripada saudara-saudaranya di sebelah ibunya boleh mengahwinkan mereka, begitu juga mereka yang mempunyai kuasa atau bapa saudaranya tidak boleh mengahwinkan mereka melainkan mengikut pendapatnya (Ali al-Ridha a.s) dan perbincangan dengannya. Jika

mereka melakukan perkara selain daripadanya, maka sesungguhnya mereka telah menyalahi Allah dan Rasul-Nya serta menentang kekuasaannya (Ali al-Ridha a.s) sedangkan beliau lebih mengetahui tentang pernikahan atau perkahwinan keluarganya. Jika beliau mahu untuk mengahwinkan mereka, maka beliau akan melakukannya dan jika beliau tidak mahu mengahwinkan mereka, maka beliau boleh berbuat demikian. Sesungguhnya aku telah mewasiatkannya kepada mereka sebagaimana aku telah menyebutkannya di dalam suratku ini.

Aku telah menjadikan Allah saksi ke atas mereka begitu juga dengannya (Ali al-Ridha a.s) dan Umm Ahmad. Tiada seorang yang boleh membuka wasiatku atau menyebarkan wasiatku jika beliau bukan seorang yang aku telah menyebutkannya dan menamaknnya di dalam perkara ini. Sesiapa yang telah melakukan kejahatan, maka ia kembali kepadanya dan sesiapa yang melakukan kebaikan, maka ia adalah untuk dirinya dan Tuhan kamu tidak menzalimi hamba-hamba-Nya. Selawat dan salam ke atas Muhammad dan keluarganya. Tiada seorang yang mempunyai kuasa atau orang selain daripadanya boleh membuka suratku ini yang aku telah menutupnya rapat-rapat.

Sesiapa yang melakukan sedemikian, maka laknat Allah ke atasnya, kemurkaan-Nya, laknat semua pelaknat, termasuk para malaikat yang dekat dengan Allah, semua rasul dan mukminin ke atas mereka yang membuka suratku ini. Abu Ibrahim a.s dan saksi-saksinya telah menulis dan menutupnya. Selawat dan salam ke atas Muhammad dan keluarganya.

Abu al-Hakam berkata: Abdullah bin Adam al-Ja'fari telah memberitahu kepadaku daripada Yazid bin Salit berkata: Abu 'Imran al-Talhi adalah kadi Madinah. Apabila Musa a.s telah mati, saudara-saudaranya (Ali al-Ridha a.s) telah mengemukakannya kepada al-Talhi al-Qadhi. Al-'Abbas bin Musa berkata: *Aslaha-ka llah*, berilah kami kesoronokan melalui anda di bahagian bawah surat ini ada perbendaharaan, permata-permata dan beliau (Ali al-Ridha a.s) mahu menyembunyikannya dan mengambilnya untuk dirinya dan bukan untuk kami. Bapa kami tidak meninggalkan sesuatu melainkan beliau berlindung kepadanya (Ali al-Ridha a.s) dan beliau telah meninggalkan kami pula bergantung kepadanya. Jika aku tidak menahan diriku, nescaya aku memberitahu sesuatu kepada anda di hadapan orang ramai yang telah berkumpul. Lantas, Ibrahim bin Muhammad telah menerkam kepadanya dan berkata: Lantaran itu, demi Allah, anda akan memberitahu perkara yang kami tidak menerimanya daripada anda dan kami tidak mempercayai anda tentangnya. Kemudian anda akan menjadi seorang yang dihina dan dimurkai.

Kami mengetahui anda dengan pembohongan semenjak kecil lagi dan bapa anda lebih mengetahui tentang anda. Jika kebaikan ada pada anda dan bapa anda mengetahui anda pada zahir dan batin, kenapa

beliau tidak memprcayai anda meskipun dengan dua kurma. Kemudian Ishaq bin Ja'far, bapa saudaranya di sebelah bapa, menerkam kepadanya, lalu memegang leher bajunya sambil berkata: Anda adalah seorang yang dungu, lemah dan bodoh. Ini dan apa yang telah berlaku kelamarin adalah daripada anda. Orang ramai telah berkumpul di sana menyokongnya (Ishaq). Abu 'Imran al-Qadhi berkata kepada Ali: Wahai Abu al-Hasan, pergilah, cukuplah aku apa yang dilaknati oleh bapa anda pada hari ini. Bapa anda telah memberi kepada anda kuasa yang luas. Demi Allah, tiada seorang yang lebih mengetahui tentang anaknya daripada bapanya. Demi Allah, bapa anda, di sisi kami, bukanlah seorang yang lemah akalnya. Maka al-'Abbas berkata kepada al-Qadhi: *Aslaha-ka llahu*, pecahkan penutupnya dan bacalah apa yang ada di bawahnya.

Abu 'Imran berkata: Aku tidak akan memecahkannya atau membukanya, cukuplah apa yang dilaknati oleh bapa anda pada hari ini. Al-'Abbas berkata: Aku akan memecahkannya [untuk dibuka], maka beliau (al-Qadhi) berkata: Ia terserah kepada anda. Maka al-'Abbas telah memecahkan penutupnya (*al-Khatam*), maka beliau mendapatinya (surat) mengeluarkan mereka daripada *sadaqah* dan perkara-perkara yang lain dan menyokong Ali, malah mereka semua di bawah kuasa Ali sama ada mereka mahu ataupun tidak. Pembukaan surat itu adalah satu bala, keburukan dan kehinaan kepada mereka. Dan bagi Ali a.s adalah satu kelebihan. Di dalam wasiat yang dibukakan penutupnya oleh al- Abbas mengandungi saksi-saksi seperti: Ibrahim bin Muhammad, Ishaq bin Ja'far, Ja'far bin Salih dan Sa'id bin 'Imran.

Mereka telah mendedahkan muka Umm Ahmad (yang hadir) di majlis al-Qadhi kerana mereka mendakwa bahawa beliau bukanlah Umm Ahmad sehingga mereka telah mendedahkannya dan mereka mengenalinya. Maka beliau telah berkata pada ketika itu: Demi Allah, sesungguhnya tuanku telah berkata ini kepadaku: Sesungguhnya anda akan diambil secara paksaan atau anda akan dikeluarkan dari majlis. Ishaq bin Ja'far telah menakut-nakutkan beliau dan berkata: Diamlah, kerana perempuan dikira mempunyai akal yang lemah. Aku tidak terfikir bahawa beliau telah berkata sedemikian. Kemudian Ali a.s telah berpaling kepada al-'Abbas sambil berkata: Wahai saudaraku, aku mengetahui sesungguhnya apa yang telah mendorong anda bertindak sedemikan adalah disebabkan hutang-hutang anda. Justeru, wahai Sa'id, tentukan untukku berapakah hutang mereka yang wajib dibayar, kemudian bayarlah di atas akaun aku [untuk mereka].

Demi Allah, aku tidak akan meninggalkan berbuat baik kepada kamu selama aku berjalan di bumi ini, maka katakanlah apa yang kamu kehendaki. Al-'Abbas berkata: Apa yang anda berikan kepada kami adalah lebihan daripada harta-harta kami sedangkan harta kami di sisi anda adalah lebih banyak. Beliau a.s telah berkata: Katakanlah apa

yang kamu mahu, maka kehormatan adalah kehormatan kamu. Jika kamu berbuat baik, maka ia adalah untuk kamu. Jika kamu berbuat jahat, sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang. Sesungguhnya kamu pun mengetahui bahawa aku pada hariku ini tidak mempunyai anak dan tiada pewaris selain daripada kamu. Jika aku menyimpan sesuatu sebagaimana kamu fikirkan atau aku menyimpannya, maka ia akan menjadi milik kamu sahaja dan ia akan diberikan kepada kamu.

Demi Allah, semenjak kematian bapa kamu r.a, aku tidak memiliki sesuatupun kecuali untuk tujuan tertentu sebagaimana kamu telah melihatnya. Lantas al-'Abbas melompat kepadanya dan berkata: Demi Allah, ia bukanlah begitu, Allah tidak menjadikan pendapat anda menguasai kami, tetapi ia adalah hasad bapa kita terhadap kita dan kemahuannya yang dikehendaki olehnya [sendiri] yang mana Allah tidak membenarkannya untuknya dan untuk anda. Sesungguhnya anda mengetahui bahawa aku mengenali Safwan bin Yahya Bayya' al-Sabiri[111] di Kufah, jika aku masih hidup, aku akan membuatnya tercekik dengan air liurnya dan anda bersamanya.

Ali a.s telah berkata: Tiada daya dan kekuatan melainkan dengan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar. Adapun aku, wahai saudara-saudaraku, aku bersemangat untuk menggembirakan kamu, Allah mengetahui, wahai Tuhanku, jika Engkau mengetahui bahawa aku mencintai kebaikan mereka dan sesungguhnya aku seorang yang baik terhadap mereka dan bersemangat untuk menemani mereka, mengambil berat tentang urusan mereka malam dan siang, maka berilah ganjaran di atas kebaikan dan jika aku bukan sedemikian, maka Engkau lebih mengetahui tentang perkara-perkara yang ghaib, maka berilah ganjaran kepadaku apa yang aku layak dengan sewajarnya. Jika ia jahat, maka jahatlah ia dan jika ia baik, maka baiklah ia.

Wahai Tuhanku, buatlah mereka baik dan buatlah perkara-perkara yang baik untuk mereka. Jauhilah syaitan daripada kami dan mereka dan buatlah mereka mentaati Engkau, buatlah mereka berjaya bagi mencapai kejayaan Engkau. Adapun aku, wahai saudaraku, bersemangat untuk menggembirakan kamu, berjuang untuk kebaikan kamu "*Dan Allah adalah saksi terhadap apa yang kita ucapkan (ini)*[112] . Maka al-'Abbas berkata: Aku benar-benar mengetahui cara lidah anda [bertutur], aku bukanlah tanah yang subur untuk tipu-daya anda". Kemudian orang ramai telah bersurai, selawat dan salam ke atas Muhammad dan keluarganya.

[111] Wakil Imam Musa dan Imam al-Ridh a.s di Kufah.
[112] Surah Yusuf (12): 66

(399)-16. Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Muhammad bin Ali dan Abdullah bin al-Marzaban, daripada Ibn Sinan berkata: Aku telah datang kepada Abu al-Hasan Musa a.s setahun sebelum beliau a.s datang ke Iraq dan anak lelakinya Ali sedang duduk di sisinya. Maka beliau a.s telah melihat kepadaku dan berkata: Wahai Muhammad, pada tahun ini akan berlaku kekacauan, justeru, janganlah anda berdukacita kerananya. Aku telah berkata: Apakah akan berlaku, aku telah menjadikan diriku tebusan anda? Apa yang anda katakan itu membuatkan aku risau. Maka beliau a.s telah berkata: Aku akan diambil kepada seorang yang zalim, tetapi tiada keburukan akan menimpaku di tangannya dan tidak juga di tangan orang selepasnya. Aku telah berkata: Apakah akan berlaku, aku telah menjadikan diriku tebusan anda?

Beliau a.s telah membaca firman Allah: "*Dan Allah menyesatkan mereka yang zalim dan Allah memperbuat apa yang Dia kehendaki*"[113] Beliau telah berkata: Aku telah berkata: Apakah itu, aku telah menjadikan diriku tebusan anda? Beliau a.s telah berkata: Sesiapa yang menzalimi anak lelakiku ini akan haknya dan menentang *imamah*nya selepasku adalah seperti seorang yang telah menazalimi Ali bin Abu Talib akan haknya dan menentang *imamah*nya selepas Rasulullah s.a.w. Beliau telah berkata: Aku telah berkata: Demi Allah, jika Allah memanjangkan umurku, nescaya aku akan menyerahkan haknya kepadanya dan mengakui *imamah*nya. Beliau a.s telah berkata: Anda memang benar, wahai Muhammad, Allah akan memanjangkan umur anda dan anda akan menyerahkan haknya kepadanya, dan anda akan mengakui *imamah*nya dan *imamah* orang selepasnya. Beliau telah berkata: Aku telah berkata: Siapakah itu? Beliau a.s telah berkata: Muhammad anak lelakinya. Beliau telah berkata: Aku telah berkata: Aku meredainya dan menyerah kepadanya".

Bab 73

☼Isyarat Dan Nas Ke Atas Abu Ja'far Al-Thani A.S (*al-Isyarat wa al-Nas 'ala Abi Ja'far al-Thani a.s*)☼

(400)-1. Ali bin Muhammad, daripada n Ziyad, daripada Muhammad bin al-Walid, daripada Yahya bin Habib al-Zayyat berkata: Beberapa orang yang sedang duduk di sisi Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah memberitahu kepadaku. Apabila mereka bangun, beliau a.s telah berkata kepada mereka: Pergi jumpa Abu Ja'far dan sampaikanlah salam kepadanya dan perbaharuilah janji kamu dengannya. Apabila

[113] Surah Ibrahim (14): 27

mereka berdiri untuk pergi, beliau a.s telah berpaling kepadaku dan berkata: Allah memberi rahmat kepada al-Mufadhdhal kerana beliau berpuas hati [mengakui imam akan datang] tanpa ini (arahan].

(401)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Mu'ammar bin Khallad berkata: Aku telah mendengar al-Ridha a.s telah menyebutkan sesuatu, maka beliau a.s telah berkata: Apakah hajat kamu kepadanya, ini adalah Abu Ja'far sesungguhnya aku telah mendudukkannya di tempat dudukku dan aku telah melantiknya kepada kedudukanku dan berkata: Sesungguhnya kami Ahlu l-Bait yang mana yang kecil kami mewarisi yang besar kami, kami adalah sama.

(402)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada bapanya Muhammad bin Isa berkata: Aku telah datang kepada Abu Ja'far al-Thani a.s, lalu beliau a.s telah berbincang beberapa perkara denganku. Kemudian beliau a.s telah berkata kepadaku: Wahai Abu Ali, tiada ruang untuk syak kerana bapaku tidak mempunyai anak lelaki selain daripadaku.

(403)-4. Beberapa orang daripada sahabat kita, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ja'far bin Yahya, daripada Malik bin Asyim, daripada al-Husain bin Basysyar berkata: Ibn Qiyama telah menulis surat kepada Abu al-Hasan al-Ridha a.s, beliau telah berkata di dalamnya: Bagaimana anda menjadi seorang imam sedangkan anda tidak [mampu] mempunyai anak lelaki? Maka Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah berkata kepadanya-seakan-akan memarahinya-Siapakah yang telah memberitahu kepada anda bahawa aku tidak mempunyai anak lelaki? Demi Allah, hari-hari dan malam-malamku tidak akan berlalu sehingga Allah mengurniakan kepadaku seorang anak lelaki yang dapat membezakan di antara kebenaran dan kebatilan.

(404)-5. Beberapa orang sahabat kita, daripada Muhammad bin Ali, daripada Mu'awiyah bin Hakim, daripada Ibn Abi Nasr berkata: Ibn al-Najjasyi telah berkata kepadaku: Siapakah imam selepas sahabat anda? Aku mahu anda bertanya kepadanya sehingga aku mengetahuinya. Lalu aku telah datang berjumpa dengan al-Ridha a.s dan aku telah bertanya kepadanya, beliau a.s telah berkata kepadaku: Imam itu adalah anak lelakiku. Kemudian beliau a.s telah berkata: Adakah seorang berani berkata "anak lelakiku" sedangkan beliau tidak mempunyai anak lelaki?

(405)-6. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Mu'ammar bin Khallad berkata: Kami telah menyebutkan sesuatu di sisi Abu al-Hasan a.s selepas Abu Ja'far dilahirkan untuknya. Maka beliau a.s telah berkata: Apakah hajat kamu kepada ini? Ini adalah Abu Ja'far,

aku telah mendudukkannya di tempat dudukku dan melantiknya pada tempatku.

(406)-7. Ahmad, daripada Muhammad bin Ali, daripada Ibn Qiyama al-Wasiti berkata: Aku telah datang kepada Ali bin Musa a.s, maka aku telah berkata kepadanya: Adakah berlaku dua imam (pada satu masa)? Beliau a.s telah berkata: Tidak, kecuali salah seorang daripadanya berdiam diri. Maka aku telah berkata kepadanya: Andalah yang tidak berdiam diri, Abu Ja'far belum dilahirkan pada masa itu, maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Demi Allah, Allah akan menjadikan aku seorang yang mana Dia akan mendirikan kebenaran dengannya dan pendokongnya. Dia akan memusnahkan kebatilan dan pendokongnya. Abu Ja'far dilahirkan untuknya selepas setahun. Ibn Qiyama adalah seorang yang berfahaman al-Waqifiyyah.

(407)-8. Ahmad, daripada Muhammad bin Ali, daripada al-Hasan bin al-Jahm berkata: Aku telah duduk di sisi Abu al-Hasan a.s, lalu beliau a.s telah memanggil anak lelakinya yang masih kecil, kemudian beliau a.s telah mendudukkannya di atas ribaku. Beliau a.s telah berkata kepadaku: Cabutlah bajunya, lantas aku mencabutnya. Beliau a.s telah berkata kepadaku: Lihatlah di antara dua bahunya, lantas aku melihatnya, tiba-tiba pada salah satu bahunya seperti penutup yang menusuk ke dalam daging. Kemudian beliau a.s telah berkata: Adakah anda melihat ini? Bapaku telah mempunyai perkara yang sama di tempat ini.

(408)-9. Daripadanya, daripada Muhammad bin Ali, daripada Abi Yahya al-San'ani berkata: Aku telah berada di sisi Abu al-Hasan a.s, maka anak lelakinya Abu Ja'far yang masih kecil telah dibawakan kepadanya, maka beliau a.s telah berkata: Tiada bayi yang dilahirkan yang akan memberi keberkatan yang lebih besar kepada Syiah kita selain daripada bayi ini.

(409)-10. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Safwan bin Yahya berkata: Aku telah berkata kepada al-Ridha a.s: Kami pernah bertanya kepada anda sebelum Allah mengurniakan anda dengan Abu Ja'far a.s, lantas anda berkata: Allah akan mengurniakan aku seorang bayi, maka Allah telah mengurniakannya kepada anda, maka kami bergembira. Semoga Allah tidak akan membiarkan kami melihat hari kematian anda, tetapi jika apa yang akan berlaku itu berlaku, maka kepada siapa? Beliau a.s telah menunjukkan dengan tangannya kepada Abu Ja'far a.s yang sedang berdiri di hadapannya. Maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, ini anak lelaki yang berusia tiga tahun? Maka beliau a.s

telah berkata: Tiada sesuatu yang menghalangnya daripadanya. Sesungguhnya Isa a.s telah mendirikan hujahnya ketika berusia tiga tahun.

(410)-11. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Mu'ammar bin Khallad berkata: Aku telah mendengar Isma'il bin Ibrahim berkata kepada al-Ridha a.s: Sesungguhnya anak lelakiku ini perlahan lidahnya, aku akan menghantarkannya kepada anda besok supaya anda menyapu di atas kepalanya dan berdoa untuknya kerana beliau adalah di bawah jagaan anda, maka beliau a.s telah berkata: Beliau adalah di bawah jagaan Abu Ja'far, maka hantarlah beliau kepadanya besok.

(411)-12. Al-Husain bin Muhammad, daripada Muhammad bin Ahmad al-Nahdiy, daripada Muhammad bin Khallad al-Saiqal, daripada Muhammad bin al-Hasan bin 'Ammar berkata: Aku telah duduk di sisi Ali bin Ja'far bin Muhammad di Madinah, aku telah tinggal bersamanya selama dua tahun menulis apa yang beliau dengar daripada saudaranya- iaitu Abu al-Hasan a.s- tiba-tiba Abu Ja'far Muhammad bin Ali al-Ridha a.s telah datang ke masjid Rasulullah s.a.w, lantas Ali bin Ja'far menerkam kepadanya tanpa kasut dan jubah, mengucupnya dan menghormatinya.

Maka Abu Ja'far a.s telah berkata kepadanya: Wahai bapa saudaraku (*'amm*), silakan duduk-mudah-mudahan Allah memberi rahmat kepada anda, maka beliau telah berkata: Wahai *sayyidi*, bagaimana aku duduk sedangkan anda berdiri. Manakala Ali bin Ja'far kembali ke majlisnya, para sahabatnya mulai mencacinya dan berkata: Anda adalah bapa saudara bapanya sedangkan anda melakukan kepadanya perbuatan ini? Beliau telah berkata: Diam, apabila Allah-beliau memegang janggutnya-tidak membuat janggut putih ini layak (*imamah*) dan membuatkan pemuda ini layak (*imamah*) serta meletakkannya di tempat yang Dia telah meletakkannya, aku pula mengingkari kelebihannya? Aku mohon perlindungan daripada apa yang anda katakannya, malah aku adalah seorang hamba untuknya.

(412)-13. Al-Husain bin Muhammad, daripada al-Khairani, daripada bapanya berkata: Aku pernah berdiri di hadapan Abu al-Hasan a.s di Khurasan, maka seorang lelaki berkata: Wahai tuanku (*sayyidi*), jika berlakulah apa yang akan berlaku, maka [i*mamah*] kepada siapa? Beliau a.s telah berkata: Kepada Abu Ja'far anak lelakiku, seolah-olah lelaki yang bertanya itu memperkecilkan umur Abu Ja'far a.s. Maka Abu al-Hasan a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah mengutus Isa bin Maryam sebagai rasul dan nabi, pembawa syariah bermula dengan umurnya semuda usia Abu Ja'far a.s.

(413)-14. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya dan Ali bin Muhammad al-Qasani bersama, daripada Zakaria bin Yahya bin al-Nu'man al-Sairafi berkata: Aku telah mendengar Ali bin Ja'far memberitahu kepada al-Hasan bin al-Husain bin Ali bin al-Husain berkata: Demi Allah, sesungguhnya Allah telah menolong Abu al-Hasan al-Ridha a.s, maka al-Hasan telah berkata kepadanya: Ya, demi Allah, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, saudara-saudaranya telah menentangnya, maka Ali bin Ja'far telah berkata: Ya, demi Allah, dan kami bapa-bapa saudaranya telah menentangnya juga. Maka al-Hasan telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, bagaimana kamu telah melakukannya sedangkan aku tidak berada bersama kamu?

Beliau telah berkata: Saudara-saudaranya berkata kepadanya dan kami juga: Tidak pernah ada pada kami seorang imam yang berkulit hitam. Maka al-Ridha a.s telah berkata kepada mereka: Beliau itu adalah anak lelakiku. Mereka berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah menghukum dengan *al-Qaffah* (pakar tentang pertalian keluarga sedarah sedaging), maka di antara kami dan anda adalah *al-Qaffah*, beliau telah berkata: Kamu utuslah kepada mereka, adapun aku, maka aku tidak mahu dan janganlah kamu memberitahu kepada mereka apabila kamu memanggil mereka, hendaklah kamu tinggal di rumah kamu. Apabila mereka telah datang, maka mereka (saudara-saudara dan bapa-bapa saudaranya) telah memanggil kami untuk berkumpul di taman dan bapa-bapa saudara, saudara-saudara dan saudara-saudara perempuannya berbaris.

Mereka telah mengambil al-Ridha a.s dan memakaikannya jubah bulu, songkok daripada bahan yang sama dan mereka telah meletakkan penyodok di atas tengkuknya dan mereka berkata kepadanya: Pergilah ke taman seolah-olah anda bekerja padanya. Kemudian mereka telah membawa datang Abu Ja'far a.s dan berkata (kepada pakar tentang pertalian keluarga): Kaitkanlah kanak-kanak ini kepada bapanya, maka mereka telah berkata: Tiada bapanya di sini, tetapi ini adalah bapa saudara bapanya, ini adalah bapa saudara bapanya, ini adalah bapa saudaranya, dan ini adalah ibu saudaranya. Jika beliau mempunyai bapa di sini, maka beliau adalah tukang kebun itu kerana kedua-dua tapak kakinya (tukang kebun) menyamai tapak kakinya. Apabila Abu al-Hasan a.s telah kembali, mereka telah berkata: Inilah bapanya.

Ali bin Ja'far telah berkata: Aku telah berdiri, lalu aku menghisap air liur Abi Ja'far a.s, kemudian aku telah berkata kepadanya: Aku naik saksi bahawa anda adalah imam di sisi Allah, lantas al-Ridha a.s menangis, kemudian beliau a.s telah berkata: Wahai bapa saudaraku, Tidakkah anda pernah mendengar bapaku telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda tentang bapaku: Anak lelaki yang terpilih daripada sebaik-baik hamba perempuan, anak lelaki daripada hamba perempuan

Nubah yang mempunyai mulut yang manis, rahimnya telah dipilih (untuk melahirkan seorang imam). Celakalah mereka, Allah melaknati al-'Abbas dan zuriatnya, pembuat fitnah. Beliau (dan mereka) akan membunuh mereka (yang ditipu oleh Bani al-'Abbas) di dalam beberapa tahun, bulan dan hari. Beliau akan memberi tamparan yang hebat, memberi minum air kepahitan kepada mereka. Beliaulah yang diburu dan diusir serta dikaitkan dengan bapanya dan datuknya kepada persembunyian (*sahib al-Ghaibah*). Beliau akan dikatakan: Beliau telah mati atau binasa atau (ditanya) di manakah beliau telah pergi? Adakah ia akan berlaku selain daripada aku, wahai bapa saudaraku? Maka aku telah berkata: Anda telah berkata benar, aku telah menjadikan diriku tebusan anda.

Bab 74

☼Isyarat Dan Nas Ke Atas Abu al-Hasan al-Thalith (Ketiga) A.S (*al-Isyarat wa al-Nas 'ala Abi al-Hasan al-Thalith a.s*)☼

(414)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Isma'il bin Mihran berkata: Apabila Abu Ja'far a.s telah keluar dari Baghdad di dalam salah satu daripada dua perjalanannya, aku telah berkata kepadanya ketika beliau a.s keluar: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, aku khuatir ke atas anda mengikut arah ini, justeru kepada siapakah urusan *imamah* selepas anda? Beliau a.s telah berpaling mukanya kepadaku di dalam keadaan tersenyum dan berkata: Tiada persembuyian (*ghaibah*) seperti anda fikirkan pada tahun ini. Apabila beliau a.s dikeluarkan pada kali kedua kepada al-Mu'tasim, aku telah datang kepadanya dan berkata: Aku telah menjadikan diriku terbusan anda, anda sedang keluar, maka kepada siapakah urusan *imamah* selepas anda? Maka beliau a.s telah menangis sehingga janggutnya menjadi basah, kemudian beliau a.s telah berpaling kepadaku dan berkata: Ketika keberangkatan pada kali ini aku terasa takut, urusan selepasku adalah kepada anak lelakiku Ali.

(415)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada al-Khairani, daripada bapanya bahawa beliau telah berkata: Bapaku terikat kepada rumah Abu Ja'far a.s kerana perkhidmatan yang diwakilkan kepadanya. Ahmad bin Muhammad bin Isa telah datang pada waktu sahur pada setiap malam untuk mengetahui berita kesakitan Abu Ja'far a.s. Di sana terdapat utusan yang berulang-alik di antara Abu Ja'far a.s dan bapaku. Apabila beliau telah datang, Ahmad telah berdiri, lalu pergi dan bapaku dapat bercakap dengannya secara peribadi.

Pada suatu malam aku telah keluar dan Ahmad telah berdiri, lalu pergi dari majlis dan bapaku telah bercakap dengan utusan itu secara peribadi, tetapi Ahmad telah kembali dan berdiri yang mana beliau dapat mendengar percakapan mereka. Maka utusan itu telah berkata kepada bapaku: Sesungguhnya tuan anda (*maulaa-ka*) telah mengirim salamnya kepada anda dan berkata kepada anda: Aku sedang berlalu (mati) dan urusan *imamah* adalah kepada anak lelakiku Ali, beliau mempunyai hak ke atas kamu selepasku sebagaimana aku mempunyai hak ke atas kamu selepas bapaku. Kemudian utusan itu telah pergi dan Ahmad telah kembali ke tempatnya dan berkata kepada bapaku: Apakah beliau telah katakan kepada anda? Beliau telah berkata: Baik, beliau telah berkata: Aku telah mendengar apa yang beliau telah katakannya,

kenapakah anda menyembunyikannya? Beliau telah mengulangi apa yang beliau telah mendengarnya.

Maka bapaku telah berkata kepadanya: Allah telah mengharamkan apa yang anda telah buat kerana Allah telah berfirman: "*Janganlah kamu mengintai*"[114] Jagalah penyaksian anda, kemungkinan kita perlu kepadanya pada suatu hari nanti. Jagalah dan janganlah anda mendedahkannya sehingga tiba waktunya. Apabila tiba waktu pagi, bapaku telah menulis sepuluh salinan surat daripada imam, kemudian menutupnya dan menyerahkannya kepada sepuluh orang pemuka mazhab dan berkata: Jika kematian berlaku kepadaku sebelum aku menuntut kamu dengannya, maka bukalah dan beramallah mengikut apa yang ada padanya. Apabila Abu Ja'far a.s mati, bapaku telah menyebut bahawa beliau (bapaku) tidak akan keluar dari rumahnya sehingga empat ratus orang mengisytiharkan diri mereka menyokong *imamah* di tangannya.

Kemudian ketua-ketua mazhab telah berkumpul di sisi Muhammad bin al-Faraj berunding tentang perkara ini. Muhammad bin al-Faraj telah menulis kepadaku memberitahu kepadanya tentang perhimpunan mereka di sisinya. Jika tidak kerana khuatir diketahui ramai, nescaya beliau telah datang bersama mereka kepadanya (bapa al-Khairani) dan memintanya supaya datang kepadanya. Justeru, bapaku telah menaiki kenderaannya dan pergi kepadanya. Maka beliau telah mendapati orang ramai berkumpul di sisinya. Mereka telah berkata kepada bapaku Apakah pendapat anda tentang urusan ini? Bapaku telah berkata: kepada mereka yang mempunyai salinan surat: Kemukakan salinan-salinan itu, maka beliau telah berkata kepada mereka: Inilah apa yang aku telah memerintahkan kamu, maka sebahagian mereka telah berkata: Kami mahu di sana ada saksi lain bersama anda di dalam urusan ini.

Maka beliau telah berkata kepada mereka: Sesungguhnya Allah telah mendatangi kamu denganya, ini adalah Abu Ja'far al-Asy'ari yang akan menjadi saksi untukku bahawa aku telah mendengar perutusan ini. Dan beliau telah memintanya supaya menjadi saksi apa yang beliau telah mengetahuinya. Kemudian Ahmad telah menafikan bahawa beliau telah mendengar sesuatu daripada ini, lalu bapaku telah menyerunya untuk melakukan sumpah pemusnahan (*mubahalah*). Beliau telah berkata: Manakala beliau (bapaku) telah melakukan [sesuatu] ke atasnya, beliau telah berkata: Sesungguhnya aku telah mendengarnya sedemikian. Ini adalah satu penghormatan yang mana aku mahu anda menjadi seorang lelaki Arab bukan seorang lelaki bukan Arab (*al-'Ajam*). Orang ramai tidak bersurai sehingga mereka semua telah berkata benar.

---

[114] Surah al-Hujuraat (49): 12

Mengikut naskhah al-Safwani:

(416)-3. Muhammad bin Ja'far al-Kufi, daripada Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada Muhammad bin al-Husain al-Wasiti bahawa beliau telah mendengar Ahmad bin Abi Khalid, hamba Abu Ja'far menceritakan bahawa beliau telah menjadi saksi kepada wasiat yang telah disalinkannya:

Ahmad bin Khalid, hamba Abu Ja'far bahawa Abu Ja'far Muhammad bin Ali bin Musa bin Ja'far bin Muhammad bin Ali bin al-Husain bin Ali bin Abu Talib a.s telah menjadi saksi bahawa beliau telah mewasiatkan kepada Ali anak lelakinya untuk urusannya sendiri dan saudara-saudara permpuannya. Beliau telah menyerahkan urusan Musa (kepada Ali) apabila beliau sampai umur baligh, beliau telah melantik Abdullah bin al-Musawir untuk menjaga harta peninggalannya yang terdiri daripada ladang pertanian, hartanah, sumber kewangan sokongan, hamba-hamba dan lain-lain sehingga Ali bin Muhammad sampai umur baligh.

Mulai daripada hari itu (semua perkara di tangan) Abdullah bin al-Musawir diserahkan kepadanya (Ali). Beliau akan menguruskan urusan dirinya sendiri, urusan saudara-saudara perempuannya dan urusan Musa adalah di bawah jagaannya. Musa sendiri akan menjaga *sadaqat* (bapanya) yang diwarisinya selepas mereka berdua (selepas Abdullah bin al-Musawir dan Ali, (jika beliau mati) mengikut syarat bapa mereka berdua. (Beliau, Ahmad bin Khalid, telah menjadi saksi) ini pada hari Ahad, 3hb *Dhu l-Hijjah*, 220 hijrah (28 hb November, 835, tiga hari selepas kematian al-Jawad a.s pada hari Khamis 30hb *Dhu l-Hijjah*, 220 hijrah (25 hb November 835).

Ahmad bin Abu Khalid telah menulis penyaksiannya dengan khatnya sendiri dan al-Hasan bin Muhammad bin Abdullah bin al-Hasan bin Ali bin al-Husain bin Ali bin Abu Talib a.s yang dikenali dengan al-Jawwani, telah menjadi saksi sebagaimana penyaksian Ahmad bin Abi Khalid pada permulaan kitab (surat) dan beliau telah menulis penyaksiannya dengan tangannya sendiri dan disaksikan oleh Nasr, hamba (al-Jawad a.s) dan beliau telah menulis penyaksiannya dengan tangannya sendiri.

Bab 75

☼Isyarat Dan Nas Ke Atas Abu Muhammad A.S (*al-Isyarat wa al-Nas 'ala Abi Muhammad a.s*)☼

(417-1. Ali bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad al-Nahdi, daripada Yahya bin Yasar al-Qanbari berkata: Abu al-Hasan a.s telah mewasiatkan kepada anak lelakinya al-Hasan empat bulan sebelum kematiannyan. Beliau a.s telah mengambil aku dan sekumpulan hamba yang dibebaskan (*al-Mawali*) menjadi saksi.

(418)-2. Ali bin Muhammad, daripada Ja'far bin Muhammad al-Kufi, daripada al-Basysyar bin Ahmad al-Basri, daripada Ali bin Umar al-Naufali berkata: Aku telah berada bersama Abu al-Hasan a.s di perkarangan rumahnya, tiba-tiba anak lelakinya Muhammad telah melalui kami, lantas aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, adakah beliau sahabat kami selepas anda? Maka beliau a.s telah berkata: Tidak, sahabat kamu selepas aku adalah al-Hasan a.s.

(419)-3. Daripadanya, daripada Basysyar bin Ahamd, daripada Abdullah bin Muhammad al-Isfahani, berkata: Abu al-Hasan a.s telah berkata: Sahabat kamu selepasku adalah orang yang akan memberi salam kepadaku. Beliau telah berkata: Kami tidak mengetahui Abu Muhammad sebelum ini, beliau telah berkata: Abu Muhammad telah keluar, lantas beliau telah memberi salam kepadanya.

(420)-4. Dan daripadanya, daripada Musa bin Ja'far bin Wahab, daripada Ali bin Ja'far berkata: Aku telah hadir bersama Abu al-Hasan a.s menakala anak lelakinya Muhammad mati, maka beliau telah berkata kepada al-Hasan: Wahai anak lelakiku, perbaharuilah kesyukuran anda kepada Allah kerana Dia telah memperbaharui sesuatu kepada anda.

(421)-5. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdullah bin Marwan al-Anbari berkata: Aku telah hadir ketika kematian Abu Ja'far Muhammad bin Ali. Kemudian Abu al-Hasan a.s telah datang, lalu kerusi diletakkan untuknya, lalu beliaupun duduk di atasnya. Dan di sekitarnya adalah keluarganya. Abu Muhammad telah berada di dalam keadaan berdiri di satu sudut. Apabila selesai urusan Abu Ja'far, beliau

telah berpaling kepada Abu Muhammad a.s, maka beliau telah berkata: Wahai anak lelakiku, perbaharuilah syukur anda kepada Allah kerana Dia telah memperbaharui sesuatu untuk anda.

(422)-6. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad bin Ahmad al-Qalanisi, daripada Ali bin al-Husain bin 'Umru, daripada Ali bin Mihziyar berkata: Aku telah berkata kepada Abu al-Hasan a.s: Jika berlaku sesuatu kepada anda-dan aku berlindung kepada Allah-maka kepada siapa [*imamah*]? Beliau a.s telah berkata: Janjiku adalah kepada anak lelakiku yang paling tua.

(423)-7. Ali bin Muhammad, daripada Abi Muhammad al-Asbarqini, daripada Ali bin 'Umru al-'Attar berkata: Aku telah datang kepada Abu al-Hasan al-'Askari a.s dan Abu Ja'far anak lelakinya adalah di kalangan mereka yang masih hidup dan aku menyangka bahawa beliau adalah imam selepas Abu al-Hasan a.s. Maka aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, siapakah yang paling khusus yang aku harus taati di kalangan anak-anak anda? Beliau a.s telah berkata: Janganlah kamu mengkhususkan seorangpun daripada mereka sehingga perintahku datang kepada kamu. Beliau telah berkata: Aku telah menulis kepadanya selepas kematian Abu Ja'far: Kepada siapakah urusan *imamah* akan berlaku? Beliau telah berkata: Beliau a.s telah menulis kepadaku: Anak lelakiku yang paling tua. Beliau telah berkata: Abu Muhammad adalah anak lelaki yang paling tua daripda Abu Ja'far.

(424)-8. Muhammad bin Yahya dan lain-lain, daripada Sa'd bin Abdullah, daripada sekumpulan Bani Hasyim, di kalangan mereka adalah al-Hasan bin al-Hasan al-Aftas bahawa mereka telah hadir-pada hari kematian Muhammad bin Ali bin Muhammmad-di pintu Abu al-Hasan al-'Askari untuk memberi takziah kepadanya. Permaidani telah dibentangkan kepadanya di perkarangan rumahnya dan orang ramai telah duduk di sekitarnya, maka mereka telah berkata: Kami telah membuat anggaran bahawa mereka yang telah hadir di sekitarnya yang terdiri daripada keluarga Abu Talib, Bani Hasyim adalah seratus lima puluh orang, tidak termasuk *mawaal*inya dan orang lain.

Tiba-tiba Abu al-Hasan a.s telah melihat kepada Abu al-Hasan bin Ali datang dengan bajunya yang koyak sehingga beliau telah berdiri di sebelah kanannya dan kami tidak mengetahuinya. Maka Abu al-Hasan a.s telah melihat kepadanya selepas beberapa ketika. Lalu beliau a.s telah berkata: Wahai anak lelakiku, perbaharuilah kesyukuran kepada Allah kerana Dia telah memperbaharui sesuatu kepada anda. Maka orang muda itu telah menangis, memuji Allah dan membaca firman Allah "*Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepada-Nyalah kami*

kembali"[115] Kami telah bertanya tentangnya (siapakah dia) dan diberitahu: Ini adalah al-Hasan, anak lelakinya. Kami telah membuat anggaran umurnya [pada ketika itu] dua puluh tahun ataupun lebih. Semenjak hari itu kami telah mengenalinya dan kami telah mengetahui bahawa Abu al-Hasan a.s telah menunjukkannya untuk *imamah* dan meletakkannya di tempatnya.

(425)-9. Ali bin Muhammad, daripada Ishaq bin Muhammad, daripada Muhammad bin Yahya bin Daryab berkata: Aku telah datang kepada Abu al-Hasan a.s selepas kematian Abu Ja'far, maka aku telah mengucap takziah kepadanya tentangnya dan Abu Muhammad a.s sedang duduk, lantas Abu Muhammad a.s telah menangis. Maka Abu al-Hasan a.s telah datang kepadanya dan berkata kepadanya: Sesungguhnya Allah telah menjadikan anda penggantinya, justeru, bersyukurlah kepada Allah.

(426)-10. Ali bin Muhammad, daripada Ishaq bin Muhammad, daripada Abu Hasyim al-Ja'fari berkata: Aku telah berada di sisi Abu al-Hasan a.s selepas kematian anak lelakinya Abu Ja'far, aku telah berfikir untuk berkata: Seolah-olah mereka berdua, aku maksudkan Abu Ja'far dan Abu Muhammad pada masa ini seperti Abu al-Hasan Musa dan Isma'il dua anak lelaki Ja'far bin Muhammad a.s dan kisah mereka berdua seperti kisah mereka berdua juga.

Kerana Abu Muhammad diharapkan [menjadi imam] selepas Abu Ja'far, tiba-tiba Ali Abu al-Hasan telah datang sebelum aku bercakap dan beliau telah berkata: Ya, wahai Abu Hasyim, *al-Bada'*[116] telah berlaku kepada Abu Muhammad selepas Abu Ja'far yang tidak diketahui tentang-Nya. Sebagaimana *al-Bada'* telah berlaku kepada Musa selepas kematian Isma'il yang mana Allah telah menerangkan kedudukannya. Dan inilah sebagaimana ia telah terbayang di fikiran anda dahulu sekalipun dibencikan oleh pengikut-pengikut kebatilan. Abu Muhmmad adalah anak lelakiku, penggantiku selepasku. Di sisinya ilmu yang dihajati oleh manusia dan bersamanya segala kelayakan untuk *imamah.*

(427)-11. Ali bin Muhammad, daripada Ishaq bin Muhammad, daripada Muhammad bin Yahya bin Daryab daripada Abi Bakr al-

---

[115] Surah al-Baqarah (2): 156

[116] Perkataan *al-Bada'* bererti: Apa yang jelas dan nampak [oleh manusia] dan ia dirujukkan kepada firman Allah Surah al-Zumar (39): 47 "*Dan jelaslah (badaa-la-hum) bagi mereka azab dari Allah yang belum pernah mereka perkirakan*" Dan difahami di dalam konteks firman-Nya di dalam Surah al-Ra'd(13):39 "*Allah menghapuskan apa yang Dia kehendaki dan menetapkan (apa yang Dia kehendaki) dan di sisi-Nyalah Umm al-Kitab*". Di dalam erti kata yang lain *al-Bada'* berlaku seperti berlakunya hukum *nasikh* dan *mansuh.*

Fahfaki berkata: Abu al-Hasan a.s telah menulis surat kepadaku: Abu Muhammad adalah anak lelakiku yang paling disegani di dalam keluarga Muhammad dan *Hujjah* yang paling dipercayai, beliau adalah anak lelakiku yang paling tua, beliau adalah penggantiku dan kepadanyalah berakhirnya ikatan *imamah* dan hukum-hukumnya. Apa yang anda telah tanyakan kepadaku, maka bertanyalah kepadanya, kerana beliau memiliki apa yang dihajati [oleh manusia].

(428)-12. Ali bin Muhammad, daripada Ishaq bin Muhammad, daripada Syahwaih bin Abdullah al-Jallab berkata: Abu al-Hasan a.s telah menulis kepadaku di dalam suratnya: Anda ingin bertanya kepadaku tentang pengganti selepas Abu Ja'far dan anda syak mengenainya, justeru janganlah anda berdukacita dengannya kerana Allah telah berfirman: "*Dan Allah sekali-kali tidak akan menyesatkan suatu kaum setelah Allah memberi petunjuk kepada mereka hingga dijelaskan- Nya kepada mereka apa yang harus mereka jauhi*" [117] Sahabat (imam) anda selepasku adalah Abu Muhammad anak lelakiku dan beliau memiliki apa yang kamu hajati (untuk mengetahuinya). Allah mendahulukan apa yang Dia kehendaki dan melewatkan apa yang Dia kehendaki "*Dan apa saja ayat yang kami nasakhkan atau apa yang kami jadikan (manusia) lupa kepadanya, kami datangkan apa yang lebih baik daripadanya atau sebanding dengannya*"[118] Aku telah menulis padanya penjelasan dan kepuasan bagi orang yang mempunyai akal dan kesedaran.

(429)-13. Ali bin Muhammad, daripada orang yang beliau telah menyebutnya, daripada Muhammad bin Ahmad al-'Alawi, daripada Daud al-Qasim berkata: Aku telah mendengar Abu al-Hasan a.s telah berkata: Pengganti selepasku adalah al-Hasan, bagaimana kedudukan anda tentang pengganti selepas pengganti ini? Maka aku telah berkata: Kenapakah Allah telah menjadikan diriku tebusan anda? Beliau telah berkata: Sesungguhnya kamu tidak akan melihat orangnya dan kamu tidak dibenarkan menyebut namanya, maka aku telah berkata: Bagaimana aku akan menyebutnya? Maka beliau telah berkata: Katakanlah: *Hujjah* daripada keluarga Muhammad s.a.w.

---

[117] Surah al-Taubah (9): 115
[118] Surah al-Baqarah (2): 106

Bab 76

☼Isyarat Dan Nas Kepada Tuan Rumah ini A.S (*al-Isyarat dan al-Nas ila sahib al-Dar a.s*)☼

(4230)-1. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad bin Ali, daripada Muhammad bin Ali bin Bilal berkata: [Sepucuk surat] telah dihantarkan kepadaku daripada Abu Muhammad dua tahun sebelum kematiannya yang beliau a.s telah memberitahu kepadaku tentang pengganti selepasnya. Kemudian sepucut surat telah dihantar kepadaku [daripadanya] tiga hari sebelum kematiannya yang beliau a.s telah memberitahu kepadaku tentang pengganti selepasnya.

(431)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahamad bin Ishaq, daripada Abi Hasyim al-Ja'fari berkata kepada Abu Muhammad a.s: Kehormatan anda menghalangku dari bertanya anda, adakah anda membenarkan aku bertanya? Beliau a.s telah berkata: Tanyalah. Aku telah berkata: Wahai *sayyidi*, adakah anda mempunyai seorang anak lelaki? Beliau a.s telah berkata: Ya, aku telah berkata: Jika sesuatu berlaku kepada anda, maka siapakah yang aku akan bertanya mengenainya? Beliau a.s telah berkata: [orang] Di Madinah.

(432)-3. Ali bin Muhammad, daripada Ja'far bin Muhammad al-Kufi, daripada Ja'far bin Muhammad al-Makfuf, daripada 'Umru al-Ahwaziy berkata: Abu Muhammad telah memperlihatkan kepadaku anak lelakinya dan berkata: Ini adalah sahabat anda selepasku.

(433)-4. Ali bin Muhammad, daripada al-Hamdan al-Qalanisi berkata: Aku telah berkata kepada al-'Umari: Abu Muhammad telah mati? Beliau telah berkata kepadaku: Sesungguhnya beliau a.s telah mati, tetapi beliau a.s telah meninggalkan pada kamu penggantinya yang sihat dan selamat (yang mana tengkuknya seperti ini). Kemudian beliau telah menunjukkannya dengan tangannya.

(434)-5. Al-Husain bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdullah berkata: [sepucuk surat] telah dihantar daripada Abu Muhammad a.s ketika al-Zubairi yang dilaknati Allah dibunuh: Ini adalah balasan kepada orang yang telah berani menentang Allah kerana para wali-Nya. Beliau telah mendakwa bahawa beliau akan membunuhku ketika aku tidak ada pewaris. Bagaimana beliau telah melihat kekuasaan Allah padanya.

Seorang bayi lelaki telah dilahirkan untuknya, beliau telah menamakannya "*mim ha' mim dal*" (mhmd) pada tahun 256.

(435)-6. Ali bin Muhammad, daripada al-Husain dan Muhammad, dua anak lelaki Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Ali bin 'Abd al-Rahman al-'Abdi-daripada 'Abd Qais-daripada al-Dhau' bin Ali al-'Ajali, daripada seorang lelaki dari Faz yang mana beliau telah menamakannya: Aku telah datang ke Samarra' dan tinggal di pintu [rumah] Abu Muhammad a.s, maka beliau a.s telah memanggil aku, lalu akupun memasuki [rumahnya] dan aku telah memberi salam kepadanya. Kemudian beliau a.s telah berkata: Apakah yang membuat anda datang ke sini? Beliau telah berkata: Aku telah berkata: Keinginan untuk berkhidmat kepada anda. Maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Tinggallah di pintu. Beliau telah berkata: Aku telah berada di pintu bersama hamba-hambanya. Kemudian aku mulai membeli barang-barang untuk keperluan mereka dari pasar. Aku telah datang kepada mereka tanpa meminta izin selama ada ramai lelaki di sana. Beliau telah berkata: Pada suatu hari aku telah datang kepadanya (imam) ketika beliau a.s berada di bilik mereka.

Aku telah mendengar pergerakan di dalam bilik itu, kemudian beliau telah memanggil aku: Berdirilah di tempat anda berada, jangan bergerak. Aku tidak berani sama ada untuk masuk atau pergi. Tiba-tiba seorang hamba perempuan telah datang kepadaku bersamanya benda yang ditutup [di tangannya]. Kemudian beliau a.s telah memanggil aku supaya masuk, lalu aku telah masuk dan beliau a.s telah memanggil seorang hamba perempuan, lalu beliau telah datang kepadanya. Beliau a.s telah berkata kepadanya: Dedahkan apa yang ada bersama anda. Maka beliau (hamba perempuan) telah mendedahkan seorang bayi yang cantik mukanya dan beliau a.s telah mendedahkan tubuh bayi itu, tiba-tiba [aku telah melihat] bulu sedang tumbuh di tengah dadanya ke pusatnya berwarna kehijauan dan bukan kehitaman. Maka beliau a.s telah berkata: Inilah sahabat kamu. Kemudian beliau a.s telah memerintahkannya (hamba perempuan) supaya membawanya keluar. Aku tidak melihatnya (bayi itu) selepas itu sehingga Abu Muhammad a.s mati.

Bab 77

☼Penamaan Mereka Yang Telah Melihatnya A.S (*fi tasmiyati man ra'a-hu a.s*)☼

(436)-1. Muhammad bin Abdullah dan Muhammad bin Yahya, daripada Abdullah bin Ja'far al-Humairiy berkata: Aku dan Syeikh Abu

'Amru yang dirahmati Allah telah berkumpul di sisi Ahmad bin Ishaq. Maka Ahmad bin Ishaq telah mengelipkan matanya kepadaku supaya aku bertanya kepadanya (syeikh) tentang pengganti kepada Imam al-Hasan al-'Askari, lalu aku telah berkata kepadanya: Wahai Abu 'Amru, sesungguhnya aku ingin bertanya anda tentang satu perkara dan aku tidak syak kepada apa yang aku ingin tanyakannya, kerana sesungguhnya kepercayaanku dan agamaku bahawa bumi tidak sunyi daripada seorang *Hujjah* melainkan empat puluh hari sebelum hari Kiamat.

Apabila hari itu tiba, *Hujjah* diangkat dan pintu taubat ditutup. Justeru, iman seseorang tidak akan memanfaatkan dirinya jika ia tidak beriman sebelumnya atau beliau telah melakukan kebaikan pada imannya. Lantaran itu, mereka adalah sejahat-jahat makhluk Allah dan Kiamat akan berlaku kepada mereka, tetapi aku suka menambahkan keimananku, sesungguhnya Ibrahim a.s telah memohon kepada Tuhannya supaya memperlihatkan kepadanya bagaimana Dia menghidupkan orang mati *"[Ibrahim] menjawab: Ya, aku telah percaya, tetapi agar bertambah yakin hatiku"*[119] Abu Ali Ahmad bin Ishaq telah memberitahu kepadaku, daripada Abu al-Hasan a.s telah berkata: Aku telah bertanya kepadanya: Siapakah orang yang aku akan berurusan dengannya atau daripada siapakah aku akan menuntut ilmu [agama] dan kata-kata siapakah yang aku boleh menerimanya?

Maka beliau a.s telah berkata kepadanya: Al-'Umari adalah kepercayaanku, apa yang beliau telah menunaikannya kepada anda daripadaku, maka daripadaku beliau menunaikannya. Apa yang beliau memberitahu kepada anda daripadaku, maka beliau memberitahu daripadaku. Justeru, dengarlah kepadanya dan taatilah, kerana beliau adalah orang kepercayaan yang diamanahkan. Abu Ali telah memberitahu kepadaku bahawa beliau telah bertanya soalan yang sama kepadanya dan beliau telah berkata kepadanya: Al-'Umari dan anak lelakinya boleh dipercayai. Justeru, apa yang dilaksanakan kepada anda oleh mereka berdua daripadaku, maka daripada aku mereka berdua melaksanakannya.

Dan apa yang dikatakan kepada anda oleh mereka berdua daripada aku, maka daripada aku mereka berdua berkata. Lantaran itu, dengarlah dan taatilah mereka berdua, kerana mereka berdua dipercayai dan dijamin. Inilah kata-kata dua orang imam yang telah mati tentang anda. Beliau telah berkata: Abu 'Umru terus sujud dan menangis, kemudian beliau telah berkata: Mintalah apa yang anda hajati, maka aku telah berkata kepadanya: Anda telah melihat pengganti selepas [kematian] Abu Muhammad s.a.w? Maka beliau telah berkata: Ya, demi Allah, beliau adalah selamat dan sihat-beliau telah menunjukkan

[119] Surah al-Baqarah(2): 260

dengan tangannya- maka aku telah berkata kepadanya: Satu perkara masih tinggal, maka beliau telah berkata kepadaku: Biarlah aku mendengarnya, aku telah berkata: Dan namanya? Beliau telah berkata: Ia diharamkan ke atas kamu bertanya tentangnya, aku tidak berkata sedemikian daripada diriku sendiri.

Aku tidak menghalalkannya atau mengharamkannya, tetapi ia datang daripadanya a.s. Sesungguhnya urusan itu adalah di sisi orang yang berkuasa. Sesungguhnya Abu Muhammad a.s telah mati tanpa meninggalkan anak lelaki, hartanya dibahagikan dan diambil oleh orang yang tidak mempunyai haknya ke atasnya. Keluarganya bergerak dengan bebas, tetapi tiada seorangpun yang berani memperkenalkan dirinya kepada mereka atau memberi sesuatu kepada mereka. Jika nama [nya] disebut, maka pemeriksaan boleh dilakukan. Justeru, bertakwalah kepada Allah dan berhentilah dari melakukannya.

Al-Kulaini-*rahimahu llah-* telah berkata: Seorang syeikh daripada sahabat kita telah memberitahu kepadaku-namanya telah hilang daripada ingatanku-bahawa Abu 'Umru telah bertanya Ahmad bin Ishaq perkara yang sama, maka beliau telah memberi jawapan yang sama.

(437)-2. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad bin Isma'il bin Musa bin Ja'far, beliau adalah yang paling tua daripada keturunan Rasulullah s.a.w di Iraq, maka beliau telah berkata: Aku telah melihat beliau a.s di antara dua masjid ketika beliau a.s masih kanak-kanak.

(438)-3. Muhammad bin Yahya, daripada al-Husain bin Rizqi-llah Abu Abdillah berkata: Musa bin Muhammad bin al-Qasim bin Hamzah bin Musa bin Ja'far telah memberitahu kepadaku, berkata: Hakimah binti Muhammad bin Ali-iaitu ibu saudara bapanya-sesungguhnya beliau telah melihatnya a.s pada malam kelahirannya dan selepasnya.

(439)-4. Ali bin Muhammad, daripada Hamdan al-Qalanisi berkata: Aku telah berkata kepada al-'Umari: Adakah Abu Muhammad a.s telah mati? Beliau telah berkata: Beliau a.s telah mati, tetapi beliau a.s telah meninggalkan kepada kamu pewarisnya yang mana tengkuknya seperti ini. Iaitu berada di dalam keadaan sihat dan selamat. Beliau telah menunjukkannya dengan tangannya.

(440)-5. Ali bin Muhammad, daripada Fath Maula al-Zurari berkata: Aku telah mendengar Abu Ali bin Mutahhar menyebutkan bahawa beliau telah melihatnya a.s dan menceritakan bentuk tubuhnya a.s.

(441)-6. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad bin Syazan bin Na'aim, daripada seorang pekerja wanita kepada Ibrahim bin 'Abadah al-Nisaburi berkata: Aku telah berdiri bersama Ibrahim di al-Safa, tiba-tiba

beliau a.s telah datang sehingga beliau a.s. berdiri di hadapan Ibrahim memegang buku tentang ibadat haji dan bercakap dengannya di dalam banyak perkara.

(442)-7. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad bin Ali bin Ibrahim, daripada Abi Abdillah bin Salih bahawa sesungguhnya beliau telah melihatnya a.s di sisi Hajr al-Aswad sedangkan orang ramai menolak dan berkumpul di kelilingnya, maka beliau a.s telah berkata: Mereka tidak diperintahkan untuk berkelakuan sedemikian.

(443)-8. Ali, daripada Abi Ali Ahmad bin Ibrahim bin Idris, daripada bapanya bahawa beliau telah berkata: Aku telah melihatnya a.s selepas kematian Abu Muhammad ketika beliau [masih] remaja, aku telah mengucup dua tangannya dan kepalanya.

(444)-9. Ali, daripada Abi Abdullah bin Salih dan Ahmad bin al-Nadhar, daripada al-Qanbari-seorang lelaki daripada anak lelaki Qanbar yang tua- *Maula* Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah berkata: Hadis Abu Ja'far bin Ali telah berlalu, lalu beliau mencelanya, maka aku telah berkata kepadanya: Tiada seorangpun selain daripadanya [yang telah melakukannya], adakah anda telah melihatnya? Beliau telah berkata: Aku tidak melihatnya, tetapi orang lain telah melihatnya. Aku telah berkata: Siapakah yang telah melihatnya? Beliau telah berkata: Ja'far telah melihatnya dua kali dan baginya hadis tentangnya.

(445)-10. Ali bin Muhammad, daripada Abi Muhammad al-Wajnani bahawa beliau telah memberitahu kepadaku daripada orang yang telah melihatnya: Sesungguhnya beliau telah keluar dari rumah sepuluh hari sebelum peristiwa serangan ke atas rumahnya oleh khalifah al-Mu'tadhid dan beliau a.s telah berkata: Wahai Tuhanku, sesungguhnya Engkau mengetahui bahawa ini adalah tempat yang aku paling cintai jika aku tidak diusir; atau kata-kata seumpamanya.

(446)-11. Ali bin Muhammad, daripada Ali bin Qais, seorang polis di kawasan Iraq berkata: Aku telah melihat Sima' di Surra man ra'a (Samarra'). Beliau telah memecahkan pintu rumah [al-'Askari a.s], tiba-tiba al-Mahdi datang kepadanya memegang kapak di tangannya dan berkata kepadanya: Apakah yang anda buat di rumahku? Maka Sima' telah berkata: Sesungguhnya Ja'far telah mendakwa bahawa bapa anda telah mati tanpa meninggalkan seorang anak lelaki. Jikalau inilah rumah anda, maka aku akan meninggalkannya. Kemudian beliau telah keluar dari rumahnya. Ali bin Qais telah berkata: Kemudian seorang daripada pekerja-pekerja di rumah itu telah datang kepada kami, maka aku telah bertanya kepadanya tentang khabar ini. Maka beliau telah

berkata kepadaku: Siapakah yang telah memberitahu kepada anda tentang perkara ini? Aku telah berkata kepadanya: Seorang daripada polis khas telah memberitahu kepadaku tentangnya. Kemudian beliau telah berkata: Amat sukar sesuatu perkara disembunyikan daripada orang ramai.

(447)-12. Ali bin Muhammad, daripada Ja'far bin Muhammad al-Kufi, daripada Ja'far bin Muhammad al-Makfuf, daripada 'Amru al-Ahwazi berkata: Abu Muhammad a.s telah menunjukkannya kepadaku dan berkata: Inilah sahabat (imam) kamu.

(448)-13. Muhammad bin Yahya, daripada al-Hasan bin Ali al-Nisaburi, daripada Ibrahim bin Muhammad bin Abdullah bin Musa bin Ja'far, daripada Abi Nasr Zarif, khadam [Imam al-'Askari a.s] bahawa beliau telah melihatnya a.s.

(449)-14. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad dan al-Hasan dua anak lelaki Ali bin Ibrahim bahawa sesungguhnya mereka berdua telah menceritakannya pada tahun 279 Hijrah, daripada Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-'Abdi, daripada Dhau' bin Ali al-'Ajali, daripada seorang lelaki dari Faz yang mana beliau telah menamakannya bahawa Abu Muhammad a.s telah menunjukkannya [Imam al-Mahdi a.s] kepadanya.

(450)-15. Ali bin Muhammad, daripada Abi Ahmad bin Rasyid, daripada seorang penduduk al-Mada'in berkata: Aku telah melakukan haji bersama seorang sahabatku, kami telah sampai di al-Mauqif, tiba-tiba seorang pemuda sedang duduk, memakai [satu] pakaian di lengannya dan satu lagi di bahunya, berkasut kuning. Aku telah menganggarkan dua pakaiannya berharga seratus lima puluh dinar dan tiada kesan musafir ke atasnya. Seorang peminta sedekah telah datang kepada kami, lalu kami telah mengusirnya. Kemudian beliau telah menghampirinya dan meminta [sedekah] daripadanya. Kemudian beliau telah mengambil sesuatu dari tanah lalu memberikannya kepadanya.

Peminta sedekah itu telah berdoa untuknya dengan bersungguh-sungguh dan memanjangkan doanya pula. Kemudian lelaki itu telah berdiri dan menghilangkan diri daripada kami. Kemudian kami telah menghampiri peminta sedekah itu, lalu kami telah berkata kepadanya: Apakah di bumi ini, beliau telah berikan kepada anda? Beliau telah menunjukkan kepada kami seketul emas, kami telah menilainya dua puluh *mithqal*, maka aku telah berkata kepada sahabatku: *Maula-na* (al-Mahdi a.s) telah berada di sisi kami dan kami tidak mengetahuinya. Kemudian kami telah pergi mencarinya ke merata tempat di al-Mauqif, tetapi kami tidak mendapatinya. Justeru, kami telah bertanya kepada

penduduk Makkah dan penduduk Madinah tentangnya, maka mereka berkata: Beliau adalah seorang 'Alawi yang datang melakukan haji pada setiap tahun dengan berjalan kaki.

Bab 78

☼Bab Tentang Larangan Menyebut Namanya (*bab fi al-Nahyi 'an al-Ism*)☼

(451)-1. Ali bin Muhammad, daripada orang yang beliau telah menyebut namanya, daripada Muhammad bin Ahmad al-'Alawi, daripada Daud bin al-Qasim al-Ja'fari berkata: Aku telah mendengar Abu al-Hasan al-'Askari a.s berkata: Pengganti selepas aku adalah al-Hasan, bagaimana [pendapat] kamu tentang pengganti selepas pengganti? Maka aku telah berkata: Kenapa Allah telah menjadikan diriku tebusan anda? Beliau telah berkata: Sesungguhnya kamu tidak akan melihat keperibadiannya dan tidak halal bagi kamu menyebut namanya. Aku telah berkata: Bagaimana kita boleh menyebut namanya? Beliau telah berkata: *Al-Hujjah* daripada keluarga Muhammad a.s.

(452)-2. Ali bin Muhammad, daripada Abi Abdullah al-Salihi berkata: Sahabat kita telah bertanyaku selepas kematian Abu Muhammad a.s supaya aku bertanya tentang nama dan tempat [beliau berada], tiba-tiba jawapan telah datang: Jika kamu menunjukkan kepada mereka namanya, nescaya mereka menyebarkannya dan jika mereka mengetahui tempatnya, nescaya mereka akan menunujukkan [musuhnya] kepadanya.

(453)-3. Beberapa orang di kalangan sahabat kita, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada Ibn Fadhdhal, daripada al-Rayyan bin al-Salt berkata: Aku telah mendengar Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah berkata-ketika ditanya tentang al-Qaim- maka beliau a.s telah berkata: Tubuhnya tidak akan dilihat dan namanya tidak akan disebut.

(454)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Ibn Ri'ab, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: *Sahib hadha al-Amr* (Imam al-Mahdi a.s) tidak akan disebut namanya melainkan oleh orang kafir[120].

[120] Keadaan politik pada masa itu tidak membenarkan menyebut namanya a.s.

Bab 79

☼Bab Yang Luar Biasa Tentang Keghaiban (*bab nadir fi hali ghaibah*)☼

(455)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Muhammad bin Khalid, daripada orang yang beliau telah menyebutnya, daripada al-Mufadhdhal bin Umar dan Muhammad bin Yahya, daripada Abdullah bin Muhammad bin Isa, daripada bapanya, daripada sebahagian sahabatnya, daripada al-Mufadhdhal bin Umar, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Perkara yang paling hampir bagi seorang hamba kepada Allah a.w adalah menyebutNya dan perkara yang paling diredai olehNya adalah apabila mereka tidak mendapati *Hujjah* Allah dan beliau tidak dilihat oleh mereka dan mereka tidak mengetahui tempatnya pula. Meskipun sedemikian mereka mengetahui bahawa *Hujjah* Allah masih ada dan perjanjiannya tidak terbatal.

Di dalam keadaan sedemikian, kamu menanti kejayaannya (*al-Faraj*) di waktu pagi dan petang. Kerana kemurkaan Allah terhadap musuh-musuh-Nya adalah apabila mereka tidak dapat mencari *Hujjah*-Nya dan beliau pula tidak menzahirkan dirinya kepada mereka. Sesungguhnya Dia telah mengetahui bahawa para walinya tidak akan merasa bimbang. Jika Dia mengetahui bahawa mereka merasa bimbang, nescaya Dia tidak akan menyembunyikan *Hujjah*-Nya daripada mereka sekalipun sekelip mata. Justeru, ia tidak akan terjadi melainkan kepada mereka yang paling jahat.

(456)-2. Al-Husain bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ali bin Mirdas, daripada Safwan bin Yahya dan al-Hasan bin Mahbub, daripada Hisyam bin Salim, daripada 'Ammar al-Sabatiy berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Manakah yang paling baik: Ibadat secara rahsia sedangkan imam di kalangan kamu bersembunyi (*ma'a al-Imam min-kum al-Mustatir*) di dalam kerajaan yang batil atau ibadat secara menzahirkan kebenaran dan [keburukan] kerajaannya sedangkan imam di kalangan kamu di dalam keadaan zahir (*ma'a al-Imam min-kum al-Zahir*)? Maka beliau a.s telah berkata: Wahai 'Ammar, sedekah secara rahsia (*fi al-Sirr*), demi Allah, adalah lebih baik daripada sedekah secara terang-terang (*al-'Alaniyah*).

Demikianlah juga, demi Allah, ibadat kamu secara rahsia sedangkan imam kamu bersembunyi di dalam kerajaan yang batil, dan ketakutan kamu terhadap musuh-musuh kamu di dalam kerajaan yang batil dan genjatan senjata adalah lebih baik daripada orang yang menyembah Allah secara menzahirkan kebenaran bersama imam yang

benar zahir di dalam kerajaan yang benar. Ibadat dalam keadaan takut di dalam kerajaan yang batil tidaklah sama seperti ibadat dalam keamanan di dalam kerajaan yang benar.

Ketahuilah bahawa orang yang telah melakukan sembahyang fardu di kalangan kamu secara berjemaah [dengan orang lain] pada hari ini bersembunyi daripada musuhnya, di dalam waktunya, lalu beliau menyempurnakannya, maka Allah mendaftarkan untuknya [pahala] lima puluh sembahyang fardu secara berjemaah. Sesiapa yang telah melakukan sembahyang fardu berkeseorangan, bersembunyi daripada musuhnya di dalam waktunya, lalu beliau menyempurnakannya, maka Allah mendaftarkan untuknya [pahala] dua puluh lima sembahyang persendirian. Sesiapa yang telah melakukan sembahyang sunat di dalam waktunya, lalu beliau menyempurnakannya, maka Allah mendaftarkan untuknya [pahala] sepuluh sembahyang sunat.

Sesiapa yang melakukan kebaikan di kalangan kamu, maka Allah mendaftarkan untuknya dua puluh kebaikan dan melipatgandakan kebaikan mukmin di kalangan kamu apabila beliau melakukan amalannya dengan baik, melakukan *taqiyyah* tentang agamanya, imamnya, dirinya dan menahan lidahnya, sesungguhnya Allah Maha Mulia. Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya, demi Allah, anda telah mendorong aku untuk melakukan amalan yang baik dan menggalakkan aku kepadanya, tetapi aku ingin tahu bagaimana amalan kita pada hari ini terjadi lebih baik daripada [amalan] para sahabat imam yang zahir di kalangan kamu di dalam kerajaan yang benar sedangkan kami di dalam satu agama?

Beliau telah berkata: Sesungguhnya kamu telah mendahului mereka memasuki agama Allah, (mendahului mereka di dalam] sembahyang, puasa, haji, segala kebaikan yang dipersetujui olehNya dan segala ibadat kepada Allah secara tersembunyi daripada musuh kamu bersama imam kamu yang tersembunyi di dalam keadaan [kamu] mentaatinya, bersabar bersamanya, menanti kerajaan yang benar (*daulat al-Haq*), khuatir ke atas [keselamatan] imam kamu dan diri kamu daripada raja-raja yang zalim. Kamu melihat kepada hak imam kamu dan hak kamu di tangan-tangan mereka yang zalim. Sesungguhnya mereka telah menegah kamu daripadanya dan memaksa kamu bekerja keras di dunia dan mencari kehidupan dengan penuh kesabaran di atas agama kamu, ibadat kamu, ketaatan kepada imam kamu dan ketakutan terhadap musuh kamu. Justeru Allah akan melipatgandakan [pahala] amalan kamu, maka tahniah untuk kamu.

Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah pendapat anda jika kami menjadi sahabat al-Qaim dan kebenaran terserlah sedangkan kami sekarang di dalam *imamah* anda dan ketaatan kepada anda itu lebih baik amalan daripada para sahabat kerajaan kebenaran dan keadilan? Beliau a.s telah berkata:

Subhanallah, adakah kamu suka bahawa Allah menzahirkan kebenaran dan keadilan di seluruh negara, Allah akan menyatukan kalimah dan Allah menjinakkan di antara hati-hati yang bermacam-macam, mereka tidak menderhakai Allah di bumi-Nya, hudud-Nya dilaksanakan pada makhluk-Nya, Allah akan mengembalikan kebenaran kepada ahlinya, maka ia akan terserlah sehingga tiada seorangpun menyembunyikan kebenaran kerana takutkan makhluk. Demi Allah, wahai 'Ammar, seorang daripada kamu tidak akan mati di dalam keadaan kamu sekarang melainkan beliau adalah lebih baik di sisi Allah daripada kebanyakan para syuhada' Badr dan Uhud, lantaran itu, bergembiralah.

(457)-3. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Ibn Mahbub, daripada Husyam bin Salim, daripada Abi Hamzah, daripada Abi Ishaq berkata: Orang yang dipercayai di kalangan sahabat Amir al-Mukminin a.s telah memberitahu kepadaku bahawa sesungguhnya mereka telah mendengar Amir al-Mukminin a.s a.s telah berkata di dalam khutbahnya: Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku mengetahui bahawa ilmu tidak boleh dibawa kesemuanya dan disembunyikan pada satu tempat.

Asasnya tidak terputus, sesungguhnya Engkau tidak akan mengosongkan bumi Engkau daripada seorang *Hujjah* untuk Engkau ke atas makhluk Engkau, zahir tetapi tidak memerintah atau yang ketakutan atau tidak diketahui supaya *Hujjah* Engkau tidak terbatal dan para wali Engkau tidak tersesat selepas Engkau menunjukkan mereka. Malah di manakah mereka dan berapakah bilangan mereka? Mereka adalah sedikit dari segi bilangan, tetapi dari segi pangkat mereka adalah "besar" di sisi Allah. Mereka mentaati pimpinan agama, para imam yang memberi petunjuk, mereka yang beradab dengan adab-adab mereka, mengikuti cara mereka. Justeru mereka mempunyai ilmu yang dapat mencapai hakikat keimanan. Lantaran itu, roh-roh mereka menyahuti pimpinan ilmu. Mereka mempermudahkan percakapan mereka yang sukar difahami oleh orang lain. Mereka mendapat ketenteraman yang dikhuatiri oleh pembohong-pembohong dan ditolak oleh pemboros-pemboros.

Mereka adalah pengikut-pengikut para ulama,[121]mereka bersahabat dengan ahli dunia dengan mentaati Allah dan para wali-Nya. Mereka berpegang dengan *taqiyyah* daripada agama mereka kerana takutkan musuh mereka. Roh-roh mereka tergantung di tempat yang tinggi, para ulama mereka dan pengikut-pengikut mereka menahan lidah mereka dan berdiam diri di dalam kerajaan yang batil, menanti kerajaan yang benar. Allah akan melaksanakan kebenaran dengan kalimah-kalimah-Nya dan menghapuskan kebatilan. Alangkah beruntungnya mereka yang

[121] Para Imam a.s

bersabar di atas agama mereka di dalam gencatan senjata mereka (*fi hali hudnati-him*). Alangkah rindunya untuk melihat mereka ketika terserlahnya kerajaan mereka. Allah akan mengumpulkan kita dan mereka di syurga-syurga Aden [begitu juga] bapa-bapa mereka, isteri-isteri mereka dan zuriat-zuriat mereka.

Bab 80

☼Bab Tentang Ghaib (*bab fi al-Ghaibah*)☼

(458)-1. Muhammad bin Yahya dan al-Hasan bin Muhammad, daripada Ja'far bin Muhammad al-Kufi, daripada al-Hasan bin Muhammad al-Sairafi, daripada Salih bin Khalid, daripada Yaman al-Tammar berkata: Kami telah duduk di sisi Abu Abdillah a.s, maka beliau a.s telah berkata kepada kami: Sesungguhnya *ghaibah* (ghaib) akan berlaku kepada sahabat urusan ini (*inna li-hadha al-Amr ghaibah*), orang yang berpegang teguh pada agamanya [pada masa ini] adalah seperti seorang yang membuangkan duri-duri dari semak- Kemudian beliau a.s telah berkata sedemikian [menunjukkan kami] dengan tangannya- Justeru siapakah di kalangan kamu yang akan memegang duri-duri itu dengan tangannya? Kemudian beliau a.s telah menundukkan kepalanya buat seketika. Kemudian beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya *ghaibah* akan berlaku kepada sahabat urusan ini (Imam al-Mahdi a.s). Lantaran itu, setiap hamba hendaklah bertakwa kepada Allah dan berpegang kepada agama-Nya.

(459)-2. Ali bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Isa bin Muhammad bin Ali bin Ja'far, daripada bapanya, daripada datuknya, daripada Ali bin Ja'far, daripada saudaranya Musa bin Ja'far a.s telah berkata: Apabila anak kelima daripada anak ketujuh tidak ditemui, demi Allah, berwaspadalah tentang agama kamu, tiada seorangpun yang akan menghalang kamu daripadanya, wahai anak lelakiku, sesungguhnya keghaiban(*ghaibah*)[122]akan berlaku kepada sahabat urusan ini (*imamah*) sehingga ada juga orang yang bercakap tentangnya akan mengubah pendiriannya.

Sesungguhnya keghaiban (*ghaibah*) adalah ujian daripada Allah (*mihnatun mina-llah*) yang menguji makhluk-Nya dengannya. Jikalaulah bapa-bapa dan datuk-datuk kamu telah mengetahui satu agama yang lebih baik daripada [agama] ini, nescaya mereka telah mengikutinya. [Ali bin Ja'far] telah berkata: Aku telah berkata: Wahai *sayyidi*, siapakah yang kelima daripada anak ketujuh itu? Beliau telah berkata: Wahai

[122] *Occultation*

anak lelakiku, akal kamu begitu kecil untuk memahami ini (*'uqulu-kum tasgharu 'an ha-dha*) dan kefahaman kamu begitu sempit untuk menanggungnya, tetapi jika kamu hidup [lama], maka kamu akan mendapatinya.

(460)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Abi Najran, daripada Muhammad bin al-Musawir daripada al-Mufadhdhal bin Umar berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Hati-hatilah kamu dari menyebut [Imam yang kedua belas a.s] kerana imam kamu, demi Allah, akan ghaib selama beberapa tahun (*la-yaghibabanna imamu-kum sininan*) semasa kamu dan kamu akan mengujinya sehingga dikatakan: Beliau telah mati, dibunuh atau dibinasakan, dilembah manakah beliau lalui? Mata-mata mukminin akan menangis keranarnya. Kamu akan ditunda sebagaimana bahtera-bahtera ditunda di dalam lautan yang bergelombang. Justeru tiada seorangpun yang berjaya kecuali orang yang mana Allah telah mengambil perjanjian-Nya dan menulis di hatinya keimanan dan menguatkannya dengan roh daripadaNya. Dua belas bendera yang keliru akan diangkat, tidak mengetahui mana yang betul, al-Mufadhdhal telah berkata: Aku telah menangis. Kemudian aku telah berkata: Bagaimana kita akan buat? Beliau a.s telah melihat kepada [cahaya] matahari yang memasuki anjungnya, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Abdillah (al-Mufadhdhal), adakah anda melihat kepada cahaya matahari ini? Aku telah berkata: Ya, lalu beliau a.s telah berkata: Demi Allah, urusan kita adalah lebih terang daripada matahari ini (*la-amru-na abyanu min hadhihi al-Syams*).

(461)-4. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ibn Abi Najran, daripada Fadhdhalah bin Ayyub, daripada Sadir al-Sairafi berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya urusan pada sahabat urusan ini adalah seperti nabi Yusuf a.s, aku telah berkata kepadanya: Seolah-olah anda menyebutnya (Imam al-Mahdi a.s) pada masa hidupnya atau pada masa ghaibnya? Maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Umat ini tidak akan mengingkarinya kecuali kumpulan seperti babi (*asybah al-Khanazir*). Sesungguhnya saudara-saudara Yusuf a.s adalah daripada keturunan anak-anak para nabi a.s, mereka telah memperdagangkan Yusuf, memberi baiah kepadanya dan bercakap dengannya.

Mereka adalah saudara-saudaranya dan beliau adalah saudara mereka, tetapi mereka tidak mengenalinya sehingga beliau telah berkata: Aku adalah Yusuf dan ini adalah saudaraku, maka umat yang dilaknati ini tidak akan mengingkari jika Allah melakukan sedemikian kepada *Hujjah*-Nya pada masa tertentu sebagaimana Dia telah melakukannya kepada Yusuf. Yusuf telah memegang kuasa di Mesir dan

jaraknya dengan bapanya adalah lapan belas hari perjalanan. Jika beliau mahu supaya bapanya mengetahuinya, nescaya beliau mampu melakukannya. Sesungguhnya Ya'qub a.s dan anak-anak lelakinya telah berjalan dari padang pasirnya ke Mesir selama sembilan hari. Bagaimana umat ini boleh mengingkari jika Allah melakukannya kepada *Hujjah*-Nya sebagaimana Dia telah melakukannya kepada Yusuf. Beliau boleh datang dan pergi di pasar-pasar mereka dan melangkahi hamparan-hamparan mereka sehingga Allah memberi keizinan kepadanya sebagaimana Dia telah melakukannya kepada Yusuf. Mereka telah berkata: Sesungguhnya anda adalah Yusuf? Beliau telah berkata: Aku adalah Yusuf.

(462)-5. Ali bin Ibrahim, daripada al-Hasan bin Musa al-Khasysyab, daripada Abdullah bin Musa, daripada Abdullah bin Bakir, daripada Zurarah berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya keghaiban akan berlaku kepada kanak-kanak ini sebelum beliau berdiri. Aku telah berkata: Kenapa? Beliau telah berkata: Beliau akan merasa ketakutan (*yakhafu*)-beliau telah menunjukkan dengan tangannya ke arah perutnya[123]-kemudian beliau telah berkata: Wahai Zurarah, beliaulah yang dinanti-nantikan (*huwa al-Muntazar*), beliaulah yang disyaki tentang kelahirannya. Di kalangan mereka ada yang telah berkata: Bapanya telah mati tanpa meninggalkan pewaris atau pengganti. Ada yang telah berkata: [Bapanya telah mati semasa] beliau masih di dalam kandungan ibunya. Ada yang telah berkata: Beliau telah dilahirkan dua tahun sebelum kematian bapanya dan beliaulah yang dinanti-nantikan, tetapi Allah kehendaki untuk menguji Syiah. Di dalam keadaan sedemikian, [wahai] Zurarah, ahli kebatilan akan mengesyakinya. Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, jika aku sempat mendapati zaman itu, apakah yang aku akan melakukannya?

Beliau a.s telah berkata: Wahai Zurarah, apabila anda mendapati zaman ini, maka bacalah doa ini: Wahai Tuhanku, perkenalkanlah diri Engkau kepadaku(*'arrif-ni nafsa-ka*), sesungguhnya jika Engkau tidak memperkenalkan diri Engkau kepadaku, nescaya aku tidak mengenali nabi Engkau (*fa-inna-ka in lam tu'arrif-ni nafsa-ka lam a'rif nabiyya-ka*), wahai Tuhanku, perkenalkanlah rasul Engkau kepadaku (*Allahumma 'arrif-ni rasula-ka*), kerana sesungguhnya jika Engkau tidak memperkenalkan rasul Engkau kepadaku, nescaya aku tidak mengenali *Hujjah* Engkau (*fa-in lam tu'arrif-ni rasula-ka, lam a'rif hujjata-ka*). Wahai Tuhanku, perkenalkanlah *Hujjah* Engkau kepadaku (*Allahumma 'ariif-ni hujjata-ka*), kerana sesungguhnya jika Engkau tidak memperkenalkan

[123] Khuatir akan ditikam diperutnya

Hujjah Engkau kepadaku, nescaya aku akan tersesat daripada agamaku (*fa-inna-ka in lam tu'arrif-ni hujjata-ka dhalal-tu 'an dini*).

Kemudian beliau a.s telah berkata: Wahai Zurarah, kanak-kanak lelaki itu pasti akan dibunuh di Madinah. Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, tidakkah tentera al-Sufyani akan membunuhnya? Beliau a.s telah berkata: Tidak, tetapi beliau akan dibunuh oleh tentera Bani polan. Mereka akan datang sehingga mereka memasuki Madinah. Mereka akan mengambil kanak-kanak itu dan membunuhnya. Mereka akan membunuhnya secara zalim dan permusuhan, mereka tidak akan menangguhkannya. Pada masa itu, anda akan mengharapkan kejayaan jika Allah kehendaki.

(463)-6. Muhammad bin Yahya, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada Ishaq bin Muhammad, daripada Yahya bin al-Muthanna, daripada Abdullah bin Bakir, daripada 'Ubaid bin Zurarah berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Orang ramai akan kehilangan imam mereka, beliau akan menampakkan dirinya pada musim haji dan beliau akan melihat mereka, tetapi mereka tidak akan melihatnya.

(464)-7. Ali bin Muhammad, daripada Abdullah bin Muhammad bin Khalid berkata: Mundhir bin Muhammad bin Qabus telah memberitahu kepadaku daripada Mansur al-Sindi, daripada Abu Daud al-Mustariq, daripada Tha'labah bin Maimun, daripada Malik al-Jahani, daripada al-Harith bin al-Mughirah daripada al-Asbagh bin Nubatah berkata: Aku telah datang kepada Amir al-Mukminin a.s, maka aku telah mendapatinya sedang berfikir (*mufakkiran*), mengetuk pada tanah, maka aku telah berkata: Wahai Amir al-Mukminin, kenapa aku melihat anda sedang berfikir, mengetuk pada tanah, adakah anda menyukainya? Beliau a.s telah berkata: Tidak, demi Allah, aku tidak pernah menyukainya dan tidak pada dunia walaupun satu hari, tetapi aku telah memikir tentang bayi (*al-Maulud*) yang kesebelas yang akan dilahirkan daripada keturunanku, beliaulah al-Mahdi yang akan memenuhi bumi dengan keadilan dan saksama sebagaimana bumi dipenuhi dengan penindasan dan kezaliman.

Keghaiban dan kekeliruan akan berlaku kepadanya. Justeru, sebahagian kaum akan tersesat dan sebahagian yang lain pula mendapat pertunjuk. Aku telah berkata: Wahai Amir al-Mukminin, berapa lamakah kekeliruan dan keghaiban akan berlaku? Beliau a.s telah berkata: Enam hari atau enam bulan atau enam tahun. Aku telah berkata: Wahai Amir al-Mukmin, adakah ini akan berlaku? Beliau a.s telah berkata: Ya, sebagaimana beliau diciptakan dan aku akan meyakinkan anda tentang perkara ini, wahai Asbagh! Mereka adalah sebaik-baik umat ini bersama sebaik-baik keluarga Rasulullah s.a.w.

Maka aku telah berkata: Kemudian apakah yang akan berlaku selepas itu? Beliau a.s telah berkata: Kemudian Allah akan melakukan apa yang dikendakiNya. Kerana Dia memiliki semua perkara yang tersembunyi, segala iradat, segala tujuan dan segala kesudahan.

(465)-8. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Hanan bin Sadir, daripada Ma'ruf bin Gharrabudh, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya kami adalah seperti bintang-bintang di langit (*nahnu ka-nujum al-Sama'*). Setiap kali satu bintang hilang (ghaib), satu bintang yang lain terserlah sehingga apabila kamu menunjukkan anak-anak jari tangan kamu dan kamu condongkan tengkuk-tengkuk kamu. Allah mengghaibkan daripada kamu bintang kamu, maka Banu 'Abd al-Muttalib akan menjadi sama, seorang itu tidak dikenali siapakah dia dan dari mana dia datang. Justeru, apabila bintang kamu terserlah, maka hendaklah kamu memuji Tuhan kamu.

(466)-9. Muhammad bin Yahya, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Mu'awiyah, daripada Abdullah bin Jabalah, daripada Abdullah bin Bakir, daripada Zurarah berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya keghaiban akan berlaku kepada al-Qaim a.s sebelum beliau berdiri. Aku telah berkata: Kenapa? Beliau a.s telah berkata: Beliau akan merasa takut-beliau a.s telah menunjukkan kepada perutnya-iaitu pembunuhan.

(467-10. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Abu Ayyub al-Khazzaz, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Jika [berita] keghaiban sahabat urusan ini telah sampai kepada kamu, maka janganlah kamu mengingkarinya (*in balagha-kum 'an sahib hadha al-Amr ghaibah fa-la tunkiruu-ha*).

(468)-11. Al-Husain bin Muhammad dan Muhammad bin Yahya, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Mu'awiyah, daripada Abdullah bin Jabalah, daripada Ibrahim bin Khalaf bin 'Ubbad al-Anmati, daripada Mufadhdhal bin Umar berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdillah a.s dan beberapa orang berada bersamanya di dalam bilik. Aku telah menyangka bahawa beliau a.s mahu orang selain daripadaku[mendengarnya]. Beliau a.s telah berkata: Demi Allah, sahabat urusan ini (*sahib li-hadha al-Amr*) akan ghaib daripada kamu dan beliau tidak akan [menjadi] terkenal sehingga dikatakan: Beliau telah mati, telah binasa dan pada lembah mana beliau telah lalui?

Kamu akan ditunda sebagaimana bahtera ditunda di lautan yang bergelombang. Justeru tiada seorangpun yang akan berjaya kecuali orang yang mana Allah telah mengambil perjanjian-Nya dan menulis di

hatinya keimanan dan menguatkannya dengan roh daripadaNya. Dua belas bendera yang keliru akan diangkat, tidak mengetahui mana yang betul, al-Mufadhdhal telah berkata: Aku telah menangis. Beliau a.s telah berkata: Apakah yang membuat anda menangis, wahai Mufadhdhal? Kemudian aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, bagaimana aku tidak menangis sedangkan anda telah berkata: Dua belas bendera yang keliru, tidak diketahui mana yang betul!? Di biliknya terdapat lubang yang dimasuki oleh cahaya matahari, lalu beliau a.s telah berkata: Adakah [cahaya] ini terang? Aku telah berkata: Ya, beliau a.s telah berkata: Urusan kita adalah lebih terang daripada [cahaya] matahari ini.

(469)-12. Al-Husain bin Muhammad, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada al-Qasim bin Isma'il al-Anbari, daripada Yahya bin al-Muthanna, daripada Abdullah bin Bakir, daripada 'Ubaid bin Zurarah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Al-Qaim (Imam al-Mahdi a.s) akan menghadapi dua keghaiban (*ghaibah*)[124], [tetapi] salah satu daripadanya, beliau akan menghadiri pada musim haji; beliau akan melihat orang ramai, tetapi mereka tidak akan melihatnya (*yara al-Nas wa la yarauna-hu*).

(470)-13. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad dan Muhammad bin Yahya dan lain-lain, daripada Ahmad bin Muhammad dan Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Mahbub, daripada Hisyam bin Salim, daripada Abi Hamzah, daripada Abi Ishaq al-Sabi', daripada beberapa orang sahabat Amir al-Mukminin a.s, daripada mereka yang dipercayai bahawa Amir al-Mukmin a.s telah berucap dengan perkataan ini dan dihafaz daripadanya di dalam satu khutbah yang mana beliau a.s telah berkhutbah di mimbar [masjid] Kufah: Wahai Tuhanku, *Hujjah-Hujjah* Engkau adalah satu kepastian di bumi Engkau, *Hujjah* selepas *Hujjah* di atas makhluk Engkau, mereka akan menunjukkan orang ramai kepada agama Engkau, mengajar mereka ilmu Engkau supaya pengikut-pengikut para wali Engkau tidak akan berpecah. [*Hujjah*] sama ada zahir, tetapi tidak memerintah atau bersembunyi dan [pemerintahannya] dinanti-nantikan. Keperibadian mereka tersembunyi daripada orang ramai ketika gencatan senjata[125], tetapi ilmu yang terdahulu yang mereka sebarkan tidak disembunyikan, adab-adab mereka adalah tetap di hati mukminin dan mereka mengamalkannya.

---

[124] Keghaiban yang kecil dan keghaiban yang besar. Pada masa keghaiban yang kecil (*ghaibah sughra*) ramai yang dapat melihatnya pada tempat yang berbeza. Sementara keghaiban yang besar (*ghaibah kubra*) sedikit sahaja yang dapat melihatnya.
[125] Ketika tiada keamanan.

Beliau a.s telah memberi khutbah pada tempat yang lain pula dan berkata: Kepada siapakah ini? Lantaran itu, ilmu akan hilang apabila tiada orang yang akan menghafaznya dan meriwayatkannya sebagaimana mereka telah mendengarnya daripada para ulama dan memperakui mereka tentangnya. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku mengetahui bahawa ilmu tidak akan hilang semuanya dan tidak terputus asas-asasnya dan sesungguhnya Engkau tidak akan mengosongkan bumi Engkau daripada *Hujjah* Engkau ke atas makhluk Engkau, [beliau sama ada] zahir tetapi tidak memerintah atau di dalam ketakutan atau tidak dikenali supaya *Hujjah* Engkau tidak akan terbatal dan para wali Engkau tidak akan tersesat selepas Engkau memberi pertunjuk kepada mereka, tetapi di manakah mereka? Bilangan mereka adalah sedikit, tetapi nilai mereka di sisi Allah adalah besar.

(471)-14. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Musa bin al-Qasim bin Mu'awiyah al-Bajali, daripada Ali bin Ja'far, daripada saudaranya Musa bin Ja'far a.s tentang firman Allah "*Katakanlah: Terangkanlah kepadaku jika sumber air kamu menjadi kering; maka siapakah yang akan mendatangkan air yang mengalir bagimu?*"[126]Beliau a.s telah berkata: Apabila imam kamu telah tersembunyi (ghaib) daripada kamu, maka siapakah yang akan mendatangkan kamu dengan imam yang baru?"

(472)-15. Beberapa orang di kalangan sahabat kita, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Abi Ayyub al-Khazzaz, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Apabila [berita] keghaiban telah sampai kepada kamu daripada sahabat kamu (Imam al-Mahdi a.s), maka janganlah kamu mengingkarinya.

(473)-16. Beberapa orang di kalangan sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali al-Wasyaa', daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Keghaiban bagi sahabat urusan ini adalah satu kepastian dan keghaibannya pasti di dalam pengasingan (*la budda li-sahib hadha al-Amr min ghaibatin wa-la budda fi ghaibati-hi min 'uzlatin*). Sebaik-baik tempat tinggal [nya] adalah di Taibah (Madinah) dan di sana tiada kesunyian dengan tiga puluh (orang)[127].

(474)-17. Dengan sanad-sanad ini, daripada al-Wasyaa', daripada Ali bin al-Hasan, daripada Abban bin Taghlab berkata: Abu Abdillah a.s

[126] Surah al-Mulk (67): 30
[127] Imam al-Mahdi a.s tinggal bersama beberapa orang pengikutnya.

telah berkata: Bagaimana anda apabila berlaku pukulan di antara dua masjid[128], maka ilmu akan hilang sebagaimana ular bergulung-gulung memasuki lubangnya. Apabila perselisihan berlaku di kalangan Syiah, maka mereka menamakan sebahagian mereka sebagai pendusta-pendusta dan mereka meludah pada muka-muka sebahagian yang lain? Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, tiada kebaikan pada ketika ini? Maka beliau a.s telah berkata kepadaku tiga kali: Semuanya baik ketika itu"

(475)-18. Dengan sanad-sanad ini, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada bapanya Muhammad bin Isa, daripada Ibn Bakir, daripada Zurarah berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Bagi al-Qaim ada keghaibannya sebelum beliau berdiri[129], beliau akan merasa takut-beliau a.s telah menunjukkan dengan tangannya kepada perutnya- iaitu pembunuhan.

(476)-19. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ibn Mahbub, daripada Ishaq bin 'Ammar berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Al-Qaim mempunyai dua keghaiban, pertama: Dalam masa yang pendek dan kedua: Dalam masa yang panjang (lama). Keghaiban yang pertama tempatnya tidak diketahui kecuali Syiah tertentu sahaja. Dan kedua tempatnya tidak diketahui kecuali hamba-hambanya yang tertentu sahaja (*khassah mawaali-hi*).

(477)-20. Muhammad bin Yahya dan Ahmad bin Idris, daripada al-Hasan bin Ali al-Kufi, daripada Ali bin Hassan, daripada bapa saudara 'Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Mufadhdhal bin Umar berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sahabat urusan in mempunyai dua keghaiban. Pertama beliau a.s akan kembali kepada keluarganya dan kedua dikatakan: Beliau a.s telah binasa, di lembah manakah beliau a.s telah lalui? Aku telah berkata: Apakah kita akan buat? Beliau a.s telah berkata: Apabila seorang mendakwanya (*imamah*), maka bertanyalah kepadanya perkara-perkara yang beliau akan menjawabnya sepertinya (imam).

(478)-21. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin Ahmad, daripada Ja'far bin al-Qasim, daripada Muhammad bin al-Walid al-Khazzaz, daripada al-Walid bin 'Uqbah, daripada al-Harith bin Ziyad, daripada Syu'aib, daripada Abi Hamzah berkata: Aku telah datang kepada Abu Abdillah a.s, maka aku telah berkata kepadanya: Adakah anda sahabat urusan ini? Maka beliau a.s telah berkata: Tidak, lalu aku

[128] Rumah Imam al-'Askari yang terletak di antara dua masjid di Samaraa'.
[129] Sebelum beliau menjalankan tugasannya.

telah berkata: Anak lelaki anda? Maka beliau a.s telah berkata: Tidak, lalu aku telah berkata: Anak lelaki kepada anak lelaki anda? Beliau a.s telah berkata: Tidak, maka aku telah berkata: Anak lelaki kepada anak lelaki kepada anak lelaki anda (cucu anda)? Beliau a.s telah berkata: Tidak, maka aku telah berkata: Siapakah dia? Beliau a.s telah berkata: Orang yang akan memenuhi bumi dengan keadilan sebagaimana ia (bumi) dipenuhi dengan kezaliman dan penindasan di masa ketiadaan para imam sebagaimana Rasulullah s.a.w diutus selepas ketiadaan para rasul a.s.

(479)-22. Ali bin Muhammad, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada Musa bin Ja'far al-Baghdadi, daripada Wahab bin Syadhan, daripada al-Hasan bin Abi al-Rabi', daripada Muhammad bin Ishaq, daripada Umm Hani' berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far Muhammad bin Ali a.s tentang firman Allah a.w "*Sesungguhnya Aku bersumpah dengan bintang-bintang yang beredar, berlari dan terbenam*"[130] Maka beliau (Umm Hani') telah berkata: Beliau a.s telah berkata: Beliau adalah imam yang akan beredar atau berundur pada tahun 260 Hijrah (tahun kematian Imam yang ke sebelas), selepas itu ia akan zahir seperti komet yang bercahaya pada malam yang gelap. Jika anda mendapati zamannya, maka mata anda akan bersinar (kegembiraan).

(480)-23. Beberapa orang di kalangan sahabat kita, daripada Sa'd bin Abdullah, daripada Ahmad bin al-Hasan, daripada Umar bin Yazid, daripada al-Hasan al-Rabi' al-Hamdani berkata: Muhammad bin Ishaq telah memberitahu kepada kami, daripada Usaid bin Tha'labah, daripada Umm Hani' berkata: Aku telah berjumpa dengan Abu Ja'far Muhammad bin Ali a.s, maka aku telah bertanya kepadanya tentang firman-Nya: "*Sesungguhnya Aku bersumpah dengan bintang-bintang yang beredar, berlari dan terbenam*"[131] Beliau telah berkata: Yang beredar itu adalah imam yang berundur pada zamannya ketika ilmunya terputus di sisi manusia pada tahun 260 Hijrah. Kemudian beliau akan zahir seperti komet yang bersinar di dalam kegelapan malam. Jika anda mendapatinya, nescaya mata anda akan bersinar (kegembiraan).

(481)-24. Ali bin Muhammad, daripada sabahagian sahabat kita, daripada Ayyub bin Nuh, daripada Abu al-Hasan yang ketiga (*al-Thalith*) a.s telah berkata: Apabila ilmu kamu hilang di kalangan kamu, maka berharaplah kejayaan di bawah telapak kaki kamu (di kalangan kamu).

---

[130] Surah al-Takwir (81): 15-16
[131] Surah al-Takwir (81): 15-16

(482)-25. Beberapa orang di kalangan sahabat kami, daripada Sa'd bin Abdullah, daripada Ayyub bin Nuh berkata: Aku telah berkata kepada Abu al-Hasan al-Ridha a.s: Aku berharap anda akan menjadi sahabat urusan ini (*sahib hadha al-Amr*), Allah akan menyerahkannya kepada anda tanpa [kekuatan] pedang. Kerana anda telah dibaiah dan dirham telah dicetak dengan nama anda, maka beliau a.s telah berkata: Tiada seorangpun di kalangan kami [meskipun] surat-surat sepakat ditujukan kepadanya (pemilihannya) dan ditunjukkan dengan anak-anak jarinya, ditanya tentang masalah-masalah dan dibawakan kepadanya harta-harta melainkan dibunuh atau mati di atas hamparannya sehingga Allah mengutus seorang kanak-kanak daripada kami untuk urusan ini yang mana kelahiran dan tempat lahirnya tersembunyi, tetapi keturunannya tidak tersembunyi.

(483)-26. Al-Husain bin Muhammad dan lain-lainnya, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada Ali bin al-'Abbas bin 'Amir daripada Musa bin Hilal al-Kindi, daripada Abdullah bin 'Ata', daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Sesungguhnya Syiah anda di Iraq adalah banyak. Demi Allah, tiada seorangpun di dalam keluarga anda seperti anda, kenapa anda tidak keluar menentang mereka? Beliau a.s telah berkata: Wahai Abdullah bin 'Ata', anda telah meminjamkan dua telinga anda kepada orang yang bodoh, ya, aku bukanlah sahabat kamu [di dalam perkara ini]. Aku telah berkata kepadanya: Siapakah sahabat kita? Beliau a.s telah berkata: Lihatlah kepada siapa yang kesamaran kelahirannya daripada orang lain, maka beliaulah sahabat (imam) kamu. Sesungguhnya tiada seorangpun di kalangan kita yang ditunjukkan dengan anak-anak jari [tentang *imamah*) dan namanya disebut-sebut oleh orang ramai melainkan beliau akan mati di dalam keadaan marah atau dibunuh.

(484)-27. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Hisyam bin Salim, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: [Apabila] Al-Qaim menjalankan tugasannya, tiada perjanjian, persetujuan dan baiah di tengkuknya dengan seorangpun[132].

(485)-28. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Fadhdhal, daripada al-Hasan bin Ali al-'Atar, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada Mansur, daripada orang yang beliau telah menyebutnya, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah berkata: Apabila setiap pagi dan petang aku tidak melihat seorang imam

---

[132] Ini bererti bahawa al-Qaim tidak mempunyai sebarang perjanjian atau baiah dengan orang lain. Tidak seperti para imam a.s sebelumnya.

yang aku akan ikuti, maka apakah yang aku akan buat? Beliau a.s telah berkata: Anda mesti mengambil seorang yang anda cintai dan memarahi seorang yang anda benci sehingga Allah menzahirkannya (imam) kepada anda.

(486)-29. Al-Husain bin Ahmad, daripada Ahmad bin Hilal berkata: Uthman bin Isa telah memberi tahu kepada kami daripada Khalid bin Najih, daripada Zurarah bin A'yun berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Keghaiban pasti akan berlaku kepada kanak-kanak itu (*al-Ghulam*), aku telah berkata: Kenapa? Beliau a.s telah berkata: Beliau akan merasa takut-beliau telah menunjukkan dengan tangannya kepada perutnya-beliaulah yang dinanti-nantikan (*al-Muntazar*), beliaulah yang mana orang ramai mengesyaki tentang kelahirannya. Ada di kalangan mereka telah berkata: Beliau masih berada di dalam kandungan ibunya. Ada di kalangan mereka telah berkata: Bapanya telah mati tanpa pewaris. Ada di kalangan mereka telah berkata: Beliau telah dilahirkan sebelum kematian bapanya dua tahun.

Zurarah telah berkata: Maka aku telah berkata: Apakah yang anda akan menyuruh aku jika aku mendapati zaman itu? Beliau a.s telah berkata: Berdoalah kepada Allah dengan doa ini: Wahai Tuhanku, perkenalkanlah diri Engkau kepadaku(*'arrif-ni nafsa-ka*), sesungguhnya jika Engkau tidak memperkenalkan diri Engkau kepadaku, nescaya aku tidak mengenali nabi Engkau (*fa-inna-ka in lam tu'arrif-ni nafsa-ka lam a'rif nabiyya-ka*), wahai Tuhanku, perkenalkanlah rasul Engkau kepadaku (*Allahumma 'arrif-ni rasula-ka*), kerana sesungguhnya jika Engkau tidak memperkenalkan rasul Engkau kepadaku, nescaya aku tidak mengenali *Hujjah* Engkau (*fa-in lam tu'arrif-ni rasula-ka, lam a'rif hujjata-ka*).

Wahai Tuhanku, perkenalkanlah *Hujjah* Engkau kepadaku (*Allahumma 'ariif-ni hujjata-ka*), kerana sesungguhnya jika Engkau tidak memperkenalkan *Hujjah* Engkau kepadaku, nescaya aku akan tersesat daripada agamaku (*fa-inna-ka in lam tu'arrif-ni hujjata-ka dhalal-tu 'an dini*). Ahmad bin al-Hilal telah berkata: Aku telah mendengar hadis ini semenjak lima puluh enam tahun dahulu.

(487)-30. Abu Ali al-Asy'ari, daripada Muhammad bin Hassan, daripada Muhammad bin Ali, daripada Abdullah bin al-Qasim, daripada Mufadhdhal bin Umar, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata tentang firman Allah: "*Apabila ditiup sangkakala*"[133] Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya di kalangan kami seorang imam yang menang, tersembunyi. Apabila Allah kehendaki menzahirkan urusannya, Dia

[133] Surah al-Muddaththir (74):8

akan mengetuk di hatinya dengan satu ketukan, maka beliau akan zahir dan berdiri dengan perintah Allah.

(488)-31. Muhammad bin Yahya, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada Ahmad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Abdullah, daripada Muhammad bin al-Faraj berkata: Abu Ja'far a.s telah menulis kepadaku: Apabila Allah memarahi makhluk-Nya, Dia akan menjauhkan kami dari mendekati mereka".

Bab 81

☼Penjelasan Di Antara Dakwaan Orang Yang Benar Dan Orang Yang Batil Tentang Urusan *Imamah* (*ma yufassilu bi-hi baina da'wa al-Muhiqq wa al-Mubtil fi amr al-Imamati*)☼

(489)-1. Ali bin Ibrahim bin Hasyim, daripada bapanya, daripada Ibn Mahbub, daripada Salam bin Abdullah dan Muhammad bin al-Hasan dan Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad dan Abu Ali al-Asy'ari, daripada Muhammad bin Hassan, daripada Muhammad bin Ali, daripada Ali bin al-Asbat, daripada Salam bin Abdullah al-Hasyimi, Muhammad bin Ali berkata: Sesungguhnya aku telah mendengarnya daripadanya, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Talhah dan al-Zubair telah mengutus seorang lelaki daripada [Bani] 'Abd al-Qais dikenali sebagai Khadasy kepada Amir al-Mukminin a.s.

Mereka berdua telah berkata kepadanya: Sesungguhnya kami akan mengutus anda kepada seorang lelaki yang kami sudah lama mengenalinya dan keluarganya dengan sihir dan ramalan (*kahanah*) dan anda lebih dipercayai mewakili kami daripada diri kami sendiri untuk mencegahnya (sihir) dari berlaku. Anda hendaklah berhujah untuk kami sehinggalah beliau memahami perkara yang sebenarnya. Ketahuilah bahawa beliau adalah seorang yang paling besar dakwaannya, justeru, janganlah anda biarkan beliau mengalahkan anda tentangnya. Di antara perkara-perkara yang dapat menipu manusia adalah makanan, minuman, madu dan minyak. Anda hendaklah berhadapan dengan lelaki ini.

Lantaran itu, janganlah anda memakan makanannya, janganlah anda meminum minumannya, janganlah anda menyentuh madunya dan minyaknya, janganlah anda berdua-duan dengannya, hati-hatilah semua ini daripadanya. Pergilah di atas keberkatan Allah. Apabila anda melihatnya, maka bacalah ayat *al-Sukhrah* dan mintalah pertolongan

dengan Allah daripada tipu dayanya dan tipu daya syaitan. Apabila anda berhadapan dengannya, maka janganlah anda memusatkan pandangan anda sepenuhnya kepadanya dan janganlah anda berlembut dengannya. Kemudian katakanlah kepadanya: Sesungguhnya dua orang saudara anda dalam agama dan dua sepupu anda dalam kekerabatan menyeru anda supaya memutuskan silaturahim (*al-Qati'ah*). Mereka berdua berkata kepada anda: Anda mengetahui bahawa kami telah meninggalkan orang ramai untuk anda dan kami telah meninggalkan keluarga-keluarga kami kerana anda semenjak Allah a.w mematikan Muhammad s.a.w. Manakala anda telah mencapai cita-cita anda yang paling rendah, maka anda telah menghilangkan kehormatan kami dan anda telah memutuskan harapan kami. Kemudian anda telah melihat perbuatan-perbuatan kami terhadap anda dan kemampuan kami menjauhkan diri kami daripada anda, negara adalah luas tanpa anda. Sesungguhnya orang yang telah memalingkan anda daripada kami dan perhubungan kami adalah [orang] yang kurang memberi manfaat kepada anda dan [orang] yang lemah untuk mempertahankan anda daripada kami.

Sesungguhnya Subuh telah terang kepada orang yang mempunyai dua mata. Sesungguhnya [berita] pencorobohan dan doa anda ke atas kami telah sampai kepada kami. Apakah yang telah mendorong anda untuk melakukan sedemikian? Sesungguhnya kami telah melihat bahawa anda adalah penglima Arab yang paling berani, adakah anda mengambil laknat terhadap kami sebagai agama? Dan anda melihat bahawa ianya akan membuatkan kami tidak bersemangat menentang anda? Apabila Khadasy telah datang kepada Amir al-Muminin a.s, maka beliau telah melakukan apa yang diperintahkan oleh mereka berdua. Manakala Amir al-Mukminin a.s telah melihat kepadanya-beliau bermunajat-beliau a.s tersenyum sambil berkata: Di sini, wahai saudara 'Abd Qais-beliau telah menunjukkan tempat duduk yang berdekatan dengannya-lalu Khadasy berkata: Alangkah luasnya tempat ini, aku ingin menyerahkan surat kepada anda.

Beliau a.s telah berkata: Malah anda makanlah, minumlah, tukar pakaian anda dan bersihlah badan anda dengan minyak. Kemudian anda serahlah surat anda, wahai Qanbar, berdirilah dan berilah tempat kepadanya. Khadasy telah berkata: Aku tidak berhajat kepada apa yang anda telah sebutkannya. Beliau telah berkata: Aku akan bersama anda? Beliau a.s telah berkata: Setiap rahsia bukan rahsia lagi bagiku. Beliau a.s telah berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah yang lebih hampir kepada diri anda daripada anda sendiri, dinding antara anda dan hati anda, yang mengetahui mata-mata yang tidak jujur dan apa yang disembunyikan di dada, adakah al-Zubair telah datang kepada anda dan membentangkanya kepada anda?

Beliau telah berkata: Wahai Tuhanku, Ya, beliau a.s telah berkata: Jika anda menyembunyikan [sesuatu] selepas aku bertanya kepada anda, nescaya anda tidak sempat mengelipkan mata anda. Justeru aku menyeru anda dengan nama Allah, adakah beliau (al-Zubair) telah mengajar anda kata-kata yang anda akan katakan kepadaku apabila anda datang kepadaku? Beliau telah berkata: Ya, Ali telah berkata: Ayat *al-Sukhrah*? Beliau telah berkata: Ya, beliau a.s telah berkata: Bacalah, lalu beliau membacanya dan Ali mulai mengulanginya dan menegurnya apabila beliau (Khadasy) melakukan kesilapan sehingga beliau telah membacanya sebanyak tujuh puluh kali. Khadasy telah berkata: Apakah Amir al-Mukminin a.s mendapati urusannya dengan mengulanginya sebanyak tujuh puluh kali! Kemudian beliau a.s telah berkata kepadanya: Adakah anda mendapati hati anda telah tenang? Beliau telah berkata: Ya,-demi Yang diriku di tangan-Nya-beliau a.s telah berkata: Apakah mereka berdua telah katakan kepada anda? Beliau telah memberitahunya, maka beliau a.s telah berkata: Katakanlah kepada mereka berdua: Cukuplah logik kamu berdua menjadi hujah ke atas kamu berdua, tetapi Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang zalim. Kamu berdua telah menyangka bahawa kamu berdua saudaraku di dalam agama dan sepupuku dalam keturunan (nasab).

Adapun dari segi keturunan, maka aku tidak mengingkarinya sekalipun keturunan terputus melainkan apa yang telah disambungkan oleh Allah dengan Islam. Adapun kata-kata kamu berdua: "Sesungguhnya kamu berdua saudaraku dalam agama", jika kamu berdua adalah benar, maka kamu berdua telah meninggalkan Kitab Allah dan kamu berdua telah menderhakai perintah-Nya dengan perbuatan kamu berdua pada saudara kamu berdua di dalam agama. Jika tidak, kamu berdua telah berbohong dan berdusta dengan dakwaan kamu berdua bahawa kamu berdua saudaraku dalam agama. Adapun peninggalan atau perpecahan kamu berdua daripada orang ramai semenjak Allah mematikan Muhammad s.a.w, jika kamu berdua telah meninggalkan mereka dengan kebenaran, maka kamu berdua telah bercanggah dengan kebenaran itu sendiri dengan peninggalan atau perpecahan kamu berdua daripadaku pada masa akhir ini.

Jika kamu berdua telah meninggalkan mereka dengan kebatilan, maka dosa kebatilan itu terkena kamu berdua bersama bidaah yang kamu berdua telah melakukannya. Lagi pun dakwaan kamu berdua dengan meninggalkan orang ramai itu hanya kerana tamakkan dunia. Kamu berdua telah menyangka bahawa itulah kata-kata kamu berdua. [Kata-kata anda] "anda telah memutuskan harapan kami" kamu berdua tidak merasa malu untuk bersyukur kepada Allah [kerana] itulah agamaku. Adapun perkara yang telah memalingkan aku dari berhubung dengan mereka berdua adalah apa yang telah memalingkan kamu berdua daripada kebenaran dan mendorongkan kamu berdua untuk

mencabutnya daripada tengkuk kamu berdua sebagaimana kuda mencabut tali kekangnya.

Dia adalah Allah Tuhanku, aku tidak akan melakukan syirik kepadaNya dengan sesuatupun. Justeru janganlah kamu berdua berkata: "Kurang manfaat dan pertahanan yang lemah", nescaya kamu berdua berhak dengan nama syirik bersama nifak. Adapun kata-kata kamu berdua: "Sesungguhnya aku adalah penglima Arab yang paling berani dan kamu berdua telah melarikan diri daripada laknatku dan doaku [ke atas kamu berdua], maka sesungguhnya setiap pendirian ada amalannya khususnya apabila lidah-lidah telah berselisih dan kuda-kuda yang telah dilekatkan bersama mengancam dan telah sampai ke kemuncaknya, meresapi perut kamu berdua, maka di sana Allah akan mencukupi aku dengan kesempurnaan hati. Adapun jika kamu berdua telah enggan, maka aku akan berdoa kepada Allah supaya kamu tidak berdukacita bahawa seorang lelaki sihir daripada golongan sihir, menurut sangakaan jahat kamu berdua [terhadapku], akan berdoa menentang kamu. Wahai Tuhanku, bunuhlah al-Zubair dengan seburuk-buruk pembunuhan dan tumpahilah darahnya di atas kesesatan. Perkenalkanlah kepada Talhah kehinaan dan sedialah untuk mereka berdua di Akhirat [perkara] yang lebih buruk daripada itu. Kerana mereka berdua telah menzalimiku, berdusta ke atasku, menyembunyikan penyaksian, menderhakai Engkau dan Rasul Engkau mengenaiku, maka katalah: Amin, Khadasy telah berkata: Amin.

Kemudian Khadasy telah berkata kepada dirinya: Demi Allah, aku tidak pernah melihat seorang yang telah menjelaskan kesalahan seperti ini selain daripada anda, [sehingga] pembawa hujah bercanggah sebahagian dengan sebahagian yang lain, Allah tidak menjadikannya (hujah) berkesan. Aku membersihkan diriku [berdoa] kepada Allah daripada mereka berdua. Ali a.s telah berkata: Kembalilah kepada mereka berdua dan beritahulah kepada mereka berdua apa yang aku telah katakan. Beliau telah berkata: Tidak, sehingga anda berdoa kepada Allah supaya mengembalikan aku kepada anda secepat mungkin dan supaya Dia memberi taufik kepadaku kerana keredaan-Nya kepada anda, lalu beliau a.s telah melakukannya. Tidak berapa lama selepas itu, Khadasy telah pulang dan terbunuh di dalam peperangan Jamal-*rahima-hu-llah.*

(490)-2. Ali bin Muhammad dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahl bin Ziyad dan Abu Ali al-Asy'ari, daripada Muhammad bin Hassan, daripada Muhammad bin Ali, daripada Nasr bin Mazahim, daripada 'Amru bin Sa'id, daripada Jarah bin Abdullah, daripada Rafi' bin Salmah berkata: Aku telah berada bersama Ali bin Abu Talib a.s pada hari Nahrawan. Manakala beliau a.s sedang duduk, tiba-tiba seorang penglima telah datang dan berkata: *Al-Salamu 'alai-ka ya* Ali, Maka Ali

a.s telah berkata: *Wa 'alai-ka al-salam,* kenapakah anda, ibu anda telah meninggalkan anda[134], tidak memberi salam kepadaku dengan [perkataan] Amir al-Muminin? Beliau telah berkata: Ya, aku akan memberitahu kepada anda tentangnya. Manakala anda di atas kebenaran di Siffin [dan] apabila anda telah melakukan *tahkim* dengan dua orang hakim, [semenjak itu] aku telah membersihkan diriku daripada anda dan aku telah menamakan anda seorang musyrik (*musyrikan*).

Justeru, aku tidak mengetahui ke manakah aku akan palingkan wilayahku[135]. Demi Allah, jika aku mengetahui petunjuk anda daripada kesesatan anda lebih aku sukai daripada dunia dan apa yang ada padanya. Maka Ali a.s telah berkata kepadanya: Anda telah ditinggalkan oleh ibu anda, berdirilah dekat dengan aku, aku akan memperlihatkan kepada anda alamat-alamat petunjuk daripada alamat-alamat kesesatan. Lalu lelaki itu telah berdiri dekat kepadanya.

Di dalam keadaan sedemikian, tiba-tiba seorang penglima mulai bergegas mendatangi Ali a.s, lalu berkata: Wahai Amir al-Mukminin, bergembiralah dengan pembukaaan, nescaya Allah menenangkan mata anda. Sesungguhnya mereka semuanya terbunuh. Lantas beliau a.s telah berkata kepadanya: Di seberang sungai atau di tepi sungai? Beliau telah berkata: Di seberang sungai, maka beliau a.s telah berkata: Anda telah berbohong. Demi Yang telah memecahkan biji-bijian dan membersihkan jiwa bahawa mereka tidak akan menyeberanginya selama-lamanya sehingga mereka dibunuh.

Maka lelaki itu berkata: Aku telah bertambah yakin padanya. Tiba-tiba seorang penglima yang lain melompat di atas kudanya, lalu berkata kepadanya perkara yang sama, maka Amir al-Mukminin a.s telah menjawabnya sebagaimana beliau a.s telah menjawabnya kepada sahabatnya. Seorang lelaki yang syak telah berkata: Aku berangan-angan untuk mendatangi Ali a.s dan menghancurkan kekuatannya dengan pedang. Kemudian dua orang penglima yang sedang menunggang kuda mereka dengan laju telah berkata: Allah akan menenangkan mata anda, wahai Amir al-Mukminin, bergembiralah dengan pembukaan, sesungguhnya mereka semuanya telah dibunuh.

Maka Ali a.s telah berkata: Adakah di tepi sungai atau di seberang sungai? Mereka telah berkata: Di tepi sungai. Manakala mereka telah mendesak kuda-kuda mereka menyeberangi Nahrawan dan air telah memukul paras tengkuk kuda-kuda mereka, maka mereka pun telah kembali dan terkena musibah (mati). Maka Ali a.s telah berkata kepada mereka berdua: Kamu berdua adalah benar, lalu seorang penglima telah turun dari kudanya, lalu mengambil tangan Amir al-Mukmininn a.s dan

---

[134] Kasihan kepada anda!
[135] Wilayah Ahlu l-Bait a.s

kakinya, kemudian mengucup kedua-duanya. Maka Ali a.s telah berkata: Inilah satu alamatnya (ayatnya).

(491)-3. Ali bin Muhammad, daripada Abi Ali Muhammad bin Isma'il bin Musa bin Ja'far, daripada Ahmad bin al-Qasim al-'Ajaliy, daripada Ahmad bin Yahya yang dikenali dengan Kard, daripada Muhammad bin Khudahi, daripada Abdullah bin Ayyub, daripada Abdullah bin Hasyim, daripada 'Abd al-Karim bin 'Amru al-Khusya'i, daripada Hababah al-Walibiyyah berkata: Aku telah melihat Amir al-Mukminin a.s pada pembarisan ketenteraan (*syurtah al-Khamis*) bersamanya cemeti yang mempunyai dua jari telunjuk[136] yang mana beliau a.s telah memukul dengannya penjual-penjual belut, *al-Marmahiya* dan tukang tiup serunai. Beliau a.s telah berkata kepada mereka: Wahai penjual-penjual Bani Israel yang diubah bentuk (*masukh Bani Israel*) dan tentera Bani Marwan, lantas Furat bin Ahnaf berdiri, lalu berkata: Wahai Amir al-Mukminin, apakah tentera Bani Marwan? Beliau a.s telah berkata kepadanya: Kaum yang telah mencukur janggut dan memintal misai, maka mereka telah diubah bentuk (*musikhu*), maka aku tidak pernah melihat orang yang bercakap yang lebih baik daripadanya.

Kemudian aku telah mengikutinya, aku sentiasa menjejaki kesannya sehingga beliau a.s telah duduk di perkarangan masjid, lalu aku telah berkata kepadanya: Wahai Amir al-Mukminin, apakah dalil *imamah* mudah-mudahan anda dirahmati Allah. Hababah telah berkata: Beliau a.s telah berkata: Bawakan batu kecil itu sambil menunjukkan dengan tangannya kepada batu kecil itu, lalu aku telah membawanya kepadanya, kemudian beliau a.s telah mencetak atau mengecap padanya dengan cincinnya untuk aku (*fa-tabi'a li fi-ha bi-Khatimi-hi*). Kemudian beliau a.s telah berkata kepadaku: Wahai Hababah, apabila seorang yang mendakwa *imamah*, maka beliau mampu mencetak atau mengecap sebagaimana anda telah melihatnya, maka ketahuilah, bahawa beliau adalah seorang imam yang difardukan ketaatannya dan seorang imam tidak akan terlepas sesuatu yang beliau inginkan. Hababah telah berkata: Aku telah pergi jauh sehingga kematian Amir al-Mukminin a.s.

Kemudian aku (Hababah) telah datang kepada al-Hasan a.s ketika itu sedang berada di tempat duduk Amir al-Mukminin a.s dan orang ramai sedang bertanya kepadanya, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Hababah al-Walibiyyah, maka aku telah berkata: Ya, wahai *maulaya*, maka beliau a.s telah berkata: Bawalah kepadaku apa yang ada pada anda, maka Hababah telah berkata: Akupun telah memberikan batu kecil kepadanya, lalu beliau a.s telah mencetak atau mengecap padanya [dengan cincinnya] sebagaimana dilakukan oleh Amir al-Mukminin a.s.

---

[136] Bercabang dua

Hababah telah berkata: Kemudian aku telah mendatangi al-Husain a.s dan beliau a.s pada ketika itu berada di masjid Rasulullah s.a.w, lalu beliau a.s telah mendekati[ku] dan mengucap selamat datang kepada[ku]. Kemudian beliau a.s telah berkata kepadaku: Di dalam beberapa dalil terdapat satu dalil yang anda mahu, adakah anda mahu dalil *imamah*? Maka aku telah berkata: Ya, wahai *sayyidi*, Maka beliau a.s telah berkata: Bawalah kepadaku apa yang ada pada anda.

Kemudian aku telah memberi batu kecil kepadanya, lalu beliau a.s mencetak atau mengecap padanya [dengan cincinnya] untukku. Hababah telah berkata: Kemudian aku telah datang kepada Ali bin al-Husain a.s pada masa itu aku telah lanjut usia sehingga aku merasa gemuruh, aku telah menjangka [umurku] pada hari itu 113 tahun. Maka aku telah melihatnya sedang rukuk, sujud atau sibuk dengan ibadat, justeru, aku telah putus asa [untuk bertanya] tentang dalil (*imamah*), lalu beliau a.s telah menunjukkan kepadaku dengan jari telunjuknya, lalu perasaan usia mudaku kembali kepadaku. Aku telah berkata: Wahai *sayyidi*, berapa lamakah dunia telah berlalu dan berapa lamakah ia masih tinggal?

Beliau a.s telah berkata: Adapun apa yang telah berlalu, maka ia adalah ya, adapun apa yang masih tinggal, maka ia adalah tidak. Hababah telah berkata: Kemudian beliau a.s telah berkata kepadaku: Bawalah kepadaku apa yang ada bersama anda, lalu aku telah memberi kepadanya batu kecil. Kemudian beliau a.s telah mencetak atau mengecap padanya [dengan cincinnya] untukku. Kemudian aku telah mendatangi Abu Ja'far a.s, lalu beliau telah mencetak atau mengecap padanya [dengan cincinnya] untukku. Kemudian aku telah mendatangi Abu Abdillah a.s, lalu beliau telah mencetak atau mengecap padanya [dengan cincinnya] untukku. Kemudian aku telah mendatangi Abu al-Hasan Musa a.s, lalu beliau telah mencetak atau mengecap padanya [dengan cincinnya] untukku. Kemudian aku telah mendatangi al-Ridha a.s, lalu beliau telah mencetak atau mengecap padanya [dengan cincinnya] untukku. Hababah telah hidup sembilan bulan selepas itu menurut Muhammad bin Hisyam.

(492)-4. Muhammad bin Abi Abdullah dan Ali bin Muhammad, daripada Ishaq bin Muhammad al-Nakha'i, daripada Abi Hasyim Daud bin al-Qasim al-Ja'fari berkata: Aku telah berada di sisi Abu Muhammad a.s, lalu beliau a.s telah memberi keizinan kepada seorang lelaki daripada Yaman berjumpa dengannya, lantas seorang lelaki yang montok, panjang tubuhnya datang dan memberi salam kepadanya dengan wilayah [Ahlu l-Bait], maka beliau a.s telah menjawab salamnya dengan penerimaan dan memintanya supaya duduk. Beliau telah duduk berdekatan denganku, maka aku telah berkata kepada diriku: Siapakah gerangan lelaki ini? Abu Muhammad a.s telah berkata: Ini adalah anak

lelaki kepada seorang perempuan Badwi bernama Hababah, pemilik batu kecil yang telah dicetak atau dicapkan oleh bapa-bapaku padanya dengan cincin-cincin mereka, maka ia tercetak padanya.

Sesungguhnya beliau telah membawanya bersamanya, beliau mahu supaya aku mencetak padanya [dengan cincinku]. Kemudian beliau a.s telah berkata: Bawalah ia kepadaku, lalu beliau mengeluarkan batu kecil dan di tepinya [terdapat] tempat yang licin, lalu Abu Muhammad a.s telah mengambilnya, kemudian beliau a.s mengeluarkan cincinnya, lalu mencetak padanya dengan cincinnya dan ia tercetak seolah-olah aku sedang melihat ukiran cincinnya pada masa itu juga "al-Hasan bin Ali" Maka aku telah berkata kepada lelaki Yaman itu: Adakah anda telah melihatnya a.s sebelum ini? Beliau telah berkata: Tidak, demi Allah, sesungguhnya aku semenjak berapa lama berhasrat untuk melihatnya seolah-olah pada masa itu juga, seorang pemuda telah mendatangi aku, tetapi aku tidak melihatnya, berkata kepadaku: Berdirilah dan masuklah, lantas aku masuk.

Kemudian lelaki Yaman itu telah bangun sambil berkata: Rahmat Allah dan berkat-Nya di atas kamu Ahlu l-Bait, zuriat selepas zuriat bahawa aku naik saksi dengan Allah bahawa hak anda adalah wajib seperti hak Amir al-Mukminin a.s dan para imam a.s selepasnya. Kemudian beliau telah pergi dan aku tidak melihatnya selepas itu. Ishaq telah berkata: Abu Hasim al-Ja'fari telah berkata: Aku telah bertanya kepadanya namanya, maka beliau telah berkata: Namanya Mahja' bin al-Salt bin 'Uqbah bin Sam'an bin Ghanim bin Umm Ghanim iaitu Seorang perempuan Badwi dari Yaman, pemilik batu kecil yang telah dicapkan padanya oleh Amir al-Mukminin a.s dan anak-anaknya sehingga waktu Abu al-Hasan a.s.

(493)-5. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Ali bin Ri'ab, daripada Abu 'Ubaidah dan Zurarah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Manakala al-Husain a.s dibunuh, Muhammad bin al-Hanafiyyah telah mengutus kepada Ali bin al-Husain a.s, lalu beliau telah berbicara dengannya dan berkata: Wahai anak saudaraku, sesungguhnya anda telah mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w telah memberi wasiat dan *imamah* selepasnya kepada Amir al-Mukminin a.s, kemudian kepada al-Hasan a.s, kemudian kepada al-Husain a.s dan bapa anda r.a telah dibunuh dan diselawatkan ke atas rohnya, tetapi beliau a.s tidak meninggalkan wasiat. Aku adalah bapa saudara anda (*'ammu-ka*) dan seorang daripada dua saudara bapa anda dan kelahiranku adalah daripada Ali a.s. Justeru, dari segi umur dan kedewasaan, aku adalah lebih berhak dengannya daripada anda di dalam usia anda yang masih muda.

Lantaran itu, janganlah anda menentangku tentang wasiat dan *imamah* serta janganlah anda berhujah denganku. Maka Ali bin al-

Husain a.s telah berkata kepadanya: Wahai bapa saudaraku, janganlah anda mendakwa perkara yang anda tidak ada hak ke atasnya, sesungguhnya aku menasihati anda supaya anda tidak termasuk di kalangan mereka yang jahil. Sesungguhnya bapaku a.s telah mewasiatkan kepadaku sebelum beliau a.s menuju ke Iraq dan telah berjanji kepadaku tentangnya (*imamah*) satu jam sebelum beliau a.s mati syahid. Ini adalah senjata Rasulullah s.a.w di sisiku, janganlah anda menentang perkara ini kerana aku khuatir umur anda akan berkurangan dan [menghadapi] keadaan yang tidak menentu. Sesungguhnya Allah a.s telah menjadikan wasiat dan *imamah* pada zuriat al-Husain a.s. Jika anda mahu mengetahui tentangnya, maka datanglah bersama kami ke al-Hajr al-Aswad supaya kita meminta penghakiman daripadanya dan kita bertanya kepadanya tentangnya. Abu Ja'far a.s telah berkata: Percakapan di antara mereka berdua telah berlaku di Makkah. Kemudian mereka berdua telah pergi sehingga mereka berdua telah sampai di al-Hajr al-Aswad. Maka Ali bin al-Husain a.s telah berkata kepada Muhammad bin al-Hanafiyyah: Anda cubalah berdoa secara *mubahalah* kepada Allah a.s dan mintalah kepadanya supaya Dia membuatkan al-Hajr al-Aswad bercakap kepada anda, kemudian bertanyalah kepadaNya. Lalu Muhammad telah berdoa dan memohon kepada Allah, kemudian beliau telah berdoa kepada al-Hajr, tetapi ia tidak menjawabnya.

Ali bin al-Husain a.s telah berkata: Wahai bapa saudaraku, jika anda seorang wasi dan imam, nescaya Dia telah menjawab anda (*lau kun-ta wasiyyan wa imaman la-ajaba-ka*). Maka Muhammad telah berkata kepadanya: Berdoalah kepada Allah, wahai anak saudaraku dan mohonlah kepadaNya, lantas Ali bin al-Husain a.s berdoa kepada Allah apa yang beliau a.s kehendaki, kemudian beliau a.s telah berkata: Aku meminta kepada engkau dengan Yang telah menjadikan pada engkau perjanjian para nabi dan perjanjian para wasi dan perjanjian manusia semua supaya engkau memberitahu kepadaku siapakah wasi dan imam selepas al-Husain bin Ali a.s?

Beliau telah berkata: Al-Hajr (batu) telah bergerak seolah-olah ia berpindah dari tempatnya. Kemudian Allah a.w telah membuatnya bercakap dengan bahasa Arab yang jelas, maka ia telah berkata: Wahai Tuhanku, sesungguhnya wasiat dan *imamah* selepas al-Husain bin Ali a.s adalah kepada Ali bin al-Husain a.s bin Ali bin Abu Talib dan anak lelaki Fatimah binti Rasulullah s.a.w. Beliau telah berkata: Lalu Muhammad bin Ali pulang dan mewalikan Ali bin al-Husain a.s.

Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Hammad bin Isa, daripada Huraiz, daripada Zurarah, daripada Abu Ja'far a.s riwayat seumpamanya.

(494)-6. Al-Husain bin Muhammad, daripada al-Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Ali berkata: Sama'ah bin Mihran telah berkata: Al-Kalbi al-Nassabah telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah memasuki Madinah dan aku tidak mengetahui sesuatupun tentang urusan ini, lalu aku telah mendatangi masjid, tiba-tiba aku dapati sekumpulan Quraisy, maka aku telah berkata: Beritahulah kepadaku tentang orang alim di kalangan Ahlu l-Bait ini? Mereka telah berkata: Abdullah bin al-Hasan, lalu akupun telah mendatangi rumahnya dan meminta izin daripadanya. Lantas seorang lelaki telah datang kepadaku, aku telah menyangka bahawa dia adalah hambanya. Aku telah berkata kepadanya: Aku meminta izin kepada *maula* anda, maka beliaupun telah masuk, kemudian beliau telah keluar dan berkata kepadaku: Masuklah, lalu akupun masuk. Tiba-tiba aku telah mendapati seorang syeikh yang sangat gigih. Aku telah memberi salam kepadanya, lalu beliau telah berkata kepadaku: Siapakah anda? Maka aku telah berkata: Aku adalah al-Kalbi al-Nassabah, maka beliau telah berkata: Apakah hajat anda? Aku telah berkata: Aku datang kerana ingin bertanya anda, maka beliau telah berkata: Adakah anda telah bertemu dengan anak lelakiku Muhammad? Aku telah berkata: Aku telah mulai bertemu dengan anda, maka beliau telah berkata: Tanyalah, maka aku telah berkata: Beritahulah kepadaku tentang seorang lelaki yang telah berkata kepada isterinya: Anda ditalakkan sebanyak bilangan bintang-bintang di langit, maka beliau telah berkata: Anda maksudkan dengan bilangannya [137]dan bakinya di atasnya dan [beliau akan menerima] balasan.

Aku telah berkata kepada diriku: Satu[138]. Apakah pendapat syeikh tentang sapu di atas dua kasut (*al-Khuffain*)? Beliau telah berkata: Kaum yang saleh telah menyapunya, tetapi kami Ahlu l-Bait tidak menyapunya. Maka aku telah berkata kepada diriku: Dua[139]. Maka aku telah berkata: Apakah pendapat anda tentang memakan belut adakah ia halal atau haram? Beliau telah berkata: Halal, tetapi kami Ahlu l-Bait [tidak memakannya] kerana kewarakan kami (*'iffah*). Maka aku telah berkata kepada diriku: Tiga[140], maka aku telah berkata: Apakah pendapat anda tentang *nabidh* (air anggur arak)? Maka beliau telah berkata: Halal, tetapi kami Ahlu l-Bait tidak meminumnya. Kemudian aku telah berdiri dan keluar dari sisinya sambil berkata: Inilah kumpulan yang membohongi Ahlu l-Bait ini.

Kemudian aku telah memasuki masjid, lalu aku telah melihat kepada sekumpulam Quraisy dan orang lain. Akupun telah memberi

[137] Menurut Abdullah bin al-Hasan bahawa talak jatuh tiga sekaligus. Sementara al-Kalbi al-Nassabah berkata: Talak jatuh satu.
[138] Kesalahan pertama
[139] Kesalan kedua.
[140] Kesalahan ketiga.

salam kepada mereka, kemudian aku telah berkata kepada mereka: Siapakah orang yang paling alim di kalangan Ahlu l-Bait ini? Mereka telah berkata: Abdullah bin al-Hasan. Aku telah berkata: Aku telah mendatanginya, tetapi aku tidak mendapatinya sesuatu (tidak berilmu). Tiba-tiba seorang lelaki di kalangan mereka mengangkat kepalanya dan berkata: Datanglah kepada Ja'far bin Muhammad a.s, maka beliau adalah orang yang paling alim di kalngan Ahlu l-Bait ini. Maka seorang daripada mereka yang telah berada di situ telah mencelanya.

Aku telah berkata: Sesungguhnya mereka telah menegah mereka dari menunjukkan aku kepadanya pertama kali disebabkan hasad. Maka aku telah berkata kepadanya: Alangkah dukacitanya anda, beliaulah yang aku kehendaki, maka akupun pergi sehingga aku berada di rumahnya. Aku telah mengetuk pintu [rumah]nya. Lalu hambanya keluar dan berkata: Masuklah, wahai saudara Kalb, demi Allah, ia telah menakutkan aku, maka akupun masuk di dalam keadaan gelisah dan aku telah melihat seorang syeikh di atas tikar sembahyang tanpa bantal dan sarungnya.

Kemudian beliau telah memulakan percakapan denganku selepas aku memberi salam kepadanya. Beliau telah berkata kepadaku: Siapakah anda? Maka aku telah berkata pada diriku: *Ya subhanallah*! Hambanya telah berkata kepadaku di pintu: Masuklah, wahai saudara Kalb sedangkan *maula*nya bertanyaku siapakah anda? Aku telah berkata kepadanya: Aku adalah al-Kalb al-Nassabah, lalu beliau telah memukul dengan tangannya di atas dahinya sambil berkata: Berbohonglah golongan *'Adiluun* dengan Allah, mereka telah sesat dengan kesesatan yang jauh dan mereka telah rugi dengan kerugian yang nyata.

Wahai saudara Kalb, sesungguhnya Allah a.w telah berfirman: "*Dan (Kami binasakan) kaum 'Ad dan Thamud dan penduduk Rass dan banyak (lagi) generasi-generasi di antara kaum-kaum tersebut*"[141] Adakah anda melakukan penasaban diri anda dengannya? Aku telah berkata: Tidak, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, bolehkan anda melakukan penasaban diri anda? Aku telah berkata: Ya, aku adalah polan bin polan bin polan sehingga aku telah sampai ke kemuncaknya, maka beliau telah berkata kepadaku: Berdirilah, ia tidak mengikut pendapat anda, alangkah dukacitanya anda, adakah anda mengetahui siapakah polan bin polan? Aku telah berkata: Ya, polan bin polan. Beliau telah berkata: Sesungguhnya polan bin polan bin polan penternak berbangsa Kurdi.

Sesungguhnya polan penternak berbangsa Kurdi telah berada di atas gunung keluarga polan, lalu beliau telah bermalam dengan seorang perempuan polan dari gunungnya yang mana beliau menternak

[141] Surah al-Furqan (25): 38

kambing-kambingnya di atasnya. Beliau telah memberi makan kepadanya (perempuan) sesuatu dan beliau telah menutupnya (menidurinya). Kemudian perempuan itu telah melahirkan seorang anak. Justeru, polan bin polan adalah daripada perempuan itu dan polan bin polan. Kemudian beliau a.s telah berkata: Adakah anda mengetahui nama-nama ini? Aku telah berkata: Tidak, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, jika anda fikir anda dapat menegahnya daripada ini, maka lakukanlah?

Maka beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya anda telah berkata: Maka aku telah berkata: Sesungguhnya aku tidak akan kembali. Beliau telah berkata: Jika begitu kita tidak akan kembali dan bertanyalah apa yang anda datang kerananya? Maka aku telah berkata kepadanya: Beritahulah kepadaku tentang seorang lelaki yang telah berkata kepada isterinya: Anda ditalakkan sebanyak bilangan bintang-bintang di langit? Beliau a.s telah berkata: Tidakkah anda membaca Surah al-Talaq?

Aku telah berkata: Ya, beliau a.s telah berkata: Bacalah, lalu aku membacanya: *"Maka cerailah mereka menurut iddah mereka dan hitunglah iddah"*[142] Beliau a.s telah berkata: Adakah anda melihat di sini bilangan bintang-bintang di langit? Aku telah berkata: Tidak, aku telah berkata: Seorang lelaki yang telah berkata kepada isterinya: Anda diceraikan dengan talak tiga? Beliau a.s telah berkata: Dirujukkan kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya. Kemudian beliau a.s telah berkata: Tidak ada talak melainkan ketika bersih [dari haid], tanpa jimak dengan dua orang saksi yang adil", maka aku telah berkata kepada diriku: Satu[yang benar]. Kemudian beliau a.s telah berkata: Tanyalah, aku telah berkata: Apakah pendapat anda tentang penyapuan di atas *al-Khuffain*? Lantas beliau a.s tersenyum, kemudian berkata: Apabila tiba hari Kiamat, Allah mengembalikan setiap sesuatu kepada jenis asalnya.

Dia akan mengembalikan kulit (*al-Jild*) kepada kambing. Justeru, anda melihat mereka yang melakukan penyapuan (*ashab al-mashu*) yang manakah wuduk mereka akan pergi? Maka aku telah berkata kepada diriku: Dua [yang benar]. Kemudian beliau a.s telah berpaling kepadaku dan berkata: Tanyalah, maka aku telah berkata: Beritahulah kepadaku tentang memakan belut? Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menukarkan bentuk (*masakha*) sekumpulan Bani Israel. Justeru, apa yang Dia telah menempatkan mereka di lautan, maka ia adalah belut dan spesisnya. Dan Apa yang Dia telah menempatkan mereka di daratan, maka ia adalah beruk, babi, cicak, biawak dan sepesisnya. Maka aku telah berkata kepada diriku: Tiga [yang benar]. Kemudian beliau a.s telah berpaling kepadaku, maka beliau a.s telah berkata: Tanyalah dan berdirilah, maka aku telah berkata: Apa pendapat anda

[142] Surah al-Talaq (65): 1

tentang *nabidh* (air anggur arak)? Maka beliau a.s telah berkata: Halal, maka aku telah berkata kepada diriku: Sesungguhnya kami menjernihkan *nabidh*, lalu kami membuangkan yang keruh dan selain daripada itu kami meminumnya.

Maka beliau a.s telah berkata: Tidak, itu adalah arak yang busuk (*al-Khumrah al-Muntinah*). Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, *nabidh* manakah yang anda maksudkan? Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya penduduk Madinah telah mengadu kepada Rasulullah s.a.w tentang perubahan air dan kerosakan tabiinya, lalu baginda s.a.w telah memerintahkan mereka supaya menjernihkannya. Seorang lelaki memerintahkan khadamnya supaya menjernihkannya untuknya, lalu beliau mengambil segenggam kurma dan mencampakkannya ke dalam bekas daripada kulit. Maka daripadanyalah minumannya dan kebersihannya. Maka aku telah berkata: Berapakah bilangan kurma di dalam genggaman?

Beliau a.s telah berkata: Apa yang boleh dibawa oleh tapak tangan, maka aku telah berkata: Satu dan dua? Beliau a.s telah berkata: Kemungkinan satu dan kemungkinan dua. Aku telah berkata: Berapakah ukuran bekas (*al-Syannu*)? Beliau a.s telah berkata: Di antara empat puluh kepada lapan puluh [tahun atau abad?] ke atas. Maka aku telah berkata: Dengan [ukuran] kati? Beliau a.s telah berkata: Ya, kati mengikut ukuran Baghdad. Sama'ah telah berkata: Al-Kalbi telah berkata: Kemudian beliau a.s telah bangun dan aku telah berdiri, lalu aku keluar sedangkan aku telah memukul tanganku di atas yang lain dan berkata: Jika ia adalah sesuatu, maka ia adalah ini. Al-Kalbi masih beragama dengan agama Allah dengan mencintai keluarga rumah ini sehingga beliau mati.

(495)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Abi Yahya al-Wasiti, daripada Hisyam bin Salim berkata: Kami telah berada di Madinah selepas kematian Abu Abdillah a.s. Aku, Sahib al-Taq dan orang ramai bersepakat ke atas Abdullah bin Ja'far bahawa beliaulah *sahib al-Amr* (sahabat urusan *imamah*) atau imam selepas bapanya. Kemudian kami telah datang kepadanya; aku, Sahib al-Taq dan orang ramai di sisinya bahawa mereka telah meriwayatkan daripada Abu Abdillah a.s bahawa beliau telah berkata: Sesungguhnya urusan [*imamah*] adalah kepada yang paling tua selama tiada kecacatan, Lalu kami telah datang kepadanya bertanya beliau sebagaimana kami telah bertanya bapanya.

Kami telah bertanya beliau tentang zakat, berapakah kadar wajib zakat? Beliau telah berkata: Dua ratus [dirham] lima [dirham]. Kami berkata: Pada seratus? Beliau telah berkata: Dua dirham setengah. Maka kami telah berkata: Demi Allah, [pendapat] ini dikatakan oleh Murjiah. Beliau (perawi) telah berkata: Maka Abdullah telah mengangkat

tangannya ke langit dan berkata: Demi Allah, aku tidak mengetahui apa yang dikatakan oleh Murjiah. Beliau (perawi) berkata: Maka kami telah keluar dari sisinya di dalam keadaan sesat, kami tidak mengetahui ke manakah kami akan tuju, aku dan Ja'far al-Ahwal, kami telah duduk di lorong Madinah menangis dan keliru. Kami tidak mengetahui ke manakan kami akan tuju dan kepada siapakah kami akan tumpu? Kami telah berkata: Kepada Murjiah? Kepada Qadariyyah? Kepada Zaidiyyah? Kepada Muktazilah? Kepada Khawarij?

Begitulah kami, tiba-tiba aku telah melihat seorang syeikh yang aku tidak mengenalinya, menunjukkan dengan tangannya kepadaku. Aku khuatir bahawa beliau adalah salah seorang pengintip daripada pengintip-pengintip Abu Ja'far al-Mansur kerana beliau mempunyai ramai pengintip di Madinah memerhatikan orang yang mengikuti Syiah Ja'far a.s, lalu mereka memukul tengkuknya (*yadhribun 'unqa-hu*). Justeru, aku khuatir menjadi [mangsa] seorang daripada mereka. Maka aku telah berkata kepada Ahwal: Pergi jauh, kerana aku khuatir di atas diriku dan diri anda. Sesungguhnya beliau (Abu Ja'far al-Mansur) mahuku dan bukan anda. Lantaran itu, Pergilah jauh daripadaku, nescaya anda tidak akan binasa dan dapat menolong diri anda sendiri.

Kemudian beliau telah pergi agak jauh daripadaku dan aku telah mengikuti syeikh itu kerana aku menyangka bahawa aku tidak mampu melepaskan diriku daripadanya. Justeru, aku sentiasa mengikutinya dan aku telah berazam untuk mati sehingga aku sampai ke pintu [rumah] Abu al-Hasan a.s. Kemudian beliau telah berada bersamaku buat seketika dan pergi. Tiba-tiba khadam[nya] telah berada di pintu dan berkata kepadaku: Masuklah semoga Allah merahmati anda, maka akupun masuk, tiba-tiba aku mendapati Abu al-Hasan Musa a.s, lalu beliau a.s telah berkata kepadaku: Tidak kepada Murjiah, tidak kepada Qadariyyah, tidak kepada Zaidiyyah, tidak kepada Muktazilah, tidak kepada Khawarij, tetapi kepadaku, kepadaku. Maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, bapa anda telah mati? Beliau a.s telah berkata: Ya, aku telah berkata: Bapa anda a.s telah mati? Beliau a.s telah berkata: Ya, aku telah berkata: Siapakah [imam] untuk kita selepasnya?

Beliau a.s telah berkata: *Insya Allah* jika Dia kehendaki memberi hidayah kepada anda, nescaya Dia akan melakukannya. Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya Abdullah menyangka bahawa beliaulah [imam] selepas bapanya, beliau a.s telah berkata: Abdullah ingin supaya Allah tidak disembah (*yuridu 'Abdullah an la yu'bada llah*). Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, siapakah [imam] untuk kita selepas bapa anda? Beliau a.s telah berkata: *Insya Allah* jika Dia kehendaki memberi hidayah kepada anda, nescaya Dia akan melakukannya. Aku telah

berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda bahawa andalah orangnya?

Beliau a.s telah berkata: Tidak, aku tidak berkata sedemikian. Aku telah berkata pada diriku: Aku belum menyelesaikan masalah. Kemudian aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, adakah di atas anda seorang imam? Beliau telah berkata: Sesuatu telah membuatkan aku menghormatinya dan kehebatannya lebih terserlah daripada kehebatan bapanya ketika aku datang kepadanya. Kemudian aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, aku akan bertanya anda apa yang aku telah bertanya bapa anda? Maka beliau a.s telah berkata: Tanyalah, nescaya anda akan diberitahu, tetapi janganlah anda menyebarkannya. Jika anda menyebarkannya, nescaya anda akan disembelih. Aku telah bertanya kepadanya, maka [aku mendapati] beliau adalah lautan yang tidak kering[143]. Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, Syiah anda dan Syiah bapa anda dituduh sesat. Justeru aku akan berjumpa dengan mereka dan menyeru mereka kepada anda?

Sesungguhnya anda telah meminta aku supaya merahsiakannya? Beliau a.s telah berkata: Sesiapa yang anda mendapatinya seorang yang cerdik, maka bertemulah dengannya dan mintalah supaya beliau merahsiakannya (*al-Kitman*). Jika mereka mendedahkannya, maka pembunuhan untuk mereka [beliau a.s telah menunjukkan dengan tangannya ke halkumnya] beliau telah berkata: Aku telah keluar dari sisinya, maka aku telah berjumpa dengan Abu Ja'far al-Ahwal, maka beliau telah berkata kepadaku: Apakah rahsianya?

Aku telah berkata: Petunjuk, lalu aku telah menceritakan kepadanya kisah itu. Beliau telah berkata: Kemudian kami telah berjumpa dengan al-Fudhail dan Abu Basir, lalu mereka berdua telah datang kepadanya dan mendengar percakapannya dan bertanya beliau dan memutuskan ke atasnya dengan *imamah*. Kemudian kami telah berjumpa dengan orang ramai yang berpuak-puak dan setiap puak telah datang berjumpa dengannya dan memutuskan bahawa beliaulah imam melainkan puak 'Ammar dan dan para sahabatnya. Dan tinggallah Abdullah yang hanya didatangi oleh golongan yang sedikit. Apabila beliau telah melihat keadaan sedemikian, beliau telah berkata: Apakah keadaan manusia? Lalu diceritakan bahawa Husyam telah menahan orang ramai daripada anda. Hisyam telah berkata: Ramai orang telah membuatkan aku duduk di rumah kerana mereka mahu memukul aku.

(496)-8. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Muhammad, daripada Muhammad bin polan seorang berfahaman Waqifiyyah, berkata: Aku mempunyai seorang sepupu dikenali dengan al-Hasan bin

[143] Banyak ilmunya

Abdullah. Beliau adalah seorang yang zuhud dan yang paling kuat ibadat pada zamannya. Beliau dilindungi oleh sultan kerana kesungguhnya tentang agama dan ijtihadnya. Kemungkinan sultan telah mengalukan [seorang] dengan kata-kata yang sukar [untuk] menasihatinya, menyuruhnya melakukan perkara yang baik dan melarangnya daripada perkara yang mungkar. Sultan menanggungnya kerana kebaikannya. Keadaan berterusan sedemikian sehingga pada suatu hari, tiba-tiba Abu al-Hasan Musa a.s telah mendatanginya ketika beliau berada di masjid, lalu beliau telah melihatnya dan menunjukkan kepadanya dengan tangannya, lalu beliau mendatanginya dan berkata kepadanya: Wahai Abu Ali, alangkah sukanya aku [melihat] keadaan anda sekarang kecuali anda tidak mempunyai makrifah (pengetahuan), justeru, dapatkanlah makrifah.

Beliau telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah itu makrifah? Beliau telah berkata: Pergilah dan fahamilah dan pelajarilah hadis. Beliau telah berkata: Daripada siapa? Beliau telah berkata: Daripada para ulama Madinah. Kemudian beliau telah membentangkan hadis kepadaku. Beliau telah berkata: Beliaupun telah pergi dan menulis. Kemudian beliau telah datang kepadanya, lalu membacanya kepadanya, maka beliau telah menjatuhkannya kesemuanya. Kemudian beliau telah berkata kepadanya: Pergilah dan kenallah makrifah. Lelaki itu amat mengambil berat tentang agamanya. Justeru, beliau sentiasa menanti Abu al-Hasan a.s sehingga beliau telah keluar ke ladangnya.

Beliau telah bertemu dengannya di jalan, lalu beliau telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, aku berhujah ke atas anda di hadapan Allah. Justeru tunjukkanlah kepadaku makrifah. Lalu beliau a.s telah memberitahu kepadanya tentang Amir al-Mukminin a.s dan apa yang telah berlaku selepas [kematian] Raulullah s.a.w dan beliau telah menceritakan kepadanya tentang urusan dua lelaki itu[144], lalu beliau telah menerimanya. Kemudian beliau telah berkata kepadanya: Siapakah selepas Amir al-Mukminin a.s? Beliau a.s telah berkata: Al-Hasan a.s, kemudian al-Husain a.s sehingga berakhir kepada dirinya, kemudian beliau telah diam. Maka beliau telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, siapakah dia imam] hari ini? Beliau a.s telah berkata: Jika aku menceritakan kepada anda, anda akan menerimanya?

Beliau telah berkata: Ya, aku telah menjadikan diriku tebusan anda? Beliau a.s telah berkata: Akulah dia. Beliau telah berkata: Sesuatu yang aku menjadikannya sebagai dalil? Beliau a.s telah berkata: Pergilah kepada pokok itu- beliau telah menunjukkan dengan tangannya ke arah pokok Umm Ghailan-maka katakanlah kepadanya: Musa bin

---

[144] Abu Bakr dan Umar

Ja'far akan berkata kepada engkau: Datanglah ke sini. Maka beliau telah berkata: Aku telah datang kepadanya dan melihatnya, demi Allah, ia (pokok) membajak atau membelah bumi sehingga ia berdiri di hadapannya. Kemudian beliau a.s telah menunjukkan [dengan tangannya] kepadanya, lalu ia kembali [ke tempat asalnya]. Beliau telah berkata: Beliau telah mengakuinya, kemudian beliau telah bersikap berdiam diri dan beribadat. Tiada seorangpun melihatnya bercakap selepas itu.

Muhammad bin Yahya dan Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Ibrahim bin Hasyim dengan riwayat yang sama.

(497)-9. Muhammad bin Yahya dan Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Ahmad bin al-Husain, daripada Muhammad bin al-Tayyib, daripada 'Abd al-Wahhab bin Mansur, daripada Muhammad bin Abi al-'Ala' berkata: Aku telah mendengar Yahya bin Aktam[kadi al-Samara']selepas aku mengadakan dialog dengannya, aku telah bertanya beliau tentang ilmu keluarga Muhammad s.a.w, maka beliau telah berkata: Pada suatu hari, aku telah datang untuk bertawaf di makam Rasulullah s.a.w, tiba-tiba aku telah melihat Muhammad bin Ali al-Ridha a.s sedang melakukan tawaf di sekitar makamnya. Lantaran itu, aku telah berdialog dengannya di dalam berbagai masalah di sisiku, lalu beliau telah mengeluarkannya kepadaku[145].

Aku telah berkata kepadanya: Demi Allah, aku ingin bertanya kepada anda tentang satu masalah, sesungguhnya aku, demi Allah, malu mengenainya. Beliau a.s telah berkata kepadaku: Aku akan menceritakan kepada anda sebelum anda bertanya kepadaku, anda akan bertanyaku tentang imam, maka aku telah berkata: Ya, demi Allah, ini [masalahnya]. Beliau a.s telah berkata: Akulah dia (*ana hu-wa*). Aku telah berkata: Alamat[nya]? Maka di tangannya tongkat, lalu ia telah bercakap dan berkata: Sesungguhnya *maula*ku adalah imam zaman ini dan beliaulah *al-Hujjah*".

(498)-10. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad atau orang lain daripadanya, daripada Ali bin al-Hakam, daripada al-Husain Ibn Umar bin Yazid berkata: Aku telah datang kepada al-Ridha a.s dan aku pada hari itu seorang yang berfahaman Waqifiyyah. Sesungguhnya bapaku telah bertanya bapanya tentang tujuh masalah, maka beliau telah menjawabnya enam [masalah] dan beliau telah menahan dirinya dari [menjawab] masalah ke tujuh. Aku telah berkata: Demi Allah, aku akan bertanya kepadanya apa yang telah ditanya oleh

[145] Menjelaskannya kepadaku

bapaku akan bapanya. Jika beliau menjawab sebagaimana jawapan bapanya, maka ia adalah satu alamat [*imamah*nya].

Maka aku telah bertanya beliau, lalu beliau telah menjawab sebagaimana jawapan bapanya kepada bapaku di dalam enam masalah. Maka beliau tidak menambah jawapan sama ada *wau* atau *ya'* dan beliau telah menahan dirinya dari [menjawab] masalah ketujuh. Sesungguhnya bapaku telah berkata kepada bapanya: Aku akan berhujah di atas anda di sisi Allah pada hari Kiamat bahawa sesungguhnya anda telah menyangka bahawa Abdullah bukanlah seorang imam, lalu beliau telah meletakkan tangannya di atas tengkuknya, kemudian beliau telah berkata kepadanya: Ya, beliau telah berhujah di atasku sedemikian di sisi Allah a.w, justeru, jika beliau berdosa, maka dosanya adalah di tengkukku. Manakala aku mengucapkan selamat jalan kepadanya, beliau telah berkata: Sesungguhnya tiada seorangpun daripada Syiah kita diuji dengan sebarang ujian atau beliau mengadu [tentang sesuatu], lalu beliau bersabar di atasnya, melainkan Allah mendaftarkan untuknya pahala seribu syahid (*inna-hu laisa ahadun min Syi'ati-na yubtala bi-baliyyatin au yasytaki fa-yasbiru 'ala dhalika illa kataba llahu lahu ajra alfa syahid*).

Maka aku telah berkata pada diriku: Demi Allah, ini bukanlah semata-mata peringatan. Manakala aku telah pergi dan aku telah berada di sebahagian jalan, tiba-tiba peluh yang aneh telah keluar daripadaku, aku telah mendapatinya amat menyakitkan. Meskipun begitu, aku telah meneruskan amalan hajiku, kemudian aku telah mendatanginya di dalam kesakitan. Lantas aku telah mengadu kepadanya dan berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, rawatlah kakiku dengan bacaan doa, lantas aku telah membentangkannya di hadapannya. Maka beliau telah berkata kepadaku: Bukan di atas kaki anda ini, tetapi perlihatkan kepadaku kaki anda yang betul (lain), lalu aku telah membentangkannya di hadapannya, lalu beliau a.s merawatnya dengan bacaan doa. Apabila aku telah keluar seketika, peluh telah keluar daripadaku dan kesakitannya mulai berkurangan.

(499)-11. Ahmad bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada Ibn Qiyama al-Wasiti-daripada golongan al-Waqifah-berkata: Aku telah datang kepada Ali bin Musa al-Ridha a.s, maka aku telah berkata kepadanya: Adakah berlaku dua orang imam [dalam satu masa]? Beliau a.s telah berkata: Tidak, kecuali salah seorang daripada mereka diam (*samitun*). Aku telah berkata kepadanya: Beliaulah anda, anda tidak diam- beliau a.s belum lagi mempunyai anaknya Abu Ja'far- beliau a.s telah berkata kepadaku: Demi Allah, Allah akan menjadikan daripadaku apa yang menguatkan kebenaran dan ahlinya dan menghapuskan

dengannya kebatilan dan ahlinya[146]. Selepas setahun Abu Ja'far a.s telah dilahirkan [anak lelaki] untuknya. Dikatakan kepada Ibn Qiyama: Tidakkah bukti ini menyakinkan anda? Maka beliau telah berkata: Demi Allah, ianya satu bukti yang besar, tetapi apakah yang aku akan buat dengan kata-kata Abu Abdillah a.s pada anak lelakinya?

(500)-12. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa' berkata: Aku telah datang ke Khurasan-aku adalah seorang yang berfahaman Waqifiyyah-aku telah membawa bersamaku barang-barang, termasuk kain yang beranika warna dikumpulkan di dalam satu bungkusan kain-aku tidak menyedari [kewujudannya] dan aku tidak mengetahui tempatnya. Apabila aku tiba di Marv, aku pun bermalam di sebuah rumah di sana. Aku tidak menyedari melainkan seorang lelaki dari bandar itu berkata kepadaku: Sesungguhnya Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah berkata kepada anda: Hantarlah kepadaku kain yang beranika warna di sisi anda itu.

Maka aku telah berkata: Siapakah yang telah memberitahu kepada Abu al-Hasan tentang kedatanganku dan aku baru saja sampai dan aku tidak mempunyai kain yang beranika warna itu? Lantas beliau kembali kepadanya dan datang lagi kepadaku, lalu berkata: Beliau a.s telah berkata: Ya, ia ada di tempat itu dan dikumpulkan di dalam satu bungkusan kain. Lantas aku mencarinya sebaik sahaja beliau memberitahuku: Maka aku telah mendapatinya di tempat yang terkebawah, lalu akupun mengirimkannya kepadanya.

(501)-13. Ibn Fadhdhal, daripada Abdullah bin al-Mughirah berkata: Aku adalah seorang Waqifiyyah dan aku telah menunaikan haji di dalam keadaan itu. Manakala aku telah sampai ke Makkah, maka sesuatu telah merisaukan aku, lalu aku telah bergantung di Multazam, kemudian aku telah berkata: Wahai Tuhanku, sesungguhnya Engkau telah mengetahui permintaanku dan kehendakku. Justeru tunjukkanlah aku kepada sebaik-baik agama. Maka terlintas di hatiku supaya aku mendatangi al-Ridha a.s. Lalu aku telah datang ke Madinah dan aku telah berdiri dipintu [rumah] nya dan aku telah berkata kepada seorang hamba lelaki: Katakanlah kepada *maula* anda: Seorang lelaki dari penduduk Iraq di pintu.

Beliau telah berkata: Aku telah mendengar seruannya yang sedang berkata: Masuklah, wahai Abdullah bin al-Mughirah, masuklah, wahai Abdullah bin al-Mughirah, maka akupun telah masuk. Manakala beliau a.s telah melihat kepadaku, beliau telah berkata kepadaku: Sesungguhnya Allah telah menerima doa anda dan telah menunjukkan anda kepada agama-Nya. Maka aku telah berkata: Aku naik saksi

---

[146] Supaya Dia mengurniakan anak lelaki sebagai penggatinya.

bahawa anda adalah *Hujjah* Allah dan penyimpan rahsia-Nya di atas makhluk-Nya.

(502)-14. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdullah berkata: Abdullah bin Hulayyal telah berpendapat bahawa Abdullah bin al-Aftah adalah imam, maka beliau telah pergi ke al-'Askar.[147] Kemudian beliau telah kembali. Aku telah bertanya kepadanya tentang sebab kepulangannya, maka beliau telah berkata: Sesungguhnya aku telah membentangkan kepada Abu al-Hasan a.s untuk bertanya kepadanya mengenainya. Lalu beliau telah memberhentikan aku pada jalan yang sempit. Beliau telah condong kepadaku sehingga hampir merempuhku, beliau telah menghala kepadaku dengan sesuatu dari mulutnya, lalu ia terjatuh di atas dadaku. Aku telah mengambilnya, tiba-tiba kulit kambing nipis tertulis padanya: Beliau (Abdullah) tidak ada di sana (*ma kana hunalika*)[148] dan tidak juga sedemikian.[149]

(503)-15. Ali bin Muhammad, daripada sabahagian daripada sahabat kami yang beliau telah menyebut namanya berkata: Muhammad bin Ibrahim telah memberitahu kepada kami, berkata: Musa bin Muhammad bin Isma'il bin 'Ubaidillah bin al-'Abbas bin Ali bin Abu Talib berkata: Ja'far bin Zaid bin Musa telah memberitahu kepadaku, daripada bapanya, daripada bapa-bapanya a.s bahawa mereka telah berkata: Pada suatu hari Umm Aslam telah datang kepada Nabi s.a.w di rumah Umm Salmah, lalu beliau telah bertanya kepadanya tentang Rasulullah s.a.w, maka Umm Salamah berkata: Baginda s.a.w telah keluar untuk mendapatkan sebahagian hajatnya. Jam berlalu, maka beliau telah menantinya di sisi Umm Salamah sehingga Rasulullah s.a.w kembali. Maka Umm Aslam berkata: Dengan bapaku, anda dan ibuku, wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah membaca buku-buku [terdahulu] dan aku telah mengetahui setiap nabi dan wasi.

Musa ada wasinya pada masa hidupnya dan wasinya selepas kematiannya. Begitulah dengan Isa. Justeru siapakah wasi anda, wahai Rasulullah? Maka baginda s.a.w telah bersabda kepadanya: Wahai Umm Aslam, wasiku pada masa hidupku dan selepas matiku adalah satu. Kemudian baginda s.a.w bersabda kepadanya: Sesiapa yang telah melakukan perbuatan seperti perbuatanku ini, maka beliaulah wasiku. Kemudian baginda s.a.w telah memukul dengan tangannya kepada batu kecil (*husat*) daripada tanah.

---

[147] Samarraa'

[148] Iaitu bukanlah Abdullah di sana iaitu di tempat *imamah* (Beliau tidak layak menjadi imam).

[149] Beliau tidak berhak menjadi imam.

Lalu memecahkannya dengan anak jarinya, mengecilkannya, mengisarnya, kemudian mencetaknya atau mengecapnya dengan cincinnya, kemudian baginda s.a.w telah bersabda: Sesiapa yang telah melakukan perbuatan seperti perbuatanku ini, maka beliau adalah wasiku semasa hidupku dan selepas kematianku. Maka aku telah keluar dari sisinya.

Lalu aku mendatangi Amir al-Mukminin a.s dan aku telah berkata Kepadanya: Dengan bapaku, anda dan ibuku, adakah anda wasi Rasulullah s.a.w? Beliau a.s telah berkata: Ya, wahai Umm Aslam, kemudian beliau a.s telah memukul dengan tangannya kepada batu kecil daripada tanah, lalu memecahkannya, mengecilkannya, kemudian mengisarnya dan mencetaknya atau mengecapnya dengan cincinnya. Kemudian beliau a.s telah berkata: Wahai Umm Aslam, sesiapa yang telah melakukan perbuatan seperti perbuatanku ini, maka beliau adalah wasiku. Kemudian aku telah mendatangi al-Hasan a.s pada masa mudanya, maka aku telah berkata kepadanya: Wahai *sayyidi*, adakah anda wasi bapa anda?

Beliau a.s telah berkata: Ya, wahai Umm Aslam, [Umm Aslam berkata:] beliau a.s telah memukul dengan tangannya dan mengambil batu kecil, kemudian beliau a.s telah melakukan dengannya perbuatan seperti perbuatan mereka berdua. Kemudian aku telah keluar dari sisinya dan datang kepada al-Husain a.s-aku telah mengecil-ngecilkan umurnya-aku telah berkata kepadanya: Dengan bapa anda, anda dan ibu anda, adakah anda wasi saudara lelaki anda? Maka beliau a.s telah berkata: Ya, wahai Umm Aslam, bawalah batu kecil kepadaku, kemudian beliau a.s telah melakukan perbuatan seperti perbuatan mereka. Umm Aslam sempat berjumpa dengan Ali bin al-Husain a.s selepas pembunuhan al-Husain a.s, lalu bertanya kepadanya: Adakah anda wasi bapa anda? Beliau a.s telah berkata: Ya, kemudian beliau a.s telah melakukan perbuatan seperti perbuatan mereka a.s.

(504)-16. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Husain bin al-Jarud, daripada Musa bin Bakr bin Dab, daripada orang yang telah meriwayatkannya, daripada Abu Ja'far a.s bahawa Zaid bin Ali bin al-Husain a.s telah datang kepada Abu Ja'far Muhammad bin Ali dan bersamanya beberapa kitab (surat) daripada penduduk-penduduk Kufah. Mereka telah menyerunya-di dalam surat-surat tersebut-kepada diri mereka dan memberitahu kepadanya tentang persetujuan mereka dan memerintahkannya supaya keluar menentang pemerintah. Maka Abu Ja'far a.s telah berkata kepadanya: Adakah surat-surat ini sebagai permulaan daripada mereka atau jawapan kepada tulisan anda kepada mereka dan seruan mereka kepadanya?

Beliau telah berkata: Malah ia adalah sebagai permulaan daripada mereka, kerana mereka mengetahui hak kita dan dekatnya kita kepada Rasulullah s.a.w, khususnya apabila mereka mendapati di dalam Kitab Allah a.w kewajipan mencitai kita dan ketaatan kepada kita adalah fardu. Apatah lagi apabila kita di dalam kesusahan, kesempitan dan bala. Lantas Abu Ja'far a.s telah berkata kepadanya: Sesungguhnya ketaatan adalah fardu daripada Allah a.w dan sunnah yang telah berlalu pada mereka yang terdahulu. Demikian juga ia berlaku kepada mereka yang terkemudian. Ketaatan adalah untuk seorang daripada kita dan kecintaan adalah untuk semua. Sesungguhnya urusan Allah berlaku kepada para wali-Nya dengan hukum yang berterusan (*bi-hukmin mausul*), penghakiman yang jelas [di atas] perkara yang di tetapkan, [begitu juga] kadar dan ajal ditentukan pada masa tertentu.

Justeru janganlah anda dipengaruhi oleh mereka yang tidak yakin. Sesungguhnya mereka tidak dapat mempertahankan anda daripada Allah. Justeru janganlah anda menjadi gopoh. Kerana Allah tidak akan mempercepatkan [sesuatu] disebabkan manusia mahu cepat dan janganlah anda mendahului Allah kerana ujian [Nya] akan melemahkan anda. Justeru ia akan menentang anda. Beliau telah berkata: Zaid telah menjadi marah pada ketika itu. Kemudian beliau telah berkata: Bukan seorang imam daripada kita jika beliau hanya duduk di rumahnya dan menutup tirai [rumahnya] dan mengelakkan diri daripda jihad, tetapi seorang imam daripada kita, adalah orang yang telah mempertahankan rumah tangganya, berjihad pada jalan Allah dengan sebenarnya, mempertahankan rakyatnya dan menjaga maruah isterinya. Abu Ja'far a.s telah berkata: Adakah anda mengetahui sesuatu, wahai saudaraku, tentang diri anda yang mana anda telah melakukan penasaban kepadanya, anda mengemukakan ke atasnya penyaksian daripada Kitab Allah atau *Hujjah* daripada Rasulullah s.a.w atau anda mengemukakan contoh seumpamanya.

Sesungguhnya Allah a.w telah menghalalkan perkara yang halal dan mengharamkan perkara yang haram dan memfardukan fardu dan mengemukakan contoh-contoh yang banyak. Dia telah menciptakan sunnah-sunnah dan tidak menjadikan imam yang melaksanakan urusan-Nya dalam kesamaran (*syubhah*) terhadap ketaatan yang difardukan oleh Allah ke atasnya dan mendahuluiNya dengan perintah sebelum tempatnya. Atau beliau berjuang padanya sebelum tiba masanya. Sesungguhnya Allah a.w telah berfirman tentang binatang buruan: "*Wahai mereka yang beriman, janganlah kamu membunuh binatang buruan ketika kamu sedang ihram*"[150] Adakah membunuh binatang buruan itu lebih besar atau membunuh diri yang telah diharamkan oleh Allah [lebih besar]? Dia telah menjadikan setiap

---

[150] Surah al-Maidah (5): 95

sesuatu tempatnya. Dan Dia telah berfirman: "*Dan apabila kamu telah menyelesaikan ibadah haji, maka bolehlah berburu*"[151] Dan Allah a.w berfirman: "*Wahai mereka yang beriman, janganlah kamu melanggar syiar-syiar Allah dan jangan melanggar kehormatan bulan-bulan haram*"[152]

Dia telah menjadikan bulan-bulan itu bilangan yang tertentu, lalu Dia telah menjadikan daripadanya empat bulan haram. Dan Dia telah berfirman: "*Maka berjalanlah kamu di muka bumi selama empat bulan dan ketahuilah bahawa sesungguhnya kamu tidak akan dapat melemahkan Allah*"[153] dan Dia telah berfirman: "*Apabila sudah habis bulan-bulan haram itu, maka bunuhlah musyrikin itu di mana saja kamu jumpa mereka*"[154] Maka Dia telah menjadikannya tempatnya. Dan Dia telah berfirman: "*Janganlah kamu berazam untuk mengakad nikah sebelum habis iddahnya*"[155]. Maka Dia telah menjadikan setiap sesuatu tempohnya dan setiap ajal ditulis (kitab) jika anda di atas keterangan daripada Tuhan anda dan keyakinan daripada urusan anda dan penerangan daripada segala keadaan anda. Justeru, janganlah anda terlibat di dalam perkara yang mana anda sendiri di dalam syak atau syubhat, janganlah anda terlanjur di dalam perkara [kesamaran] yang berpanjangan, sebelum tempohnya.

Jika masanya telah sampai dan cukup tempohnya sekalipun, maka ia tidak akan sampai kepada matlamatnya-tanpa keredaan-Nya-nescaya Dia akan mengiringi pengikutnya (*al-Tabi'*) dan orang yang diikutinya (*al-matbu'*) dengan kehinaan dan kekecewaan. Aku pohon perlindungan dengan Allah daripada imam yang telah sesat daripada waktunya. Orang yang mengikutnya, wahai saudaraku, adalah lebih mengetahui daripada orang yang diikuti. Adakah anda mahu, wahai saudaraku, menghidupkan agama kaum yang telah mengingkari ayat-ayat Allah, menderhakai Rasul-Nya.

Mereka telah mengikut hawa nafsu mereka tanpa petunjuk daripada Allah, mereka telah mendakwa *khilafah* tanpa bukti daripada Allah dan tiada perjanjian daripada Rasul-Nya?! Aku pohon perlidungan untuk anda daripada Allah, wahai saudaraku, dari anda diserang dengan sampah sarap besok, kemudian dua matanya telah menjadi merah dan menitiskan air mata. Kemudian beliau telah berkata: Allah di antara kita dan mereka yang telah mencabuli rahsia kita, menentang hak kita, mendedahkan rahsia kita, menisbahkan kita kepada bukan datuk kita dan berkata kepada kita apa yang kita tidak katakannya pada diri kita sendiri.

---

[151] Surah al-Maidah (5): 2
[152] Surah al-Maidah (5): 2
[153] Surah al-Taubah (9): 2
[154] Surah al-Taubah (9): 5
[155] Surah al-Baqarah (2): 235

(505)-17. Sebahagian daripada sahabat kami, daripada Muhammad bin Hassan, daripada Muhammad bin Ranjuwaih, daripada Abdullah bin al-Hakami al-Armani, daripada Abdullah bin Ibrahim bin Muhammad al-Ja'fari berkata: Kami telah datang kepada Khadijah binti Umar bin Ali bin al-Husain bin Ali bin Abu Talib a.s mengucap takziah kepadanya di atas kematian cucu lelakinya daripada anak perempuannya, maka kami telah mendapati di sisinya Musa bin Abdullah bin al-Hasan. Pada masa itu Khadijah sedang berada di satu sudut berdekatan dengan sekumpulan wanita. Lalu kami telah mengucap takziah kepada mereka semua. Kemudian kami telah datang berjumpa dengan Musa, tiba-tiba beliau telah mengucap terima kasih kepada seorang perempuan yang sedang meratap, maka perempuan itu berkata:

Hitunglah Rasulullah [pertama[] dan hitunglah selepasnya
Asadullah[kedua] dan ketiga 'Abbas
Hitunglah Ali kebaikan dan hitunglah Ja'faran
Dan hitunglah 'Aqilan selepasnya al-Ruwasa

Maka beliau telah berkata kepada perempuan itu: Anda adalah bagus dan anda telah menghiburkan aku, tambah lagi untukku, lalu perempuan itu berkata:

Daripada kami Imam muttaqin Muhammad
Penglimanya adalah Imam Mutahhar
Dan daripada kami Ali menantunya dan sepupunya
Hamzah daripada kami dan yang terdidik ialah Ja'far

Kami telah berada di sisinya sehingga malam tiba, kemudian Khadijah telah berkata: Aku telah mendengar bapa saudaraku Muhammad bin Ali *salawatullahi 'alai-hi* berkata: Seorang perempuan di majlis memperingati kematian memerlukan tangisan supaya air matanya berlinang dan beliau tidak boleh berkata dengan bahasa yang tidak sopan. Apabila malam tiba, tangisan tidak menyedihkan para malaikat.

Kemudian kami telah keluar dan pada waktu pagi [keesokannya], kami telah datang kepadanya dan kami teringat rumahnya berdekatan dengan rumah Abu Abdillah Ja'far bin Muhammad, lalu Musa bin Abdullah berkata: Rumah ini dinamakan Dar al-Sariqah, lantas perempuan itu berkata: Di sinilah Mahdi kita dipilih-beliau maksudkan dengan Muhammad bin Abdullah bin al-Hasan-beliau telah bergurau dengan kata-katanya- Maka Musa bin Abdullah telah berkata: Demi Allah, aku akan memberitahu kepada kamu perkara yang pelik. Aku telah melihat bapaku *rahimahu llah* manakala beliau telah mengambil urusan Muhammad bin Abdullah dan membuat keputusan untuk berjumpa dengan para sahabatnya, maka beliau telah berkata: Aku

tidak mendapati urusan ini betul melainkan aku berjumpa dengan Abu Abdillah Ja'far bin Muhammad.

Kemudian beliau telah pergi dengan berpegang kepadaku. Maka akupun telah pergi bersamanya sehingga kami mendatangi Abu Abdillah a.s. Kami telah berjumpa dengannya ketika beliau a.s keluar ke masjid, lalu bapaku telah memberhentikannya dan bercakap dengannya. Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Ini bukanlah tempat itu, kita berjumpa lagi, jika Allah kehendaki. Bapaku telah pulang dengan gembira, kemudian beliau telah berdiri sehingga pada hari esok atau sehari selepasnya, kami telah pergi sehingga kami mendatanginya.

Maka bapaku telah datang kepadanya dan aku bersamanya, beliau telah mula bercakap, kemudian berkata kepadanya apa yang beliau kata: Sesungguhnya anda telah mengetahui, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya umurku di atas anda dan sesungguhnya pada kaum anda ada orang yang lebih muda daripada anda, tetapi Allah telah mendahulukan anda kerana kelebihan anda di kalangan kaum anda. Sesungguhnya aku telah datang kepada anda secara sengaja kerana aku mengetahui kebaikan anda dan aku mengetahui-*fidyah* anda-sesungguhnya jika anda menyahuti seruanku, nescaya tiada seorangpun sahabat anda akan meninggalkan aku dan dua orang Quraisy tidak akan bertengkar denganku dan begitu juga orang lain.

Maka Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Sesungguhnya anda mendapati orang lain daripadaku lebih mentaati kepada anda daripadaku dan anda tidak berhajat kepadaku. Demi Allah, sesungguhnya anda mengetahui bahawa aku ingin melintasi padang pasir atau lebih penting daripadanya, tetapi aku keberatan untuk melakukannya, aku ingin melakukan haji, maka aku tidak mendapatinya melainkan selepas kepenatan dan kesusahan kepada diriku. Justeru, carilah orang selain daripadaku dan bertanyalah kepadanya tentangnya, tetapi janganlah anda memberitahu kepada mereka bahawa anda telah datang kepadaku, lalu beliau telah berkata kepadanya: Sesungguhnya orang ramai menundukkan kepala mereka kepada anda. Justeru jika anda menyahuti seruanku, nescaya tiada seorangpun yang akan meninggalkan aku dan anda janganlah memaksa peperangan dan melakukan perkara yang tidak diingini.

Beliau telah berkata: Orang ramai telah menyerbu kami, lantas mereka datang kepada kami dan memutuskan percakapan kami. Maka bapaku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah anda telah katakan? Beliau a.s telah berkata: Kita bertemu lagi jika Allah kehendaki. Kemudian beliau telah berkata: Tidakah ia menurut apa yang aku suka? Maka beliau telah berkata: Mengikut apa yang anda suka jika Allah kehendaki, untuk kebaikan anda. Kemudian beliau telah pulang terus ke rumah, lalu beliau telah mengutus seorang

utusan kepada Muhammad di satu bukit di Juhainah dipanggil al-Asyqar, dua malam perjalanan dari Madinah. Beliau telah memberi khabar gembira kepadanya dan memberitahu kepadanya bahawa beliau telah menang bagi menghadapi hajatnya dan apa yang beliau telah tuntut.

Kemudian beliau telah pulang selepas tiga hari. Maka kami telah berdiri di pintu[rumah] dan kami tidaklah berselindung apabila kami datang, hanya utusan itu yang telah melambat-lambatkannya. Kemudian beliau telah membenarkan kami, lalu kami datang kepadanya. Maka aku telah duduk berhampiran satu bilik dan bapaku telah mendekatinya, lalu beliau telah mengucup kepalanya. Kemudian beliau telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya aku telah datang kepada anda dengan harapan. Harapanku telah berkembang dan aku berharap supaya hajatku tercapai. Maka Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Wahai sepupuku, aku pohon perlindungan untuk anda daripada Allah dari terlibat di dalam urusan ini, aku khuatir bahawa anda akan menghadapi bahaya, maka percakapan telah berlalu di antara mereka berdua sehingga membawa kepada apa yang beliau tidak mahu. Antara kata-katanya: Di atas asas apakah al-Husain lebih berhak dengan *imamah* daripada al-Hasan?

Abu Abdillah a.s telah berkata: Allah telah merahmati al-Hasan dan al-Husain dan bagaimana anda telah menyebutnya? Beliau telah berkata: Sepatutnya al-Husain telah menjadikan *imamah* untuk anak lelaki al-Hasan yang paling muda. Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah apabila Dia mewahyukan kepada Muhammad, maka Dia telah mewahyukan kepadanya menurut apa yang Dia kehendaki dan Dia tidak melantik seorangpun daripada makhluk-Nya selain daripadanya. Muhammad telah melantik Ali a.s mengikut kehendak-Nya dan telah melakukan apa yang diperintahkan kepadanya. Kami tidak berkata tentangnya melainkan apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w tentang kehormatannya dan ketelusannya.

Jika urusan al-Husain [boleh] dijadikan untuk orang yang lebih muda atau memindahkannya kepada anak lelaki mereka berdua-iaitu wasiat-nescaya al-Husain telah melakukannya dan beliau bukanlah orang yang dituduh di sisi kami untuk dirinya. Sesungguhnya beliau telah menjadi wali dan meninggalkannya [dengan kematiannya], tetapi apa yang diperintahkan [kepadanya] telah berlalu, beliau ialah datuk anda dan bapa saudara anda. Jika anda telah berkata baik, maka anda tidaklah sebaiknya dan jika anda telah berkata tanpa kesopanan kepadanya, Allah akan mengampuni anda. Justeru, taatilah aku dan dengarlah kata-kataku, Allah tiada tuhan melainkan Dia, aku menasihati anda dan mengambil berat terhadap anda, bagaimana aku tidak melihat anda akan melakukannya sedangkan urusan Allah tidak

boleh ditolak, maka bapaku telah gembira pada ketika itu. Maka Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Demi Allah, sesungguhnya anda mengetahui bahawa beliaulah[156] al-Ahwal[157] al-Aksyaf[158] al-Akhdhar[159] yang akan dibunuh di Suddati Asyja' di perut wadi. Bapaku telah berkata: Beliau bukanlah begitu. Demi Allah, beliau akan memerangi [musuh-musuhnya] dari hari ke hari, jam ke jam, tahun ke tahun, beliau akan menuntut bela semua Bani Abu Talib.

Maka Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Semoga Allah mengampuni anda, apa yang menakutkan aku adalah keluarga ini akan bersama sahabat kita "Diri anda ketika persendirian akan menambahkan kesesatan" Tidak, demi Allah, beliau tidak akan memiliki lebih banyak [kawasan] di sekitar Madinah dan amalannya {pengaruhnya) tidak akan sampai di Taif sekalipun beliau berusaha dengan gigih. Urusan akan berlaku, justeru, bertakwalah kepada Allah, kasihanilah diri anda dan anak-anak bapa anda. Demi Allah, aku melihatnya, aku meramal kotoran (zuriatnya) akan dikeluarkan oleh salbi-salbi lelaki kepada rahim-rahim perempuan. Demi Allah, bahawa beliau akan dibunuh di Suddati Asyja'. Demi Allah, seolah-olah aku sedang melihat kepada kebinasaannya, dirampas dengan senjata dan pakaiannya di antara dua kakinya, lelaki ini tidak memanfaatkan apa yang beliau mendengarnya.

Musa bin Abdullah telah berkata-beliau maksudkan aku-Beliau akan keluar bersamanya, lalu akan dikalahkan dan sahabatnya akan dibunuh. Kemudian beliau akan pergi dan keluar dengan bendera yang lain, lalu ketua tenteranya akan dibunuh dan tentera-tenteranya akan berpecah. Jika beliau telah mentaatiku, hendaklah beliau menuntut keamanan pada masa itu daripada Bani 'Abbas sehingga Allah memberi kejayaan kepadanya. Dan anda telah mengetahui bahawa sesungghuhnya urusan ini tidak akan sempurna, anda mengetahui[nya] dan kami juga mengetahui[nya] bahawa anak lelaki anda al-Ahwal al-Akhdhar al-Aksyaf akan dibunuh di Suddati Asyja' di perut wadi.

Lantas bapaku berdiri sambil berkata: Semoga Allah menyelamatkan anda daripadanya dan anda akan kembali atau Allah menjaga anda dan orang selain daripada anda dan aku tidak mahu melainkan menahan orang selain daripada anda dan anda menjadi penghalang mereka kepadanya, maka Abu Ab Abdillah a.s telah berkata: Allah mengetahui apa yang aku mahu sekadar memberi nasihat kepada anda dan menunjukkan anda, aku hanya berusaha untuk itu, lalu

---

[156] Ketahuilah bahawa anak lelaki anda Muhammad ini ialah al-Ahwal al-Aksyaf al-Akhdhar yang akan keluar menentang [pemerintah] tanpa kebenaran dan akan dibunuh dengn kejam.
[157] Yang bermata juling
[158] Yang berbulu di ubun-ubunnya
[159] Berwarna hijau

bapaku telah berdiri menarik kainnya di dalam keadaan marah, kemudian didatangi oleh Abu Abdillah a.s dan berkata kepadanya: Aku akan menceritakan kepada anda bahawa aku telah mendengar bapa saudara anda di sebelah bapa anda dan beliau juga bapa saudara anda di sebelah ibu anda menyebut bahawa anda dan anak bapa anda akan dibunuh.

Jika anda mentaatiku dan anda melihat untuk melakukan apa yang lebih baik, maka lakukanlah, Demi Allah yang tiada tuhan melainkan Dia, mengetahui perkara ghaib dan kenyataan, Maha Pemurah lagi Maha Pengasih, Maha Besar lagi Maha Tinggi di atas makhluk-Nya, nescaya aku suka memberi kepada anak lelakiku sebagai fidyah kepada anda, orang yang paling aku kasihi dan ahli baitku yang paling aku cintai, tetapi tidak ada sesuatu yang dapat menandingi anda, anda tidak melihat bahawa aku telah menipu anda, lalu bapaku telah keluar di sisinya di dalam keadaan marah dan dukacita. Beliau telah berkata: Kami tidak tinggal selepas itu melainkan sedikit-dua puluh malam-sehingga utusan Abu Ja'far al-Dawaaniqi telah datang.

Lalu mereka telah mengambil bapaku dan bapa-bapa saudara sebelah bapaku; Sulaiman bin Hasan, Hasan bin Hasan, Ibrahim bin Hasan, Daud bin Hasan, Ali bin Hasan, Sulaiman bin Daud bin Hasan, Ali bin Ibrahim bin Hasan, Hasan bin Ja'far bin Hasan, Tabataba Ibrahim bin Isma'il bin Hasan dan Abdullah bin Daud, beliau telah berkata: Mereka telah digari dengan besi, kemudian mereka dibawa di atas usungan (tandu) ke musalla supaya mereka dicaci oleh orang ramai, beliau telah berkata: Orang ramai telah menahan diri mereka dan telah berlembut hati terhadap mereka, kemudian mereka telah pergi bersama mereka dan berhenti di pintu masjid Rasulullah s.a.w.

Abdullah bin Ibrahim al-Ja'fari telah berkata: Khadijah binti Umar bin Ali telah memberitahu kepada kami bahawa manakala mereka telah diberhentikan di pintu masjid-di satu pintu bernama pintu Jibrail- Abu Abdillah a.s telah melihat kepada mereka dan kebanyakan kain-kain mereka tercampak di tanah, kemudian beliau a.s telah melihat dari arah pintu masjid, maka beliau telah berkata: Allah melaknati kamu, wahai golongan Ansar-sebanyak tiga kali-bukan di atas [perbuatan] ini kamu telah berjanji dengan Rasulullah s.a.w dan bukan di atas [perbuatan] ini kami telah memberi baiah kepadanya.

Demi Allah, jika aku berhati-hati, tetapi dikalahkan dan tidak ada jalan lain untuk menolak keputusan itu, [aku pasrah]. Kemudian beliau a.s telah berdiri dan mengambil salah satu daripada dua kasutnya, lalu beliau telah memakaikannya di kakinya dan yang lainnya di tangannya dan beliau telah menarik pakaiannya di atas tanah, kemudian beliau telah memasuki rumahnya, lalu beliau telah demam selama dua puluh malam. Beliau sentiasa menangis tentangnya malam dan siang sehingga kami khuatir di atasnya. Ini adalah hadis Khadijah. Al-Ja'fari telah

berkata: Musa bin Abdullah bin al-Hasan telah memberitahu kepada kami bahawa manakala beliau a.s telah melihat mereka dibawa di atas usungan, Abu Abdillah a.s telah berdiri dari masjid, kemudian beliau telah pergi ke usungan yang membawa Abdullah bin al-Hasan yang mahu bercakap dengannya, lantas beliau a.s telah dihalang dengan kuat dan pengawal telah datang kepadanya, lalu menolaknya dan beliau a.s telah berkata: Jauhilah daripada ini [lelaki] sesungguhnya Allah akan menghinakan anda dan orang yang lain daripada anda. Kemudian beliau a.s telah memasuki anjung [masjid] dan kembali ke rumahnya. Mereka belum sempat sampai di al-Baqi', tiba-tiba pengawal tadi ditimpa bala yang teruk, unta betinanya telah mencampakkannya, lalu beliau telah mati padanya, maka kami telah tinggal selepas itu beberapa ketika.

Kemudian seorang anak lelaki Abdullah bin Hasan telah datang, lalu diberitahu bahawa bapanya dan bapa-bapa saudara sebelah bapanya telah dibunuh-oleh Abu Ja'far-[160] melainkan Hasan bin Ja'far, Tabataba, Ali bin Ibrahim, Sulaiman bin Daud, Daud bin Hasan dan Abdullah bin Daud, berkata: Muhammad bin Abdullah telah muncul dan menyeru orang ramai supaya memberi baiah kepadanya beliau telah berkata: Aku adalah yang ketiga daripada tiga yang telah memberi baiah kepadanya dan beliau telah mengumpul orang ramai bagi mendapatkan kepercayaan mereka untuk baiahnya, tidak seorangpun Qurasy, Ansar dan Arab menyalahinya, beliau telah berkata: Beliau telah berbincang dengan Isa bin Zaid antara orang kepercayaannya untuk mengutus kepada pemuka-pemuka kaumnya, lalu Isa bin Zaid telah berkata kepadanya: Jika anda menyeru mereka dengan seruan yang mudah, nescaya mereka tidak akan menjawab anda atau anda mengasari mereka, maka tinggallah aku bersendirian.

Lantas Muhammad telah berkata kepadanya: Pergilah kepada orang yang anda mahu di kalangan mereka, maka beliau telah berkata: Utuslah kepada ketua mereka dan orang tua mereka-iaitu Abu Abdillah Ja'far bin Muhammad a.s-Sesungguhnya jika anda mengasarinya, nescaya mereka telah mengetahui bahawa anda akan membiarkan mereka melalui jalan yang dilalui Abu Abdillah a.s. Beliau telah berkata: Demi Allah, kami tidak menunggu lama sehingga Abu Abdillah a.s dibawa datang di hadapannya, lalu Isa bin Zaid telah berkata kepadanya: Serahlah diri anda, nescaya anda selamat.

Maka Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Kenabian selepas Muhammad s.a.w telah berlalu, maka Muhammad telah berkata kepadanya: Tidak, tetapi lakulah baiah, nescaya anda akan aman di atas diri anda, harta anda, pemilik anak anda dan janganlah memaksa peperangan. Maka Abu Abdllah a.s telah berkata kepadanya: Tidak ada padaku peperangan dan pembunuhan. Sesungguhnya aku telah datang

[160] Al-Dawaaniq

kepada bapa anda dan aku telah memberi nasihat kepadanya, tetapi manfaat tidak dilakukan, wahai anak lelakiku, ambillah yang muda dan tinggallah yang tua, maka Muhammad telah berkata kepadanya, Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Alangkah hampirnya umur di antara kita, lalu Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Sesungguhnya aku tidak akan memerangi anda dan aku tidak datang melainkan untuk mengemukakan kepada anda tentang urusan anda, maka Muhammad telah berkata kepadanya: Tidak, demi Allah, anda mesti memberi baiah.

Maka Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Wahai anak saudaraku, tidak ada padaku permintaan, tidak ada padaku peperangan, sesungguhnya aku mahu keluar ke padang pasir, maka beliau telah menghalang aku dan ia menjadi keberatan kepadaku sehingga keluargaku telah bercakap tentangnya bukan satu kali dan tidak mengalang aku melainkan kelemahan. Demi Allah, silaturahim supaya anda mengurus kami dan kami menderita kerana anda, lalu beliau telah berkata kepadanya: Wahai Abu Abdillah, sesungguhnya Abu al-Dawaaniq telah mati-iaitu Abu Ja'far-maka Abu Abdillah a.s telah berkata: Apakah anda buat dengan aku sedangkan beliau telah mati? Beliau telah berkata: Aku ingin berbaik-baik dengan anda, beliau telah berkata: Tidak ada jalan kepada apa yang anda mahu, tidak, demi Allah, Abu al-Dawaaniq tidak mati melainkan beliau mati tidur, beliau telah berkata: Demi Allah, anda akan memberi baiah kepadaku secara rela atau terpaksa dan janganlah anda memuji di dalam baiah anda.

Tetapi beliau a.s telah enggan [memberi baiah kepadanya] atau diperintahkan supaya beliau ditahan, maka Isa bin Zaid telah berkata kepadanya: Jika kita mencampakkannya ke dalam penjara, beliau akan merosakkan penjara, justeru ia tidak ditutup penuh pada hari ini, tetapi kami takut beliau akan melarikan diri daripadanya, lantas Abu Abdillah a.s telah tersenyum, kemudian beliau telah berkata: *La haula wala quwwata illa bi llahi l 'Aliyyi al-'Azim* atau anda melihat untuk memasukkan aku ke penjara? Beliau telah berkata: Ya, demi yang telah memuliakan Muhammad s.a.w dengan kenabian, aku akan memenjarakan anda dan aku akan mengasari anda, Isa bin Zaid telah berkata: Tahanlah beliau di tempat yang tersembunyi-iaitu di Dar Ritah[161] pada hari ini.

Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Demi Allah, aku akan berkata, kemudian aku akan membenarkannya, maka Isa bin Zaid telah berkata kepadanya: Jika anda bercakap, aku akan memecahkan mulut anda, lalu Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Demi Allah, wahai Uksyuf, wahai Azraq, seolah-olah aku [melihat] anda sedang mencari

---

[161] Ritah binti Abdullah bin Muhammad bin al-Hanafiyyah ibu Yahya bin Zaid, Ritah pada hari ini menduduki rumah itu.

lubang untuk diri anda sendiri dan anda tidak termasuk daripada mereka yang disebut ketika bertemu, sesungguhnya aku menyangka anda apabila ditepuk di belakang anda, anda terbang seperti merpati jantan yang liar, lantas Muhammad telah menerkan ke atasnya dengan kasar: Beliau telah menahannya dan mengasarinya, maka Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Demi Allah, seolah-olah aku [melihat] anda keluar dari Suddati Asyja' ke perut wadi, seorang penglima yang berani akan datang kepada anda di tangannya lembing yang pendek separuhnya putih dan separuh lagi hitam di atas kuda yang laju, lalu menikam anda dan dipukul batang hidung kudanya, lalu ia mencampakkannya dan orang yang lain akan keluar kepada anda dari lorong keluarga Abi 'Ammar al-Di'liyyin, di atasnya dua jalinan rambut yang telah keluar di bawah topi besinya, banyak bulu misainya, maka beliau, demi Allah, adalah sahabat anda.

Justeru Allah tidak merahmati tulang buruknya, maka Muhammad telah berkata kepadanya: Wahai Abu Abdillah, anda telah menghitung, tetapi anda telah bersalah, lalu al-Saraqi bin Salkh al-Hut telah datang kepadanya, kemudian beliau telah menolak pada belakangnya sehingga beliau dimasukkan ke penjara dan di ambil bersamanya hartanya dan harta kaumnya yang tidak keluar bersama Muhammad. Beliau telah berkata: Kemudian beliau telah datang kepada Isma'il bin Abdullah bin Ja'far bin Abi Talib, seorang syeikh yang tua dan lemah. Satu matanya telah hilang dan dua kakinya juga telah hilang, beliau berpegang kepada sesuatu, maka beliau telah menyerunya untuk baiah, lalu beliau telah berkata kepadanya: Wahai anak saudaraku, sesungguhnya aku seorang syeikh yang tua dan lemah dan aku lebih berhajat kepada kebaikan dan pertolongan anda.

Maka beliau telah berkata kepadanya: Anda mesti memberi baiah, maka beliau telah berkata kepadanya: Apakah faedah baiahku, demi Allah, aku tidak akan menyusahkan anda, beliau telah berkata: Anda mesti melakukannya dan beliau telah mengasarinya, lalu Isma'il telah berkata kepadanya: Panggillah untukku Ja'far bin Muhammad, mudah-mudahan kami semua memberi baiah, beliau telah berkata: Beliau telah memanggil Ja'far a.s, lalu Isma'il telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, jika anda telah melihat bahawa anda akan memberi penjelasan kepadanya, maka lakukanlah, mudah-mudahan Allah menegahnya daripada kami, beliau telah berkata: Aku telah membuat keputusan bahawa aku tidak akan bercakap dengannya, biarlah beliau dengan pendapatnya.

Maka Isma'il telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Aku menyeru anda dengan nama Allah, adakah anda ingat pada suatu hari anda telah datang kepada bapa anda Muhammad bin Ali a.s dan aku telah memakai dua pakaian berwarna kuning, lalu beliau telah merenung kepadaku, lantas beliau telah menangis, maka aku telah berkata

kepadanya: Apakah yang membuat anda menangis? Maka beliau telah berkata kepadaku: Pembunuhan terhadap anda ketika anda tua yang membuatku menangis, aku telah berkata: Bilakah ia akan berlaku? Beliau telah berkata: Apabila anda diseru kepada kebatilan, lalu anda mengabaikannya dan apabila anda melihat kepada al-Ahwal, sangkaan jahat kaumnya akan mengaitkan dirinya daripada keluarga al-Hasan di atas mimbar Rasulullah s.a.w, menyeru untuk dirinya, beliau telah menamakan dirinya bukan namanya yang sebenar.[162]Justeru perbaharuilah janji anda dan tulislah wasiat anda, sesungguhnya anda akan dibunuh pada hari anda atau besok. Maka Abu Abdillah a.s telah berkata kepadanya: Ya, dan ini-Tuhan ka'bah-beliau tidak berpuasa pada bulan Ramadan melainkan sedikit. Justeru aku ucapkan selamat tinggal, wahai Abu al-Hasan Dan Allah akan memperbesarkan pahala kami pada anda dan memperelokkan *khilafah* kepada orang yang anda tinggalkan untuknya *wa inna li-llahi wa inna ilai-hi raji'uun.*

Beliau telah berkata: Kemudian Isma'il dibawa [keluar] dan Ja'far ditolak ke penjara, beliau telah berkata: Demi Allah, pada waktu petang, anak-anak saudaranya Bani Mu'awiyah bin Abdullah telah datang kepadanya, lalu mereka telah membunuhnya dan Muhammad bin Abdullah telah mengutus kepada Ja'far, lalu beliau telah membiarkan beliau pergi. Beliau tiba, maka berita keluarnya Isa bin Musa telah sampai kepada kami, beliau sedang menuju ke Madinah, lalu Muhammad bin Abdullah telah datang, di dahului oleh Yazid bin Mu'awiyah bin Abdullah bin Ja'far. Dan di hadapan Isa bin Musa adalah anak lelaki al-Hasan bin bin Zaid bin al-Hasan bin al-Hasan dan Qasim!! Muhammad bin Zaid, Ali, Ibrahim Bani al-Hasan bin Zaid, lalu Yazid bin Mu'awiyah dikalahkan dan Isa bin Musa telah mara ke Madinah dan peperangan telah berlaku di Madinah, lalu beliau telah bermalam di Dhubab[163]

Kemudian mereka yang berpakaian hitam telah datang kepada kami[164] di belakang kami dan Muhammad telah keluar bersama para sahabatnya sehingga beliau telah sampai ke pasar, kemudian beliau telah menghubungi mereka dan pergi. Kemudian beliau telah mengikuti mereka sehingga berakhir kepada masjid al-Khawwamin, lalu beliau telah melihat kepada kawasan yang luas, tiada padanya pakaian hitam dan putih. Kemudian beliau telah mara sehingga berakhir ke kabilah Fazarah.

Kemudian Huzail telah masuk, kemudian beliau telah pergi kepada Asyja', lalu seorang penglima yang telah dikatakan oleh Abi Abdillah telah keluar kepadanya dari belakngnya, daripada kabilah Huzail, lalu

---

[162] Iaitu dengan nama al-Mahdi.

[163] Nama sebuah bukit di Madinah.

[164] Mereka telah memakai pakaian hitam dan merekalah penyokong-penyokong kerajaan 'Abbasiyyah

menikamnya, lantas beliau telah memukul batang hidung kudanya dengan pedang, kemudian penglima itu telah menikamnya, maka beliau telah mempertahankannya dengan baju besinya yang disokong oleh Muhammad, kemudian beliau telah memukulnya dan menundukkannya. Kemudian Humaid bin Qahtubah berlari di atas kudanya memukulnya dari lorong al-'Ammariyyin, lalu beliau telah menikamnya dengan satu tikaman dengan lembing, lalu beliau telah mengalahkannya.

Kemudian beliau telah datang kepadanya dan membunuhnya dan mengambil kepalanya dan tentera telah datang dari segenap penjuru, lalu bandar itu diambil dan kami diusir. Musa bin Abdullah telah berkata: Aku telah pergi sehingga aku telah datang kepada Ibrahim bin Abdullah, kemudian aku telah mendapati Isa bin Zaid bersembunyi di sisinya, lalu aku telah memberitahu kepadanya tentang keburukan pengurusannya dan kami telah keluar bersamanya sehingga beliau ditimpa musibah *rahimahu llahu.* Kemudian aku telah pergi bersama anak saudaraku al-Asytar Abdullah bin Muhammad bin Abdullah bin Hasan sehingga beliau ditimpa musibah di al-Sind, kemudian aku telah diusir pulang, maka ia menggusarkan aku [untuk pulang].

Manakala aku telah berada di dalam kesusahan dan ketakutan, terlintas di hatiku kata-kata Abu Abdillah a.s, maka aku telah datang kepada [khalifah] al-Mahdi. Beliau telah melakukan haji dan sedang memberi khutbah kepada orang ramai berhampiran Ka'bah, beliau tidak menyedari bahawa aku telah datang dari bawah mimbar, maka aku telah berkata: Keamanan untukku, wahai Amir al-Mukminin? Aku akan menunjukkan nasihatku kepada anda? Maka beliau telah berkata: Ya, apakah ia? Aku telah berkata: Aku akan tunjukkan anda kepada Musa bin Abdullah bin Hasan, maka beliau telah berkata kepadaku: Ya, keamanan untuk anda, maka aku telah berkata kepadanya: Berilah kepadaku apa yang aku percayakannya, lalu aku telah mengambil daripadanya janji-janji dan aku telah percaya kepada diriku.

Kemudian aku telah berkata: Aku adalah Musa bin Abdullah, lalu beliau telah berkata: Jika begitu, kemuliaan dan kasih sayang [untuk anda], maka aku telah berkata kepadanya: Serahlah aku kepada sebahagian keluarga anda supaya beliau menilai urusanku di sisi anda, maka beliau telah berkata kepadaku: Aku akan melihat kepada siapakah anda mahu, maka aku telah berkata: Bapa saudara anda al-'Abbas bin Muhammad, lalu al-'Abbas telah berkata: Aku tidak berhajat kepada anda, maka aku telah berkata: Tetapi aku berhajat kepada anda, aku meminta anda dengan hak Amir al-Mukminin supaya anda menerima aku.

Lalu beliau telah menerimaku, beliau mahu ataupun tidak dan al-Mahdi telah berkata kepadaku: Siapakah yang kenal anda?-di sekitarnya para sahabatnya-maka aku telah berkata: Ini adalah al-

Hasan bin Zaid, beliau mengenaliku, ini Musa bin Ja'far, beliau mengenaliku, ini al-Hasan bin Abdillah bin al-'Abbas, beliau mengenaliku, maka mereka semua telah berkata: Ya, wahai Amir al-Mukminin seolah-olah beliau tidak hilang daripada kami. Kemudian aku telah berkata kepada al-Mahdi, wahai Amir al-Mukminin, bapa lelaki inilah yang telah memberitahu kepadaku kedudukan ini dan aku telah menunjukkan kepada Musa bin Ja'far, Musa bin Abdullah telah berkata: Aku telah membohongi Ja'far satu kali: Maka aku telah berkata kepadanya: Beliau telah menyuruhku supaya membaca salam kepada anda dan beliau telah berkata bahawa beliau seorang imam yang adil dan pemurah, beliau telah berkata: Maka beliau telah memerintahkan untuk Musa bin Ja'far 5000 dinar dan untukku 2000 dinar, kemudian beliau telah mengadakan perhubungan yang baik dengan para sahabatnya dan aku sendiri dengan sebaik-baik perhubungan sebagaimana disebutkan oleh anak lelaki Muhammad bin Ali bin al-Husain, justeru, katakanlah: Selawat Allah ke atas mereka dan malaikat-Nya, pembawa-pembawa 'Arasy-Nya dan Kiram Katibiin-Nya dan secara khusus Abu Abdillah dengan sebaik-baik selawat. Musa bin Ja'far telah berterima kasih kepadaku dengan baik. Justeru aku, demi Allah, *maula* mereka selepas Allah.

(506)-18. Dengan sanad-sanad ini, daripda Abdullah bin Ja'far bin Ibrahim al-Ja'fari berkata: Abdullah bin al-Mufadhdhal Maula Abdullah bin Ja'far bin Abu Talib telah memberitahu kepada kami berkata: Manakala al-Husain [165]bin Ali yang terbunuh di Fakhkhin[166] telah keluar dan mengepung Madinah, maka beliau telah menyeru Musa bin Ja'far supaya memberi baiah kepadanya, lalu beliau telah datang kepadanya dan berkata kepadanya: Wahai sepupuku, janganlah anda memaksaku sebagaimana sepupu anda telah memaksa bapa saudara anda Abu Abdillah, lalu beliau keluar dariku apa yang aku tidak mahu sebagaimana beliau telah keluar dari Abu Abdillah apa yang beliau tidak mahu.

Maka al-Husain berkata kepadanya: Sesungguhnya aku telah membentangkan kepada anda satu perkara jika anda kehendaki, anda masuklah padanya dan jika anda tidak menyukainya, aku tidak memaksa anda ke atasnya, Allah Yang akan menolong, kemudian beliau telah mengucap selamat tinggal. Abu al-Hasan a.s Musa bin Ja'far a.s telah berkata kepadanya ketika mengucap selamt jalan kepadanya: Wahai sepupuku, anda akan dibunuh, berhati-hatilah, kerana mereka adalah fasik menzahirkan keimanan dan menyembunyikan syirik *wa*

---

[165] Al-Husain bin Ali bin al-Hasan bin al-Hasan bin al-Hasan bin Ali a.s. Ibunya ialah Zainab binti Abdullah bin al-Hasan. Beliau telah keluar menentang Musa al-Hadi bin Muhammad al-Mahdi bin Abu Ja'far al-Mansur.

[166] Perigi di antara al-Tan'aim dan Makkah.

inna li-llahi wa-inna ilai-hi raaji'uun. Aku menilai kamu di sisi Allah daripada kumpulan *('asabah)* keluarga [yang jauh], kemudian al-Husain keluar dan urusannya sebagaimana telah berlaku, semua mereka telah dibunuh sebagaimana dikatakan oleh beliau a.s.

(507)-19. Dengan sanad-sanad ini, daripada Abdullah bin Ibrahim al-Ja'fari berkata: Yahya bin Abdullah bin al-Hasan telah menulis [surat] kepada Musa bin Ja'far a.s: *Amma ba'du*, adapun kemudian daripada itu, sesungguhnya aku menasihatkan diriku supaya bertakwa kepada Allah dan dengannyalah aku menasihatkan anda, kerana ia adalah wasiat Allah kepada mereka yang terdahulu dan kepada mereka yang terkemudian. Seorang daripada penolong-penolong Allah telah memberitahu kepadaku tentang agama-Nya dan beliau telah mengembangkan ketaatan-Nya bersama kasih sayang anda, sedang anda menderhakaiNya.

Sesungguhnya aku telah terlibat di dalam perbincangan dakwah untuk mendapatkan keredaan daripada keluarga Muhammad s.a.w. Sesungguhnya anda telah menutupnya sebagaimana bapa anda telah menutupnya sebelum anda[167]. Sudah lama kamu mendakwa apa yang bukan hak kamu dan kamu telah membentangkan angan-angan kamu kepada perkara yang tidak dikurniakan Allah [kepada kamu]. Kamu sentiasa terpengaruh dengan hawa nafsu kamu dan aku memberi peringatan kepada kamu apa yang telah diberi peringatan oleh Allah tentang diri-Nya".

Abu al-Hasan bin Musa bin Ja'far a.s telah menulis: Daripada Musa bin Abdullah Ja'far dan Ali berkongsi merendahkan diri kepada Allah, mentaatiNya kepada Yahya bin Abdullah bin Hasan, *amma ba'du* adapun kemudian daripada itu, sesungguhnya aku memberi peringatan kepada anda dan diriku dan aku memberitahu kepada anda tentang azab-Nya yang pedih, dendam-Nya yang berterusan. Aku memberi peringatan kepada anda dan diriku supaya bertakwa kepada Allah, kerana ia merupakan perhiasan percakapan dan kepastian nikmat-Nya. Surat anda telah sampai kepadaku, anda menyebut padanya bahawa aku adalah pendakwa [seperti] bapaku sebelumnya.

Anda tidak mendengarnya daripadaku sendiri dan anda akan menulis penyaksian mereka dan mereka pula akan bertanya: Kenapa tidak ditinggalkan ketamakan dunia dan tuntutannya kepada ahlinya sahaja kerana ia merosakkan tuntutan akhirat pada dunia mereka. Anda telah menyebut bahawa aku telah menjauhkan orang ramai daripada anda kerana keinginanku untuk mendapatkan apa yang anda miliki dan ia tidak menghalang aku untuk menggugatkan anda jika aku mahu melemahkan sunnah dan [bersikap] kurang renungan dengan

[167] Tidak mengadakan perbincangan dengannya

hujah, tetapi Allah telah menciptakan manusia dengan berbagai-bagai campuran yang pelik, cita-rasa dan tabiat. Justeru beritahulah kepadaku tentang dua huruf yang aku bertanya kepada anda tentangnya. *Al- 'Ataraf* [168]di badan anda dan *al-Sahlaj* [169]pada manusia?

Kemudian tulislah kepadaku dengan berita itu dan aku akan mendatangi anda, memberi ingatan kepada anda tentang maksiat khalifah dan aku menggalakkan anda di atas kebaikannya dan ketaatannya dan hendaklah anda menuntut keamanan [daripadanya] di atas diri anda sebelum anda dicengkam dan dicekik pada setiap tempat. Justeru dapatlah ketenangan jiwa pada setiap tempat sehingga Allah mengurniakan kepada anda nikmat dan kelebihan-Nya dan kesopanan khalifah-semoga Allah memanjangkan umurnya- Lantaran itu, beliau memberi keamanan kepada anda, memberi rahmat kepada anda dan menjaga pada anda keturunan Rasulullah s.a.w dan salam ke atas orang yang telah mengikuti petunjuk. Sesungguhnya diwahyukan kepada kami bahawa azab adalah ke atas mereka yang telah berbohong dan berpaling tadah.

Al-Ja'fari berkata: Berita telah sampai kepadaku bahawa suratku telah terjatuh di tangan khalifah Harun. Manakala beliau telah membacanya, beliau telah berkata: Orang ramai mendorongku untuk menentang Musa bin Ja'far, sedang beliau adalah terlepas dari apa yang dilontarkan kepadanya.

Bab 82

[168] Nama jenis saraf
[169] Nama jenis saraf

Bab 82

☼Bab Makruh Menetapkan Waktu (*bab karahiyyati al-Tauqit*)☼

(508)-1. Ali bin Muhammad dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahl bin Ziyad dan Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Abu Hamzah al-Thumali berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah menetapkan waktu (*waqqata*) dalam urusan ini (*imamah*)pada tujuh puluh, tetapi apabila al-Husain a.s telah dibunuh, kemurkaan Allah a.s telah bertambah ke atas penduduk bumi, lalu Dia telah menangguhkannya kepada seratus empat puluh. Kami telah memberitahu kepada kamu tentangnya, tetapi kamu telah menyebarkan percakapan ini dan kamu mendedahkan rahsianya. Lantaran itu, Allah tidak menjadikan untuknya selepas itu waktu [yang ditetapkan] di sisi kami [semuanya boleh berlaku kerana] *"Allah menghapuskan apa yang Dia kehendaki dan menetapkan [apa yang Dia kehendaki] dan bagi-Nyalah Umm al-Kitab"* [1]

Abu Hamzah berkata: Aku telah menceritakannya kepada Abu Abdillah a.s, maka beliau a.s telah berkata: Ia telah berlaku sedemikain.

(509)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khattab, daripada Ali bin Hassan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdillah a.s, tiba-tiba Muhzam telah datang kepadanya, maka beliau telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, beritahulah kepadaku tentang urusan ini yang kita nanti-nantikan, bilakah ia? Beliau a.s telah berkata: Wahai Muhzam, telah berbohonglah mereka yang telah menetapkan waktu (*al-Waqqatun*), binasalah mereka yang gopoh (*wa-halaka al-Musta'jilun*) dan berjayalah mereka yang telah menyerahkan diri mereka [di dalam perkara ini].

(510)-3. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Khalid, daripada bapanya, daripada al-Qasim bin Muhammad, daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah bertanya beliau tentang al-Qaim a.s, maka beliau a.s telah berkata: Mereka yang menetapkan waktu telah berbohong, kami Ahlu l-Bait, tidak menetapkan waktu.

---

[1] Surah al-Ra'd (13): 38

(511)-4. Ahmad dengan sanad-sanadnya berkata: Beliau telah berkata: Allah telah enggan selain dari menyalahi waktu yang mereka telah tetapkan.

(512)-5. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali al-Khazzai, daripada 'Abd al-Karim bin Umar al-Khath'ami, daripada al-Fadhl bin Yasar, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Aku telah berkata: Adakah urusan ini ada waktunya [yang ditetapkan]? Maka beliau a.s telah berkata: Mereka yang telah menetapkan waktunya[2] telah berbohong. Sesungguhnya Musa a.s apabila telah keluar kepada Tuhannya, beliau a.s telah menjanjikan mereka tiga puluh hari. Manakala Allah telah menambahkannya sepuluh hari lagi, maka kaumnya berkata: Sesungguhnya Musa telah menyalahi kami, lalu mereka telah buat apa yang mereka telah buat. Justeru apabila kami menceritakan hadis kepada kamu, maka ia berlaku sebagaimana kami telah ceritakan kepada kamu tentangnya, maka katakanlah: Allah telah benar. Dan apabila kami menceritakan hadis kepada kamu, tetapi ia berlaku menyalahi apa yang kami telah menceritakan kepada kamu, maka katakanlah: Allah telah benar, nescaya kamu diberi pahala dua kali[3].

(513)-6. Muhammad bin Yahya dan Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin Ahmad, daripada al-Sayyari, daripada al-Hasan bin Ali bin Yaqtin, daripada saudaranya al-Husain, daripada bapanya Ali bin Yaqtin berkata: Abu al-Hasan a.s telah berkata kepadaku: Syiah dididik dengan angan-angan semenjak dua ratus tahun, beliau telah berkata: Yaqtin telah berkata kepada anak lelakinya Ali bin Yaqtin: Apa yang telah dikatakan kepada kami telah berlaku dan apa yang telah dikatakan kepada kamu, masih tidak berlaku? Beliau telah berkata: Maka Ali telah berkata kepadanya: Sesunggunya apa yang telah dikatakan kepada kami dan kamu adalah dari tempat yang satu, hanya urusan kamu telah berlaku, justeru, kamu diberikan [pahala] dengan percuma sebagaimana ia dikatakan kepada kamu.

Dan sesungguhnya urusan kami belum berlaku, lantaran itu, kami telah mencari alasan dengan angan-angan. Jika dikatakan kepada kami: Sesungguhnya urusan ini tidak akan berlaku melainkan kepada dua ratus tahun atau tiga ratus tahun [lagi], nescaya hati-hati telah menjadi keras dan orang ramai telah murtad daripada Islam, tetapi mereka telah berkata: "Alangkah cepatnya dan alangkah dekatnya" masa berlalu

---

[2] Pada tarikh dan masa tertentu kerana tarikh dan masa kemunculannya adalah pada ilmu Allah.

[3] Pahala pertama kerana membenarkannya dan pahala kedua kerana percaya kepada konsep *al-Bada'* iaitu Allah menghapuskan apa yang Dia kehendaki dan menetapkan apa yang Dia kehendaki.

[semata-mata] kerana menjinakkan hati manusia dan mendekatkan [mereka] kepada kejayaan.

(514)-7. Al-Husain bin Muhammad, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada al-Qasim bin Isma'il al-Anbari, daripada al-Husain bin Ali, daripada Ibrahim bin Muhzam, daripada bapanya, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Kami telah menyebut di sisinya tentang raja-raja keluarga polan, maka beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya orang ramai telah binasa kerana kegopohan mereka tentang urusan ini. Sesungguhnya Allah tidak akan gopoh kerana kegopohan hamba-hamba-Nya. Sesungguhnya urusan ini ada matlamatnya yang akan berakhir. Jika mereka diberitahu [tentangnya], nescaya mereka tidak akan dipercepat atau diperlewatkan [kehadiran mereka] meskipun seketika.

Bab 83

☼Bab pemeriksaan Dan Ujian (*bab al-Tamhis wa-al-Imtihan*)☼

(515)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Ya'qub al-Sarraj dan Ali bin Ri'ab, daripada Abu Abdillah a.s bahawa sesungguhnya Amir al-Mukminin a.s manakala dibaiah selepas pembunuhan Uthman, telah menaiki mimbar masjid, lalu memberi khutbah yang berbunyi: Sesungguhnya ujian [bala] kamu telah kembali sebagaimana pada hari yang Allah telah mengutus Nabi-Nya s.a.w. Dialah yang telah mengutusnya dengan kebenaran supaya kamu berbicara dengan telus (tanpa kekeliruan) dan kamu menapis [kata-kata kamu] dengan tapisan sehingga mereka yang terkebawah akan mengembalikan mereka yang di atas dan begitulah sebaliknya, hendaklah didahulukan mereka yang telah bertanding [tetapi tidak berjaya] kerana mereka telah dihalang dan mereka yang telah bertanding [dan menang] hendaklah dihalang kerana mereka telah menang. Demi Allah, aku tidak menyembunyikan satu tandapun dan aku tidak berbohong meskipun satu pembohongan. Sesungguhnya aku telah diberitahu tentang kedudukan ini pada hari ini.

(516)-2. Muhammad bin Yahya dan al-Hasan bin Muhammad, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada al-Qasim bin Isma'il al-Anbari, daripada al-Husain bin Ali, daripada Abi al-Maghra, daripada ibn Abi Ya'fur berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Neraka wail bagi Arab yang zalim, daripada urusan yang telah hampir, aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, berapakah bilangan Arab bersama al-Qaim? Beliau telah berkata: Bilangan mereka adalah sedikit. Aku telah berkata: Demi Allah,

sesungguhnya mereka yang menceritakan tentang urusan ini di kalangan mereka adalah ramai. Beliau telah berkata: Orang ramai mestilah memeriksa, menilai, menapis dan mengeluarkan daripada tapisan itu makhluk yang ramai.

(517)-3. Muhammad bin Yahya dan al-Hasan bin Muhammad, daripada Ja'far bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Muhammad al-Sairafi, daripada Ja'far bin Muhammad al-Saiqal, daripada bapanya, daripada al-Mansur berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata kepadaku: Wahai Mansur, sesungguhnya urusan ini tidak akan datang kepada kamu melainkan selepas putus asa dan tidak, demi Allah, sehingga kamu menilai dan tidak, demi Allah, sehingga kamu memeriksa dan tidak, demi Allah, sehingga celakalah mereka yang celaka dan bahagialah mereka yang bahagia.

(518)-4. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Mu'ammar bin Khallad berkata: Aku telah mendengar Abu al-Hasan a.s telah berkata: "*Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan (saja) mengatakan: Kami telah beriman, sedang mereka tidak diuji lagi?* [4] Kemudian beliau a.s telah berkata kepadaku: Apakah itu fitnah? Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, fitnah di sisi kami adalah ujian di dalam agama. Beliau a.s telah berkata: Mereka menguji sebagaimana emas diuji. Kemudian beliau a.s telah berkata: Mereka membersih sebagaimana emas dibersihkan.

(519)-5. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus, daripada Sulaiman bin Salih bahawa beliau telah meriwayatkannya secara *marfu'* daripada Abu Ja'far a.s berkata: Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya hadis kamu ini akan menjemukan hati mereka. Sesiapa yang mengakuinya, maka tambahlah ia dan sesiapa yang mengingkarinya, maka tinggallah ia. Sesungguhnya fitnah pasti akan berlaku, setiap kawan akan terjatuh padanya sehingga akan terjatuh padanya mereka yang membelah rambut kepada dua sehingga tiada yang akan tinggal kecuali kami dan Syiah kami.

(520)-6. Muhammad bin al-Hasan dan Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Muhammad bin Mansur al-Saiqal, daripada bapanya berkata: Aku, al-Harith al-Mughirah dan sekumpulan jemaah kita telah duduk, sedang Abu Abdillah a.s mendengar percakapan kami, maka beliau a.s telah berkata kepada kami: Kamu berbincang tentang apa? Alangkah jauhnya, alangkah jauhnya!! Tidak, demi Allah, ia tidak akan terjadi sejauh mana

[4] Surah al- 'Ankabut (29): 2

mata kamu memandang sehingga kamu menilai[nya], tidak, demi Allah, ia tidak akan berlaku sejauh mana mata kamu memandang sehingga kamu memeriksa [nya]. Tidak, demi Allah, ia tidak akan berlaku sejauh mana mata kamu memandang sehingga kamu dapat menilai[nya]. Tidak, demi Allah, ia tidak akan berlaku sejauh mana mata kamu memandang melainkan selepas putus asa, tidak, demi Allah, ia tidak akan berlaku sejauh mana mata kamu memandang sehingga celakalah mereka yang celaka dan bahagialah mereka yang bahagia.

Bab 84

☼Sesungguhnya Sesiapa Yang Telah Mengetahui Imamnya, Maka Cepat Atau Lewatnya Urusan Ini, Tidak Akan Memudaratkannya (*Inna-hu man 'Arafa imama-hu lam yadhurru-hu taqaddumu hadha al-Amr au taakhhuru*)☼

(521)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Hammad bin Isa, daripada Huraiz, daripada Zurarah berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Kenalilah imam anda, sesungguhnya anda jika anda telah mengenalinya, maka cepat atau lewatnya urusan ini tidak akan memudaratkan anda.

(522)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Safwan bin Yahya, daripada Muhammad bin Marwan, daripada al-Fudhail bin Yasar berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah: "*Suatu hari Kami menyeru setiap umat dengan pemimpinnya*"[5] Maka beliau a.s telah berkata: Kenalilah imam anda, kerana anda apabila

[5] Surah al-Israa' (17): 71

anda telah mengenali imam anda, cepat atau lampat urusan ini tidak akan memudaratkan anda. Sesiapa yang telah mengenali imamnya, kemudian beliau telah mati sebelum kedatangan *sahaib hadha al-Amr* (sahabat urusan ini) adalah seperti kedudukan mereka yang telah berada di dalam kem askarnya, tidak, malah seperti kedudukan mereka yang telah berada di bawah benderanya, beliau telah berkata: Sebahagian sahabatnya berkata: [Beliau] adalah seperti kedudukan mereka yang telah mati syahid bersama Rasulullah s.a.w.

(523)-3. Ali bin Muhammad yang telah meriwayatkannya secara *marfu'*, daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Abu Basir berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, bilakah kejayaan (*al-Faraj*)? Maka beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Basir, anda di kalangan mereka yang mahu dunia? Siapa yang telah mengetahui urusan ini, maka sesungguhnya beliau telah mendapat kejayaan daripadanya kerana penantiannya.

(524)-4. Ali bin Ibrahim, daripada Salih bin al-Sanadi, daripada Ja'far bin Basyir, daripada Isma'il bin Muhammad al-Khaza'i berkata: Abu Basir telah bertanya Abu Abdillah a.s sedang aku mendengarnya, lalu beliau telah berkata: Adakah anda melihat aku akan mendapati al-Qaim a.s? Maka beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Basir, adakah anda mengetahui imam anda? Maka beliau telah berkata: Ya, demi Allah, andalah dia-Beliau telah memegang tangannya-maka beliau a.s telah berkata: Demi Allah, anda tidak peduli, wahai Abu Basir, jika anda tidak menghunus pedang anda di bayangan al-Qaim a.s.

(525)-5. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Nu'man, daripada Muhammad bin Marwan, daripada Fudhail bin Yasar berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesiapa yang telah mati, sedang beliau tidak ada imam, maka kematiannya seperti kematian jahiliyah. Sesiapa yang telah mati, sedang beliau mengetahui imamnya, maka cepat atau lewat urusan ini tidak akan memudaratkannya. Sesiapa yang telah mati, sedang beliau mengetahui imamnya, maka beliau adalah seperti mereka yang berada bersama al-Qaim di kemnya.

(526)-6. Al-Husain bin Ali al-'Alawi, daripada Sahl bin Jumhur, daripada 'Abd al-'Azim bin Abdullah al-Hasani, daripada al-Hasan bin al-Husain al-'Arani, daripada Ali bin Hasyim, daripada bapanya, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Tidak mudarat seorang yang telah mati kerana menanti urusan kami kerana beliau [sepertilah] seorang yang telah mati di tengah kem al-Mahdi a.s dan askarnya.

(527)-7. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Fadhdhalah bin Ayyub, daripada Umar bin Abban berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Kenalilah al-'Allamah (imam), kerana apabila anda telah mengenalinya, maka cepat atau lewatnya urusan ini tidak akan memudaratkan anda. Sesungguhnya Allah berfirman: "*Suatu hari Kami akan menyeru setiap manusia dengan imam mereka*"[6] Justeru, sesiapa yang telah mengenali imamnya adalah seperti orang yang telah berada di kem al-Mahdi al-Muntazar.

Bab 85

☼Sesiapa Yang Telah Mendakwa *Imamah*, Tetapi Tidak Mempunyai Kelayakan Dan Sesiapa Yang Telah Mengingkari Para Imam A.S Atau Sebahagian Daripada Mereka Dan Sesiapa yang Telah Menetapkan *Imamah* Kepada Orang Yang Tidak Mempunyai Kelayakan (*man idda'aa al-Imamata wa-laisa la-ha bi-ahlin wa-man jahada al-Aimmata au ba'dha-hum wa man athbata al-Aimmata li-man laisa la-ha bi-ahlin*)☼

(528)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Abi Salam, daripada Surat bin Kulaib, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Aku telah bertanya kepadanya tentang firman Allah: "*Dan pada hari Kiamat kamu akan melihat mereka yang berbuat dusta terhadap Allah, mukanya menjadi hitam*"[7]? Beliau a.s telah berkata: Sesiapa yang telah berkata: Sesungguhnya aku adalah seorang imam, tetapi beliau bukanlah seorang imam" Aku telah berkata: Sekalipun beliau seorang keturunan 'Alawi? Beliau a.s telah berkata: Sekalipun beliau seorang keturunan 'Alawi. Aku telah berkata: Sekalipun beliau daripada anak-anak lelaki Ali bin Abu Talib a.s? Beliau a.s telah berkata: Sekalipun beliau daripada anak-anak lelaki Ali bin Abu talib a.s.

(529)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Abdullah bin Muhammad bin Isa, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Abban, daripada al-Fudhail, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesiapa yang telah mendakwa *imamah*, tetapi beliau bukanlah daripada ahlinya, maka beliau adalah seorang kafir".

---

[6] Surah al-Israa' (17): 71
[7] Surah al-Zumar (39): 60

(530)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Abdullah bin 'Abd al-Rahman, daripada al-Husain bin al-Mukhtar berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, tentang firman-Nya: "*Dan pada hari Kiamat kamu akan melihat mereka yang berbuat dusta terhadap Allah, mukanya menjadi hitam*"[8]? Beliau a.s telah berkata: Setiap orang yang telah menyangka bahawa beliau seorang imam, tetapi beliau bukan seorang imam". Aku telah berkata: sekalipun beliau seorang [daripada] keturunan Fatimah dan Ali a.s ? Beliau a.s telah berkata: Sekalipun beliau seorang [daripada] keturunan Fatimah dan Ali a.s.

(531)-4. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Daud al-Himar, daripada Ibn Abi Ya'fur, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Tiga orang yang Allah tidak akan bercakap pada hari Kiamat dan Dia tidak akan membersihkan [dosa] mereka dan bagi mereka azab yang pedih: Sesiapa yang telah mendakwa *imamah* daripada Allah, tetapi ia bukanlah untuknya, sesiapa yang telah mengingkari seorang imam daripada Allah dan sesiapa yang telah berpendapat bahawa mereka berdua (Abu Bakr dan Umar) mempunyai nasib [menjadi khalifah] di dalam Islam[9].

(532)-5. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Sinan, daripada Yahya saudara lelaki Adim, daripada al-Walid bin Sabih berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya urusan ini tidak akan mendakwanya selain daripada tuannya kecuali Allah memusnahkan umurnya.

(533)-6. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Talhah bin Zaid, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesiapa yang telah berkongsi bersama seorang imam yang mana *imamah*nya adalah di sisi Allah dengan seorang yang mana *imamah*nya bukan daripada Allah, maka beliau adalah seorang musyrik dengan Allah (*man asyraka ma'a imam imamata-hu min 'andi llah man laisat imamatu-hu mina llah kana musyrikan bi-llah*).

(534)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Ismai'il, daripada Mansur bin Yunus, daripada

---

[8] Surah al-Zumar (39): 60

[9] Mereka yang berpendapat bahawa Abu Bakr dan Umar telah menjadi khalifah kerana nasib mereka sahaja adalah termasuk mereka yang tidak dirahmati Allah pada hari Kiamat.

Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Seorang lelaki telah berkata kepadaku: Kenalilah [imam] yang pertama daripada para imam kerana ia tidak akan memudaratkan anda jika anda mengenali [imam) yang pertama. Beliau telah berkata: Beliau a.s telah berkata: Allah telah melaknati lelaki ini, sesungguhnya aku memarahinya dan aku tidak mengenalinya. Tidak dikenali [imam] yang akhir melainkan dengan [imam] yang pertama.

(535)-8. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Safwan, daripada Ibn Maskan berkata: Aku telah bertanya Musa al-Kazim a.s, daripada para imam a.s telah berkata: Sesiapa yang telah mengingkari seorang [imam] daripada mereka yang hidup, maka beliau telah mengingkari mereka yang mati.

(536)-9. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Sa'id, daripada Abi Wahab, daripada Muhammad bin Mansur berkata: Aku telah bertanya beliau a.s tentang firman Allah: *"Dan apabila mereka melakukan perbuatan keji, mereka berkata: "Kami mendapati nenek moyang kami mengerjakan yang demikian itu dan Allah menyuruh kami mengerjakannya. Katakanlah: "Sesungguhnya Allah tidak menyuruh perbuatan yang keji" Mengapa kamu mengada-adakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui?*[10] Beliau a.s telah berkata: Adakah anda telah melihat seorang yang telah berpendapat bahawa Allah telah menyuruh[nya] berzina, meminum arak atau sesuatu daripada perkara-perkara yang diharamkan?

Maka aku telah berkata: Tidak, maka beliau a.s telah berkata: Apakah perkara keji (*al-Fahisyah*) yang mereka mendakwa bahawa Allah telah menyuruh mereka dengannya? Aku telah berkata: Allah lebih mengetahuinya dan wali-Nya. Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya ayat ini tentang para imam yang zalim (*aimmati al-Jaur*). Mereka telah mendakwa bahawa Allah telah menyuruh mereka supaya mengikuti kaum (para imam) yang mana Allah tidak menyuruh mereka mengikuti mereka. Justeru, Allah telah menolak mereka dengan alasan tersebut, lalu memeberitahu kepada mereka bahawa mereka telah berkata dusta ke atas-Nya. Kemudian Dia menamakan keadaan mereka sedemikian dengan perkara keji (*fahisyah*).

(537)-10. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Abi Wahab, daripada Muhammad bin Mansur berkata: Aku telah bertanya seorang hamba yang saleh (Musa al-Kazim a.s) tentang firman Allah:

---

[10] Surah al-A'raaf (7): 28

"*Katakanlah:Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan yang keji, baik yang nampak ataupun yang tersembunyi*"[11] Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya al-Qur'an ada [makna] zahir dan batin. Justeru, semua yang telah diharamkan oleh Allah di dalam al-Qur'an adalah zahir dan batinnya adalah para imam yang zalim. Semua yang telah dihalalkan oleh Allah di dalam al-Qur'an adalah zahir dan batinnya adalah para imam yang benar.

(538)-11. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada 'Umru bin Thabit, daripada Jabir, berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang firman Allah: "*Dan di antara manusia ada mereka yang menyembah selain Allah (jadi) tandingan-Nya, mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah*"[12] Beliau a.s telah berkata: Demi Allah, mereka adalah para wali polan [13]dan polan[14]. Mereka telah mengambil "mereka" sebagai para imam, bukan imam yang telah dijadikan oleh Allah untuk manusia.

Lantaran itu, Dia telah berfirman: "*Dan jika seandainya mereka yang berbuat zalim itu mengetahui ketika mereka melihat siksa bahawa kekuatan itu kepunyaan Allah semuanya dan bahawa Allah amat berat siksaan-Nya. Ketika mereka yang diikuti itu berlepas diri dari mereka yang mengikutinya dan mereka melihat siksa dan (ketika) segala hubungan antara mereka terputus sama sekali. Dan berkatalah mereka yang mengikuti: "Seandainya kami dapat kembali (ke dunia), pasti kami akan berlepas diri dari mereka sebagaimana mereka berlepas diri dari kami" Demikianlah Allah memperlihatkan kepada mereka amal perbuatan mereka menjadi sesalan bagi mereka; dan sekali-kali mereka tidak akan keluar dari api neraka*"[15] Kemudian Abu Ja'far a.s telah berkata: Demi Allah, mereka, wahai Jabir, adalah para imam yang zalim dan pengikut-pengikut mereka.

(539)-12. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Abu Daud al-Mustariqq, daripada Ali bin Maimun, daripada Ibn Abi Ya'fur berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Tiga orang Allah tidak akan melihat kepada mereka pada hari Kiamat dan tidak akan membersihkan[dosa] mereka dan bagi mereka azab yang pedih: Orang yang telah mendakwa *imamah* daripada Allah, tetapi ia bukan untuknya, orang yang telah mengingkari seorang

---

[11] Surah al-A'raaf (7): 33
[12] Surah al-Baqarah (2): 165
[13] Abu Bakr
[14] Umar
[15] Surah al-Baqarah (2): 165-167

imam daripada Allah dan orang yang telah berpendapat bahawa mereka berdua [16] [menjadi khalifah] adalah kerana nasib di dalam Islam.

Bab 86

☼Tentang Orang Yang Telah Beragama Dengan Agama Allah A.W Tanpa Imam Daripada Allah *Jalla Jalalah (fi-man daana llaha a.w bi-ghairi imam mina llahi jalaa jalalah)*☼

(540)-1. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada anak lelaki Abu Basir, daripada Abu al-Hasan a.s tentang firman Allah: "*Dan siapakah yang lebih sesat daripada orang yang mengikuti hawa nafsunya dengan tidak mendapat petunjuk dari Allah sedikitpun*"[17] Beliau a.s telah berkata: Iaitu orang yang telah mengambil pendapatnya sebagai agamanya tanpa [mempercayai] seorang imam daripada para imam petunjuk.

(541)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Safwan bin Yahya, daripada al-'Alaa' bin Razin, daripada Muhammad bin Muslim, berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Setiap orang yang telah beragama dengan agama Allah dengan melakukan ibadat secara gigih, tetapi tidak ada imam baginya daripada Allah, maka usahanya tidak diterima. Beliau telah tersesat lagi terkeliru dan Allah memarahi amalannya, beliau adalah seperti kambing betina yang tersesat dari pengembalanya dan kumpulannya. Lalu ia telah pergi ke sana dan ke mari pada hari itu. Apabila malam telah tiba, ia telah melihat kepada satu kumpulan binatang tanpa pengembalanya, lalu ia merasa rindu kepadanya dan terpedaya dengannya.

Kemudian ia telah bermalam bersamanya di kandangnya. Apabila pengembala telah menarik [keluar] sekumpulan binatangnya, maka kambing betina itu telah mengingkari pengembalanya dan binatang-binatangnya, lalu ia telah menjadi keliru dengan mencari pengembalanya dan kumpulan [kawan] bintang-binatangnya [yang terdahulu]. Maka ia telah melihat kepada seekor kambing jantan bersama pengembalanya, lalu ia merasa rindu kepadanya dan terpedaya dengannya. Lantas pengembara meraung sambil berkata: Pergilah bersama pengembala anda dan kumpulan anda kerana anda sesat lagi terkeliru dari pengembala dan kumpulan anda, lalu ia telah pergi ke

---

[16] Abu Bakr dan Umar
[17] Surah a-Qasas (28): 50

sana dan ke mari dalam keadaan keliru tanpa pengembala untuknya dan kumpulannya yang akan menunjukkannya kepada tempat tinggalnya atau mengembalikannya ke tempatnya.

Ketika ia di dalam keadaan sedemikian, tiba-tiba seekor serigala telah mengambil peluang di atas kesesatannya, lalu memakannya. Demikianlah, demi Allah, wahai Muhammad, sesiapa pada setiap pagi daripada umat ini tidak mempunyai imam untuknya daripada Allah a.w, zahir dan adil, maka beliau menjadi sesat lagi terkeliru. Jika beliau telah mati di dalam keadaan ini, maka beliau telah mati di dalam keadaan kufur dan nifak. Ketahuilah, wahai Muhammad, sesungguhnya para imam yang zalim dan pengikut-pengikut mereka adalah terpisah daripada agama Allah (*inna aimmata al-Jauri wa-atba'a-hum la-ma'zuuluun 'an dini llahi*), Mereka telah sesat dan menyesatkan (*dhallu wa-adhallu*). Justeru, amalan-amalan yang mereka lakukan adalah seperti abu yang telah ditiup angin, amalan mereka tidak dinilai sedikitpun, itu adalah kesesatan yang jauh.

(542)-3. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ibn Mahbub, daripada 'Abd al-'Aziz al-'Abdiy, daripada Abdullah bin Abi Ya'fur berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Aku bergaul dengan orang ramai, tetapi apa yang lebih mengagumkan aku adalah tentang mereka yang tidak mewalikan kamu, mereka mewalikan polan dan polan, sedangkan mereka mempunyai amanah, [bercakap] benar dan kesetiaan. Adapun mereka yang mewalikan kamu tidak mempunyai amanah, kesetian dan kebenaran? Beliau berkata: Abu Abdillah a.s yang sedang duduk, telah berpaling kepadaku seperti seorang yang marah, kemudian beliau a.s telah berkata: Tiada agama bagi orang yang telah beragama dengan agama Allah dengan mewalikan imam yang zalim, bukan daripada Allah (*la dina li-man dana llaha bi-wilayati imam jaa'ir laisa mina llahi*) dan tiada celaan ke atas orang yang telah beragama dengan mewalikan seorang imam yang adil daripada Allah.

Aku telah berkata: Tiada agama untuk mereka[18] dan tiada celaan ke atas mereka?[19] Beliau a.s telah berkata: Ya, tiada agama bagi mereka dan tiada celaan ke atas mereka, kemudian beliau a.s telah berkata: Tidakkah anda mendengar firman Allah: "*Allah Pelindung (wali) mereka yang beriman; Dia mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya*"[20] Iaitu [daripada] kegelapan dosa kepada cahaya taubat dan keampunan kerana mereka mewalikan setiap imam yang adil daripada Allah. Dan Dia telah berfirman: "*Dan mereka yang kafir, pelindung-pelindung mereka ialah syaitan yang mengeluarkan mereka daripada*

[18] Mereka yang mewalikan imam yang zalim
[19] Mereka yang mewalikan imam yang adil daripada Allah
[20] Surah al-Baqarah (2): 257

cahaya kepada kegelapan"[21] Sesungguhnya Dia telah maksudkan bahawa mereka telah berada di atas cahaya Islam, tetapi apabila mereka mewalikan setiap imam yang zalim, bukan daripada Allah a.w, maka mereka telah keluar dengan mewalikan mereka daripada Islam kepada kegelapan kekafiran. Maka Allah telah mewajibkan untuk mereka neraka bersama mereka yang kafir, *"Mereka itu adalah penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya"*[22]

(543)-4. Daripadanya, daripada Hisyam bin Salim, daripada Habib al-Sajistani, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Allah berfirman [dalam sebuah hadis kudsi]: Aku akan mengazab setiap rakyat di dalam Islam yang telah berpegang kepada wilayah setiap imam yang zalim, bukan daripada Allah sekalipun rakyat pada amalan meraka baik dan bertakwa. Dan Aku akan mengampunkan daripada setiap rakyat di dalam Islam yang telah berpegang kepada wilayah imam yang adil daripada Allah sekalipun rakyat pada diri mereka sendiri zalim dan jahat"[23]

(544)-5. Ali bin Muhammad, daripada Ibn Jumhur, daripada bapanya, daripada Safwan, daripada Ibn Maskan, daripada Abdullah bin Sinan, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah tidak malu mengazabkan umat yang telah berpegang kepada imam yang bukan daripada Allah sekalipun amalan mereka baik dan bertakwa dan sesungguhnya Allah malu mengazabkan umat yang telah berpegang kepada imam daripada Allah sekalipun amalan meraka zalim dan jahat".

Bab 87

☼Sesiapa Yang Telah Mati Dan Tiada Baginya Imam Daripada Para Imam Petunjuk Iaitu Daripada Bab Pertama (*man mata wa laisa la-hu imam min aimmati al-Huda wa huwa min al-Bab al-Awwal*)☼[24]

(545)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali al-Wasyaa', daripada Ahmad bin

[21] Ibid
[22] Ibid
[23] Hadis kudsi
[24] Perbezaan di antara dua bab bahawa di dalam bab pertama menyatakan bahawa orang yang tidak mengenali imam, tidak layak mendapat keampunan dan rahmat. Sementara bab kedua (ini) menyatakan bahawa orang yang tidak mengenali imamnya mati seperti orang jahiliyah.

'Aa'idh, daripada Ibn Udhinah, daripada al-Fudhail bin Yasar berkata: Pada suatu hari, Abu Abdillah a.s telah mula berkata kepada kami: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesiapa yang telah mati dan tiada di atasnya seorang imam, maka kematiannya adalah seperti kematian [seorang] jahiliyah" (*man maata wa-laisa 'alai-hi imam fa-maitatu-hu maitatun jahiliyyatun*). Maka aku telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda sedemikian? Maka beliau a.s telah berkata: Ya, demi Allah, baginda s.a.w telah bersabda sedemikian. Aku telah berkata: Setiap orang yang telah mati dan tiada baginya imam, maka kematiannya seperti kematian [seorang] jahiliyah?! Beliau a.s telah berkata: Ya.

(546)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripaeda Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa' berkata: 'Abd al-Karim bin 'Umru telah memberitahu kepadaku, daripada Ibn Abi Ya'fur berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang sabda Rasulullah s.a.w: Sesiapa yang telah mati dan tiada baginya imam, maka kematiannya seperti kematian [seorang] jahiliyah". Aku telah berkata: Kematian [orang] kafir? Beliau a.s telah berkata: Kematian [orang] sesat, aku telah berkata: Justeru sesiapa yang telah mati pada hari ini dan tiada baginya imam, maka kematiannya seperti kematian jahiliyyah? Maka beliau a.s telah berkata: Ya.

(547)-3. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Safwan, daripada al-Fudhail, daripada al-Harith bin al-Mughirah berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesiapa yang telah mati, tidak mengtahui imamnya, maka beliau mati kematian jahiliyah"? Beliau a.s telah berkata: Ya, aku telah berkata: Jahiliyah mereka yang jahil atau jahiliyah yang tidak mengetahui imamnya? Beliau a.s telah berkata: Jahiliyah kekafiran, nifak dan kesesatan (*jahiliyat kufrin wa nifaq wa dhalal*).

(548)-4. Daripada sebahagian sahabat kami, daripada 'Abd al-'Azim bin Abdullah al-Hasani, daripada Malik bin 'Aamir, daripada al-Mufadhdhal, bin Za'idah, daripada al-Mufadhdhal bin Umar berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesiapa yang telah berpegang kepada agama Allah tanpa mendengar daripada orang yang benar (imam), maka Allah mewajibkannya kepada kesesatan dan sesiapa yang telah mendakwa mendengar bukan dari pintu yang telah dibuka oleh Allah, maka beliau adalah seorang musyrik. Dan itulah pintu yang diamanahkan di atas rahsia Allah yang tersembunyi[25]

[25] Imam a.s adalah pintu Allah

Bab 88

☼Tentang Orang Yang Telah Mengetahui Kebenaran Daripada Ahlu l-Bait Dan Orang Yang Telah Mengingkarinya (*fi-man 'arafa al-Haqq min Ahl al-Bait wa-man Ankara*)☼

(549)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Sulaiman bin Ja'far berkata: Aku telah mendengar al-Ridha a.s telah berkata: Sesungguhnya Ali bin Abdullah bin al-Husain bin Ali bin al-Husain bin Ali bin Abu Talib a.s, perempuannya dan anak-anaknya adalah daripada ahli syurga. Kemudian beliau a.s telah berkata: Sesiapa yang telah mengetahui urusan ini daripada anak Ali dan Fatimah a.s, maka beliau bukanlah seperti manusia [biasa].

(550)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad berkata: Al-Wasyaa' telah memberitahu kepadaku, berkata: Ahmad bin Umar al-Halal telah memberitahu kepadaku telah berkata: Aku telah berkata kepada Abu al-Hasan a.s: Beritahulah kepadaku tentang orang yang telah menentang anda dan beliau tidak mengetahui hak anda daripada anak lelaki Fatimah? Adakah beliau dan semua orang adalah sama di dalam seksaan? Maka Ali bin al-Husain a.s telah berkata: Di atas mereka dua kali seksaan (*'alai-him dha'fa al-'Iqab*).

(551)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Rasyid berkata: Ali bin Isma'il al-Maithamiy berkata: Ruba'i bin Abdullah telah memberitahu kepadaku, berkata: 'Abd al-Rahman bin Abi Abdullah telah berkata kepadaku: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Adakah orang yang ingkar (*al-Munkir*)urusan ini daripada Bani Hasyim dan selain daripada mereka itu sama? Maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Janganlah anda berkata: Orang yang ingkar (*al-Munkir*), tetapi katalah: Orang yang menentang (*al-Jahid*) daripada Bani Hasyim dan selain daripada mereka. Abu al-Hasan berkata: Kemudian aku terfikir tentangnya, maka aku telah menyebut firman Allah a.w pada sudara-saudara Yusuf: "*Maka Yusuf mengenali mereka, sedang mereka tidak kenal (lagi) kepadanya*"[26]

(552)-4. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Abi Nasr berkata: Aku telah bertanya al-Ridha a.s, aku telah berkata kepadanya: Adakah orang yang menentang (*al-Jahid*) di kalangan kamu dan selain daripada kamu itu sama? Beliau

[26] Surah Yusuf (12): 58

a.s telah berkata: Orang yang menentang di kalangan kami baginya dua dosa dan orang yang berbuat baik baginya dua kebaikan.

Bab 89

☼Perkara Yang Wajib Bagi Manusia Ketika Matinya Imam A.S (*ma yajibu 'ala al-Naasi 'inda mudhiyyi al-Imam*)☼

(553)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Safwan, daripada Ya'qub bin Syu'aib berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Apabila sesuatu telah berlaku kepada seorang imam, bagaimana orang ramai akan buat? Beliau a.s telah berkata: Di manakah firman Allah a.w: "*Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya*"[27] Beliau a.s telah berkata: Mereka dimaafkan selama mereka masih menuntut[ilmu] dan begitu juga mereka yang sedang menanti mereka [yang sedang menuntut ilmu] adalah dimaafkan sehingga para sahabat mereka kembali kepada mereka.

(554)-2. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus bin 'Abd al-Rahman berkata: Hammad telah memberitahu kepadaku, daripada 'Abd al-Rahman al-'Alaa' berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang pendapat umum: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesiapa yang telah mati dan tiada baginya imam, maka beliau telah mati [seperti] kematian jahiliyah" (*man maata wa-laisa la-hu imam, maata maitatan jahiliyyatan"* Maka beliau a.s telah berkata: Benar, demi Allah. Aku telah berkata: Sesungguhnya seorang imam telah mati sedang seorang lelaki di Khurasan tidak mengetahui siapakah wasinya, adakah ia dimaafkan?

Beliau a.s telah berkata: Tidak dimaafkan, sesungguhnya apabila seorang imam telah mati, hujah wasinya telah berlaku (efektif) di atas orang yang bersamanya di negari itu dan hak golongan tertentu pula menyampaikannya kepada orang yang tidak hadir ketika kematiannya. Sesungguhnya Allah a.w berfirman: "*Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya*

[27] Surah al-Taubah (9): 122

mereka itu dapat menjaga dirinya"[28] Aku telah berkata: Satu golongan telah pergi, maka sebahagian mereka telah mati sebelum mereka sampai [di tempat] untuk memberitahukannya [kepada orang ramai]? Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah a.w berfirman: "*Sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan maksud berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian kematian menimpanya, maka sungguh telah tetap* pahalanya di sisi Allah"[29]

Maka aku telah berkata: Sebahagian mereka telah sampai ke tempat itu, tetapi mereka telah mendapati anda menutup pintu anda, menutup tirai anda, anda tidak menyeru mereka kepada diri anda dan tiada orang yang akan menunjukkan mereka kepada anda. Justeru bagaimana mereka akan mengetahui perkara itu? Beliau a.s telah berkata: Dengan Kitab Allah yang diturunkan, aku telah berkata: Bagaimana dengan firman Allah? Beliau a.s telah berkata: Aku berpendapat anda telah bercakap tentang perkara ini sebelum hari ini, aku telah berkata: Ya, beliau a.s telah menyebut apa yang telah diturunkan oleh Allah kepada Ali a.s dan apa yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w daripada wasiatnya kepadanya. Perlantikannya, apa yang akan menimpa mereka, pengakuan al-Hasan dan al-Husain di atas perkara tersebut, wasiatnya kepada al-Hasan dan penerimaan al-Husain untuknya dengan firman Allah: "*Mereka yang mempunyai hubungan kerabat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya di dalam Kitab Allah*"[30]

Aku telah berkata: Sesungguhnya orang ramai telah bercakap tentang Abu Ja'far a.s dan mereka berkata: Bagaimana anda telah melangkahi atau mendahului anak-anak lelaki bapanya yang mempunyai kerabat seumpamanya, orang yang lebih muda daripadanya dan anda telah menghadkan [nya] kepada orang yang lebih muda daripadanya, maka beliau telah berkata: Sahabat urusan ini (imam) dikenali dengan tiga perkara yang tidak ada pada orang lain, beliaulah orang yang paling layak (*aula*) mengikut orang (imam) sebelumnya dan beliaulah wasinya dan di sisinya senjata Rasulullah s.a.w dan wasiatnya yang ada di sisiku, aku tidak pertikaikan tentangnya. Aku telah berkata: Sesungguhnya perkara itu adalah tersembunyi kerana takutkan sultan?

Beliau a.s telah berkata berkata: Beliau tidak akan berada di dalam persembunyian melainkan baginya hujah yang zahir. Sesungguhnya bapaku telah meminta aku supaya menyimpan apa yang ada di sana. Manakala tiba kematiannya, beliau telah berkata kepadaku: Panggillah beberapa orang saksi untukku, lalu aku telah memanggil empat orang saksi daripada Quraisy. Di antara mereka ialah Nafi' [31]*maula* Abdullah

---

[28] Surah al-Taubah (9): 122
[29] Surah al-Nisaa' (4): 100
[30] Surah al-Anfaal (8): 75
[31] Bukan Quraisy

bin Umar, beliau telah berkata: Tulislah, ini adalah apa yang telah diwasiatkan oleh Ya'qub kepada anak-anaknya: "*Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama ini bagimu, maka janganlah kamu mati kecuali di dalam memeluk agama Islam*"[32]. Muhammad bin Ali telah mewasiatkan kepada anak lelakinya Ja'far bin Muhammad dan memerintahkannya supaya mengapankannya dengan *burdah* yang digunakan di dalam sembahyang jemaah dan memakaikan [di kepala]nya dengan serbannya, kuburnya diratakan dan ditinggikannya sebanyak empat jari.

Kemudian ia dikosongkan daripadanya. Maka beliau telah berkata: Tutuplah, kemudian beliau telah berkata kepada para saksi: Pulanglah, Semoga kamu dirahmati Allah. Maka aku telah berkata kepadanya selepas mereka pulang: Bukan ini, wahai bapaku, anda menjadi saksi ke atasnya? Maka beliau telah berkata: Sesungguhnya aku tidak suka anda dikalahkan dan dikatakan: Bahawa beliau [anda] tidak diwasiatkan, justeru, aku mahu anda mempunyai hujah; apabila seorang lelaki datang ke suatu negeri dan berkata: Siapakah wasi polan, dikatakan: Polan, aku telah berkata: Bolehkah wasiat dikongsi? Beliau (perawi) berkata: Kamu bertanyalah kepadanya a.s, kerana beliau akan menerangkannya kepada kamu.

(555)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin Khalid, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya al-Halabi, daripada Buraid bin Mu'awiyah, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: *Aslaha-ka llahu,* aduan kamu telah sampai kepada kami dan kami bersimpati dengannya, jika anda telah memberitahu kepada kami atau anda telah mengajar kami, siapa orangnya? Beliau telah berkata: Sesungguhnya Ali a.s adalah seorang yang alim dan ilmu [boleh] diwarisi. Justeru, seorang alim tidak mati melainkan akan tinggal selepasnya orang yang mengetahui seperti ilmunya atau apa yang dikehendaki Allah, aku telah berkata: Adakah orang ramai dimaafkan apabila orang alim (imam) telah mati, sedang mereka tidak mengetahuinya (imam) selepasnya?

Beliau telah berkata: Adapun penduduk negeri ini, maka ia adalah tidak-Iaitu Madinah-Adapun negeri-negeri lain mengikut jarak perjalanan mereka. Sesungguhnya Allah berfirman: "*Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya*"[33] Aku telah berkata: Apa

[32] Surah al-Baqarah (2): 132
[33] Surah al-Taubah (9): 122

pendapat anda tentang orang yang telah mati pada ketika itu? Beliau telah berkata: Beliau adalah seperti kedudukan orang yang keluar dari rumahnya berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian beliau mati, maka pahalanya adalah di atas Allah. Aku telah berkata: Apabila mereka telah datang, bagaimana mereka [dapat] mengetahui sahabat (imam) mereka? Beliau a.s telah berkata: Beliau akan memberi ketenangan, keamanan dan kehebatan [kepada mereka].

Bab 90

☼Tentang Imam Bilakah Beliau Mengetahui Urusan *Imamah* Berpindah Kepadanya (*fi anna al-Imam mata ya'lamu anna al-Amra qad saara ilai-hi*)☼

(556)-1. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Safwan bin Yahya, daripada Abu Jarir al-Qummi berkata: Aku telah berkata kepada Abu al-Hasan a.s: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya anda telah mengetahui perkhidmatanku yang berterusan kepada bapa anda, kemudian kepada anda, kemudian aku bersumpah untuknya: Demi hak Rasulullah s.a.w dan hak polan dan polan sehingga aku telah berakhir kepadanya bahawa tidak akan terkeluar daripadaku apa yang anda akan memberitahu kepadaku tentangnya kepada seorangpun daripada manusia; aku telah bertanya beliau tentang bapanya adakah beliau hidup atau mati?

Beliau a.s telah berkata: Demi Allah beliau telah mati. Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan, sesungguhnya Syiah anda berpendapat: Sesungguhnya padanya sunnah empat orang nabi. Beliau telah berkata: Demi Allah, tiada tuhan melainkan Dia, bapaku telah mati. Aku telah berkata: Mati ghaib atau mati maut? Beliau a.s telah berkata: Mati maut. Aku telah berkata: Kemungkinan anda bertakiyyah denganku? Beliau a.s telah berkata: *Subhanallah,* aku telah berkata: Beliau telah mewasiatkan anda? Beliau a.s telah berkata: Ya, aku telah berkata: Adakah beliau telah menjadikan anda berkongsi tentangnya dengan seseorang? Beliau a.s telah berkata: Tidak, aku telah berkata: Adakah imam di kalangan saudara-saudara anda yang wajib anda patuhi? Beliau telah berkata: Tidak, aku telah berkata: Adakah anda imam? Beliau a.s telah berkata: Ya.

(557)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ali bin Asbat berkata: Aku telah berkata kepada al-Ridha a.s: Sesungguhnya seorang lelaki telah memenatkan saudara anda Ibrahim. Maka beliau telah menyebut kepadanya bahawa bapa

anda masih hidup, sesungguhnya anda mengetahui perkara itu apa yang beliau mengetahui, maka beliau a.s telah berkata: *Subhanallah,* Rasulullah s.a.w telah mati dan Musa a.s tidak mati?. Demi Allah, beliau telah mati sebagaimana Rasulullah s.a.w telah mati. Tetapi Allah sentiasa semenjak mati Nabi-Nya s.a.w dan seterusnya memberi agama ini kepada anak-anak orang asing dan memalingkannya daripada kerabat Nabi-Nya s.a.w. Begitulah seterusnya, maka Dia memberi kepada mereka itu dan menegah mereka [yang lain] pula. Sesungguhnya aku telah menunaikan kepadanya seribu dinar pada bulan Dhu al-Hijjah selepas aku sembuh daripada penyakit.

(558)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', berkata: Aku telah berkata kepada Abu al-Hasan (al-Ridha a.s): Sesungguhnya mereka telah meriwayatkan daripada anda tentang kematian Abu al-Hasan (al-Kazim a.s) bahawa seorang lelaki telah berkata kepada anda: Aku telah mengetahui perkara itu (talak) daripada kata-kata Sa'id[34], maka beliau telah berkata: Sa'id telah datang selepas aku memberitahu kepadanya tentangnya sebelum kedatangannya, beliau telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Anda telah menceraikan Umm Farwah[35] binti Ishaq pada bulan Rajab satu hari selepas kematian Abu al-Hasan a.s (Musa a.s), anda telah berkata: Aku telah menceraikannya sedang anda telah mengetahui kematian Abu al-Hasan (Musa a.s)? Beliau a.s telah berkata: Ya, aku telah berkata: Sebelum Sa'id datang kepada anda? Beliau a.s telah berkata: Ya.

(559-4. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Safwan berkata: Aku telah berkata kepada al-Ridha a.s: Beritahulah kepadaku tentang seorang imam bilakah beliau mengetahui bahawa beliau seorang imam? Ketika sampai [berita] kepadanya bahawa sahabatnya telah mati atau ketika beliau mati? Seperti Abu al-Hasan (al-Kazim a.s) telah mati di Baghdad, sedang anda berada di sini, beliau a.s telah berkata: Beliau (imam) mengetahui perkara itu ketika sahabatanya

---

[34] Sa'id telah meratap di atas kematian Abu al-Hasan Musa al-Kazim a.s [berjalan] dari Baghdad ke Madinah.

[35] Umm Farwah adalah salah seorang isteri al-Kazim a.s. Kemungkinan al-Ridha a.s telah menjadi wakil bapanya di dalam menceraikannya. Hukum syariat mengikut zahirnya sahaja bukan batinnya. Sebagaimana 'Aisyah telah di ceraikan oleh Amir al-Mukminin a.s sebagai wakil daripada Rasulullah .s.a.w selepas kematiannya iaitu sebelum berlakunya peperangan Jamal. Justeru, beliau tidak lagi bergelar Umm al-Mukminin pada batinnya dan ini membolehkan kaum muslimin memeranginya di peperangan Jamal. Kerana sifat keibuannya telah hilang daripadanya apabila beliau cuba memerangi Amir al-Mukminin Ali a.s.

sedang mati, aku telah berkata: Dengan apa cara? Beliau telah berkata: Allah memberi ilham kepadanya.

(560)-5. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Abu al-Fadl al-Syuhbani, daripada Harun bin al-Fadhl berkata: Aku telah melihat Abu al-Hasan Ali bin Muhammad pada hari kematian Abu Ja'far a.s, maka beliau telah berkata: *Inna li-llah wa- inna ilai-hi raaji'un*, Abu Ja'far a.s telah mati. Dikatakan kepadanya: Bagaimana anda telah mengetahuinya? Beliau a.s telah berkata: Aku dimasuki petunjuk daripada Allah yang aku tidak mengetahuinya.

(561)-6. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Musafir berkata: Abu Ibrahim a.s telah memerintahkan- ketika aku sedang keluar bersamanya-Abu al-Hasan a.s supaya tidur di pintu[rumah]nya pada setiap malam selama beliau a.s masih hidup sehingga akan datang berita [kematian]nya, berkata: Kami pada setiap malam membentangkan hamparan kepada Abu al-Hasan a.s di al-Dihliz, kemudian beliau datang selepas Isyak, lalu beliau tidur.

Apabila tiba waktu pagi, beliau a.s pulang ke rumahnya. Beliau telah berkata: Keadaan ini telah berlalu selama empat tahun. Manakala pada suatu malam, beliau telah datang lewat malam tidak seperti biasa, maka keluarganya merasa cemas dan takut, suatu perkara yang besar telah memasuki [fikiran] kami kerana kelewatannya. Pada hari keesokannya, beliau telah pulang ke rumah, lalu berjumpa dengan keluarga dan menuju kepada Umm Ahmad sambil berkata kepadanya: Bawalah kepadaku apa yang telah disimpan kepada anda oleh bapaku, lalu Umm Ahmad telah meraung, menampar mukanya sendiri dan mengoyakkan poket bajunya dan berkata: Demi Allah, *sayyidi* telah mati. Kemudian beliau a.s telah mencegahnya dan berkata kepadanya: Janganlah anda bercakap sesuatu [tentang kematiannya] dan janganlah anda menzahirkannya pula supaya berita tidak sampai kepada gabenor. Kemudian Umm Ahmad telah mengeluarkan satu bakul, dua ribu dinar atau empat ribu dinar, lalu memberi semuanya kepadanya sahaja.

Dan Umm Ahmad berkata: Sesungguhnya beliau a.s (al-Kazim a.s) telah berkata kepadaku: Simpanlah barang ini di sisi anda, janganlah anda membenarkan seorangpun melihat kepadanya sehingga aku mati. Apabila aku mati, maka sesiapa yang mendatangi anda daripada anak-anakku dan memintanya daripada anda, maka berilah ia kepadanya dan ketahuilah anda bahawa aku telah pergi" dan demi Allah, sesungguhnya alamat *sayyidi* telah datang kepadaku. Lalu beliau a.s telah menerimanya daripadanya dan menyuruh mereka supaya menahan diri mereka [dari menyebarkannya] sehingga datangnya berita.

Maka beliaupun telah pulang dan mengulangi bermalam sebagaimana beliau a.s telah melakukannya sebelumnya. Beberapa hari

telah berlalu sehingga berita ratapan kematiannya [diketahui umum], lalu kami telah menghitung hari-hari itu, tiba-tiba beliau (al-Kazim a.s) telah mati pada waktu Abu al-Hasan (al-Ridha a.s) telah melakukan apa yang beliau telah melakukannya, iaitu tidak bermalam seperti biasa kerana kematian bapanya.

Bab 91

☼Keadaan Para Imam A.S Tentang Umur (*haalaat al-Aimmati a.s fi al-Sinni*)☼

(562)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ibn Mahbub, daripada Hisyam bin Salim, daripada Yazid al-Kinasi berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s: Adakah Isa bin Maryam a.s ketika beliau bercakap di dalam buaian telah menjadi *Hujjah* Allah ke atas ahli zamannya? Maka beliau a.s telah berkata: Isa pada hari itu adalah seorang nabi dan *Hujjah* Allah yang belum diutuskan (*ghaira mursal*). Tidakkah anda mendengar firman-Nya: "*Sesungguhnya aku ini hamba Allah, Dia memberiku al-Kitab dan Dia menjadikan aku seorang nabi dan Dia menjadikan aku seorang yang diberkati di mana saja aku berada dan Dia memerintahkan kepadaku sembahyang, dan zakat selama aku hidup*"[36]

Aku telah berkata: Isa pada hari itu telah menjadi *Hujjah* Allah ke atas Zakaria ketika beliau berada di dalam buaian? Maka beliau a.s telah berkata: Isa pada masa itu adalah suatu tanda (ayat) kepada manusia dan rahmat daripada Allah untuk Maryam ketika beliau bercakap tentangnya dan beliau adalah seorang nabi [dan] *Hujjah* kepada orang yang telah mendengar percakapannya di dalam keadaan itu. Kemudian beliau telah diam, tidak bercakap sehingga berlalu dua tahun. Dan Zakaria adalah *Hujjah* bagi Allah ke atas manusia selepas Isa berdiam diri selama dua tahun. Kemudian Zakaria telah mati, lalu anak lelakinya Yahya telah mewarisi al-Kitab dan hikmah [daripadanya] ketika beliau masih anak kecil lagi (*wa huwa saghir*).

Tidakkah anda mendengar firman-Nya: "*Wahai Yahya, ambillah al-Kitab dengan sungguh-sungguh. Dan Kami berikan kepadanya hikmah ketika ia masih kanak-kanak*"[37] Apabila Isa a.s telah sampai tujuh tahun, beliau telah bercakap tentang kenabian dan kerasulan ketika Allah mewahyukan kepadanya. Isa a.s telah menjadi *Hujjah* kepada Yahya dan kepada semua manusia dan bumi tidak akan tinggal, wahai Abu Khalid, meskipun satu hari tanpa seorang *Hujjah* ke atas manusia

---

[36] Surah Maryam (19): 30-31
[37] Surah Maryam (19): 12

semenjak Allah menciptakan Adam a.s dan meletakkannya di bumi. Maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, adakah Ali a.s *Hujjah* daripada Allah dan Rasul-Nya ke atas umat ini pada masa hidup Rasulullah s.a.w?

Maka beliau a.s telah berkata: Ya, pada hari baginda s.a.w telah memperkukuhkannya kepada manusia dan melantiknya secara terang-terang dan menyeru mereka kepada wilayahnya dan memerintahkan mereka supaya mentaatinya. Aku telah berkata: Adakah ketaatan kepada Ali a.s itu wajib pada masa hidup Rasulullah s.a.w dan selepas kematiannya s.a.w? Beliau a.s telah berkata: Ya, tetapi beliau telah berdiam diri dan tidak bercakap [mengeluarkan hukum] bersama Rasulullah s.a.w. Justeru ketaatan kepada Rasulullah s.a.w adalah wajib ke atas umatnya dan begitu juga [ketaatan] kepada Ali a.s pada masa hidup Rasulullah s.a.w. Dan ketaatan adalah daripada Allah dan daripada Rasul-Nya ke atas manusia semua untuk Ali a.s selepas kematian Rasulullah s.a.w. Ali a.s adalah seorang yang bijaksana dan alim.

(563)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Safwan bin Yahya berkata: Aku telah berkata kepada al-Ridha a.s: Sesungguhnya kami telah bertanya anda sebelum Allah mengurniakan kepada anda Abu Ja'far a.s, maka anda telah berkata: Allah akan mengurniakan kepadaku seorang kanak-kanak, maka Allah telah mengurniakannya untuk anda dan mata anda telah menjadi tenang. Justeru, aku berharap Allah tidak akan memperlihatkan kepada kami hari [kematian] anda. Jika berlaku sesuatu, maka kepada siapa? Beliau a.s telah menunjukkan dengan tangannya kepada Abu Ja'far a.s yang sedang berdiri di hadapannya, maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, ini adalah anak lelaki berumur tiga tahun!? Beliau a.s telah berkata: Tiada sesuatupun yang akan memudaratkannya. Sesungguhnya Isa a.s telah mendirikan hujah ketika berumur tiga tahun.

(564)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin Saif, daripada sebahagian sahabat kami, daripada Abu Ja'far al-Thani a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Sesungguhnya mereka bercakap-cakap tentang usia anda yang begitu muda, maka beliau telah berkata: Sesungguhnya Allah telah mewahyukan kepada Daud supaya melantik Sulaiman ketika masih kanak-kanak yang sedang menternak kambing. Ahli ibadat dan para ulama Bani Israel telah mengingkarinya. Lalu Allah telah mewahyukan kepada Daud supaya mengambil tongkat mereka dan tongkat Sulaiman, kemudian meletakkan kedua-duanya pada satu rumah dan mengecap ke atasnya dengan cap-cap mereka. Pada keesokannya, sesiapa yang

tongkatnya telah menumbuhkan daun daun dan berbuah, maka beliaulah menjadi khalifah, maka Daud telah menceritakannya kepada mereka, maka mereka telah berkata: Kami telah reda dan kami telah menerima sepenuhnya.

(565)-4. Ali bin Muhammad dan selain daripadanya, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Ya'qub bin Yazid, daripada Mus'ab, daripada Mas'adah, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s: Abu Basir telah berkata: Aku telah datang kepadanya dan bersamaku seorang kanak-kanak lelaki yang belum baligh, maka beliau telah berkata kepadaku: Bagaimana kamu jika beliau berhujah ke atas kamu dengan usia mudanya?

(566)-5. Sahl bin Ziyad, daripada Ali bin Mihziyar, daripada Muhammad bin Isma'il bin Bazi' berkata: Aku telah bertanya beliau (Abu Ja'far a.s) sesuatu tentang seorang imam, maka aku telah berkata: Bolehkah anak lalaki yang berumur tujuh tahun menjadi imam? Beliau a.s telah berkata: Ya, malah kurang daripada lima tahun. Maka Sahl telah berkata: Ali bin Mihziyar telah meriwayatkannya kepadaku pada tahun 221 Hijrah.

(567)-6. Al-Husain bin Muhammad, daripada al-Khairani, daripada bapanya berkata: Aku telah berdiri di hadapan Abu al-Hasan a.s di Khurasan, tiba-tiba seorang lelaki telah bertanya kepadanya: Wahai *sayyidi*, jika sesuatu berlaku, maka [*imamah*] kepada siapa? Beliau a.s telah berkata: Kepada Abu Ja'far anak lelakiku, seolah-olah lelaki yang telah bertanya itu memperkecil-kecilkan umur Abu Ja'far a.s, lantas Abu al-Hasan a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah mengutus Isa bin Maryam sebagai seorang rasul, seorang nabi, sahabat syariah bermula pada umur yang lebih muda daripada [umur] Abu Ja'far a.s.

(568)-7. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ali bin Asbat berkata: Aku telah melihat Abu Ja'far a.s, telah keluar ke arahku, maka aku telah memandang kepadanya. Aku telah melihat kepada kepalanya dan kedua-dua kakinya bagi menceritakan bentuk tubuhnya kepada para sahabat kami di Mesir. Manakala aku [di dalam keadaan] sedemikian, beliau telah duduk, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Ali, sesungguhnya Allah telah berhujah tentang *imamah* sebagaimana Dia telah berhujah tentang kenabian. Kemudian beliau a.s membaca firman-Nya: "*Kami berikan kepadanya hikmah ketika ia masih kanak-kanak*"[38] dan "*Dan tatkala dia cukup*

[38] Surah Maryam (19):13

dewasa"[39] dan "*umurnya sampai empat puluh tahun*"[40] Justeru, hikmah boleh diberikan [kepada seseorang] ketika usia kanak-kanak atau ketika usia empat puluh tahun.

(569)-8. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya berkata: Ali bin Hassan telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: Wahai *sayyidi,* sesungguhnya manusia mengingkari anda kerana usia anda yang muda, maka beliau a.s telah berkata: Adakah mereka mengingkari firman Allah? Sesungguhnya Allah telah berfirman kepada Nabi-Nya s.a.w: "*Katakanlah: Inilah jalanku, aku menyeru kepada Allah di atas kesedaran, aku dan orang yang telah mengikutiku*"[41] Demi Allah, tidak mengikutinya s.a.w selain daripada Ali a.s ketika itu beliau berusia sembilan tahun dan aku [sekarang] berusia sembilan tahun.

Bab 92

☼Sesungguhnya Seorang Imam Tidak Akan Dimandikan [Jenazahnya] Melainkan Oleh Seorang Imam Daripada Para Imam A.S (*anna al-Imam la yaghsilu-hu illa al-Imam min al-Aimmati a.s*)☼

(570)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali al-Wasyaa', daripada Ahamd bin Umar al-Hallal atau orang selain daripadanya, daripada al-Ridha a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Sesungguhnya mereka telah berhujah menentang kita dengan berkata: Sesungguhnya imam tidak akan dimandikan [jenazahnya] melainkan oleh imam. Maka beliau a.s telah berkata: Apa yang membuat mereka mengetahui orang yang telah memandikannya? Apakah yang anda telah katakan kepada mereka?

Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, aku telah berkata kepada mereka: Jika beliau telah berkata bahawa beliau telah memandikan [jenazah bapa] nya di bawah Arasy Tuhanku, maka ia adalah benar dan jika beliau telah berkata: Beliau telah memandikannya di perut bumi, maka ia adalah benar. Beliau telah berkata: Tidak, begitu[beliau telah berkata], maka aku telah berkata: Apakah yang aku akan katakan kepada mereka? Beliau telah berkata: Katakan kepada

[39] Surah Yusuf(12): 22
[40] Surah al-Ahqaf(46): 15
[41] Surah Yusuf (12): 108

mereka: Sesungguhnya aku telah memandikan [jenazahnya], maka aku telah berkata: Aku akan berkata kepada mereka bahawa anda telah memandikannya? Beliau a.s telah berkata: Ya[42].

(571)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur berkata: Abu Mu'ammar telah memberitahu kepada kami seraya berkata: Aku telah bertanya al-Ridha a.s tentang seorang imam akan dimandikan [jenazahnya] oleh seorang imam, beliau telah berkata: Sunnah Musa bin 'Imran a.s[43]

(572)-3. Daripadanya, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Yunus, daripada Talhah berkata: Aku telah berkata kepada al-Ridha a.s: Sesungguhnya imam tidak akan dimandikan [jenazahnya] melainkan oleh imam? Beliau telah berkata: Adakah mereka mengetahui orang yang telah hadir untuk memandikannya? Sebaik-baik mereka yang telah menghadirinya ialah mereka yang telah ghaib daripadanya: Mereka yang telah menghadiri [jenazah] Yusuf Di al-Jubb ketika kedua ibu bapanya dan keluarganya telah ghaib daripadanya[44].

Bab 93

☼Kelahiran Para Imam A.S (*mawaaliid al-Aimmati a.s*)☼

(573)-1. Ali bin Muhammad, daripada Abdillah bin Ishaq al-'Alawiy, daripada Muhammad bin Zaid al-Razami, daripada Muhammad bin Sulaiman al-Dailami, daripada Ali bin Abu Hamzah, daripada Abu Basir berkata: Kami telah melakukan haji bersama Abu Abdillah a.s pada tahun yang mana anak lelakinya Musa a.s telah dilahirkan. Manakala kami telah bermalam di al-Abwaa', beliau telah menyediakan kami sarapan pagi. Apabila beliau menyediakan makanan kepada para sahabatnya, maka beliau telah menyediakannya dengan banyak dan baik. Beliau telah berkata: Manakala kami sedang makan, tiba-tiba seorang utusan Hamidah telah datang kepadanya, maka beliau telah berkata kepadanya: Sesungguhnya Hamidah telah berkata: Sesungguhnya anda telah mengingkari diriku[?] dan anda telah dapat apa yang aku [sedang] dapat apabila anda hadir [pada waktu] kelahiran [anak]ku, sesungguhnya anda telah menyuruhku supaya aku tidak mendahului anda dengan anak lelaki anda ini.

---

[42] Imam al-Ridha a.s telah memandikan jenazah bapanya Musa a.s.
[43] Iaitu wasinya telah memandikan jenazahnya di al-Taih.
[44] Termasuk para malaikat a.s.

Lantas Abu Abdillah a.s berdiri dan terus pergi bersama utusan itu. Manakala beliau a.s pulang, maka para sahabatnya telah berkata kepadanya: Allah telah menggembirakan anda dan telah menjadikan kami tebusan anda, apakah yang anda telah buat dengan Hamidah? Beliau a.s telah berkata: Allah telah menyelamatkannya, Dia telah mengurniakan kepadaku seorang bayi lelaki dan beliau (bayi) adalah sebaik-baik makhluk-Nya. Hamidah telah memberitahu kepadaku tentangnya dengan perkara yang mana beliau telah menyangka bahawa aku tidak mengetahuinya. Sesungguhnya aku lebih mengetahui tentangnya daripadanya. Maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah yang telah diberitahu kepada anda oleh Hamidah? Beliau a.s telah berkata: Hamidah telah menyebut bahawa bayi itu telah jatuh dari perutnya (*saqata min butni-ha*) dalam keadaan dua tangannya terletak di tanah, mengangkat kepalanya ke langit. Maka aku telah memberitahu kepadanya bahawa itu adalah tanda (*amaarah*) Rasulullah s.a.w dan tanda wasi selepasnya.

Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah ini tanda Rasulullah s.a.w dan tanda wasi selepasnya? Maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Sesungguhnya pada malam terbentuknya "segumpal darah" datukku[45], seorang[46] telah datang kepada bapa datukku dengan satu gelas yang berisi minuman yang lebih cair daripada air, lebih lembut daripada keju, lebih manis daripada madu, lebih sejuk daripada salji dan lebih putih daripada susu, lalu beliau telah memberi minuman itu kepadanya dan menyuruhnya supaya melakukan jimak. Lalu beliau telah melakukan jimak, kemudian terbentuklah "segumpal darah" datukku.

Sesungguhnya pada malam terbentuknya segumpal darah bapaku, seorang telah datang kepada datukku, kemudian beliau telah memberi minuman kepadanya sebagaimana beliau telah lakukan kepada datuk bapaku dan menyuruhnya supaya melakukan jimak, lalu beliau telah melakukannya, maka terbentuklah segumpal darah bapaku. Sesungguhnya pada malam terbentuknya segumpal darahku, seorang telah datang kepada bapaku, lalu beliau telah memberi minuman kepadanya sebagaimana beliau telah memberi minuman kepada mereka dan beliau telah menyuruhnya supaya melakukan jimak seperti mereka telah melakukannya, maka beliau telah melakukannya, kemudian terbentuklah segumpal darahku. Sesungguhnya pada malam terbentuknya segumpal darah anak lelakiku, seorang telah datang kepadaku sebagaimana beliau telah datang kepada mereka, lalu beliau telah melakukan kepadaku sebagaimana beliau telah melakukannya kepada mereka.

---

[45] Pada malam berlakunya jimak

[46] Malaikat

Sesungguhnya aku telah melakukan sedemikian dengan ilmu Allah dan aku bergembira dengan kurnian Allah kepadaku. Maka aku telah melakukan jimak, lalu terbentuklah segumpal darah anak lelakiku ini yang [baru] dilahirkan. Demi Allah, beliau adalah sahabat (imam) kamu selepasku. Sesungguhnya air mani (*nutfah*) seorang imam sebagaimana aku telah menceritakannya kepada anda, apabila ia tinggal di rahim selama empat bulan dan dikeluarkan padanya roh, maka Allah mengutus malaikat bernama Hayawan supaya menulis di atas bahu kanannya: "*Telah sempurnalah kalimat Tuhanmu sebagai kalimat yang benar dan adil. Tidak ada yang dapat merobah-robah kalimat-kalimat-Nya dan Dialah Yang Maha Mengetahui*"[47] Dan apabila bayi itu dilahirkan dari perut ibunya, beliau akan lahir di dalam keadaan dua tangannya terletak di tanah, mengangkat kepalanya ke langit.

Adapun "meletakkan kedua tangannya di tanah" adalah kerana beliau menerima setiap ilmu Allah yang Dia telah menurunkannya dari langit ke bumi. Adapun "mengangkat kepala ke langit" kerana penyeru menyerunya dari Arasy di pihak Tuhan Yang Maha Mulia dari ufuk yang paling tinggi dengan namanya dan nama bapanya berkata: Wahai polan bin polan, tabahlah hati engkau, nescaya engkau akan berjaya. Engkaulah pilihan-Ku daripada makhluk-Ku, tempat rahsia-Ku, bekas ilmu-Ku, setiausaha-Ku di atas wahyu-Ku dan khalifah-Ku di bumi-Ku. Untuk engkau dan orang yang mewalikan engkau, Aku mewajibkan rahmat-Ku dan Aku telah memberi syurga-Ku dan aku telah menghalalkan [engkau] berjiran dengan-Ku.

Kemudian, demi kemulian-Ku dan ketinggian-Ku, Aku akan mengazabkan orang yang telah memusuhi engkau dengan azab-Ku yang pedih sekalipun Aku telah memberi rezeki yang banyak kepadanya di dunia-Ku. Apabila suara itu tamat-suara penyeru-bayi itu (imam) telah menyahutinya dengan meletakkan dua tangannya, mengangkat kepalanya ke langit sambil berkata: "*Allah menyatakan bahawasanya tidak ada Tuhan melainkan Dia, Yang menegakkan keadilan. Para malaikat dan mereka yang berilmu (juga menyatakan yang demikian itu). Tidak ada Tuhan Melainkan Dia, Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana*"[48]

Apabila beliau telah berkata sedemikian, maka Allah telah memberinya ilmu yang pertama dan ilmu yang terakhir dan beliau telah berhak lawatan *al-Ruh* pada malam al-Qadar, aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, adakah *al-Ruh* itu bukan Jibrail? Beliau a.s telah berkata: *Al-Ruh* adalah lebih besar daripada Jibrail. Sesungguhnya Jibrail adalah daripada malaikat dan sesungguhnya *al-*

[47] Surah al-An'aam (6): 115
[48] Surah Ali Imraan (3): 18

Ruh adalah makhluk Allah yang lebih besar daripada malaikat, tidakkah Allah berfirman: "*Pada malam itu turun malaikat dan al-Ruh*"[49]

Muhammad bin Yahya dan Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ahmad bin al-Hasan, daripada al-Mukhtar bin Ziyad, daripada Muhammad bin Sulaiman, daripada bapanya, daripada Abu Basir tentang hadis yang sama.

(574)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Musa bin Sa'dan, daripada Abdillah bin al-Qasim, daripada al-Hasan bin Rasyid berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah apabila mahu menciptakan seorang imam, Dia memerintahkan malaikat supaya dia mengambil minuman daripada air di bawah Arasy, lalu dia memberi minuman itu kepada bapanya, maka daripada itu (minuman) Dia menciptakan seorang imam. Beliau tinggal selama empat puluh hari di dalam perut ibunya tanpa mendengar suara, kemudian beliau mendengar percakapan selepas itu.

Apabila beliau dilahirkan, Dia mengutus malaikat itu supaya menulis di antara dua matanya: "*Telah sempurnalah kalimat Tuhanmu sebagai kalimat yang benar dan adil. Tidak ada yang dapat merobah-robah kalimat-kalimat-Nya dan Dialah Yang Maha Mengetahui*"[50] Apabila seorang imam telah mati, maka beliau diangkat ke menara daripada cahaya yang beliau melihat dengannya amalan makhluk-Nya. Maka dengan ini Allah berhujah ke atas makhluk-Nya.

(575)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin Hadid, daripada Mansur bin Yunus, daripada Yunus bin Zibyan berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya apabila Allah mahu menciptakan seorang imam daripada seorang imam, Dia mengutus malaikat supaya mengambil minuman daripada air di bawah Arasy, kemudian dia memberinya kepada imam, lalu beliau meminumnya, kemudian beliau tinggal di dalam rahim [ibunya] selama empat puluh hari tanpa mendengar percakapan, kemudian beliau mendengar percakapan selepas itu.

Apabila ibunya melahirkannya, Allah mengutus kepadanya malaikat yang telah mengambil minumannya, lalu dia menulis di bahu kanannya: "*Telah sempurnalah kalimat Tuhanmu sebagai kalimat yang benar dan adil. Tidak ada yang dapat merobah-robah kalimat-kalimat-Nya dan Dialah Yang Maha Mengetahui*"[51] Apabila beliau telah melaksanakan urusan ini (mati), maka Allah mengangkatnya pada setiap tempat satu

---

[49] Surah al-Qadar (97): 4
[50] Surah al-An'aam (6): 115
[51] Ibid

menara yang beliau dapat melihat dengannya amalan hamba-hamba-Nya.

(576)-4. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada al-Rabi' bin Muhammad al-Musalli, daripada Muhammad bin Marwan berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya imam mendengar di dalam perut ibunya, apabila beliau dilahirkan, tertulis di antara dua bahunya: "*Telah sempurnalah kalimat Tuhanmu sebagai kalimat yang benar dan adil. Tidak ada yang dapat merobah-robah kalimat-kalimat-Nya dan Dialah Yang Maha Mengetahui*"[52] Apabila selesai urusannya, Allah menjadikan untuknya beberapa tiang daripada cahaya yang beliau melihat dengannya apa yang dilakukan oleh penduduk setiap negeri.

(577)-5. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdillah, daripada Ibn Mas'ud, daripada Abdillah bin Ibrahim al-Ja'fari berkata: Aku telah mendengar Ishaq bin Ja'far betrkata: Aku telah mendengar bapaku telah berkata: Ibu-ibu para wasi ketika mereka hamil mengalami waktu separuh tidak sedar, begitulah berlalunya hari dan malam mereka, kemudian mereka melihat di dalam mimpi mereka seorang lelaki sedang memberi khabar gembira kepada mereka dengan [kelahiran] seorang bayi yang alim, bersabar, lalu mereka bergembira dengan berita itu, kemudian mereka terjaga daripada tidur, lalu mendengar di sebelah kanan mereka di sudut rumah suara yang sedang berkata: Anda hamil dengan baik, anda akan terus baik dan anda telah datang dengan baik. Bergembiralah dengan bayi yang bersabar dan alim.

Mereka akan merasa ringan pada badan mereka dan pergerakan mereka. Apabila mereka mengandung sembilan bulan, mereka akan mendengar sentuhan yang kuat. Apabila pada malam mereka melahirkan bayi, cahaya akan zahir di rumah mereka yang mana mereka dapat melihatnya, tetapi ia tidak dilihat oleh orang lain selain daripada bapanya. Apabila mereka melahirkan bayi, mereka melahirkannya di dalam keadaan duduk dan terbuka untuk bayi keluar selepas ia jatuh di tanah dalam keadaan mengadap kiblat, kemudian bayi itu bersin sebanyak tiga kali, memberi isyarat dengan anak jarinya dengan pujian [kepada Allah], terputus pusatnya, telah berkhatan semenjak kelahiran, lengannya dan anggota lainnya seperti serpihan emas yang bercahaya, menghabiskan malam dan siangnya di dalam

[52] Ibid

sinaran cahaya. Demikianlah juga para nabi apabila mereka dilahirkan dan sesungguhnya para wasi adalah keturunan para nabi a.s.

(578)-6. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin Hadid, daripada jamil bin Darraj berkata: Janganlah kamu bercakap tentang imam kerana imam sedamg mendengar percakapan ketika beliau berada di dalam perut ibunya. Apabila ibunya melahirkannya, maka malaikat akan menulis di antara dua matanya: "*Telah sempurnalah Tuhanmu sebagai kalimat yang benar dan adil. Tidak ada yang dapat merobah-robah kalimat-kalimat-Nya dan Dialah Yang Maha Mengetahui*"[53] Apabila beliau telah melaksanakan urusannya, maka akan diangkatkan kepadanya pada setiap tempat menara yang mana beliau melihat dengannya kepada semua amalan hamba-hamba-Nya.

(579)-7. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa bin 'Ubaid berkata: Aku dan Ibn Fadhdhal telah duduk, tiba-tiba Yunus telah datang, maka beliau telah berkata: Aku telah datang kepada Abu al-Hasan al-Ridha a.s, maka aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, orang ramai telah banyak bercakap tentang tiang-tiang, maka beliau telah berkata kepadaku: Wahai Yunus, anda tidak melihatnya, adakah anda melihat tiang-tiang daripada besi diangkat untuk sahabat (imam) anda? Aku telah berkata: Aku tidak mengerti, beliau telah berkata: Tetapi ia [merupakan] malaikat yang diwakilkan pada setiap negeri dengannyalah Allah akan mengangkat amalan [hamba-hamba-Nya] pada negeri itu, lalu Ibn Fadhdhal berdiri dan mengucup kepalanya dan beliau a.s telah berkata: *Rahima-ka llahu*, wahai Abu Muhammad, anda sentiasa membawa hadis yang benar yang mana Allah akan menjayakan kita dengannya.

(580)-8. Ali bin Muhammad, daripada sebahagian daripada sahabat kami, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Huraiz, daripada Zurarah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Imam mempunyai sepuluh alamat: Dilahirkan di dalam keadaan suci (*mutahhar*), berkhatan, apabila beliau terjatuh di tanah, maka beliau jatuh di atas tapak tangannya, mengangkat suaranya dengan dua syahadah, beliau tidak berjunub, dua matanya tidur, tetapi hatinya tidak tidur, beliau tidak menguap dan tidak pula menggeliat, beliau melihat dari belakangnya sebagaimana beliau melihat dari depannya, kotorannya (*najwu-hu*) seperti bauan *al-miski* dan bumi diwakilkan untuk menutupnya dan menelannya. Baju besi Rasulullah s.a.w adalah sesuai untuknya apabila beliau memakainya. Dan ia tidak sesuai dipakai oleh orang ramai selain

[53] Surah al-An'aam (6): 115

daripadanya sama ada panjang atau pendek ukuran badan mereka, kerana ukurannya (baju besi) bertambah [dengan sendirinya] satu jengkal dan beliau adalah *muhaddath* [54]sehingga berakhir hari-hari [*imamah*]nya.

Bab 94

☼Penciptaan Badan Para Imam, Roh Mereka Dan Hati Mereka A.S (*Khalq abdaan al-Aimmati wa-arwaahu-hum wa quluubu-hum a.s*)☼

(581)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Abi Yahya al-Wasiti, daripada beberapa orang sahabat kami, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menciptakan kami dari [tanah] *'Illiyyiin* dan menciptakan roh-roh kami lebih tinggi darpada itu. Dia telah menciptakan roh-roh Syiah kami daripada [tanah] *'Illiyyiin* dan Dia telah menciptakan jasad-jasad mereka bukan daripadanya. Justeru kekerabatan [berlaku] di antara kami dan mereka dan hati mereka kasih kepada kami.

(582)-2. Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada Muhammad bin Syu'aib, daripada 'Imraan bin Ishaq al-Za'farani, daripada Muhammad bin Marwan, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Sesungguhnya Allah telah menciptakan kami daripada cahaya kebesaran-Nya, kemudian Dia telah membentuk penciptaan kami daripada tanah (*tinah*) yang tersimpan, tersembunyi di bawah Arasy, lalu Dia meletakkan cahaya itu padanya, maka terjadilah kami makhluk manusia yang bercahaya.

Dia tidak pernah menjadikan seseorang yang bernasib baik sebagaimana Dia telah menciptakan kami daripadanya. Dia telah menciptakan roh-roh Syiah kami daripada tanah kami dan badan-badan mereka daripada tanah tersimpan yang tersembunyi dibawah tanah itu. Dia tidak pernah menjadikan seseorang yang bernasib baik sebagaimana Dia telah menciptakan mereka daripadanya melainkan para nabi. Lantaran itu, terjadilah kami dan mereka: Manusia (*al-Naas*) dan terjadilah semua manusia [yang lain] agas atau golongan bawahan (*wa saar sa'iru al-Naas hamajan*) untuk neraka dan kepada neraka (*li-al-Naar wa ilaa al-Naar*).

[54] Boleh bercakap dengan malaikat.

(583)-3. Ali bin Ibrahim, daripada Ali bin Hassan dan Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khattab dan lain-lain, daripada Ali bin Hassan, daripada Ali bin 'Atiyyah, daripada Ali bin Ri'ab secara *marfu'* kepada Amir al-Mukminin a.s. Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah mempunyai sebatang sungai selain daripada Arasy-Nya, selain daripada itu Dia mempunyai cahaya yang terpancar. Dan pada dua tebing sungai itu terdapat dua roh yang diciptakan: Roh kudus (*ruh al-Quds*) dan roh daripada urusan Tuhan-Nya (*ruh min amri-hi*). Dan sesungguhnya Allah mempunyai sepuluh jenis tanah: Lima daripada syurga dan lima daripada bumi.

Justeru Dia telah mentafsirkan syurga-syurga dan bumi, kemudian Dia telah berfirman: Tidak ada seorang nabi atau malaikat selepasnya perangai semula jadi (*jiblah*) melainkan ditiup padanya daripada salah satu daripada dua roh. Dia telah menjadikan Nabi s.a.w daripada salah satu tanah. Aku telah berkata kepada Abu al-Hasan yang pertama a.s: Apakah *al-Jiblah* (perangai semula jadi)? Maka beliau a.s telah berkata: Perangai [selain daripada kami Ahlu l-Bait] kerana Allah a.w telah menciptakan kami daripada sepuluh tanah dan meniupkan pada kami daripada dua roh, lalu Dia telah memperelokkannya.

Orang selain daripadanya telah meriwayatkannya daripada Abi al-Samit berkata: Tanah syurga-syurga (*tiin al-Jinaan*) itu ialah syurga Adan, syurga al-Ma'wa, syurga al-Na'aim, al-Firdaus dan al-Khuld. Tanah bumi (*tiin al-Ardh*) ialah Makkah, Madinah, Kufah, Bait al-Maqdis dan al-Ha'ir.

(584)-4. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Khalid, daripada Abi Nahsyal berkata: Muhammad bin Isma'il telah memberitahu kepadaku, daripada Abu Hamzah al-Thumali berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menciptakan kami daripada setinggi-tinggi *'Illiyyin* [55]dan Dia telah menciptakan hati Syiah kami daripada apa yang Dia telah menciptakan kami. Tetapi Dia telah menciptakan badan-badan mereka bukan daripada bahan itu. Lantaran itu, hati mereka cenderung kepada kami kerana ia telah diciptakan daripada bahan penciptaan kami. Kemudian beliau a.s telah membaca firman-Nya: "*Sekali-kali tidak, sesungguhnya kitab mereka yang berbakti itu (tersimpan) pada 'Illiyyiin. Tahu kamu apakah 'Illiyyiin itu? (iaitu) kitab yang tertulis, yang disaksikan oleh para malaikat yang berdekatan dengan-Nya*"[56]

Dan Dia telah menciptakan musuh kita daripada *Sijjiin* dan Dia telah menciptakan hati Syiah mereka daripada apa yang Dia telah menciptakan mereka daripadanya dan Dia telah menciptakan badan-

---

[55] Tanah yang bermutu tinggi di syurga
[56] Surah al-Mutaffifiin (83): 18-21

badan mereka bukan daripada bahan kejadian mereka. Justeru, hati mereka cenderung kepada "mereka" kerana ia diciptakan daripada bahan ciptaan mereka. Kemudian beliau a.s telah membaca firman-Nya: "*Sekali-kali jangan curang, kerana sesungguhnya kitab orang yang derhaka tersimpan di dalam Sijjiin*[57]. *Tahukah kamu apakah Sijjiin itu? (ialah) kitab yang tertulis*"[58].

Bab 95

☼Penerimaan Sepenuhnya Dan Kelebihan Mereka Yang Menerima Sepenuhnya (*al-Taslim wa fadhl al-Musallimin*)☼

(585)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ibn Sinan, daripada Ibn Maskan, daripada Sudair berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: Sesungguhnya aku telah meninggalkan mereka yang mewalikan anda (*muwalli-ka*) berselisih faham, sebahagian mereka melepaskan diri daripada sebahagian yang lain, maka beliau a.s telah berkata: Apakah kedudukan anda dalam perkara itu? Sesungguhnya manusia ditaklifkan dengan tiga perkara: Mengetahui para imam, penyerahan diri kepada mereka di dalam perkara yang ada kaitan dengan mereka dan merujukkan perkara yang mereka pertikaikan kepada para imam a.s.

(586)-2. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad al-Barqiy, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abu Nasr daripada Hammad bin Uthman, daripada Abdillah al-Kahili berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Jikalaulah mereka telah menyembah Allah Yang Satu, tiada sekutu bagiNya, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, mengerjakan haji, berpuasa pada bulan Ramadan, kemudian mereka mengkritik sesuatu yang telah dijadikan oleh Allah atau sesuatu yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w atau mereka telah mendapati perkara itu di dalam hati mereka, nescaya mereka telah menjadi musyrikin.

Kemudian beliau a.s telah membaca firman Allah: "*Maka demi Tuhanmu, mereka tidak beriman sehingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa dalam hati mereka suatu keberatan terhadap keputusan yang kamu berikan dan mereka menerimanya dengan sepenuhnya*"[59]

[57] Tanah yang tidak bermutu di neraka
[58] Surah al-Mutaffiffin (83): 7-9
[59] Surah al-Nisaa' (4): 65

Kemudian Abu Abdillah a.s telah berkata: Hendaklah kamu menerima dengan sepenuhnya.

(587)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Hammad bin Isa, daripada al-Husain bin al-Mukhtar, daripada Zaid al-Syahham, daripada Abu Abdillah a.s, berkata: Aku telah berkata kepadanya: Sesungguhnya di sisi kami seorang lelaki dipanggil Kulaib, maka tidak ada sesuatu yang datang daripada kamu, melainkan beliau telah berkata: Aku menerima sepenuhnya, lalu kami menamakannya Kulaib Taslim. Beliau a.s telah berkata: Kasihanilah beliau, kemudian beliau a.s telah berkata: Adakah kamu mengetahui apa itu *al-Taslim* [60](penyerahan diri)? Maka kami telah mendiamkan diri kami. Beliau a.s telah berkata: Demi Allah, ia adalah "penyerahan diri" sebagaimana firman Allah: "*Sesungguhnya mereka yang beriman dan mengerjakan amal-amal soleh dan menyerah diri kepada Tuhan*"[61]

(588)-4. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Abban, daripada Muhammad bin Muslim, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: "*Dan sesiapa yang mengerjakan kebaikan akan Kami tambahkan baginya kebaikan pada kebaikannya itu*"[62] Beliau a.s telah berkata: *Al-Iqtiraf* ialah *al-Taslim* (penyerahan diri) kepada kami, kebenaran ke atas kami dan janganlah beliau membohongi kami.

(589)-5. Ali bin Muhammad bin Abdillah, daripada Ahmad bin Muhammad al-Barqiy, daripada bapanya, daripada Muhammad bin 'Abd al-Hamid, daripada Mansur bin Yunus, daripada Basyir al-Dahhan, daripada Kamil al-Tammar berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: "*Sesungguhnya beruntunglah mereka yang beriman*"[63]" adakah anda mengetahui siapakah mereka? Aku telah berkata: Anda lebih mengetahui [tentang mereka], beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya beruntunglah mereka yang beriman yang menyerah diri mereka. Sesungguhnya mereka yang menyerah diri itu ialah mereka yang cerdik (*al-Najuba'*). Justeru, mukmin itu adalah seorang yang ganjil (*gharib*), maka alangkah beruntungnya mereka yang ganjil.

(590)-6. Ali bin Muhammad, daripada sebahagian sahabat kami, daripada al-Khasysyab, daripada al-'Abbas bin 'Amir, daripada Rabi' al-

---

[60] Perkataan *taslim* bererti: Penyerahan diri, merendah diri atau penerimaan sepenuhnya.
[61] Surah Hud (11): 23
[62] Surah al-Syuura (42): 23
[63] Surah al-Mu'minun (23): 1

Musalli, daripada Yahya bin Zakaria al-Ansari, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Sesiapa yang ingin menyempurnakan iman semuanya, maka hendaklah beliau berkata: "Kata-kata daripadaku di dalam semua perkara adalah kata-kata keluarga Muhammad sama ada perkara yang telah dirahsiakan oleh mereka ataupun tidak atau perkara yang telah sampai kepadaku tentang mereka ataupun tidak.

(591)-7. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Ibn Udhainah, daripada Zurarah atau Buraid, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah berfirman kepada Amir al-Mukminin a.s di dalam Kitab-Nya. Aku telah berkata: Di mana tempatnya? Beliau a.s telah berkata: Di dalam firman-Nya: "*Sesungguhnya jikalau mereka ketika menzalimi diri mereka sendiri, telah datang kepadamu, lalu memohon ampun kepada Allah dan Rasulpun memohonkan ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Menerima taubat lagi Maha Penyayang. Maka demi Tuhanmu, mereka tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan*"[64] Iaitu apa yang mereka telah persetujui ke atasnya bahawa jika Allah mematikan Muhammad, mereka[65] tidak akan mengembalikan urusan ini (*imamah*) kepada Bani Hasyim "*kemudian mereka tidak mendapati dalam diri mereka keberatan terhadap keputusan yang kamu berikan* (*sama ada membunuh mereka atau mengampuni mereka) dan mereka menerima dengan sepenuhnya*"[66]

(592)-8. Ahmad bin Mihran *rahima-hu llahu*, daripada 'Abd al-'Azim al-Hasani, daripada Ali bin Asbat, daripada Ali bin 'Uqbah, daripada al-Hakam bin Aiman, daripada Abu Basir berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Mereka yang mendengar perkataan, lalu mengikuti apa yang paling baik di antaranya. Mereka itulah yang diberikan Allah petunjuk dan mereka itulah yang mempunyai akal*"[67]

Beliau a.s telah berkata: Mereka itulah yang telah menyerahkan diri mereka kepada keluarga Muhammad, mereka apabila mendengar hadis, tidak menambahkannya dan tidak pula mengurangkannya. Mereka telah meriwayatkannya sebagaimana mereka telah mendengarnya.

Bab 96

---

[64] Surah al-Nisaa' (4): 64-65
[65] Abu Bakr dan Umar serta kumpulan mereka.
[66] Surah al-Nisaa' (4): 65
[67] Surah al-Zumar (39): 18

☼Kewajipan Orang Ramai Selepas Menunaikan *Manasik* Haji Supaya Mendatangi Imam Untuk Bertanya Kepadanya Tentang Tanda-tanda Agama Dan Mengajar Mereka Tentang Wilayah Dan Kasih Sayang Mereka Untuknya (*anna al-Wajib 'ala al-Naasi ba'da ma yaqdhauna manaasika-hum an ya'tuu al-Imam fa-yas'aluuna-hu 'an ma'aalimi-diini-him wa-yu'allimuuna-hum wilayata-hum wa-mawaddata-hum la-hu*)☼

(593)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Ibn Abi Udhainah, daripada al-Fudhail, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Beliau a.s telah melihat kepada orang ramai yang sedang melakukan tawaf di keliling Ka'bah, maka beliau a.s telah berkata: Begitulah mereka telah melakukan tawaf pada zaman jahiliyah[68], sesungguhnya mereka diperintahkan supaya melakukan tawaf di keliling Ka'bah, kemudian mereka datang kepada kita bagi memberitahu kepada kita wilayah mereka dan kasih sayang mereka serta mereka membentangkan kepada kita pertolongan mereka. Kemudian beliau a.s telah membaca ayat ini: "*Maka jadilah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka*"[69]

(594)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ali bin Asbat, daripada Daud bin al-Nu'man, daripada Abu 'Ubaidah berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s-beliau a.s telah melihat manusia di Makkah dan apa yang mereka sedang buat-berkata: Perbuatan seperti perbuatan jahiliyah, demi Allah, mereka tidak diperintahkan dengan [perbuatan] ini dan mereka tidak diperintahkan melainkan menghilangkan kotoran yang ada pada badan mereka dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazar mereka, hendaklah mereka datang kepada kami, memberi tahu kepada kami tentang wilayah mereka dan membentangkan kepada kami pertolongan mereka.

(595)-3. Ali bin Ibrahim, daripada Salih al-Sanadi, daripada Ja'far bin Basyir dan Muhammad bin Yahya, daripada Ahamd bin Muhammad bin Isa, daripada Ibn Fadhdhal, daripada Abi Jamilah, daripada Khalid bin 'Ammar, daripada Sudair berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s yang sedang memasuki rumah dan aku sedang keluar, lantas beliau a.s telah mengambil tanganku, kemudian menghadap Ka'bah dan berkata: Wahai Sudair, sesungguhnya manusia diperintahkan supaya

---

[68] Tidak mengetahui maksud asal perintah mendatangi Ka'bah dan tawaf.

[69] Surah Ibrahim (14): 37

mendatangi batu-batu ini, lalu mereka melakukan tawaf dengannya, kemudian mereka datang kepada kami untuk memberitahu kepada kami wilayah mereka untuk kami.

Iaitu firman Allah: *"Dan sesungguhnya Aku Maha Pengampun bagi orang yang bertaubat, beriman, beramal saleh, kemudian tetap di jalan yang benar"*[70]-Kemudian beliau a.s telah menunjukkan dengan tangannya ke dadanya- kepada wilayah kami. Kemudian beliau a.s telah berkata: Wahai Sudair, aku akan memperlihatkan kepada anda penentang-penentang agama Allah, kemudian beliau a.s telah melihat kepada Abu Hanifah dan Sufyan al-Thauri ketika itu mereka berdua telah berada di perkarangan masjid, lalu beliau a.s telah berkata: Mereka itulah penentang-penentang agama Allah tanpa petunjuk daripada Allah dan daripada kitab yang terang. Sesungguhnya mereka yang buruk itu (*al-Akhaabith*) jika mereka telah duduk di rumah-rumah mereka, nescaya orang ramai telah mengembara ke tempat lain. Justeru mereka tidak mendapati seorangpun yang akan menceritakan kepada mereka tentang Allah dan Rasul-Nya s.a.w sehingga mereka datang kepada kami, lalu kami akan menceritakan kepada mereka tentang Allah dan Rasul-Nya s.a.w.

Bab 97

☼Sesungguhnya Para Imam Dikunjumgi Oleh Para Malaikat Di Rumah Mereka, Menjejaki Hamparan Mereka Dan Mendatangi Mereka Dengan Berita-Berita (*anna al-Aimmata tadkhulu al-Mala'ikatu buyuuta-hum wa tata'u basta-hum wa ta'tii-him bi al-Akhbaar a.s*)☼

(596)-1. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Sinan, daripada Masma' Kardain al-Basri berkata: Aku tidak pernah menambah makanan di waktu malam dan siang. Kadang-kadang aku telah meminta izin Abu Abdillah a.s dan aku mendapati hidangan telah diangkat, mudah-mudahan aku tidak melihatnya di hadapannya. Maka apabila aku telah masuk, beliau a.s telah menyeru dengannya (hidangan), lalu aku telah makan bersamanya dan aku tidak merasa sakit dengan [memakan]nya, tetapi apabila aku

[70] Surah Taha (20): 82

telah makan makanan di sisi orang lain, aku tidak mampu untuk merasa tenang dan aku tidak boleh tidur kerana pernafasan.

Justeru aku telah mengadu perkara itu kepadanya dan aku telah memberitahu kepadanya bahawa jika aku makan bersamanya, aku tidak merasa sakit, lalu beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Sayyar, sesungguhnya anda makan makanan kaum yang soleh, para malaikat berjabat tangan dengan mereka di atas hamparan mereka. Aku telah berkata: Mereka menzahirkan diri mereka kepada kamu? Beliau telah berkata: Beliau a.s telah menyapu tangannya di atas sebahagian anak-anaknya dan berkata: Mereka itu adalah lebih lembut (sopan) dengan anak-anak kita daripada kita dengan mereka.

(597)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Khalid, daripada Muhammad bin al-Qasim, daripada al-Husain bin Abi al-'Alaa', daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Wahai Husain-beliau a.s telah memukul dengan tangannya di mimbar rumahnya- mimbar yang telah diduduki oleh para malaikat dan kemungkinan kita telah tersentuh kelembutannya.

(598)-3. Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam berkata: Malik bin 'Atiyyah al-Ahmasi telah memberitahu kepadaku, daripada Abu Hamzah al-Thumali berkata: Aku telah datang kepada Ali bin al-Husain a.s, maka aku telah menunggu di rumah[nya] beberapa ketika, kemudian aku telah memasuki rumah[nya], aku telah mendapati beliau a.s sedang memungut sesuatu dan memasukkan tangannya di balik tabir, lalu orang di rumah itu telah mengambilnya. Maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, aku sedang melihat anda sedang memungut sesuatu apakah ia? Beliau a.s telah berkata: Sisa yang berbulu dan lembut (*zaghb*) daripada malaikat, kami mengumpulkannya apabila kami senang dan kami menjadikannya "tasbih" untuk anak-anak kami. Maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, Sesungguhnya mereka mendatangi kamu? Beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Hamzah, sesungguhnya mereka datang beramai-ramai kepada kami [berada] di atas lutut kami.

(599)-4. Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Muhammad bin Aslam, daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Abu al-Hasan a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Tidak ada malaikat yang diturunkan oleh Allah di dalam satu-satu urusan melainkan dia telah bermula dengan imam, lalu dia membentangkannya kepadanya. Sesungguhnya semua malaikat dari sisi Allah adalah [berkhidmat] kepada sahabat urusan ini (imam).

Bab 98

☼Sesungguhnya Jin Mendatangi Mereka Dan Bertanya Mereka Tentang Tanda-Tanda Agama Dan Merujuk Kepada Mereka A.S (*anna al-Jinn ya'tii-him fa-yasaluuna-hum 'an ma'aalimi diini-him wa- yatawajjahuun fi umuuri-him*)☼

(600)-1. Sebahagian sahabat kami, daripada Muhammad bin Ali, daripada Yahya bin Musawir, daripada Sa'd al-Askaf berkata: Aku telah mendatangi Abu Ja'far a.s pada suatu tempat, lalu beliau a.s mulai berkata: Janganlah anda gopoh sehinggalah [sinaran] matahati mengenaiku. Aku mulai mengikuti kebenaran[kata-kata]nya. Tidak lama selepas itu, satu golongan telah keluar ke atasku, mereka sepertilah belalang berwarna kuning memakai jubah yang menunjukkan ibadat mereka, beliau telah berkata: Demi Allah, kecantikan bentuk mereka masih aku ingati. Manakala aku telah datang kepadanya, beliau telah berkata kepadaku: Adakah anda fikir aku mengasihani anda? Aku telah berkata: Ya, demi Allah, aku telah mengingati satu golongan yang telah melalui di [hadapan] aku yang mana aku tidak pernah melihat kaum secantik mereka dengan pakaian seorang lelaki. Warna mereka seperti belalang kuning, menunjukkan ibadat mereka, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Sa'd, anda telah melihat mereka? Aku telah berkata: Ya, beliau a.s telah berkata: Mereka itu saudara-saudara anda daripada Jin, maka aku telah berkata: Mereka datang kepada anda? Beliau a.s telah berkata: Ya, mereka datang kepada kami, bertanya kami tentang tanda-tanda agama, halal dan haram mereka.

(601)-2. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Ali bin Hassan, daripada Ibrahim bin Isma'il, daripada Ibn Jabal, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Kami telah berada di pintu [rumah]nya, tiba-tiba satu golongan telah keluar di hadapan kami seperti golongan Hindu memakai kain sarong dan kain sebai, lalu kami bertanya Abu Abdillah a.s tentang mereka, maka beliau a.s telah berkata: Mereka itu adalah saudara-saudara kamu daripada jin.

(602)-3. Ahmad bin Idris dan Muhammad bin Yahya, daripada al-Hasan bin Ali al-Kufi, daripada Ibn Fadhdhal, daripada sebahagian daripada sahabat kami, daripada Sa'd al-Askaf berkata: Aku telah datang kepada Abu Ja'far a.s, aku mahu izinnya, tiba-tiba unta merayau-rayau di pintu[rumahnya] dan suara-suara[nya] telah meninggi, kemudian satu golongan yang berserban telah keluar, mereka seperti Hindu[kehitaman]. Beliau telah berkata: Aku telah datang

kepada Abu Ja'far a.s dan aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, [minta] izin anda kepadaku telah terlewat pada hari ini dan aku telah melihat satu golongan yang berserban telah keluar ke dihadapanku, lalu aku memerhatiikan mereka. Maka beliau a.s telah berkata: Adakah anda mengetahui siapakah mereka itu, wahai Sa'd? Aku telah berkata: Tidak, maka beliau a.s telah berkata: Mereka itu adalah saudara-saudara kamu daripada jin mendatangi kami, lalu mereka bertanya kami tentang halal, haram dan tanda-tanda agama mereka.

(603)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ibrahim bin Abi al-Bilad, daripada Sudair al-Sairafi berkata: Abu Ja'far a.s telah menyuruhku pergi ke Madinah kerana beberapa hajat untuknya, maka akupun telah keluar. Manakala aku berada di antara jalan di al-Rauhaa' di atas kenderaanku, tiba-tiba seorang lelaki sedang mengibarkan kainnya. Beliau telah berkata: Aku telah cenderung kepadanya dan aku telah menyangka bahawa beliau sedang dahaga, lalu aku telah memberikan kepadanya bekas air, maka beliau telah berkata kepadaku: Aku tidak berhajat kepadanya dan ambillah surat ini yang mana tanahnya masih lembab,[71] maka beliau telah berkata: Manakala aku telah melihat kepada capnya[72], tiba-tiba ia adalah cap Abu Ja'far a.s, maka aku telah berkata: Bilakah janji anda dengan tuan surat ini?

Beliau telah berkata: Sekarang dan di dalam surat itu banyak perkara yang beliau a.s telah menyuruhku melaksanakannya. Kemudian akupun berpaling, maka aku dapati tiada seorangpun di sisiku. Beliau telah berkata: Kemudian Abu Ja'far a.s telah datang, maka aku telah berjumpa dengannya dan berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, seorang lelaki telah datang kepadaku dengan surat anda dan tanahnya masih lembab, lalu beliau a.s telah berkata: Wahai Sudair, sesungguhnya kami mempunyai khadam daripada jin, maka apabila kami mahu [sesuatu dilaksanakan dengan] cepat, kami mengutus mereka.

Di dalam riwayat yang lain beliau telah berkata: Sesungguhnya kami mempunyai pengikut-pengikut daripada jin sebagaimana kami mempunyai pengikut-pengikut daripada manusia, maka apabila kami mahu sesuatu, kami mengutus mereka.

(604)-5. Ali bin Muhammad dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahl bin Ziyad, daripada orang yang beliau telah menyebutnya, daripada Muhammad bin Jahrasy berkata: Hakimah binti Musa telah

[71] Tanah yang lembab digunakan sebagai ramuan untuk mengecap surat.
[72] Cincin digunakan untuk mengecap surat

meriwayatkan kepadaku, berkata: Aku telah melihat al-Ridha a.s berdiri di pintu al-Hatab sedang bermunajat, tetapi aku tidak melihat seseorangpun [bersamanya], maka aku telah berkata: Wahai *sayyidi*, kepada siapakah anda bermunajat?

Maka beliau a.s telah berkata: Ini adalah 'Amir al-Zahraa'i telah datang bertanya dan mengadu kepadaku, maka aku telah berkata: Wahai *sayyidi*, aku suka mendengar percakapannya, maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Sesungguhnya jika anda mendengarnya, nescaya anda akan demam setahun, maka aku telah berkata: Wahai *sayyidi*, aku suka mendengarnya, maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Dengarlah, maka akupun telah minta untuk mendengarnya, maka aku telah mendengar[nya] seperti bunyi-bunyian yang ditiup (*al-Safir*), lalu aku terkena demam dan aku telah demam selama setahun.

(605)-6. Muhammad bin Yahya dan Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Ibrahim bin Hasyim, daripada 'Amru bin Uthman, daripada Ibrahim bin Ayyub, daripada 'Amru bin Syamar, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Manakala Amir al-Mukminin a.s di mimbar masjid, tiba-tiba seekor ular telah datang dari sudut salah satu daripada pintu-pintu masjid, lantas orang ramai ingin membunuhnya, maka Amir al-Mukminin a.s telah memerintahkan mereka supaya menahan diri mereka[dari melakukannya], lalu ular itu berjalan sehingga berakhir di mimbar.

Kemudian ia memanjangkan tubuhnya, lalu ia memberi salam kepada Amir al-Mukminin a.s, maka Amir al-Mukminin a.s telah menunjukkannya supaya ia "berdiri"[73] sehingga beliau a.s selesai daripada khutbahnya.

Manakala beliau a.s telah selesai daripada khutbahnya, maka beliau a.s berpaling kepadanya dan berkata: Siapakah anda? Ia berkata: 'Umru bin Uthman, khalifah anda ke atas jin, sesungguhnya bapaku telah mati dan ia telah berpesan kepadaku supaya aku datang kepada anda untuk mengetahui pendapat anda dan sesungguhnya aku telah datang kepada anda, wahai Amir al-Mukminin, justeru apakah yang anda akan menyuruh aku [untuk melakukannya] dan apakah pendapat anda?

Maka Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepadanya: Aku berpesan kepada anda supaya bertakwa kepada Allah dan anda pulang untuk mengganti tempat bapa anda kepada jin, maka anda adalah khalifah aku ke atas mereka. Beliau telah berkata: 'Amru telah mengucapkan selamat berpisah kepada Amir al-Mukminin dan pulang, maka ia adalah khalifahnya kepada jin. Maka aku telah berkata kepadanya (al-Ridha

[73] Di dalam keadaannya.

a.s): Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, 'Amru akan mendatangi anda dan adakah ia wajib ke atasnya? Beliau a.s telah berkata: Ya.

(606)-7. Ali bin Muhammad, daripada Salih bin Abi Hammad, daripada Muhammad bin Uramah, daripada Ahmad bin al-Nadhar, daripada al-Nu'man bin Basyir berkata: Aku telah bersahabat dengan Jabir bin Yazid al-Ju'fi, manakala kami di Madinah, beliau telah datang kepada Abu Ja'far a.s dan mengucapkan selamat tinggal kepadanya dan beliau telah keluar dari sisinya di dalam keadaan gembira sehingga kami melintasi al-Ukhairajah-rumah pertama dari Faid ke Madinah-pada hari Jumaat, kemudian kami telah mengerjakan sembahyang *al-Zawal* (Zuhur dan Asar).

Manakala unta kami bangun, tiba-tiba aku berdepan dengan seorang lelaki yang berbadan panjang bersamanya surat (kitab), lalu Jabir telah mengambilnya daripadanya, lalu mengucupnya (surat) dan meletakkannya di dalam pengawasannya, tiba-tiba surat itu adalah daripada Muhammad bin Ali kepada Jabir bin Yazid dan di atasnya tanah hitam yang masih lembab, maka beliau telah berkata kepadanya: Bilakah janji anda dengan *sayyidi*? Beliau telah berkata: Sekarang, maka beliau telah berkata kepadanya: Sebelum sembahyang atau selepas sembahyang? Beliau telah berkata: Selepas sembahyang, lalu beliau memecahkan capnya, mula membacanya dengan penuh perhatian sehingga beliau selesai membacanya. Kemudian beliau telah memegang surat itu, maka aku tidak melihatnya tersenyum dan gembira sehingga beliau telah sampai di Kufah. Manakala kami telah sampai di Kufah pada waktu malam, maka akupun tidur. Apabila aku telah bangkit, maka aku telah datang kepadanya kerana menghormatinya, tetapi aku telah mendapatinya telah keluar daripadaku dan pada tengkuknya digantung notis kecil.

Beliau telah menggantungkannya dan beliau telah memanjat batang kayu seraya berkata: "Aku mendapati Mansur bin Jumhur sebagai amir yang tidak diperintahkan" dan beberapa bait syair seumpama ini, lalu beliau melihat pada mukaku dan akupun melihat kepada mukanya, tetapi beliau tidak berkata sesuatupun kepadaku dan aku tidak berkata sesuatupun kepadanya dan aku mulai menangis. Manakala aku telah melihatnya, beliau telah datang kepadaku bersama kanak-kanak dan orang ramai. Beliau telah datang dan memasuki al-Rahbah (perkarangan masjid).

Beliau mulai berpusing-pusing bersama kanak-kanak dan orang ramai pula berkata: Jabir bin Yazid telah dirasuk oleh jin, demi Allah, beberapa hari telah berlalu sehingga sepucuk surat telah sampai daripada Hisyam bin 'Abd al-Malik kepada walinya: Carilah seorang lelaki dipanggil: Jabir bin Yazid al-Ju'fi, potonglah kepalanya dan hantarlah kepalanya kepadaku" Beliau telah berpaling kepada kawan-

kawannya, lalu berkata kepada mereka: Siapakah Jabir bin Yazid al-Ju'fi? Mereka telah berkata: *Aslaha-ka llahu*, beliau dahulunya adalah seorang yang berilmu dan berkebolehan dan [bijak ilmu] hadis.

Beliau telah mengerjakan haji, kemudian dirasuk oleh jin, beliau di al-Rahbah bersama kanak-kanak di atas sebatang kayu sedang bermain bersama mereka, berkata: Beliau telah memerhatikannya, tiba-tiba beliau bersama kanak-kanak sedang bermain-main di atas sebatang kayu, maka beliau telah berkata: Segala puji bagi Allah yang telah memaafkan aku daripada membunuhnya, beliau telah berkata: Tidak berlalu beberapa hari sehingga Mansur bin Jumhur telah datang ke Kufah dan melaksanakan apa yang dikatakan oleh Jabir (membunuhnya).

Bab 99

☼Tentang Para Imam A.S Sesungguhnya Mereka Apabila Urusan Mereka Terserlah, mereka Menghukum Dengan Hukuman Daud Dan Keluarga Daud Dan Mereka Tidak Bertanya Saksi, Di Atas Mereka Salam [rahmat dan Keredaan] (*fi al-Aimmati a.s anna-hum idha zahara amru-hum hakamuu bi-hukmi Daud wa-aali Daud wa-la yas'aluuna al-Bayyinata, a.s wa al-Rahmat wa al-Ridhwaan*)☼

(607)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Mansur, daripada Fadhl al-A'war, daripada Abu 'Ubaidah al-Hadhaa' berkata: Kami telah berada pada zaman Abu Ja'far a.s ketika beliau mati, kami telah menjadi ragu-ragu seperti kambing tanpa pengembala, lalu kami telah berjumpa dengan Salim bin Abi Hafsah, maka beliau telah berkata kepadaku: Wahai Abu 'Ubaidah, siapakah imam anda? Maka aku telah berkata: Para imamku adalah keluarga Muhammad, lalu beliau telah berkata: Anda telah binasa dan membinasakan [orang lain], tidakkah anda dan aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesiapa yang telah mati dan tiada di atasnya imam, maka beliau telah mati seperti mati jahiliyah"?

Aku telah berkata: Ya, demi Allah, sesungguhnya ia telah berlaku sebelum tiga [hari kematiannya], aku telah datang kepada Abu Abdillah a.s, maka Allah telah memberi pencerahan ilmu, maka aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Sesungguhnya Salim telah berkata kepadaku begitu dan begini, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Abu 'Ubaidah, seorang daripada kami tidak akan mati sehingga beliau meninggalkan selepasnya seorang yang akan beramal dengan amalannya dan berjalan dengan perjalanannya dan akan menyeru [orang ramai] kepada apa yang beliau telah menyeru [mereka] kepadanya, wahai Abu 'Ubaidah,

sesungguhnya Dia tidak akan menegah apa yang diberikan kepada Daud itu akan diberikan kepada Sulaiman, kemudian beliau a.s telah berkata: Wahai Abu 'Ubaidah, apabila tibanya al-Qaim keluarga Muhammad, beliau akan menghukum dengan hukuman Daud dan Sulaiman tanpa bertanya saksi (keterangan).

(608)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Abban berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Dunia tidak akan hilang sehingga keluar seorang lelaki daripada kami yang akan menghukum dengan hukuman keluarga Daud dan beliau tidak akan bertanya saksi, beliau akan memberi setiap jiwa akan haknya.

(609)-3. Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Hisyam bin Salim, daripada 'Ammar al-Sabitiy berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Dengan apakah kamu akan menghukum apabila kamu menghukum? Beliau a.s telah berkata: Dengan hukum Allah dan hukum Daud. Justeru, apabila sesuatu datang kepada kami dan yang bukan dari sisi kami, roh kudus akan datang kepada kami bagi menyelesaikannya[74].

(610)-4. Muhammad bin Ahamd, daripada Muhammad bin Khalid, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya al-Halabi, daripada 'Umraan bin A'yaan, daripada Ju'aid al-Hamadaani, daripada Ali bin al-Husain a.s, berkata: Aku telah bertanya beliau dengan hukum manakah kamu menghukum? Beliau a.s telah berkata: Dengan hukum keluarga Daud, tetapi jika sesuatu yang menyusahkan kami, roh kudus akan datang kepada kami bagi [menyelesaikan]nya.

(611)-5. Ahmad bin Mihran *rahimahu llahu*, daripada Muhammad bin Ali, daripada Ibn Mahbub, daripada Hisyam bin Salim, daripada 'Amamr al-Sabitiy berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Apakah kedudukan para imam? Beliau a.s telah berkata: Kedudukan mereka sepertilah kedudukan Dhu al-Nuun, seperti kedudukan Yusya', seperti kedudukan Aasif sahabat Sulaiman, beliau telah berkata: Dengan apakah kamu menghukum? Beliau a.s telah berkata: Dengan hukum Allah, hukum keluarga Daud, hukum keluarga Muhammad s.a.w dan roh kudus akan datang kepada kami bagi [menyelesaikan]nya.

Bab 100

[74] Roh Kudus akan memberitahu kepada para imam a.s tentangnya.

☼Sesungguhnya Sumber Ilmu Adalah Daripada Rumah Keluarga Muhammad A.S (*anana mustaqa al-'Ilm min bait aali Muhammad a.s*)☼

(612)-1. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub berkata: Yahya bin Abdillah Abi al-Hasan Sahib al-Dailam telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah mendengar Ja'far bin Muhammad a.s telah berkata-di sisinya beberapa orang daripada ahli Kufah-: Aneh bagi orang ramai kerana mereka telah mengambil ilmu mereka semuanya daripada Rasulullah s.a.w, lalu mereka telah beramal dengannya, mendapat petunjuk dan mereka pula melihat bahawa Ahlu l-Baitnya tidak mengambil ilmunya. Kami adalah Ahlu l-Baitnya dan zuriatnya, pada rumah-rumah kamilah turunnya wahyu dan dari sisi kamilah ilmu telah keluar kepada mereka, adakah mereka melihat bahawa mereka telah mengetahui dan mendapat petunjuk sedangkan kami telah jahil dan sesat, sesungguhnya ini adalah mustahil.

(613)-2. Ali bin Muhammad bin Abdillah, daripada Ibrahim bin Ishaq al-Ahmar, daripada Abdillah bin Hammad, daripada Sabah al-Mazni, daripada al-Harith bin Hasirah, daripada al-Hakam bin 'Utaibah berkata: Seorang lelaki telah berjumpa dengan al-Husain bin Ali a.s di Tha'labiyyah di dalam perjalanannya ke Karbala', lalu beliau telah datang dan memberi salam kepadanya, maka al-Husain a.s telah berkata kepadanya: Dari negeri mana anda [datang]? Beliau telah berkata: Dari ahli Kufah, beliau a.s telah berkata: Adapun kemudian daripada itu, demi Allah, wahai saudara ahli Kufah, jikalaulah aku telah berjumpa dengan anda di Madinah, nescaya aku telah memperlihatkan kepada anda kesan Jibrail a.s di rumah kami dan turunnya dia dengan wahyu ke atas datukku, wahai saudara ahli Kufah, adakah sumber ilmu orang ramai dari sisi kami, maka mereka telah mengetahui[nya] sedangkan kami telah jahil? Ini tidak boleh terjadi.

Bab 101

☼Tidak Ada Sesuatu Kebenaran Di Tangan Manusia Melainkan Apa Yang Telah Keluar Dari Sisi Para Imam A.S. Dan Sesungguhnya Setiap Sesuatu Yang Tidak Keluar Dari Sisi Mereka, Maka Ia Adalah Batil (*anna-hu laisa sya'un min al-Haq fi yadi al-Naasi illa ma kharaja min 'indi al-Aimmati a.s wa-anna kulla syai'in lam yakhruj min 'indi-him fa-huwa baatilun*)☼

(614)-1. Ali bin Ibrahim bin Hasyim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus, daripada Ibn Maskan, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Tidak ada di sisi seorang daripada manusia hak, tidak ada ketepatan dan tidak ada seorang daripada manusia menghukum dengan hukuman yang benar melainkan apa yang telah keluar daripada kami Ahlu l-Bait. Dan apabila urusan mereka telah berbeza, kesalahan adalah daripada mereka dan ketepatan adalah daripada Ali a.s.

(615)-2. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Abi Nasr, daripada Muthanna, daripada Zurarah berkata: Aku telah berada di sisi Abu Ja'far a.s, maka seorang lelaki dari ahli Kufah bertanya kepadanya tentang kata-kata Amir al-Mukminin a.s: Tanyalah aku apa yang kamu mahu, maka janganlah kamu bertanyaku tentang sesuatu melainkan aku menceritakan kepada kamu tentangnya" Beliau a.s telah berkata: Tidak ada seorang di sisinya ilmu tentang sesuatu melainkan ia telah keluar di sisi Amir al-Mukminin a.s, hendaklah manusia pergi ke mana mereka mahu, demi Allah, tidak ada urusan melainkan dari sini dan beliau telah menunjukkan dengan tangannya ke arah rumahnya.

(616)-3. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Wasyaa'. Daripada Tha'labah bin Maimun, daripada Abi Maryam berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata kepada Salmah bin Kahil dan al-Hakam bin 'Utbah: Timur dan barat kamu berdua tidak akan mendapati ilmu yang betul (sahih) melainkan ia telah keluar dari sisi kami Ahlu l-Bait.

(617)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya al-Halabi, daripada Mu'alla bin Uthman, daripada Abu Basir berkata: Beliau telah berkata kepadaku: Sesungguhnya al-Hakam bin 'Utaibah adalah di kalangan mereka yang telah difirmankan oleh Allah: "*Di antara mereka ada yang mengatakan: "Kami beriman kepada Allah dan hari Kemudian, pada hal mereka itu sesungguhnya bukan mereka yang beriman*"[75] Lantaran itu, hukum sama ada di timur atau di barat, demi Allah, tidak akan menepati ilmu melainkan daripada Ahlu al-Bait yang mana Jibrail telah turun ke atas mereka.

(618)-5. Ali bin Ibrahim, daripada Salih al-Sindi, daripada Ja'far bin Basyir, daripada Abban bin Uthman, daripada Abu Basir berkata: Aku

[75] Surah al-Baqarah (2): 8

telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang penyaksian (*syahadah*) anak zina adakah ia harus (*mubah*))? Beliau a.s telah berkata: Tidak, maka aku telah berkata: Sesungguhnya al-Hakam bin 'Utaibah telah menyangka bahawa ia adalah harus. Lantas beliau a.s telah berkata: Wahai Tuhanku, janganlah Engkau mengampuni dosanya, Allah telah berfirman kepada al-Hakam: "*Sesungguhnya al-Qur'an itu adalah sebagai peringatan bagimu dan bagi kaummu*"[76] Hendaklah al-Hakam pergi ke kanan dan ke kiri, demi Allah, ilmu tidak diambil melainkan daripada Ahlu l-Bait yang mana Jibrail telah turun ke atas mereka.

(619)-6. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada al-Husain bin al-Hasan bin Yazid, daripada Badr, daripada bapanya berkata: Salam Abu Ali al-Khurasani telah memberitahu kepadaku, daripada Salam bin Sa'id al-Makhzumi berkata: Manakala aku sedang duduk di sisi Abu Abdillah a.s, tiba-tiba 'Ubbad bin Kathir, ahli ibadat Basrah dan Ibn Syuraih, fakih ahli Makkah, telah datang kepadanya. Dan di sisi Abu Abdillah a.s adalah Maimun al-Qaddah Maula Abu Ja'far a.s. Maka 'Ubbad bin Kathir telah bertanya beliau a.s, maka beliau telah berkata: Wahai Abu Abdillah a.s, pada berapa kainkah Rasulullah s.a.w telah dikapan? Beliau a.s telah berkata: Pada tiga kain: Dua kain biasa dan satu kain pembungkus.

Seolah-olah beliau a.s telah memperbodoh-bodohkan 'Ubbad bin Kathir tentang perkara itu, maka beliau a.s telah berkata lagi: Sesungguhnya pohon kurma Maryam a.s adalah jenis baik (*'ajwah*) dan telah diturunkan dari langit (asli). Justeru, apa yang telah tumbuh daripada asalnya dipanggil *'ajwah* dan apa yang diambil di merata-rata tempat dipanggil pungutan (*luqat*). Apabila mereka telah keluar dari sisinya, 'Ubbad bin Kathir telah berkata kepada Ibn Syuraih: Demi Allah, aku tidak mengerti apakah perumpamaan yang telah dikemukakan kepadaku oleh Abu Abdillah?

Maka Ibn Syuraih berkata: Kanak-kanak ini telah memberitahu kepada anda bahawa beliau adalah daripada mereka, lalu beliau telah bertanya kepadanya, maka Maimun telah berkata: Tidakkah anda mengetahui apakah beliau telah katakan kepada anda? Beliau telah berkata: Tidak, demi Allah, beliau telah memberi perumpamaan kepada anda seperti dirinya, beliau menceritakan kepada anda bahawa beliau adalah anak lelaki daripada anak lelaki Rasulullah s.a.w (keturunannya) dan ilmu Rasulullah s.a.w adalah di sisi mereka. Justeru, apa yang telah datang dari sisi mereka, maka ia adalah bertepatan (*sawab*) dan apa yang telah datang dari selain daripada mereka adalah pungutan (*luqat*)[77].

---

[76] Surah al-Zukhruf (43): 44
[77] Tidak asli.

Bab 102

☼Sesungguhnya Hadis Mereka Adalah Sulit Dan Menyulitkan (*fi-ma jaa'a anna haditha-hum sa'bun wa-mustas'abun*)☼

(620)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Sinan, daripada 'Ammar bin Marwan, daripada Jabir berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya hadis keluarga Muhammad adalah sulit dan menyulitkan (*inna hadith aali Muhammad sa'bun wa mustas'abun*), tidak akan beriman kepadanya melainkan malaikat yang hampir kepada Allah atau nabi yang diutuskan atau hamba yang diuji hatinya kepada keimanan oleh Allah (*la yu'minu bi-hi illa malakun muqarrabun au nabiyyun mursalun au 'abdun imtahana llahu qalba-hu li l-Imaan*).

Apa yang telah datang kepada kamu daripada hadis Rasulullah s.a.w, maka hati kamu merasa lembut kepadanya dan kamu telah mengetahuinya, maka terimalah dan apa yang merisaukan kamu daripadanya dan kamu mengingkarinya pula, maka rujuklah ia kepada Allah, kepada Rasul dan kepada alim daripada keluarga Muhammad. Sesungguhnya orang yang binasa (*al-Halik*) adalah apabila beliau meriwayatkan sesuatu [hadis] yang beliau tidak dapat menanggungnya atau menerimanya, lalu beliau telah berkata: Demi Allah, ini bukanlah hadis dan demi Allah, ini bukanlah hadis dan keingkarannya adalah kekufuran (*al-inkaar huwa al-Kufr*).

(621)-2. Ahmad bin Idris, daripada 'Imraan bin Musa, daripada Harun bin Muslim, daripada Mas'adah bin Sadqah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Pada suatu hari aku telah menyebut *taqiyyah* di sisi Ali bin al-Husain a.s, maka beliau a.s telah berkata: Demi Allah, jika Abu Dhar telah mengetahui apa yang ada di dalam hati Salman, nescaya beliau telah membunuhnya (*Wa llahi, lau 'alima Abu Dhar ma fi qalbi Salaman la-qatala-hu*) dan sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mempersaudarakan di antara mereka berdua (*wa laqad aakha Rasulullah s.a.w baina-huma*), apa pula sangkaan kamu dengan semua makhluk?

Sesungguhnya ilmu para ulama adalah sulit dan menyulitkan, ia tidak dapat ditanggung atau diterima melainkan oleh nabi yang diutuskan atau malaikat yang hampir kepada Allah atau hamba yang diuji hatinya dengan keimanan oleh Allah, maka beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Salman telah menjadi sebahagian daripada

ulama kerana beliau adalah seorang daripada kami Ahlu l-Bait[78]. Justeru, aku telah mengaitkannya kepada ulama.

(622)-3. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada al-Barqiy, daripada Ibn Sinan atau selain daripadanya secara *marfu'* kepada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya hadis kami adalah sulit dan menyulitkan, ia tidak dapat ditanggung atau diterima melainkan oleh dada yang bercahaya atau hati yang sejahtera atau akhlak yang baik. Sesungguhnya Allah telah mengambil perjanjian daripada Syiah kami sebagaimana Dia telah mengambil [perjanjian] ke atas Bani Adam "*Tidakkah Aku Tuhan kamu?*" Sesiapa yang telah setia kepada kami, maka Allah akan kurniakan syurga untuknya. Dan sesiapa yang memarahi kami dan tidak menunaikan kepada kami hak kami, maka di nerakalah beliau akan [berada] kekal selama-lamanya.

(623)-4. Muhammad bin Yahya dan selain daripadanya, daripada Muhammad bin Ahmad, daripada sebahagian sahabat kami berkata: Aku telah menulis kepada Abu al-Hasan Sahib al-'Askar a.s, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah makna kata-kata al-Sadiq a.s: Hadis kami tidak dapat ditanggung oleh malaikat *muqarrab*, tidak [dapat ditanggung] oleh nabi yang diutuskan dan tidak [dapat ditanggung] oleh mukmin yang diuji hatinya kepada keimanan oleh Allah, maka jawapannya: Sesungguhnya makna kata-kata al-Sadiq a.s iaitu: [Hadis kami] Tidak dapat ditanggung atau diterima oleh malaikat, nabi dan mukmin. Malaikat tidak dapat menanggungnya sehingga dia mengeluarkannya kepada malaikat yang lain dan nabi tidak dapat menanggungnya sehingga beliau mengeluarkannya kepada nabi yang lain dan mukmin tidak dapat menanggungnya sehingga beliau mengeluarkannya kepada mukmin yang lain, maka inilah makna sabda datukku a.s.

(624)-5. Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Mansur bin al-'Abbas, daripada Safwan bin Yahya, daripada Abdillah bin Maskan, daripada Muhammad bin 'Abd al-Khaliq dan Abu Basir berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Wahai Abu Muhammad, sesungguhnya di sisi kami, demi Allah, rahsia daripada rahsia Allah dan ilmu daripada ilmu Allah. Demi Allah, tidak dapat ditanggung akannya oleh malaikat *muqarrab*, tidak nabi yang diutuskan dan tidak mukmin yang telah diuji oleh Allah akan hatinya kepada keimanan, demi Allah, Allah tidak mewajibkan perkara sedemikian kepada seorangpun selain daripada kami dan Dia tidak pula menolak perkara sedemikian selain daripada kami.

---

[78] Tetapi Salman tidak termasuk di kalangan empat belas manusian suci.

Sesungguhnya di sisi kami rahsia daripada rahsia Allah dan ilmu daripada ilmu Allah (*inna 'inda-na sirran min sirri llahi wa-'ilman min 'ilmi llahi*), Allah telah memerintahkan kami supaya menyampaikannya, maka kami telah menyampaikan[nya] daripada Allah a.w apa yang Dia telah perintahkan kami untuk menyampaikannya, tetapi kami tidak mendapati tempat untuknya, tidak ada orang yang berkelayakan dan tidak ada penerima yang akan menerimanya sehingga Allah menciptakan untuk itu beberapa golongan.

Mereka telah diciptakan daripada tanah (*tiinah*) yang Dia telah menciptakan daripadanya Muhammad, keluarganya dan zuriatnya. Dan [Dia telah menciptakan] daripada cahaya yang mana Allah telah menciptakan daripadanya Muhammad dan zuriatnya. Dia telah menciptakan mereka dengan kelebihan rahmat-Nya yang Dia telah menciptakan Muhammad dan zuriatnya. Maka kami telah menyampaikan[nya] daripada Allah apa yang Dia telah perintahkan kami untuk menyampaikannya, lalu mereka telah menerimanya[Dia telah menyampaikan kepada mereka tentang kami, lalu mereka telah menerimanya dan menanggungnya] dan Dia telah menyampaikan kepada mereka tentang kami, maka hati mereka telah cenderung untuk mengetahui kami dan hadis kami.

Jikalaulah mereka tidak diciptakan daripada [ciptaan] ini, nescaya mereka tidaklah sedemikian. Tidak, demi Allah, mereka tidak dapat menerimanya, kemudian beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menciptakan beberapa golongan untuk neraka Jahannam, maka Dia telah memerintahkan kami supaya kami menyampaikannya kepada mereka dan kami telah melakukannya, tetapi mereka telah merasa kesal tentangnya dan hati mereka tidak dapat menerimanya.

Mereka telah menyesalinya (*isyma'azzat*), lalu mereka menolaknya ke atas kami, mereka tidak dapat menerimanya, mereka membohonginya dan mereka telah berkata: Tukang sihir pembohong, lalu Allah mengecap hati mereka dan melupakan mereka. Kemudian Allah telah melepaskan lidah mereka dengan sebahagian kebenaran, lalu mereka bercakap dengannya sedangkan hati mereka mengingkarinya bagi mempertahankan para wali-Nya dan ahli ketaatan-Nya. Jika tidak kerana itu, nescaya Allah tidak disembah dibumi-Nya, maka kami diperintahkan supaya menahan diri daripada mereka, dengan penutupan dan kerahsiaan. Justeru, simpanlah rahsia daripada orang yang Allah telah memerintahkan supaya menahan diri daripada mereka.

Dan sembunyilah rahsia daripada orang yang mana Allah telah memerintahkan supaya merahsiakannya kepadanya. Beliau telah berkata: Kemudian beliau a.s telah mengangkat tangannya dan menangis sambil berkata: Wahai Tuhanku, mereka adalah bilangan yang sedikit, justeru, jadilah kehidupan kami kehidupun mereka dan kematian kami kematian mereka dan janganlah musuh Engkau

menguasai ke atas mereka kerana ia menyedihkan kami. Sesungguhnya Engkau jika Engkau membuatkan kami sedih dengan mereka, nescaya Engkau tidak disembah di bumi Engkau. Selawat dan salam ke atas Muhammad dan keluarganya dengan sepenuhnya.

Bab 103

☼Apa Yang Diperintahkan Oleh Nabi S.A.W Tentang Rujukan Nasihat Kepada Para Imam Muslimin Dan Penyertaan Jemaah Mereka Dan Siapakah Mereka? (*ma amara al-Nabi s.a.w bi-al-Nasihati li-aimmati al-Muslimin wa-al-Luzum ilaa jamaa'ati-him wa-man-hum?*)☼

(625)-1. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abi Nasr, daripada Abban bin Uthman, daripada Ibn Abi Ya'fur, daripada Abu Abdillah a.s bahawa Rasulullah s.a.w telah memberi khutbah di masjid al-Khaif, maka baginda s.a.w bersabda: Allah telah menyinari seorang hamba yang telah mendengar sabdaku, lalu beliau menyimpannya, menghafaznya dan menyampaikannya kepada orang yang tidak pernah mendengarnya, kemungkinan pembawa ilmu itu tidaklah alim (fakih) dan kemungkinan pembawa ilmu itu [membawanya] kepada orang yang lebih alim (*afqahu*) daripadanya. Tiga perkara yang tidak dikhianati oleh hati seorang muslim: Ikhlas amalan kepada Allah, rujukan nasihat kepada para imam muslimin[79] dan penyertaan jemaah mereka kerana dakwah mereka meliputi semua. Muslimun adalah bersaudara, darah mereka dijamin dan ia meliputi semua peringkat.

Hammad bin Uthman telah meriwayatkannya juga, daripada Abban, daripada Ibn Abi Ya'fur seumpamanya dan telah menambahkan padanya [perkataan]: Dan mereka adalah satu tangan ke atas sesiapa selain daripadanya. Dan beliau telah menyebut di dalam hadisnya bahawa baginda s.a.w telah memberi khutbah pada *Hajjat al-Wida'* (haji perpisahan) di Mina di masjid al-Khaif.

(626)-2. Muhammad bin al-Hasan, daripada sabahagian sahabat kami, daripada Ali bin al-Hakam, daripada al-Hakam bin Miskin, daripada seorang lelaki Quraisy daripada Makkah berkata: Sufyan al-Thauri berkata: Pergilah anda bersama kami kepada Ja'far bin Muhammad, beliau telah berkata: Akupun telah pergi bersamanya kepadanya, maka kami telah mendapatinya telah menaiki

[79] Imam Dua Belas

kenderaannya, lalu Sufyan telah berkata kepadanya: Wahai Abu Abdillah, ceritalah kepada kami hadis khutbah Rasulullah s.a.w di masjid al-Khaif, beliau a.s telah berkata: Tinggallah aku sehingga aku pergi mendapatkan hajatku sesungguhnya aku menaiki [kenderaanku], maka apabila aku pulang, aku akan menceritakannya kepada anda, maka beliau telah berkata: Aku bertanya anda tentang kekerabatan anda dengan Rasulullah s.a.w, anda belum menceritakannya kepadaku, beliau telah berkata: Beliaupun telah turun[dari kenderaannya].

Lalu Sufyan telah berkata kepadanya: Bawakan kepadaku pensil dan kertas sehingga aku menulisnya, lalu beliau telah menyeru dengannya, kemudian beliau a.s telah berkata: Tulislah: *Bismi llahi r-Rahmani r-Rahim*, khutbah Rasulullah s.a.w di masjid al-Khaif: "Allah telah menyinari seorang hamba yang telah mendengar sabdaku, lalu beliau menyimpannya dan menyampaikannya kepada orang yang tidak sampai kepadanya sabdanya: "Wahai manusia, hendaklah orang yang hadir menyampaikannya kepada orang yang tidak hadir dan kemungkinan pembawa ilmu tidaklah alim (fakih) dan kemungkinan pembawa ilmu itu [membawanya] kepada orang yang lebih alim (*afqahu*) daripadanya. Tiga perkara yang tidak dikhianati oleh hati seorang muslim: Ikhlas amalan kepada Allah, rujukan nasihat kepada para imam muslimin dan penyertaan jemaah mereka kerana dakwah mereka meliputi semua. Muslimun adalah bersaudara, darah mereka dijamin dan ia meliputi semua peringkat".

Justeru, Sufyan telah menulisnya, kemudian beliau telah membentangkanya kepadanya dan Abu Abdillah a.s telah [pergi] menaiki [kenderaannya]. Aku dan Sufyan telah datang, manakala kami telah berada di sebahagian jalan, beliau telah berkata kepadaku [berdirilah] di tempat anda [sekarang] sehingga aku melihat kepada hadis ini, maka aku telah berkata kepadanya: Demi Allah, Abu Abdillah telah mewajibkan tengkuk anda sesuatu[80], ia tidak akan hilang dari tengkuk anda selama-lamanya, maka beliau telah berkata: Apakah itu?

Maka aku telah berkata kepadanya: Tiga perkara yang tidak dikhianati oleh hati seorang muslim: Ikhlas amalan kepada Allah, kami telah mengetahuinya, harapan kebaikan kepada para imam muslimin, siapakah para imam yang wajib ke atas kita merujuk kepada kebaikan mereka? Mu'awiyah bin Abi Sufyan, Yazid bin Mu'awiyah dan Marwan bin al-Hakam? Dan setiap orang yang tidak harus penyaksiannya di sisi kami, tidak harus sembahyang di belakangnya? Dan kata-katanya: Penyertaan jemaah mereka, maka jemaah yang manakah? Seorang Murjiah berkata: Sesiapa yang tidak bersembahyang, tidak berpuasa, tidak memandi junub, telah merosakkan Ka'bah, telah menikahi ibunya sendiri, maka beliau adalah di atas iman Jibrail dan Mikail.

---

[80] Meletakkan tanggungjawab

Atau seorang Qadariyah berkata: Apa yang telah dikehendaki oleh Allah tidak akan berlaku dan apa yang dikehendaki oleh Iblis akan berlaku atau seorang Khawarij yang telah melepaskan dirinya daripada Ali bin Abu Talib dan menyaksikan kekafirannya atau seorang Jahmiyyah yang berkata: Sesungguhnya iman itu adalah mengenali Allah semata-mata dan iman bukkanlah sesuatu selain daripadanya (*ma'rifah*)?!! Beliau telah berkata: Alangkah dukacitanya anda, di atas dasar apakah mereka telah berkata sedemikian? Maka aku telah berkata: Mereka telah berkata: Sesungguhnya Ali bin Abu Talib a.s, demi Allah, adalah imam yang wajib di atas kita merujuk kepadanya. Dan penyertaan jemaah mereka: Iaitu [jemaah] Ahlu l-Baitnya, beliau telah berkata: Maka beliau telah mengambil surat (kitab) itu, lalu beliau (Sufyan) mengoyakkannya, kemudian beliau telah berkata: Janganlah anda memberitahu tentangnya kepada sesiapapun.

(627)-3. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya dan Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Hammad bin Isa, daripada Huraiz, daripada Buraid bin Mu'awiyah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Allah tidak melihat kepada seorang mukmin yang bekerja keras dengan ketaatan kepada imamnya dan [meminta] nasihatnya melainkan beliau bersama kami di syurga.

(628)-4. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Fadhdhal, daripada Abi Jamilah, daripada Muhammad al-Halabi, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesiapa yang telah meninggalkan jemaah muslimin sejengkal, maka beliau telah mencabut ikatan Islam dari tengkuknya.

(629)-5. Dengan sanad-sanad ini, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesiapa yang telah meninggalkan jemaah muslimin dan menarik balik perjanjian Imam, beliau akan datang kepada Allah a.w dengan penyakit kusta.

Bab 104

☼Apa Yang Wajib Daripada Haq Imam Ke Atas Rakyat Dan Hak Rakyat Ke Atas Imam (*ma yajibu min haqq al-Imam 'ala al-Ra'yati wa-haqq al-Ra'yati 'ala al-Imam*)☼

(630)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Hammad bin Uthman, daripada Abu Hamzah berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far

a.s: Apakah hak imam ke atas manusia? Beliau a.s telah berkata: Haknya ke atas mereka bahawa mereka mestilah mendengar kepadanya dan mentaatinya: Aku telah berkata: Apakah haknya (imam) ke atas mereka? Beliau a.s telah berkata: Imam membahagi-bahagikan di kalangan mereka dengan saksama dan berlaku adil pada rakyatnya. Apabila beliau melakukan sedemikian kepada manusia, maka beliau tidak peduli siapa yang telah mengambil dari sini dan dari sini.

(631)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Isma'il bin Bazi', daripada Mansur bin Yunus, daripada Abu Hamzah, daripada Abu Ja'far a.s seumpamanya melainkan beliau a.s telah berkata: Beginilah dan beginilah dan beginilah dan beginilah di depannya, di belakngnya, di kanannya dan di kirinya.

(632)-3. Muhammad bin Yahya al-'Attar, daripada sebahagian sahabat kami, daripada Harun bin Muslim, daripada Mas'adah bin Sadqah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Janganlah kamu mengkhianati para wali kamu, janganlah kamu menipu mereka yang memberi petunjuk kepada kamu, janganlah kamu memperbodoh-bodohkan para imam kamu, janganlah kamu memutuskan tali kamu, maka kamu akan gagal dan menjadi lemah. Lantaran itu, hendaklah asas urusan kamu [menjadi kukuh], ikutilah jalan ini. Kerana kamu jika kamu melihat apa yang telah dilihat oleh orang yang telah mati daripada kamu di kalangan orang yang telah menyalahi apa yang kamu dakwahkan kepadanya, nescaya kamu telah keluar dan kamu telah mendengar, tetapi ia adalah terlindung daripada kamu apa yang mereka telah melihatnya, tetapi pada masa akan datang hijab akan dibuang"[81]

(633)-4. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada 'Abd al-Rahman bin Hammad dan lain-lain, daripada Hannan bin Sudair al-Sairafi berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Diberitahu kepada Nabi s.a.w sendiri tentang kematiannya ketika baginda s.a.w di dalam keadaan sihat tanpa kesakitan, beliau telah berkata: "*dia dibawa turun oleh al-Ruh al-Amin*"[82], beliau telah berkata: Lalu baginda s.a.w telah menyeru [manusia] sembahyang jemaah, menyuruh kaum Muhajirin dan Ansar memegang senjata. Apabila orang ramai telah berkumpul, maka Nabi s.a.w telah menaiki mimbar, lalu baginda s.a.w meratap dirinya kepada mereka,

---

[81] Keadaan sebenar dapat dilihat di akhirat kelak tanpa hijab.
[82] Surah al-Syu'araa' (26): 193. Kematiannya hampir tiba

kemudian bersabda: Aku mengingati diriku kepada Allah tentang wali selepasku ke atas umatku supaya merahmati jemaah muslimin.

Menghormati yang tua mereka, merahmati yang lemah mereka dan menghormati yang alim mereka, tidak memudaratkan mereka, lalu menghina mereka, tidak membuat mereka menjadi fakir, kemudian beliau menentang mereka. Tidak menutup pintunya kepada mereka supaya yang kuat mereka tidak memakan yang lemah mereka, tidak "meminggirkan" mereka[?][83] di dalam utusan mereka kerana ia akan memutuskan zuriat umatku. Kemudian baginda s.a.w bersabda: Aku telah menyampaikan[nya] dan aku telah memberi nasihat, maka saksikanlah". Abu Abdillah a.s telah berkata: Inilah ucapan Rasulullah s.a.w yang terakhir di atas mimbarnya.

(634)-5. Muhammad bin Ali dan selain daripadanya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ali bin al-Hakam, daripada seorang lelaki, daripada Habib bin Abi Thabit berkata: Madu dan buah tin telah dibawa kepada Amir al-Mukminin a.s dari Hamadan[84] dan Hulwan[85] Kemudian beliau a.s telah memerintahkan beberapa orang askar supaya membawa[nya] kepada anak-anak yatim dan menyuapkannya [kepada mereka] sedang beliau a.s membahagi-bahagikannya di kalangan orang ramai satu cawan satu cawan. Maka dikatakan kepadanya: Wahai Amir al-Mukminin, kenapakah mereka menyuapkannya [kepada mereka]? Maka beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya imam adalah bapa kepada anak-anak yatim, sesungguhnya aku telah menyuapkan mereka [dengan] ini [dan mereka seperti] di bawah jagaan bapa-bapa [mereka sendiri].

(635)-6. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad al-Barqiy dan Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada al-Qasim bin Muhammad al-Isfahani, daripada Sulaimn bin Daus al-Munqari, daripada Sufyan bin 'Uyainah, daripada Abu Abdillah a.s bahawa Nabi s.a.w bersabda: Aku adalah lebih baik bagi setiap mukmin daripada dirinya sendiri dan Ali adalah lebih baik dengannya selepasku, lalu dikatakan kepadanya: Apakah maknanya itu? Maka beliau telah berkata: Sabda Nabi s.a.w: Sesiapa yang telah meninggalkan hutang atau kerosakan, maka ia di atasku.

Sesiapa yang meninggalkan harta, maka ia adalah untuk warisnya. Justeru, seorang lelaki tidak mempunyai wilayah ke atas dirinya apabila beliau tidak mempunyai harta dan tidak ada perintah atau larangan baginya ke atas tanggungannya apabila beliau tidak memberi nafkah kepada mereka. Nabi, Amir al-Mukminin a.s dan mereka selepasnya

---

[83] Memusnahkan mereka

[84] Di Iran

[85] Di Iraq

tidak dapat mengelak daripadanya. Justeru mereka adalah lebih baik dengan mereka daripada diri mereka sendiri. Tidak ada sebab Islamnya kebanyakan Yahudi melainkan selepas kata-kata ini daripada Rasulullah s.a.w bahawa mereka telah beriman di atas diri mereka dan keluarga mereka.

(636)-7. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Abban bin Uthman, daripada Sabah bin Siyabah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Mana-mana mukmin atau muslim yang telah mati dan meninggalkan hutang, bukan kerana kejahatan (*fasad*) dan bukan pula kerana keborosan (*israaf*), maka imam wajib menunaikannya. Jika imam tidak menunaikannya, maka beliau berdosa. Sesungguhnya Allah berfirman: "*Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk mereka yang fakir, mereka yang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (merdekakan) budak, mereka yang berhutang, untuk jalan Allah dan mereka yang sedang dalam perjalanan*"[86] Maka beliau adalah di kalangan mereka yang berhutang dan baginya satu saham di sisi imam. Jika beliau (imam) menahannya, maka dosanya ke atasnya.

(637)-8. Ali bin Ibrahim, daripada Salih bin al-Sindi, daripada Ja'far bin Basyir, daripada Hannan, daripada bapanya, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: *Imamah* tidak layak melainkan untuk lelaki yang mempunyai tiga sifat: Warak yang menghalangnya dari kemaksiatan kepada Allah, sabar yang dapat mengawasi kemarahannya dan wilayah yang baik kepada rakyatnya sehingga beliau kepada mereka sepertilah bapa yang mengasihani. Dan di dalam riwayat yang lain pula: Sehingga beliau terhadap rakyatnya seperti bapa yang mengasihani.

(638)-9. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Mu'awiyah bin Hakim, daripada Muhammad bin Aslam, daripada seorang lelaki dari Tabaristan dipanggil Muhammad, berkata: Mu'awiyah telah berkata: Dan aku telah berjumpa dengan al-Tabari Muhammad selepas itu, lalu beliau telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah mendengar Ali bin Musa a.s telah berkata: Orang yang berhutang apabila beliau telah berhutang atau meminta berhutang pada kebenaran[87]-waham daripada Mu'awiyah- ditangguhkan selama setahun jika beliau senang dan jika tidak, imam akan menunaikannya untuknya daripada [harta] baitulmal.

---

[86] Surah al-Taubah (9): 60
[87] Tidak pada perkara maksiat

Bab 105

☼Sesungguhnya Bumi Semunya Untuk Imam A.S (*anna al-Ardha kulla-ha li-al-Imam a.s*)☼

(639)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ibn Mahbub, daripada Hisyam bin Salim, daripada Abi Khalid al-Kabili, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya kami telah mendapati di dalam kitab Ali a.s "*Sesungguhnya bumi(ini)adalah milik Allah, Dia mewariskannya kepada orang yang Dia kehendaki daripada hamba-hamab-Nya dan kesudahan yang baik adalah bagi mereka yang bertakwa*"[88] Aku dan keluargaku yang mana Allah telah mewariskan kami bumi[Nya] dan kami adalah "*mereka yang bertakwa*" dan bumi semuanya untuk kami. Sesiapa yang menghidupkan bumi kepunyaan muslimin, maka hendaklah beliau memajukannya dan hendaklah beliau menunaikan kharajnya (hasilnya) kepada imam daripada keluargaku dan baginya apa yang beliau makan daripadanya.

Jika beliau meninggalkannya atau dan melewatkannya dan ia diambil oleh lelaki muslim selepasnya, lalu beliau memajukannya dan menghidupkannya, maka beliau lebih berhak dengannya daripada orang yang telah meninggalkannya. Beliau hendaklah menunaikan kharajnya kepada imam daripada keluargaku dan baginya apa yang beliau telah makan daripadanya sehingga al-Qaim daripada keluargaku muncul dengan pedang. Justeru beliau boleh menjadikannya tempat larangan, menghalangnya dan mengeluarkan mereka daripadanya sebagaimana Rasulullah s.a.w telah melakukannya kecuali apa yang ada di tangan Syiah kita kerana beliau membiarkan apa yang dimiliki oleh mereka dan meninggalkan bumi di tangan mereka.

(640)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad berkata: Ahmad bin Muhammad bin Abdillah telah memberitahu kepadaku daripada orang yang telah meriwayatkannya, berkata: Dunia dan apa yang ada padanya adalah untuk Allah, Rasul-Nya dan kami. Sesiapa yang telah mendapatkan sesuatu daripadanya, maka hendaklah beliau bertakwa kepada Allah, menunaikan hak Allah, membuat baik kepada suadara-saudaranya, jika beliau tidak melakukan sedemikian, maka Allah, Rasul-Nya dan kami melepaskan diri daripadanya.

---

[88] Surah al-A'raaf (7): 128

(641)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Umar bin Yazid berkata: Aku telah melihat Masma' bin Abd al-Malik di Madinah bahawa beliau telah membawa harta kepada Abu Abdillah pada tahun itu, lalu Abu Abdillah a.s telah menolaknya, maka aku telah berkata kepadanya: Kenapakah Abu Abdillah a.s telah menolak harta yang anda telah membawanya kepadanya? Beliau telah berkata: Masma' telah berkata kepadaku: Sesungguhnya aku telah berkata kepadanya ketika aku membawa harta kepadanya: Sesungguhnya aku telah menjadi penyelam mutiara di Bahrain, maka aku telah dapat 400 ribu dirham dan aku telah datang kepada anda dengan khumusnya sebanyak 80 ribu dirham.

Dan aku tidak suka menahannya daripada anda dan aku mahu membentangkannya kepadanya dan ia adalah hak anda yang telah dijadikan oleh Allah pada harta-harta kami, maka beliau a.s telah berkata: Atau harta kami dari bumi dan apa yang Allah telah mengeluarkannya darinya melainkan satu perlima (khumus), wahai Abu Sayyar? Sesungguhnya bumi semuanya untuk kami, maka sesuatu yang telah dikeluarkan oleh Allah darinya, maka ia adalah untuk kami. Maka aku telah berkata kepadanya: Aku akan membawa semua harta kepada anda? Maka beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya kami telah memperbaikkan untuk anda dan kami telah menghalalkan anda daripadanya.

Justeru campurlah kepada anda harta anda. Dan setiap bumi yang ada di tangan Syiah kita, maka mereka padanya dihalalkan sehingga Qaim kami datang. Dan apabila Qaim kami datang, maka beliau akan mengenakan cukai kepada mereka, apa yang ada pada tangan mereka dan akan meninggalkan bumi di tangan mereka. Adapun apa yang ada pada tangan selain daripada mereka, maka sesungguhnya pendapatan mereka daripada bumi adalah haram ke atas mereka sehingga datang Qaim kami, lalu beliau mengambil bumi daripada tangan mereka dan mengeluarkan mereka tanpa sebarang pampasan.

Umar bin Yazid telah berkata: Abu Sayyar telah berkata kepadaku: Aku tidak melihat seorangpun daripada pemilik-pemilik tanah dan mereka yang mengendalikan pekerjaan-pekerjaan, memakan [makanan] yang halal selain daripadaku melainkan mereka yang telah memperelokkan [harta-harta mereka][89] untuknya a.s.

(642)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin Ahmad, daripada Abi Abdillah al-Razi, daripada al-Hasan bin Ali bin Abi Hamzah, daripada bapanya, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Adakah zakat wajib ke atas imam? Maka beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Muhammad,

[89] Dengan membayar khumus

tidakkah anda telah mengetahui bahawa dunia dan akhirat adalah untuk imam beliau meletakkannya mengikut kehendaknya dan memberinya kepada siapa yang beliau kehendaki, adalah harus baginya perkara itu daripada Allah. Sesungguhnya imam, wahai Abu Muhammad, tidak bermalam satu malam selama-lamanya [melainkan] bagi Allah pada tengkuknya hak yang akan ditanya tentangnya.

(643)-5. Muhammad bin Yahya, daripada Muhamamad bin Ahmad, daripada Muhammad bin Abdillah bin Ahmad, daripada Ali bin al-Nu'man, daripada Salih bin Hamzah, daripada Abban bin Mus'ab, daripada Yunus bin Zubyaan atau al-Mu'alla bin Khanis berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Harta kamu daripada bumi ini? Maka beliau a.s telah tersenyum, kemudian berkata: Sesungguhnya Allah telah mengutus Jibrail a.s dan memerintahkannya supaya menekankan dengan ibu jarinya lapan sungai di bumi, antaranya Saihan dan Jaihan iaitu sungai Balkh dan al-Khusu' iaitu sungai al-Syasy, Mihran iaitu sungai Hindi dan Nail Mesir, Dajlah dan Furat. Dan apa yang telah mengalir dan dialirkan adalah untuk kami. Dan apa yang untuk kami, maka ia adalah untuk Syiah kami dan bukan untuk musuh kami sesuatupun daripadanya melainkan apa yang beliau telah merampas di atasnya. Sesungguhnya wali kita berada dalam kelapangan di antara langit dan bumi. Kemudian beliau a.s telah membaca firman-Nya: "*Semuanya itu bagi mereka yang beriman* (mereka yang dirampas ke atasnya) *dalam kehidupan dunia khusus untuk mereka pada hari Kiamat*"[90] tanpa rampasan.

(644)-6. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin al-Rayyan berkata: Aku telah menulis kepada al-'Askari a.s: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, diriwayatkan kepada kami bahawa tidak ada bagi Rasulullah s.a.w daripada dunia melainkan khumus, maka jawapan telah datang: Sesungguhnya dunia dan apa yang ada di atasnya adalah bagi Rasulullah s.a.w.

(645)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad secara *marfu'*, daripada 'Amru bin Syamar, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Allah telah menciptakan Adam dan Dia telah memberi dunia semuanya kepadanya. Apa yang dimiliki oleh Adam, maka ia adalah milik Rasulullah s.a.w dan apa yang dimiliki oleh Rasulullah s.a.w, maka ia adalah milik para imam daripada keluarga Muhammad s.a.w.

[90] Surah al-A'raaf (7): 32

(646)-8. Muhammad bin Isma'il, daripada Fadhl bin Syazan dan Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi Umar, daripada Hafs bin al-Bukhturi, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Jibrail a.s telah menendang dengan kakinya [lalu terjadi] lima sungai, kemudian ia diikuti: Sungai Furat, Dajlah, Nail Mesir, Mihran, sungai Balkh dan apa yang mengalir atau dialirkan airnya, maka ia adalah untuk imam dan lautan yang di kelilingi dunia adalah [untuk imam].

Ali bin Ibrahim, daripada al-Sirriyu bin al-Rabii' berkata: Ibn Abi Umar tidak setara dengan Hisyam bin al-Hakam sedikitpun. Beliau sentiasa datang kepadanya. Kemudian beliau telah berpaling daripadanya dan menyalahinya. Sebabnya bahawa Abu Malik al-Hadhrami adalah salah seorang pengikut Hisyam. Dan telah berlaku perselisihan di antaranya dan Ibn Abi Umar tentang *imamah.* Ibn Abi Umar telah berkata: Dunia semuanya untuk imam a.s dari segi milik dan sesungguhnya beliau (imam) adalah lebih baik dengannya (dunia) daripada mereka yang mana dunia di tangan mereka.

Abu Malik pula telah berkata: Tidak sedemikian. Milik manusia adalah untuk mereka melainkan apa yang telah dihukum oleh Allah dengannya untuk imam seperti *al-Fai',* khumus dan barang rampasan, maka ia adalah untuk imam. Sesungguhnya Allah telah menerangkan kepada imam supaya meletakkannya dan bagaimana beliau melakukan nya. Maka kedua-duanya telah meredai Hisyam bin al-Hakam dan menyokongnya, lalu Hisyam bin al-Hakam telah menghukum untuk Abu Malik ke atas Ibn Abi Umar, lantas Ibn Abi Umar telah menjadi marah dan meninggalkan Hisyam selepas itu.

Bab 106

☼Sirah Imam Pada Dirinya, Pada Makanannya Dan Pakaiannya Apabila Beliau Menjalankan Urusan (*sirah al-Imam fi nafsi-hi wa-fi al-Mat'am wa-al- malbas idha waliya al-Amr*)☼

(647)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahamd bin Muhammad bin Isa, daripada Ibn Mahbub, daripada Hammad, daripada Hamid dan Jabir al-'Abdi berkata: Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menjadikan aku imam pada makhluk-Nya, lalu Dia telah memfardukan ke atasku penilaian pada diriku, makananku, minumanku dan pakaianku seperti manusia yang lemah supaya orang yang fakir mengikuti dengan kefakiranku dan orang yang kaya tidak menzalimi [orang lain] kerana kekayaannya.

(648)-2. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi Umar, daripada Hammad bin Uthman, daripada al-Mu'alla bin Khanis berkata:

Pada suatu hari aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, anda telah menyebut keluarga polan dan nikmat yang mereka perolehi, maka aku telah berkata: Jikalaulah [nikmat] ini [telah berlaku] kepada kamu, nescaya kami telah hidup bersama kamu [dengan senang], maka beliau a.s telah berkata: Alangkan jauhnya, wahai Mu'alla, demi Allah, jikalaulah ia sedemikian, maka ia adalah politik di waktu malam dan pelancongan di siang hari, memakai pakaian yang kasar dan memakan makanan yang rendah mutunya, maka ia telah dijauhkan daripada kita. Anda tidak melihat kegelapan [malam] melainkan Allah menukarnya kepada [cahaya] nikmat seperti ini[91].

(649)-3. Ali bin Muhammad, daripada Salih bin Abi Hammad dan beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad dan selain daripada mereka berdua dengan sanad yang bermacam-macam tentang hujah Amir al-Mukminin a.s terhadap 'Asim bin Ziyad ketika beliau memakai *al-'Abaa'*[92] dan meninggalkan *al-Mala'*[93], lalu saudaranya al-Rabi' bin Ziyad mengadu kepada Amir al-Mukminin a.s bahawa beliau telah menyusahkan keluarganya dan membuat anak lelakinya berdukacita dengannya, maka Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Di atasku 'Asim bin Ziyad, lalu dibawa kepadanya, manakala beliau a.s telah melihat kepadanya, maka mukanya telah menjadi masam, lalu beliau a.s telah berkata kepadanya: Tidakkah anda malu kepada keluarga anda? Tidakkah anda merahmati anak lelaki anda?

Adakah anda melihat Allah telah menghalalkan kepada anda segala kebaikan sedangkan Dia benci anda mengambilnya, anda adalah lebih mudah ke atas Allah daripada itu. Tidakkah Allah telah berfirman: "*Dan Dia telah meratakan bumi untuk makhluk(nya)*"[94] Tidakkah Allah telah berfirman: "*Dia membiarkan dua lautan mengalir yang keduanya kemudian bertemu, antara keduanya ada batas yang tidak dilampaui oleh masing-masing. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan? Dari keduanya keluar mutiara dan marjan*"[95]Justeru, penggunaan nikmat Allah dengan perbuatan itu adalah lebih disukai Allah dari penggunaannya dengan kata-kata. Sesungguhnya Allah berfirman: "*Dan terhadap nikmat Tuhanmu maka hendaklah kamu menyebut-nyebutnya*"[96] Maka 'Asim berkata: Wahai Amir al-Mukminin,

---

[91] Para imam a.s tidak mahu menipu umat Islam dengan politik kotor, kesenangan dunia hanya sementara sahaja.
[92] Pakaian biasa seperti jubah
[93] Pakaian yang bermutu dipakai oleh orang kaya
[94] Surah al-Rahmaan (55): 10-11
[95] Surah al-Rahmaan): 19-22
[96] Surah al-Dhuha (93): 11

adakah aku mesti mengikut makanan anda yang rendah mutu dan pakaian anda yang kasar? Maka beliau a.s telah berkata: Aduhai dukacitanya anda, sesungguhnya Allah a.w telah memfardukan ke atas para imam keadilan supaya menilai diri mereka dengan manusia yang paling lemah, supaya orang fakir tidak memberontak dengan kefakirannya, lalu 'Asim bin Ziyad telah mencampakkan *al-'Abaa'* dan memakai *al-Mala'.*

(650)-4. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahamd bin Muhammad al-Barqiy, daripada bapanya, daripada Muhammad bin Yahya al-Khazaz, daripada Hammad bin Uthman berkata: Aku telah mendatangi Abu Abdillah a.s dan seorang lelaki telah berkata kepadanya: *Aslaha-ka llahu*, anda telah menyebut bahawa Ali bin Abu Talib telah memakai pakaian yang kasar, memakai baju (*qamis*) dengan [harga] empat dirham dan seumpamanya sedangkan kami melihat anda memakai pakaian yang baru, maka beliau a.s telah berkata kepadanya: Sesungguhnya Ali bin Abu Talib a.s telah memakai [pakaian] sedemikian pada zaman yang tidak boleh diingkari [ke atasnya], jika beliau a.s telah memakai pakaian seperti hari ini, nescaya beliau a.s masyhur dengannya [juga]. Lantaran itu, sebaik-baik pakaian setiap zaman adalah pakaian penduduknya. Hanya Qaim kita Ahlu l-Bait a.s apabila [dilantik] menjadi imam, beliau memakai pakaian Ali a.s dan berjalan mengikut sirahnya.

Bab 107

☼Bab Tentang Perkara Yang Pelik (*bab nadir*)☼

(651)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdillah, daripada Ayyub bin Nuh berkata: Pada suatu hari beliau telah bersin dan aku berada di sisinya, maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah yang dikatakan kepada imam apabila beliau bersin? Beliau telah berkata: Mereka telah berkata: *Salla llahu 'alai-ka.*

(652)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ja'far bin Muhammad berkata: Ishaq bin Ibrahim al-Dinuari telah memberitahu kepadaku daripada Umar bin Zahir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Seorang lelaki telah bertanya kepadanya tentang al-Qaim dan memberi salam kepadanya dengan "Amir al-Mukminin"? Beliau telah berkata: Tidak, itu adalah nama yang telah diberikan oleh Allah kepada Amir al-Mukminin a.s. tidak ada seorangpun telah dinamakan dengannya sebelumnya dan selepasnya melainkan oleh orang kafir. Aku telah

berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, bagaimana diberi salam kepadanya? Beliau telah berkata: Mereka telah berkata: *Al-Salamu'alai-ka ya Baqiyyata llahi*[97], kemudian beliau a.s telah membaca firman-Nya: "*Baqiyyatu llah adalah lebih baik bagimu jika kamu beriman*"[98]

(653)-3. Al-Hasan bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Ahmad bin Umar berkata: Aku telah bertanya Abu al-Hasan a.s kenapakah dinamakan Amir al-Mukminin a.s? Beliau a.s telah berkata: Kerana beliau akan dapat memberi mereka ilmu, tidakkah anda mendengar[nya] di dalam Kitab Allah: "*Dan kami akan dapat memberi makan keluarga kami*"[99]

Di dalam riwayat yang lain beliau telah berkata: Kerana penyaraan mukminin (*miirah al-Mu'minin*) kepada mereka di sisinya adalah menyediakan mereka ilmu.

(654)-4. Ali bin Ibrahim, daripada Ya'qub bin Yazid, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Abi al-Rabi' al-Qazzaz, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Kenapakah dinamakan dengan Amir al-Mukminin? Beliau a.s telah berkata: Allah telah menamakannya dan demikianlah diturunkan di dalam Kitab-Nya: "*Dan ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anank Adam dari salbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka: Bukankan Aku ini Tuhanmu?*[100] Dan sesungguhnya Muhammad adalah Rasul-Ku dan sesungguhnya Ali adalah Amir al-Mukminin.

---

[97] Makna *baqiyyatu llah* ialah sisa Allah, tetapi apa yang dimaksudkan di sini ialah Imam Mahdi a.s.
[98] Surah Huud (11): 86
[99] Surah Yusuf (12): 65
[100] Surah al- A'raaf (7): 172

Bab 108

☼Anekdot Dan Kutipan Daripada Al-Qur'an Tentang Wilayah *(fi-hi nukat wa-natf min al-Tanzil fi al-Wilayah)*☼

(655)-1. Beberepa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada sebahagian daripada sahabat kami, daripada Hannan bin Sudair, daripada Salim bin al-Hannaat berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ja'far al-Sadiq a.s: Beritahulah kepadaku tentang firman Allah: "*Ia dibawa turun oleh al-Ruh al-Amin, ke dalam hatimu agar kamu menjadi salah seorang di antara mereka yang memberi peringatan dengan bahasa Arab yang jelas*"[101] Beliau telah berkata: Ayat ini menunjukkan wilayah Amir al-Mukminin a.s.

(656)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada al-Hakam bin Miskin, daripada Ishaq bin 'Ammar, daripada seorang lelaki, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khuatir akan mengkhianatinya, lalu amanat itu*

[101] Surah al-Syu'araa' (26): 193-195

dipikul oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu masih zalim dan amat bodoh"[102] Beliau telah berkata: Ayat ini menunjukkan wilayah Amir al-Mukminin a.s.

(657)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Abi Zahir, daripada al-Hasan bin Musa al-Khasysyab, daripada Ali bin Hassaan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Mereka yang beriman dan tidak mencapur-adukkan iman mereka dengan kezaliman*"[103] Beliau telah berkata: Wilayah yang dibawa oleh Muhammad s.a.w yang tidak mencampur-adukkannya dengan wilayah polan[104] dan polan[105] kerana wilayah mereka telah bercampur-aduk dengan kezaliman.

(658)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada al-Hasan bin Na'aim al-Sahhaf berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Dialah yang menciptakan kamu maka di antara kamu ada yang mukmin dan di antara kamu ada yang kafir*"[106] Maka beliau a.s telah berkata: Allah telah mengetahui keimanan mereka dengan wilayah kami dan kekafiran mereka dengannya, pada hari Dia telah mengambil perjanjian ke atas mereka pada salbi Adam a.s ketika mereka di alam *dharr.*[107]

(659)-5. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin Ahmad, daripada Ya'qub bin Yazid, daripada Ibn Mahbub, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu al-Hasan a.s tentang firman Allah a.w: "*Mereka menunaikan nazar*"[108] yang diambil ke atas mereka daripada wilayah kami.

(660)-6. Muhammad bin Isma'il, daripada al-Fadhl bin Syazan, daripada Hammad bin Isa, daripada Ruba'i bin Abdillah, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: "*Dan sekiranya mereka sungguh menjalankan (hukum) Taurat dan Injil dan apa yang diturukan kepada mereka (al-Qur'an)*"[109] Beliau telah berkata: Wilayah [Amir al-Mukminin a.s].

---

[102] Surah al-Ahzab (33): 72
[103] Surah al-An'aam (6): 82
[104] Wilayah Abu Bakr
[105] Wilayah Umar
[106] Surah al-Taghaabun (64): 2
[107] Di alam atom atau alam roh
[108] Surah al-Insaan (76): 7
[109] Surah al-Ma'idah 95): 66

(661)-7. Al-Husain bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Muthanna, daripada Zurarah, daripada Abdillah bin 'Ajalan, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah: "*Katakanlah: "Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upahpun atas seruanku kecuali kasih sayang di dalam kekeluargaan*"[110] Beliau telah berkata: Merekalah para imam a.s.

(662)-8. Al-Husain binMuhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ali bin Asbat, daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Abi Basir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah: "*Dan sesiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya (tentang wilayah Ali) [dan wilayah] para imam selepasnya) maka sesungguhnya ia telah mendapat kemenangan yang besarr*"[111] Beliau telah berkata: Beginilah ianya diturunkan. [112]

(663)-9. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin al-Nadhar, daripada Muhammad bin Marwan secara *marfu'* kepada mereka tentang firman Allah a.w: "*Dan kamu tidak boleh menyakiti Rasulullah*"[113] pada Ali dan para imam a.s "*Seperti mereka yang telah menyakiti Musa, maka Allah membersihkannya dari tuduhan-tuduhan yang mereka katakan*"[114]

(664)-10. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Sayyaari, daripada Ali bin Abdillah berkata: Seorang lelaki telah bertanya beliau tentang firman Allah: "*Sesiapa yang mengikut petunjuk-Ku, ia tidak akan sesat dan tidak akan celaka*"[115] Beliau telah berkata: Sesiapa yang telah berkata tentang para imam dan mengikuti urusan mereka.

(665)-11. Al-Husain bin Muhammad, daripada Ali bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdillah secara *marfu'* tentang firman Allah a.w: "*Aku benar-benar bersumpah dengan kota ini, dan*

---

[110] Surah al-Syuura (42): 23
[111] Surah al-Ahzab (33): 71. Muslim, *Sahih*, ii, hlm 726 meriwyatkan bahawa Abu Musa al-Asy'ari telah membaca selepas Surah al-Saf (61):2 "*fatuktabu syahadatan fi a'naaqi-kum...*, tetapi ianya tidak dimasukkan di dalam al-Qur'an sekarang.
[112] Iaitu dengan makna ini ia diturunkan. Al-Suyuti, *al-Itqan*, I, hlm. 226 menyatakan bahawa dua surah yang bernama *al-Khal' dan al-Hafd* telah ditulis di dalam mashaf Ubayy bin Ka'ab dan mashaf Ibn 'Abbas. Sesungguhnya Ali a.s telah mengajar kedua-dua surah tersebut kepada Abdillah al-Ghafiqi, tetapi ianya tidak ada di dalam al-Qur'an yang ada sekarang.
[113] Surah al-Ahzab (33): 53
[114] Surah al-Ahzab (33): 69
[115] Surah Taha (20): 123

kamu (Muhammad) bertempat di kota Makkah ini, dan demi bapa dan anaknya"[116]Beliau telah berkata: Amir al-Mukminin dan apa yang dilahirkannya daripada para imam a.s.

(666)-12. Al-Husain binMuhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Uramah dan Muhammad bin Abdillah, daripada Ali bin Hassaan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah: "*Ketahuilah apa saja yang dapat kamu peroleh sebagai pendapatan, maka seperlima untuk Allah dan Rasul dan kerabat Rasul...*[117] Beliau telah berkata: Amir al-Mukminin dan para imam a.s

(667)-13. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Abdillah bin Sinan berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Dan di antara mereka yang kami ciptakan ada umat yang memberi petunjuk dengan hak dan dengan yang hak itu (pula) mereka menjalankan keadilan*"[118] Beliau telah berkata: Amir al-Mukminin dan para imam a.s.

(668)-14. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Uramah, daripada Ali bin Hassaan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah: "*Dialah yang menurunkan al-Kitab (al-Qur'an) kepada kamu. Di antaranya ada ayat-ayat yang muhkamah, itulah pokok-pokok isi al-Qur'an*"[119] Beliau a.s telah berkata: Amir al-Mukminin dan para imam a.s "*Dan yang lain (ayat-ayat) mutasyabihah*" Beliau a.s telah berkata: polan [120]dan polan[121] "*Adapun mereka yang dalam hatinya condong kepada kesesatan*" para sahabat mereka dan ahli wilayah mereka "*maka mereka mengikuti ayat-ayat mutasyabihah daripadanya untuk menimbulkan fitnah dan untuk mencari-cari takwilnya pada hal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah dan mereka yang mendalam ilmunya*"[122] Beliau telah berkata: Amir al-Mukminin dan para imam a.s.

(669)-15. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Muthanna, daripada Abdillah bin 'Ajalan, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: "*Apakah kamu mengira bahawa kamu akan dibiarkan (begitu saja),*

---

[116] Surah al-Balad (90):1-3
[117] Surah al-Anfaal(8): 41
[118] Surah al-A'raaf (7): 181
[119] Surah Ali 'Imran (3): 7
[120] Abu Bakr
[121] Umar
[122] Surah Ali 'Imran (3):7

sedang Allah belum mengetahui mereka yang berjihad di antara kamu dan tidak mengambil menjadi teman yang setia selain Allah, Rasul-Nya dan mereka yang beriman"[123] Dimaksudkan dengan *al-Mu'minin* (mereka yang beriman) di dalam ayat ini adalah para imam a.s, mereka (orang ramai) tidak mengambil menjadi teman setia selain daripada mereka.

(670)-16. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Safwan, daripada Ibn Maskan, daripada al-Halabi, daripada Abi Abdillah a.s tentang firman-Nya: "*Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya*"[124] [beliau telah berkata] aku telah berkata: Apakah perdamaian? Beliau telah berkata: Memasuki urusan kita.

(671)-17. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Jamil bin Salih, daripada Zurarah, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: "*Sesungguhnya kamu menaiki tingkat demi tingkat*"[125] Beliau telah berkata: Wahai Zurarah, tidakkah umat ini menaiki selepas nabinya tingkat demi tingkat di dalam urusan polan[126], polan [127]dan polan[128].

(672)-18. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Hammad bin Isa, daripada Abdillah bin Jundub berkata: Aku telah bertanya Abu al-Hasan a.s tentang firman Allah a.w: "*Dan sesungguhnya Kami telah turunkan perkataan ini (al-Qur'an) kepada mereka agar mereka mendapat pelajaran*"[129] Beliau telah berkata: Imam kepada imam a.s.

(673)-19. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Muhammad bin al-Nu'man, daripada Salam, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: "*Katakanlah: "Kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami*"[130] Beliau telah berkata: Dimaksudkan dengan demikian itu ialah Ali, Fatimah, al-Hasan, al-Husain dan selepas mereka adalah para imam a.s, Kemudian dikembalikan firman daripada Allah kepada manusia, maka Dia telah berfirman: "*Jika mereka telah beriman (iaitu manusia) sebagaimana kamu telah beriman dengannya (iaitu Ali,*

---

[123] Surah al-Taubah (9): 16
[124] Surah al-Anfaal (8): 61
[125] Surah al-Insyiqaaq (84): 19
[126] Abu Bakr
[127] Umar
[128] Uthman
[129] Surah al-Qasas (28): 51
[130] Surah al-Baqarah (2): 136

Fatimah, al-Hasan, al-Husain dan para imam a.s), sungguh mereka telah mendapat petunjuk dan jika mereka berpaling, sesungguhnya mereka berada di dalam permusuhan (dengan kami)"[131]

(674)-20. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Muthanna, daripada Abdillah bin 'Ajalan, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: "*Sesungguhnya orang yang paling dekat kepada Ibrahim ialah mereka yang mengikutinya dan Nabi ini (Muhammad) serta mereka yang beriman*"[132] Beliau telah berkata: Mereka ialah para Imam a.s dan mereka yang telah mengikuti mereka.

(675)-21. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Ahmad bin 'Aa'idh, daripada Ibn Udhinah, daripada Malik al-Jahani berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Dan al-Qur'an ini diwahyukan kepadaku supaya dengan dia aku memberi peringatan kepadamu dan kepada mereka yang sampai al-Qur'an (kepadanya)*"[133] Beliau telah berkata: Orang yang telah sampai [darjat] untuk menjadi imam daripada keluarga Muhammad, maka beliau diberi peringatan dengan al-Qur'an sebagaimana Rasulullah s.a.w diberi peringatan dengannya.

(676)-22. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Mufadhdhal bin Salih, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: "*Sesungguhnya Kami telah perintahkan Adam dahulu, maka ia lupa dan tidak Kami dapatinya azam yang kuat*"[134] Beliau telah berkata: Kami telah perintahkan kepadanya tentang Muhammad dan para imam a.s selepasnya, maka beliau telah meninggalkannya kerana beliau tidak ada azam yang kuat. Mereka dinamakan *Ulu al-'Azm* kerana Dia telah perintahkan kepada mereka tentang Muhammad dan para wasi selepasnya khususnya al-Mahdi dan sirahnya.

(677)-23. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ja'far bin Muhammad bin 'Ubaidillah, daripada Muhammad bin Isa al-Qummi, daripada Muhammad bin Sulaiman, daripada Abdillah bin Sinan, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman-Nya: "*Sesungguhnya telah Kami perintahkan kepada Adam dahulu*" Beberapa kalimat tentang Muhammad, Ali, Fatimah, al-Hasan, al-Husain dan para imam a.s daripada zuriat mereka (*maka ia lupa*)

---

[131] Surah al-Baqarah (2): 137
[132] Surah Ali 'Imran (3): 68
[133] Surah al-An'aam (6): 19
[134] Surah Taha (20_:115

beginilah [maksudnya], demi Allah ia diturunkan kepada Muhammad s.a.w.

(678)-24. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada al-Nadhar bin Syu'aib, daripada Khalid bin Maadd, daripada Muhammad bin al-Fadhl, daripada al-Thumali, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Allah telah mewahyukan kepada Nabi-Nya s.a.w: "*Maka berpegang teguhlah kamu kepada agama yang telah diwahyukan kepadamu. Sesungguhnya kamu berada di atas jalan yang lurus*"[135] Beliau telah berkata: Sesungguhnya engkau di atas wilayah Ali dan Ali adalah *al-Sirat al-Mustaqim.*

(679)-25. Ali bin Ibrahim, daripada Ahmad bin Muhammad al-Barqi, daripada bapanya, daripada Muhammad bin Sinan, daripada 'Ammar bin Marwan, daripada Munakhkhal, daripada Jabir, daripada Abu Abdillah a.s, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Jibrail a.s telah menurunkan ayat ini kepada Muhammad s.a.w seperti in: "*Alangkah buruknya mereka yang menjual dirinya sendiri dengan kekafiran kepada apa yang telah diturunkan Allah kerana dengki (tentang Ali)*"[136]

(680)-26. Dengan sanad-sanad ini, daripada Muhammad bin Sinan, daripada 'Ammar bin Marwan, daripada Munakhkhal, daripada Jabir, berkata: Jibrail a.s telah menurunkan ayat ini ke atas Muhammad seperti ini: "*Dan jika kamu dalam kerugian tentang apa (al-Qur'an) yang kami telah turunkan ke atas hamba Kami* (*tentang Ali*)[137], *buatlah satu surah seumpamanya*"[138]

(681)-27. Dengan sanad-sanad ini, daripada Muhammad bin Sinan, daripada 'Ammar bin Marwan, daripada Munakhkhal, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Jibrail a.s telah menurunkan ke atas Muhammad s.a.w dengan ayat ini: "*Wahai mereka yang telah diberikan al-Kitab, berimanlah kamu kepada apa yang telah Kami turunkan (tentang Ali) cahaya yang terang*" [139]

(682)-28. Ali bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Khalid, daripada bapanya, daripada Abu Talib, daripada Yunus bin

---

[135] Surah al-Zukhruf (43): 43
[136] Surah al-Baqarah (2): 90
[137] Al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, v, hlm. 192 mencatatkan bahawa di sana terdapat ayat yang tertinggal selepas surah al-Ahzab (33): 25 iaitu "*Bi 'Ali bin Abi Talib*" Justeru, ayat yang mesti dibaca ialah "*Kafa llahu l-Mu'minin al-Qital Bi 'Ali bin Abi Talib*"
[138] Surah al-Baqarah (2): 23
[139] Surah al-Nisaa' (4): 47

Bakkar, daripada bapanya, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s: "*Dan sesungguhnya jika mereka melaksanakan apa yang dinasihati dengannya (tentang Ali), tentulah hal yang demikian itu lebih baik bagi mereka*"[140]

(683)-29. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Ali al-Wasyaa', daripada Muthanna al-Hannat, daripada Abdillah bin 'Ajalan, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: "*Wahai mereka yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya dan jangan kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu*"[141] Beliau telah berkata: Tentang wilayah kami.

(684)-30. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Abdillah bin Idris, daripada Muhammad bin Sinan, daripada al-Mufadhdhal bin Umar berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Tetapi kamu memilih kehidupan dunia*" Beliau telah berkata: Mewalikan mereka[142]"*Sedangkan kehidupan akhirat adalah lebih baik dan lebih kekal*" Beliau telah berkata: Wilayah Amir al-Mukminin a.s. "*Sesungguhnya ini benar-benar terdapat dalam kitab-kitab yang terdahulu, iaitu kitab-kitab Ibrahim dan Musa*"[143]

(685)-31. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin Hassaan, daripada Muhammad bin Ali, daripada 'Ammar bin Marwan, daripada Munakhkhal, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: "*Apakah setiap yang datang kepadamu (Muhammad) membawa sesuatu (pelajaran) yang tidak sesuai dengan keinginanmu (dengan mewalikan Ali) lalu kamu menyombong, maka beberapa orang (daripada keluarga Muhammad) kamu dustakan dan beberapa orang yang kamu bunuh?*"[144]

(686)-32. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Abdillah bin Idris, daripada Muhammad bin Sinan, daripada al-Ridha a.s tentang firman Allah a.w: "*Amat berat bagi mereka yang musyrik (dengan wilayah Ali) apa yang kamu seru mereka kepadanya*"[145] Wahai Muhammad bin Sinan, dengan wilayah Ali, begitulah pada manuskrip kitab.

---

[140] Surah al-Nisaa' (4): 66
[141] Surah al-Baqarah (2): 208
[142] Abu Bakr, Umar dan Uthman
[143] Surah al-A'laa (88): 16-19
[144] Surah al-Baqarah (2): 87
[145] Surah al-Syuura (42): 13

(687)-33. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Hilal, daripada bapanya, daripada Abi al-Safaatij, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Segala puji bagi Allah yang telah menunjuki kami kepada ini. Dan kami sekali-kali tidak akan mendapat petunjuk kalau Allah tidak memberi kami petunjuk*"[146]

Maka beliau telah berkata: Apabila tiba hari Kiamat, lalu dipanggil Nabi s.a.w, Amir al-Mukminin dan para imam daripada anak-anaknya a.s, maka mereka terserlah kepada manusia, apabila Syiah melihat kepada mereka, mereka telah berkata: *Segala puji bagi Allah yang telah menunjuki kami kepada ini. Dan kami sekali-kali tidak akan mendapat petunjuk kalau Allah tidak memberi kami petunjuk*". Iaitu Allah telah menunjuki kami kepada wilayah Amir al-Mukminin dan wilayah para imam daripada anak-anaknya a.s.

(688)-34. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Uramah dan Muhammad bin Abdullah, daripada Ali bin Hassaan, daripada Abdullah bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Tentang apakah mereka saling bertanya-tanya? Tentang berita yang besar*"[147] Beliau telah berkata: Berita yang besar (*al-Naba' al-'Azim*) adalah wilayah Amir al-Mukminin a.s. Dan aku telah bertanya beliau tentang firman-Nya: "*Di sana wilayah itu hanya dari Allah Yang Hak*"[148] Beliau telah berkata: Wilayah Amir al-Mukminin a.s.

(689)-35. Ali bin Ibrahim, daripada Salih bin al-Sindi, daripada Ja'far bin Basyir, daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Abu Basir, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: "*Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada Agama*"[149] Beliau telah berkata: Wilayah (Ahlu l-Bait a.s).

(690)-36. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibrahim al-Hamdani secara *marfu'* kepada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari Kiamat*"[150] Beliau telah berkata: Para nabi dan para wasi a.s[151].

---

[146] Surah al-A 'raaf (7): 43
[147] Surah al-Nabaa' (78): 1-2
[148] Surah al-Kahfi (18): 44
[149] Surah al-Ruum (30): 30
[150] Surah al-Anbiyaa' (21): 47
[151] Apa yang dimaksudkan dengan *al-Mawaaziin* (timbangan) ialah para nabi dan para wasi a.s.

(691)-37. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Ahmad bin al-Husain bin Umar bin Yazid, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Muhammad bin Sinan, daripada al-Mufadhdhal bin Umar berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Datanglah al-Qur'an yang lain dari ini atau gantilah dia*"[152] Beliau telah berkata: Mereka telah berkata: Atau gantilah Ali a.s.). Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Isma'il bin Mihran, daripada al-Hasan al-Qummi, daripada Idris bin Abdullah, daripada Abu Abdillah a.s, berkata: Aku telah bertanya beliau tentang tafsir ayat: "*Apakah yang memasukkan kamu ke dalam Saqar? Mereka menjawab: "Kami dahulu tidak termasuk mereka yang mengerjakan sembahyang*"[153] Beliau telah berkata: Dimaksukkan dengannya bahawa kami dahulu tidak termasuk daripda pengikut-pengikut para imam yang difirmankan oleh Allah pada mereka: "*Dan mereka yang paling dahulu beriman, balasan kepada mereka yang paling dahulu beriman*"[154] Beliau telah berkata: Tidakkah anda melihat manusia menamakan orang yang mengikuti orang yang dahulu (*al-Sabiq*) di dalam perlumbaan kuda dengan nama *musalli.* Justeru, apa yang dimaksudkan dengan firman-Nya:"*Kami dahulu tidak termasuk mereka yang mengerjakan sembahyang*": Kami dahulu tidak termasuk mereka yang mengikuti mereka yang dahulu.

(692)-39. Ahmad bin Mihran, daripada 'Abd al-'Azim bin Abdullah al-Hasani, daripada Musa bin Muhammad, daripada Yunus bin Ya'qub, daripada orang yang beliau telah menyebutnya, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: "*Dan bahawasanya jika mereka tetap berjalan lurus di atas jalan itu, benar-benar Kami akan memberi minum kepada mereka air yang segar*"[155] Beliau telah berkata: Kami akan memberi minum hati-hati mereka dengan keimanan. Dan jalan (*al-Tariqah*) ialah wilayah Ali bin Abu Talib dan para wasi a.s.

(693)-40. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Fadhdhalah bin Ayyub, daripada al-Husain bin Uthman, daripada Abi Ayyub, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Sesungguhnya mereka yang mengatakan: "Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka meneguhkan pendirian mereka"*, Maka Abu Abdillah a.s telah berkata: Mereka meneguhkan pendirian mereka di atas para imam seorang demi seorang (*wahidan ba'da wahidin*) "*Maka malaikat akan turun kepada mereka:*

---

[152] Surah Yunus (10): 15
[153] Surah al-Mudaththir (74): 42-43
[154] Surah al-Waaqi'ah (56): 10-11
[155] Surah al-Jin (72): 16

Janganlah kamu merasa takut dan janganlah kamu merasa sedih dan gembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan Allah kepadamu"[156]

(694)-41. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abi Hamzah berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah: "*Katakanlah: Kami dahulu tidak termasuk mereka yang mengerjakan sembahyang*"[157] Maka beliau telah berkata: Sesungguhnya Aku hendak memperingatkan kepadamu dengan wilayah Ali a.s yang dimaksudkan dengan "*Kami dahulu tidak termasuk mereka yang mengerjakan sembahyang*".

(695)-42. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Uramah dan Ali bin Abdullah, daripada Ali bin Hassaan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Sesungguhnya mereka yang beriman, kemudian kafir, kemudian beriman (pula), kemudian kafir lagi, kemudian bertambah kekafirannya*"[158] "*Sekali-kali tidak akan diterma taubatnya*"[159]

Beliau telah berkata: Ayat ini telah diturunkan kepada polan[160], polan[161] dan polan[162], mereka telah beriman kepada Nabi s.a.w pada mulanya dan mereka telah kafir lagi apabila wilayah [Ali] dibentangkan kepada mereka ketika Nabi s.a.w bersabda: Sesiapa yang mana aku *maulanya*, maka ini Ali adalah *maula*nya". Kemudian mereka telah beriman dengan [memberi] baiah kepada Amir al-Mukminin a.s, kemudian mereka kafir lagi selepas kematian Rasulullah s.a.w, mereka tidak mengakui baiah tersebut. Kemudian kekafiran mereka bertambah apabila mereka mengambil orang yang telah memberi baiah kepadanya (Ali) supaya memberi baiah kepada mereka pula, Justeru, iman tidak tinggal pada mereka walaupun sedikitpun.

(696)-43. Dengan sanad-sanad ini, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah: "*Sesungguhnya mereka yang telah kembali ke belakang (murtad) sesudah petunjuk itu jelas bagi mereka*"[163]. Beliau telah berkata: Polan, polan dan polan[164], mereka telah murtad daripada

[156] Surah Fussilat (41): 30
[157] Surah al-Saba' (34): 46
[158] Surah al-Nisaa' (4): 137
[159] Surah Ali 'Imran (3): 90
[160] Abu Bakr
[161] Umar
[162] Uthman
[163] Surah Muhammad (47): 25
[164] Abu Bakr, Umar dan Uthman.

keimanan (*irtadduu 'an al-Iman*) kerana meninggalkan wilayah Amir al-Mukminin a.s (*fi tarki wilayah Amir al-mu'minin a.s*). Aku telah berkata: Tentang firman Allah: "*Yang demikian itu kerana sesungguhnya mereka itu berkata kepada mereka yang benci kepada apa yang diturunkan Allah: "Kami akan mematuhi kamu dalam beberapa urusan*"[165]

Beliau telah berkata: Ayat ini telah diturunkan, demi Allah, kepada mereka berdua[166] dan kepada pengikut-pengikut mereka berdua[167] iaitu firman Allah a.w yang diturunkan oleh Jibrail a.s ke atas Muhammad s.a.w: "*Yang demikian itu kerana sesungguhnya mereka itu berkata kepada mereka yang benci kepada apa yang diturunkan Allah (tentang Ali) Kami akan mematuhi kamu dalam beberapa urusan*" Beliau telah berkata: Mereka telah menyeru Bani Umayyah kepada perjanjian mereka supaya mereka tidak menjadikan urusan [*khilafah*] kepada kami selepas Nabi s.a.w dan mereka tidak memberi khumus kepada kami dan mereka telah berkata: Jika kita memberinya kepada mereka, nescaya mereka tidak berhajat kepada apa-apa lagi dan mereka tidak peduli bahawa urusan ini untuk mereka.

Maka mereka telah berkata: Kami akan mematuhi kamu dalam beberapa urusan yang kamu telah menyeru kami kepadanya iaitu khumus supaya kami tidak memberi khumus kepada mereka dan firman-Nya: "*Mereka benci apa yang diturunkan Allah*" Dan apa yang diturunkan Allah dan difardukan ke atas makhluk-Nya ialah wilayah Amir al-Mukminin a.s. Bersama mereka ialah Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah sebagai setiausaha mereka. Kemudian Allah menurunkan firman-Nya: "*Bahkan mereka telah menetapkan satu urusan (tipudaya), maka sesungguhnya Kami menetapkan pula. Apakah mereka mengira bahawa Kami tidak mendengar rahsia dan bisikan mereka?*"[168]

(697)-44. Dan dengan sanad-sanad ini, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Dan sesiapa yang bermaksud di dalamnya melakukan kejahatan secara zalim*"[169]Beliau telah berkata: Ayat ini diturunkan kepada mereka[170] apabila mereka telah memasuki Ka'bah, lalu mereka membuat perjanjian dan menetapkan di atas kekafiran dan

---

[165] Surah Muhammad (47): 26
[166] Abu Bakr dan Umar
[167] Termasuk golongan Khawarij, Salafi, Wahabi dan Ahlu al-Sunnah wa al-Jama'ah.
[168] Surah al-Zukhruf (43): 79-80
[169] Surah al-Hajj (22): 25
[170] Abu Bakr, Umar, Khalid bin Walid, Salim Maula Huzaifah dan Sa'd bin Abi Waqqas. Mereka dikenali dengan "Ashab al-Khamsah" Lima sahabat yang telah membuat perjanjian di hadapan Ka'bah bahawa apabila Muhammad s.a.w mati, mereka akan menghalang Ali a.s dari menjadi khalifah. Lihat *Kitab Sulaim*, hlm.87.

keingkaran mereka terhadap apa yang diturunkan kepada Amir al-Mukminin a.s, maka mereka telah melakukan kejahatan secara zalim kepada Rasulullah s.a.w dan walinya di Ka'bah, maka alangkah jauhnya golongan yang zalim [daripada kebenaran].

(698)-45. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ali bin Asbat, daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Kelak kamu akan mengetahui siapakah yang berada dalam kesesatan yang nyata*"[171] Wahai kumpulam pembohong-pembohong yang mana aku telah memberitahu kepada kamu perutusan Tuhanku tentang wilayah Ali a.s dan para imam selepasnya, siapakah yang berada dalam kesesatan yang nyata? Demikianlah ia telah diturunkan. Dan tentang firman-Nya: "*Dan jika kamu memutarbelitkan (kata-kata) atau menentang*"[172] Maka beliau telah berkata: Jika kamu memutarbelitkan urusan [*khilafah*] dan menentang apa yang diperintahkan kepada kamu "*Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu lakukan*" dan firman-Nya: "*Maka sesungguhnya Kami akan merasakan azab yang keras (di dunia) kepada mereka yang kafir (kerana meninggalkan wilayah Amir al-Mukmin a.s) dan Kami akan memberi balasan kepada mereka dengan seburuk-buruk pembalasan bagi apa yang mereka telah kerjakan*"[173]

(699)-46. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ali bin Asbat, daripada Ali bin Mansur, daripada Ibrahim bin 'Abd al-Hamid, daripada al-Walid bin Sabih, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman-Nya: "*Yang demikian itu apabila Allah saja diseru (dan ahli wilayah), kamu kafir*"[174]

(700)-47. Ali bin Ibrahim, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Khalid, daripada Muhammad bin Sulaiman, daripada bapanya, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah: "*Seorang yang telah meminta kedatangan azab yang akan menimpa, bagi mereka yang kafir (dengan wilayah Ali), tidak seorangpun dapat menolaknya*"[175]Kemudian beliau telah berkata: Demikianlah Jibrail telah menurunkannya ke atas Muhammad s.a.w[176].

---

[171] Surah al-Mulk (67): 29
[172] Surah al-Nisaa' (4): 135
[173] Surah Fussilat (41): 27
[174] Surah al-Mu'min (40): 12
[175] Surah al-Ma'aarij (70): 1-2
[176] Al-Suyuti, *al-Itqan*, iii, hlm. 82, *al-Durr al-Manthur*, v, hlm. 180 meriwayatkan daripada 'Aisyah bahawa beliau telah berkata: "Surah al-Ahzab (33) di baca pada zaman Rasulullah s.a.w sebanyak 200 ayat, tetapi pada masa Uthman menulis mashaf, ianya tinggal 73 ayat sahaja. Ini bererti 127 ayat telah dihilangkan.

(701)-48. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Hasan bin Saif, daripada saudaranya, daripada bapanya, daripada Abi Hamzah, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah: "*Sesungguhnya kamu benar-benar dalam keadaan berbeza-berbeza pendapat (tentang urusan wilayah) dipalingkan daripadanya orang yang dipalingkan*"[177] Beliau telah berkata: Sesiapa yang dipalingkan daripada wilayah [Ali] akan dipalingkan daripada syurga.

(702)-49. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Yunus berkata: Seorang lelaki telah memberitahu kepadaku yang mana beliau telah meriwayatkannya secara *marfu'* kepada Abu Abdillah a.s tentang firman-Nya : "*Tetapi dia tidak menempuh jalan yang mendaki lagi sukar. Tahukah kamu apakah jalan yang mendaki lagi sukar itu? (Iaitu) melepaskan budak dari perbudakan*"[178] Dimaksudkan dengan firman-Nya: "*Melepaskan budak dari perbudakan*" wilayah Amir al-Mukminin a.s kerana ia [seperti] melepaskan budak dari perbudakan (*fakk raqabah*).

(703)-50. Dengan sanad-sanad ini, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Dan berilah berita gembira kepada mereka yang beriman bahawa mereka mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Tuhan mereka*"[179] Beliau telah berkata: [Dengan] Wilayah Ali a.s.

(704)-51. Ali bin Ibrahim, daripada Ahmad bin Muhammad al-Barqi, daripada bapanya, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abi Hamzah, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: *Inilah dua golongan yang bertengkar, mereka saling bertengkar mengenai Tuhan mereka. Maka orang kafir (dengan wilayah Ali) akan dibuatkan untuk mereka pakaian-pakaian dari api neraka*"[180]

(705)-52. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Uramah, daripada Ali bin Hassaan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir, berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Di sana wilayah itu hanya dari Allah Yang Hak*"[181] Beliau telah berkata: Wilayah Ali bin Abu Talib a.s.

---

[177] Surah al-Dhaariyaat (51): 8-9
[178] Surah al-Balad (90): 11-13
[179] Surah Yunus (10): 2
[180] Surah al-Hajj (22): 19
[181] Surah al-Kahf (18): 44

(706)-53. Muhammad bin Yahya, Salmah bin al-Khattab, daripada Ali bin Hassaan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Celupan Allah. Dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah?*"[182] Beliau telah berkata: Celupan mukminin dengan wilayah (Ali a.s) di dalam perjanjian (*al-Mithaq*)[183].

(707)-54. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahamd bin Muhammad bin Isa, daripada Ibn Fadhdhal, daripada al-Mufadhdhal bin Salih, daripada Muhammad bin Ali al-Halabi, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Wahai Tuhanku! Ampunilah aku, ibu bapaku, orang yang masuk ke rumahku dengan beriman*"[184] Iaitu wilayah Ahlu–l-Bait a.s. Sesiapa yang telah masuk di dalam wilayah, maka beliau telah masuk di dalam rumah para nabi a.s. dan firman-Nya: "*Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu, wahai Ahlu l-Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya*"[185] Iaitu para imam a.s dan wilayah mereka. Justeru, sesiapa yang telah masuk di dalamnya, maka beliau telah masuk di dalam rumah Nabi s.a.w.

(708)-55. Dengan sanad-sanad ini, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Umar bin 'Abd al- 'Aziz, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada al-Ridha a.s, berkata: Aku telah berkata tentang firman-Nya: "*Katakanlah: Dengan kurnia Allah dan rahmat-Nya, hendaklah dengan itu mereka bergembira. Kurnia Allah dan rahmat-Nya itu adalah lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan*"[186] Beliau telah berkata: Dengan wilayah Muhammad dan keluarga Muhammad a.s adalah lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan daripada dunia mereka.

(709)-56. Ahmad bin Marwan, daripada 'Abd al-'Azim bin Abdullah al-Hasani, daripada Ali bin Asbat, daripada Ibrahim bin 'Abd al-Hamid, daripada Zaid al-Syahhaam berkata: Abu Abullah a.s telah berkata kepadaku-ketika kami berada di jalan pada malam Jumaat-: Bacalah al-Qur'an kerana ia adalah malam Jumaat, maka aku telah membaca: "*Sesungguhnya hari keputusan (hari Kiamat) itu adalah waktu yang dijanjikan bagi mereka semuanya, iaitu hari yang seorang karib tidak dapat memberi manfaat kepada karibnya sedikitpun dan mereka tidak akan mendapat pertolongan, kecuali orang yang diberi rahmat oleh*

[182] Surah al-Baqarah (2): 138
[183] Perjanjian di alam roh
[184] Surah Nuh (71): 28
[185] Surah al-Ahzab (33): 33
[186] Surah Yunus (10): 58

Allah"[187] Maka Abu Abdillah a.s telah berkata: Kami, demi Allah, orang yang dirahmati Allah dan kami yang dikecualikan oleh Allah, tetapi kami dapat memberi manfaat kepada mereka.

(710)-57. Ahmad bin Marwan, daripada 'Abd al-'Azim bin Abdullah, daripada Yahya bin Salim, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Manakala ayat: "*Dan agar diperhatikan oleh telinga yang mahu mendengar*"[188] Rasulullah s.a.w bersabda: Ia adalah telinga anda, wahai Ali".

(711)-58. Ahmad bin Marwan, daripada 'Abd al-'Azim bin Abdullah, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abi Hamzah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Beginilah Jibrail a.s telah menurunkan ayat ini ke atas Muhammad s.a.w: "*Lalu mereka yang zalim mengganti (keluarga Muhammad akan hak mereka) perkataan dengan yang tidak diperintahkan kepada mereka. Sebab itu Kami timpakan atas mereka yang zalim (keluarga Muhammad akan hak mereka) seksa dari langit, kerana mereka berbuat fasik*"[189]

(712)-59. Dan dengan sanad-sanad ini, daripada 'Abd al-'Azim bin Abdullah al-Hasani, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abi Hamzah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Jibrail a.s telah menurunkan ayat ini begini: "*Sesungguhnya mereka yang telah menzalimi (keluarga Muhammad akan hak mereka), Allah sekali-kali tidak akan mengampuni mereka dan tidak akan menunjukkan jalan kepada mereka*"[190] Kemudian Dia telah berfirman: "*Wahai manusia, sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul dengan kebenaran dari Tuhan kamu (tentang wilayah Ali), maka berimanlah kamu, itulah yang lebih baik bagi kamu. Dan jika kamu kafir (dengan wilayah Ali), kerana sesungguhnya apa yang di langit dan di bumi itu adalah kepunyaan Allah*"[191]

(713)-60. Ahmad bin Mihran-*rahima-hu llahu*-, daripada 'Abd al-'Azim, daripada Bakkar, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Beginilah turunnya ayat ini: "*Sesungguhnya jika mereka*

---

[187] Surah al-Dukhaan (44): 40-42
[188] Surah al-Haaqqah (69): 12
[189] Surah al-Baqarah (2): 59
[190] Surah al-Nisaa' (4): 167. Perkataan *kafaruu* (mereka telah kafir) sebeum perkataan *zalamuu,* tidak ada di dalam teks asal. Justeru, tidak hairanlah jika Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad,* I, hlm. 394, al-Turmudhi, *Sahih,* v, hlm. 191 menyatakan bahawa Surah al-Dhaariyaat (51): 58 telah diubah dari teks asalnya *inni ana al-Razzaq* kepada *inna llaha huwa al-Razzaq* iaitu teks sekarang.
[191] Surah al-Nisaa' (4): 170

melaksanakan apa yang dinasihatkan kepada mereka (tentang Ali), tentulah hal yang sedemikian lebih baik bagi mereka"[192]

(714)-61. Ahmad, daripada 'Abd al-'Azim, daripada Ibn Udhinah, daripada Malik al-Jahani berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s tentang firman-Nya: "*Dan al-Qur'an ini diwahyukan kepadaku supaya dengan dia aku memberi peringatan kepadamu dan kepada orang yang sampai al-Qur'an (kepadanya)*"[193] Beliau telah berkata: Orang yang sampai al-Qur'an (kepadanya) untuk menjadi imam daripada keluarga Muhammad, diberi peringatan dengan al-Qur'an sebagaimana Rasulullah s.a.w telah diberi peringatan kepadanya.

(715)-62. Ahmad, daripada 'Abd al-'Azim, daripada al-Husain bin Miyyaah, daripada orang yang telah memberitahu kepadanya berkata: Seorang lelaki telah membaca di sisi Abu Abdillah a.s: "*Dan katakanlah*: "*Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta mereka yang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu*"[194] Maka beliau telah berkata: Ayat bukanlah begitu, bahawasanya ia adalah *al-ma'munuun* (mereka yang diamanahkan) bukan *al-mu'minuun* seperti di dalam teks sekarang. Justeru, kamilah *al-Ma'munuun*[195].

(716)-63. Ahmad, daripada 'Abd al-'Azim, daripada Hisyam bin al-Hakam, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: "*Inilah jalan Ali yang lurus*"[196]

(717)-64. Ahmad, daripada 'Abd al-'Azim, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abi Hamzah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Jibrail a.s telah menurunkan ayat begini: "*Tetapi kebanyakan manusia tidak mahu (dengan wilayah Ali), kecuali mengingkari[nya]*"[197] Beliau telah berkata: Jibrail a.s telah menurunkan ayat ini begini: "*Dan katakanlah: Kebenaran itu datangnya dari Tuhan kamu (tentang wilayah Ali), sesiapa yang ingin(beriman), hendaklah ia beriman dan sesiapa yang ingin (kafir) biarlah ia kafir. Sesungguhnya Kami telah sediakan bagi mereka yang zalim (keluarga Muhammad) neraka*"[198]

---

[192] Surah al-Nisaa' (4): 66
[193] Surah al-An'aam (6): 19
[194] Surah al-Taubah (9): 105
[195] *Al-Ma'munuun* ialah mereka yang diamanahkan lagi maksum (para imam a.s).
[196] Surah al-Hijr (15): 41 Abu Abdillah a.s membacanya dengan perkataan "'Ali" bukan *'alayya* sementara teks sekarang tertulis *'alayya* ertinya ke atasku.
[197] Surah al-Israa' (17): 89
[198] Surah al-Kahf (18): 29

(718)-65. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Isma'il, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu al-Hasan a.s tentang firman-Nya: *"Dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah kepunyaan Allah. Maka janganlah kamu menyembah seorangpun di dalamnya di samping Allah"*[199] Beliau telah berkata: Mereka itulah para wasi a.s.

(719)-66. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ibn Mahbub, daripada al-Ahwal, daripada Salam bin al-Mustanir, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman-Nya: *"Katakanlah: "Inilah jalanku, aku menyeru kepada Allah di atas hujah, aku dan orang yang telah mengikutiku"*[200] Beliau telah berkata: Itu adalah Rasulullah s.a.w, Amir al-Mukminin dan para wasi a.s selepas mereka.

(720)-67. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Isma'il, daripada Hannan, daripada Salim al-Hannat berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: *"Lalu Kami keluarkan mereka yang beriman yang berada di negeri kaum Lut itu dan Kami tidak mendapati di negeri itu, kecuali sebuah rumah dari mereka yang berserah diri"*[201] Abu Ja'far a.s telah berkata: Keluarga Muhammad tidak tinggal padanya selain daripada mereka.

(721)-68. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada Isma'il bin Sahl, daripada al-Qasim bin 'Urwah, daripada Abi al-Safaatij, daripada Zurarah, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman-Nya: *"Ketika mereka melihatnya (azab) sudah dekat, maka mereka yang kafir itu manjadi muram. Dan dikatakan (kepada mereka) inilah (azab) yang dahulunya kamu selalu meminta-mintanya"*[202] Beliau telah berkata: Ayat ini telah diturunkan kepada Amir al-Mukminin a.s dan para sahabatnya yang telah melakukan apa yang mereka mahu terhadapnya, mereka melihat Amir al-Mukminin a.s di tempat yang paling gembira bagi mereka, maka muka mereka menjadi muram dan dikata kepada mereka: Inilah (azab) yang dahulunya kamu selalu meminta-mintanya: Yang kamu telah menggunakan namanya sahaja.

(722)-69. Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khattab, daripada Ali bin Hassaan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman-Nya; *"Dan yang menyaksikan dan yang*

[199] Surah al-Jin (72): 18
[200] Surah Yusuf (12): 108
[201] Surah al-Dhaariyaat (51): 35-36
[202] Surah al-Mulk (67): 27

disaksikan"[203] Beliau telah berkata: Nabi s.a.w dan Amir al-Mukminin a.s.

(723)-70. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Uramah, daripada Ali bin Hassaan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir, daripada al-Wasyaa', daripada Ahamd bin Umar al-Hallal berkata: Aku telah bertanya Abu al-Hasan a.s tentang firman Allah a.w: "*Kemudian seorang penyeru di kalangan mereka mengumumkan bahawa laknat Allah ke atas mereka yang zalim*"[204] Beliau telah berkata: Penyeru (*al-Mu'azzin*) itu adalah Amir al-Mukminin a.s.

(724)-71. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Uramah, daripada Ali bin Hassaan, daripada 'Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman-Nya: "*Dan mereka diberi petunjuk kepada ucapan-ucapan yang baik dan ditunjuki (pula) kepada jalan yang terpuji*"[205] Beliau telah berkata: Itu adalah Hamzah, Ja'far,'Ubaidah, Salman, Abu Dhar, al-Miqdad bin Aswad dan 'Ammar telah diberi petunjuk kepada Amir al-Mukminin a.s. dan firman-Nya:"*Tetapi Allah menjadikan kamu cinta kepada keimanan dan menjadikan iman itu indah dalam hati kamu (Iaitu Amir al-Mukminin a.s) serta menjadikan kamu benci kepada kekafiran, kefasikan dan kemaksiatan*"[206]Orang pertama[207], kedua[208]dan ketiga[209].

(725)-72. Muhammad bin Yahya, daripada Ibn Mahbub, daripada Jamil bin Salih, daripada Abi 'Ubaidah, berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w: "*Bawalah kepada-Ku Kitab sebelum ini atau peninggalan dari pengetahuan, jika kamu adalah mereka yang benar*"[210] Beliau telah berkata: Dimaksudkan dengan kitab itu ialah Taurat dan Injil dan "*peninggalan dari pengetahuan*" dimaksudkan dengan ilmu para wasi nabi a.s.

(726)-73. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada orang yang telah memberitahu kepadanya, daripada Ali bin Ja'far telah berkata: Aku telah mendengar Abu al-Hasan a.s telah berkata: Manakala Rasulullah s.a.w telah melihat di dalam

---

[203] Surah al-Buruuj (85): 3
[204] Surah al-A'raaf 97): 44
[205] Surah al-Hajj (22): 24
[206] Surah al-Hujuraat (49): 7
[207] Abu Bakr
[208] Umar
[209] Uthman
[210] Surah al-Ahqaaf (46): 4

mimpinya Taiman[211] dan 'Adiyyan[212] dan Bani Umayyah[213] menaiki mimbar [masjid]nya, maka ia telah menakutkannya, lalu Allah telah menurunkan firman-Nya: "*Dan ketika Kami berkata kepada malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam", maka mereka sujud kecuali Iblis. Ia membangkang*"[214] Kemudian Dia telah mewahyukan kepadanya, Wahai Muhammad, sesungguhnya Aku telah menyuruh, maka Aku tidak ditaati, justeru, janganlah engkau berdukacita apabila anda menyuruh, maka engkau tidak ditaati pada wasi engkau"

(727)-74. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada al-Husain bin Na'aim al-Sahhaaf berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman-Nya: "*Maka di antaramu ada yang kafir dan di antaramu ada yang beriman*"[215] Maka beliau telah berkata: Allah a.w telah mengetahui iman mereka dengan wilayah kami dan kekafiran mereka dengannya pada hari diambil perjanjian ke atas mereka dan mereka adalah atom (*dhar*) pada salbi Adam. Dan aku telah bertanya beliau tentang firman-Nya: "*Dan taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul, jika kamu berpaling maka sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan (amanat Allah) dengan terang*"[216] Maka beliau telah berkata: Demi Allah, tidak binasa orang yang sebelum kamu, malah tidak binasa orang yang binasa sehingga al-Qaim kita datang melainkan beliau meninggalkan wilayah kami dan mengingkari hak kami. Rasulullah s.a.w tidak keluar dari dunia sehingga baginda s.a.w mewajibkan di atas tengkuk umat ini hak kami dan Allah menunjuk siapa yang Dia kehendaki kepada jalan yang lurus.

(728)-75. Muhammad bin al-Hasan dan Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Musa bin al-Qasim al-Bajali, daripada Ali bin Ja'far, daripada saudaranya Musa a.s tentang firman-Nya: "*Perigi yang ditinggalkan dan istana yang tinggi*"[217] Beliau telah berkata: Perigi yang ditinggalkan ialah imam yang diam (*al-Samit*) dan istana yang tinggi ialah imam yang bercakap (*al-Natiq*). Ia diriwayatkan oleh Muhammad bin Yahya, daripada al-'Umari Kiy, daripada Ali bin Ja'far, daripada Abu al-Hasan a.s.

---

[211] Abu Bakr
[212] Umar
[213] Uthman, Mu'awiyah dan keturunannya.
[214] Surah Taha (20): 116
[215] Surah al-Taghaabun (64): 2
[216] Surah al-Taghaabun (64): 12
[217] Surah al-Hajj (22): 45

(729)-76. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada al-Hakam bin Bahlul, daripada seorang lelaki, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman-Nya: "*Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada yang sebelummu, "Jika kamu mempersekutukan (Tuhan), nescaya akan terhapuslah amalanmu*"[218] Beliau telah berkata: Iaitu jika kamu mempersekutukan pada wilayah selain daripada-Nya "*Kerana itu, Maka hendaklah Allah saja kamu sembah dan hendaklah kamu termasuk mereka yang bersyukur*"[219] Iaitu sembahlah Allah dengan ketaatan dan jadilah engkau di kalangan mereka yang bersyukur.

(730)-77. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Muhammad al-Hasyimi telah berkata: Bapaku telah memberitahu kepadaku, daripada Ahmad bin Isa berkata: Ja'far bin Muhammad telah memberitahu kepadaku, daripada bapanya, daripada datuknya a.s tentang firman Allah a.w: "*Mereka mengetahui nikmat (ni'mat) Allah, kemudian mereka mengingkarinya*"[220] Beliau telah berkata: Manakala turunnya ayat: "*Sesungguhnya wali kamu adalah Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat di dalam keadaan mereka rukuk*"[221] Beberapa orang daripada sahabat Rasulullah s.a.w telah berkumpul di masjid Madinah, maka sebahagian mereka telah berkata kepada sebahagian yang lain: Apakah pendapat kamu tentang ayat ini?

Sebahagian mereka telah berkata: Jika kita mengingkari ayat ini (*in kafarna bi-hadhihi al-Ayat*), nescaya kita menentang kesemuanya dan jika kita percaya, maka ini adalah satu penghinaan [kepada kita] ketika Ibn Abi Talib menguasai kita, maka mereka telah berkata: Kita telah mengetahui bahawa Muhammad itu benar apa yang dikatakan olehnya, justeru, kita mewalikannya, tetapi kita tidak mentaati Ali sebagaimana kita diperintahkan. Beliau telah berkata: Maka ayat ini diturunkan: "*Mereka mengetahui nikmat (ni'mat) Allah, kemudian mereka mengingkarinya*"[222] Mereka mengetahui wilayah [Ali bin Abu Talib] dan kebanyakan mereka mengingkari wilayah Ali bin Abu Talib.

(731)-78. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ibn Mahbub, daripada Muhammad bin al-Nu'man, daripada Salam berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang firman-Nya: "*Mereka yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati*"[223]

---

[218] Surah al-Zumar (39): 65
[219] Surah al-Zumar (39): 66
[220] Surah al-Nahl (16): 83
[221] Surah al-Ma'idah (5): 55
[222] Surah al-Nahl (16): 83
[223] Surah al-Furqaan (25): 63

Beliau telah berkata: Mereka adalah para wasi kerana khuatirkan musuh mereka.

(732)-79. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Bastam bin Murrah, daripada Ishaq bin Hassaan, daripada al-Haitham bin Waqid, daripada Ali bin al-Husain al-'Abdi, daripada Sa'd al-Askaf, daripada Asbagh bin Nubatah bahawa beliau telah bertanya Amir al-Mukminin a.s tentang firman-Nya: "*Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua ibu bapa kamu, hanya kepada AKulah kamu kembali*" [224] Beliau telah berkata: Dua ibu bapa yang Allah mewajibkan kesyukuran kepada mereka berdua adalah ibu bapa yang telah melahirkan ilmu, mewariskan hikmah dan manusia diperintahkan supaya mentaati mereka berdua. Kemudian Allah telah berfirman: "*hanya kepada AKulah kamu kembali*"

Justeru manusia mesti kembali kepada Allah, kemudian Dia telah mengaitkannya kepada anak lelaki Hantamah[225] dan sahabatnya[226], maka Dia telah berfirman secara khas dan umum: "*Dan jika kedua-duanya memaksa kamu untuk mempersekutukan dengan Aku*"[227] Beliau telah berkata: Tentang wasiat dan [jika] anda berpaling daripada orang yang anda diperintahkan supaya mentaatinya(Ali), maka janganlah anda mematuhi mereka berdua (Abu Bakr dan Umar) dan janganlah anda mendengar kata-kata mereka berdua, kemudian Dia mengaitkan firman-Nya kepada "*dua ibu bapa*" Maka Dia telah berfirman: "*Dan pergaulilah keduanya di dunia dengan baik*" Beliau telah berkata: Perkenalkanlah kepada manusia kelebihan mereka berdua dan serulah [manusia] kepada jalan mereka berdua sebagaimana firman-Nya: "*Dan ikutilah jalan orang yang kembali kepada-Ku*" [228]Maka beliau telah berkata: Kepada Allah, kemudian kepada kami, bertakwalah kamu kepada Allah dan janganlah kamu menderhakai dua ibu bapa kamu kerana keredaan mereka berdua adalah keredaan Allah dan kemarahan mereka berdua adalah kemarahan Allah.

(733)-80. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin Saif, daripada bapanya, daripada 'Amru bin Huraith berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Seperti pohon yang baik akarnya teguh dan cabangnya ke langit*"[229] Beliau telah berkata: Rasulullah s.a.w adalah akarnya, Amir

---

[224] Surah Luqman (31): 14
[225] Umar bin al-Khattab. Hantamah adalah ibu Umar bin al-Khattab.
[226] Abu Bakr
[227] Surah Luqman 931): 15
[228] Ibu bapa yang menyeru anak mereka kepada perkara mungkar mesti ditentang secara baik.
[229] Surah Ibrahim (14): 24

al-Mukminin a.s adalah cabangnya, para imam daripada zuriat mereka berdua adalah dahan-dahannya. Ilmu para imam adalah buahnya dan Syiah mereka yang beriman adalah daunnya, adakah ia satu kelebihan? Beliau telah berkata: Aku telah berkata: Tidak, demi Allah, beliau telah berkata: Demi Allah, sesungguhnya mukmin [apabila] dilahirkan, maka keluarlah satu daun padanya dan sesungguhnya mukmin [apabila] beliau mati, maka daun itu akan gugur daripadanya.

(734)-81. Muhammad bin Yahya, daripada Hamdan bin Sulaiman, daripada Abdullah bin Muhammad al-Yamani, daripada Mani' bin al-Hajjaj, daripada Yunus, daripada Hisyam bin al-Hakam, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: *"Tidak manfaat iman seseorang kepada dirinya yang belum beriman sebelum itu (Iaitu perjanjian di alam roh) atau dia (belum) melakukan kebaikan dalam masa imannya"*[230] Beliau telah berkata: Ikrar dengan para nabi, para wasi dan Amir al-Mukminin a.s secara khusus. Beliau telah berkata: Imannya tidak akan memanfaatkannya kerana ia telah diambil.

(735)-82. Dan dengan sanad-sanad ini, daripada Yunus, daripada Sabah al-Mazni, daripada Abi Hamzah, daripada salah seorang daripada mereka berdua a.s tentang firman Allah a.w: *"Malah sesiapa yang berbuat dosa dan ia diliputi oleh dosanya"* Beliau telah berkata: Apabila beliau mengingkari *imamah* Amir al-Mukminin a.s *"Mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya"*[231]

(736)-83. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abi Nasr, daripada Hammad bin Uthman daripada Abi 'Ubaidah al-Haza' berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far tentang kemampuan (*istitaa'ah*) dan kata-kata manusia, maka beliau telah berkata: Beliau telah membaca ayat ini: *"Tetapi mereka sentiasa berselisih pendapat, kecuali mereka yang diberi rahmat oleh Tuhanmu dan untuk itulah Allah telah menciptakan mereka"*[232] Beliau telah berkata: Wahai Abu 'Ubaidah, manusia berselisih pendapat tentang ketepatan kata-kata dan semua mereka binasa. Aku telah berkata: Firman-Nya: *"Kecuali mereka yang diberi rahmat oleh Tuhanmu"*?

Beliau telah berkata: Mereka itu adalah Syiah kita dan kerana rahmat-Nyalah Dia telah menciptakan mereka, iaitu firman-Nya: *"Untuk itulah Dia telah menciptakan mereka"* Beliau telah berkata: Kerana ketaatan kepada imam. Tentang rahmat-Nya Dia telah berfirman: *"Rahmat-Ku meliputi setiap sesuatu"* Beliau telah berkata: Ilmu imam adalah daripada ilmu-Nya yang meliputi setiap sesuatu. Kemudian Dia

[230] Surah al-An 'aam (6): 158
[231] Surah al-Baqarah (2): 81
[232] Surah Huud (11): 118-119

telah berfirman: *"Maka aku tetapkan rahmat-Ku untuk mereka yang bertakwa"*[233] Iaitu wilayah imam dan ketaatan kepadanya. Kemudian Dia telah berfirman: *"Mereka mendapatinya tertulis di sisi mereka di dalam Taurat dan Injil"* Iaitu Nabi s.a.w, wasi dan al-Qaim *"Menyuruh mereka mengerjakan yang makruf dan melarang mereka mengerjakan yang mungkar"* Munkar adalah orang yang mengingkari kelebihan imam dan menentangnya *"Dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik"* Iaitu mengambil ilmu daripada ahlinya *"Dan menghramkan bagi mereka segala yang buruk"*

Segala yang buruk adalah kata-kata dari musuh[234] *"Dan membuang dari mereka beban-beban"* Iaitu dosa-dosa yang dahulu sebelum mereka mengetahui kelebihan imam *"Belenggu yang ada pada mereka"* Iaitu kata-kata mereka yang menentang kelebihan imam. Apabila mereka mengetahui kelebihan imam, lalu dibuang dari mereka beban-beban atau dosa-dosa mereka. Kemudian Dia telah berfirman: *"Maka mereka yang beriman kepadanya (Iaitu imam), memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya, mereka itulah mereka yang beriman"*[235] Iaitu mereka yang meninggalkan *al-Jibt* dan *al-Taghut* dan ibadat terhadap mereka. *Al-Jibt* dan *al-Taghut* adalah polan, polan dan polan[236]. Dan ibadat kepada mereka iaitu ketaatan manusia kepada mereka. Kemudian Dia telah berfirman: *"Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dan berserahlah diri kepada-Nya"*[237] Kemudian Dia memberi ganjaran kepada mereka, maka Dia telah berfirman: *"Bagi mereka berita gembira di dalam kehidupan di dunia dan di akhirat"*[238] Imam memberi berita gembira kepada mereka dengan kedatangan al-Qaim [secara khusus] dan kelahirannya, dengan pembunuhan musuh-musuh mereka, kejayaan di akhirat dan mendatangi Muhammad s.a.w di Kolam (*al-Haudh*) kelak.

(737)-84. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Ibn Mahbub, daripada Hisyam bin Salim, daripada 'Ammar al-Sabiti berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah: *"Apakah orang yang mengikuti keredaan Allah sama dengan orang yang kembali membawa kemurkaan dari Allah dan tempatnya adalah Jahannam? Dan itulah seburuk-buruk tempat kembali. (kedudukan) mereka itu bertingkat-tingkat di sisi Allah"*[239] Beliau telah berkata: Mereka yang mengikuti keredaan Allah adalah para imam dan mereka, demi Allah, wahai

---

[233] Surah al-A'raaf (7): 156
[234] Yang menentang Ahlu l-Bait a.s
[235] Surah al-A'raaf (7): 157
[236] Abu Bakr, Umar dan Uthman
[237] Surah al-Zumar (39): 54
[238] Surah Yunus (10): 64
[239] Surah Ali 'Imran (3):162-163

'Ammar bertingkat-tingkat bagi mukminin dan wilayah mereka kepada kami, semoga Allah melipatgandakan [pahala] amalan mereka dan mengangkat darjat mereka yang tinggi untuk mereka.

(738)-85. Ali bin Muhammad dan selain daripadanya, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Ya'qub bin Yazid, daripada Ziyad al-Qandi, daripada 'Amamr al-Asadi, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Kepada-Nyalah naik perkataan-perkataan yang baik dan amal yang soleh dinaikkan-Nya*"[240] Wilayah kami Ahlu l-Bait-beliau menunjukkan dengan tangannya ke dadanya-sesiapa yang tidak mewalikan kami, Allah tidak akan mengangkatkan amalan untuknya.

(739)-86. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada al-Qasim bin Sulaiman, daripada Sama'ah bin Mihran, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.s: "*Nescaya Allah memberikan rahmat-Nya kepadamu dua bahagian*" Beliau telah berkata: Al-Hasan dan al-Husain "*Dan menjadikan untukmu cahaya kamu dapat berjalan dengannya*"[241] Beliau telah berkata: Imam yang kamu ikuti.

(740)-87. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada al-Qasim bin Muhammad al-Jauhari, daripada sebahagian daripada sahabatnya, daripada Abu Adillah a.s tentang firman-Nya: "*Dan mereka menanyakan kepadamu: Benarkah ia?*" Beliau telah berkata: Apa yang anda telah katakan kepada Ali "*Katakanlah: Ya, demi Allah, sesungguhnya itu adalah benar dan kamu sekali-kali tidak bisa luput (daripadanya)*"[242]

(741)-88. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Muhammad bin Sulaiman al-Dailami, daripada bapanya, daripada Abban bin Taghlab, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, tentang firman-Nya: "*Tetapi dia tiada menempuh jalan yang mendaki lagi sukar*"[243] Maka beliau telah berkata: Sesiapa yang dimuliakan Allah dengan mewalikan kami, maka beliau akan dapat mendakinya; kamilah jalan yang mendaki lagi sukar itu (*nahnu tilka al-'Aqabah*) sesiapa yang mencubanya akan berjaya [dengan kami].

Beliau telah berkata: Maka beliaupun diam, Kemudian beliau telah berkata kepadaku: Adakah anda mahu jika aku memberi kepada anda satu huruf yang lebih baik daripada dunia dan apa yang ada padanya? Aku telah berkata: Ya, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, beliau

[240] Surah Faathir (35): 10
[241] Surah al-Hadiid (57): 28
[242] Surah Yunus (10): 54
[243] Surah al-Balad (90): 11

telah berkata: Tentang firman-Nya: "*Melepaskan budak dari perbudakan*"[244] Kemudian beliau telah berkata: Manusia semuanya hamba-hamba dunia (*'abiid al-Dunya*) selain daripada anda dan sahabat anda kerana Allah telah melepaskan tengkuk kamu [semua] dari api neraka dengan mewalikan kami Ahlu l-Bait.

(742)-89. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Sama'ah, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman-Nya: "*Penuhilah janji kepada-Ku*" Beliau telah berkata: Dengan wilayah Amir al-Mukminin a.s "*Nescaya Aku penuhi janji-Ku kepadamu*"[245] Nescaya Aku kurniakan kepada kamu syurga.

(743)-90. Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khattab, daripada al-Hasan bin 'Abd al-Rahman, daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang terang, nescaya mereka yang kafir berkata kepada mereka yang beriman: "Manakah di antara kedua golongan yang lebih baik tempat tinggalnya dan lebih indah tempat pertemuan(nya)*"[246] Beliau telah berkata: Rasulullah s.a.w telah menyeru Quraisy kepada wilayah kami, lalu mereka lari dan mengingkari[nya].

Maka berkatalah mereka yang kafir di kalangan Quraisy kepada mereka yang beriman: Mereka yang telah mengakui Amir al-Mukminin a.s dan kami Ahlu l-Bait[247]: "*Manakah di antara kedua golongan yang lebih baik tempat tinggalnya dan lebih indah tempat pertemuan(nya)*" sebagai penghinaan daripada mereka. Maka Allah telah berfirman sebagai jawapan kepada mereka: "*Berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, sedang mereka adalah lebih bagus alat rumah tangganya dan lebih sedap dipandang mata*"[248] Aku telah berkata: Tentang firman-Nya: "*Sesiapa yang berada di dalam kesesatan, maka biarlah Tuhan Yang Maha Pemurah memperpanjangkan tempoh baginya*"

Beliau telah berkata: Semua mereka telah berada di dalam kesesatan, tidak percaya kepada wilayah Amir al-Mukminin a.s dan tidak [percaya] kepada wilayah kami, maka mereka adalah sesat dan menyesatkan (*dhaalliin mudhilliin*), maka Dia memperpanjangkan kesesatan dan kezaliman mereka sehingga mereka mati. Dia akan menukarkan mereka ke tempat yang buruk kedudukannya dan penolong-penolong yang lebih lemah.

---

[244] Surah al-Balad (90): 13. Iaitu memerdekakan hamba.
[245] Surah al-Baqarah (2): 40
[246] Surah Maryam (19): 73
[247] Definisi mukminin: Mereka yang mengakui Amir al-Mukminin a.s dan para wasi a.s selepasnya.
[248] Surah Maryam (19): 74

Aku telah berkata: Tentang firman-Nya: "*Sehingga apabila mereka telah melihat apa yang diancamkan kepada mereka, baik seksa maupun kiamat, maka mereka akan mengetahui siapa yang lebih buruk kedudukannya dan lebih lemah penolong-penolongnya*"[249] Beliau telah berkata: Adapun firman-Nya: "*Sehingga apabila mereka telah melihat apa yang diancamkan kepada mereka*" Keluarnya al-Qaim dan hari akhirat. Justeru, mereka akan mengetahui hari itu dan apa yang telah diturunkan kepada mereka oleh Allah di tangan Qaim-Nya. Demikianlah firman-Nya: "*Siapa yang lebih buruk kedudukannya*" (Iaitu di sisi al-Qaim) *dan lebih lemah penolong-penolongnya*"

Aku telah berkata: Tentang firman-Nya: "*Dan Allah akan menambah petunjuk kepada mereka yang telah mendapat petunjuk*"[250] Beliau telah berkata: Dia akan menambah pada hari itu petunjuk di atas petunjuk kerana mereka mengikuti al-Qaim, mereka tidak menentangnya dan mengingkarinya. Aku telah berkata: Tentang firman-Nya: "*Mereka tidak dapat memberi syafaat, kecuali orang yang telah mengadakan perjanjian di sisi Tuhan Yang Maha Pemurah*"?[251]

Beliau telah berkata: Kecuali mereka yang telah berpegang kepada Allah dengan wilayah Amir al-Mukminin dan para imam a.s selepasnya, maka ia adalah perjanjian (*al-'Ahd*) di sisi Allah, aku telah berkata: Tentang firman-Nya: "*Sesungguhnya mereka yang beriman dan beramal soleh, kelak Allah Yang Maha Pemurah akan menjadikan (hati) mereka rasa kasih sayang*"?[252] Beliau telah berkata: Wilayah Amir al-Mukminin adalah rasa kasih sayang (*Wuddan*) sebagaimana difirmankan-Nya. Aku telah berkata: Tentang firman-Nya: "*Maka sesungguhnya telah Kami mempermudahkannya (al-Qur'an) dengan bahasamu, agar kamu dapat memberi khabar gembira dengannya kepada mereka yang bertakwa dan agar kamu memberi peringatan dengannya kepada kaum yang membangkang*"?[253]

Beliau telah berkata: Sesungguhnya Allah mempermudahkannya (al-Qur'an) dengan bahasanya ketika Amir al-Mukminin a.s telah menjadi tanda [ketokohannya], maka baginda s.a.w telah memberi berita gembira kepada mukminin dengannya dan memberi peringatan kepada mereka yang kafir dengannya, merekalah yang disebut oleh Allah di dalam kitab-Nya "*luddan*" mereka yang kafir. Beliau telah berkata: Aku telah berkata: Aku telah bertanya beliau tentang firman-Nya: "*Agar kamu memberi peringatan kepada kaum yang bapa-bapa mereka belum pernah diberi peringatan, kerana itu mereka lalai*"[254]

---

[249] Surah Maryam (19): 75
[250] Surah Maryam (19): 76
[251] Surah Maryam (19): 87
[252] Surah Maryam (19): 96
[253] Surah Maryam (19): 97
[254] Surah Yaasiin (36): 6

Beliau telah berkata: Agar kamu memberi peringatan kepada kaum yang mana anda berada di kalangan mereka sebagaimana bapa-bapa mereka diberi peringatan, lalu mereka lalai daripada Allah, Rasul-Nya dan ancaman-Nya "*Sesungguhnya telah pasti berlaku perkataan terhadap kebanyakan mereka (di kalangan mereka yang tidak mengakui wilayah Amir al-Mukminin a.s dan para imam a.s selepasnya), kerana mereka tidak beriman*" [255]dengan *imamah* Amir al-Mukminin a.s dan para wasi selepasnya. Manakala mereka tidak mengakui[nya] maka balasan mereka sebagaimana disebut oleh Allah: "*Sesungguhnya Kami telah memasang belenggu di leher mereka, lalu tangan mereka ke dagu, maka kerana itu mereka terbelenggu*" di neraka Jahannam. Kemudian Dia telah berfirman: "*Dan Kami adakan di hadapan mereka dinding dan di belakang mereka dinding (pula) dan Kami tutup (mata) mereka sehingga mereka tidak dapat melihat*"[256]

Sebagai balasan daripada-Nya untuk mereka, kerana mereka mengingkari wilayah Amir al-Mukminin a.s dan para imam a.s selepasnya di dunia ini dan di akhirat pula mereka di neraka Jahannam terbelenggu. Kemudian Dia telah berfirman: "*Wahai Muhammad, Sama saja bagi mereka apakah kamu memberi peringatan kepada mereka atau kamu tidak memberi peringatan kepada mereka, mereka tidak akan beriman*" [257] dengan Allah, [Rasulullah s.a.w], wilayah Ali[258] dan para imam selepasnya. Kemudian Dia telah berfirman: "*Sesungguhnya kamu hanya memberi peringatan kepada mereka yang mahu mengikuti peringatan (iaitu Amir al-Mukminin a.s) dan takut kepada Tuhan yang Maha Pemurah dengan perkara yang ghaib. Maka berilah mereka berita gembira, wahai Muhammad, dengan ampunan dan pahala yang mulia*"[259]

(744)-91. Ali bin Muhammad, daripada beberapa orang sahabat kami, daripada Ibn Mahbub, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu al-Hasan a.s telah berkata: Aku telah bertanya beliau tentang firman Allah a.w: "*Mereka ingin memadamkan cahaya Allah dengan mulut mereka*" Beliau telah berkata: Mereka ingin memadamkan wilayah Amir al-Mukminin a.s dengan mulut mereka, aku telah berkata: Tentang firman-Nya: "*Dan Allah tetap menyempurnakan cahaya-Nya*" Beliau telah berkata: Dan Allah tetap menyempurnakan *imamah* kerana

---

[255] Surah Yaasiin (36): 7
[256] Surah Yaasiin (36): 9
[257] Surah Yaasiin (36): 10
[258] Al-Suyuti, Durr al-Manthur, v, hlm. 192 mencatat bahawa terdapat ayat yang tertinggal selepas Surah al-Ahzab (33): 25, iaitu "*Bi 'Ali bin Abi Talib*" Justeru, ayat yang dibaca dahulu ialah: "*Kafa llahu al-Mu'minin al-Qital bi 'Ali bin Abi Talib*"
[259] Surah Yaasiin(36): 11

firman-Nya: *"Mereka yang beriman dengan Allah dan Rasul-Nya dan cahaya yang Kami telah turunkan"*[260]

Justeru cahaya adalah imam (*fa-al-Nuur huwa al-Imam*). Aku telah berkata: Tentang firman-Nya: *"Dia-lah yang mengutus Rasul-Nya dengan membawa petunjuk dan agama yang benar"* Beliau telah berkata: Dia-lah yang telah memerintahkan Rasul-Nya dengan wilayah wasinya dan wilayah [Ali] adalah agama yang benar. Aku telah berkata: *"Agar Dia memenangkannya di atas segala agama"* Beliau telah berkata: Dia akan menzahirkannya di atas segala agama ketika datangnya al-Qaim, beliau telah berkata: Allah telah berfirman: *"Dan Allah menyempurnakan cahaya-Nya"* [Dengan] Wilayah al-Qaim. *"Meskipun mereka yang kafir musyrik benci"* dengan wilayah Ali, aku telah berkata: Adakah ini *tanzil*?[261] Beliau telah berkata: Ya, adapun huruf ini, maka ia adalah *tanzil* dan yang lainnya adalah takwil. Aku telah berkata: *"Yang demikian itu adalah kerana bahawa sesungguhnya mereka telah beriman, kemudian menjadi kafir (lagi)"*[262]

Beliau telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menamakan orang yang tidak mengikuti Rasul-Nya di dalam wilayah wasinya sebagai munafikin dan Dia telah menjadikan orang yang menentang *imamah* wasinya seperti orang yang menentang Muhammad (*man jaahada Muhammadan*), Dia telah menurunkannya kerana itu, maka Dia telah berfirman: Wahai Muhammad, *"Apabila mereka yang munafik datang kepada kamu" (dengan wilayah wasi engkau) mereka telah berkata: Kami mengakui bahawa sesungguhnya kamu benar-benar Rasulullah. Dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya kamu benar-benar Rasul-Nya dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya mereka yang munafik (dengan wilayah Ali) itu benar-banar pendusta"*[263]

"Mereka itu menjadikan sumpah mereka sebagai perisai, lalu mereka menghalangi dari jalan Allah (jalan adalah wasi). Sesungguhnya amat buruklah apa yang telah mereka kerjakan?
Yang demikian itu adalah kerana bahawa sesungguhnya mereka telah beriman (dengan risalah engkau), kemudian menjadi kafir (dengan wilayah wasi engkau) lalu hati mereka dikunci mati (oleh Allah), kerana *itu mereka tidak dapat mengerti"*[264] Aku telah berkata: Apakah makna *"Mereka tidak dapat mengerti"* Beliau telah berkata: Mereka tidak dapat memikirkan tentang kenabian engkau (Muhammad). Aku telah berkata: *"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah, agar Rasulullah memintakan ampunan bagimu"?*

---

[260] Surah al-Taghaabun (64): 8
[261] *Tanzil* bererti apa yang telah diturunkan (wahyu).
[262] Surah al-Munaafiquun (63): 3
[263] Surah al-Munaafiqiin (63): 1
[264] Surah al-Munaafiqiin (63): 3

Beliau telah berkata: Dan apabila dikatakan kepada mereka kembalilah kepada wilayah Ali, nescaya Nabi s.a.w meminta ampunan untuk kamu daripada dosa-dosa kamu "*Mereka memalingkan muka mereka*". Allah telah berfirman: "*Dan kamu lihat mereka berpaling*" *(daripada wilayah Ali)* [265]*sedang mereka menyombongkan diri*"[266] ke atasnya. Kemudian Allah telah berfirman: "*Sama saja bagi mereka, kamu mintakan ampunan atau tidak kamu mintakan ampunan bagi mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada mereka yang fasik*"[267] Beliau telah berkata: Mereka yang zalim kepada wasi engkau.

Aku telah berkata: "*Apakah orang yang berjalan terjungkel di atas mukanya itu lebih banyak mendapat petunjuk atau orang yang berjalan tegap di atas jalan yang lurus*"[268] Beliau telah berkata: Sesungguhnya orang yang menyeleweng daripada wilayah Ali adalah seperti orang yang berjalan terjungkel di atas mukanya, tidak mendapat petunjuk bagi urusannya dan Dia telah menjadikan orang yang mengikutinya berjalan tegap di atas jalan yang lurus. Dan jalan yang lurus itu (*al-Sirat al-Mustaqim*) adalah Amir al-Mukminin a.s.

Aku telah berkata: Tentang firman-Nya: "*Sesungguhnya ia adalah perkataan rasul yang mulia*"[269] Beliau telah berkata: Iaitu kata-kata Jibrail daripada Allah tentang wilayah Ali a.s. Aku telah berkata: "*Dan ia bukanlah perkataan seorang penyair. Sedikit sekali kamu beriman dengannya*"[270] Beliau telah berkata: Mereka telah berkata: Sesungguhnya Muhammad adalah pembohong kepada Tuhannya dan Allah tidak memerintahkannya dengan ini [*imamah*] kepada Ali, maka Allah telah menurunkan firman-Nya: (*Sesungguhnya wilayah Ali*) *adalah wahyu yang diturunkan dari Tuhan semesta alam. Seandainya beliau (Muhammad) mengada-adakan sebahagian perkataan atas Kami, nescaya benar-benar Kami pegang beliau pada tangan kanannya. Kemudian benar-benar Kami potong urat tali jantungnya*"

Kemudian Dia telah berfirman: "*Dan sesungguhnya (wilayah Ali) itu benar-benar suatu pelajaran bagi mereka yang bertakwa (yang alim). Dan sesungguhnya Kami benar-benar mengetahui bahawa di antara kamu ada orang yang mendustakannya. Dan sesungguhnya (Ali) itu benar-benar menjadi penyesalan bagi mereka yang kafir. Dan sesungguhnya*

---

[265] Ibn Majah, *al-Sunan*, I, hlm. 625 menacatatkan riwayat daripada 'Aisyah bahawa beliau telah berkata: "Ayat *al-Radha'ah* (penyusuan) sebanyak sepuluh kali telah diturunkan oleh Allah dan ianya ditulis dalam mashaf di bawah katilku, tetapi manakala Rasulullah s.a.w mati dan kami sibuk dengan kematiannya, maka ianya telah hilang"

[266] Surah al-Munaafiqiin (63): 5

[267] Surah al-Munaafiqiin (63): 6

[268] Surah al-Mulk (67): 22

[269] Surah al-Haaqqah (69): 40

[270] Surah al-Haaqqah (69): 41

(wilayahnya) itu benar-benar kebenaran yang diyakini[271] *Maka bertasbihlah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang Maha Besar*"[272] Beliau telah berkata: Bersyukurlah kepada Tuhan engkau yang telah memberi kepada engkau kelebihan ini.

Aku telah berkata: Tentang firman-Nya: "*Dan sesungguhnya kami manakala mendengar petunjuk, kami beriman kepadanya*" Beliau telah berkata: Petunjuk (*al-Huda*) adalah wilayah Ali, kami telah beriman dengan *maulana,* lantaran itu, sesispa yang beriman dengan *maula*nya "*Maka ia tidak takut akan pengurangan pahala dan tidak (takut) akan penambahan dosa dan kesalahan*"[273] Aku telah berkata: Adakah ia *tanzil* (wahyu)? Beliau telah berkata: Tidak, ia adalah takwil. Aku telah berkata: Tentang firman-Nya: "*Katakanlah: "Sesungguhnya aku tidak ada kuasa mendatangkan sesuatu kemudaratan kepadamu dan tidak (pula) sesuatu kemanfaatan*" Beliau telah berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah menyeru manusia kepada wilayah Ali, lalu Quraisy telah berkumpul kepadanya, kemudian mereka telah berkata: Wahai Muhammad, maaflah kami daripada [lelaki] ini.

Maka Rasulullah s.a.w telah bersabda: Ini terserah kepada Allah, bukan kepadaku, lantas mereka menuduhnya [berbohong] dan keluar dari sisinya, maka Allah menurunkan firman-Nya: "*Sesungguhnya aku tidak ada kuasa mendatangkan sesuatu kemudaratan kepadamu dan tidak (pula) sesuatu kemanfaatan. Katakanlah: "Sesungguhnya aku sekali-kali tiada seorangpun yang dapat melindungiku dari Allah (jika aku menderhakaiNya) dan sekali-kali aku tiada akan memperoleh tempat berselindung selain daripada-Nya.Tetapi (aku hanya) menyampaikan (peringatan) dari Allah dan risalah-Nya (tentang Ali).* Aku telah berkata: Adakah ini *tanzil*? Beliau telah berkata: Ya, kemudian Dia telah berfirman sebagai pengukuhan: "*Dan sesiapa yang menderhakai Allah dan Rasul-Nya (pada wilayah Ali), maka sesungguhnya baginyalah neraka Jahannam, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya Sehingga apabila mereka melihat azab yang diancamkan kepada mereka, maka mereka akan mengetahui siapakah yang lebih lemah penolongnya dan lebih sedikit bilangannya*"[274] Dimaksudkan dengan sedemikian adalah al-Qaim dan penolong-penolongnya.

Aku telah berkata: Tentang firman-Nya; "*Dan bersabarlah terhadap apa yang mereka ucapkan?* Beliau telah berkata: Mereka telah berkata kepada engkau. *"Dan jauhilah mereka dengan cara yang baik. Dan biarlah Aku (wahai Muhammad) bertindak terhadap pendusta-pendusta*

---

[271] Al-Bukhari, *Sahih,* viii, hlm. 208 mencatatkan bahawa ayat *al-Raghbah* adalah sebahagian daripada al-Qur'an, iaitu "*La targhabuu 'an aabaa'i-kum*", tetapi ianya tidak wujud di dalam al-Qur'an yang ada sekarang.

[272] Surah al-Haaqqah (69): 48- 52

[273] Surah al-Jin (72):13

[274] Surah al-Jin (72): 23-24

(wasi engkau), mereka yang mempunyai kemewahan dan beri tangguhlah mereka barang sebentar"[275] Aku telah berkata: Adakah ini *tanzil*? Beliau telah berkata: Ya.

Aku telah berkata: Tentang firman-Nya: *"Supaya mereka yang diberi al-Kitab yakin?"* Beliau telah berkata: Supaya mereka yakin bahawa sesungguhnya Allah, Rasul-Nya dan wasinya adalah benar. Aku telah berkata: *"Dan supaya mereka yang beriman itu bertambah imannya"* Beliau telah berkata: Iman mereka akan bertambah dengan wilayah wasinya[Rasulullah s.a.w]. Aku telah berkata: *"Dan supaya mereka yang diberi al-Kitab dan mereka yang mukmin itu tidak ragu-ragu"* Beliau telah berkata: Dengan wilayah Ali a.s. Aku telah berkata: Apakah keraguan ini? Beliau telah berkata: Ia dimaksudkan kepada al-Kitab dan mukminin yang disebut oleh Allah, maka beliau telah berkata: Mereka tidak ragu-ragu tentang wilayah Ali a.s.

Aku telah berkata: Tentang firman-Nya: *"Dan Saqar itu tiada lain hanyalah peringatan bagi manusia"*[276] Beliau telah berkata: Ya, wilayah Ali a.s. Aku telah berkata: *"Sesungguhnya Saqar itu adalah salah satu bencana yang amat besar"*[277] Beliau telah berkata: Wilayah [Ali a.s]. Aku telah berkata: *"Bagi sesiapa di antaramu yang berkehendak akan maju atau mundur"*[278] Beliau telah berkata: Sesiapa yang berkehendak maju kepada wilayah kami, maka beliau ditangguhnya dari Saqar dan sesiapa yang membelangkangi kami, maka beliau akan maju ke Saqar *"Kecuali golongan kanan"*[279]

Beliau telah berkata: Demi Allah, merekalah Syiah kita. Aku telah berkata: *"Kami dahulu tidak termasuk mereka yang mengerjakan sembahyang"*?[280] Beliau telah berkata: Sesungguhnya kamu tidak mewalikan wasi Muhammad dan para wasi selepasnya-mereka tidak mengambil berat ke atas mereka-aku telah berkata: *"Maka mengapa mereka berpaling dari peringatan Allah?"*[281] Beliau telah berkata: Mereka berpaling dari wilayah [Ali a.s dan para wasi a.s]. Aku telah berkata: *"Sekali-kali tidak demikian halnya. Sesungguhnya al-Qur'an itu adalah peringatan"*[282] Beliau telah berkata: Wilayah [Ali dan para wasi a.s].

Aku telah berkata: Tentang firman-Nya: *"Mereka menunaikan nazar"*?[283] Beliau telah berkata: Mereka menunaikan nazar yang telah

---

[275] Surah al-Muzzammil (73): 10-11
[276] Surah al-Muddaththir (74): 31
[277] Surah al-Muddaththir (74): 35
[278] Surah al-Muddaththir (74): 37
[279] Surah al-Muddaththir (74): 39
[280] Surah al-Muddaththir (74)" 43
[281] Surah al-Muddaththir (74): 49
[282] Surah al-Muddaththir (74): 54
[283] Suraj al-Insaan (76): 7

diambil oleh Allah ke atas mereka di dalam perjanjian (*al-Mithaq*)[284] tentang wilayah kami. Aku telah berkata: "*Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Qur'an kepadamu dengan beransur-ansur*"[285] Beliau telah berkata: Dengan wilayah Ali secara *tanzil*. Aku telah berkata: Adakah ini *tanzil*? Beliau telah berkata: Ya, ia adalah *tanzil* yang mempunyai makna takwil. Aku telah berkata: "*Sesungguhnya ini adalah suatu peringatan*"[286] Beliau telah berkata: Wilayah [Ali dan para wasi a.s]. Aku telah berkata: "*Dia memasukkan siapa yang dikendakiNya ke dalam rahmat-Nya*" Beliau telah berkata: Di dalam wilayah kami.

Dia telah berfirman: "*Dan bagi mereka yang zalim disediakanNya azab yang pedih*"[287] [Beliau telah berkata]: Tidakkah anda melihat kepada firman-Nya: "*Dan tidaklah mereka menzalimi Kami, tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri*"[288] Beliau telah berkata: Sesungguhnya Allah lebih mulia dari menzalimi atau mengaitkan diri-Nya kepada kezaliman, tetapi Allah telah mencampurkan diri kami dengan diri-Nya, lalu Dia telah menjadikan kezaliman kami kezaliman-Nya, wilayah kami wilayah-Nya, kemudian Dia telah menurunkan firman-Nya ke atas Nabi-Nya, maka Dia telah berfirman: "*Dan tidaklah mereka menzalimi Kami, tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri*"[289] Aku telah berkata: Adakah ini *tanzil*? Beliau telah berkata: Ya.

Aku telah berkata: "*Kecelakaan yang besarlah pada hari itu bagi mereka yang berdusta*" Beliau telah berkata: Allah telah berfirman: Kecelakaan besarlah pada hari itu bagi mereka yang berdusta, wahai Muhammad, dengan apa yang Aku telah mewahyukan kepada engkau daripada wilayah [Ali bin Abi Talib a.s]. "*Bukankah Kami telah binasakan mereka yang dahulu? Lalu Kami iringi mereka dengan mereka yang datang kemudian*" Beliau telah berkata: Mereka yang terdahulu yang telah membohongi para rasul di dalam mentaati para wasi. "*Demikianlah Kami berbuat terhadap mereka yang berdosa*"[290]

Beliau telah berkata: Orang yang telah melakukan jenayah (dosa) kepada keluarga Muhammad dan menolak wasinya. Aku telah berkata: "*Sesungguhnya mereka yang bertakwa*"?[291] Beliau telah berkata: Demi Allah, kami dan Syiah kami, tidak berada di atas agama Ibrahim selain daripada kita dan semua manusia terlepas daripadanya. Aku telah berkata: "*Pada hari, ketika ruh, dan para malaikat berdiri bersaf-saf,*

---

[284] Perjanjian di alam roh.
[285] Surah al-Insaan (76): 23
[286] Surah al-Insaan (76): 29
[287] Surah al-Insaan 976): 31
[288] Surah al-Baqarah (2): 57
[289] Surah al-Baqarah (2): 57
[290] Surah al-Mursalaat (77): 15-18
[291] Surah al-Mursalaat (77): 41

mereka tidak berkata-kata, kecuali siapa yang telah diberi izin kepadanya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah; dan ia mengucapkan kata-kata yang benar"[292]

Beliau telah berkata: Demi Allah, kamilah yang diberi izin untuk mereka pada hari Kiamat dan kamilah yang akan berkata benar. Aku telah berkata: Apakah kamu berkata apabila kamu bercakap? Beliau telah berkata: Kami memuji Tuhan kami dan kami berselawat ke atas Nabi kami dan kami memberi syafaat kepada Syiah kami, maka Tuhan kami tidak akan menolaknya. Aku telah berkata: "*Sekali-kali jangan curang, kerana kitab orang yang derhaka tersimpan dalam sijjin*"[293] Beliau telah berkata: Mereka itulah yang telah mengkhianati hak para imam dan memusuhi mereka. Aku telah berkata: Kemudian dikatakan: *"Inilah yang dahulu selalu kamu dustakan"*[294] Beliau telah berkata: Iaitu Amir al-Mukminun a.s, aku telah berkata: Adakah ini *tanzil*? Beliau telah berkata: Ya.

(745)-92. Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khattab, daripada al-Husain bin 'Abd al-Rahman, daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s. tentang firman-Nya: "*Dan sesiapa yang berpaling dari peringatan-Ku, maka sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit"* Beliau telah berkata: Dimaksudkan dengannya ialah Wilayah Amir al-Mukminin a.s. Aku telah berkata: "*Dan Kami akan menghidupkannya pada hari Kiamat dalam keadaan buta*"

Beliau telah berkata: Iaitu buta mata di akhirat adalah kerana buta hati di dunia daripada wilayah Amir al-Mukminin a.s, beliau telah berkata: Beliau di dalam keadaan keliru pada hari Kiamat berkata: *"Ya Tuhanku, mengapa Engkau menghimpunkan aku dalam keadaan buta, pada hal aku dahulunya adalah seorang yang melihat? Allah telah berfirman: "Demikianlah, telah datang kepada kamu ayat-ayat Kami, maka kamu melupakannya"* Beliau telah berkata: Ayat-ayat itu adalah para imam a.s. *"Dan begitu (pula) pada hari ini kamupun dilupakan"* Iaitu kamu telah meninggalkannya.

Demikian juga pada hari itu kamu[akan] ditinggalkan di neraka sebagaimana kamu telah meninggalkan para imam a.s, kamu tidak mentaati perintah mereka, kamu tidak mendengar kata-kata mereka. Aku telah berkata: *"Dan demikianlah Kami membalas orang yang melampaui batas dan tidak percaya kepada ayat-ayat Tuhannya. Dan sesungguhnya azab di akhirat itu lebih berat dan lebih kekal*"?[295] Beliau telah berkata: Orang yang menyekutukan orang lain dengan wilayah Amir al-Mukminin a.s dan tidak beriman dengan ayat-ayat Tuhannya

---

[292] Surah al-Naba' (78): 38
[293] Surah al-Mutaffifiin (83): 7
[294] Surah al-Mutaffiffin (83(: 17
[295] Surah Taha (20): 124-127

dan meninggalkan para imam a.s dengan penuh penentangan, tidak mengikuti kesan-kesan mereka dan tidak mewalikan mereka. Aku telah berkata: "*Allah Maha Lembut terhadap hamba-hamba-Nya; Dia memberi rezeki siapa yang dikehendakiNya dan Dialah Yang Maha Kuat dan lagi Maha Perkasa*"?

Beliau telah berkata: Wilayah Amir al-Mukminin a.s. Aku telah berkata: "*Sesiapa yang menghendaki keuntungan di akhirat*"? Beliau telah berkata: [sesiapa yang] mengetahui Amir al-Mukminin dan para Imam a.s. "*Akan Kami tambah keuntungan itu baginya*" Beliau telah berkata: Kami akan tambah keuntungannya daripadanya, beliau telah berkata: Beliau akan menerima bahagiannya daripada negeri mereka "*Dan sesiapa yang menghendaki keuntungan di dunia Kami berikan bersama al-Qaim kepadanya sebahagian daripada keuntungan dunia dan tidak ada baginya suatu bahagian di akhirat*"[296] Beliau telah berkata: Tidak ada baginya habuan di dalam pemerintahan yang benar (*al-Haqq*) bersama al-Qaim.

Bab 109

☼Kutipan Dan Kumpulan Riwayat Tentang Wilayah (*fi-hi natfun wa jawaami' min al-Riwayati fi al-Wilayah*)☼

(746)-1. Muhammad bii Ya'qub al-Kulaini, daripada Muhammad bin al-Hasan dan Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Ibn Mahbub, daripada Ibn Ri'ab, daripada Bakir bin A'yan berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah mengambil perjanjian (*mithaq*) Syiah kita dengan wilayah ketika mereka di [alam] atom (*dhar*), dengan pengakuan kepada-Nya dengan ketuhanan dan kepada Muhammad dengan kenabian.

(747)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Isma'il bin Bazi', daripada Salih bin 'Uqbah, daripada Abdullah bin Muhammad al-Ja'far, daripada Abu Ja'far a.s dan 'Uqbah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menciptakan makhluk, lalu Dia telah menciptakan apa yang Dia suka. Di antara yang disukainya ialah menciptakan makhluk dari tanah (*tiinah*) syurga. Dan Dia telah menciptakan apa yang dibenci. Di antara yang dibencinya ialah menciptakan makhluk dari tanah neraka. Kemudian mengutus mereka di [alam] bayangan (*al-Zalal*). Maka aku telah berkata: Apakah itu

[296] Surah al-Syuura (42): 19-20

bayangan? Beliau telah berkata: Tidakkan anda melihat kepada bayang anda pada matahari sesuatu (*sya'un*), tetapi ia bukanlah sesuatu.

Kemudian Allah telah mengutus pada mereka para nabi menyeru mereka kepada ikrar kepada Allah sebagaimana firman-Nya: "*Dan sungguh jika kamu bertanya kepada mereka: "Siapakah yang menciptakan mereka, nescaya mereka menjawab: Allah*"[297] Kemudian Dia telah menyeru mereka kepada ikrar kepada para nabi, lalu sebahagian mereka telah melakukannya dan sebahagian mereka mengingkarinya. Kemudian Dia telah menyeru mereka kepada wilayah kami, maka sebahagian mereka mengakuinya dan sebahagian yang lain membencinya sebagaimana firman-Nya: "*Mereka tidak hendak beriman kerana mereka dahulu telah (biasa) mendustakannya*"[298] Kemudian Abu Ja'far a.s telah berkata: Pendustaan [mereka] yang berterusan.

(748)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khattab, daripada Ali bin Saif, daripada al-'Abbas bin 'Amir, daripada Ahamd bin Rizq al-Ghamsyaani, daripada Muhammad bin 'Abd al-Rahman, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Wilayah kami adalah wilayah Allah yang mana Dia tidak mengutus seorang nabi melainkan dengannya (*wilayatu-na wilayatu llahi al-Lati lam yab'ath nabiyyan qat illa bi-ha*).

(749)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Abdullah bin Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin 'Abd al-Majid, daripada Yunus bin Ya'qub, daripada 'Abd al-A'laa berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Tidak ada seorang nabi yang telah datang melainkan beliau mengetahui hak kami dan kelebihan kami ke atas orang yang selain daripada kami (*ma min nabiyyin jaa'a qat illa bi-ma'rifati haqqi-na wa tafdhiili-na 'ala man siwaa-na*).

(750)-5. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin Isma'il bin Bazi', daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abi al-Sabah al-Kinani, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Demi Allah, sesungguhnya di langit terdapat tujuh puluh saf daripada malaikat, jika semua penduduk bumi menghitung bilangan [malaikat] pada setiap saf, nescaya mereka tidak dapat menghitung mereka dan sesungguhnya mereka beragama dengan wilayah kami (*inna-hum la-yadinuun bi-wilayati-na*).

[297] Surah al- Zukhruf (43): 87
[298] Surah Yunus (10): 74

(751)-6. Muhammad, daripada Ahamd bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu al-Hasan a.s telah berkata: Wilayah Ali tertulis di dalam semua mashaf para nabi dan Allah tidak sekali-kali mengutus seorang rasul melainkan dengan kenabian Muhammad dan wasiat (wilayah) Ali a.s.

(752)-7. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Jumhur berkata: Yunus telah memberitahu kepadaku daripada Hammad bin Uthman, daripada al-Fudhail bin Yasaar, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah a.w telah melantik Ali a.s sebagai tanda (*'alaman*) di antara-Nya dan makhluk-Nya. Sesiapa yang mengetahuinya, maka beliau adalah mukmin dan sesiapa yang mengingkarinya, maka beliau adalah kafir. Sesiapa yang jahil dengannya, maka beliau adalah sesat. Sesiapa yang melantik bersamanya sesuatu [jawatan], maka beliau adalah seorang musyrik. Dan sesiapa yang datang dengan wilayahnya, maka beliau akan memasuki syurga.

(753)-8. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Abdullah bin Sinan, daripada Abu Hamzah berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Ali adalah satu pintu [Allah] yang dibukakan oleh Allah. Sesiapa yang memasukinya, maka beliau adalah seorang mukmin dan sesiapa yang keluar daripadanya, maka beliau adalah kafir. Sesiapa yang tidak memasukinya dan tidak keluar daripadanya, maka beliau adalah pada tingkatan yang difirmankan Allah: Mereka adalah mengikut kehendak Aku.

(754)-9. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Ibn Ri'ab, daripada Bakir bin A'yan berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah mengambil perjanjian Syiah kami dengan mewalikan kami ketika di [alam] atom supaya mereka berikrar kepada-Nya dengan ketuhanan-Nya dan kepada Muhammad dengan kenabiannya. Dan Allah telah membentangkannya ke atas umat Muhammad di dalam bentuk tanah ketika mereka di dalam bayangan. Dia telah menciptakan mereka daripada tanah yang diciptakan Adam dan Dia telah menciptakan roh-roh Syiah kami sebelum badan-badan mereka dua ribu tahun, lalu Dia membentangkan mereka ke atas-Nya[299]. Memperkenalkan mereka kepada Rasulullah s.a.w dan memperkenalkan mereka kepada Ali dan kami mengetahui mereka dengan tutur bahasa percakapan mereka.

---

[299] *"Tidakkah Aku ini Tuhan kamu?"*

Bab 110

☼Mengetahui Para Wali Mereka Dan Penyerahan Kepada Mereka (*fi ma'rifati-him auliyaa'a-hum wa al-Tafwidh ilai-him*)☼

(755)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahamd bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Salih bin Sahl, daripada Abu Abdillah a.s bahawa seorang lelaki telah datang kepada Amir al-Mukminin a.s ketika beliau bersama para sahabatnya, lalu lelaki itu telah memberi salam kepadanya, kemudian beliau telah berkata kepadanya: Demi Allah, aku mencintai anda dan aku mewalikan anda, maka lelaki itu telah mengulanginya sebanayak tiga kali. Lalu Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepadanya: Anda telah berbohong, anda tidaklah seperti anda katakan, sesungguhnya Allah telah menciptakan roh-roh sebelum badan-badan dua ribu tahun, kemudian Dia telah membentangkan pencinta-pincita kami kepada kami. Demi Allah, aku tidak melihat roh anda dikalangan mereka yang dibentangkan kepadaku, maka di manakah anda? Lelaki itu diam ketika itu dan tidak kembali lagi kepadanya. Di dalam riwayat yang lain, Abu Abdillah a.s telah berkata: Lelaki itu di neraka.

(756)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada 'Amru bin Maimun, daripada 'Ammar bin Marwan, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya kami mengetahui seseorang lelaki apabila kami melihatnya dengan hakikat keimanan dan hakikat nifak.

(757)-3. Ahmad bin Idris dan Muhammad bin Yahya, daripada al-Hasan bin Ali al-Kufi, daripada 'Abis bin Hisyam, daripada Abdullah bin Sulaiman, daripada Abu Abdillah a.s, berkata: Aku telah bertanya beliau tentang seorang imam a.s [adakah] Allah telah memberi kuasa (*fawwadha*) kepadanya sebagaimana Dia telah memberi kuasa kepada Sulaiman bin Daud? Maka beliau telah berkata: Ya, hal yang sedemikin itu berlaku apabila seorang lelaki telah bertanya beliau tentang satu masalah, lalu beliau menjawabnya mengenainya dan seorang lelaki yang lain telah bertanya beliau tentang masalah yang sama, maka beliau telah menjawabnya dengan jawapan yang berbeza dengan jawapan yang pertama. Kemudian seorang lelaki lain pula telah bertanya beliau [masalah yang sama], maka beliau telah memberi jawapan yang berbeza dengan dua jawapan yang lalu, kemudian Dia telah berfirman: "*Inilah*

anugerah Kami; maka berikanlah dengan tanggung jawab atau (berikanlah dengan kasihan belas) tanpa pertanggungan jawab"[300]

Demikianlah bacaan Ali a.s.[301] Aku telah berkata: *Asalaha-ka llahu*, ketika beliau a.s memberi jawapan kepada mereka, adakah imam mengetahui mereka? Beliau telah berkata: *Subhana llah*, tidakkah anda mendengar Allah telah berfirman: "*Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi mereka yang memerhatikan tanda-tanda*"[302] Mereka itu adalah para imam "*Dan sesungguhnya kota itu benar-benar terletak di jalan yang masih tetap*"[303] Beliau tidak keluar daripadanya selama-lamanya. Kemudian beliau a.s telah berkata kepadaku: Ya, sesungguhnya imam apabila beliau melihat kepada seseorang, beliau mengetahuinya, beliau mengetahui warnanya.

Jika beliau mendengar percakapannya di balik dinding, beliau mengetahuinya dan beliau mengetahui siapakah dia. Sesungguhnya Allah telah berfirman: "*Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah menciptakan langit dan bumi dan berlain-lainan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi mereka yang mengetahui*"[304] Mereka itu adalah para ulama. Justeru, beliau tidak mendengar sesuatu perkara yang dicakapkan melainkan beliau mengetahuinya, sama ada yang berjaya atau yang binasa. Lantaran itu, beliau memberi jawapan yang sesuai kepada mereka.

---

[300] Surah al-Saad (38): 39
[301] Ali a.s telah membaca *a'ti* (berikanlah), bukan *amsik* (tahanlah) sebagaimana ditulis di dalam al-Qur'an yang ada sekarang.
[302] Surah al-Hijr (15): 75
[303] Surah al-Hijr (15): 76
[304] Surah al-Ruum (30): 22

ȸBab-Bab Sejarah (*abwaab al-Tarikh*)ȸ

Bab 111

☼Kelahiran Nabi S.A.W Dan Kematian-Nya (*maulid al-Nabi s.a.w wa wafati-hi*)☼

Nabi s.a.w telah dilahirkan pada 12hb Rabi‘ al-Awwal, tahun gajah pada hari Jumaat ketika gelincir matahari. Diriwayatkan juga bahawa baginda s.a.w dilahirkan ketika naik fajar empat puluh tahun sebelum diutus menjadi rasul. Ibunya telah mengandungkannya di hari-hari Tasyriq di Jamrah al-Wusta, di rumah Abdullah bin ‘Abd al-Muttalib dan melahirkannya di dataran Abi Talib di rumah Muhammad bin Yusuf di sudut yang jauh di sebelah kiri anda dan anda berada di rumahnya. Khaizaran akhirnya menukarkan rumah itu kepada masjid yang mana orang ramai melakukan sembahyang padanya.

Baginda s.a.w telah tinggal di Makkah selepas diutus selama tiga belas tahun, kemudian baginda s.a.w telah berpindah ke Madinah dan tinggal di sana selama sepuluh tahun. Kemudian baginda telah mati pada 12 Rabi‘ al-Awwal pada hari Isnin ketika berusian enam puluh tiga tahun. Bapanya Abdullah bin ‘Abd al-Muttalib telah mati di Madinah di sisi bapa-bapa saudaranya di sebelah ibu ketika itu baginda s.a.w berusia dua bulan. Sementara ibunya Aminah binti Wahab bin ‘Abd Manaf bin Zuhrah bin Kilab bin Murrah bin Ka‘ab bin Lu’i bin Ghalib ketika baginda s.a.w berusia empat tahun. Kemudian ‘Abd al-Muttalib telah mati ketika baginda s.a.w berusia lapan tahun. Baginda s.a.w telah

bernikah dengan Khadijah ketika berusia dua puluh tahun lebih[305] Hasil pernikahannya dengan Khadijah, baginda s.a.w telah dikurniakan al-Qasim, Ruqiyyah, Zainab dan Umm Kalthum sebelum diutus menjadi rasul (*al-Mab'ath*).

Selepas diutus menjadi rasul, baginda s.a.w dikurniakan al-Tayyib, al-Tahir dan Fatimah a.s. Diriwayatkan bahawa baginda s.a.w tidak mendapat cahaya mata selepas menjadi rasul melainkan Fatimah a.s dan al-Tayyib dan al-Tahir telah dilahirkan sebelum baginda s.a.w menjadi rasul. Khadijah telah mati ketika Rasulullah s.a.w keluar dari dataran Abi Talib iaitu setahun sebelum hijrah. Kemudian Abu Talib telah mati setahun selepas kematian Khadijah. Apabila kedua-dua mereka telah mati, maka Rasulullah s.a.w tidak suka tinggal di Makkah dan dikuasai oleh dukacita yang amat sangat, lalu baginda s.a.w telah mengadu kepada Jibrail a.s, maka Allah mewahyukan kepadanya: Keluarlah dari kampung yang penduduknya zalim. Tidak ada penolong untuk engkau selepas Abu Talib" dan Dia telah memerintahkannya supaya berhijrah.

(758)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hijal, daripada Ibn Fadhdhal, daripada Abdullah bin Muhammad bin Akhi Ahmad al-Katib, daripada al-Husain bin Abdullah berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Adakah Rasulullah s.a.w penghulu anak Adam? Maka beliau telah berkata: Demi Allah, baginda s.a.w adalah penghulu makhluk Allah. Dan Allah tidak melepaskan makhluk yang lebih baik daripada Muhammad s.a.w. [306]

(759)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hijal, daripada Hammad, daripada Abu Abdillah a.s bahawa beliau telah menyebut Rasulullah s.a.w, berkata: Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Allah tidak melepaskan jiwa yang lebih baik daripada Muhammad s.a.w.

(760)-3. Ahamd bin Idris, daripada al-Husain bin Abdullah, daripada Muhammad bin Isa dan Muhammd bin Abdullah, daripada Ali bin Hadid, daripada Murazim, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Allah telah berfirman: "Wahai Muhammad, Sesungguhnya Aku telah menciptakan engkau dan Ali satu cahaya iaitu satu roh tanpa badan sebelum Aku menciptakan langit-Ku, Arasy-Ku dan laut-Ku, maka ia

---

[305] Kebanyakan sejarawan berpendapat bahawa baginda s.a.w telah bernikah dengan Khadijah ketika berusia dua puluh lima tahun dan baginda s.a.w telah dilahirkan pada 17 hb Rabi' al-Awwal pada tahun gajah dan mati pada 28 hb Safar tahun 11 hijrah.

[306] Bererti tidak ada manusia yang lebih baik daripada Muhammad s.a.w. Justeru, para imam a.s tidak melebihi kedudukannya di dalam semua perkara.

sentiasa melakukan tahlil kepada-Ku dan memuji-Ku. Kemudian Aku telah mengumpulkan roh kamu berdua, lalu Aku menjadikan kedua-duanya satu roh. Lalu ia memujiKu, mentakdiskan Aku dan melakukan tahlil kepada-Ku. Kemudian aku telah membahagikannya kepada dua bahagian dan Aku telah membahagikan dua kepada dua, maka ia telah menjadi empat. Muhammad adalah satu, Ali satu, al-Hasan dan al-Husain dua". [Abu Abdillah a.s telah berkata:] Kemudian Dia telah menciptakan Fatimah daripada cahaya yang Dia telah memulakannya dengan roh tanpa badan, kemudian Dia telah menyapukan kami dengan [tangan] kanan-Nya, maka cahaya-Nya terpancar kepada kami.

(761)-4. Ahmad, daripada al-Husain, daripada Muhammad bin Abdullah, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abi Hamzah berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Allah telah mewahyukan kepada Muhammad s.a.w: Sesungguhnya Aku telah menciptakan engkau ketika itu engkau tidak ada dan Aku telah meniupkan pada engkau daripada roh-Ku sebagai penghormatan daripada-Ku ketika Aku mewajibkan untukmu ketaatan di atas semua makhluk-Ku. Sesiapa yang mentaati engkau, maka beliau mentaatiKu. Sesiapa yang menderhakai engkau, maka beliau menderhakaiKu. Dan Aku telah mewajibkan sedemikian itu pada Ali dan keturunannya yang Aku telah memilih di kalangan mereka untuk diri-ku"[307]

(762)-5. Al-Hasan bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Abi al-Fadhl Abdullah bin Idris, daripada Muhammad bin Sinan berkata: Aku telah berada di sisi Abu Ja'far al-Thani a.s, maka aku telah menimbulkan perselisihan Syiah, lalu beliau a.s telah berkata: Wahai Muhammad, sesungguhnya Allah sentiasa Tunggal dengan keesaan-Nya, kemudian Dia telah menciptakan Muhammad, Ali dan Fatimah, maka mereka telah tinggal seribu abad, kemudian Dia telah menciptakan semua perkara, lalu Dia menyaksikan mereka akan penciptaan-Nya dan melakukan ketaatan mereka ke atasnya dan memberi kuasa urusannya kepada mereka.

Justeru, mereka menghalalkan apa yang mereka kehendaki dan mengharamkan apa yang mereka kehendaki, mereka tidak menghendaki melainkan apa yang dikehendaki oleh Allah. Kemudian Dia telah berfirman: Wahai Muhammad, ini adalah satu agama yang mana sesiapa yang mendahuluinya, terkeluar daripada agamanya, sesiapa yang meninggalkannya, akan dihapuskan. Sesiapa yang berterusan mengamalkannya, mendapat kemenangan. Justeru, ambillah ia untuk anda, wahai Muhammad.

[307] Ali dan para imam a.s.

(763)-6. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Salih bin Sahl, daripada Abu Abdillah a.s bahawa sebahagian Quraisy telah berkata kepada Rasulullah s.a.w: Dengan apakah anda telah mendahului para nabi sedangkan anda diutus sebagai [nabi] yang terakhir dan penutup mereka? Beliau telah berkata: Sesungguhnya aku adalah orang pertama yang telah beriman kepada Tuhanku dan orang pertama yang telah menjawab ketika Allah telah mengambil perjanjian (*al-Mithaq*) para nabi "*Allah telah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka: Bukankah Aku ini Tuhanmu? Mereka menjawab: Betul*"[308] Justeru, aku adalah nabi yang pertama yang telah berkata: Betul (*balaa*), maka aku telah mendahului mereka dengan ikrar[ku] kepada Allah.

(764)-7. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Muhammad bin Ali bin Ibrahim, daripada Ali bin Hammad, daripada al-Mufadhdhal berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Bagaimana kamu ketika kami berada di [alam] bayangan (*al-Azillah*)? Maka beliau a.s telah berkata: Wahai Mufadhdhal, kami telah berada di sisi Tuhan kami ketika tidak ada seorangpun di sisi-Nya selain daripada kami, di bayangan yang hijau, kami bertasbih kepadaNya, mentakdiskanNya, bertahlil kepadaNya dan memuji-mujiNya, tidak ada malaikat yang *muqarrab,* tidak ada yang mempunyai roh selain daripada kami sehingga zahirlah bagiNya (*badaa*) untuk menciptakan sesuatu, lalu Dia telah menciptakan apa yang Dia kehendaki, bagaimana Dia kehendaki bagi menciptakan malaikat dan lain-lain, kemudian ilmu tentang perkara tersebut telah berakhir kepada kami.

(765)-8. Sahl bin Ziyad, daripada Muhammad bin al-Walid berkata: Aku telah mendengar Yunus bin Ya'qub, daripada Sinan bin Tarif, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya kami Ahlu l-Bait yang pertama yang mana Allah telah mengangkat tinggi nama-nama kami. Sesungguhnya manakala Dia menciptakan langit dan bumi, maka Dia memerintahkan penyeru, lalu beliau telah menyeru: *Asyhadu an la ilaha illa llah*-tiga kali-*Asyhadu anna Muhammadan Rasulullah*-tiga kali-*Asyhadu anna 'Aliyyan Amir al-Mu'minin haqqan*-sebanyak tiga kali-.

(766)-9. Ahmad bin Idris, daripada al-Husain bin Abdullah al-Saghir, daripada Muhammad bin Ibrahim al-Ja'fari, daripada Ahmad bin Ali bin Muhammad bin Abdullah bin Umar bin Ali bin Abu Talib a.s, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah wujud sebelum wujudnya sesuatu, maka Dia telah menciptakan sesuatu dan tempat, Dia telah menciptakan cahaya segala cahaya yang mana segala cahaya terpancar daripada cahaya-Nya. Dia telah menciptakan

[308] Surah al-A'raaf (7): 172

segala cahaya daripada cahaya-Nya. Iaitu cahaya yang mana Muhammad dan Ali diciptakan daripadanya. Kedua-duanya merupakan cahaya yang awal kerana tidak ada sesuatu yang dijadikan sebelum cahaya mereka berdua. Kedua-duanya sentiasa berlalu di dalam keadaan suci di salbi-salbi yang suci (*al-Aslaab al-Tahirah*) sehingga kedua-duanya terpisah pada dua orang yang suci (*tahiraini*) iaitu pada Abdullah dan Abu Talib a.s.

(767)-10. Al-Husain [daripada Muhammad] bin Abdullah, daripada Muhammad bin Sinan, daripada al-Mufadhdhal, daripada Jabir ibn Yazid berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata kepadaku: Wahai Jabir, sesungguhnya ciptaan Allah yang pertama adalah Muhammad s.a.w dan keluarganya, penunjuk yang ditunjukkan, mereka merupakan *asybaah nur* (cahaya yang kabur) di hadapan Allah, aku telah berkata: Apakah itu *al-Asybaah*? Beliau telah berkata: Bayangan cahaya berbentuk cahaya halus tanpa roh (*Zill al-Nur abdaan nuraaniyyah bi-la arwaah*) dan ia diperkuatkan dengan roh yang satu; roh kudus (*ruh al-Qudus*), Maka dengannyalah dia menyembah Allah dan begitu juga keluarganya. Lantaran itu, Dia telah menciptakan mereka lemah lembut, alim, baik dan bersih. Mereka menyembah Allah dengan sembahyang, puasa, sujud, tasbih dan tahlil. Mereka melakukan sembahyang yang banyak, melakukan haji dan berpuasa.

(768)-11. Ali bin Muhammad dan lain-lain, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Muhammad bin al-Walid Syabab al-Sairafi, daripada Malik bin Isma'il al-Nahdi, daripada 'Abd al-Salam bin Harith, daripada Salim bin Abi Hafsah al-'Ajali, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Ada tiga perkara pada Rasulullah s.a.w yang tidak ada pada orang lain selain daripadanya, tidak ada *Fai'* baginya, baginda s.a.w tidak melalui pada satu jalan selepas dua hari atau tiga hari melainkan baginda s.a.w mengetahui keadaan udaranya baik padanya[309] dan baginda s.a.w tidak melalui pada batu atau pada satu pokok melainkan ia sujud kepadanya s.a.w.

(769)-12. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abi Nasr, daripada Hammad bin Uthman, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Manakala Rasulullah s.a.w diangkat ke langit, Jibrail telah membawanya kepada satu tempat, lalu meninggalkannya. Maka baginda s.a.w telah berkata kepadanya: Wahai Jibrail, anda meninggalkan aku di dalam keadaan ini? Maka Jibrail telah berkata: Majulah ke hadapan, demi Allah, sesungguhnya

---

[309] Jika tidak, baginda s.a.w melalui jalan lain.

anda telah menjejak satu tempat yang tidak pernah dijejaki oleh manusia dan tidak ada manusia berjalan padanya sebelum anda.

(770)-13. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Qasim bin Muhammad al-Jauhari, daripada Ali bin Abi Hamzah berkata: Abu Basir telah bertanya Abu Abdillah a.s dan aku telah hadir bersama, maka beliau telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, Berapa kalikah Rasulullah s.a.w diangkat ke langit? Beliau telah berkata: Dua kali, lalu Jibrail telah menghentikannya di tempatnya sambil berkata kepadanya: Tetapkan di tempat anda, wahai Muhammad, sesungguhnya anda telah berdiri di tempat yang tidak pernah berdiri padanya malaikat dan nabi, sesungguhnya Tuhan anda sedang berselawat (*yusalli*), maka baginda s.a.w telah bersabda kepadanya: Wahai Jibrail, bagaimana Dia berselawat?

Jibrail berkata: Allah telah berfirman: *Sabbuhun qaddusun ana rabbu al-Malaikati wa al-Ruh, sabaqat rahmati ghadhabi* (Maha Sucu Maha Kudus, Akulah Tuhan malaikat dan Ruh, rahmat-Ku mendahului kemarahan-Ku). Maka baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Tuhanku, keampunan Engkau, keampunan Engkau dipinta. Beliau telah berkata sebagaimana di firmankan oleh Allah: "*Dia dekat dua ujung busur panah atau lebih dekat (lagi)*"[310] Maka Abu Basir telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah "*ma qaba qausaini au adna*"? Beliau a.s telah berkata: Dari bawahnya (ujung busur panah) hingga ke atasnya.

Maka beliau telah berkata: Di antara keduanya hijab yang bersinar lagi bergerak, aku tidak mengetahuinya melainkan beliau telah berkata: Permata warna hijau (*jade*), lalu baginda s.a.w telah melihat (seperti) menerusi lubang jarum sehingga dikehendaki Allah daripada cahaya kebesaran-Nya. Allah telah berfirman: Wahai Muhammad, lalu baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Tuhanku, baginda s.a.w telah bersabda: *Labbai-ka ya rabbi,* Dia telah berfirman: Siapakah di kalangan umat engkau selepas engkau? Baginda s.a.w telah bersabda: Allah lebih mengetahui, Dia telah berfirman: Ali bin Abu Talib, Amir al-Mukminin, penghulu muslimin dan ketua muka-muka yang berseri. Kemudian Abu Abdillah a.s telah berkata kepada Abu Basir: Wahai Abu Muhammad, demi Allah, wilayah Ali tidak datang dari bumi, malah ia datang dari langit secara telus.

(771)-14. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin Saif, daripada 'Amru bin Syamr, daripada Jabir berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ja'far a.s:

---

[310] Surah al-Najm (53): 9

Ceritakan kepadaku tentang seorang nabi Allah a.s? Beliau telah berkata: Nabi Allah a.s [kulitnya] adalah putih kemerahan, dua matanya hitam lagi besar, bulu kening [nya] yang lebat, hujung jarinya [berkulit] kasar bagaikan emas diletakkan di atas tangannya, bahunya besar, apabila berpaling, beliau berpaling semuanya, daripada bahagian atas ke pusatnya bagaikan perak yang dibersihkan. Seolah-olah tengkuknya ke bahagian atas belakang bagaikan cerek perak, hampir hidungnya apabila beliau minum, memasuki air.[311] Apabila beliau berjalan bagaikan berjalan di lereng bukit [312]. Tidak ada seorang nabi Allah sepertinya sebelum dan selepasnya.

(772)-15. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Fadhdhal, daripada Abi Jamilah, daripada Muhammad al-Halabi, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya Allah telah memberi contoh tentang umatku pada tanah (*al-Tiin*) dan Dia telah mengajar kepadaku nama-nama mereka sebagaimana Dia telah mengajar kepada Adam nama-nama semuanya. Maka pemilik-pemilik bendera[313] telah melaluiku, maka aku memohon keampunan untuk Ali dan Syiahnya. Sesungguhnya Tuhanku telah berjanji kepadaku tentang Syiah Ali satu perkara, lalu ditanya: Wahai Rasulullah, apakah dia? Baginda s.a.w telah bersabda: Keampunan bagi mereka yang beriman di kalangan mereka, Dia tidak meninggalkan maupun dosa kecil atau dosa besar [mereka] dan bagi mereka penukaran kejahatan [mereka] kepada kebaikan.

(773)-16. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada al-Hasan bin Yusuf, daripada bapanya, daripada orang yang beliau telah menyebutnya, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah memberi khutbah kepada orang ramai, kemudian baginda s.a.w telah mengangkat tangan kanannya sambil menggenggamkan tapak tangannya dan bersabda: Adakah kamu mengetahui, wahai manusia, apakah dia di dalam tapak tanganku? Mereka telah berkata: Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui tentangnya.

Maka baginda s.a.w telah bersabda: Di dalamnya nama-nama Ahli syurga dan nama-nama bapa-bapa mereka serta kabilah-kabilah mereka sehingga hari Kiamat. Kemudian baginda s.a.w telah mengangkat tangan kirinya dan bersabda: Wahai manusia, adakah kamu mengetahui apakah dia di dalam tapak tanganku? Mereka telah berkata: Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui tentangnya, maka baginda s.a.w telah bersabda: Nama-nama ahli neraka dan nama-nama bapa-bapa mereka

---

311 Mancung
312 Berhati-hati
313 Selain daripada Syiah Ali

serta kabilah-kabilah mereka sehingga hari Kiamat, kemudian baginda s.a.w telah bersabda lagi: Hukuman Allah dan keadilan [-Nya], hukaman Allah dan keadilan[-Nya], satu kumpulan ke syurga dan satu kumpulan ke neraka Sa'ir.

(774)-17. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Ahmad bin Isa, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Ishaq bin Ghalib, daripada Abu Abdillah a.s di dalam khutbah khusus yang mana beliau telah menyebut tentang keadaan Nabi s.a.w dan para iman a.s serta sifat-sifat mereka: Tuhan kita tidak menegah kerana kelembutan-Nya dan kasihan belas-Nya sekalipun besarnya jenayah dan kejinya perbuatan mereka dari melahirkan untuk mereka seorang nabi yang paling dikasihiNya dan yang paling mulia kepadaNya: Muhammad bin Abdullah a.s yang mana kelahirannya di dalam suasana mulia yang tidak bercampur-aduk keturunannya dan diketahui sifat-sifatnya oleh ahli ilmu.

Para nabi telah memberi berita gembira tentangnya di dalam kitab-kitab [mereka], begitu juga para ulama telah bercakap mengenainya, dikaji oleh para failasuf tentantg sifatnya, [nabi] yang terdidik, bukan orang bawahan, berketurunan [Bani] Hasyim yang tidak dapat ditandingi, lambangnya adalah malu dan tabiatnya adalah kemurahan, berakhlak dengan akhlak kenabian sehingga berakhir sebab-sebab penilaian Allah kepada waktunya yang ditetapkan (mati), berlaku *qada'* Allah yang berakhir dengan perintah-Nya, *qada'* yang ditetapkan itu akan berlaku.

Umat diberitahu berita gembira tentangnya, setiap orang bapa menolaknya kepada bapa yang lain, daripada salbi kepada salbi, tidak pernah bercampur-aduk pada keturunannya perzinaan dan tidak dikotori di dalam kelahirannya semenjak Adam sehinggalah kepada bapanya Abdullah, sebaik-baik kumpulan dan semulia-mulia keturunan dan kumpulan. Allah telah memilihnya dan meredainya dan mengurniakan kunci-kunci ilmu dan pancaran hikmat kepadanya. Dia telah mengutusnya sebagai rahmat kepada manusia dan "kesejukan" kepada negara. Allah telah menurunkan kepadanya Kitab yang mengandungi penerangan dan penjelasan. Al-Qur'an berbahasa Arab yang tidak bengkuk, mudah-mudahan mereka bertakwa.

Sesungguhnya Dia telah menerangkannya kepada manusia dan menggariskan panduan dengan ilmu, menerangkan fardu-fardu yang diwajibkan-Nya, batasan-batasan yang dikenakan kepada manusia serta [menjelaskan] perkara-perkara yang boleh didedahkan kepada mereka. Ini menunjukkan kepada kejayaan dan tanda-tanda yang menyeru kepada petunjuk-Nya. Rasulullah s.a.w telah menyampaikan apa yang disampaikannya dan melaksanakan apa yang diperintahkan kepadanya serta menunaikan apa yang ditanggung dari bebanan kenabian dan

bersabar kerana Tuhan-Nya. Berjuang pada jalan-Nya dan memberi nasihat kepada umatnya dengan menyeru mereka kepada kejayaan, menggalakkan mereka supaya memperingatiNya, menunjukkan mereka kepada jalan petunjuk dengan perancangan dan asas-asas [keagamaan] untuk mereka, menara yang dapat mengangkat ketinggian mereka supaya mereka tidak sesat selepasnya. Dia Maha Penyayang dan Pemurah.

(775)-18. Muhammad bin Yahya, daripada Sa'd bin Abdullah, daripada sekumpulan sahabat kita, daripada Ahmad bin Hilal, daripada Umayyah bin Ali al-Qaisi berkata: Darst bin Abu Mansur telah memberitahu kepadaku bahawa beliau telah bertanya Abu al-Hasan al-Awwal a.s: Adakah Rasulullah s.a.w telah berhujah dengan Abu Talib? Beliau telah berkata: Tidak, tetapi beliau adalah penyimpan wasit-wasiat, kemudian beliau memberikannya kepadanya s.a.w. Aku telah berkata: Adakah Abu Talib telah memberi kepadanya s.a.w wasiat-wasiat di atas alasan beliau telah berhujah dengannya? Maka beliau telah berkata: Jika Abu Talib telah berhujah dengannya, nesacaya beliau tidak memberi wasiat kepadanya. Maka aku telah berkata: Apakah keadaan Abu Talib? Beliau telah berkata: Abu Talib telah mengakui Nabi s.a.w dan apa yang dibawanya. Beliau telah memberi kepadanya s.a.w wasiat dan mati pada hari itu juga.

(776)-19. Al-Husain bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Mansur bin al-'Abbas, daripada Ali bin Asbat, daripada Ya'qub bin Salim, daripada seorang lelaki, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Apabila Rasulullah s.a.w mati, maka keluarganya a.s telah bermalam dengan malam yang panjang sehingga mereka telah menyangka bahawa tidak ada lagi langit yang membayangi mereka dan tidak ada lagi bumi yang dapat mereka jejak kerana Rasulullah s.a.w telah menimbulkan ketegangan di kalangan kerabat yang dekat dan yang jauh kerana Allah.

Tiba-tiba seorang pendatang telah mendatangi mereka, mereka tidak melihatnya, tetapi mereka mendengar percakapannya, maka beliau telah berkata: *Al-Salamu 'alai-kum Ahl al-Bait wa rahmatu llahi wa barakatuh"* Sesungguhnya bagi Allah takziah daripada setiap musibat dan kejayaan daripada setiap kebinasaan dan mendapat [sesuatu daripada] apa yang telah berlalu *"Tiap-tiap yang bernyawa akan merasakan mati. Dan sesungguhnya pada hari Kiamat sahajalah disempurnakan pahalamu. Sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga, maka sungguh dia telah beruntung.*

Kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan"[314]

Sesungguhnya Allah telah memilih kamu dan mengutamakan kamu, membersihkan kamu dan menjadikan kamu Ahl Bait Nabi-Nya. Menyimpankan pada kamu ilmu-Nya, mewariskan kamu kitab-Nya, menjadikan kamu tabut ilmu-Nya dan tongkat[Nya]. Dia telah menjadikan kamu contoh daripada cahaya-Nya dan memelihara kamu daripada kesalahan dan menyelamatkan kamu dari fitnah, justeru, terimalah takziah Allah. Sesungguhnya Allah tidak akan mencabut daripada kamu rahmat-Nya dan tidak sekali-kali akan menghilangkan daripada kamu nikmat-Nya, maka kamu adalah Ahlu llah a.w yang mana dengan merekalah sempurnanya nikmat, berkumpulnya perpecahan, bersatunya kalimat dan kamu adalah para wali-Nya.

Justeru, sesiapa yang mewalikan kamu, maka beliau akan mendapat kemenangan dan sesiapa yang menzalimi hak kamu, maka beliau akan musnah. Kasih sayang kepada kamu adalah daripada Allah satu kewajipan di dalam kitab-Nya ke atas hamba-hamba-Nya yang beriman. Kemudian Allah di atas kemenangan kamu jika Dia kehendaki, berkuasa. Justeru, bersabarlah di dalam semua perkara kerana semuanya kembali kepada Allah.

Sesungguhnya Allah telah menerima kamu daripada-Nya sebagai barang simpanan dan Dia mengucap selamt tinggal kepada kamu para wali-Nya yang beriman di bumi. Sesiapa yang menunaikan amanah-Nya, maka Allah akan memberi kepadanya pahala-Nya. Justeru, kamulah amanah yang tersimpan dan bagi kamu kasih sayang yang wajib dan ketaatan yang difardukan. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mati dan baginda s.a.w telah menyempurnakan agama untuk kamu dan menerangkan kepada kamu jalan keluar, maka baginda s.a.w tidak meninggalkan satu hujahpun kepada orang jahil[315].

Lantaran itu, sesiapa yang jahil atau berpura-pura menjadi jahil atau ingkar atau terlupa atau sengaja melupainya, maka perhitungannya di atas Allah dan Allah di sebalik hajat-hajat kamu[316]. Dan Allah mengucap selamat tinggal kepada kamu *wa al-Salam*. Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang mereka yang telah memberi takziah kepada mereka (Ahlu l-Bait a.s), maka beliau a.s telah berkata: Daripada Allah *Ta 'aala*.

(777)-20. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Ibn Maskan, daripada Isma'il bin 'Ammar, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w apabila dilihat pada malam

---

[314] Surah Ali 'Imran (3): 185

[315] Untuk menentangnya s.a.w

[316] Allah mengetahui dalih-dalih kamu dan mencampakkan kamu ke neraka.

yang gelap dilihat cahaya untuknya seolah-olah baginda s.a.w seperti bulan di belah dua.

(778)-21. Ahmad bin Idris, daripada al-Husain bin 'Ubaidillah, daripada Abi Abdullah al-Husain al-Saghir, daripada Muhammad bin Ibrahim al-Ja'fari, daripada Ahamd bin Ali bin Muhammad bin Abdullah bin Umar bin Ali bi Abu Talib, daripada Abu Abdillah a.s dan Ahamd bin Yahya, daripada Sa'd bin Abdullah, daripada Ya'qub bin Yazid, daripada Ibn Fadhdhal, daripada sebahagian daripada lelakinya, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Jibrail telah turun kepada Nabi s.a.w, lalu beliau telah berkata: Wahai Muhammad, sesungguhnya Tuhan anda memberi salam kepada anda dan Dia telah berfirman: Sesungguhnya Aku telah mengharamkan neraka di atas salbi yang telah menurunkan engkau dan perut yang telah mengandungkan engkau dan orang yang telah menjaga engkau. Lantaran itu, maka salbi adalah salbi bapa engkau Abdullah bin 'Abd al-Muttalib dan perut yang telah mengandungkan engkau adalah Aminah binti Wahab dan adapun orang yang menjaga engkau adalah Abu Talib.

Di dalam riwayat yang lain pula Ibn Fadhdhal dan Fatimah binti Asad.

(779)-22. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Jamil bin Darraj, daripada Zurarah bin A'yan, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: 'Abd al-Muttalib akan dibangkitkan pada hari Kiamat sebagai satu umat, di atasnya tanda para nabi dan [mempunyai] kehebatan raja-raja.

(780)-23. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Abdullah bin 'Abd al-Rahman al-Assam, daripada al-Haitham bin Waqid, daripada Muqrin, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya 'Abd al-Muttalib adalah orang yang pertama yang berkata tentang *al-Badaa'*, beliau akan dibangkit pada hari Kiamat sebagai satu umat yang mempunyai kehebatan raja-raja dan tanda para nabi.

(781)-24. Sebahagian daripada sahabat kami, daripada Ibn Jumhur, daripada bapanya, daripada Ibn Mahbub, daripada Ibn Ri'ab, daripada 'Abd al-Rahman bin al-Hajjaj [dan] Muhammad bin Sinan, daripada al-Mufadhdhal bin Umar, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: 'Abd al-Muttalib akan dibangkit sebagai satu umat, di atasnya cahaya raja-raja dan tanda para nabi kerana beliau adalah orang yang pertama yang berkata tentang *al-Badaa'*, beliau telah berkata: 'Abd al-Muttalib telah menghantar Rasulullah s.a.w kepada pengembala-pengembala untanya yang disediakan untuknya. Lalu baginda s.a.w telah mengumpulkannya dan melambat-lambatkannya.

Kemudian 'Abd al-Muttalib telah berpegang di tepi pintu Ka'bah dan mulai berkata: "Wahai Tuhanku, adakah Engkau akan membinasakan hamba Engkau jika Engkau melakukannya, maka urusan adalah menurut apa yang zahir (*badaa la-ka*) kepada Engkau" Kemuduian Rasulullah s.a.w telah datang dengan untanya. [sedangkan] 'Abd al-Muttalib telah pergi pada setiap jalan dan pada setiap dataran untuk mencarinya dan beliau mulai melaung "Wahai Tuhanku, adakah Engkau akan membinasakan hamba Engkau jika Engkau melakukannya, maka urusan adalah menurut apa yang zahir (*badaa la-ka*) kepada Engkau" Manakala beliau melihat Rasulullah s.a.w, maka beliau telah mengambilnya, lalu mengucupnya dan berkata: Wahai anak lelakiku, tidak, aku tidak akan mengarahkan anda pergi untuk sesuatu selepas ini, sesungguhnya aku khuatir anda akan dibunuh.

(782)-25. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammd bin Isa, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Muhammad bin Hamran, daripada Abban bin Taghlab berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Manakala Raja Habsyah telah mengarahkan [kelengkapan] kuda dan gajah untuk memusnahkan Baitullah (Ka'bah), mereka telah melalui unta milik 'Abd al-Muttalib, lalu mereka menariknya. Berita ini telah sampai kepada 'Abd al-Muttalib, lalu beliau telah datang kepada Raja Habsyah dan masuk dengan izin, maka beliau telah berkata: Ini adalah 'Abd al-Muttalib bin Hasyim. Raja telah berkata: Apakah yang beliau mahu?

Penterjemah telah berkata: Beliau telah datang kerana unta yang mereka telah menariknya (mengambilnya), beliau meminta anda mengembalikannya. Raja Habsyah telah berkata kepada para sahabatnya: Ini adalah ketua mereka dan pemimpin mereka, aku telah datang ke rumahnya (Baitullah) yang beliau sembah kepadanya untuk memusnahkannya sedangkan beliau meminta aku mengembalikan untanya. Jika beliau telah meminta aku supaya menahan diriku dari memusnahkannya, nescaya aku telah melakukannya. Pulangkan untanya. Maka 'Abd al-Muttalib telah berkata kepada penterjemahnya: Apakah Raja itu telah berkata kepada anda?

Maka beliau telah menceritakannya kepadanya, maka 'Abd al-Muttalib telah berkata: Aku adalah tuan unta ini dan bagi rumah ini (Baitullah) ada tuannya yang akan menghalangnya (menjaganya). Lalu dipulangkan untanya dan 'Abd al-Muttalib telah pulang ke rumahnya. Tiba-tiba beliau telah melalui seekor gajah di dalam kepulangannya, maka beliau telah berkata kepada gajah itu: Wahai Mahmud, lalu gajah itu menggerakkan kepalanya, maka beliau telah berkata kepadanya: Adakah anda mengetahui kenapakah mereka telah datang dengan anda ke sini? Gajah itu telah berkata dengan kepalanya: Tidak, 'Abd al-Muttalib telah berkata: Mereka telah datang dengan anda supaya anda

memusnahkan rumah Tuhan anda (Baitullah), adakah anda akan melakukannya? Gajah itu telah berkata dengan kepalanya: Tidak, lalu 'Abd al-Muttalib telah pulang ke rumahnya. Apabila tiba waktu pagi, mereka telah mendesak gajah untuk memasuki tanah Haram, tetapi ia enggan dan menentang mereka, lalu 'Abd al-Muttalib telah berkata kepada seorang hambanya ketika itu: Naiklah ke bukit, nescaya anda akan melihat sesuatu?

Maka hamba itu telah berkata: Aku sedang melihat benda hitam dari arah laut, lalu 'Abd al-Muttalib telah berkata kepadanya: Penglihatan anda dapat melihatnya dengan tepat? Maka beliau telah berkata kepadanya: Tidak, hampir-hampir aku dapat melihatnya. Manakala ia telah hampir, beliau telah berkata: Burung yang banyak dan aku tidak megetahuinya, setiap burung membawa di paruhnya anak batu kecil, maka 'Abd al-Muttalib telah berkata: Tuhan 'Abd al-Muttalib tidak mahu melainkan golongan itu[317]. Apabila burung-burung itu berada di atas kepala mereka, maka anak batu itu dicampakkan ke atas mereka. Setiap anak batu itu telah jatuh di atas lelaki (tentera), lalu ia keluar dari duburnya dan membunuhnya. Tidak seorangpun daripada mereka terlepas melainkan seorang lelaki yang memberitahu kepada orang ramai. Manakala beliau telah memberitahu kepada mereka, lalu anak batu kecil dicampakkan ke atasnya, lantas membunuhnya.

(783)-26. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abi Nasr, daripada Rifaa'ah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: 'Abd al-Muttalib dibentangkan hamparan untuknya di perkarangan Ka'bah, tidak dihamparkan kepada seorangpun selain daripadanya dan baginya anak-anaknya yang berdiri di kepalanya, maka mereka melarang orang yang mendekatinya. Tiba-tiba Rasulullah s.a.w telah datang ketika baginda masih kanak-kanak sehingga duduk di atas dua pahanya, lantas sebahagian mereka condong kepadanya untuk menjauhkannya daripadanya (datuknya), maka 'Abd al-Muttalib telah berkata kepadanya: Tinggallah anak lelakiku[318] itu kerana malaikat telah datang kepadanya (*da' ibni fa-inna al-Malak qad ataa-hu*)[319].

(784)-27. Muhammad bin Yahya, daripada Sa'd bin Abdullah, daripada Ibrahim bin Muhammad al-Thaqafi, daripada Ali bin al-Mu'alla, daripada saudaranya Muhammad, daripada Darst bin Abi Mansur, daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Manakala Nabi s.a.w dilahirkan, maka baginda s.a.w

---

[317] Raja Habsyah dan tenteranya.
[318] Cucuku
[319] Ini menunjukkan bahawa 'Abd al-Muttalib adalah seorang yang berkedudukan tinggi di sisi Allah meskipun beliau bukanlah seorang nabi yang diketahui.

telah tinggal beberapa hari tanpa susu. Lalu Abu Talib telah bertanggungjawab di dalam [pengurusan] penyusuannya, maka Allah telah menurunkan padanya susu, lalu baginda s.a.w telah menyusu daripadanya beberapa hari sehingga Abu Talib mendapatkan Halimah al-Sa'diyyah, lalu beliau telah memberinya s.a.w kepadanya [untuk disusukannya].

(785)-28. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Hisyam bin Salim, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya umpama Abu Talib sepertilah Ashaab al-Kahfi, mereka telah menyembunyikan iman dan menzahirkan syirik, maka Allah telah memberi pahala kepada mereka sebanyak dua kali.

(786)-29. Al-Husain bin Muhammad dan Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Ishaq, daripada Bakr bin Muhammad al-Azdi, daripada Ishaq bin Ja'far, daripada bapanya a.s telah berkata: Dikatakan kepadanya: Sesungguhnya mereka telah menyangka bahawa Abu Talib kafir? Beliau telah berkata: Mereka telah berbohong, bagaimana beliau seorang kafir sedangkan beliau telah berkata:

Tidakkah mereka mengetahui sesungguhnya kami
Telah mendapati Muhammad
Seorang Nabi seperti Musa ditulis pada awal kitab

Di dalam hadis yang lain, bagaimana Abu Talib seorang kafir sedangkan beliau telah berkata:

Sesungguhnya mereka telah mengetahui bahawa anak
lelaki kami bukanlah pembohong
Di sisi kami beliau tidak peduli kebatilan yang
Dikatakan kepadanya
Beliau meminta awan menurunkan hujan dengan mukanya
Penjaga kepada anak-anak yatim dan janda-janda
Yang mempunyai anak

(787)-30. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Hisyam bin al-Hakam, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Manakala Nabi s.a.w di masjid Haram, memakai pakaian baru, lalu musyrikun telah mencampakkan uri (plasenta) unta betina ke atasnya, mereka telah memenuhkan pakaiannya dengannya sehingga dikehendaki Allah, kemudian baginda s.a.w telah pergi kepada Abu Talib, baginda telah berkata kepadanya: Wahai bapa saudaraku, bagaimana anda melihat maruahku pada mereka? Maka Abu Talib telah berkata kepadanya: Apakah yang telah berlaku kepada anda, wahai anak saudaraku?

Maka baginda s.a.w telah menceritakannya kepadanya, lalu Abu Talib telah memanggil Hamzah dan mengambil pedang seraya berkata kepada Hamzah: Ambillah uri itu, kemudian anda pergi kepada mereka dan Nabi s.a.w bersamanya, lalu beliau telah datang kepada Quraisy dan mereka di sekitar Ka'bah, kemudian beliau telah berkata kepada Hamzah: Lumurlah uri itu di atas misai-misai mereka, maka beliau telah melakukannya sehingga beliau telah datang kepada yang akhir mereka. Kemudian Abu Talib telah berpaling kepada Nabi s.a.w seraya berkata: Wahai anak saudaraku, ini adalah maruah anda pada kami.

(788)-31. Ali, daripada bapanya, daripada Ibn Abi Nasr, daripada Ibrahim bin Muhammad al-Asy'ari, daripada 'Abid bin Zurarah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Manakala Abu Talib telah mati, Jibrail telah turun ke atas Rasulullah s.a.w, maka beliau telah berkata: Wahai Muhammad, keluarlah dari Makkah kerana anda tidak ada penolong padanya. Quraisy telah memberontak menentang Nabi s.a.w, lalu baginda s.a.w telah keluar lari sehingga baginda s.a.w datang ke satu gunung di Makkah dikenali dengan al-Hujuun, maka baginda s.a.w telah berlindung di situ [seketika].

(789)-32. Ali bin Muhammad bin Abdullah dan Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin Abdullah secara *marfu'*, daripada Abu Abdillah a.s, berkata: Adakah Abu Talib telah memasuki Islam dengan kiraan jumlah (*hisab al-Jumal*)? Beliau a.s telah berkata: [Malah] dengan setiap bahasa (*bi-kulli lisaan*).

(790)-33. Muhammad bin Yahya, daripada Ahamad dan Abdullah dua anak lelaki Muhammad bin Isa, daripada bapa mereka berdua, daripada Abdullah bin al-Mughirah, daripada Isma'il bin Abi Ziyad, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Abu Talib telah memasuki Islam dengan kiraan jumlah dan beliau a.s telah menyimpulkan dengan tangannya [angka] enam puluh tiga.

(791)-34. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Fadhdhal, daripada al-Husain bin 'Ulwan al-Kalbi, daripada Ali bin al-Hazawwara al-Ghanawi, daripada Asbagh bin Nubatah al-Hanzali berkata: Aku telah melihat Amir al-Mukminin a.s pada dari pembukaan Basrah dan beliau telah menunggang baghal betina Rasulullah s.a.w, [kemudian] beliau telah berkata: Wahai manusia, sesungguhnya aku akan memberitahu kepada kamu sebaik-baik makhluk pada hari Allah akan mengumpulkan kamu, lalu Abu Ayyub al-Ansari bangun mendekatinya sambil berkata: Ya, wahai Amir al-Mukminin, beritahulah kepada kami, sesungguhnya anda menjadi saksi dan akan pergi, maka beliau telah berkata: Sesungguhnya sebaik-

baik makhluk pada hari Allah mengumpulkan mereka adalah tujuh orang daripada anak-anak 'Abd al-Muttalib.

Tidak seorangpun akan mengingkari kelebihan mereka melainkan seorang kafir dan tidak seorangpun yang akan menetangnya melainkan seorang yang degil. Kemudian 'Amamr bin Yasir-*rahima-hu llahu*-berdiri dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, namakan mereka supaya kami dapat mengetahui mereka, maka beliau telah berkata: Sesungguhnya sebaik-baik makhluk pada hari Allah mengumpulkan mereka adalah para rasul dan sesungguhnya sebaik-baik para rasul adalah Muhammad s.a.w dan sesungguhnya sebaik-baik umat selepas nabinya adalah wasi nabinya sehingga beliau berjumpa dengan seorang nabi. Sesungguhnya sebaik-baik para wasi adalah wasi Muhammad s.a.w.

Sesungguhnya sebaik-baik makhluk selepas para wasi adalah para syahid. Sesungguhnya sebaik-baik para syahid adalah Hamzah bin 'Abd al-Muttalib dan Ja'far bin Abu Talib yang mempunyai dua sayap [boleh] berterbang di syurga, tidak ada di kalangan umat ini yang akan mempunyai dua sayap selain daripadanya, suatu yang dimuliakan Allah dengannya kepada Muhammad.

Dan Dia telah memuliakannya dengan dua "anak lelaki" al-Hasan dan al-Husain dan al-Mahdi a.s, Dia akan menjadikannya siapa yang Dia kehendaki di kalangan kami Ahlu l-Bait, kemudian beliau a.s telah membaca ayat ini: "*Dan sesiapa yang mentaati Allah dan Rasul(Nya) mereka itu akan bersama-sama mereka yang di anugerahi nikmat oleh Allah, iaitu para nabi para Siddiqiin, para syahid dan mereka yang saleh. Dan mereka itulah juga teman yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah kurnia dari Allah dan Allah cukup mengetahui*"[320]

(792)-35. Muhammd bin al-Husain, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Ibn Fadhdhal, daripada Ali bin al-Nu'man, daripada Abi Maryam al-Ansari, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Bagaimanakah sembahyang ke atas Nabi s.a.w? Beliau telah berkata: Manakala Amir al-Mukminin a.s telah memandikannya, mengapankannya dan menutupnya, maka beliau telah memasukkan sepuluh orang [ke bilik], lalu mereka berpusing di sekelilingnya [Rasulullah s.a.w], kemudian Amir al-Mukminin a.s telah berhenti di tengah-tengah mereka, lalu berkata: "*Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai mereka yang beriman, berselawatlah kamu ke atas Nabi dan ucaplah salam kehormatan kepadanya*"[321] Maka orang ramai telah berkata sebagaimana beliau a.s telah berkata sehingga penduduk Madinah dan lain-lain berselawat ke atasnya.

---

[320] Surah al-Nisaa' (4): 69-70
[321] Surah al-Ahzab (33): 56

(793)-36. Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khttab, daripada Ali bin Saif, daripada Abi al-Mughra, daripada 'Uqbah bin Basyir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Nabi s.a.w telah bersabda kepada Ali a.s: Wahai Ali, tanamlah aku di tempat ini dan tinggilah kuburku dari bumi [sekadar] empat anak jari dan siramlah air di atasnya.

(794)-37. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Hammad, daripada al-Halabi, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Al-'Abbas telah datang kepada Amir al-Mukminin a.s, lalu berkata: Wahai Ali, sesungguhnya orang ramai telah berkumpul untuk mengapankan Rasulullah s.a.w di Baqi' dan seorang lelaki daripada mereka akan mengimamkan mereka, lantas Amir al-Mukminin a.s keluar kepada orang ramai dan berkata: Wahai manusia, sesungguhnya Rasulullah s.a.w adalah seorang imam[322] sama ada hidup atau mati dan baginda s.a.w telah bersabda: "Aku akan ditanam di tempat aku mati padanya". Kemudian beliau a.s telah berdiri di pintu, lalu melakukan sembahyang jenazah ke atasnya, kemudian beliau a.s telah menyuruh orang ramai [seramai] sepuluh [orang], sepuluh [orang] untuk melakukan sembahyang jenazah ke atasnya, kemudian mereka telah keluar.

(795)-38. Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khattab, daripada Ali bin Saif, daripada 'Amru bin Syamar, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Manakala Nabi s.a.w telah mati, para malaikat, Muhajirin dan Ansar telah melakukan sembahyang ke atasnya secara berkumpulan. Beliau telah berkata: Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda pada masa sihatnya: Sesungguhnya diturunkan ayat ini ke atasku tentang selawat ke atasku selepas Allah mematikan aku "*Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai mereka yang beriman, berselawatlah kamu ke atas Nabi dan ucaplah salam kehormatan kepadanya*"[323]

(796)-39. Sebahagian daripada sahabat kami telah meriwayatkannya secara *marfu'*, daripada Abdullah bin Sinan, daripada Daud bin Kathir al-Raqiy berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Apakah makna salam ke atas Rasulullah s.a.w? Maka beliau telah berkata: Sesungguhnya Allah manakala Dia telah menciptakan Nabi-Nya, wasinya, anak perempuannya dan dua anak

[322] Seorang Imam a.s disembahyangkan oleh seorang Imam a.s. Rasulullah s.a.w adalah seorang nabi dan seorang imam.
[323] Surah al-Ahzab (33): 56

lelakinya dan semua para imam, Dia telah menciptakan Syiah mereka dan telah mengambil perjajian (*al-Mithaq*) ke atas mereka supaya mereka bersabar dan menasihat [orang lain] supaya bersabar dan menguatkan ikatan persaudaraan dan bertakwa kepada Allah.

Dia telah menjanjikan mereka bahawa Dia akan menyerahkan bumi yang diberkati kepada mereka dan Haram yang aman dan menurunkan kepada mereka Bait Ma'mur,[324] menzahirkan atap yang diangkat kepada mereka, menyelamatkan mereka daripada musuh mereka dan [mereka akan dikurniakan] bumi yang akan ditukarkan oleh Allah untuk mereka dan akan menyerahkan apa yang ada padanya kepada mereka". Beliau a.s telah berkata: Di sana tidak ada perbalahan untuk musuh mereka kerana mereka boleh memiliki apa yang mereka suka. Justeru, Allah telah mengambil perjanjian (*al-Mithaq*) ke atas para imam dan Syiah mereka. Bahawasanya "salam ke atasnya" adalah sebagai peringatan kepada perjanjian (*al-Mithaq*) yang sama dan pembaharuan untuknya ke atas Allah. Mudah-mudahan Allah mempercepatkan kesejahteran (*al-Salam*) untuk kamu dengan segala yang ada padanya.

(797)-40. Ibn Mahbub, daripada Abdullah bin Sinan, daripada Abu Abdillah a.s, berkata: Aku telah mendengarnya a.s telah berkata: Wahai Tuhanku, selawat ke atas Muhammad, pilihan Engkau, khalil Engkau dan pelaksana perintah Engkau".

Bab 112

☼Larangan Penyeliaan Di Atas Kubur Nabi S.A.W (*al-Nahyu 'an al-Isyraaf 'ala Qabr al-Nabi s.a.w*)☼

(798)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad al-Barqiy, daripada Ja'far bin al-Muthanna al-Khatib[325] berkata: Aku telah berada di Madinah dan atap masjid yang diletakkan di atas kubur telahpun jatuh sedangkan orang ramai naik dan turun dan kamu adalah satu kumpulan, maka aku telah berkata kepada para sahabat kita: Siapakah di kalangan kamu yang mempunyai temu janji dengan Abu Abdillah a.s pada malam ini? Mihran bin Abi Nasr telah berkata: Aku dan Isma'il bin 'Ammar al-Sairafi telah berkata: Aku, lalu kami telah berkata kepada mereka berdua: Kamu berdua tanyalah Abu

---

[324] Di langit yang dikunjungi oleh para malaikat.

[325] Hadis ini dikira *mursal* kerana Ja'far bin al-Muthanna adalah daripada sahabat al-Ridha a.s dan beliau tidak sempat berjumpa dengan Abu Abdillah a.s. Lantaran itu, hadis ini dikira *majhul* atau *mursal*. Justeru, penyeliaan kubur Nabi s.a.w atau para imam a.s adalah tidak dilarang, malah digalakkan.

Abdillah a.s tentang atap yang hendak diangkat [ke tempatnya dahulu] supaya kami seliakan di atas kubur Nabi s.a.w.

Manakala pada keesokan paginya, kami telah berjumpa dengan mereka berdua, kami semua telah berkumpul, maka Isma'il telah berkata: Sesungguhnya kami telah bertanya beliau untuk kamu sebagaimana kamu telah menyebutnya, lalu beliau a.s telah berkata: Aku tidak suka seorangpun daripada mereka menaiki di atasnya dan aku tidak menjaminnya bahawa beliau akan melihat sesuatu sehingga hilang penglihatannya atau beliau melihatnya sedang berdiri bersembahyang atau beliau melihatnya bersama isteri-isterinya a.s.

Bab 113

☼Kelahiran Amir Al-Mukminin A.S (*maulid Amir al-Mu'minin a.s*)☼

(799)-1. Amir al-Mukminin a.s telah dilahirkan tiga puluh tahun selepas tahun gajah. Beliau dibunuh pada 9hb Ramadan, malam Ahad pada tahun 40 H ketika berusia 63 tahun. Beliau telah tinggal selepas kematian Nabi s.a.w selama 30 tahun. Dan ibunya Fatimah binti Asad bin Hasyim bin 'Abd Manaf. Beliau a.s adalah Hasyimi pertama yang dilahirkan oleh seorang Hasyimi sebanyak dua kali (*awwalu hasyimi walada-hu Hasyim marrataini*).

(800)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Muhammad bin Yahya al-Farisi, daripada Abi Hanifah Muhammad bin Yahya, daripada al-Walid bin Abban, daripada Muhammad bin Abdullah bin Maskan, daripada bapanya berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Fatimah binti Asad telah datang kepada Abu Talib untuk memberitahu berita gembira kepadanya tentang kelahiran Nabi s.a.w, maka Abu Talib berkata: Bersabarlah anda selama 30 tahun (*sabtan*), aku akan memberitahu kepada anda berita gembira seumpamanya melainkan kenabian dan beliau telah berkata: *Al-Sabt* ialah tiga puluh tahun. Dan masa di antara Rasulullah s.a.w dan Amir al-Mukminin a.s adalah 30 tahun.

(801)-2. Ali bin Muhammad bin Abdullah, daripada al-Sayyaari, daripada Muhammad bin Jumhur, daripada sebahagian daripada sahabat kami, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya

Fatimah binti Asad adalah ibu kepada Amir al-Mukminin a.s. Beliau adalah perempuan pertama yang telah berhijrah kepada Rasulullah s.a.w dari Makkah ke Madinah dengan berjalan kaki. Beliau adalah orang yang paling baik dengan Rasulullah s.a.w, maka aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya manusia akan dihimpunkan pada hari Kiamat di dalam keadaan bertelanjang sebagaimana mereka dilahirkan.

Maka Fatimah binti Asad berkata: Penutupan auratnya[?], maka baginda s.a.w bersabda: Aku akan memohon kepada Allah supaya Dia menghantarkan selimut (pakaian) kepada anda. Dan beliau telah mendengarnya s.a.w menyebut tentang azab kubur, lalu beliau telah berkata: [Azabnya] berganda[?], maka Rasulullah s.a.w telah bersabda kepadanya: Sesungguhnya aku akan memohon kepada Allah supaya Dia menjaga anda daripadanya. Pada suatu hari beliau telah berkata kepada Rasulullah s.a.w: Sesungguhnya aku mahu memerdekakan seorang hamba perempuanku ini, maka baginda s.a.w telah bersabda kepadanya: Jika anda melakukannya, nescaya Allah akan memerdekakan setiap anggota anda daripada api neraka. Manakala beliau telah sakit, beliau telah berwasiatkan kepada Rasulullah s.a.w dan menyuruhnya supaya memerdekakan seorang hamba lelakinya. Lidahnya telah menjadi kaku, lalu beliau mulai memberi isyarat kepada Rasulullah s.a.w, maka Rasulullah s.a.w telah menerima wasiatnya.

Manakala baginda s.a.w sedang duduk, tiba-tiba Amir al-Mukminin a.s telah datang kepadanya di dalam keadaan menagis, maka Rasulullah s.a.w telah bersabda kepadanya: Apakah yang membuat anda menangis? Beliau telah berkata: Ibuku Fatimah telah mati, maka Rasulullah s.a.w bersabda: Dan ibuku [juga], demi Allah, baginda s.a.w telah bangun dengan cepat sehingga baginda s.a.w telah masuk dan melihat kepadanya dan menangis. Kemudian baginda s.a.w telah menyuruh perempuan supaya memandikan jenazahnya dan Rasulullah s.a.w bersabda: Apabila kamu semua telah menyelesaikannya, maka janganlah kamu bercakap apa-apa sehingga kamu memberitahu kepadaku.

Apabila mereka telah menyelesaikannya, mereka telah memberitahu kepadanya tentangnya, lalu baginda s.a.w telah memberikan kepada mereka salah satu daripada dua bajunya (*qamis*nya) yang menutupi badannya dan baginda s.a.w telah menyuruh mereka supaya mengapankannya di dalamnya dan baginda s.a.w telah berkata kepada muslimin: Apabila kamu telah melihatku telah melakukan sesuatu yang aku tidak pernah melakukannya sebelum ini, maka bertanyalah aku kenapa aku telah melakukannya. Manakala mereka telah menyelesaikannya dari memadikannya dan mengapankannya, lalu baginda s.a.w telah masuk dan membawa jenazahnya di atas bahunya. Baginda s.a.w sentiasa di bawah jenazahnya sehingga baginda s.a.w

sampai di kuburnya. Kemudian baginda s.a.w telah meletakkannya dan memasuki kuburnya dan mengiringkannya padanya. Kemudian baginda s.a.w telah berdiri, lalu mengambilnya di atas dua tangannya sehingga baginda s.a.w telah meletakkannya di kuburnya.

Kemudian baginda s.a.w telah menundukkan [kepalanya] di atasnya pada masa yang agak lama, menyerunya dan berkata kepadanya: Anak lelaki anda, anak lelaki anda [anak lelaki anda], kemudian baginda s.a.w telah keluar dan membetulkannya, kemudian baginda s.a.w telah menundukkan [kepalanya] di atas kuburnya, lalu mereka telah mendengarnya bersabda: Tiada tuhan melainkan Allah, wahai Tuhanku, sesungguhnya aku meninggalkannya kepada Engkau, kemudian baginda s.a.w telah pulang. Muslimin telah berkata kepadanya: Sesungguhnya kami telah melihat anda telah melakukan perkara-perkara yang anda tidak pernah melakukannya sebelum hari ini, maka baginda s.a.w bersabda: Pada hari ini aku telah kehilangan kebaikan Abu Talib, jika ada di sisinya sesuatu, nescaya ia akan memberi kesan kepada dirinya dan anak-anaknya.

Sesungguhnya aku telah menyebut hari Kiamat dan sesungguhnya manusia akan dihimpunkan di dalam keadaan bertelanjang, maka beliau (Fatimah binti Asad) berkata: Penutupan auratnya[?], maka aku telah memberi jaminan kepadanya supaya Allah menghantarkan kepadanya selimut. Dan aku telah menyebut azab kubur, maka beliau telah berkata: [Azabnya] berganda[?], maka aku telah memberi jaminan bahawa Allah akan menjaganya daripadanya.

Justeru, aku telah mengapankannya dengan bajuku(*qamis*) dan aku telah mengiringkannya di kuburnya, aku telah mengapankannya dan aku telah menundukkan [kepalaku] di atasnya. Kemudian aku telah membaca talkin kepadanya kerana beliau sedang ditanya tentang Tuhannya, maka beliau telah menjawabnya, beliau ditanya tentang Rasul-Nya, lalu beliau telah menjawabnya dan beliau ditanya tentang walinya dan imamnya, maka ia telah mengejutkannya, maka aku telah berkata: Anak lelaki anda, anak lelaki anda [anak lelaki anda].

(802)-3. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada orang yang beliau telah menyebutnya, daripada Ibn Mahbub, daripada Umar bin Abban al-Kalbi, daripada al-Mufadhdhal bin Umar berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Manakala Rasulullah s.a.w dilahirkan, didedahkan kepada Aminah "keputihan Farsi"[326] dan istana-istana Syam, tiba-tiba Fatimah binti Asad, ibu Amir al-Mukminin a.s telah datang kepada Abu Talib di dalam keadaan suka dan gembira, kemudian beliau telah memberitahu kepadanya apa yang dikatakan oleh Aminah, maka Abu Talib telah berkata kepadanya: Anda merasa pelik

[326] Kekayaan negeri Farsi

tentang perkara ini, sesungguhnya anda akan mengandung dan akan melahirkan wasinya dan wazirnya"[327]

(803)-4. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Barqiy, daripada Ahmad bin Zaid al-Nisaburi berkata: Umar bin Ibrahim al-Hasyimi telah memberitahu kepadaku, daripada 'Abd al-Malik bin Umar, daripada Usyad bin Safwan, sahabat Rasulullah s.a.w, berkata: Pada hari matinya Amir al-Mukminin a.s, tempat[nya] dipenuhi dengan tangisan, manusia merasa terharu seperti hari matinya Rasulullah s.a.w dan seorang lelaki telah datang di dalam keadaan menangis, cepat sambil berkata: Pada hari ini berakhirlah *khilafah* kenabian sehingga beliau telah berdiri di pintu rumah Amir al-Mukminin a.s, maka beliau berkata:

"Allah telah merahmati anda, wahai Abu al-Hasan, anda adalah orang yang pertama Islam dan yang paling ikhlas iman, yang paling kuat keyakinan, yang paling takut kepada Allah, yang paling mengambil berat, yang paling telus kepada Rasulullah s.a.w, yang paling aman ke atas sahabatnya, yang paling baik kelebihannya (*manaqibnya*), yang paling mulia daripada mereka yang terdahulu, yang paling tinggi darjat, yang paling hampir kepada Rasulullah s.a.w, yang paling menyerupai nya dari segi petunjuk, akhlak, kebaikan dan perbuatan, yang paling tinggi kedudukan, yang paling mulia ke atasnya. Allah akan memberi balasan kepada anda tentang Islam, Rasul-Nya dan muslimin dengan kebaikan.

Anda telah menjadi kuat ketika para sahabat anda telah lemah, anda terserlah ketika mereka terdiam, anda telah bangkit ketika mereka menjadi lemah, anda telah melakukan peraturan Rasulullah s.a.w ketika para sahabatnya bercadang untuk meninggalkannya. Justeru, andalah khalifahnya yang sebenar, anda tidak bertengkar dan menunduk kepada tekanan munafikin, kemarahan mereka yang kafir, kebencian mereka yang hasad dan kedengkian mereka yang fasik. Anda telah melaksanakan urusannya ketika mereka telah gagal. Anda telah bercakap ketika mereka di dalam keraguan dan anda telah pergi dengan cahaya Allah ketika mereka telah berhenti, lalu mereka telah mengikuti anda dan mendapat hidayah. Anda adalah yang paling rendah suara dan yang paling tinggi berdoa(*qunut*), yang paling kurang bercakap, yang paling tepat bercakap, yang paling besar pendapat, yang paling berani hati, yang paling kuat keyakinan, yang paling baik amalan, yang paling mengetahui tentang banyak perkara. Anda, demi Allah, madu kepada

---

[327] Abu Talib telah mengetahui bahawa anak lelakinya Ali a.s akan menjadi wasi Rasulullah s.a.w.

agama; pertama dan kedua: Pertama ketika orang ramai telah berpecah dan kedua ketika mereka telah gagal.

Anda bagi mukminin seperti bapa yang pemurah kerana mereka telah menjadi tanggungan anda, justeru, anda telah menanggung beban kelemahan mereka, anda telah menjaga apa yang mereka telah hilang, anda telah menjaga apa yang mereka telah cuai, anda telah memenatkan diri anda apabila mereka berkumpul, anda telah tinggi apabila mereka keciwa, anda telah bersabar apabila mereka telah gopoh. Anda telah dapat ketegangan apa yang mereka telah minta dan mereka telah dapat apa yang mereka tidak menjangkakannya. Anda ke atas mereka yang kafir merupakan azab dan rampasan, tetapi bagi mukminin sebagai tiang dan benteng, anda telah dikurniakan dengan nikmat-nikmat-Nya dan anda telah memenanginya, anda telah mendahului mereka yang terdahulu.

Anda telah pergi dengan kelebihannya, tidak mengurangkan hujah anda, tidak mengubah hati anda, tidak melemahkan mata hati anda, tidak mengecutkan diri anda dan menundukkannya. Anda seperti gunung yang tidak dapat digerakkan oleh taufan, anda sebagaimana beliau berkata: Orang ramai telah aman di dalam persahabatan dengan anda dan mendapat pertolongan anda, anda sebagaimana beliau telah berkata: Anda adalah lemah dari segi badan, tetapi kuat di dalam urusan Allah, merendah diri pada diri anda, besar di sisi Allah.

Besar di bumi, mulia di sisi mukminin, tidak ada seorangpun dapat mempersendakan anda di dalam semua perkara, orang yang lemah dan hina di sisi anda seorang yang kuat lagi mulia sehingga anda mengambil untuknya haknya, orang yang kuat dan mulia di sisi anda adalah lemah lagi hina sehingga anda mengambil hak daripadanya, orang yang dekat (kerabat) dan yang jauh di sisi anda tentang itu adalah sama, keadaan anda adalah kebenaran, ke ikhlasan dan kelembutan, kata-kata anda adalah hikmat lagi pemutus, urusan anda adalah lemah lembut dan cekal, pendapat anda adalah ilmu dan azam apa yang anda telah buat. Sesungguhnya anda telah melalui jalan [duri], anda telah mempermudahkan kesukaran, anda telah memadamkan api [fitnah].

Dengan anda agama telah menjadi sederhana dan Islam telah menjadi kuat dengan anda, maka telah zahirlah urusan Allah sekalipun dibenci oleh mereka yang kafir. Islam dan muslimin telah mantap dengan anda, anda telah mendahului apa yang terdahulu. Anda telah mengurangkan kepenatan orang selepas anda mengalami kepenatan yang kuat. Anda menahan tangisan, bencana anda amat besar di langit, musibat anda memusnahkan manusia, maka sesungguhnya kita daripada Allah dan kepadanyalah kita kembali, kita meredai qada' Allah, demi Allah, muslimin sekali-kali tidak akan ditimpa musibat seperti anda selama-lamanya. Anda bagi mukminin seperti gua dan benteng, gunung yang kuat dan bagi mereka yang kafir adalah kekasaran dan

kemarahan, maka Allah telah menyambungkan anda dengan Nabi-Nya dan Dia tidak mengaramkan kami daripada pahala anda, Dia tidak menyesatkan kami selepas anda". Mereka terdiam sehingga percakapannya berakhir dan para sahabat Rasulullah s.a.w telah menangis, kemudian mereka telah mencarinya, tetapi mereka tidak menemuinya.

(804)-5. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Safwan al-Jamal berkata: Aku, 'Amir dan Abdullah bin Jaza'ah al-Azdi telah berada di sisi Abu Abdillah a.s, berkata: 'Amir telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, adakah Amir al-Mukminin a.s telah disemadikan di al-Rahbah? Beliau a.s telah berkata: Tidak, beliau berkata: Di manakah beliau telah di semadikan? Beliau a.s telah berkata: Manakala beliau a.s mati, maka al-Hasan a.s telah membawanya, kemudian beliau dibawa ke Kufah berhampiran dengan Najaf, di kiri al-Ghariyy dan di kanan al-Hirah, lalu disemadikan dicelah tanah tinggi yang berwarna putih. Beliau telah berkata: Selepas itu aku telah pergi di tempat itu, tetapi aku telah menjadi keliru lokasi sebenarnya, kemudian aku telah memberitahu kepadanya, maka beliau a.s telah berkata kepadaku: Anda telah mendapati tempatnya-sebanyak tiga kali-.

(805)-6. Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada al-Qasim bin Muhammad, daripada Abdullah bin Sinan berkata: Umar bin Yazid telah datang kepadaku dan berkata: Naiklah, lalu akupun naik [binatang tunggangan] bersamanya, kami telah pergi sehingga ke rumah Hafs al-Kinasi, maka aku telah meminta supaya beliau keluar, lalu beliau telah menunggang bersama kami, kemudian kami telah pergi sehingga kami telah sampai ke al-Ghariy, maka kami telah berakhir di sebuah kubur, maka beliau telah berkata: Turunlah, ini adalah kubur Amir al-Mukminin a.s, kami telah berkata: Dari manakah anda telah mengetahuinya? Maka beliau telah berkata: Aku telah datang bersama Abu Abdillah a.s di al-Hirah beberapa kali dan beliau a.s telah memberitahu kepadaku bahawa ia adalah kuburnya.

(806)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Salmah bin al-Khattab, daripada Abdullah bin Muhammad, daripada Abdullah bin al-Qasim, daripada Isa Syalqan berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Amir al-Mukminin a.s mempunyai *khu'ulah* [328] pada Bani Makhzum. Dan seorang pemuda daripada mereka telah mendatanginya dan berkata: Wahai bapa saudaraku,

---

[328] Pertalian bapa saudara sebelah ibu.

sesungguhnya saudaraku telah mati dan aku telah berdukacita ke atasnya dengan kuat, maka beliau a.s telah berkata kepadanya: Anda mahu melihatnya? Beliau telah berkata: Ya, beliau a.s telah berkata: Perlihatlah kepadaku kuburnya.

Beliau telah berkata: Beliau a.s telah keluar dan bersamanya *burdah* Rasulullah s.a.w yang dipakainya. Manakala beliau a.s telah sampai ke kubur, maka dua bibir mulutnya bergerak membaca sesuatu, kemudian beliau a.s telah menendang kuburnya dengan kakinya, lantas keluarlah dia dari kuburnya bercakap di dalam bahasa Farsi, maka Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepadanya: Tidakkah anda telah mati dan anda seorang Arab? Beliau berkata: Ya, tetapi kami telah mati di atas sunnah polan dan polan, kemudian lidah kami telah bertukar [kepada bahasa Farsi].

(807)-8. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad dan Ali bin Muhammad, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Ibn Mahbub, daripada Abi Hamzah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Manakala Amir al-Mukminin a.s mati, maka al-Hasan bin Ali a.s telah berada di masjid Kufah, maka beliau telah memuji Allah dan berselawat ke atas Nabi s.a.w, kemudian beliau telah berkata: Wahai manusia, sesungguhnya telah mati pada malam ini seorang lelaki yang tidak didahuluinya oleh mereka yang dahulu dan tidak mendapatinya oleh mereka yang mutakhir.

Sesungguhnya beliaulah pembawa bendera Rasulullah s.a.w, di kanannya Jibrail, di kirinya Mikail, beliau tidak kembali sehingga Allah memberi kemenangan untuknya. Demi Allah, beliau tidak meninggalkan yang putih dan yang merah melainkan 700 dirham, baki daripada pemberiannya. Dengan wang itu, beliau mahu membeli seorang hamba lelaki untuk keluarganya. Demi Allah, beliau telah mati pada malam matinya wasi Musa, Yusyu' bin Nun dan pada malam Isa bin Maryam diangkat ke langit dan pada malam turunya al-Qur'an.

(808)-9. Ali bin Muhammad secara *marfu'* berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Manakala Amir al-Muminin a.s dimandikan jenazahnya, mereka dipanggil dari sudut rumah, "jika kamu telah mengambil di depan katil, maka yang akhirnya telah memadai. Dan jika kamu telah mengambil yang akhirnya, maka yang di depannya telah memadai untuk kamu"[329].

(809)-10. Abdullah bin Ja'far dan Sa'd bin Abdullah, daripada Ibrahim bin Mihziyar, daripada saudara lelakinya Ali bin Mihziyar, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Hisyam bin Salim, daripada

[329] Kemungkinan suara daripada malaikat.

Habib al-Sajistani berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Fatimah binti Muhammad telah dilahirkan 5 tahun selepas Rasulullah s.a.w dilantik menjadi Rasul dan beliau mati ketika berusia 18 tahun 75 hari.

(810-11. Sa'd bin Abdullah, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal, daripada Abdullah Bakir, daripada sebahagian daripada sahabatnya, daripada Abu Abdillah a.s bahawa beliau telah mendengarnya berkata: Apabila Amir al-Mukminin a.s mati, maka al-Hasan, al-Husain dan dua orang lelaki yang lain telah mengeluarkannya sehingga mereka keluar dari Kufah. Mereka telah meninggalkan sumpah mereka, kemudian mereka telah melalui al-Jabanah[330] sehingga mereka sampai ke al-Ghariy, lalu mereka mengembumikannya dan menyamakan kuburnya, kemudian mereka pulang.

Bab 114

☼Kelahiran Al-Zahra' Fatimah A.S (*maulid al-Zahraa' Fatimah a.s*)☼

Fatimah a.s suaminya adalah Ali a.s, dilahirkan 5 tahun selepas Rasulullah s.a.w dilantik menjadi Rasul. Fatimah a.s telah mati ketika berusia 18 tahun dan 75 hari. Dan beliau telah tinggal 75 hari selepas [kematian] bapanya.

(811)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Ibn Ri'ab, daripada Abi 'Ubaidah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Fatimah a.s telah tinggal selepas Rasulullah s.a.w selama 75 hari. Beliau telah berdukcita di atas kematian bapanya. Jibrail telah mendatanginya dan memberi takziah di atas kematian bapanya, memperbaiki [keadaan] dirinya, menceritakan kepadanya tentang keadaan bapanya, tempatnya, memberitahu kepadanya apa yang akan berlaku selepasnya pada zuriatnya dan Ali a.s menulis semuanya.

(812)-2. Muhammad bin Yahya, daripada al-'Umarkiy, daripada Ali bin Ja'far, daripada saudaranya, daripada Abu al-Hasan a.s telah berkata: Sesungguhnya Fatimah a.s adalah *Siddiqah* dan *Syahidah*, sesungguhnya anak-anak perempuan para nabi tidak ada haid.

[330] Kubur al-Jabanah

(813)-3. Ahmad bin Mihran-*rahima-hu llah*-secara *marfu'* dan Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar al-Syaibani berkata: Al-Qasim bin Muhammad bin al-Razi telah memberitahu kepadaku, berkata: Ali bin Muhammad al-Haramzani, daripada Abi Abdillah al-Husain bin Ali a.s telah berkata: Manakala Fatimah a.s mati, maka Amir al-Mukminin a.s telah mengembumikannya secara rahsia dan meratakan kuburnya[331].

Kemudian beliau telah berdiri dan mengadap mukanya kepada kubur Rasulullah s.a.w dan berkata: " *Al Salamu 'alaika ya Rasulallah* daripadaku dan *al-Salamu 'alaika* daripada anak perempuan anda, pelawat anda di tempat anda dan Allah telah memilih untuknya supaya cepat bersama anda. Katakan, wahai Rasulullah, tentang pilihan anda ini, [betapa kuatnya] kesabaranku dan maafilah daripada penghulu wanita syurga kekasaranku, sesungguhnya bagiku di dalam kesedihan dengan sunnah anda ketika perpisahan anda, masih mempunyai tempat untuk memberi takziah. Sesungguhnya aku telah menyandarkan anda pada lahad kubur anda dan diri anda antara bahagian atas dadaku (*nahri*) dan dadaku (*sadri*). Ya, pada kitab Allah bagiku sebaik-baik penerimaan.

Inna li-llah wa inna ila-hi raaji'uun. Barang simpanan dikembalikan, diambil sebagai gadaian dan al-Zahra' telah diambil dengan cepat. Alangkah buruknya masa sekarang [kerana kematiannya] dan masa dahulu [kerana kematian anda], wahai Rasulullah, adapun dukacitaku adalah berkekalan, adapun malamku tanpa tidur dan merana, [beliau] tidak hilang daripada hatiku atau Allah memilih untukku negeri yang anda sedang berada (kematian). Dukacita yang kuat [seperti] nanah tanpa darah, alangkah cepatnya perpisahan di antara kita dan kepada Allah aku mengadu. Anak perempuan anda akan menceritakan kepada anda dengan kemenangan umat anda di atas kezaliman [kelak], maka bertanyalah kepadanya dan mintalah penjelasan daripadanya.

Berapa banyak dendam kasumat di dadanya, tetapi ia tidak tersibar dan beliau akan berkata: "*Dan Allah akan menetapkan hukumnya di antara kita dan Dia adalah Hakim yang sebaik-baiknya*"[332] Salam daripada orang yang mengucap selamat tinggal tanpa jemu. Jika aku pulang, bukan kerana jemu dan jika aku tinggal, bukan kerana sangkaan jahat dengan janji Allah kepada mereka yang bersabar. Sesungguhnya kesabaran itu cantik. Jika tidak kerana kemenangan pihak penguasa, nescaya aku telah menjadikannya maqam dan tinggal beriktikaf [di sisinya] pada masa yang lebih lama dan menanggung penderitaan di atas bencana yang mulia. Dengan mata Allah, anak perempuan anda dikapan secara rahsia, dirampas haknya dan dihalang

---

[331] Supaya kuburnya tidak diketahui oleh musuh-musuhnya yang diketui oleh Abu bakr, Umar dan pengikut-pengikut mereka berdua.

[332] Surah al-A'raaf (7): 87

pusakanya sedangkan masa belum lama [daripada kematian anda] dan Dia tidak menciptakan daripada anda anak lelaki (yang hidup). Dan kepada Allah, wahai Rasulullah, sebaik baik ucapan takziah, selawat dan salam kepada anda dan di atasnya (Fatimah) salam dan keredaan".

(814)-4. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammd bin Isa, daripada Ahamd bin Muhammad bin Abi Nasr, daripada 'Abd al-Rahman bin Salim, daripada al-Mufadhdhal, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s: Siapakah yang telah memandikan [jenazah Fatimah? Beliau telah berkata: Amir al-Mukminin-seolah-olah aku telah membesar-besarkan kata-katanya-, maka beliau telah berkata: Seolah-olah anda tidak senang hati dengan apa yang aku telah ceritakan kepada anda? Aku telah berkata: Ia memang begitu, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, maka beliau telah berkata: Janganlah anda merasa tertekan kerana Fatimah adalah *siddiqah*, lantaran itu, ianya akan dimandikan [jenazahnya] oleh *siddiq*, tidakkah anda telah mengetahui bahawa Maryam tidak dimandikan [jenazah]nya melainkan oleh Isa.

(815)-5. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Isma'il, daripada Salih bin 'Uqbah, daripada Abdullah bin Muhammad al-Ju'fi, daripada Abu Ja'far dan Abu Abdillah a.s, mereka berdua telah berkata: Sesungguhnya Fatimah a.s-manakala telah berlakulah urusan mereka-telah mengambil baju Umar, lalu menariknya kepadanya, kemudian telah berkata: Demi Allah, wahai Ibn al-Khattab, jikalaulah aku tidak benci bahawa bala akan menimpa orang yang tidak bersalah, nescaya anda mengetahui bahawa aku akan bersumpah ke atas Allah [untuk anda], kemudian aku akan mendapatiNya cepat menerima [doaku].

(816)-6. Dengan sanad-sanad ini, daripada Salih bin 'Uqbah, daripada Yazid bin 'Abd al-Malik, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Manakala Fatimah a.s dilahirkan, Allah telah mewahyukan kepada malaikat supaya lidah Muhammad menamakannya Fatimah, lalu baginda s.a.w telah menamakannya Fatimah, kemudian beliau telah berkata: Sesungguhnya aku telah membiasakan anda dengan ilmu dan aku telah menjauhkan anda daripada darah haid. Kemudian Abu Ja'far a.s telah berkata: Demi Allah, sesungguhnya Dia telah membiasakannya dengan ilmu dan manjauhkannya daripada darah haid di dalam perjanjian (*al-Mithaq*)[333]

[333] Perjanjian di alam roh.

(817)-7. Dan dengan sanad-sanad ini, daripada Salih bin 'Uqbah, daripada 'Amru bin Syamar, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Nabi s.a.w telah bersabda kepada Fatimah a.s: Wahai Fatimah, berdirilah dan keluarkan mangkuk (*al-Sahfah*) itu, lalu beliau berdiri dan mengeluarkan mangkuk yang mengandungi bubur daging (*tharid*)[334] Maka Nabi s.a.w, Ali, Fatimah, al-Hasan dan al-Husain telah memakannya selama tiga belas hari. Kemudian Umm Aiman telah melihat kepada al-Husain bersamanya ada sesuatu, maka beliau telah berkata kepadanya: Dari manakah anda mendapatinya? Beliau telah berkata: Sesungguhnya kami memakannya selama beberapa hari.

Kemudian Umm Aiman telah datang kepada Fatimah a.s, maka beliau telah berkata: Wahai Fatimah, apabila ada sesuatu di sisi Umm Aiman, maka ia adalah untuk Fatimah dan anak-anaknya dan apabila ada sesuatu di sisi Fatimah, maka ia bukannya untuk Umm Aiman? Lantas Fatimah telah mengeluarkannya untuknya, lalu Umm Aiman telah memakannya dan [makanan] di dalam mangkuk itupun telah habis. Maka Nabi s.a.w telah bersabda kepadanya: Jikalaulah anda tidak memberi makan kepadanya, nescaya anda dan zuriat anda boleh memakannya sehingga hari Kiamat. Kemudian Abu Ja'far a.s telah berkata: Mangkuk (*al-Sahfah*) di sisi kami, akan dikeluarkan oleh Qaim kita a.s pada zamannya.

(818)-8. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Ali, daripada Ali bin Ja'far berkata: Aku telah mendengar Abu al-Hasan a.s telah berkata: Sebaik saja Rasulullah s.a.w duduk, tiba-tiba malaikat yang mempunyai dua puluh empat muka telah datang kepada Rasulullah s.a.w, lalu Rasulullah s.a.w telah bersabda kepadanya: Kekasihku Jibrail, aku tidak pernah melihat anda di dalam bentuk ini, malaikat itu telah berkata: Aku bukanlah Jibrail, wahai Muhammad, Allah telah menghantar aku supaya aku mengahwinkan cahaya daripada cahaya (*uzawwiju al-Nur min al-Nur*), baginda s.a.w telah bersabda: Siapa daripada siapa? Beliau telah berkata: Fatimah daripada Ali. Beliau telah berkata: Manakala malaikat itu telah berpaling, tiba-tiba di antara dua bahunya[tertulis] Muhammad Rasulullah, Ali adalah wasinya. Maka Rasulullah s.a.w telah bersabda: Semenjak bilakah ia ditulis di antara dua bahu anda? Maka beliau telah berkata: Dua puluh dua ribu tahun sebelum Allah menciptakan Adam.

(819)-9. Ali bin Muhammad dan orang lain, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abi Nasr berkata: Aku telah bertanya al-Ridha a.s tentang kubur Fatimah a.s, maka beliau telah

---

[334] Bubur daging

berkata: Beliau telah dikebumikan di rumahnya, manakala Bani Umayyah telah menambahkan Masjid, maka ia termasuk di dalam Masjid.

(820)-10. Beberapa orang sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada al-Khaibari, daripada Yunus bin Zubyaan, daripada Abu Abdillah a.s, berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Jikalaulah Allah tidak menciptakan Amir al-Mukminin a.s untuk Fatimah, nescaya tidak ada orang yang layak (*kufwun*) untuknya di muka bumi daripada Adam dan selain daripadanya.

Bab 115

☼Kelahiran Al-Hasan Bin Ali A.S (*maulid al-Hasan bin Ali a.s*)☼

Al-Hasan bin Ali a.s telah dilahirkan pada bulan Ramadan pada tahun Badr tahun kedua hijrah. Ada riwayat yang menyatakan bahawa beliau dilahirkan pada tahun ketiga hijrah. Beliau telah mati pada akhir bulan Safar pada tahun 49 hijrah ketika berusia 47 tahun dan beberapa bulan. Ibunya Fatimah binti Rasulullah s.a.w.

(821)-1. Muhammad bin Yahya, daripada al-Husain bin Ishaq, daripada Ali bin Mihziyar, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Abdullah bin Sinan, daripada orang yang telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Apabila kematian telah menghampiri al-Hasan a.s, beliau telah menangis, maka dikatakan kepadanya: Wahai anak lelaki Rasulullah s.a.w, kenapa anda menangis sedangkan kedudukan anda daripada Rasulullah s.a.w? Dan baginda s.a.w telah bersabda bermacam-macam kepada anda; anda telah melakukan haji sebanyak dua puluh kali dengan berjalan kaki, anda telah membahagi-bahagikan harta anda sebanyak tiga kali sehingga kasut dengan kasut? Beliau telah berkata: Sesungguhnya aku menangis kerana dua perkara: Permulaan perjalanan [ke alam Barzakh] dan perpisahan dengan orang yang dikasihi.

(822)-2. Sa'd bin Abdullah dan Abdullah bin Ja'far, daripada Ibrahim bin Mihziyar, daripada saudaranya Ali [bin Mihziyar], daripada al-Hasan bin Sa'id, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Ibn Maskan, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Al-Hasan bin Ali a.s telah mati ketika berusia 47 tahun pada tahun 50 Hijrah, beliau telah hidup selama 40 tahun selepas [kematian]Rasulullah s.a.w.

(823)-3. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Nu'man, daripada Saif bin 'Umairah, daripada Abu Bakr al-Hadhrami berkata: Sesungguhnya Ja'dah[335] binti As 'ath bin Qais al-Kindi telah meracuni al-Hasan bin Ali a.s dan seorang hamba perempuannya (al-Hasan a.s). Hamba perempuannya telah terhidu racun, sementara al-Hasan a.s telah termakan racun dan ia telah meresap kedalam perutnya, lalu beliau mati.

(824)-4. Muhammad bin Yahya dan Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada al-Qasim al-Nahdi, daripada Isma'il bin Mihran, daripada al-Kinasi, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Al-Hasan bin Ali a.s telah keluar kerana mengerjakan umrah bersama seorang lelaki daripada anak-anak al-Zubair yang telah percaya tentang *imamah*nya. Mereka telah bermalam di satu tempat di bawah pohon kurma yang kering, kemungkinan ia telah kering kerana kekurangan air. Lalu beliau telah membentangkan hamparan untuk al-Hasan a.s dan satu hamparan untuk anak lelaki al-Zubair di bawah pohon kurma yang lain.

Anak lelaki al-Zubair telah berkata dan mengangkat kepalanya: Jikalaulah pohon kurma ini ada buah yang segar (*al-Ratab*), nescaya kita boleh memakannya, maka al-Hasan a.s telah berkata kepadanya: Adakah anda ingin makan kurma segar? Anak lelaki al-Zubair telah berkata: Ya, lantas beliau a.s telah mengangkat tangannya ke langit dan berdoa dengan kata-kata yang aku tidak dapat memahaminya, lalu pohon kurma itu menjadi hijau, kemudian telah bertukar kepada keadaannya, maka ia telah mengeluarkan daun dan buah kurma yang segar. Al-Jammal telah berkata: [Ini] sihir, demi Allah, maka al-Hasan a.s telah berkata: Celaka anda, ini bukanlah sihir, tetapi doa seorang anak lelaki Nabi dimakbulkan. Beliau telah berkata: Kemudian mereka telah memanjat pohon kurma itu, lalu mereka memotong (mengambil) apa yang ada padanya dan ia telah cukup untuk mereka.

(825)-5. Ahmad bin Muhammad dan Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada

[335] Isteri al-Hasan a.s

Ya'qub bin Yazid, daripada Ibn Abi Umar, daripada beberapa orang lelakinya, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya al-Hasan a.s telah berkata: Sesungguhnya bagi Allah dua bandar, salah satunya di timur dan yang satu lagi di barat, di atas kedua-duanya dinding daripada besi dan di atas setiap satu daripadanya beribu-ribu gelanggang tinju dan padanya beribu-ribu bahasa, setiap bahasa bercakap berlainan dengan bahasa sahabatnya. Aku mengetahui semua bahasa-bahasa itu dan apa yang ada pada kedua-duanya dan di antara kedua-duanya dan *Hujjah* yang ada di atas kedua-duanya selain daripadaku dan selain daripada al-Husain saudaraku.

(826)-6. Al-Husain bin Muhammd dan Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Ali bin al-Nu'man, daripada Sundal, daripada Abi Usamah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Al-Hasan bin Ali a.s telah keluar ke Makkah selama setahun dengan berjalan kaki, lalu dua kakinya telah menjadi bengkak, maka sebahagian hambanya telah berkata kepadanya: Jika anda menunggang [binatang], nescaya bengkak ini akan berkurangan. Maka beliau a.s telah berkata: Apabila kita sampai di rumah ini, seorang yang berkulit hitam akan menjemput anda dan bersamanya minyak, maka belilah daripadanya dan janganlah anda bertawar-tawaran dengannya.

Maka hambanya berkata kepadanya: Dengan bapaku, anda dan ibuku, kami telah datang ke sebuah rumah padanya seorang yang menjual ubatnya, maka beliau a.s telah berkata kepadanya: Ya, rumah itu di hadapan anda, bukan rumah tadi, lalu mereka berdua telah berjalan [sejauh] satu batu, tiba-tiba beliau adalah yang berkulit hitam (*al-Aswad*). Maka al-Hasan a.s telah berkata kepada hambanya: Ambillah minyak daripadanya dan bayarlah harganya, maka lelaki hitam itu telah berkata: Kepada siapa anda maksudkan minyak ini?

Maka beliau telah berkata: Kepada al-Hasan bin Ali, lantas beliau berkata: Pergilah bersamaku kepadanya, lalu beliau telah pergi dan berjumpa dengannya, maka beliau telah berkata kepadanya: Dengan bapaku, anda dan ibuku, aku tidak mengetahui bahawa anda berhajat kepada ini, aku tidak mengambil harganya. Sesungguhnya aku adalah *maula* anda, tetapi berdoalah kepada Allah supaya mengurniakan kepadaku seorang anak lelaki yang sempurna yang akan mencintai kamu Ahlu l-Bait, sesungguhnya aku telah meninggalkan isteriku yang sedang sakit bersalin, maka beliau a.s telah berkata: Pulanglah ke rumah anda, maka Allah telah mengurniakan kepada anda seorang anak lelaki yang sempurna dan beliau adalah daripada Syiah kita.

Bab 116

☼Kelahiran Al-Husain Bin Ali A.S (*maulid al-Husain bin 'Ali a.s*)☼

Al-Husain bin Ali a.s telah dilahirkan pada tahun ke tiga hijrah dan mati pada [hari Isnain10 hb] Muharram tahun 61 hijrah ketika berusia 57 tahun dan beberapa bulan. Beliau telah dibunuh oleh 'Ubaidillah bin Ziyad yang dilaknati Allah di dalam pemerintahan Yazid bin Mu'awiyah di dalam perjalanan ke Kufah. Beliau telah dibunuh oleh Umar bin Sa'd yang dilaknati Allah di Karbala' ketika menunggang kuda perangnya pada hari Isnain 10 Muharram dan ibunya Fatimah binti Rasulullah s.a.w.

(827)-1. Sa'd dan Ahmad bin Muhammad, daripada Ibrahim bin Mihziyar, daripada saudaranya Ali bin Mihziyar, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Ibn Maskan, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Al-Husain bin Ali a.s telah mati pada hari 'Asyura' (kesepuluh Muharram) ketika berusia 57 tahun.

(828)-2. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahamad bin Muhammad, daripada al-Hakam, daripada 'Abd al-Rahman al-'Arzami, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Di antara al-Hasan dan al-Husain a.s satu kali suci (*tuhrun*)[336] dan di antara mereka berdua dari segi kelahiran ialah 6 bulan 10 hari.

(829)-3. Muhammad bin Yahya, daripada Ahamad bin Muhammad, daripada al-Wasyaa' dan al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Ahmad bin 'Aa'idh, daripada Abi Khadijah, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Manakala Fatimah a.s telah mengandungkan al-Husain, Jibrail telah datang kepada Rasulullah s.a.w dan berkata: Sesungguhnya Fatimah a.s akan melahirkan seorang kanak-kanak yang akan dibunuh oleh umat anda selepas anda [mati]. Manakala Fatimah a.s telah mengandungkan al-Husain a.s, beliau tidak sukakan kandungannya dan kelahirannya[337]. Kemudian Abu Abdillah a.s telah berkata: Tidak didapati di dunia ini

---

[336] Menurut kiraan manusia biasa, tetapi Fatimah a.s tidak mempunyai darah haid seperti Maryam ibu nabi Isa a.s. Justeru, mereka berdua dipanggil *al-Batul*.

[337] Sebelum berita *imamah* kepada zuriatnya melalui (al-Husain) a.s.

seorang ibu yang akan melahirkan anak yang tidak disukainya, beliau tidak menyukainya apabila beliau telah mengetahui bahawa anaknya akan dibunuh, beliau telah berkata: Dan padanyalah telah turun ayat: "*Kami perintahkan kepada manusia supaya berbuat baik (husnan) kepada dua orang ibu bapanya, ibunya mengandungkannya dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah. Mengandungnya sampai menyapihnya adalah tiga bulan*"[338]

(830)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Ali bin Isma'il, daripada Muhammad bin 'Amru al-Zayyaat, daripada seorang lelaki daripada sahabat kami, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Jibrail telah turun ke atas Muhammad s.a.w dan berkata kepadanya: Wahai Muhammad, sesungguhnya Allah memberi berita gembira kepada anda dengan seorang bayi yang akan dilahirkan oleh Fatimah a.s, tetapi umat anda akan membunuhnya selepas anda [mati]. Maka beliau telah naik [ke langit], kemudian beliau a.s telah berkata kepadanya seumpamanya, kemudian baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Jibrail, di atas Tuhanku salam, aku tidak berhajat kepada bayi yang akan dibunuh oleh umatku selepasku, lalu Jibrail a.s telah naik ke langit.

Kemudian beliau telah turun, maka beliau telah berkata: Wahai Muhammad, sesungguhnya Tuhan anda memberi salam kepada anda dan memberi berita gembira kepada anda bahawa sesungguhnya Dia menjadikan pada zuriatnya *imamah*, wilayah dan wasiat. Maka baginda s.a.w telah bersabda: Aku telah reda, kemudian baginda s.a.w telah datang kepada Fatimah a.s [bersabda]: Sesungguhnya Allah telah memberi berita gembira kepadaku dengan seorang bayi yang akan dilahirkan oleh anda, umatku akan membunuhnya selepasku, lalu Fatimah a.s telah memberitahu kepadanya: Aku tidak berhajat kepada bayi yang akan dilahirkan olehku, akan dibunuh oleh umat anda selepas anda [mati].

Kemudian baginda s.a.w telah memberitahu kepadanya bahawa Allah telah menjadikan pada zuriatnya *imamah*, wilayah dan wasiat, lalu beliau telah memberitahu kepadanya: Sesungguhnya aku telah reda "*Ibunya mengandungkannya dengan susah payah (kebencian), melahirkannya dengan susah payah (kebencian). Mengandungkannya sampai menyapihnya adalah tiga puluh bulan sehingga apabila dia telah dewasa dan umurnya sampai empat puluh tahun dia berdoa: Ya, Tuhanku, tunjuklah aku untuk mensyukuri nikmat Engkau yang telah Engkau berikan kepadaku dan kepada ibu bapaku dan supaya aku dapat berbuat amal yang soleh yang Engkau redai; berilah kebaikan kepadaku dengan (memberi) kebaikan kepada anak cucuku.*

[338] Surah al-Ahqaaf (46):15 Di dalam mashaf Uthman dibaca *ihsaanan* sementara Abu Abdillah a.s membaca *husnan.*

Sesungguhnya aku bertaubat kepada Engkau dan sesungguhnya aku termasuk mereka yang berserah"[339]

Jikalaulah baginda s.a.w tidak berkata: "*berilah kebaikan kepadaku dengan (memberi) kebaikan kepada anak cucuku*" nescaya zuriatnya telah menjadi para imam semuanya. Al-Husain a.s tidak pernah menerima [air] susu Fatimah a.s dan juga perempuan lain. Nabi s.a.w telah mendatanginya dan meletakkan ibu jarinya s.a.w pada mulutnya, lalu beliau menghisap daripadanya untuk bekalan [selama] dua atau tiga hari. Lalu daging al-Husain a.s telah tumbuh daripada daging Rasulullah s.a.w dan darahnya. Tidak pernah dilahirkan [bayi yang berumur] enam bulan melainkan Isa bin Maryam a.s dan al-Husain bin Ali a.s.

Di dalam riwayat yang lain, daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s bahawa sesungguhnya al-Husain a.s telah dibawa kepada Nabi s.a.w, lalu baginda s.a.w telah memberi (menghulurkan) lidahnya kepada al-Husain a.s, lalu beliau telah menghisapnya, maka beliau telah memadai dengannya dan beliau tidak menyusu daripada perempuan.

(831)-5. Ali bin Muhammad secara *marfu'*, daripada Abu Abdillah a.s tentang firman Allah a.w: "*Lalu ia memandang sekali pandang ke bintang-bintang. Kemudian ia berkata: Sesungguhnya aku sakit*"[340] Beliau telah berkata: Beliau telah mengira, lalu beliau telah melihat apa yang akan berlaku kepada al-Husain a.s, maka beliau telah berkata: Aku sakit di atas apa yang akan berlaku kepada al-Husain a.s.

(832)-6. Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada Ali bin Asbaat, daripada Saif bin 'Umairah, daripada Muhammad bin Hamraan berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Manakala urusan al-Husaian a.s belum berlaku, malaikat telah gempar dan mengadu kepada Allah dengan tangisan dan berkata: Akan dilakukan ini kepada al-Husain pilihan Engkau dan anak lelaki Nabi Engkau? Dia berfirman: Maka Allah telah mendirikan untuk mereka bayangan al-Qaim a.s dan Dia berfirman: Dengan ini (al-Qaim a.s) Aku membalas dendam dengan ini (al-Husain a.s).

(833)-7. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Saif bin 'Umairah, daripada 'Abd al-Malik bin A'yan, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Manakala kemenangan telah turun kepada al-Husain bin Ali a.s sehingga di antara langit dan bumi, kemudian diberi pilihan:

[339] Surah al-Ahqaaf (46):15
[340] Surah al-Safaat (37): 88-89

Kemenangan atau pertemuan dengan Allah (mati), maka beliau a.s telah memilih pertemuan dengan Allah.

(834)-8. Al-Husain bin Muhammad telah berkata: Abu Kuraib dan Abu Sa'id al-Asyajj telah memberitahu kepadaku, berkata: Abdullah bin Idris telah memberitahu kepada kami, daripada bapanya Idris bin Abdullah al-Awadi, berkata: Manakala al-Husain a.s telah dibunuh, mereka ingin memijaknya dengan kuda, lalu Fidhdhah berkata kepada Zainab: Wahai *sayyidati*, sesungguhnya Safinah[341] telah pecah di lautan, lalu beliau telah keluar ke sebuah pulau, tiba-tiba beliau terserempak dengan Asad[342], lalu beliau telah berkata: Wahai al-Harith[343], aku adalah hamba (*maula*) Rasulullah s.a.w.

Lalu beliau telah bercakap dengan tidak jelas di hadapannya sehingga beliau telah menunjukkan jalan kepadanya sedang al-Asad menunggu di satu sudut, biarlah aku pergi kepadanya dan aku akan memberitahu kepadanya apakah mereka akan buat besok. Beliau telah berkata: Beliau telah pergi kepadanya: Wahai Abu al-Harith, lalu beliau mengangkat kepalanya, kemudian berliau telah berkata: Adakah anda mengetahui apakah yang akan dilakukan kepada Abu Abdillah a.s besok? Mereka ingin kuda memijak belakangnya. Beliau telah berkata: Lalu beliau telah berjalan sehingga beliau meletakkan dua tangannya di atas tubuh al-Husain a.s, maka kuda telah maju ke depan, manakala mereka melihat kepadanya, lalu Umar bin Sa'd yang dilaknati Allah berkata kepada mereka: Fitnah, janganlah kamu menggalakkannya, maka pulanglah, kemudian mereka telah pulang.

(835)-9. Ali bin Muhammad, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Muhammad bin Ahmad, daripada al-Hasan bin Ali, daripada Yunus, daripada Musqalah al-Tahhan berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Apabila al-Husain a.s dibunuh, isterinya dari Bani Kilab (*al-Kalbiyyah*) telah mengadakan majlis ratapan, lalu beliau menangis dan perempuan-perempuan yang lain dan khadam-khadam telah turut menangis sehingga air mata mereka telah kering. Kemudian beliau (isteri) telah pergi, tiba-tiba beliau telah melihat seorang hamba perempuan daripada hamba-hambanya sedang menangis dan air matanya masih berlinang, lalu beliau telah memanggilnya dan berkata kepadanya: Kenapa anda di kalangan kami air mata anda masih berlinang? Beliau telah berkata: Apabila aku ditimpa kepenatan, aku meminum minumam *suwaiq*[344] Beliau a.s telah berkata: Kemudian

---

[341] Safinah adalah gelaran hamba Rasulullah s.a.w, dipanggil Abu Dujaanah, namanya Qais.
[342] Al-Asad adalah Abu Harith
[343] Asad
[344] Daripada tumbuhan-tumbuhan.

beliau (hamba perempuan) telah menyuruh dengan makanan dan minuman *suwaiq*, lalu beliau telah memakannya dan meminumnya dan berkata: Sesungguhnya kami mahu sedemikian adalah bagi menguatkan [diri kami] untuk menangis ke atas al-Husain a.s.

Beliau a.s telah berkata: Dihadiahkan kepada al-Kalbiyyah sapu tangan wangi untuk membantunya di majlis ratapan (*ma'tam*) al-Husain a.s. Apabila beliau telah melihat kepada sapu tangan wangi itu, maka beliau telah berkata: Apakah ini? Mereka telah berkata: Hadiah yang diberikan kepadanya oleh polan untuk membantu anda di majlis ratapan al-Husain a.s, lalu beliau telah berkata: Kami bukanlah di dalam [majlis] perkahwinan, apakah kita akan buat dengannya? Kemudian beliau telah menyuruh mereka supaya dikeluarkan dari rumah. Manakala mereka dikeluarkan dari rumah, kami tidak merasa apa-apa (bau-bauan) seolah-olah kami telah berterbang di antara langit dan bumi dan tidak nampak kesan mereka selepas mereka keluar dari rumah.

Bab 117

☼Kelahiran Ali Bin Al-Husain A.S (*maulid 'Ali bin al-Husain a.s*)☼

Ali bin al-Husain a.s telah dilahirkan pada tahun 38 hijrah dan mati pada tahun 95 hijrah ketika berusia 57 tahun. Ibunya Salamah atau Syahrubanuwaih binti Yazdajir bin Syahriyar bin Syiruwaih bin Kisra Abruiz. Yazdajir adalah raja Farsi yang terakhir.

(836)-1. Al-Husain bin al-Hasan al-Hasani-*rahima-hu llah*-dan Ali bin Muhammad bin Abdullah, daripada Ibrahim bin Ishaq al-Ahmar, daripada 'Abd al-Rahman bin Abdullah al-Khaza'i, daripada Nasr bin Mazahim, daripada 'Amru bin Syamar, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Manakala anak perempuan Yazdajir dikemukakan kepada Umar, beliau telah memuliakannya sebagai puteri Madinah, masjid dihiasi dengan cahayanya manakala beliau masuk. Manakala Umar telah melihat kepadanya, maka beliau telah menutup mukanya[1] dan berkata: "*uf biruj bada hurmuz*" [2]Maka Umar telah berkata: Adakah beliau ini mencela aku, Umar mahu menentangnya. Maka Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepada Umar: Ia bukan untuk anda, berilah pilihan kepadanya supaya memilih seorang lelaki di kalangan muslimin dan hitunglah beliau daripada *fa'i*-nya. Maka Umar telah memberi pilihan kepadanya, lalu beliau telah datang dan meletakkan tangannya di atas kepala al-Husain a.s. Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepadanya: Apakah nama anda?

Maka beliau telah berkata: Jihan Syah, maka Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepadanya: Malah Syahrubanuwaih, kemudian beliau a.s telah berkata kepada al-Husain a.s: Wahai Abu Abdillah, beliau akan melahirkan untuk anda sebaik-baik penduduk bumi, maka beliau telah melahirkan Ali bin al-Husain a.s dan dikatakan kepada Ali bin al-Husain a.s: Anak lelaki kepada dua orang yang terpilih, maka pilihan Allah daripada Arab adalah Hasyim dan daripada bukan Arab adalah orang Farsi. Diriwayatkan bahawa Abu al-Aswad al-Di'li telah berkata mengenainya:

---

[1] Sepatutnya Umar tidak melihat kepada mukanya seperti diperintahkan oleh Allah.

[2] Bahasa Farsi yang menunjukkan doa kepada bapanya Hurmuz memberitahunya bahawa beliau ditawan, ramai lelaki telah melihatnya dan beliau mengingkari perbuatan Umar kepadanya kerana telah melihat mukanya.

Dan sesungguhnya seorang budak
Di antara Kisra dan Hasyim
Adalah lebih mulia daripada orang
Yang digantung tangkal di atasnya

(837)-2. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Fadhdhal, daripada Ibn Bakir, daripada Zurarah berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Al-Husain a.s telah memiliki seekor unta betina, beliau telah menaikinya sebanyak dua puluh dua kali haji[3] dan beliau tidak pernah memukulnya, beliau telah berkata: Unta betina itu telah datang selepas kematiannya dan kami tidak menyedari kedatangannya melainkan [selepas] sebahagian daripada khadam dan hamba kami berkata: Sesungguhnya unta betina itu telah keluar dan datang ke kubur Ali bin al-Husain a.s, lalu melutut di atasnya dan menggosok kuburnya dengan tengkuknya di dalam keadaan mulutnya berbuih, maka aku telah berkata: Dapatkannya, dapatkannya dan bawalah ia kepadaku sebelum mereka mengetahuinya atau melihatnya, beliau telah berkata: Unta betina itu tidak pernah melihat kuburnya [sebelum ini].

(838)-3. Ali bin Ibrahim bin Hasyim, daripada bapanya, daripada Muhammad bin Isa, daripada Hafs bin al-Bukhturi, daripada orang yang beliau telah menyebutnya, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Apabila bapaku Ali bin al-Husain a.s telah mati, maka unta betinanya telah datang sehingga ia telah memukul kuburnya dengan tengkuknya dan berguling di atasnya, maka aku telah menyuruh supaya ia dikembalikan kepada kandangnya. Sesungguhnya bapaku telah menaikinya untuk mengerjakan haji dan umrah dan beliau tidak pernah memukulnya.
"Ibn Babwaih"[4]

(839)-4. Al-Husain bin Muhammad bin 'Amir, daripada Ahamd bin Ishaq bin Sa'd, daripada Sa'dan bin Muslim, daripada Abi 'Ammarah, daripada seorang lelaki, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Manakala pada malam dijanjikan[5] padanya Ali bin al-Husain a.s, maka beliau telah berkata kepada Muhammad a.s: Wahai anak lelakiku, carilah [air] wuduk untukku, beliau telah berkata: Maka akupun telah berdiri dan aku telah membawa [air] wuduk kepadanya. Beliau berkata: Aku tidak mahu ini kerana padanya sesuatu yang telah mati.

Beliau telah berkata: Maka akupun telah keluar dan aku telah datang dengan lampu, tiba-tiba padanya seekor tikus telah mati, maka aku telah membawa kepadanya air wuduk yang lain. Maka beliau telah

---

[3] Menggunakannya bagi mengerjakan haji.
[4] Hadis ini adalah menurut catatan al-Saduq Muhammad bin Babwaih.
[5] Malam kematiannya.

berkata: Wahai anak lelakiku, inilah malam yang aku telah dijanjikan dengannya, lalu beliau telah berpesan tentang unta betinanya supaya beliau menjaganya dan disediakan untuknya makanan kering, maka aku telah melakukannya padanya. Beliau telah berkata: Tidak berapa lama selepas itu, ia telah keluar sehingga mendatangi kubur[nya].

Lalu ia telah memukulnya dengan tengkuknya dan dua matanya berlinang, lalu didatangi Muhammad bin Ali dan dikatakan kepadanya: Sesungguhnya unta betina telah keluar, lalu beliau telah datang kepadanya dan berkata: Diam sekarang! Berdirilah semoga Allah telah memberkati anda, tetapi ia tidak melakukannya. Maka beliau telah berkata: Jika Ali bin al-Husain a.s keluar menaikinya ke Makkah, maka beliau telah menggantungkan tongkat di atasnya, tetapi beliau tidak memukulnya sehingga ia memasuki Madinah, beliau telah berkata: Ali bin al-Husain a.s telah keluar pada waktu malam yang gelap, lalu beliau telah membawa guni padanya dinar dan dirham sehingga beliau mendatangi pintu ke pintu, maka beliau telah mengetuknya, kemudian memberi[nya] kepada orang yang keluar kepadanya.

(840)-5. Muhammad bin Ahmad, daripada bapa saudaranya Abdullah bin al-Salt, daripada al-Hasan bin Ali binti Ilyas, daripada Abu al-Hasan a.s, berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Sesungguhnya Ali bin al-Husain a.s manakala hampir mati, beliau telah menutup matanya, kemudian beliau telah membuka dua matanya dan membaca "*Idha waqa'at al-Waaqi'atu*"[6] dan "*Inna fatah-na la-ka*"[7] Kemudian beliau telah berkata: "*Segala puji bagi Allah yang telah memenuhi janji-Nya kepada kami dan telah (memberi) kepada kami tempat ini sedang kami menempati tempat di dalam syurga di mana saja yang kami kehendaki, maka syurga itu sebaik-baik balasan bagi mereka yang beramal*"[8] Kemudian beliau telah mati pada ketika itu juga tanpa berkata apa-apa.

(841)-6. Sa'd bin Abdullah dan Abdullah bin Ja'far al-Humairi, daripada Ibrahim bin Mihziyar, daripada saudaranya Ali bin Mihziyar, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Ibn Maskan, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Ali bin al-Husain a.s telah mati ketika berusia 57 tahun pada tahun 95 hijrah, beliau telah hidup selepas [kematian] al-Husain a.s selama 35 tahun.

---

[6] Surah al-Waaqi'ah (56).
[7] Surah al-Fath (48).
[8] Surah al-Zumar (39):74

Bab 118

☼Kelahiran Abu Ja'far Muhammad Bin 'Ali A.S (*maulid Abi Ja'far Muhammad bin 'Ali a.s*☼

Abu Ja'far a.s telah dilahirkan pada tahun 57 hijrah dan mati pada tahun 114 hijrah ketika berusia 57 tahun. Dikebumikan di al-Baqi' di Madinah pada kubur yang dikebumikan bapanya Ali bin al-Husain a.s., ibunya Umm Abdillah binti al-Hasan bin Ali bin Abu Talib a.s dan di atas zuriat mereka yang mendapat petunjuk.

(842)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin Ahmad, daripada Abdullah bin Ahmad, daripada Salih bin Mazid, daripada Abdullah bin al-Mughirah, daripada Abi al-Sabah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Ibuku telah duduk di sisi dinding, tiba-tiba dinding itu telah pecah, maka kami telah mendengar satu gegaran yang kuat, maka ibuku telah menggali dengan tangannya: Tidak, demi hak al-Mustafa, Allah tidak membenarkan anda terjatuh, lalu ia tinggal tergantung di udara sehingga beliau dapat melintasinya, lalu bapaku telah bersedekah kerananya seratus dinar, maka Abu al-Sabah telah berkata: Abu Abdillah a.s telah menyebut neneknya, ibu kepada bapanya pada suatu hari, maka beliau telah berkata: Neneknya adalah *siddiqah* dan tidak terdapat pada keluarga al-Hasan seorang perempuan sepertinya.

Muhammad bin al-Hasan, daripada Abdullah bin Ahmad tentang riwayat yang sama.

(843)-2. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Abban bin Taghlab, daripada Abu Abdillah a.s, berkata: Sesungguhnya Jabir bin Abdullah al-Ansari adalah sahabat Rasulullah s.a.w yang terakhir. Beliau adalah seorang lelaki yang menghabiskan masanya kepada kami Ahlu l-Bait. Beliau telah duduk pada masjid Rasulullah s.a.w memakai serban hitam, beliau telah menyeru: Wahai *Baqir al-'Ilm*, wahai *Baqir al-*'Ilm sehingga penduduk Madinah telah berkata: Jabir sedang meracau, maka beliau pula telah berkata: Tidak, demi Allah, aku tidak meracau, tetapi aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya anda akan mendapati seorang lelaki daripadaku, namanya adalah namaku dan tabiatnya seperti tabiatku.

Mencintai ilmu, maka inilah yang membawa aku berkata sedemikian, beliau telah berkata: Manakala Jabir telah berada pada suatu hari di sebahagian jalan di Madinah, tiba-tiba beliau telah melalui satu jalan yang mana padanya Muhammad bin Ali, manakala beliau

telah melihat kepadanya, maka beliau telah berkata: Wahai budak, datanglah kepadaku, lalu beliau datang, kemudian beliau telah berkata kepadanya: Pusing, maka beliau telah berpusing, kemudian beliau telah berkata: Tabiat Rasulullah s.a.w, demi jiwaku di tangan-Nya, wahai budak, apakah nama anda? Beliau telah berkata: Namaku adalah Muhammad bin Ali bin al-Husain, maka beliau mulai mengucup kepalanya dan berkata: Dengan bapaku, anda dan ibuku, bapa anda Rasulullah s.a.w telah memberi salam kepada anda dan beliau berkata [kembali] sedemikian.

Beliau telah berkata: Muhammad bin Ali bin al-Husain telah pulang kepada bapanya di dalam keadaan tercengang, kemudian beliau telah memberitahu berita tersebut. Maka beliau telah berkata kepadanya: Wahai anak lelakiku, Jabirlah yang telah melakukannya, beliau telah berkata: Ya, beliau telah berkata: Tinggal saja di rumah, wahai anak lelakiku, Jabir telah mendatangi budak ini pada dua tepi siang (pagi dan petang), beliau adalah sahabat Nabi s.a.w yang terakhir. Tidak lama selepas itu, Ali bin al-Husain a.s telah datang kepadanya dengan penuh kehormatan kerana persahabatannya dengan Rasulullah s.a.w. Beliau telah berkata: Ali bin al-Husain a.s mulai memberitahu kepada mereka tentang Allah, maka penduduk Madinah telah berkata: Kami tidak pernah melihat seorang yang lebih berani daripada ini.

Manakala beliau telah melihat apa yang mereka katakan, maka beliau telah memberitahu kepada mereka tentang Rasulullah s.a.w. maka penduduk Madinah telah berkata: kami tidak pernah melihat seorang yang paling berbohong daripada [lelaki] ini memberitahu kepada kami daripada orang yang beliau tidak pernah melihatnya. Manakala beliau melihat apa yang mereka katakan, lalu beliau a.s telah memberitahu kepada mereka [hadis-hadis] daripada Jabir bin Abdullah, maka beliau telah berkata: Mereka telah memperakuinya dan Jabir bin Abdullah telah mendatanginya dan belajar daripadanya.

(844)-3. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Muthanna al-Hannaat, daripada Abu Basir berkata: Aku telah datang kepada Abu Ja'far a.s, maka aku telah berkata: Kamu adalah pewaris Rasulullah s.a.w? Beliau telah berkata: Ya, aku telah berkata: Rasulullah s.a.w adalah pewaris para nabi, beliau telah mengetahui setiap apa yang mereka telah mengetahuinya? Beliau telah berkata kepadaku: Ya, justeru, kamu mampu menghidupkan orang yang telah mati dan menyembuhkan orang yang buta dan sopak?

Beliau telah berkata: Ya, dengan izin Allah, kemudian beliau telah berkata kepadaku: Dekatkan kepadaku, wahai Abu Muhammad, maka aku telah mendekatinya, lalu beliau telah menyapukan di atas mukaku dan di atas mataku, lalu aku telah melihat matahari, langit, bumi,

rumah-rumah dan setiap sesuatu di rumah, kemudian beliau telah berkata kepadaku: Adakah anda mahu begini, bagi anda apa yang dimiliki manusia dan di atas anda apa [yang akan berlaku] di atas mereka pada hari Kiamat atau anda kembali sebagaimana anda dahulu dan bagi anda adalah syurga? Aku berkata: Aku kembali sebagaimana aku dahulu, lalu beliau telah menyapu di atas mataku, maka aku telah kembali sebagaimana aku dahulu, beliau telah berkata: Maka aku telah memberitahu kepada Ibn Abi 'Umair tentang perkara ini, maka beliau telah berkata: Aku naik saksi bahawa ini adalah benar sebagaimana siang hari adalah benar.

(845)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin Ahamd, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Muhammad bin Ali, daripada 'Asim bin Hamid, daripada Muhammad bin Muslim, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Aku telah berada bersamanya pada suatu hari, tiba-tiba sepasang burung telah hinggap di atas dinding dan mengeluarkan suara mereka berdua, lalu Abu Ja'far a.s telah menjawab percakapan mereka berdua beberapa ketika, kemudian kedua-duanya telah terbang, manakala mereka berdua telah terbang di atas dinding, burung jantan telah mengeluarkan suaranya ke atas burung betina beberapa ketika.

Kemudian mereka telah terbang lagi, maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apakah burung ini? Beliau telah berkata: Wahai Ibn Muslim, setiap sesuatu yang telah diciptakan oleh Allah sama ada burung atau binatang atau sesuatu yang mempunyai roh, maka ia adalah lebih mendengar kepada kami dan lebih patuh daripada manusia bahawa sesungguhnya burung ini telah menyangka buruk terhadap pasangan betinanya, lalu burung betina telah bersumpah kepadanya bahawa ia tidak melakukannya dan berkata: Adakah anda meredai Muhammad bin Ali? Maka mereka berdua telah meredaiku, maka aku telah memberitahu kepadanya bahawa ia (burung jantan) adalah zalim kepada burung betina, kemudian ia telah mempercayainya (burung betina).

(846)-5. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ali bin Asbaat, daripada Salih bin Hamzah, daripada bapanya, daripada Abu Bakr al-Hadhrami, berkata: Manakala Abu Ja'far a.s telah dibawa ke Syam kepada Hisyam bin 'Abd al-Malik, beliau telah berada di pintunya, berkata kepada para sahabatnya dan mereka yang telah hadir di kalangan Bani Umayyah: Apabila kamu telah melihat aku telah mencela Muhammad bin Ali, kemudian kamu telah melihat aku telah berdiam diri, maka hendaklah setiap lelaki daripada kamu datang kepadanya dan mencelanya, kemudian beliau menyuruh supaya diberi kebenaran kepadanya.

Manakala Abu Ja'far a.s telah datang, maka beliau telah berkata: *Al-Salamu 'alaikum*, lalu beliau telah memberi salam kepada mereka secara umum, kemudian beliau telah duduk, maka Hisyam bertambah cemas kerana beliau tidak memberi salam kepadanya sebagai seorang khalifah dan beliau telah duduk tanpa kebenaran. Maka Hisyam mulai mencelanya dan berkata apa yang beliau akan katakan kepadanya: Wahai Muhammad bin Ali, masih ada seorang lelaki di kalangan kamu yang telah memecah-belahkan perpaduan muslimin, mendakwa untuk dirinya dan menyangka bahawa beliau adalah seorang imam yang bodoh dan sedikit ilmu, beliau telah mencelanya apa yang beliau mahu mencelanya.

Manakala beliau telah diam, maka seorang selepas seorang daripada mereka telah datang kepadanya dan mencelanya sehinga selesailah yang akhir mereka. Manakala mereka semuanya telah diam, maka beliau telah bangun berdiri, kemudian berkata: Wahai manusia, di mana kamu sekarang dan di mana kamu dikehendaki, dengan kamilah [orang] yang awal kamu dapat petunjuk dan dengan kamilah [orang] yang akhir kamu akan berakhir. Jika bagi kamu kerajaan yang cepat, maka bagi kami kerajaan yang ditangguhkan dan tidak ada selepas kerajaan kami kerajaan yang lain kerana kami adalah ahli yang berkesudahan baik sebagaimana Allah berfirman: "*Dan kesudahan yang baik adalah bagi mereka yang bertakwa*"[9] Kemudian Hisyam telah memerintahkan supaya beliau ditahan. Manakala beliau ditahan, semua orang telah mengambil ilmu daripadanya dan merasa kasih sayang kepadanya.

Justeru, ketua penjara telah datang kepada Hisyam dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, sesungguhnya aku khuatir ke atas anda daripada penduduk Syam bahawa mereka akan menghalang di antara anda dan majlis anda ini, kemudian beliau telah menceritakan kepadanya tentang beritanya. Lalu beliau telah memerintahkan supaya beliau a.s dan para sahabatnya dibawa ke Madinah. Hisyam telah memerintahkan supaya mereka tidak dibenarkan ke pasar-pasar dan menghalang di antara mereka dan makanan dan minuman, maka mereka telah berjalan selama tiga hari tanpa makanan dan minuman sehingga mereka sampai ke Madyan. Lalu ditutup pintu bandar kepada mereka. Para sahabatnya telah mengadu kelaparan dan dahaga, beliau telah berkata: Beliau telah menaiki gunung untuk menyelia mereka, maka beliau telah berkata dengan suaranya yang tinggi: Wahai penduduk bandar yang zalim ahlinya, akulah *baqiyyatu llah*, Allah berfirman: "*Baqiyyatu llah adalah lebih baik jika kamu benar-benar beriman. Dan aku bukanlah seorang penjaga atas dirimu*"[10] Beliau telah

---

[9] Surah al-A'raaf (7): 128
[10] Surah Huud (11): 86

berkata: Pada mereka seorang syeikh yang telah datang kepada mereka dan berkata: Wahai kaum, ini, demi Allah, adalah dakwah nabi Syu'aib, demi Allah, jika kamu tidak keluar kepada lelaki ini di pasar-pasar, nescaya kamu akan diambil dari atas kamu dan dari bawah kaki kamu, lantaran itu, percayalah kepadaku pada kali ini dan patuhilah aku dan bohongilah aku pada apa yang kamu mulakan, sesungguhnya aku adalah penasihat kepada kamu.

Beliau telah berkata: Maka mereka telah bersegera keluar kepada Muhammad bin Ali dan para sahabatnya di pasar-pasar. Maka berita syeikh itu telah sampai kepada Hisyam bin 'Abd al-Malik, lalu beliau telah mengutus kepadanya dan mempertanggungjawabkannya dan tidak pula diketahui apa yang telah dilakukan kepadanya.

(847)-6. Sa'ad bin Abdullah dan al-Humairi, daripada Ibrahim bin Mihziyar, daripada saudaranya Ali bin Mihziyar, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Ibn Maskan, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Muhammad bin Ali al-Baqir telah mati ketika berumur 57 tahun pada tahun 114 hijrah dan telah hidup selama 19 tahun dan beberapa bulan selepas Ali bin al-Husain a.s.

Bab 119

☼Kelahiran Abu Abdillah Ja'far Bin Muhammad A.S (*maulid Abi Abdillah Ja'far bin Muhammad a.s*)☼

Abu Abdillah a.s telah dilahirkan pada tahun 83 hijrah dan telah mati pada tahun 148 hijrah ketika berusia 65 tahun, dikebumikan di al-Baqi' pada kubur dikebumikan bapanya, datuknya dan al-Hasan bin Ali a.s. Ibunya Umm Farwah binti al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakr dan ibu Umm Farwah adalah Asmaa' binti 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr.

(848)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Abdullah bin Ahmad, daripada Ibrahim bin al-Hasan, berkata: Wahab bin Hafs telah memberitahu kepadaku, daripada Ishaq bin Jarir berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Sa'id bin al-Musayyab, al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakr dan Abu Khalid al-Kabili adalah daripada mereka yang dipercayai oleh Ali bin al-Husain a.s, berkata: Ibuku adalah di kalangan orang yang telah beriman, bertakwa, baik dan Allah mencintai mereka yang berbuat baik, berkata: Ibuku telah berkata: Bapaku telah berkata: Wahai Umm Farwah, sesungguhnya aku berdoa kepada Allah untuk pendosa-pendosa Syiah kita pada satu hari dan satu malam sebanyak seribu kali. Sesungguhnya kami apabila bala menimpa kami, kami bersabar di atas apa yang kami mengetahui tentang pahalanya sedangkan mereka bersabar di atas apa yang mereka tidak mengetahuinya.

(849)-2. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ibn Jumhur, daripada bapanya, daripada Sulaiman bin Sama'ah, daripada Abdullah bin al-Qasim, daripada al-Mufadhdhal bin Umar berkata: Abu Ja'far al-Mansur telah mengarahkan Abu al-Hasan bin Zaid, walinya di al-Haramain supaya membakar rumah Ja'far bin Muhammad, lalu beliau telah mencampakkan api di rumah Abu Abdillah a.s, maka api telah membakar pintu di al-Dahliz. Abu Abdillah a.s telah keluar melangkah [kepada] api dan berjalan padanya sambil berkata: Aku adalah anak lelaki daripada tanah (Adam) dan aku adalah anak lelaki Ibrahim *Khalilu llah* a.s.

(850)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Barqiy, daripada bapanya, daripada orang yang telah menyebutnya, daripada Rafid hamba Yazid bin 'Amru bin Hubairah berkata: Ali bin Hubairah telah memarahiku dan bersumpah untuk membunuhku, lalu aku telah melarikan diri daripadanya dan aku telah berlindung dengan Abu Abdillah a.s, maka aku telah memberitahu kepadanya beritaku, maka beliau telah berkata kepadaku: Pulanglah

dan sampaikan salamku kepadanya dan katalah kepadanya: Sesungguhnya aku telah mengupah di atas anda hamba anda Rafid, justeru, janganlah anda melakukan kejahatan kepadanya, aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, [beliau[seorang Syam yang buruk pendapatnya, maka beliau telah berkata: Pergilah kepadanya sebagaimana aku katakan kepada anda.

Maka akupun telah pergi, manakala aku telah berada di sebahagian wadi, seorang badwi telah menyambutku, maka beliau telah berkata: Ke manakah anda sedang pergi, sesungguhnya aku sedang melihat kepada muka [anda] yang akan dibunuh, kemudian beliau telah berkata kepadaku: Keluarkan tangan anda, maka akupun telah melakukannya. Maka beliau telah berkata: Tangan [anda] yang akan dibunuh. Kemudian beliau telah berkata: Tunjukkanlah tubuh anda? Maka akupun telah melakukannya, beliau telah berkata: Tubuh [anda] yang akan dibunuh. Kemudian beliau telah berkata kepadaku: Tunjukkanlah kaki anda, maka akupun telah menunjukkan kakiku, kemudian beliau telah berkata: Kaki yang akan dibunuh. Kemudian beliau telah berkata kepadaku: Tunjukkanlah tubuh anda?

Maka aku telah melakukannya, maka beliau telah berkata: Tubuh yang akan dibunuh. Kemudian beliau telah berkata kepadaku: Keluarkan lidah anda, maka aku telah melakukannya. Maka beliau berkata kepadaku: Pergilah, kerana anda tidak akan diperlakukan apa-apa. Sesungguhnya pada lidah anda ada utusan (risalah). jika anda telah mendatangi gunung-gunung yang kuat dengannya, nescaya ia mematuhi anda. Beliau telah berkata: Maka aku telah datang sehingga aku telah berdiri di pintu Ibn Hubairah, lalu aku telah meminta izin, manakala aku telah datang kepadanya, beliau telah berkata: Wahai budak, kain alas meja[11] dan pedang, kemudian beliau telah memerintahku [dibelenggu].

Lalu aku dibelenggu dan diikat kepalaku dan tukang pedang telah berdiri di hadapanku untuk memenggal kepalaku, maka aku telah berkata: Wahai Amir, janganlah anda melakukan kekerasan kepadaku, sesungguhnya aku telah datang kepada anda dengan kerelaan hatiku dan di sini satu perkara aku akan menyebutnya kepada anda, kemuliaan anda dan keadaan anda, maka beliau telah berkata: Katakanlah, maka aku telah berkata: Tinggallah aku [dengan anda sahaja], lalu beliau telah memerintahkan mereka yang hadir [supaya keluar], maka merekapun telah keluar, aku telah berkata kepadanya: Ja'far bin Muhammad telah mengirim salamnya kepada anda dan beliau telah berkata kepada anda: Aku telah mengupah di atas anda hamba anda Rafid, justeru, janganlah anda melakukan kejahatan kepadanya. Maka beliau telah berkata: Allah, sesungguhnya Ja'far [bin Muhammad]

---

[11] Digunakan ketika kepala dipenggal.

telah berkata kepada anda kata-kata ini dan beliau telah mengirim salamnya kepadaku?

Maka aku telah bersumpah untuknya, lalu beliau telah menjawabnya kepadaku sebanyak tiga kali, kemudian beliau telah merombak belengguku, kemudian beliau telah berkata: Aku tidak berpuas hati sehingga anda membuat kepadaku apa yang aku telah buat kepada anda, aku telah berkata: Tanganku tidak mahu melakukannya dan jiwaku tidak tenang dengannya, maka beliau telah berkata: Demi Allah, tidak akan memuaskan hatiku melainkan dengan itu, maka akupun telah melakukannya kepadanya sebagaimana beliau telah melakukannya kepadaku dan aku telah melepaskannya, kemudian beliau telah memberi cincinnya (copnya) dan berkata: Segala urusan aku di tangan anda, maka uruslah padanya apa yang anda mahu.

(851)-4. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Umar bin 'Abd al-'Aziz, daripada al-Khubairi, daripada Yunus bin Zubyan, Mufadhdhal bin Umar, Abi Salmah al-Sarraj dan al-Husain bin Thuwair bin Abi Fakhitah, mereka telah berkata: Kami telah berada di sisi Abu Abdillah a.s, maka beliau telah berkata: Di sisi kami khazanah bumi dan kunci-kuncinya, jika aku mahu, nescaya aku boleh menekankan salah satu kakiku dan berkata: Keluarlah emas yang ada di sisi anda, nescaya ia keluar, beliau telah berkata: Kemudian beliau telah menggali dengan salah satu kakinya dan melangkah ke bumi dengan satu langkah, lalu bumi itu terbuka.

Kemudian beliau telah menggali dengan tangannya: Maka beliau telah mengeluarkan satu keping emas ukuran satu jengkal, kemudian beliau telah berkata: Lihatlah kepadanya baik-baik, lalu kami telah melihatnya, tiba-tiba ia adalah kepingan-kepingan yang banyak yang bersinar-sinar, maka sebahagian daripada kami berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, kamu diberikan apa yang diberikan sedangkan Syiah kamu masih berhajat? Beliau telah berkata: Sesungguhnya Allah akan mengumpulkan kami dan Syiah kami dunia dan akhirat dan akan memasukkan mereka syurga-syurga Na'im dan akan memasukkan musuh kita ke neraka.

(852)-5. Al-Hasan bin Muhammad, daripada al-Mu'alla bin Muhammad, daripada sebahagian sahabatnya, daripada Abu Basir berkata: Aku telah mempunyai seorang jiran yang mengikuti seorang sultan, lalu beliau telah mendapat harta yang banyak. Maka beliau telah menyediakan penyanyi-penyanyi, mengumpulkan semua orang kepadanya, meminum arak dan menyakitiku, lalu aku telah mengadu kepadanya bukan sekali, tetapi beliau tidak menghentikannya, apabila aku bertegas terhadapnya, beliau telah berkata kepadaku: "Aku adalah seorang yang diuji sedangkan anda seorang yang belum diuji. Jika anda

membentangkan aku kepada sahabat anda, aku telah berharap bahawa Allah akan menyelamatkan aku dengan anda".

Kata-katanya telah terlekat di hatiku, manakala aku telah datang kepada Abu Abdillah a.s, aku telah menyebut keadaannya kepadanya, maka beliau telah berkata kepadaku: Apabila anda kembali ke Kufah, beliau akan datang kepada anda, maka katakanlah kepadanya: Ja'far bin Muhammad telah berkata kepada anda: Tinggallah apa yang anda di atasnya dan aku menjamin untuk anda di atas Allah syurga, beliau telah berkata: Beliau telah menangis, kemudian beliau telah berkata kepadaku: Allah, Abu Abdillah a.s telah berkata ini kepada anda? Beliau telah berkata: Maka aku telah bersumpah untuknya bahawa sesungguhnya beliau a.s telah berkata kepadaku apa yang aku telah katakan. Beliau telah berkata kepadaku: *Hasbu-ka,* dan beliau telah pergi. Selepas beberapa hari, beliau telah mengutus kepadaku dan menyeruku, tiba-tiba beliau di belakang rumahnya di dalam keadaan bertelanjang.

Maka beliau telah berkata kepadaku: Wahai Abu Basir, tidak, demi Allah, tidak ada sesuatu yang telah tinggal di rumahku melainkan aku telah mengeluarkannya dan aku sebagaimana anda lihat, beliau telah berkata: Maka akupun telah pergi kepada saudara-saudara kami, lalu aku telah mengumpulkan untuknya pakaiannya. Kemudian beberapa hari selepas itu, beliau telah mengutus kepadaku [menyatakan]: "Sesungguhnya aku sakit, maka datanglah kepadaku", kemudian aku telah datang kepadanya dan aku merawatinya sehingga beliau mati. Aku telah berada di sisinya sedang beliau memuji dirinya. Maka beliau telah pengsan seketika, kemudian beliau telah sedar dan berkata kepadaku: Wahai Abu Basir, sahabat anda telah menunaikannya untuk kami, kemudian beliau telah mati-rahmat Allah ke atasnya-manakala aku telah mengerjakan haji, aku telah datang kepada Abu Abdillah a.s, aku telah meminta izin daripadanya.

Manakala aku telah masuk, beliau telah mula berkata kepadaku: Sesiapa yang telah memasuki rumah[ku] dan salah satu kaki[nya] di dataran [rumahku] dan yang satu lagi di rumahnya di Dihliz: Wahai Abu Basir! Sesungguhnya kami telah menunaikan [kebaikan] untuk sahabat anda.

(853)-6. Abu Ali al-Asy'ari, daripada Muhammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Safwan bin Yahya, daripada Ja'far bin Muhammad bin al-Asy'ath berkata: Beliau telah berkata kepadaku: Adakah anda mengetahui sebab kemasukan kami di dalam urusan ini dan keilmuan kami dengannya? Dan tidak ada di sisi kami sebutan daripadanya dan tidak ada keilmuan sesuatu di sisi manusia, beliau telah berkata: Aku telah berkata kepadanya: Apakah itu?

Beliau telah berkata: Sesungguhnya Abu Ja'far-iaitu Abu al-Dawaaniq-telah berkata kepada Abu Muhammad bin Asy'ath: Wahai Muhammad, carilah untukku seorang lelaki yang berakal yang akan menunaikan [sesuatu] untukku, maka bapaku telah berkata kepadanya: Sesungguhnya aku telah dapat mencarinya untuk anda, ini polan Ibn Muhajir, bapa saudaraku, beliau telah berkata: Datanglah bersamanya kepadaku, beliau telah berkata: Maka aku telah mendatanginya dengan bapa saudaraku, lalu Abu Ja'far al-Dawaaniq telah berkata kepadanya: Wahai Ibn Muhajir, ambillah harta ini dan pergilah ke Madinah, pergilah kepada Abdullah bin al-Hasan bin al-Hasan dan beberapa orang keluarganya antara mereka adalah Ja'far bin Muhammad, maka katakanlah kepada mereka: Sesungguhnya aku adalah seorang perantau dari penduduk Khurasan dan Syiah kamu telah mengemukakan kepada kamu harta ini dan berilah kepada setiap orang daripada mereka di atas syarat tertentu.

Maka apabila mereka telah menerima harta itu, maka katakanlah: Sesungguhnya aku adalah seorang utusan dan aku suka rancangan kamu bersamaku dengan penerimaan kamu akan harta tersebut. Maka beliau telah mengambil harta itu dan pergi ke Madinah. Kemudian beliau telah pulang kepada Abu al-Dawaaniq dan Muhammad bin al-Asy'ath di sisinya, maka Abu al-Dawaaniq telah berkata kepadanya: Apakah berita anda? Beliau telah berkata: Aku telah datang kepada mereka dan ini adalah rancangan mereka dengan menerima harta itu kecuali Ja'far bin Muhammad.

Sesungguhnya aku telah datang kepadanya ketika beliau sedang melakukan sembahyang di masjid Rasul s.a.w, maka aku telah duduk di belakangnya dan aku telah berkata sehingga beliau berpaling, maka aku telah menyebut kepadanya apa yang aku telah menyebutnya kepada para sahabatnya, lalu beliau telah pulang dengan segera, kemudian beliau telah berpaling kepadaku dan berkata: Wahai ini [lelaki], bertakwalah kepada Allah, janganlah anda menipu keluarga Muhammad kerana mereka hampir masa dengan Bani Marwan dan semua mereka berhajat, maka aku telah berkata: Apakah itu?

Aslaha-ka llahu, beliau telah berkata: Maka beliau telah merendahkan kepalanya daripadaku dan menceritakan kepadaku semua yang telah berlaku di antara aku dan anda sehingga seolah-olah beliau adalah orang ketiga kita, beliau telah berkata: Abu Ja'far (al-Dawaaniq) telah berkata kepadanya: Wahai Ibn Muhajir! Ketahuilah bahawa tidak ada daripada Ahlu-Bait Nabi s.a.w melainkan padanya *muhaddath* dan sesungguhnya Ja'far bin Muhammad adalah *muhaddah* kita pada hari ini, dan bukti ini adalah sebab kata-kata kita di dalam perkara ini.

(854)-7. Sa'd bin Abdullah dan Abdullah bin Sa'id, daripada Ibrahim bin Mihziyar, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Ibn Maskan, daripada Abu Basir berkata: Abu Abdillah Ja'far bin Muhammad a.s telah mati ketika berusia 65 tahun pada tahun 148 hijrah dan beliau telah hidup selepas Abu Ja'far a.s selama 34 tahun.

(855)-8. Sa'd bin Abdullah, dariapda Abu Ja'far Muhammad bin Umar bin Sa'id, daripada Yunus bin Ya'qub, daripada Abu al-Hasan al-Awwal a.s, berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Aku telah mengapan bapaku dengan dua helai kain dari Syata[12]

Bab 120

☼Kelahiran Abu Al-Hasan Musa Bin Ja'far A.S (*maulid Abi al-Hasan Musa bin Ja'far a.s*)☼

Abu al-Hasan Musa a.s telah dilahirkan di al-Abwaa' pada tahun 128 hijrah dan sebahagian mereka berkata: Pada tahun 129 hijrah dan mati pada bulan Rajab pada tahun 183 hijrah ketika berusia 54 atau 55 tahun. Beliau telah mati di di Baghdad di dalam tahanan al-Sindi bin Syahik. Harun telah membawanya dari Madinah pada 10 hb Syawwal tahun 179 hijrah. Harun telah datang ke Madinah ketika pulang daripada Umrah pada bulan Ramadan, kemudian Harun telah pergi melakukan haji dan membawanya bersamanya. Kemudian beliau telah pulang mengikut jalan Basrah, lalu menahannya di sisi Isa bin Ja'far. Kemudian beliau telah dibawa ke Baghdad dan ditahan di sisi al-Sindi bin Syahik. Kemudian beliau a.s telah mati di dalam tahanannya dan dikebumikan di Baghdad di kubur Quraisy. Ibunya seorang *Umm al-Walad*,[13]dikenali dengan nama Hamidah.

(856)-1. Al-Husain bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ali bin al-Sindi al-Qummi, berkata: Isa bin 'Abd al-Rahman telah memberitahu kepada kami, daripada bapanya, berkata: Ibn 'Akasyah bin Muhsin al-Asadi telah datang kepada Abu Ja'far a.s ketika Abu Abdillah a.s sedang berdiri di sisinya, maka beliau telah mengemukakan anggur kepadanya, maka beliau telah berkata: Satu biji satu biji dimakan oleh syeikh yang tua dan kanak-kanak, tiga dan empat biji dimakan oleh orang yang menyangka bahawa ia tidak dapat mengenyangkannya dan semuanya dua biji, dua biji disunatkan, lalu

[12] Nama kampung di Mesir.
[13] Hamba

beliau telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: Apakah sebab anda tidak mengahwinkan Abu Abdillah a.s sedangkan beliau boleh kahwin? Beliau berkata: Di antara dua tangannya terdapat wang yang telah dicapkan, maka beliau telah berkata: Peniaga hamba daripada penduduk Barbar akan datang dan akan bermalam di rumah Maimun, justeru, kita akan membeli [hamba] untuknya dengan wang ini (*surrah*). Maka beliau telah berkata: Kemudian beliau telah datang untuk tujuan itu, pada suatu hari, kami telah datang kepada Abu Ja'far a.s, lalu beliau telah berkata: Sesungguhnya aku akan memberitahu kepada kamu tentang peniaga hamba yang aku telah menyebutnya kepada kamu, telah datang. Lantaran itu, pergilah dan belilah dengan mata wang ini seorang hamba perempuan daripadanya.

Beliau telah berkata: Maka kami telah datang kepada peniaga hamba itu, maka beliau telah berkata: Aku telah menjual apa yang ada di sisiku kecuali dua orang hamba perempuan yang sakit, salah satu daripadanya adalah menyerupai yang lain, kami telah berkata: Maka beliau telah mengeluarkan mereka berdua sehingga kami melihat kepada mereka berdua, maka kami telah berkata: Berapakah anda akan menjual kepada kami yang serupa ini, beliau telah berkata: Tujuh puluh dinar, kami telah berkata: Lebih baik, beliau telah berkata: Aku tidak akan mengurangkannya daripada tujuh puluh dinar.

Kami telah berkata kepadanya: Kami akan membelinya daripada anda dengan mata wang ini mengikut apa yang ada dan kami tidak mengetahui jumlah yang ada di dalamnya dan di sisinya seorang lelaki yang berambut putih dan berjanggut putih, berkata: Pecahkan dan timbanglah, maka peniaga hamba itu telah berkata: Janganlah anda memecahkannya kerana jika satu biji telah kurang daripada tujuh puluh dinar, aku tidak akan menjualkannya kepada kamu, maka syeikh itu telah berkata: Dekatkan diri kamu, maka kami telah mendekatinya dan memecahkan kepingan wang, lalu kami telah menimbang dinar, tiba-tiba jumlahnya adalah tujuh puluh dinar, tidak lebih dan tidak kurang, lantas kami telah mengambil hamba perempuan itu, kemudian kami telah membawanya kepada Abu Ja'far a.s dan Ja'far sedang berdiri di sisinya, maka kami telah memberitahu kepada Abu Ja'far a.s apa yang telah berlaku, lalu beliau telah memuji Allah, kemudian beliau telah berkata: Apakah nama anda?

Beliau telah berkata: Hamidah, maka beliau telah berkata: Hamidah di dunia dan Mahmudah di akhirat, beritahulah kepadaku sama ada anda seorang dara atau janda? Beliau telah berkata: Seorang dara, beliau telah berkata: Bagaimana tidak berlaku sesuatu di tangan peniaga-peniaga hamba melainkan mereka merosakkannya, beliau telah berkata: Peniaga itu telah datang kepadaku dan telah cuba untuk melakukan hubungan seks denganku, tiba-tiba seorang lelaki yang berambut putih dan berjanggut putih menguasainya pada setiap kali

beliau mahu mengadakan bubungan seks denganku dengan menamparnya sehingga beliau bangun daripadaku. Beliau telah melakukan kepadaku beberapa kali dan syeikh itu juga telah melakukannya kepadanya beberapa kali. Maka beliau a.s telah berkata: Wahai Ja'far, ambillah Hamidah kepada anda, maka beliau telah melahirkan sebaik-baik penduduk bumi Musa bin Ja'far a.s.

(857)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin Ahmad, daripada Abdullah bin Ahmad, daripada Ali bin al-Husain, daripada Ibn Sinan, daripada Sabiq bin al-Walid, daripada al-Mu'alla bin Khanis bahawa Abu Abdillah a.s telah berkata: Hamidah telah dibersihkan daripada segala kekotoran seperti kepingan emas, malaikat sentiasa menjaganya sehingga beliau dibawa kepadaku sebagai kehormatan daripada Allah kepadaku dan *al-Hujjah* selepasku.

(858)-3. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad dan Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Abu Qatadah al-Qummi, daripada Abu Khalid al-Zubali, berkata: Manakala Abu al-Hasan Musa a.s dikemukan kepada [khalifah] al-Mahdi,[14] beliau telah bermalam di Zubalah, lalu aku telah bercerita kepadanya tentangnya, beliau telah melihatku di dalam keadaan dukacita, lalu beliau telah berkata kepadaku: Wahai Abu Khalid, kenapa aku melihat anda berdukacita? Maka aku telah berkata: Bagaimana aku tidak berdukacita sedangkan anda akan dibawa kepada *taaghiyah*[15] ini dan aku tidak mengetahui apa yang akan berlaku kepada anda, maka beliau telah berkata: Tidak ada keburukan apabila bulan tertentu atau pada hari tertentu, lalu beliau telah menunaikan [janjinya] kepadaku pada awal malam, justeru, aku tidak ada sebarang niat jahat melainkan menghitung bulan-bulan dan hari-hari sehingga tiba hari itu, maka aku telah menunaikannya.

Aku sentiasa berada di sisinya sehingga mata hari hampir terbenam dan syaitan telah melakukan waswas di dadaku dan aku telah takut untuk mengesyaki kata-katanya. Manakala aku di dalam keadaan sedemikian, aku telah melihat kepada [beberapa orang] hitam telah datang dari sudut Iraq, maka aku telah menyambut mereka, tiba-tiba Abu al-Hasan a.s sedang menunggang seekor baghal betina, maka beliau telah berkata: Eh, wahai Abu Khalid, aku telah berkata: *Labbai-ka*, wahai anak lelaki Rasulullah s.a.w, maka beliau telah berkata: Janganlah anda syak, syaitan mahu anda telah syak, maka aku telah berkata: Segala puji bagi Allah yang telah melepaskan anda daripada

[14] Khalifah Bani 'Abbas
[15] Orang zalim

mereka, maka beliau telah berkata: Sesungguhnya aku akan pulang kepada mereka, aku tidak dapat melepaskan diriku daripada mereka.

(859)-4. Ahmad bin Mihran dan Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Ali, daripada al-Hasan bin Rasyid, daripada Ya'qub bin Ja'far bin Ibrahim berkata: Aku telah berada di sisi Abu al-Hasan bin Musa a.s, tiba-tiba seorang lelaki Nasrani telah datang kepadanya dan kami bersamanya di al-'Uriadh[16], maka lelaki Nasrani itu telah berkata kepadanya: Aku telah datang kepada anda dari negeri yang jauh, perjalanan yang sukar dan aku telah memohon kepada Tuhanku selama tiga puluh tahun supaya Dia menunjukkan kepadaku sebaik-baik agama, sebaik-baik hamba-Nya dan yang paling alim mereka, maka seorang telah datang kepadaku di dalam tidur, lalu beliau telah menceritakan kepadaku tentang seorang lelaki di Damascus.

Maka aku telah pergi sehingga aku telah mendatanginya dan bercakap dengannya, beliau telah berkata: Aku adalah orang yang paling mengetahui tentang agamaku dan orang lain pula adalah lebih mengetahui daripadaku, maka aku telah berkata: Tunjuklah kepadaku orang yang lebih mengetahui daripada anda kerana aku tidak akan membesar-besarkan perjalanan[ku] dan kesukaran tidak akan menjauhkan aku. Sesungguhnya aku telah membaca Injil semuanya, mazmur Daud, empat bahagian Taurat dan aku telah membaca zahir al-Qur'an sehingga aku telah mengikuti semuanya, maka orang alim itu telah berkata kepadaku: Jika anda mahu ilmu orang Nasrani, maka aku adalah orang yang paling mengetahui di kalangan Arab dan bukan Arab, jika anda mahu ilmu orang Yahudi, maka Bati' bin Syarhabil al-Samiri adalah orang yang paling alim tentangnya pada hari ini.

Jika anda mahu ilmu Islam, ilmu Injil, ilmu Taurat, ilmu Zabur, kitab Hud, setiap apa yang telah diturunkan kepada nabi daripada para nabi pada masa anda dan bukan pada masa anda dan berita yang telah diturunkan daripada langit, maka ia sama ada telah diketahui oleh seseorang atau tidak diketahui oleh seseorang, padanya penerangan kepada setiap sesuatu, penawar kepada seluruh alam, roh kepada orang yang beristerihat kepadanya, renungan kepada orang yang Allah menghendakinya kebaikan, teman kepada kebenaran, maka beliau akan menunjukkan anda kepadanya, justeru, anda datanglah kepadanya sekalipun anda berjalan kaki. Dan jika anda tidak mampu, maka anda merangkak kepadanya, jika anda tidak mampu, maka pergilah kepadanya dengan punggung anda (*isti-ka*).

Jika anda tidak mampu, maka dengan muka anda, maka aku telah berkata: Tidak, aku mampu berjalan dari segi badan dan harta, beliau telah berkata: Pergilah segera sehingga anda datang ke Yathrib, maka

[16] Wadi di Madinah

aku telah berkata: Aku tidak mengetahui Yathrib, beliau telah berkata: Pergilah sehingga anda datang ke Madinah Nabi s.a.w yang telah diutus kepada Arab, beliau adalah seorang nabi yang berbangsa Arab, Hasyimi. Apabila anda memasukinya, tanyalah tentang Ghanam bin Malik bin al-Najjar iaitu di sisi pintu masjidnya dan tunjukkanlah suasana Nasrani [anda] dan pakaiannya kerana walinya berkasar di atas mereka dan khalifah lebih kasar lagi.

Kemudian anda bertanya Bani 'Amru bin Mabzul dan beliau berada di Baqi' al-Zubair, kemudian anda bertanya tentang Musa bin Ja'far dan di manakah rumahnya dan di manakah beliau? Musafir atau tidak, jika beliau di dalam musafir, maka datanglah kepadanya kerana musafirnya adalah lebih dekat daripada anda pergi kepadanya, kemudian beritahulah kepadanya bahawa Matran 'Ulya al-Ghutah[17]yang telah menunjukkan aku kepada anda dan beliau memberi salam kepada anda atau beliau akan memberi salam kepada anda.

Sesungguhnya aku telah banyak bermunajat kepada Tuhanku supaya Dia menjadikan Islamku di tangan anda, maka beliau telah menceritakan kepadanya kisah ini ketika beliau a.s sedang berdiri di atas tongkatnya. Kemudian beliau telah berkata: Jika anda membenarkan aku, wahai *sayyidi*, nescaya aku akan meletakkan tanganku di dadaku (*kaffar-tu la-ka*) dan akupun telah duduk. Maka beliau telah berkata: Aku telah membenarkan anda duduk, tetapi aku tidak membenarkan anda meletakkan tangan anda di dada (*an tukaffir*), lalu beliau telah duduk, kemudian beliau telah mencampakkan jubah dan penutup kepalanya.

Kemudian beliau telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, adakah anda membenarkan aku bercakap? Beliau telah berkata: Ya, anda tidak datang melainkan untuknya, maka orang Nasrani itu telah berkata kepadanya: Sesungguhnya aku akan bertanya anda-*aslaha-ka llahu*-beliau telah berkata: Kembalikan salam kepada sahabatku atau anda tidak menjawab salam? Abu al-Hasan a.s telah berkata: Di atas sahabat anda supaya Allah memberi kepadanya petunjuk, adapun [jawapan] salam itu ialah apabila beliau memeluk agama kami, maka lelaki Nasrani itu telah berkata: Sesungguhnya aku akan bertanya anda-*aslaha-ka llahu*-beliau telah berkata: Tanyalah, beliau telah berkata: Beritahulah kepadaku tentang kitab Allah yang telah diturunkan ke atas Muhammad dan Dia telah bercakap kepadanya.

Kemudian ceritalah sebagaimana Dia telah menceritakannya, maka Dia telah berfirman: "*Haa miim. Demi Kitab (al-Qur'an) yang menjelaskan (al-Kitab al-Mubin), sesungguhnya Kami menurunkannya pada suatu*

[17] Ghutah adalah tempat yang mempunyai air dan pohon-pohon. Ghutah Dimasyq adalah di Damascus.

malam (lailatin) yang diberkati dan sesungguhnya Kamilah yang memberi peringatan. Pada malam itu dijelaskan segala urusan yang penuh hikmah"[18] Apakah tafsirnya pada batin? Beliau telah berkata: Adapun *Haa miin*, maka ia adalah Muhammad s.a.w iaitu pada kitab Hud yang diturunkan kepadanya, iaitu kurang beberapa huruf[19]. Adapun "*al-Kitab al-Mubin*" maka ia adalah Amir al-Mukminin Ali a.s. Adapun "*al-Lailah*"[20], maka ia adalah Fatimah a.s.

Adapun firman-Nya "*fi-ha yufraqu kullu amrin hakim*" Kebaikan yang banyak keluar daripadanya, maka beliau adalah seorang lelaki yang bijaksana, seorang lelaki yang bijaksana dan seorang lelaki yang bijaksana. Maka lelaki itu telah berkata: Ceritalah kepadaku yang pertama dan yang akhir daripada lelaki tersebut, maka beliau berkata: Sifat-sifat hampir sama, tetapi yang ketiga mereka akan menceritakan kepada anda apa yang akan keluar daripada keturunannya dan sesungguhnya di sisi kamu terdapat di dalam kitab-kitab yang telah diturunkan ke atas kamu,[21] sekiranya kamu tidak menukarkannya atau mengubahnya, tetapi kamu telah mengingkarinya dan pada masa dahulu kamu telah melakukannya.

Maka lelaki Nasrani itu berkata kepadanya: Sesungguhnya aku tidak akan menyembunyikan daripada anda apa yang aku telah mengetahuinya dan aku tidak akan membohongi anda, anda mengetahui apa yang aku katakan tentang kebenaran atau pembohongan. Demi Allah, Dia telah memberi kelebihan-Nya kepada anda, Dia telah membahagi-bahagikan kepada anda nikmat-nikamt-Nya yang tidak terlintas di hati, tidak dapat ditutup oleh mereka yang ingin menutupnya dan tidak dapat dibohongi tentangnya oleh mereka yang telah berbohong. Justeru kata-kata aku kepada anda itu adalah benar sebagaimana aku telah menyebutnya, maka ia juga sebagaimana anda telah menyebutnya.

Maka Abu Ibrahim a.s[22]telah berkata kepadanya: Aku akan memberitahu kepada anda berita segera yang tidak diketahui melainkan oleh bilangan yag sedikit di kalangan mereka yang telah membaca kitab-kitab [terdahulu], lantaran itu, beritahulah kepadaku apakah nama ibu Maryam dan pada hari apakah Maryam ditiupkan roh kepadanya dan pada jam berapakah di siang hari, pada hari apakah Maryam telah melahirkan Isa a.s dan jam berapa pada siangnya?

Maka lelaki Nasrani itu telah berkata: Aku tidak mengetahu[nya], maka Abu Ibrahim a.s telah berkata: Adapun nama ibu Maryam adalah Martha dan di dalam bahasa Arabnya bernama Waahibah. Adapun hari

---

[18] Surah al-Dukhaan (44):1-4
[19] *Miim* dan *daal*
[20] Malam
[21] Kitab-kitab yang telah diturunkan ke atas para nabi a.s
[22] Musa bin Ja'far a.s

Maryam telah mengandungkan Isa a.s adalah Jumaat ketika gelincir matahari iaitu pada hari *al-Ruh al-Amin* telah turun dan tidak ada hari yang lebih baik daripadanya di sisi umat Islam. Allah telah membesar-besarkannya begitu juga Muhammad s.a.w, lalu Dia telah memerintahkan supaya baginda s.a.w menjadikannya hari perayaan pada hari Jumaat. Adapun hari Maryam telah melahirkannya adalah pada hari selasa pada 4.30 petang.

Dan adakah anda mengetahui sungai yang mana Maryam telah melahirkan Isa a.s? Lelaki Nasrani telah berkata: Tidak, beliau telah berkata: Furat di sana terdapat pohon-pohon kurma. Adapun hari yang mana Maryam telah menutup lidahnya tentangnya dan Qaidus telah menyeru anaknya dan pengikut-pengikutnya, lalu mereka telah menolongnya (Isa a.s) dan mengeluarkan keluarga 'Imran supaya mereka melihat kepada Maryam, maka mereka telah berkata kepadanya bahawa Allah tidak menceritakan tentang anda dan kami di dalam Kitab-Nya, adakah anda telah memahaminya? Beliau telah berkata: Ya, aku telah membaca pada hari ini tentang peristiwa itu, beliau a.s telah berkata: Jika begitu, janganlah anda berdiri dari tempat duduk anda sehingga Allah memberi petunjuk kepada anda, maka lelaki Nasrani itu telah berkata: Apakah nama ibuku di dalam bahasa Siryaniyyah dan bahasa Arab?

Beliau telah berkata: Nama ibu anda di dalam bahasa Siryaniyyah adalah 'Unqaaliyyah dan 'Unquurah adalah nama nenek anda sebelah bapa anda. Adapun nama ibu anda di dalam bahasa Arab adalah Mayyah. Adapun nama bapa anda adalah 'Abd al-Masih iaitu Abdullah di dalam bahasa Arab dan tidak ada hamba (*'abd*) bagi al-Masih. Lelaki Nasrani itu telah berkata: Anda telah berkata benar dan anda telah melakukan kebaikan, maka apakah nama datukku? Beliau telah berkata: Nama datuk anda adalah Jibrail iaitu 'Abd al-Rahman yang mana aku telah menamakannya di dalam majlisku ini. Lelaki Nasrani itu telah berkata: Adakah beliau seorang muslim? Abu Ibrahim a.s telah berkata: Ya, beliau telah mati syahid, tentera-tentera daripada penduduk Syam telah datang kepadanya, lalu membunuhnya secara tipu-daya. Lelaki Nasrani itu telah berkata: Apakah namaku sebelum nama keluarga[ku]?

Beliau telah berkata: Nama anda adalah 'Abd al-Salib, lelaki Nasrani itu telah berkata: Apakah anda akan menamakan aku? Beliau telah berkata: Aku akan menamakan anda Abdullah. Lelaki Nasrani itu telah berkata: Sesungguhnya aku telah beriman kepada Allah Yang Maha Besar dan aku telah naik saksi bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah Yang Satu, tidak ada sekutu bagiNya, Tunggal dan tempat tumpuan. Dia tidak sebagaimana diceritakan oleh Nasrani dan Yahudi dan Dia tidak ada jenis-jenis syirik. Dan aku naik saksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan pesuruh-Nya, Dia telah menghantarnya dengan

kebenaran, justeru, baginda s.a.w telah menerangkannya kepada keluarganya sekalipun ditentang oleh Ahli al-Batil.

Sesungguhnya baginda s.a.w adalah Rasulullah s.a.w kepada semua manusia, kepada yang berkulit merah, hitam dan semuanya bersyarikat padanya. Justeru, orang yang berfikir telah menerimanya dan telah mendapat petunjuk sementara ahli al-Batil menentangnya dan mereka telah sesat di atas dakwaan mereka. Dan aku naik saksi bahawa wali-Nya telah bercakap dengan bijaksana-Nya. Sesungguhnya orang yang sebelumnya daripada para nabi a.s telah bercakap dengan hikmah yang menyampaikan, mereka telah tolong-menolong di dalam mentaati Allah, mereka telah meninggalkan kebatilan dan ahlinya, kekotoran dan ahlinya, mereka telah meninggalkan jalan kesesatan dan Allah telah menolong mereka untuk mentaatiNya dan Dia telah menjaga mereka dari maksiat, maka mereka adalah para wali Allah dan penolong agama-Nya, mereka menggalakkan kebaikan dan menyuruh dengannya, aku telah beriman dengan yang kecil dan yang besar mereka dan orang yang aku telah sebut dan tidak sebutkan mereka, aku telah beriman kepada Allah, Tuhan sekalian alam. Kemudian lelaki Nasrani itu telah memotong tali pinggangnya dan salibnya di tengkuknya daripada emas.

Kemudian beliau telah berkata: Perintahlah aku sehingga aku memberi sedekahku pada bila-bila masa anda menyuruhku, maka beliau telah berkata: Di sini saudara lelaki untuk anda. Beliau dahulu seperti (agama) anda, beliau seorang daripada golongan anda daripada Qais bin Tha'labah, beliau di dalam nikmat [Islam] seperti anda, anda menyamainya dan aku tidak berniat untuk menjauhkan hak Islam daripada kamu berdua, maka beliau telah berkata: Demi Allah-*aslaha-ka llahu*-sesungguhnya aku adalah seorang yang kaya dan aku telah meninggalkan tiga ratus cukai di antara kuda jantan dan kuda betina.

Aku telah meninggalkan seribu unta, maka hak anda padanya lebih banyak daripada hakku, maka beliau a.s telah berkata kepadanya: Anda adalah *maula* Allah dan rasul-Nya dan anda pada had keturunan anda di atas keadaan anda, maka Islamnya telah baik. Beliau telah mengahwini seorang perempuan daripada Bani Fihr dan maharnya telah diberikan oleh Abu Ibrahim a.s kepada perempuan itu sebanyak lima puluh dinar daripada sedekah Ali bin Abu Talib a.s. Beliau telah berkhidmat kepadanya a.s sehingga dikeluarkan Abu Ibrahim a.s [ke Baghdad],[23] maka beliau (Abdullah)[24] telah mati dua puluh lapan hari selepas itu.

(860)-5. Ali bin Ibrahim dan Ahamd bin Mihran, daripada Muhammad bin Ali, daripada al-Hasan bin Rasyid, daripada Ya'qub bin Ja'far berkata: Aku telah berada di sisi Abu Ibrahim a.s dan seorang

[23] Dikeluarkan ke Baghdad dengan perintah khalifah.
[24] Lelaki yang asalnya beragama Kristian, kemudian memeluk Islam.

rahib lelaki daripada penduduk Najran al-Yaman telah datang kepadanya dan bersamanya seorang rahib perempuan (*rahibah*), lalu al-Fadhl bin Sawar telah meminta izin untuk mereka berdua, maka beliau telah berkata kepadanya: Besok, bawa datanglah mereka berdua di sisi perigi Umm Khair, beliau telah berkata: Pada keesokannya kami telah datang, lalu kami telah mendapati mereka juga telah datang.

Kemudian diperintahkan [supaya berada] di Khasfah Biwari, kemudian beliau telah duduk dan mereka juga telah duduk. Lalu rahib perempuan telah mula bertanya kepadanya beberapa masalah, semuanya dijawab oleh Abu Ibrahim a.s. Kemudian beliau a.s telah bertanya rahib perempuan tentang beberapa perkara, tetapi semuanya tidak dapat dijawab olehnya. Kemudian beliau telah memeluk Islam. Kemudian rahib lelaki mulai bertanya kepadanya, maka beliau a.s telah menjawab semuanya, maka rahib lelaki telah berkata: Aku pernah kuat di dalam agamaku dan aku tidak membiarkan seorangpun orang Nasara di bumi mencapai tahapku dari segi ilmu.

Dan aku telah mendengar seorang lelaki di India, apabila beliau mahu melakukan haji di Bait al-Maqdis [perjalanannya] di dalam satu hari satu malam, kemudian beliau kembali ke rumahnya di India, maka aku telah bertanya tentangnya, di bumi manakah beliau? Maka dikatakan kepadaku: Di Sibzaan[25] Dan aku telah bertanya orang yang telah memberitahu kepadaku, maka beliau telah berkata: Iaitu ilmu yang didapati oleh Aasif sahabat Sulaiman apabila beliau telah membawa singgahsana Saba' sebagaimana telah disebut oleh Allah di dalam kitab kamu dan juga di dalam kitab-kitab kami. Maka Abu Ibrahim a.s telah berkata kepadanya: Berapakah bagi Allah nama yang tidak disebut? Rahib lelaki telah berkata: Nama-nama[Nya] adalah banyak, adapun yang pasti daripadanya adalah tujuh.

Maka Abu Ibrahim a.s[26] telah berkata kepadanya: Beritahulah kepadaku apa yang anda ingat? Maka rahib lelaki telah berkata: Tidak, Allah yang telah menurunkan Taurat ke atas Musa dan menjadikan Isa sebagai iktibar kepada semua alam dan fitnah bagi [menguji] kesyukuran mereka yang mempunyai akal. Dia telah menjadikan Muhammad sebagai keberkatan dan rahmat, Dia telah menjadikan Ali a.s sebagai iktibar dan renungan, Dia telah menjadikan para wasi daripada keturunannya dan keturunan Muhammad, aku tidak mengetahui[nya].

Jika aku telah mengetahuinya, nescaya aku tidak berhujah tentangnya kepada percakapan anda dan aku tidak datang kepada anda dan bertanya anda, maka Abu Ibrahim a.s telah berkata kepadanya: Kembalilah kepada cerita lelaki India, maka rahib lelaki telah berkata

---

[25] Atau Sindaan
[26] Abu al-Hasan Musa bin Ja'far a.s

kepadanya: Aku tidak mengetahui nama-namanya dan aku tidak mengetahui hakikatnya dan penjelasannya, aku tidak mengetahui apakah ia dan bagaimana, maka aku telah pergi sehingga aku telah sampai ke Sibzaan di India, maka aku telah bertanya [orang ramai] tentang lelaki itu, maka dikatakan kepadaku: Sesungguhnya beliau telah membina sebuah biara di atas sebuah gunung, maka beliau tidak keluar dan tidak dilihat melainkan pada setiap tahun dua kali.

[Penduduk] India telah menyangka bahawa Allah telah memancarkan mata air di dalam biaranya, menanamkan tanaman untuknya tanpa usahanya, membajak untuknya tanpa usahanya, maka aku telah sampai ke pintunya, lalu aku telah berada di pintu selama tiga hari, aku tidak mengetuk pintu. Manakala pada hari keempat, Allah telah membuka pintu dan seekor lembu betina telah datang membawa kayu api, menarik hasil tanaman, hampir [air] susunya terkeluar, lalu aku telah menolak pintunya, maka ia telah terbuka, maka aku telah mengikutinya dan aku telah masuk, tiba-tiba aku mendapati seorang lelaki sedang berdiri melihat ke langit, lalu beliau menangis dan beliau melihat ke bumi, lalu beliau menangis dan beliau melihat kepada gunung ganang, lalu beliau menangis, maka aku telah berkata: *Subhana llah*, alangkah sedikit orang seperti anda pada masa kita ini!

Maka beliau telah berkata kepadaku: Demi Allah, aku hanya satu kebaikan (*hasanatun*) daripada kebaikan-kebaikan (*hasanaat*) seorang lelaki[27]yang anda telah meninggalkannya di belakang anda, maka aku telah berkata kepadanya: Aku telah diberitahu bahawa di sisi anda satu nama daripada nama-nama Allah yang mana anda sampai dengannya pada setiap hari dan malam di Bait al-Maqdis dan anda kembali ke rumah anda, maka beliau telah berkata kepadaku: Adakah anda mengetahui Bait al-Muqaddas? Aku telah berkata: Aku tidak mengetahui melainkan Bait al-Maqdis di Syam? Beliau telah berkata: Ia bukan Bait al-Maqdis, tetapi Bait al-Muqaddas iaitu Bait Aali Muhammad s.a.w, maka aku telah berkata kepadanya: Adapun apa yang aku telah mendengarnya sehingga hari aku ini adalah Bait al-Maqdis.

Maka beliau telah berkata kepadaku: Itu adalah mihrab para nabi (*mahaarib al-Anbiyaa'*), atau dipanggil: Kawasan mihrab (*haziirah al-Mahaarib*), sehingga telah datang masa (*fitrah*) di antara Muhammad dan Isa s.a.w dan bala telah mendekati golongan syirik dan dendam kasumat telah mengambil peranan syaitan, maka mereka telah mengubah dan menukarnya dan mereka telah memindahkan nama-nama tersebut sebagaimana firman Allah t.w-batin adalah untuk keluarga Muhammad begitu juga zahirnya-: "*Itu tidak lain hanyalah nama-nama yang kamu*

---

[27] Abu Ibrahim a.s

dan bapa-bapa kamu mengadakannya Allah tidak menurunkannya untuk (menyembah)nya"[28]

Aku telah berkata kepadanya: Aku telah datang kepada anda dari negeri yang jauh, aku telah mengharumi lautan, dukacita, kesusahan, ketakutan, aku pada waktu pagi dan petang berputus asa melainkan aku dapat memenuhi hajatku, maka beliau telah berkata kepadaku: Aku tidak melihat ibu anda telah mengandungkan anda melainkan malaikat telah datang kepadanya dan aku tidak mengetahui bahawa bapa anda ketika mahu bersetubuh dengan ibu anda melainkan beliau telah mandi dan datang kepadanya ketika ibu anda di dalam keadaan suci. Kemudian beliau telah mengakhiri untuknya dengan kebaikan, [berkata]: Kembalilah ke negeri anda dan pergilah sehingga anda berada di Madinah Muhammad s.a.w yang dipanggil Tayyibah dan namanya pada masa Jahiliyah adalah Yathrib.

Kemudian pergilah ke satu tempat yang dipanggil al-Baqi', kemudian tanyalah tentang rumah yang dipanggil: Dar Marwan, maka tinggallah di situ selama tiga hari, kemudian tanyalah tentang syeikh yang hitam (*aswad*) yang berada di pintunya bekerja di al-Biwari, berlembutlah dengan syeikh itu dan katakan kepadanya: Teman sebilik anda telah bermalam di sudut rumah yang ada kayu-kayu kecil di empat penjuru, telah mengutusku, kemudian tanyalah beliau tentang polan bin polan, tanyalah beliau tentang kelabnya dan tanyalah beliau bilakah beliau datang padanya dan anda akan dapat melihatnya.

Atau beliau akan menceritakannya kepada anda, maka anda akan mengenalinya dengan sifatnya atau aku akan menceritakannya kepada anda, aku telah berkata: Apabila aku bertemu dengannya apakah yang aku akan buat? Beliau telah berkata: Tanyalah beliau apa yang telah berlaku dan akan berlaku dan tanyalah beliau tentang tanda-tanda agama orang yang telah lalu dan orang yang ada sekarang, maka Abu Ibrahim a.s telah berkata kepadanya: Sesungguhnya sahabat anda yang anda telah berjumpa dengannya telah memberi nasihat kepada anda. Rahib lelaki telah bertanya: Siapakah namanya, aku telah menjadikan diriku tebusan anda? Beliau telah berkata: Mutammim bin Fairuz, beliau adalah daripada anak-anak Farsi, daripada orang yang telah beriman kepada Allah Yang Satu, tidak ada sekutu bagiNya.

Beliau telah menyembahNya dengan ikhlas dan yakin, beliau telah lari daripada kaumnya kerana takutkan mereka. Justeru, Allah memberi hikmat kepadanya dan menunjukkannya kepada jalan kebijaksanaan dan telah menjadikannya daripada mereka yang bertakwa, Dia telah memperkenalkan di antaranya dan hamba-hamba-Nya yang ikhlas, beliau menzirahi Makkah pada setiap tahun mengerjakan haji dan mengerjakan umrah pada setiap awal bulan, beliau datang dari

[28] Surah al-Najm (53): 23

tempatnya di India ke Makkah, sebagai satu kelebihan daripada Allah dan pertolongan[Nya]. Demikianlah Allah memberi ganjaran kepada mereka yang bersyukur. Kemudian rahib lelaki itu telah bertanya kepadanya soalan-soalan yang banyak. Semuanya dijawabnya.

Dan beliau a.s telah bertanya kepada rahib lelaki itu, tetapi beliau tidak dapat menjawabnya, lalu beliau telah menceritakannya kepadanya, kemudian rahib lelaki telah berkata: Beritahulah kepadaku tentang lapan huruf yang telah turun di bumi empat daripadanya dan tinggal di udara empat, kepada siapakah empat huruf di udara itu diturunkan dan siapakah yang mentafsirkannya? Beliau telah berkata: Itu adalah [untuk] Qaim kami, Allah akan menurunkannya kepadanya, maka beliau akan mentafsirkannya dan Dia akan menurunkan kepadanya apa yang tidak diturunkan kepada *siddiqiin*, para rasul dan mereka yang mendapat petunjuk.

Kemudian rahib lelaki telah berkata: Beritahulah kepadaku tentang dua huruf daripada empat huruf yang [diturunkan] di bumi, apakah ia? Beliau telah berkata: Aku akan memberitahu kepada anda empat semuanya, adapun yang pertamanya: Tiada tuhan melainkan Allah Yang Tunggal, tiada sekutu bagiNya lagi kekal dan kedua: Muhammad Rasulullah s.a.w seorang yang ikhlas, ketiga: Kamilah Ahlu l-Bait, keempat: Syiah kami adalah daripada kami dan kami adalah daripada Rasulullah s.a.w dan Rasulullah adalah daripada Allah dengan sebab, maka rahib lelaki berkata kepadanya: Aku naik saksi tiada tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad adalah pesuruh Allah.

Dan sesungguhnya apa yang telah didatangkannya dari sisi Allah adalah benar dan sesungguhnya kamu adalah pilihan Allah daripada makhluk-Nya dan sesungguhnya Syiah kamu adalah disucikan [diampun], ditukarkan [kejahatan mereka kepada kebaikan] dan bagi mereka ganjaran daripada Allah. Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Kemudian Abu Ibrahim a.s telah menyeru dengan jubah, baju [sederhana], baju besar dan songkok, lalu beliau telah memberikannya kepadanya dan beliau telah melakukan sembahyang Zuhur dan berkata kepadanya: Berkhatanlah, maka beliau telah berkata: Aku telah berkhatan ketika berusia tujuh tahun.

(861)-6. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Abdullah bin al-Mughirah, berkata: Seorang hamba lelaki yang soleh telah melalui seorang perempuan di Mina yang sedang menangis dan kanak-kanak di sekelilingnya turut menangis sama, [rupa-rupanya] seekor lembu betina miliknya telah mati, maka beliau telah mendekatinya, kemudian beliau berkata kepadanya: Apakah yang membuat anda menangis, wahai hamba perempuan Allah? Beliau telah berkata: Wahai hamba Allah, sesungguhnya kami mempunyai kanak-kanak yatim dan aku

mempunya seekor lembu betina yang menjadi sumber rezeki kami dan sumber rezeki kanak-kanak, ia telah mati dan telah terputus denganku dan anak-anakku, tidak ada jalan lain lagi bagi kami.

Maka beliau telah berkata: Wahai hamba perempuan Allah, adakah anda mahu jika aku menghidupkannya untuk anda? Maka beliau telah diilhamkan supaya berkata: Ya, wahai hamba Allah, lalu beliau telah menjauhinya dan melakukan sembahyang dua rakaat, kemudian beliau telah mengangkat tangannya mengucap tahniah dan telah menggerakkan dua bibir mulutnya, kemudian beliau telah berdiri dan mengeluarkan suara ke arah lembu, lalu menendangnya dengan kakinya, lantas lembu betina itu bangun, manakala perempuan itu telah melihat kepada lembu betina itu, beliau telah meraung dan berkata: Isa bin Maryam dan Tuhan Ka'bah, kemudian beliau telah bergaul dengan oramg ramai dan menjadi sebahagian daripada mereka dan telah pergi a.s.

(862)-7. Ahmad bin Mihran-*rahima-hu llah*-daripada Muhammad bin ali, daripada Saif bin 'Umairah, daripada Ishaq bin 'Ammar berkata: Aku telah mendengar seorang lelaki soleh sedang meratapi seorang lelaki, maka aku telah berkata kepada diriku: Sesungguhnya beliau mengetahui bila lelaki daripada Syiahnya akan mati? Maka beliau telah berpaling kepadaku separuh marah, maka beliau telah berkata: Wahai Ishaq, sesungguhnya Rusyaid al-Hajari mengetahui ilmu *manaya* dan ilmu *balaya* [29] dan imam a.s adalah lebih mengetahui dengannya.

Kemudian beliau telah berkata: Wahai Ishaq, buatlah apa yang anda mahu kerana umur anda sudah fana dan sesungguhnya anda akan mati dalam masa dua tahun dan saudara-saudara anda [akan mati] tidak lama selepas anda sehingga berpecah kalimat mereka dan sebahagian mereka akan mengkhianati sebahagian yang lain sehingga musuh mereka bergembira, maka ini ialah pada diri anda, maka aku telah berkata: Sesungguhnya aku memohon ampun daripada Allah apa yang terlintas di hatiku, tidak lama selepas majlis ini, beliau telah mati. Apa yang beliau telah lakukan ke atas mereka hanya sedikit sahaja sehingga anak-anak lelaki 'Ammar telah mengambil harta orang ramai, akhirnya mereka telah menjadi muflis.

(863)-8. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Musa bin al-Qasim al-Bajali, daripada Ali bin Ja'far berkata: Muhammad bin Isma'il telah datang kepadaku. Sesungguhnya kami telah mengerjakan umrah pada bulan Rajab dan kami pada waktu itu telah berada di Makkah, maka beliau telah berkata kepadaku: Wahai bapa

[29] Ilmu *manaya* adalah ilmu tentang kematian dan ilmu *balaya* adalah ilmu tentang bala yang akan berlaku kepada manusia.

saudaraku, sesungguhnya aku mahu pergi ke Baghdad dan aku mahu memberi ucapan selamat jalan kepada bapa saudaraku Abu al-Hasan-Iaitu Musa bin Ja'far a.s, aku mahu anda pergi bersamaku kepadanya, maka aku telah keluar bersamanya kepada saudaraku yang berada di rumahnya di al-Hubah, itu adalah selepas Maghrib, maka aku telah mengetuk pintu, lalu saudaraku telah menjawab kepadaku, maka beliau telah berkata: Siapakah ini?

Maka aku telah berkata: Ali, maka beliau telah berkata: Beliaulah ini, keluar-beliau lambat mengambil wuduk-maka aku telah berkata: Cepatlah, beliau telah berkata: Aku cepat, lalu beliau telah keluar memakai kain sarung yang berwarna merah yang mana beliau telah mengikatnya di tenguknya sehingga beliau telah duduk di depan pintu, maka Ali bin Ja'far telah berkata: Aku telah memeluknya, aku telah mengucup kepalanya dan aku telah berkata: Sesungguhnya aku telah datang kepada anda dengan satu urusan jika anda melihatnya betul, maka Allah akan memberi taufik kepadanya dan jika tidak sedemikian, alangkah banyaknya langkah yang kita mesti lalui, beliau telah berkata: Apakah dia?

Aku telah berkata: Ini anak saudara anda mahu mengucapkan selamat jalan kepada anda dan beliau akan pergi ke Baghdad, maka beliau telah berkata kepadaku: Panggilah beliau, lalu aku telah memanggilnya dan beliau telah berada jauh, maka beliau telah mendekatinya, lalu mengucup kepalanya sambil berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, berilah nasihat kepadaku, maka beliau telah berkata: Aku menasihati anda supaya bertakwa kepada Allah pada darahku, maka beliau telah menjawab kepadanya: Sesiapa yang menghendaki kejahatan kepada anda, maka Allah akan melakukannya untuknya dan beliau mulai berdoa ke atas orang yang menghendaki kejahatan kepadanya.

Kemudian beliau telah kembali, lalu beliau telah mengucup kepalanya, maka beliau telah berkata: Wahai bapa saudaraku, maka beliau telah berkata: Berilah nasihat kepadaku, maka beliau telah berkata: Aku menasihati anda supaya anda bertakwa kepada Allah pada darahku, maka beliau telah berkata: Sesiapa yang menghendaki kejahatan kepada anda, maka Allah akan melakukannya kepadanya, kemudian beliau telah kembali, lalu mengucup kepalanya, kemudian berkata: Wahai bapa saudaraku, berilah nasihat kepadaku, maka beliau telah berkata: Aku menasihati anda supaya bertakwa kepada Allah pada darahku, maka beliau telah berdoa ke atas orang yang menghendaki kejahatan kepadanya, kemudian beliau telah menjauhinya dan aku telah pergi bersamanya, maka saudaraku[30] telah berkata kepadaku: Wahai Ali, tinggallah di tempat anda, maka aku telah berdiri

[30] Abu al-Hasan Musa bin Ja'far a.s

di tempatku, lantas beliau telah memasuki rumahnya. Kemudian beliau telah memanggilku, akupun telah datang kepadanya, lalu beliau telah mengambil dompet yang berisi 100 dinar dan memberikannya kepadaku.

Beliau telah berkata: Katakan kepada anak saudara anda supaya beliau menggunakannya di dalam musafir, Ali telah berkata: Aku telah mengambilnya dan aku memasukkannya pada tepi pakaianku, kemudian beliau telah memberi kepadaku 100 dinar lagi dan beliau telah berkata: Berilah juga kepadanya, kemudian beliau telah memberi kepadaku dompet yang lain dan berkata: Berilah juga kepadanya, maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, apabila anda takut daripadanya seperti anda sebutkan, kenapa anda meminta tolong daripadanya untuk diri anda? Maka beliau telah berkata: Apabila aku telah menghubunginya, maka beliau telah memutuskan [perhubungan] denganku, Allah akan memutuskan ajalnya.

Kemudian beliau telah mengambil bantal kulit, padanya 3000 dirham dan berkata: Berilah ini juga kepadanya, beliau telah berkata: Maka aku telah keluar kepadanya, maka aku telah memberi kepadanya 100 dinar yang pertama, maka beliau telah bergembira dengannya sehingga aku telah menyangka bahawa beliau akan pulang dan tidak akan pergi, kemudian aku telah memberi kepadanya 3000 dirham, maka beliaupun pergi sehingga beliau telah datang kepada Harun dan memberi salam kepadanya dengan *khilafah*, lalu beliau telah berkata: Aku tidak menyangka di bumi ada dua khalifah sehigga aku telah melihat bapa saudaraku Musa bin Ja'far telah memberi salam kepadanya dengan *khilafah,* maka Harun telah menghantar kepadanya 100.000 dirham, maka Allah telah melontarnya dengan penyembelihan, tetapi beliau a.s tidak melihat kepada dirham dan menyentuhnya.

(864)-9. Sa'd bin Abdullah dan Abdullah bin Ja'far, daripada Ibrahim bin Mihziyar, daripada saudaranya Ali bin Mihziyar, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Ibn Maskan, daripada Abu Basir, berkata: Musa bin Ja'far a.s telah mati ketika berusia 54 tahun pada tahun 183 hijrah dan telah hidup selepas Ja'far a.s selama 35 tahun.

Bab 121

☼Kelahiran Abu Al-Hasan Al-Ridha A.S (*maulid Abi al-Hasan al-Ridha a.s*)☼

Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah dilahirkan pada tahun 148 hijrah dam mati pada bulan Safar tahun 203 hijrah ketika berusia 55 tahun. Tarikh kematiannya adalah berbeza, tetapi tarikh inilah yang aku maksudkan. Beliau telah mati di Tus di sebuah kampung bernama Sanaabad daripada Nuqaan di atas misi dakwah dan dikebumikan di sana. Al-Makmun telah mengarahkannya supaya berpindah daripada Madinah ke Marv mengikut jalan Basrah dan Farsi. Apabila al-Makmun telah keluar, beliau telah memintanya supaya datang ke Baghdad bersamanya. Beliau a.s telah mati di kampung ini (Sanaabad)[31]. Ibunya *Umm walad*[32] dipanggil: Umm al-Baniin.

(865)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Mahbub, daripada Hisyam bin Ahmar berkata: Abu al-Hasan al-Awwal telah berkata kepadaku: Adakah anda telah mengetahui seseorang daripada penduduk al-Maghrib telah datang? Aku telah berkata: Tidak, beliau a.s telah berkata: Ya, seorang lelaki telah datang, maka datanglah bersama kami. Lalu beliau telah menunggang [binatang] dan akupun telah menunggang bersamanya sehingga kami telah berakhir kepada lelaki itu, tiba-tiba beliau adalah lelaki daripada penduduk Madinah bersamanya seorang hamba lelaki. Maka aku telah berkata kepadanya: Bentangkan kepada kami, lalu beliau telah membentangkan kepada kami tujuh orang hamba perempuan.

Abu al-Hasan a.s telah berkata: Aku tidak berhajat pada mereka, kemudian beliau telah berkata: Bentangkan kepada kami, maka beliau telah berkata: Tidak ada di sisiku melainkan seorang hamba perempuan yang sakit, maka beliau telah berkata kepadanya: Tidak mengapa jika anda membentangkannya kepada kami, maka beliau enggan melakukannya, lalu beliau a.s. pulang. Kemudian besoknya beliau telah menghantar aku, maka beliau a.s telah berkata: Katakan kepadanya: Berapakah harga anda yang tertinggi padanya, maka apabila beliau menyebut harganya, maka katakan kepadanya: Sesungguhnya aku telah mengambilnya. Kemudian aku telah mendatanginya, maka beliau telah berkata: Aku tidak mahu mengurangkan harganya daripada..., maka aku telah berkata: Aku telah mengambilnya. Maka beliau telah berkata: Beliau adalah milik anda, tetapi beritahulah kepadaku siapakah lelaki yang telah berada bersama anda kelmarin? Maka aku telah berkata: Seorang lelaki daripada Bani Hasyim, beliau telah berkata: Bani Hasyim yang mana? Maka aku telah berkata: Tidak ada di sisiku lebih banyak

[31] Di Masyhad, Iran.
[32] Hamba perempuan yang telah melahirkan anak daripada pemiliknya

daripada ini, maka beliau telah berkata: Aku akan memberitahu kepada anda tentang hamba perempuan ini. Sesungguhnya aku telah membelinya dari pendalaman Maghrib, tiba-tiba seorang perempuan daripada ahli al-Kitab telah berjumpa dengan aku dan berkata: Siapakah hamba perempuan bersama anda?

Aku telah berkata: Aku sendiri telah membelinya, maka beliau telah berkata: Tidak sepatutnya hamba perempuan ini bersama lelaki seperti anda, sesungguhnya hamba perempuan ini sepatutnya berada di sisi sebaik-baik penduduk bumi, maka tidak lama kemudian, beliau telah berada di sisinya sehingga beliau telah melahirkan daripadanya seorang budak yang tidak pernah dilahirkan di timur dan di barat seumpamanya, beliau telah berkata: Aku telah membawanya kepadanya, tidak lama kemudian beliau telah melahirkan al-Ridha a.s.

(866)-2. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada orang yang telah menyebutnya, daripada Safwan bin Yahya berkata: Apabila Abu Ibrahim a.s telah mati dan Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah bercakap [tentang *imamah*], kami telah khuatir ke atasnya tentang urusan itu, maka dikatakan kepadanya: Sesungguhnya anda telah menzahirkan perkara yang besar dan sesungguhnya kami khuatir di atas anda akan *taghut* ini, maka beliau telah berkata: Hendalah beliau meningkatkan usahanya, justeru tidak ada jalan baginya ke atasku.

(867)-3. Ahmad bin Mihran-*rahima-hu llah*-daripada Muhammad bin Ali, daripada al-Hasan bin Mansur, daripada saudaranya berkata: Aku telah datang kepada al-Ridha a.s di sebuah rumah di waktu malam, lalu beliau telah mengangkat tangannya seolah-olah di dalam rumahnya ada sepuluh lampu dan seorang lelaki telah meminta izin daripadanya atasnya, lantas beliau telah meletakkan tanganya, kemudian beliau a.s telah memberi izin kepadanya.

(868)-4. Ali bin Muhammad, daripada Ibn Jumhur, daripada Ibrahim bin Abdullah, daripada Ahmad bin Abdullah, daripada al-Ghifari berkata: Seorang lelaki daripada keluarga Abi Rafi' *maula* Rasulullah s.a.w dipanggil: Tais 'Alayya Haqqun telah membuat tuntutan kepadaku dan memaksa aku, tetapi orang ramai telah menolongnya. Manakala aku telah melihat perkara itu, akupun telah mengerjakan sembahyang Subuh di masjid Rasulullah s.a.w, kemudian aku terus menghala kepada al-Ridha a.s yang sedang berada di al-'Uraidh. Manakala aku telah menghampiri pintunya, tiba-tiba beliau telah menaiki keldai memakai baju berwarna merah. Manakala aku telah melihat kepadanya, maka aku merasa malu kepadanya. Apabila beliau sampai kepadaku, beliau telah berdiri dan melihat kepadaku, maka aku telah memberi salam kepadanya-itu adalah pada bulan Ramadan-maka aku telah

berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya hamba anda Tais 'Alayya Haqqan telah membuatku menjadi masyhur dan aku telah menyangka pada diriku bahawa beliau menyuruhnya menahanku, demi Allah, aku tidak berkata kepadanya: Berapakah haknya ke atasku dan aku tidak menamakan sesuatu kepadanya, beliau telah menyuruhku duduk sehingga beliau pulang, aku di dalam keadaan sedemikian sehingga aku telah melakukan sembahyang Maghrib dan aku masih berpuasa.

Aku telah merasa cemas dan aku ingin pulang, tiba-tiba beliau telah pulang dan di sekelilingnya orang ramai yang telah bertanya kepadanya ketika beliau memberi sedekah kepada mereka. Lalu beliau telah pergi dan memasuki rumahnya. Kemudian beliau telah keluar dan menyeruku, maka akupun telah datang kepadanya dan masuk ke rumah bersamanya. Beliau telah duduk, maka akupun duduk bersamanya, maka aku mulai bercakap kepadanya mengenai Ibn al-Musayyab, gabenor Madinah dan banyak aku telah bercakap mengenainya. Manakala aku telah selesai bercakap mengenainya, beliau telah berkata: Aku tidak fikir anda telah berbuka puasa?

Maka aku telah berkata: Tidak, lalu beliau telah menyeru untukku dengan makanan, maka beliau telah meletakkannya di depanku dan menyuruh budak itu supaya makan bersamaku. Apabila kami selesai makan, beliau telah berkata kepadaku: Angkatlah bantal itu dan ambillah apa yang ada di bawahnya, maka akupun telah mengangkatnya, tiba-tiba ada wang dinar, maka aku telah mengambilnya dan aku telah meletakkannya di dalam gengamanku dan beliau telah menyuruh empat orang daripada hamba-hambanya supaya bersamaku sehingga mereka menghantarku ke rumahku, maka aku telah bertanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya kumpulan Ibn al-Musayyab sedang merayau-rayau aku tidak suka beliau berjumpa denganku dan bersama-samaku hamba-hamba anda, maka beliau telah berkata kepadaku: Tepat sekali kata-kata anda, Mudah-mudahan Allah menunjukkan anda kepada kecerdikan, lalu beliau telah menyuruh mereka pulang setelah aku menolak mereka.

Manakala aku telah menghampiri rumahku, aku merasa sunyi kerana menolak mereka, maka aku telah memasuki rumahku dan aku menyeru dengan lampu dan aku telah melihat wang dinar sebanyak 48 dinar dan hak lelaki itu ke atasku adalah 28 dinar dan padanya satu dinar yang cantik, ia mengangungkan aku, lalu aku telah mengambilnya dan aku telah menghampiri lampu itu, tiba-tiba di atasnya ukiran yang terang: Hak lelaki itu adalah 28 dinar dan apa yang lebih adalah hak anda, tidak, demi Allah, aku tidak mengetahui hartanya ke atasku dan segala puji bagi Allah Tuhan sekalian Alam yang telah memuliakan walinya.

(869)-5. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada sebahagian daripada sahabatnya, daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s bahawa beliau a.s telah keluar dari Madinah pada tahun yang mana Harun telah mengerjakan haji, ingin mengerjakan haji, lalu berakhir di gunung di kiri jalan-jika anda menuju ke Makkah-dipanggil: Paari', maka Abu al-Hasan a.s telah melihat kepadanya: Wahai Paari', musnahkannya, nescaya beliau akan mengonyakkanya. Kami tidak mengetahui maknanya, apabila beliau a.s telah pergi, Harun telah sampai dan bermalam di tempat itu, Ja'far bin Yahya telah menaiki gunung itu, maka Harun telah menyuruhnya supaya membina untuknya satu "tempat beristirahat". Manakala Harun telah pulang dari Makkah, beliau telah menaiki gunung itu, lalu beliau telah menyuruh supaya tempat berihat itu dimusnahkan, manakala beliau pulang ke Iraq, maka ia telah dimusnahkannya.

(870)-6. Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin Hamzah bin al-Qasim, daripada Ibrahim bin Musa berkata: Aku telah menggesa Abu al-Hasan a.s pada suatu perkara yang aku minta daripadanya, beliau telah menjanjikan aku, maka beliau telah keluar pada suatu hari untuk menjemput gabenor Madinah dan aku telah berada bersamanya, kemudian beliau telah mendekati istana polan, lalu beliau telah turun di bawah pohon-pohon dan aku telah turun bersamanya dan tidak ada bersama kami orang yang ketiga, maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, hari raya ini Dia telah meneduhkan kita, demi Allah, aku tidak memiliki walaupun satu dirham, lalu beliau a.s telah mengguriskan bumi dengan tongkatnya, kemudian beliau telah memukul dengan tangannya, lalu beliau telah mengambil satu keping emas, kemudian beliau telah berkata: Manfaatkanlah dengannya dan rahsialah apa yang anda telah melihatnya.

(871)-7. Ali bin Ibrahim, daripada Yasir al-Khadim dan al-Rayyaan bin al-Salt, berkata: Manakala urusan pemecatan[33] telah selesai, maka urusan (*khilafah*) telah tetap kepada al-Makmun, maka beliau telah menulis kepada al-Ridha a.s memintanya supaya datang ke Khurasan, maka Abu al-Hasana a.s telah memberi alasan yang bermacam-macam[34]. Al-Makmun sentiasa menulis kepadanya tentangnya sehingga beliau mengetahui bahawa tiada sebab baginya untuk menolaknya. Maka beliau telah keluar dan Abu Ja'far a.s pada ketika itu berumur tujuh tahun, lalu al-Makmun telah menulis kepadanya: Janganlah anda

---

[33] Pemecatan saudara al-Makmun bernama al-Amin.
[34] Untuk tidak datang kepadanya.

mengambil jalan gunung dan Qum, ambillah jalan Basrah, al-Ahwaz dan Faris sehingga sampai di Marv, maka al-Makmun telah membentangkan kepadanya urusan *khilafah.*

Maka Abu al-Hasan a.s telah enggan, beliau telah berkata: Menjadi pengganti? Maka beliau a.s telah berkata: Di atas syarat-syarat yang aku akan bertanya anda tentangnya, maka al-Makmun telah berkata kepadanya: Tanyalah apa yang anda mahu, maka al-Ridha a.s telah menulis kepadanya: Sesungguhnya aku menjadi pengganti anda dengan [syarat] aku tidak menyuruh dan melarang, aku tidak memberi fatwa, aku tidak menghukum, aku tidak dilantik, aku tidak dijauhkan, aku tidak mengubah sesuatu daripada apa yang ada sekarang dan anda memaafkan aku daripada semuanya, maka al-Makmun telah menjawab semuanya, beliau telah berkata: Yasir telah memberitahu kepadaku berkata: Manakala tiba hari raya, al-Makmun telah mengutus kepada al-Ridha a.s memintanya supaya menghadiri [sembahyang] hari raya, bersembahyang dan memberi khutbah.

Maka al-Ridha a.s telah mengutus kepadanya: Sesungguhnya anda telah mengetahui syarat-syarat di antara anda dan aku di dalam perkara ini, lalu al-Makmun telah mengutus kepadanya: Sesungguhnya aku mahu sedemikian supaya hati orang ramai menjadi tenang dan mereka mengetahui kelebihan anda, maka beliau a.s sentiasa menjawab percakapannya tentang perkara itu, tetapi al-Makmun masih mendesaknya, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Amir al-Mukminin, jika anda memaafkan aku tentang perkara itu, maka ia adalah perkara yang aku paling suka, jika anda tidak memaafkan aku, aku keluar sebagaimana Rasulullah s.a.w dan Amir al-Mukminin a.s telah keluar. Maka al-Makmun telah berkata: Keluarlah sebagaimana anda kehendaki. Al-Makmun telah memerintahkan ketua-ketua tentera dan orang ramai supaya datang ke pintu [rumah] Abu al-Hasan a.s.

Beliau telah berkata: Yasir telah memberitahu kepadaku bahawa orang ramai yang terdiri daripada lelaki, perempuan dan kanak-kanak telah duduk di jalan-jalan dan di atas bumbung-bumbung kerana Abu al-Hasan a.s. Sementara ketua-ketua tentera telah berkumpul di pintu [rumah] Abu al-Hasan a.s. Manakala matahari telah naik, beliau a.s telah bangun, lalu beliau mandi dan memakai serban putih daripada kapas, meletak sebahagiannya di atas dadanya dan sebahagian yang lain di atas dua ketiaknya, lalu mengangkatnya. Kemudian beliau telah berkata kepada pengikut-pengikutnya: Buatlah sebagaimana aku telah membuatnya, kemudian beliau telah mengambil tongkatnya, kemudian beliau telah keluar dan kami telah berada di hadapannya. Beliau telah mengangkat seluarnya kepada separuh betis, manakala beliau telah berjalan, maka kamipun telah berjalan di hadapannya, beliau telah mengangkat kepalanya ke langit dan bertakbir sebanyak empat kali.

Kami telah berkhayal seolah-olah langit dan dinding-dinding menjawabnya.

Sementara ketua-ketua tentera dan orang ramai telah bersedia dan mereka telah memakai senjata dan telah berhias dengan pakaian yang paling cantik. Manakala kami telah melihat kepada mereka dengan gambaran ini, al-Ridha a.s telah muncul dan berdiri di pintu seketika, kemudian beliau telah berkata: Allah akbar, Allah akbar, Allah akbar, [Allah akbar] di atas apa yang Dia telah tunjukkan kita, Allah akbar di atas apa yang Dia telah memberi rezeki kepada kita daripada binatang-binatang ternakan dan segala puji bagi Allah di atas apa yang Dia telah menguji kita" Kami telah mengangkat suara kami-Yasir telah berkata: Marv telah bergoncang dengan tangisan, riuh dan laungan manakala mereka telah melihat Abu al-Hasan a.s. Begitu juga dengan ketua-ketua tentera terjatuh dari kuda-kuda mereka apabila mereka melihat Abu al-Hasan a.s berjalan dan berhenti pada setiap sepuluh langkah dan bertakbir sebanyak tiga kali. Yasir telah berkata: Kami telah berkhayal bahawa langit dan gunung-gunung menjawabnya, justeru, Marv telah menjadi riuh daripada tangisan.

Berita ini telah sampai kepada al-Makmun, maka al-Fadhl bin Sahal Dhu al-Riyasatain telah berkata kepadanya: Wahai Amir al-Mukminin, jika al-Ridha a.s telah sampai ke musalla dengan jalan ini, orang ramai akan tertarik kepadanya, pendapat[ku] bahawa anda memintanya supaya beliau pulang, maka al-Makmun telah mengutus kepadanya supaya beliau pulang, maka Abu al-Hasan a.s telah menyeru untuk kasutnya (*khuff*), lalu beliau telah memakainya, menunggang [binatang tunggangannya] dan pulang.

(872)-8. Ali bin Ibrahim, daripada Yasir berkata: Manakala al-Makmun telah keluar dari Khurasan ke Baghdad dan al-Fadhl Dhu al-Riyasatain telah keluar dan kami telah keluar bersama Abu al-Hasan a.s, sepucuk surat telah sampai kepada al-Fadhl bin bin Sahl Dhi al-Riyasatain daripada saudaranya al-Hasan bin Sahl ketika kami telah berada di sebuah rumah: Aku telah melihat kepada penukaran tahun mengikut hisab bintang-bintang, maka aku telah mendapati padanya bahawa anda akan merasai pada bulan tertentu pada hari Rabu kepanasan besi dan kepanasan api, aku melihat anda, Amir al-Mukminin dan al-Ridha memasuki bilik mandi (*al-Hammam*) pada hari ini (Rabu), anda akan mengambil darah padanya (*tahtajimu*) dan darah akan terkena pada dua tangan anda"[35]

Untuk menghilangkan dukacitanya daripadanya, maka Dhu al-Riyasatain telah menulis kepada al-Makmun tentang perkara itu dan telah memintanya supaya bertanya kepada Abu al-Hasan mengenainya,

[35] Di dalam manuskrip yang lain "darah akan terkena badan anda"

lalu al-Makmun telah menulis kepada Abu al-Hasan bertanya kepadanya tentangnya. Maka Abu al-Hasan telah menulis kepadanya: Aku tidak akan memasuki bilik mandi dan aku tidak melihat anda dan al-Fadhl memasuki bilik mandi besok, maka beliau telah mengulanginya sebanyak dua kali. Maka Abu al-Hasan a.s telah menulis kepadanya, wahai Amir al-Mukminin, aku tidak akan memasuki bilik mandi besok kerana aku telah melihat Rasulullah s.a.w pada malam ini di dalam tidur, maka baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Ali, janganlah anda memasuki bilik mandi besok".

Aku tidak fikir anda dan al-Fadhl akan memasukinya besok. Al-Makmun telah menulis surat kepadanya, anda telah benar, wahai *sayyidi*, dan Rasulullah s.a.w telah benar, aku tidak akan memasuki bilik mandi besok dan al-Fadhl lebih mengetahuinya. Yasir telah berkata: Apabila waktu petang tiba dan matahari telah terbenam, al-Ridha a.s telah berkata kepada kami: Katakan kami berlidung dengan Allah daripada kejahatan yang akan berlaku pada malam ini, maka kami sentiasa berkata sedemikain.

Manakala al-Ridha a.s telah mengerjakan sembahyang Subuh, beliau telah berkata kepadaku: Naiklah di atas bumbung, maka dengarlah, adakah anda telah mendengar sesuatu? Apabila aku telah menaikinya, aku telah mendengar suara bising yang kuat, tiba-tiba kami dapati al-Makmun telah masuk dari pintu kepada rumahnya daripada rumah Abu al-Hasan seraya berkata: Wahai *sayyidi*, Wahai Abu al-Hasan, Allah memberi ganjaran kepada anda tentang al-Fadhl, sesungguhnya beliau telah enggan, tetapi beliau telah memasuki bilik mandi, tiba-tiba satu kumpulan telah memasukinya dengan pedang-pedang, lalu mereka telah membunuhnya dan tiga orang di kalangan mereka telah memasukinya.

Salah seorang daripada mereka adalah anak saudaranya al-Fadhl Ibn Dhi al-Qalamain. Beliau telah berkata: Tentera dan ketua-ketua tentera serta pengawal-pengawal al-Fadhl telah berada di pintu al-Makmun, mereka telah berkata: Inilah yang telah membunuhnya-Mereka maksudkan al-Makmun-kami akan menuntut darahnya dan mereka telah datang di pintu untuk membakar pintu [rumah]. Lalu al-Makmun telah berkata kepada Abu al-Hasan a.s: Wahai *sayyidi*, anda melihat, anda keluar kepada mereka dan menyuraikan mereka, Yasir berkata: Abu al-Hasan telah menaiki (binatang) dan beliau telah berkata kepadaku: Naiklah, maka aku telah menaikinya. Manakala kami telah keluar dari pintu rumah, beliau telah melihat kepada orang ramai, maka beliau telah berkata kepada mereka: Bersurailah, bersurailah. Yasir telah berkata: Beliau telah berhadapan dengan orang ramai, lalu mereka telah mematuhinya dan beliau tidak menunjukkan kepada seseorang melainkan beliau telah menunggang dengan cepat dan melalui [mereka].

(873)-9. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Musafir, daripada al-Wasyaa', daripada Musafir berkata: Manakala Harun bin al-Musayyab ingin mengenakan Muhammad bin Ja'far, Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah berkata kepadaku: Pergilah dan katakan kepadanya: Janganlah anda keluar besok kerana jika anda keluar besok, anda akan dikalahkan dan para sahabat anda akan dibunuh dan jika beliau bertanya kepada anda dari manakah anda telah mengetahui [perkara] ini, maka katakan kepadanya: Aku telah melihatnya di dalam mimpi: Beliau telah berkata: Maka aku telah datang kepadanya, lalu aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan dirku tebusan anda, janganlah anda keluar besok kerana jika anda keluar, anda akan dikalahkan dan para sahabat anda akan dibunuh, maka beliau telah berkata kepadaku: Dari manakah anda telah mengetahui [perkara] ini?

Aku telah berkata: Aku telah melihat[nya] di dalam mimpi, maka beliau telah berkata: Seorang itu telah tidur, tetapi beliau tidak membasuh punggungnya, kemudian beliau telah keluar, lalu beliau dikalahkan dan para sahabatnya dibunuh, beliau telah berkata: Musafir telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah berada di sisi Abu al-Hasan a.s di Mina, tiba-tiba Yahya bin Khalid telah datang dengan menutup kepalanya daripada debu, maka beliau telah berkata: Kasihan! Mereka tidak mengetahui apa yang akan berlaku kepada mereka pada tahun ini, kemudian beliau telah berkata: Yang paling pelik sekali adalah Harun, Musafir telah berkata: Demi Allah, aku tidak mengetahui makna hadis ini sehingga aku telah mengapankannya bersamanya.

(874)-10. Ali bin Muhammad, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Ali bin Muhammad al-Qasaani berkata: Sebahagian daripada para sahabat kami telah memberitahu kepadaku bahawa beliau telah membawa harta yang disangsikan kepada Abu al-Hasan al-Ridha a.s, maka aku tidak melihatnya bergembira dengannya, beliau telah berkata: Aku telah berdukacita kerananya dan aku telah berkata kepada diriku: Aku telah membawa harta ini kepadanya dan beliau tidak bergembira dengannya, maka beliau telah berkata: Wahai budak, [bawalah] bekas dan air, beliau telah berkata: Maka beliau telah duduk di atas kerusi dan berkata kepada budak itu: Curahlah air ke atas[tangan]ku, beliau telah berkata: Maka beliau telah mulai mengalirkan air di antara anak-anak jarinya di dalam bekas, kemudian beliau telah berpaling kepadaku: Siapa yang di dalam keadaan begini, beliau tidak peduli kepada orang yang anda telah membawanya kepadanya.

(875)-11. Sa'd bin Abdullah dan Abdullah bin Ja'far, daripada Ibrahim bin Mihziyar, daripada saudaranya Ali bin Mihziyar, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Muhammad bin Sinan berkata: Ali bin

Musa a.s telah mati ketika berusia 49 tahun dan beberapa bulan pada tahun 202 hijrah. Beliau telah hidup selama 19 tahun 10/11 bulan selepas Musa bin Ja'far a.s.

Bab 122

☼Kelahiran Abu Ja'far Muhammad Bin Ali al-Thani A.S (*maulid Abi Ja'far Muhammad bin 'Ali al-Thani a.s*)☼

Beliau a.s telah dilahirkan pada bulan Ramadan tahun 195 hijrah dan mati pada tahun 220 hijrah pada akhir bulan Dhu al-Qa'idah ketika berusia 25 tahun 2 bulan 18 hari dan dikebumikan di al-Kazimiyyah, Baghdad di sisi datuknya Musa a.s. [Khalifah] Al-Muktasim telah memintanya supaya datang ke Baghdad pada awal tahun kematiannya. Ibunya adalah *Umm walad* dipanggil: Sabikah Nubiyyah atau Khaizaran. Dan diriwayatkan bahawa ibunya adalah daripada keluarga Mariah, ibu Ibrahim anak lelaki Rasulullah s.a.w.

(876)-1. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin Hassan, daripada Ali bin Khalid-Muhammad telah berkata: Beliau adalah seorang yang bermazhab Zaidiyyah-berkata: Aku telah berada di al-'Askar, maka berita telah sampai kepadaku bahawa di sana seorang lelaki ditahan, dibawa dari Syam di dalam keadaan [tangannya] bergari dan mereka telah berkata: Sesungguhnya beliau (lelaki) telah membuat ramalan (*tanabba'a*). Ali bin Khalid telah berkata: Aku telah datang ke pintu [penjara], aku telah melintasi dua penjaga pintu dan halangan-halangan sehingga aku telah sampai kepadanya, tiba-tiba aku telah mendapatinya seorang lelaki yang mempunyai fahaman yang baik.

Maka aku telah berkata: Apakah ini, apakah kisah anda dan apakah urusan anda? Beliau telah berkata: Aku telah berada di Syam, aku beribadat kepada Allah pada satu tempat dipanggil: Tempat kepala al-Husain. Manakala aku di dalam ibadatku, tiba-tiba seorang lelaki telah datang kepadaku dan berkata: Berdirilah bersama kami, maka akupun telah berdiri bersamanya, manakala aku berada bersamanya, tiba-tiba aku berada di masjid Kufah, maka beliau telah berkata kepadaku: Adakah anda mengetahui masjid ini?

Maka aku telah berkata: Ya, ini adalah masjid Kufah, beliau berkata: Maka beliau telah melakukan sembahyang dan aku telah melakukan sembahyang bersamanya. Manakala aku telah berada bersamanya, tiba-tiba aku telah berada di masjid Rasulullah s.a.w di Madinah, beliau telah memberi salam kepada Rasulullah s.a.w, maka aku juga telah memberi salam kepadanya, beliau telah melakukan sembahyang, maka aku telah melakukan sembahyang bersamanya dan beliau telah berselawat kepada Rasulullah s.aw. Manakala aku telah berada bersamanya, tiba-tiba aku telah berada di Makkah, maka aku sentiasa berada bersamanya sehingga beliau telah menunaikan *manasik* haji dan aku telah melakukan *manasik* hajiku bersamanya ketika aku telah berada bersamanya, tiba-tiba aku telah berada di tempat di manaka aku telah beribadat padanya di Syam dan lelaki itupun telah pergi.

Manakala pada tahun berikutnya, tiba-tiba aku telah berada bersamanya, beliau telah melakukan perbuatan yang sama pada tahun

lepas. Manakala kami telah selesai daripada *manasik* kami, beliau telah memulangkan aku di Syam, beliau telah berdukacita kerana meninggalkan aku, aku telah berkata kepadanya: Aku telah bertanya anda dengan kebenaran yang telah membuat anda berkuasa di atas apa yang aku telah melihat kepadanya melainkan anda memberitahu kepadaku siapakah anda?

Maka beliau telah berkata: Aku adalah Muhammad bin Ali bin Musa, beliau telah berkata: Berita [ini] telah tersebar sehingga sampai kepada Muhammad bin 'Abd al-Malik al-Zayyaat, maka beliau telah mengutus kepadaku, lalu mengambilku dan menggari[tangan]ku dengan besi dan membawaku ke Iraq, beliau berkata: Maka aku telah berkata kepadanya: Angkatlah kisah kepada Muhammad bin 'Abd al-Malik, maka beliau telah melakukannya, beliau telah menyebut kisahnya yang telah berlaku kepadanya dan [aku berkata]: Katakan kepada orang yang telah mengeluarkan anda dari Syam ke Kufah, dari Kufah ke Madinah dan dari Madinah ke Makkah dan telah mengembalikan anda dari Makkah ke Syam supaya mengeluarkan anda dari tempat ini.

Ali bin Khalid telah berkata: perkara itu telah mendukacitakan aku dan aku telah berlembut kepadanya dan aku telah menyuruhnya supaya bersabar, berkata: Kemudian aku telah datang kepadanya pada waktu pagi, tiba-tiba aku telah mendapati tentera, ketua keselamatan, ketua penjara dan orang ramai, maka aku telah berkata: Apakah ini? Mereka telah berkata: Lelaki yang telah dibawa dari Syam yang telah melakukan ramalan, telah hilang semalam, tidak diketahui sama ada beliau telah ditelan bumi atau diculik oleh burung.

(877)-2. Al-Husain bin Muhammad al-Asy'ari berkata: Seorang syeikh daripada sahabat kami yang bernama: Abdullah bin Razin berkata: Aku telah tinggal berhampiran dengan Madinah Rasulullah s.a.w- Abu Ja'far a.s telah datang setiap hari apabila gelincirnya matahari ke masjid Rasulullah s.a.w, lalu beliau telah turun di dataran [masjid] dan pergi kepada [makam] Rasulullah s.a.w dan memberi salam kepadanya serta kembali ke rumah Fatimah a.s, lalu beliau menanggalkan dua kasutnya, berdiri dan bersembahyang, kemudian syaitan telah menggodaku dan berkata: Apabila beliau turun, maka pergilah sehingga anda mengambil tanah yang dipijak olehnya, maka aku telah duduk pada hari itu menunggunya untuk melakukannya. Manakala tiba waktu gelincirnya matahari, maka beliau a.s datang dengan menaiki keldainya, maka beliau tidak turun di tempat yang beliau pernah turun padanya sehingga beliau telah turun di atas satu batu besar di pintu masjid, kemudian beliau telah masuk [masjid] dan memberi salam kepada Rasulullah s.a.w, beliau berkata: Kemudian beliau telah kembali ke tempat yang mana beliau pernah melakukan sembahyang padanya.

Maka beliau telah melakukan sedemikian selama beberapa hari, maka aku telah berkata: Apabila beliau telah menanggalkan dua kasutnya, aku telah datang, maka aku akan mengambil satu batu kecil yang beliau telah memijaknya dengan dua tapak kakinya. Manakala keesokannya, beliau telah datang ketika gelincir matahari, lalu beliau telah turun di atas batu besar, kemudian beliau telah masuk dan memberi salam kepada Rasulullah s.a.w, kemudian beliau telah datang ke tempat yang mana beliau telah melakukan sembahyang padanya, lalu melakukan sembahyang tanpa menanggalkan dua kasutnya. Beliau telah melakukannya selama beberapa hari, maka aku telah berkata kepada diriku: Beliau tidak bersedia untukku di sini, tetapi aku akan pergi ke pintu bilik mandi wap (*hammam/spa*), maka apabila beliau memasuki bilik mandi wap, aku akan mengambil tanah yang dipijak olehnya, maka aku telah bertanya tentang bilik mandi wap yang beliau a.s memasukinya, maka dikatakan kepadaku: Beliau a.s memasuki bilik mandi wap di al-Baqi' milik seorang lelaki daripada keluarga Talhah, justeru, aku telah mengetahui hari yang mana beliau memasuki bilik mandi wap.

Maka aku telah pergi ke pintu bilik mandi wap itu dan aku telah duduk di sisi anak lelaki Talhah, aku bercakap kepadanya sementara aku menunggu kedatangannya a.s, maka lelaki daripada keluarga Talhah itu berkata: Jika anda mahu memasuki bilik mandi wap, maka berdirilah dan masuklah kerana ia tidak akan disediakan untuk anda selepas satu jam, aku telah berkata: Kenapa? Kerana Ibn al-Ridha ingin memasuki bilik mandi wap, aku telah berkata: Siapakah Ibn al-Ridha? Beliau berkata: Seorang lelaki daripada keluarga Muhammad, beliau adalah seorang yang baik dan warak. Aku telah berkata kepadanya: Tidak boleh orang lain memasuki bilik mandi wap selain daripadanya? Beliau berkata: Kami mengosongkan bilik mandi wap untuknya apabila beliau datang.

Beliau berkata: Manakala aku di dalam keadaan sedemikian, tiba-tiba beliau a.s telah datang dan bersamanya dua orang budak, di hadapannya seorang budak bersamanya tikar sehingga beliau telah memasukkannya ke tempat penyembelihan binatang, lalu beliau telah membentangkannya dan melaksanakannya. Beliau telah memberi salam dan memasuki bilik dengan keldainya dan memasuki tempat penyembelihan binatang, lalu beliau telah turun di atas tikar itu, maka aku telah berkata kepada anak lelaki Talhah: Inilah[lelaki] yang anda telah ceritakan tentang kebaikan dan kewarakannya?! Maka beliau telah berkata: Ya, inilah [lelaki] itu, tidak, demi Allah, beliau tidak melakukannya melainkan pada hari ini, maka aku telah berkata pada diriku: Ini adalah daripada amalan jenayah yang aku telah melakukannya, kemudian aku telah berkata: Aku akan menunggunya

sehingga beliau keluar, mudah-mudahan aku akan dapat apa yang aku mahu apabila beliau telah keluar.

Manakala beliau telah keluar dan memakai pakaian, beliau telah menyeru dengan keldai, lalu dimasukkannya ke tempat penyembelihan dan beliau telah menunggang keldai dari atas tikar dan beliau a.s telah keluar, maka aku telah berkata kepada diriku: Demi Allah, aku telah menyakitinya, aku tidak akan melakukannya selama-lamanya. Manakala tiba waktu gelincirnya matahari pada hari itu, beliau telah datang di atas keldanya sehingga beliau telah turun di tempat yang beliau telah turun padanya di dataran masjid, maka beliau telah masuk dan memberi salam kepada Rasulullah s.a.w dan beliau telah datang pada tempat yang beliau telah melakukan sembahyang padanya di rumah Fatimah a.s dan beliau telah menanggalkan dua kasutnya dan mula melakukan sembahyang.

(878)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ali bin Asbat berkata: Beliau a.s telah keluar kepadaku, maka aku telah melihat kepada kepalanya dan dua kakinya bertujuan untuk menceritakan bentuk badannya kepada para sahabat kita di Mesir, manakala aku di dalam keadaan sedemikian, beliau telah duduk dan berkata kepadaku: Wahai Ali, sesungguhnya Allah telah berhujah tentang *imamah* sebagaimana Dia telah berhujah tentang kenabian, maka Dia berfirman: "*Dan Kami berikan kepadanya hikmah ketika beliau masih kanak-kanak*"[36] Dia berfirman: "*Dan tatkala beliau cukup dewasa*"[37] "*Sehingga apabila beliau telah dewasa dan umurnya empat puluh tahun*"[38] Justeru, hikmah boleh diberikan kepada kanak-kanak dan dewasa yang umurnya empat puluh tahun.

(879)-4. Ali bin Muhammad, daripada sebahagian daripada para sahabat kami, daripada Muhammad bin al-Rayyaan berkata: Al-Makmun telah melakukan tipu muslihat kepada Abu Ja'far a.s, tetapi beliau tidak berjaya. Manakala al-Makmun ingin mengadakan majlis pertunangan anak perempuannya, beliau telah memberi kepadaku 200 hamba perempuan yang paling cantik dan setiap orang daripada mereka [memegang] mangkuk yang penuh dengan permata-permata bagi menyambut Abu Ja'far a.s apabila beliau duduk di tempat mereka yang terpilih. Tetapi beliau a.s tidakpun berpaling kepada hamba-hamba permpuan itu. Seorang lelaki yang bernama Makhaariq, mempunyai suara merdu dan pemain gambus, berjanggut panjang, maka al-Makmun telah memanggilnya, lalu beliau telah berkata: Wahai Amir al-Mukminin, jika ada sesuatu tentang urusan dunia, maka aku akan

---

[36] Surah Maryam (19): 13
[37] Surah Yusuf (12): 22
[38] Surah al-Ahqaaf 946): 15

melakukannya untuk anda, lalu beliau telah duduk di hadapan Abu Ja'far a.s, kemudian Makhaariq telah bertepik, lalu semua penghuni rumah telah berkumpul, kemudian beliau telah mula bermain dengan gambusnya, menyanyi selama satu jam, sementara Abu Ja'far a.s tidak berpaling kepadanya, tidak ke kanan dan tidak ke kiri.

Kemudian beliau a.s. telah mengangkatkan kepalanya kepadanya dan berkata: Bertakwalah kepada Allah, wahai si janggut panjang! Beliau berkata: Pemetik gambusnya telah terjatuh dengan tangannya terkulai, maka beliau tidak dapat memanfaatkan kedua-dua tangannya sehingga beliau telah mati. Beliau berkata: Al-Makmun telah bertanya beliau tentang keadaannya, beliau berkata: Apabila Abu Ja'far telah meraung kepadaku, maka aku telah takut yang mana aku tidak akan sembuh daripadanya selama-lamanya.

(880)-5. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Daud bin al-Qasim al-Ja'fari berkata: Aku telah datang kepada Abu Ja'far a.s dan bersamaku tiga keratan kain dan aku telah menjadi keliru, maka aku telah berdukacita, lalu beliau telah mengambil salah satu daripadanya dan berkata: Ini adalah keratan Ziyad bin Syabib, kemudian beliau telah mengambil keratan yang kedua, maka beliau telah berkata: Ini adalah keratan polan, maka aku telah bergembira, lalu beliau telah melihat kepadaku dan tersenyum, beliau berkata: Beliau a.s telah memberi kepadaku 300 dinar dan menyuruhku membawanya kepada keluarga bapa saudaraku dan beliau berkata: Adapun beliau akan berkata kepada anda: Tunjuklah kepadaku seorang pembeli yang akan membeli dengannya barang-barang untukku.

Maka beliau telah menunjukkannya ke atasnya, beliau berkata: Maka aku telah mendatanginya dengan dinar-dinar, maka beliau telah berkata kepadaku: Wahai Abu Hasyim, tunjuklah aku kepada pembeli yang akan membeli barang-barang untukku, maka aku telah berkata: Ya. Beliau telah berkata: Jammal telah bercakap kepadaku supaya aku bercakap kepadanya a.s tentang urusannya. Maka aku telah masuk untuk bercakap kepadanya, maka aku telah mendapatinya sedang makan dan bersamanya beberapa orang, justeru, aku tidak dapat bercakap dengannya, maka beliau a.s telah berkata: Wahai Abu Hasyim, makanlah dan beliau telah meletakkannya di hadapanku, kemudian beliau berkata:-Mulai daripadanya tanpa masalah-Wahai budak, lihatlah kepada Jammal yang telah datang kepada kita bersama Abu Hasyim, maka bawalah beliau bersama anda, beliau berkata: Pada suatu hari, aku telah masuk bersamanya ke kebun, maka aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, aku merasa ketagih untuk memakan tanah, maka beliau a.s telah berdoa kepada Allah untukku, lalu beliau telah diam, kemudian beliau telah berkata kepadaku selepas tiga hari- mulai daripadanya-: Wahai Abu Hasyim,

sesungguhnya Allah telah menghilangkan daripada anda keinginan untuk memakan tanah, Abu Hasyim berkata: Tidak ada suatu yang paling memarahkan aku daripadanya pada hari itu.

(881)-6. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Muhammad bin Ali, daripada Muhammad bin Hamzah al-Hasyimi, daripada Ali bin Muhammad atau Muhammad bin Ali al-Hasyimi berkata: Aku telah datang kepada Abu Ja'far a.s pada pagi hari majlis perkahwinannya dengan anak perempuan al-Makmun. Aku telah mengambil ubat semenjak malam, maka aku adalah orang pertama yang telah datang kepadanya, aku telah dahaga, tetapi aku tidak suka menyeru untuk air, maka Abu Ja'far a.s telah melihat kepada mukaku, maka beliau telah berkata: Aku menyangka anda dahaga? Maka aku telah berkata: Ya, maka beliau a.s telah berkata: Wahai budak atau hamba perempuan, ambillah air, maka aku telah berkata kepada diriku pada masa mereka mendatanginya dengan air yang mereka meracuninya, lalu aku telah berdukacita dengannya.

Maka budak itu telah datang dan bersamanya air, maka beliau a.s telah tersenyum pada mukaku, kemudian beliau telah berkata: Wahai budak, ambillah air untukku, lalu beliau telah mengambil air, lalu beliau telah meminumnya, kemudian beliau telah memberinya kepadaku, lalu aku telah meminumnya. Kemudian aku telah dahaga kembali dan aku tidak suka menyeru untuk air, maka beliau a.s telah melakukan sebagaimana beliau a.s telah melakukannya pada kali yang pertama. Manakala budak itu datang dan bersamanya bekas, aku telah berkata pada diriku sebagaimana aku telah berkata pada kali yang pertama, maka beliau a.s telah mengambil bekas, kemudian beliau a.s telah meminumnya, kemudian beliau telah memberinya kepadaku dan beliau tersenyum.

Muhammad bin Hamzah telah berkata: Maka beliau telah berkata kepadaku: Ini adalah seorang Hasyimi, maka aku tidak menolaknya.

(882)-7. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya berkata: Satu kumpulan daripda Syiah telah meminta izin daripada Abu Ja'far a.s, lalu beliau telah membenarkan mereka masuk, lalu mereka telah memasuki rumahnya, kemudian mereka telah bertanya kepadanya di dalam satu majlis 30.000 masalah[39], maka beliau a.s telah menjawab kesemuanya.

(883)-8. Ali bin Muhammad, daripada Sahl bin Ziyad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Da'bal bin Ali bahawa beliau telah datang kepada Abu al-Hasan al-Ridha a.s dan beliau telah menyuruh sesuatu

---

[39] Menurut anggapan mereka sahaja. Ini menunjukkan banyak masalah yang dikemukan kepadanya.

untuknya, lalu beliau a.s. telah mengambilnya tanpa memuji Allah, maka beliau telah berkata kepadanya: Kenapa anda tidak memuji Allah?[40]Beliau berkata: Kemudian aku telah datang selepas itu kepada Abu Ja'far a.s dan beliau telah menyuruh untukku sesuatu, maka aku telah berkata: *Al-Hamdulillah*, maka beliau telah berkata kepadaku: Anda telah beradab[41].

(884)-9. Al-Husain bin Ali, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdullah, daripada Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan berkata: Aku telah datang kepada Abu al-Hasan a.s, maka beliau telah berkata: Wahai Muhammad, telah berlaku satu peristiwa yang menggembirakan "keluarga kejayaan"[42], maka aku telah berkata: Umar telah mati, maka beliau telah berkata: *Al-Hamdulillah* sehingga aku telah menghitungnya sebanyak 24 kali, kemudian aku telah berkata: Umar telah mati, maka beliau telah berkata: *Al-Hamdulillah*, maka aku telah berkata: Wahai *sayyidi*, jika aku telah mengetahui bahawa ini menggembirakan anda, nescaya aku telah datang untuk menghitungnya kepada anda, beliau berkata: Wahai Muhammad, adakah anda mengetahui apakah beliau telah berkata?

Beliau telah berkata: Allah telah melaknati Muhammad bin Ali bapaku? Aku berkata: Tidak, beliau berkata: Beliau telah bercakap kepadanya tentang sesuatu, maka beliau berkata: Aku menyangka anda mabuk, maka bapaku berkata: Wahai Tuhanku, jika anda mengetahui bahawa aku telah berpuasa kepada Engkau sampai ke petang, maka rasailah beliau dengan rasa peperangan dan kehinaan tawanan, demi Allah, hari-hari telah berlalu sehingga beliau diperangi, kemudian beliau telah diambil sebagai tawanan dan kemudian beliau telah mati- Allah tidak merahmatinya-sesungguhnya Allah telah mengambil pemerintahan daripadanya meskipun Dia sentiasa memberinya kepada para wali-Nya daripada musuh-musuh-Nya.

(885)-10. Ahmad bin Idris, daripada Muhammad bin Hassan, daripada Abi Hasyim al-Ja'fari berkata: Aku telah melakukan sembahyang bersama Abu Ja'far a.s di masjid al-Musayyab dan beliau telah bersembahyang dengan kami pada tempat kiblat yang sama[43] dan beliau telah menyebut bahawa pohon *sidrah* di masjid telah kering, tidak ada daun di atasnya, lalu beliau telah menyeru dengan air dan bersedia berada di bawah pohon *sidrah*, maka pohon *sidrah* itu telah hidup, daunnya telah tumbuh dan berbunga pada tahun itu juga.

---

[40] Tidak ada jawapan yang diberikan olehnya.
[41] Memuji-Nya sebagai satu adab keagamaan.
[42] Pencinta Ahlu l-Bait a.s
[43] Tanpa condong dari dinding

(886)-11. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Hijal dan 'Amru bin Uthman, daripada seorang lelaki dari penduduk Madinah, daripada al-Mutrafi berkata: Abu al-Hasan al-Ridha a.s telah mati dan bagiku di atasnya 4000 dirham, maka aku telah berkata pada diriku: Hartaku telah hilang, lalu Abu Ja'far a.s telah mengutus kepadaku "apabila besok, datanglah kepadaku dan bersama anda alat penimbang", maka aku telah datang kepada Abu Ja'far a.s, lalu beliau telah berkata kepadaku: Abu al-Hasan telah mati dan bagi anda di atasnya 4000 dirham? Maka aku telah berkata: Ya, lalu beliau telah mengangkat tikar sembahyang[nya], tiba-tiba di bawahnya wang dinar yang banyak, lalu beliau telah membayarnya kepadaku.

(887)-12. Sa'd bin Abdullah dan al-Humairi, daripada Ibrahim bin Mihyar, daripada saudaranya Ali, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Muhammad bin Sinan berkata: Muhammad bin Ali telah mati ketika berusia 25 tahun, 3 bulan dan 12 hari. Beliau telah mati pada hari Selasa 7hb Dhu al-Hijjah[44]pada tahun 220 hijrah. Beliau telah hidup selepas bapanya selama 19 tahun kurang 25 hari.

Bab 123

☼Kelahiran Abu al-Hasan Ali Bin Muhammad A.S [Dan Al-Ridhwaan] (*maulid Abi al-Hasan 'Ali bin Muhammad a.s* [*wa al-Ridhwaan*]☼

Beliau a.s telah dilahirkan pada 15 hb Dhu al-Hijjah, tahun 212 hijrah. Dan diriwayatkan bahawa beliau a.s telah dilahirkan pada bulan Rajab tahun 214 hijrah dan telah mati pada 4 hb Jamadi al-Akhir tahun 254 hijrah. Dan diriwayatkan bahawa beliau a.s telah mati pada bulan Rajab tahun 254 hijrah ketika berusia 41 tahun 6 bulan. Dan diriwayatkan juga bahawa beliau telah mati ketika berumur 40 tahun. Al-Mutawakkil telah memintanya supaya datang bersama Yahya bin Hartumah bin A'yan dari Madinah ke Sarra man ra'a. Beliau a.s. telah mati dan dikebumikan di rumahnya di Sarra man ra'a. Ibunya bernama Samaanah.

(888)-1. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Khairan al-Asbaati berkata: Aku telah datang kepada Abu al-Hasan a.s di Madinah, maka beliau telah berkata kepadaku: Apakah berita al-Wathiq di sisi anda? Aku telah

[44] Ini adalah menyalahi apa yang telah disebut oleh pengarang buku ini pada awal bab.

berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, anda telah meninggalkannya di dalam keadaan sihat, aku adalah orang yang paling dekat dengan masanya, masaku dengannya adalah 10 hari, maka beliau telah berkata kepadaku: Penduduk Madinah berkata: Beliau telah mati. Manakala beliau telah berkata kepadaku: Manusia (*al-Naas*) aku telah mengetahui bahawa beliau adalah orangnya, kemudian beliau telah berkata kepadaku: Apakah Ja'far telah buat?

Anda telah meninggalkannya di dalam keadaan yang paling buruk di penjara, maka beliau telah berkata: Beliau adalah *sahib al-Amr*, apakah Ibn al-Zayyat telah buat? Aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, orang ramai adalah bersamanya dan urusan adalah urusannya, maka beliau telah berkata: Perkara buruk telah diramalkan untuknya. Kemudian beliau telah diam. Kemudian beliau telah berkata kepadaku: Semua takdir Allah dan hukum-Nya [telah berlaku] dan akan berlaku, wahai Khairan, al-Wathiq telah mati, al-Mutawakkil telah menguasai Ja'far dan Ibn al-Zayaat telah dibunuh. Maka aku telah berkata: Bilakah, aku telah menjadikan diriku tebusan anda? Beliau telah berkata: Selepas anda keluar [dari penjara] enam hari.

(889)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdullah, daripada Muhammad bin Yahya, daripada Salih bin Sa'id berkata: Aku telah datang kepada Abu al-Hasan a.s, maka aku telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, di dalam semua perkara mereka mahu memadamkan cahaya anda dan memandang rendah kepada anda sehingga mereka telah menurunkan anda di tempat yang buruk dan melarat? Maka beliau telah berkata: Di sini anda, wahai Ibn Sa'd[45], kemudian beliau telah menunjukkan dengan tangannya dan berkata: Lihatlah, maka aku telah melihatnya, tiba-tiba aku berada di beberapa taman yang cantik dan segar, padanya perempuan-perempuan yang baik dan kanak-kanak seolah-olah mutiara yang tersembunyi, burung-burung, kijang-kijang dan sungai-sungai yang mengalir, penglihatanku telah terpesona dan mataku telah bergembira, maka beliau telah berkata: Disebabkan kami telah berada [di sana] maka bagi kami persediaan, kami bukanlah di tempat yang melarat.

(890)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdullah, daripada Ali bin Muhammad, daripada Ishaq al-Jallaab berkata: Aku telah membeli untuk Abu al-Hasan a.s kambing-kambing yang banyak, lalu

---

[45] Ini sahaja kadar pengetahuan anda tentang kami, anda menyangka bahawa perkara ini akan mengurangkan kekuasaan kami.

beliau telah menyeruku, maka beliau telah memasukkan aku dari anjung rumahnya ke tempat yang luas yang aku tidak mengetahuinya, maka aku mulai membahagi-bahagikan kambing itu kepada mereka yang beliau telah menyuruhku melakukannya. Maka beliau telah mengutus kepada Abu Ja'far dan kepada ibunya serta selain daripada mereka berdua.

Kemudian aku telah meminta izin daripadanya untuk pulang ke Baghdad kepada bapaku pada hari al-Tarwiyah, maka beliau telah menulis kepadaku: Anda bermalam besok di sisi kami, kemudian anda pulang, beliau telah berkata: Maka akupun telah bermalam di sisinya dan aku telah bermalam pada malam raya haji di serambinya. Manakala waktu sahur, beliau telah datang kepadaku, maka beliau telah berkata: Wahai Ishaq, bagunlah, beliau telah berkata: Akupun telah bangun, maka aku telah membuka dua mataku, maka aku tiba-tiba berada di pintu [rumah]ku di Baghdad, beliau telah berkata: Maka aku telah masuk kepada bapaku dan para sahabatku, maka aku telah berkata kepada mereka bahawa aku telah berada di al-Askar dan aku telah keluar ke Baghdad untuk berhari raya.

(902)-4. Ali bin Muhammad, daripada Ibrahim bin Muhammad al-Tahiri berkata: Al-Mutawakkil telah menghidapi penyakit tumor dan hampir mati, maka tidak ada seorangpun yang berani menyentuhnya dengan besi. Maka ibunya telah bernazar jika al-Mutawakkil disembuhkan beliau akan membawa kepada Abu al-Hasan Ali bin Muhammad harta yang banyak daripada hartanya, lalu al-Fath bin Khaaqaan telah berkata kepadanya: Jika anda mengutus kepada lelaki itu dan anda telah memintanya, kemungkinan beliau dapat menyembuhkan anda daripadanya, lalu beliau telah mengutus kepadanya dan menceritakan kepadanya penyakitnya.

Maka utusan itu telah pulang kepadanya supaya diambil minyak daripada kambing betina, dipanaskan dengan air mawar, lalu diletakkan di atasnya. Manakala utusan itu telah pulang, beliau telah memberitahu kepada mereka, maka mereka mulai mempersenda-sendakan kata-katanya, maka al-Fath telah berkata kepadanya: Beliau, demi Allah, lebih mengetahui apa yang beliau telah katakan. Kemudian minyak daripada kambing betina itu dibawa kepadanya dan dilakukan sebagaimana dikatakan dan diletakkan di atasnya, kemudian al-Mutawakkil tertidur dan menjadi tenang. Kemudian beliau membuka [dua matanya] dan telah keluar daripadanya apa yang ada di dalam tubuhnya, lalu ibunya telah bergembira dengan kesihatannya.

Kemudian ibunya telah membawa kepadanya 10, 000 dinar di bawah capnya. Kemudian al-Mutawakkil telah memandang remeh tentang kesihatanya, lalu al-Batha'i al-'Alawi telah datang kepadanya

bahawa harta yang akan dibawa kepadanya[46] itu adalah bersama senjata, maka beliau telah berkata kepada Sa'id al-Hajib: Seranglah beliau pada waktu malam dan ambillah harta dan senjata yang anda dapati di sisinya dan bawalah ia kepadaku, Ibrahim bin Muhammad telah berkata: Sa'id al-Hajib telah berkata kepadaku: Aku telah pergi ke rumahnya pada waktu malam dan bersamaku beberapa anak tangga, maka aku telah menaiki bumbung. Manakala aku telah turun di atas beberapa anak tangga di dalam gelap, aku tidak mengetahui bagaimana aku akan sampai ke rumah, maka beliau telah menyeruku, wahai Sa'id, tetaplah di tempat anda sehingga mereka akan membawa lilin untuk anda.

Maka aku telah turun, tiba-tiba aku telah mendapatinya: Memakai jubah dan songkok daripada bulu, sementara sejadah di atas tikar [sembahyang] di hadapannya. Maka aku tidak syak bahawa beliau telah melakukan sembahyang, maka beliau telah berkata kepadaku: Jangan tinggalkan rumah, lalu aku telah memasukinya, maka aku tidak mendapati padanya sesuatupun, kemudian aku telah mendapati wang dinar yang banyak di rumahnya yang telah dicapkan dengan cap ibu al-Mutawakkil dan satu bungkusan yang telah dicapkan. Beliau telah berkata kepadaku: Di bawah tikar sembahyang, maka aku telah mengangkatnya, maka aku telah mendapati pedang di dalam bekas yang tidak ditutup, lalu aku telah mengambilnya dan pergi kepadanya. Manakala beliau telah melihat kepada cap ibunya di atas wang dinar, maka beliau telah mengutus kepadanya.

Maka ibunya telah keluar kepadanya, sebahagian pengawal peribadinya telah memberitahu kepadaku bahawa ibunya telah berkata kepadanya: Aku telah bernazar supaya anda sembuh manakala aku telah putus asa tentang anda, jika anda sembuh, aku akan membawa kepadanya 10, 000 ribu dinar, maka aku telah membawanya kepadanya dan inilah capku di atas bungkusan dan beliau telah membuka bungkusan yang lain, tiba-tiba padanya 400 dinar, lalu beliau telah meletakkan di dalan bungkusan yang lain pula dan beliau telah menyuruhku supaya membawanya kepadanya dan aku telah memulangkan pedang, dua bungkusan dan aku telah berkata kepadanya: Wahai *sayyidi,* Ali memang mulia, maka beliau telah berkata kepadaku: "*Dan mereka yang zalim itu kelak akan mengetahui tempat mana mereka akan kembali*"[47]

(891)-5. Al-Husain bin Muhammad, daripada al-Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdullah, daripada Ali bin Muhammad al-Naufali berkata: Muhamamad bin al-Faraj telah

[46] Abu al-Hasan a.s
[47] Surah al-Syu'araa' (26): 227

berkata kepadaku: Sesungguhnya Abu al-Hasan a.s telah menulis kepadanya: Wahai Muhammad, tumpukan urusan anda dan berhati-hatilah, beliau berkata: Maka aku menumpukan pada urusanku dan aku tidak mengetahui apa yang beliau telah tulis kepadaku sehingga utusan telah datang kepadaku membawaku dari Mesir di dalam keadaan [tanganku] digari dan beliau telah memukulku. Aku telah berada di penjara selama 8 tahun, kemudian surat telah dihantar kepadaku di penjara: Wahai Muhammad, janganlah anda turun di sudut barat, maka aku telah membaca surat itu dan aku telah berkata: Beliau a.s menulis kepadaku dengan [kata-kata] ini sedangkan aku di penjara, sesungguhnyanya ini suatu keajaiban, tidak lama kemudian aku dibebaskan dan segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam.

Beliau telah berkata: Muhammad bin al-Faraj telah menulis kepadanya bertanya beliau tentang barang-barangnya, maka beliau a.s telah menulis kepadanya: Ia akan dikembalikan kepada anda dan tidak memudaratkan anda jika ia tidak dikembalikan kepada anda. Manakala Muhammad bin al-Faraj dijemput ke al-'Askar, beliau a.s telah menulis untuk mengembalikan barang-barangnya dan beliau telah mati sebelum itu. Beliau telah berkata: Ahmad bin al-Khatib telah menulis kepada Muhammad bin al-Faraj memintanya pergi ke al-'Askar, lalu beliau telah menulis kepada Abu al-Hasan a.s meminta pendapatnya, maka beliau a.s telah menulis kepadanya: Keluarlah kerana padanya kejayaan anda jika Allah kehendaki, lalu beliaupun telah keluar, tidak lama selepas itu, beliau telah mati.

(892)-6. Al-Husain bin Muhammad, daripada seorang lelaki, daripada Ahmad bin Muhammad berkata: Abu Ya'qub telah memberitahu kepadaku berkata: Aku telah melihatnya-iaitu Muhammad-sebelum kematiannya di al-'Askar di waktu Isyak. Dan sesungguhnya beliau telah menyambut Abu al-Hasan a.s, lalu beliau telah melihat kepadanya dan beliau telah mengetahui kesakitanya, maka aku telah melawatnya selepas beberapa hari daripada kesakitannya dan beliau berada di dalam keadaan tenat, maka beliau telah memberitahu kepadaku bahawa kain [kapan] telah dikirimkan kepadanya, maka beliau telah mengambilnya dan meletakkannya di bawah kepalanya, beliau telah berkata: Maka beliau [akan] dikapankan padanya. Ahmad telah berkata: Abu Ya'qub telah berkata: Aku telah melihat Abu al-Hasan a.s bersama Ibn al-Khadhib, maka Ibn al-Khadhib telah berkata kepadanya: Berjalanlah, aku telah menjadikan diriku tebusan anda, maka beliau telah berkata kepadanya: Anda lebih dahulu, maka beliau tidak tinggal melainkan empat hari sehingga diletakkan kayu (*dahaq*) di betis Ibn al-khadhib[48], kemudian beliau a.s telah

[48] Kayu digunakan untuk pesalah yang akan dihukum

meratap, beliau telah berkata: Diriwayatkan daripadanya ketika Ibn al-Khadhib mendesaknya di rumah yang beliau memintanya daripadanya, maka beliau a.s telah mengutus kepadanya: Aku akan menyediakan untuk anda daripada Allah satu tempat [disyurga] yang kekal, kemudian Allah telah mengambilnya pada hari-hari itu.

(893)-7. Muhammad bin Yahya, daripada sebahagian sahabat kami berkata: Aku telah mengambil satu salinan surat al-Mutawakkil kepada Abu al-Hasan al-Thalith[49] a.s daripada Yahya bin Harthumah pada tahun 243 hijrah dan inilah salinanya:

Bismi llahi r-Rahmani r-Rahim, adapun kemudian daripada itu, sesungguhnya Amir al-Mukminin mengetahui keupayaan anda, menjaga kekerabatan anda yang wajib bagi hak anda, menilai urusan-urusan anda dan keluarga anda, semoga Allah memperbaiki hal anda dan keluarga anda, menguatkan kemuliaan anda dan kemuliaan mereka, keamanan anda dan keamanan mereka kerana ingin mendapatklan keredaan Tuhan-Nya dan menunaikan fardu ke atas anda dan mereka. Sesungguhnya Amir al-Mukminin telah menukarkan Abdullah bin Muhammad dari pentadbiran perang dan sembahyang di Madinah al-Rasul s.a.w kerana kejahilannya- sebagaimana anda katakan tentang hak anda- dan beliau telah memandang rendah kepada keupayaan anda apabila beliau telah melemparkan tuduhannya terhadap anda sedangkan Amir al-Mukminin telah mengetahui betapa anda bebas daripada tuduhan itu.

Khususnya kebenaran niat anda di dalam menggagalkan percubaannya, sesungguhnya anda bukan tandingannya. Justeru, Amir al-Mukminin telah melantik Muhammad bin al-Fadl untuk menggantikan tempatnya bagi memuliakan anda, menghormati anda dan menyempurnakan urusan anda dan pendapat anda, mendekatkan diri kepada Allah dan kepada Amir al-Mukminin. Dan Amir al-Mukminin rindu kepada anda, ingin mengadakan perjanjian dengan anda dan melihat kepada anda. Jika anda ada kelapangan untuk melawatnya atau sesiapa yang anda cinta daripada keluarga anda, anda datanglah apabila anda mahu, anda bermalamlah apabila anda mahu, anda berjalan mengikut kehendak anda dan jika anda suka Yahya bin Harthumah, *maula* Amir al-Mukminin dan mereka yang bersamanya yang mengikut anda, biarlah mereka datang bersama anda, berjalan dengan anda dan urusan itu adalah terletak kepada anda sehingga anda datang kepada Amir al-Mukminin. Tidak ada seorangpun daripada saudara-saudaranya dan anak-anaknya secara khusus yang lebih lembut kedudukan daripadanya, aku melihat kepada mereka dengan

---

[49] Yang ketiga

kasihan belas dan kepada mereka aku lebih tenang, jika Allah kehendaki, selamat sejahtera di atas anda, rahmat-Nya dan berkat-Nya. Ditulis oleh Ibrahim bin al-'Abbas, selawat dan salam kepada Muhammad dan keluarganya.

(894)-8. Al-Husain bin al-Hasan al-Hasani berkata: Abu al-Taib al-Muthanna telah berkata: Aduhai dukacitanya kamu, urusan Ibn al-Ridha[50] telah merisaukan aku, beliau telah enggan minun [arak] bersamaku atau menemaniku minum arak atau aku akan mendapatinya peluang seperti ini, maka mereka telah berkata kepadanya: Jika anda tidak mendapatinya, maka ini adalah saudaranya Musa seorang penagih arak dan pemain gambus, beliau makan, mabuk dan bercinta. Beliau berkata: Utuslah kepadanya dan bawalah beliau [ke sini] sehingga kita memberitahu kepada orang ramai bahawa beliaulah Ibn al-Ridha[51] Maka beliau telah menulis kepadanya dan beliau dijemput dengan kehormatan dan didatangi oleh Bani Hasyim, ketua-ketua tentera dan orang ramai, jika beliau bersetuju, beliau akan diberikan tanah, akan dibina padanya rumah yang dapat menarik peminum-peminum arak dan penyanyi-penyanyi kepadanya.

Beliau akan berhubung dengannya dan membuat baik kepadanya dan beliau akan menjadikannya kedudukan yang tinggi sehingga beliau sendiri akan melawatnya di tempat itu. Manakala Musa telah menerimanya, Abu al-Hasan a.s telah bertemu dengannya pada satu jambatan Wasif iaitu tempat bertemu mereka yang datang, lalu beliau a.s telah memberi salam kepadanya (Musa), maka beliau telah menjawab salamnya. Kemudian beliau telah berkata kepadanya: Sesungguhnya lelaki ini telah membawa anda untuk mencabuli kehormatan anda dan menghina anda, justeru, janganlah anda mengakui bahawa anda telah meminum *nabidh*, maka Musa telah berkata kepadanya: Jika beliau telah menyeruku untuk minum, bagaimana aku akan buat? Beliau a.s telah berkata: Janganlah anda merendah-rendahkan kemampuan anda dan janganlah anda melakukannya kerana beliau mahu mencabuli kehormatan anda, tetapi beliau enggan mematuhinya, maka beliau a.s telah mengulanginya kepadanya. Manakala beliau telah melihat bahawa Musa tidak menjawabnya, beliau telah berkata: Sesungguhnya majlis ini tidak akan mengumpulkan anda dan al-Mutawakkil selama-lamanya. Maka beliau telah tinggal selama tiga tahun, beliau bangun setiap pagi, maka dikatakan kepadanya: Hari ini penuh dengan kegembiraan, lalu beliau pergi, maka dikatakan: Beliau telah mabuk dan beliau telah bangun pagi, maka dikatakan kepadanya: Minuman [*nabidh*] adalah penawar.

---

50 Al-Mutawakkil maksudkan dengan Ibn al-Ridha adalah Abu al-Hasan al-Thalith

51 Supaya orang ramai menyangka bahawa beliaulah Abu al-Hasan a.s

Beliau sentiasa di dalam keadaan sedemikian selama tiga tahun sehingga al-Mutawakkil dibunuh, tetapi beliau tidak berkumpul bersamanya ketika minum arak.

(895)-9. Beberapa orang sahabat kami, daripada Muhammad bin Ali berkata: Zaid bin Ali bin al-Husain bin Zaid telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah sakit, maka seorang doktor telah masuk kepadaku pada waktu malam, lalu beliau telah menceritakan kepadaku tentang ubat yang aku perlu mengambilnya pada waktu malam dan siang, maka aku tidak boleh melakukannya. Doktor belum keluar dari pintu sehingga datang kepadaku pertolongan dengan satu bekas yang mempunyai ubat yang sama, maka beliau telah berkata kepadaku: Abu al-Hasan a.s memberi salam kepada anda dan berkata kepada anda: Ambillah ubat ini selama satu hari, maka aku telah mengambilnya dan aku telah meminumnya, maka aku telah sembuh, Muhammad bin Ali telah berkata: Zaid bin Ali telah berkata: Pengkritik daripada golongan pelampau enggan menerima hadis ini.

Bab 124

☼Kelahiran Abu Muhammad Al-Hasan Bin Ali A.S (*maulid Abi Muhammad al-Hasan bin Ali a.s*)☼

Beliau a.s telah dilahirkan pada bulan Ramadan dan menurut naskhah yang lain pada bulan Rabi‘ al-Akhir tahun 232 hijrah. Dan beliau telah mati pada hari Jumaat 8hb Rabi‘ al-Awwal tahun 260 hijrah ketika berusia 28 tahun dan dikebumikan di rumahnya berhampiran makam bapanya di Sarra man ra’a. Dan ibunya adalah *Umm walad* bernama Hudith atau Susan.

(896)-1. Al-Husain bin Muhammad al-Asy‘ari dan Muhammad bin Yahya dan lain-lain telah berkata: Ahmad bin ‘Ubaidillah bin Khaaqaan di dalam tugasan tentang barang-barang yang hilang dan Kharaj di Qum, pada suatu hari sebutan tentang al-‘Alawiyyah[52] dan mazhab-mazhab mereka telah berlaku di majlisnya, beliau adalah seorang yang amat cemburu, maka beliau telah berkata: Aku tidak pernah melihat dan aku tidak pernah mengetahui di Sarra man ra’a seorang lelaki daripada golongan al-‘Alawiyyah seperti al-Hasan bin Ali bin Muhammad bin al-Ridha dari segi petunjuknya, ketenangannya, kewarakannya, kemuliaannya dan kehormatannya di sisi ahlu-Baitnya dan Bani Hasyim

[52] Golongan ‘Alawiyyah.

serta keutamaan mereka yang tua terhadapnya, begitu juga dengan ketua-ketua tentera, para menteri dan manusia secara umum.

Sesungguhnya aku pada suatu hari telah berdiri di hadapan bapaku iaitu pada hari majlisnya untuk orang ramai, tiba-tiba pengawal-pengawalnya telah datang kepadanya, maka mereka telah berkata: Abu Muhammad Ibn al-Ridha di pintu, maka beliau telah berkata dengan suara yang tinggi: Izinkan untuknya masuk, maka aku telah menjadi hairan tentang apa yang aku telah mendengar daripada mereka bahawa mereka telah membesar-besarkan seorang lelaki di hadapan bapaku yang mana keadaan sedemikian tidak dilakukan melainkan kepada seorang khalifah atau penggantinya atau seorang sultan.

Maka seorang lelaki yang berkulit hitam manis, berpendirian tegap, cantik mukanya, baik [bentuk] badannya, muda usianya, baginya kehormatan dan kehebatan telah muncul. Manakala bapaku telah melihat kepadanya, beliau telah berdiri dan berjalan kepadanya beberapa langkah, aku tidak pernah mengetahui bapaku telah melakukannya seperti ini kepada seorang daripada Bani Hasyim dan ketua-ketua tentera. Manakala beliau telah mendekatinya, beliau telah memeluknya dan mengucup mukanya, dadanya dan mengambil tangannya dan menjemputnya duduk di hadapannya. Kemudian beliau mulai bercakap dengannya dan aku menjadi hairan tentang apa yang aku sedang melihat daripadanya, tiba-tiba seorang pengawalnya telah masuk dan berkata: Al-Muwaffaq[53] telah datang.

Al-Muwaffaq apabila beliau datang kepada bapaku, pengawal-pengawal dan ketua-ketua tentera datang, lalu mereka berdiri di antara majlis bapaku dan pintu rumah berbaris sehingga al-Muwaffaq masuk dan keluar, maka bapaku sentiasa berhadapan dengan Abu Muhammad bercakap kepadanya sehingga beliau telah melihat kepada budak-budaknya, maka pada ketika itu beliau telah berkata: Allah telah menjadi diriku tebusan anda, kemudian beliau telah berkata kepada pengawal-pengawalnya, ambillah beliau [pergi] di balik pembarisan orang ramai sehingga beliau tidak dilihat oleh ini-iaitu al-Muwaffaq, lalu beliau telah berdiri dan bapaku juga telah berdiri dan memeluknya, kemudian beliau telah pergi, maka aku telah berkata kepada pengawal-pengawal bapaku dan budak-budaknya: Aduhai dukacitanya kamu, siapakah lelaki yang kamu sedang membesar-besarkanya di hadapan bapaku dan bapaku telah melakukan perkara yang sama, maka mereka telah berkata: Ini adalah seorang 'Alawi yang bernama al-Hasan bin Ali yang dikenali dengan Ibn al-Ridha, maka aku telah bertambah hairan dan aku semenjak hari itu sentiasa risau memikirkan tentang urusannya dan urusan bapaku serta apa yang aku telah melihat

[53] Saudara khalifah al-Mu'tamad, seorang ketua turus angkatan tenteranya.

padanya sehinggalah malam tiba, biasanya beliau melakukan sembahyang *al-'Atmah*, kemudian beliau duduk, merenung tentang mesyuarat atau plot termasuk apa yang akan dikemukakan kepada sultan.

Manakala beliau telah melakukan sembahyang, beliau telah duduk, akupun telah datang dan duduk di hadapannya, tiada seorangpun di sisinya, maka beliau telah berkata kepadaku: Wahai Ahmad, adakah anda ada hajat? Aku telah berkata: Ya, wahai bapaku, jika anda izin kepadaku untuk bertanya anda tentangnya? Maka beliau telah berkata: Aku telah izin anda, wahai anak lelakiku, bertanyalah apa yang anda mahu, maka aku telah berkata: Wahai bapaku, siapakah lelaki yang aku telah melihat anda di waktu pagi, anda telah melayaninya dengan kehormatan dan kemuliaan serta anda telah menebuskannya dengan diri anda dan dua ibu bapa anda?

Maka beliau telah berkata: Itu adalah imam al-Rafidhah[54], itulah al-Hasan bin Ali dikenali dengan Ibn al-Ridha, maka aku telah diam beberapa ketika, kemudian beliau telah berkata: Jika *imamah* telah hilang daripada khalifah-khalifah Bani 'Abbas, maka tidak ada seorangpun yang telah berhak di kalangan Bani Hasyim selain daripadanya. Sesungguhnya beliau berhak *imamah* kerana kelebihannya, kewarakannya, petunjuknya, zuhudnya, ibadatnya, baik akhlaknya dan kebaikannya. Jika anda telah melihat bapanya, nescaya anda telah melihatnya seorang lelaki yang mulia, cerdik dan disegani, maka aku bertambah risau memikirkannya kerana kemarahan[ku] kepada bapaku dan apa yang aku telah mendengar daripadanya dan apa yang aku telah meminta penjelasan daripadanya tentang perbuatannya dan kata-katanya padanya, maka aku tidak ada hemah selepas itu melainkan bertanya tentang khabarnya dan membincangkan tentang urusannya.

Maka aku tidak bertanya seorang daripada Bani Hasyim, ketua-ketua tentera, penulis-penulis, fakih-fakih dan semua manusia melainkan aku telah mendapatinya di sisinya kehormatan dan tempat yang tinggi, kata-kata yang cantik dan keutamaannya daripada keluarganya dan syeikh-syeikhnya, maka nilainya besar di sisiku jika aku tidak melihatnya sebagai seorang wali dan bukan sebagai seorang musuh melainkan beliau bercakap baik tentangnya dan memujinya, maka sebahagian daripada al-Asy'ariyyin yang hadir di majlisnya telah berkata: Wahai Abu Bakr, apa khabar dengan saudaranya Ja'far? Maka beliau telah berkata: Siapakah Ja'far sehingga anda bertanya tentang khabarnya? Atau disertai al-Hasan dengan Ja'far yang dikenali sebagai seorang yang fasik, jahat, tidak sopan dan peminum arak (*mu'lan al-Fisq faajir maajin syirriib li-al-Khumuur*) aku telah mendapati orang ramai

[54] Imam Syiah

begitu sensitif dengannya seolah-olah kehormatan mereka dicabuli. Apa yang telah mengagumkan aku tentangnya telah berlaku kepada sultan dan para sahabatnya ketika kematian al-Hasan bin Ali, aku tidak menyangka ia akan berlaku sedemikian.

Manakala al-Hasan bin Ali jatuh sakit, beliau telah mengutus kepada bapaku bahawa Ibn al-Ridha telah jatuh sakit, maka beliau telah menunggang (datang) pada masa itu juga, maka beliau telah bersegera ke rumah Khalifah, kemudian beliau telah pulang dengan cepat, bersamanya lima orang daripada khadam Amir al-Mukminin semuanya dipercayai dan orang istimewanya di kalangan mereka adalah Nahrir[55], lalu beliau telah memerintahkan mereka supaya mengawasi rumah Abu al-Hasan dan mengetahui khabarnya, keadaannya dan mengutus kepada beberapa orang doktor. Beliau telah memerintahkan mereka supaya datang kepadanya dan merawatnya pada waktu siang dan malam.

Manakala dua atau tiga hari telah berlalu, beliau telah diberitahu bahawa beliau telah menjadi lemah, lalu beliau telah memerintahkan doktor-doktor terus berada di rumahnya dan beliau telah mengutus kepada ketua kadi supaya menghadiri majlisnya dan memerintahkannya supaya memilih sepuluh orang di kalangan para sahabatnya yang dipercayai dari segi agama, amanah dan kewarakan, lalu beliau telah menghadirkan mereka, maka beliau telah mengutus mereka ke rumah Abu al-Hasan dan memerintahkan mereka mengubatnya siang dan malam, mereka sentiasa berada di sana sehingga beliau a.s telah mati. Justeru, Sarra man ra'a telah menjadi bising dan sultan telah mengutus ke rumahnya orang yang memeriksanya dan beliau telah memeriksa semua bilik-biliknya dan mereka telah mencari kesan anak lelakinya. Mereka telah datang dengan perempuan-perempuan yang mengetahui tentang kehamilan.

Lalu mereka telah datang kepada hamba-hamba perempuannya, melihat kepada mereka, maka sebahagian daripada mereka telah menyebut bahawa di sana terdapat seorang hamba perempuan yang sedang hamil, lalu diletakkannya di sebuah bilik, maka Nahrir telah mewakilkan seorang khadam [untuk mengawasinya], sementara para sahabatnya dan perempuan-perempuan lain bersama mereka, kemudian mereka telah bersiap untuk penyempurnaan jenazahnya, maka kedai-kedai ditutup, Bani Hasyim, ketua-ketua tentera, bapaku dan semua orang telah datang kepada jenazahnya. Sarra man ra'a pada hari itu seperti Kiamat, manakala mereka selesai dari menyempurnakan [jenazah] nya, sultan telah mengutus kepada Abu Isa bin al-Mutawakkil, maka beliau telah menyuruhnya supaya melakukan sembahyang ke atasnya.

[55] Khadam khalifah yang istimewa dan seorang yang jahat.

Manakala jenazahnya diletakkan untuk disembahyangkan, maka Abu Isa telah mendekatinya, lalu beliau telah membuka [tutup] mukanya, kemudian beliau telah membentangkannya kepada Bani Hasyim di kalangan al-'Alawiyyah dan al-'Abbasiyyah, ketua-ketua tentera, penulis-penulis, kadi-kadi dan pendakwa-pendakwa dan berkata: Ini adalah al-Hasan bin Ali bin Muhammad bin al-Ridha telah mati di atas hamparannya, maka telah hadirlah mereka yang telah hadir di kalangan khadam-khadam Amir al-Mukminin dan mereka yang dipercayainya polan dan polan dan di kalangan kadi-kadi polan dan polan, di kalangan doktor-doktor adalah polan dan polan, kemudian beliau telah menutup mukanya dan memerintahkan supaya beliau dibawa ke tengah rumahnya dan dikebumikannya berhampiran makam bapanya. Manakala beliau telah dikebumikan, sultan dan orang ramai telah mula mencari anak lelakinya.

Pemeriksaan yang rapi telah dilakukan di beberapa rumah dan di tempat-tempat yang lain, mereka telah berhenti dari membahagi-bahagikan harta pusakanya dan mereka yang diwakilkan supaya sentiasa menjaga hamba perempuan yang disyaki hamil itu diteruskan sehingga terbukti kebatilan kehamilannya. Manakala terbukti kebatilan kemahilan daripada mereka, hartanya dibahagi-bahagikan di kalangan ibunya, saudaranya Ja'far. Manakala ibunya telah mendakwa wasiatnya dan ia telah diputuskan di sisi kadi dan sultan mencari kesan anak lelakinya. Ja'far telah datang selepas itu kepada bapaku, maka beliau telah berkata: Jadilah aku martabat saudartaku, nescaya aku akan memberikan kepada anda pada setiap tahun 20, 000 dinar.

Lalu bapaku telah menakut-nakutkannya dan berkata kepadanya: Wahai si bodoh, sultan telah menghunus pedangnya kepada mereka yang telah menyangka bahawa bapa anda dan saudara anda sebagai imam bertujuan menolak mereka daripada perkara itu, maka beliau tidak bersedia untuk itu. Jika anda di sisi Syiah bapa anda atau saudara anda sebagai seorang imam, maka anda tidak perlu kepada sultan untuk mengangkat anda kepada martabat mereka berdua dan tidak kepada sultan jika anda tidak mempunyai kedudukan ini di sisi mereka bagi mencapainaya.

Bapaku telah menghinanya, melemahkannya dan memerintahkan supaya beliau dihalang daripadanya, maka beliau tidak membenarkannya datang kepadanya sehingga bapaku telah mati dan kami telah keluar di dalam keadaan sedemikian sedangkan sultan sedang mencari kesan anak lelaki al-Hasan bin Ali.

(897)-2. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin Musa bin Ja'far berkata: Abu Muhammad a.s telah menulis kepada Abu al-Qasim Ishaq bin Ja'far al-Zubairi 20 hari sebelum kematian al-Mu'taz: Tinggallah di rumah anda sehingga berlakulah peristiwa. Manakala Buraihah telah dibunuh, beliau telah menulis

kepadanya sesungguhnya peristiwa telah berlaku, justeru, apakah yang anda akan menyuruhku? Maka beliau telah menulis: Peristiwa ini bukanlah peristiwa yang akhir kerana urusan al-Mu'taz adalah peristiwa yang telah berlaku.

Dan daripadanya: Beliau telah menulis kepada seorang lelaki yang lain bahawa Ibn Muhammad bin Daud Abdullah akan dibunuh sepuluh hari sebelum pembunuhannya, manakala pada hari kesepuluh beliau dibunuh.

(898)-3. Ali bin Muhammad [daripada Muhammad] bin Ibrahim yang dikenali dengan Ibn al-Kurdi, daripada Muhammad bin Ali bin Ibrahim bin Musa bin Ja'far berkata: Urusan kami telah menjadi buntu, maka bapaku telah berkata kepadaku: Datanglah bersama kami kepada lelaki ini iaitu Abu Muhammad, sesungguhnyanya beliau telah menceritakannya sebagai *samaahah*, maka aku telah berkata: Adakah anda mengenalinya? Beliau telah berkata: Aku tidak mengenalinya dan aku tidak pernah melihatnya, beliau telah berkata: Maka kami telah menuju kepadanya, maka bapaku telah berkata kepadaku di dalam perjalanannya: Kita memerlukan beliau supaya memberi kepada kita 500 dirham, 200 dirham untuk pakaian, 200 dirham untuk membayar hutang dan 100 dirham untuk perbelanjaan.

Maka aku telah berkata kepada diriku: Mudah-mudahan beliau akan memberi kepadaku 300 dirham, 100 dirham aku akan membeli keldai, 100 dirham untuk perbelanjaan dan 100 dirham untuk pakaian dan aku akan keluar ke gunung, beliau telah berkata: Manakala kami telah sampai di pintu [rumah]nya, maka budaknya telah keluar kepada kami, maka beliau telah berkata: Ali bin Ibrahim dan Muhammad anak lelakinya sedang masuk. Manakala kami telah masuk dan memberi salam, beliau telah berkata kepada bapaku: Wahai Ali, apakah yang membuat anda lewat datang kepada kami sehingga waktu ini?

Maka beliau telah berkata: Wahai *sayyidi*, aku telah malu untuk berjumpa dengan anda di dalam keadaan ini, manakala kami telah keluar dari sisinya, maka budaknya telah datang kepada kami dengan dompet, maka beliau telah berkata: Inilah 300 dirham, jadilah 100 dirham untuk harga keldai, 100 dirham untuk pakaian dan 100 dirham untuk perbelanjaan dan janganlah anda keluar ke gunung, pergilah ke al-Sauraa', lalu beliau telah pergi ke al-Sauraa' dan berkahwin dengan seorang perempuan, maka pendapatannya pada hari ini 1000 dinar dan beliau berkata untuk mewakafkannya, maka Muhammad bin Ibrahim telah berkata: Maka aku telah berkata kepadanya: Aduhai dukacitanya anda, adakah anda mahu perkara yang lebih jelas daripada ini?, maka beliau telah berkata: Ini adalah perkara yang kami telah melakukannya.

(899)-4. Ali bin Muhammad, daripada Abu Ali Muhammad bin Ali bin Ibrahim berkata: Ahmad bin al-Harith al-Qazwini telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah berada bersama bapaku di Sarra man ra'a. Bapaku telah cuba melatih seekor baghal di kandang Abu Muhammad, berkata: Di sisi al-Musta'in ada seekor baghal cantik dan sombong yang tidak pernah dilihat seumpamanya, ia telah menegah belakangnya dari tali kekang dan pelana, pelatihnya telah gagal melatihnya, beliau tidak dapat menunggangnya, maka sebahagian sahabatnya telah berkata kepadanya: Wahai Amir al-Mukminin, kenapa anda tidak mengutus kepada al-Hasan bin al-Ridha supaya beliau datang, sama ada beliau dapat menunggangnya atau membunuhnya. Justeru anda boleh berehat daripadanya, beliau telah berkata: Kemudian beliau telah mengutus kepada Abu Muhammad dan bapaku telah pergi bersamanya, maka bapaku telah berkata: Apabila Abu Muhammad telah memasuki rumah [al-Musta'in], aku telah berada bersamanya.

Lalu Abu Muhammad telah melihat kepada baghal yang sedang berdiri di hadapan rumah itu, maka beliau telah berpaling kepadanya, lalu beliau telah meletakkan tangannya di atas punggungnya, beliau telah berkata: Maka aku telah melihat kepada baghal, maka ia telah berpeluh sehingga peluhnya mengalir daripadanya, kemudian beliau telah berjalan kepada al-Musta'in, lalu beliau telah memberi salam kepadanya, maka beliau telah menyambutnya dan mendekatinya, maka beliau telah berkata: Wahai Abu Muhammad, ikatlah tali kengkang baghal ini, maka Abu Muhammad telah berkata kepada bapaku: Ikatlah ia, wahai budak, maka al-Musta'in telah berkata: Anda ikatlah, lalu beliau telah meletakkan jubahnya.

Kemudian beliau telah berdiri, kemudian beliau telah pulang kepada tempat duduknya dan terus duduk, maka beliau telah berkata kepadanya: Wahai Abu Muhammad, ikatlah pelana [di atasnya], maka beliau telah berkata kepada bapaku: Wahai budak, ikatlah, maka beliau telah berkata: Anda ikatlah, maka beliau telah berdiri pada kali yang kedua, lalu beliau telah mengikatkan pelananya dan kembali, maka beliau telah berkata kepadanya: Anda mahu menunggangnya? Maka beliau telah berkata: Ya, lalu beliau telah menunggangnya tanpa dihalang ke atasnya dengan baik, kemudian beliau telah kembali dan turun, maka al-Musta'in telah berkata kepadanya: Wahai Abu Muhammad, bagaimana anda telah melihatnya?

Beliau telah berkata: Wahai Amir al-Mukminin, aku tidak pernah melihat seekor baghal secantik ini dan ia tidak layak melainkan untuk Amir al-Mukminin, maka beliau telah berkata: Wahai Abu Muhammad, sesungguhnya Amir al-Mukminin telah membawa anda ke atasnya, maka Abu Muhammad telah berkata kepada bapaku: Wahai budak,

ambillah, maka bapaku telah mengambilnya, kemudian beliau telah memandunya.

(900)-5. Ali, daripada Abi Ahamad bin Rasyid, daripada Abu Hasyim al-Ja'fari berkata: Aku telah mengadu satu hajat kepada Abu Muhammad a.s, maka beliau telah memecahkan tanah dengan tongkatnya, beliau telah berkata: Beliau telah menutupnya dengan sapu tangan dan mengeluarkan 500 dirham, maka beliau telah berkata: Wahai Abu Hasyim, ambillah dan maafkan kami.

(901)-6. Ali bin Muhammad, daripada Abi Abdullah bin Salih, daripada bapanya, daripada Abi Ali al-Mutahhar bahawa beliau telah menulis kepadanya di al-Qadisiyyah memberitahu kepadanya tentang kepulangan orang ramai dan beliau takutkan dahaga, maka beliau a.s telah menulius kepadanya: Pergilah, tidak ada ketakutan di atas kamu, jika Allah kehendaki, maka mereka telah pergi dengan selamat dan segala puji bagi Allah tuhan sekalian alam.

(902)-7. Ali bin Muhammad, daripada Ali bin al-Husain bin al-Fadhl al-Yamani berkata: Orang ramai telah datang di [rumah] al-Ja'fari daripada keluarga Ja'far bertujuan menentangnya, maka beliau telah mengadu kepada Abu Muhammad tentang perkara itu, maka beliau a.s telah menulis kepadanya: "kamu akan dapat menghalang mereka jika Allah kehendaki, lalu beliau telah keluar kepada mereka dengan bilangan seramai 1000 orang sahaja sedangkan bilangan mereka melebihi 20 ribu orang, tetapi beliau dapat mengalahkan mereka.

(903)-8. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad bin Isma'il al-'Alawi berkata: Abu Muhammad telah ditahan di sisi Ali bin Narmisy seorang yang paling kuat menentang keluarga Abu Talib dan dikatakan kepadanya: Buatlah apa saja terhadapnya a.s[56], maka beliau a.s telah berada di sisinya satu hari sehingga beliau meletakkan dua pipinya[57] untuknya dan beliau tidak mengangkat penglihatannya kepadanya melainkan menghormatinya, maka beliau telah keluar dari sisinya sebagai seorang yang paling baik fikirannya dan yang paling baik kata-katanya terhadapnya.

904)-9. Ali bin Muhammad dan Muhammad bin Abi Abdullah, daripada Ishaq bin Muhammad al-Nakha'i berkata: Sufyan bin Muhammad al-Dhiba'i berkata: Aku telah menulis kepada Abu Muhammad bertanya kepadanya tentang *al-Waliijah* di dalam firman-

[56] Perkara-perkara yang jahat terhadapnya
[57] Merendah diri kepadanya a.s

Nya: *"Dan tidak mengambil menjadi teman setia (waliijah) selain Allah, Rasul-Nya dan mukminin"*[58] Aku telah berkata pada diriku, siapakah anda fikir mukminin di sini? Maka beliau telah memberi jawapan bahawa *al-Waliijah* (teman setia) yang dilakukan tanpa wali *al-Amr*, justeru, siapakah mereka pada tempat ini? Mereka itu adalah para imam yang beriman kepada Allah, lalu Dia menerima amanah mereka.

(905)-10. Ishaq telah berkata: Abu Hasyim al-Ja'fari telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah mengadu kepada Abu Muhammad tentang kesempitan tahanan dan kesusahan hidup, maka beliau telah menulis kepadaku: "Anda akan melakukan sembahyang zuhur pada hari ini di rumah anda", maka aku dikeluarkan pada waktu zuhur, lalu aku telah melakukan sembahyang [zuhur] di rumahku sebagaimana beliau a.s telah katakan. Aku di dalam kesempitan hidup, maka aku telah mahu meminta daripadanya beberapa dinar secara bertulis, tetapi aku telah malu, manakala aku telah sampai ke rumahku, beliau telah mengemukakan kepadaku 100 dinar dan beliau telah menulis kepadaku: Apabila anda berhajat, maka janganlah anda malu dan mintalah, sesungguhnya anda akan melihat apa yang anda suka, jika Allah kehendaki.

(906)-11. Ishaq, daripada Ahmad bin Muhammad bin al-Aqra' berkata: Abu Hamzah Nusair al-Khadim berkata: Aku telah mendengar Abu Muhammad bukan sekali becakap dengan budak-budaknya dengan bahasa mereka: Bahasa Turki, Rom dan Slav, maka aku telah menjadi hairan dengannya dan aku telah berkata: [Lelaki] ini telah dilahirkan di Madinah, beliau tidak menzahirkan kepada seorangpun sehingga kematian Abu al-Hasan a.s dan tidak ada seorangpun yang telah melihatnya, maka bagaimana ini berlaku? Aku telah bercakap kepada diriku sendiri sedemikian, tiba-tiba beliau telah datang kepadaku dan berkata kepadaku: Sesungguhnya Allah telah menerangkan *Hujjah*-Nya kepada semua makhluk dengan setiap sesuatu dan memberikan kepadanya [ilmu] bahasa-bahasa, ilmu keturunan, ajal-ajal dan peristiwa-peristiwa. Jika tidak, nescaya tidak ada perbezaan di antara *al-Hujjah* dan bukan *Hujjah.*

(907)-12. Ishaq, daripada al-Aqra' berkata: Aku telah menulis kepada Abu Muhammad bertanya kepadanya tentang seorang imam a.s adakah beliau bermimpi? Aku telah berkata kepada diriku selepas beliau telah menerangkannya di dalam surat: Mimpi (*al-Ihtilaam*) adalah kerjaya syaitan, sesungguhnya Allah telah melindungi para wali-Nya daripadanya, kemudian beliau a.s telah menjawab bahawa keadaan para

[58] Surah al-Taubah (9): 16

imam [a.s] di dalam tidur mereka sepertilah di dalam keadaan jaga mereka, tidur tidak dapat mengubah mereka sesuatupun. Dan sesungguhnya Allah telah melindungi para wali-Nya daripada gangguan syaitan sebagaimana diri anda telah bercakap kepada anda.

(908)-13. Ishaq telah berkata: Al-Hasan bin Zarif telah memberitahu kepadaku, berkata: Dua masalah telah bergelombang di dadaku, aku telah mahu menulis surat kepada Abu Muhammad tentang kedua-duanya. Maka aku telah menulis kepadanya tentang al-Qaim a.s di manakah majlis yang beliau gunakan untuk menghukum di kalangan manusia? Dan aku mahu bertanya kepadanya tentang sesuatu mengenai demam panas, maka aku telah terlupa tentangnya, maka jawapannya telah datang, aku telah bertanya tentang al-Qaim, adakah beliau menghukum manusia dengan ilmunya seperti hukuman Daud a.s tanpa bertanya saksi.

Dan aku telah mahu anda bertanya tentang demam panas, tetapi aku telah terlupa, maka Abu Muhammad telah berkata: Tulislah pada kertas dan gantunglah ia kepada orang yang demam, sesungguhnya beliau akan sembuh, jika Allah kehendaki: " *Wahai api jadilah dingin dan selamat untuk Ibrahim*"[59] Maka kamipun telah menggantungkannya kepadanya menurut apa yang telah disebut oleh Abu Muhammad, maka beliaupun telah sembuh.

(909)-14. Ishaq telah berkata: Isma'il bin Muhammad bin Ali bin Isma'il bin Ali bin Abdullah bin 'Abbas bin 'Abd al-Muttalib telah memberitahu kepadaku: Aku telah duduk untuk Abu Muhammad a.s di atas belakang jalan, manakala beliau telah melaluiku, maka aku telah mengadu hajatku kepadanya dan aku telah bersumpah kepadanya bahawa aku tidak mempunyai wang walaupun satu dirham, tanpa makanan pagi dan makanan malam, maka beliau telah berkata: Anda bersumpah dengan sumpah palsu.

Sesungguhnya anda telah menanam (menyembunyikan) 200 dirham dan kata-kataku bukanlah menolak anda daripada pemberianku, berilah kepadanya, wahai budak apa yang ada bersama anda, lalu budaknya telah memberi kepadaku 100 dinar. Kemudian beliau telah datang kepadaku dan berkata: Anda mengharamkannya sedangkan anda lebih berhajat kepadanya iaitu dinar-dinar yang aku telah menanamnya dan beliau a.s telah benar sebagaimana kata-katanya bahawa aku telah menanam 200 dinar dan aku telah berkata: Ia menjadi asas dan gua kepada kami apabila berlaku kecemasan, aku akan membelanjakannya, maka pintu rezeki telah tertutup untukku, justeru, aku telah membuka untuk mendapatkannya, tiba-tiba seorang

[59] Surah al-Anbiyaa' (21): 69

anak lelakiku telah mengetahui tempatnya, lalu beliau telah mengambilnya dan melarikan diri, tetapi aku tidak mampu untuk mendapatkannya kembali.

(910)-15. Ishaq telah berkata: Ali bin Zaid bin Ali bin al-Husain bin Ali telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku memiliki seekor kuda yang aku kagum, pada suatu hari aku telah datang kepada Abu Muhammad, maka beliau telah berkata kepadaku: Apakah kuda anda telah buat? Maka aku telah berkata: Ia ada di sisiku, di pintu anda dan aku telah turun daripadanya, maka beliau telah berkata kepadaku: Tukarlah ia sebelum petang, jika anda mampu mendapatkan seorang pembeli dan janganlah anda menangguhkannya, tiba-tiba seorang lelaki telah datang kepada kami, lalu percakapan [kami] telah terputus. Aku mulai berfikir dan pulang ke rumahku, lalu aku telah memberitahu berita itu kepada saudaraku, maka beliau telah berkata: Aku tidak mengerti apa yang aku kata di dalam perkara ini. Kemudian aku telah memberitahu kepada orang ramai untuk menjualnya.

Waktu petang telah tiba, lalu seorang lelaki telah datang kepada kami dan kamipun telah melakukan sembahyang *al-'Atmah*, lalu beliau telah berkata: Wahai *maulaya*, kuda anda telah mati, maka aku telah sedih dan aku telah mengetahui bahawa beliau a.s telah maksudkan ini (kematian) dengan kata-katanya, beliau telah berkata: Aku telah datang kepada Abu Muhammad selepas beberapa hari dan aku telah berkata kepada diriku: Mudah-mudahan beliau telah meninggalkan seekor binatang untukku kerana aku telah sedih dengan kata-katanya. Manakala aku telah duduk, beliau telah berkata: Ya, kami telah meninggalkan seekor binatang untuk anda, wahai budak, berilah Barzuni al-Kumait kepadanya, ini adalah lebih baik daripada kuda anda, lebih rajin dan lebih panjang umurnya.

(911)-16. Ishaq telah berkata: Muhammad bin al-Hasan bin Syammun telah memberitahu kepadaku, berkata: Ahmad bin Muhammad telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah menulis kepada Abu Muhammad a.s ketika [khalifah] al-Muhtadi telah mula membunuh *al-Mawaali* [60]: Wahai *sayyidi*, segala puji bagi Allah yang telah membuatnya sibuk tentang kita. Sesungguhnya telah sampai berita kepadaku bahawa beliau mengugut anda dan berkata: Demi Allah, aku akan mengusir mereka daripada muka bumi ini, maka Abu Muhammad telah menulis dengan khatnya: Itu akan memendekkan umurnya, hitung lima hari dari sekarang dan beliau akan dibunuh pada hari keenam selepas kehinaan akan berlaku kepadanya, maka telah berlakulah sebagaimana dikatakan olehnya.

---

[60] Bekas hamba

(912)-17. Ishaq telah berkata: Muhammad bin al-Hasan al-Syammun telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah menulis kepada Abu Muhammad a.s memintanya supaya berdoa kepada Allah untukku daripada sakit mata kerana salah satu daripada mataku telah hilang penglihatan dan yang satu lagi juga hampir hilang penglihatannya. Maka beliau telah menulis kepadaku: Mudah-mudahan Allah mempetahankan mata anda, maka ia telah pulih, lalu beliau telah menandatangani pada akhir surat: Mudah-mudahan Allah memberi pahala kepada anda dan memperelokkan pahala anda. Maka aku telah menjadi sedih dan aku tidak mengetahui seorangpun daripada keluargaku telah mati. Manakala beberapa hari selepas itu, berita kematian anak lelakiku Tayyib telah sampai kepadaku, maka aku baru mengetahui bahawa takziah adalah untuknya.

(913)-18. Ishaq telah berkata: Umar bin Abi Muslim telah memberitahu kepadaku, berkata: Seorang lelaki daripada Mesir bernama Saif bin al-Laith telah datang kepada kami di Sarra man ra'a, beliau mahu bertemu dengan [khalifah] al-Muhtadi tentang tanahnya yang telah dirampas oleh Syafi' al-Khadim dan telah mengeluarkannya daripadanya, lalu kami telah menunjukkannya supaya menulis kepada Abu Muhammad a.s memintanya supaya mempermudahkan urusannya, maka Abu Muhammad a.s telah menulis kepadanya: Tidak mengapa, tanah anda akan dipulangkan kepada anda, justeru, janganlah anda datang kepada sultan (al-Muhtadi) dan berjumpalah dengan wakil yang memegang tanah itu dan buatlah beliau supaya takut kepada Sultan Yang lebih Besar (Allah) Tuhan sekalian alam.

Maka beliau telah berjumpa dengannya dan wakil itu telah berkata kepadanya: Beliau a.s telah menulis kepadaku ketika anda keluar dari Mesir "supaya aku mencari anda dan memulangkan tanah itu kepada anda", beliau telah memulangkannya melalui hukum kadi Ibn Abi Syawarib dan penyaksian saksi dan beliau tidak berhujah untuk datang kepada al-Muhtadi, maka jadilah tanah itu untuknya dan tidak ada berita selepasnya. Beliau telah berkata: Saif bin al-Laith telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah meninggalkan seorang anak lelakiku yang sedang sakit di Mesir ketika aku keluar daripadanya dan seorang anak lelakiku yang lebih tua daripadanya, beliau adalah wasiku dan harapanku ke atas keluargaku dan hartaku, maka aku telah menulis kepada Abu Muhammad a.s memintanya supaya berdoa untuk anak lelakiku yang sedang sakit: Maka beliau telah menulis kepadaku: "Sesungguhnya anak lelaki anda yang sakit itu telah disembuhkan dan anak yang tua anda, wasi anda dan harapan anda telah mati. Justeru bersyukurlah kepada Allah dan janganlah anda bersedih, justeru, pahala anda akan menurun. Maka berita telah sampai kepadaku

bahawa anak lelakiku telah sembuh daripada penyakitnya dan anak lelakiku yang tua telah mati pada hari aku telah menerima jawapan Abu Muhammad a.s.

(914)-19. Ishaq telah berkata: Yahya al-Qusyairi daripada kampung Qair telah memberitahu kepadaku, berkata: Abu Muhammad telah mempunyai seorang wakil yang beliau telah tinggal di sebuah bilik di rumahnya bersama seorang khadam yang berkulit putih, maka wakil itu mahu khadam itu supaya membawa *nabidh* (air anggur) kepadanya, tetapi beliau telah enggan, kemudian beliau telah membawanya kepadanya, jarak di antaranya dan Abu Muhammad adalah tiga pintu yang tertutup, maka wakil itu telah memberitahu kepadaku, berkata: Sesungguhnya aku sedar, tiba-tiba aku berada di pintu-pintu yang dibuka sehingga beliau a.s telah datang sendiri, lalu beliau telah berdiri di pintu bilik, kemudian beliau telah berkata: Wahai mereka! Bertakwalah kepada Allah, takutlah kepada Allah. Manakala tiba waktu pagi, beliau a.s telah memerintahkan penjualan khadam dan mengeluarkan aku dari rumah[nya].

(915)-20. Ishaq telah berkata: Muhammad bin al-Rabi' al-Sya'i telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah berdialog dengan seorang lelaki yang berpegang kepada aliran al-Thanawiyyah di al-Ahwaz, kemudian aku telah datang ke Sarra man ra'a, sesungguhnya kata-katanya telah tergantung di hatiku dan aku sedang duduk di pintu Ahmad al-Khatib, tiba-tiba Abu Muhammad a.s telah datang daripada al-Dar al-'Ammah[61] pada hari perarakan, lalu beliau telah melihat kepadaku dan menunjukkan dengan jari telunjuknya kepada seorang demi seorang, maka aku telah terjatuh tidak sedarkan diri.

(916)-21. Ishaq, daripada Abu Hasyim al-Ja'fari berkata: Pada suatu hari aku telah datang kepada Abu Muhammad, aku mahu bertanya kepadanya tentang apakah yang aku akan ukirkan pada cincinku untuk mendapat berkat, lalu aku telah duduk dan aku telah terlupa tujuan kedatanganku. Manakala aku telah mengucap selamat tinggal dan aku telah bangun, beliau telah melontarkan kepadaku sebentuk cincin, maka beliau a.s telah berkata: Anda telah mahu [cincin] perak, maka aku telah memberikan kepada anda sebentuk cincin, anda akan mendapat keuntungan yang banyak, Allah telah memberi tahniah kepada anda, wahai Abu Hasyim, maka aku telah berkata: Wahai *sayyidi*, aku naik saksi bahawa anda adalah wali Allah dan imamku yang aku menyembah Allah dengan ketaatannya, lalu beliau a.s telah

[61] Rumah *khilafah*

berkata: Mudah-mudahan Allah telah mengampuni dosa anda, wahai Abu Hasyim".

(917)-22. Ishaq telah berkata: Muhammad bin al-Qasim Abu al-'Iina' al-Hasyimi *maula* 'Abd al-Samad bin Ali 'Ataqah telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah datang kepada Abu Muhammad a.s ketika aku sedang dahaga, aku di sisinya, aku menghormatinya untuk menyeru dengan air, maka beliau a.s telah berkata: Wahai budak, berilah minuman kepadanya dan kadangkala aku telah bercakap kepada diriku untuk bangun, maka aku memikir tentang itu, lalu beliau berkata: Wahai budak, [bawalah] binatang tunggangannya.

(918)-23. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin Musa bin Ja'far bin Muhammad bin Ali bin 'Abd al-Ghaffar telah berkata: Beberapa orang pegawai Bani 'Abbas, antaranya Salih bin Ali dan lain-lain daripada penyeleweng-penyeleweng ketika Abu Muhammad a.s ditahan, telah datang kepada Salih bin Wasif, maka Salih telah berkata kepada mereka: Apa [lagi] yang aku boleh buat, anda telah mewakilkan dua orang yang paling jahat untuk menahannya, mereka berdua telah menukarkan ibadat, sembahyang, puasa kepada perkara yang besar, maka aku telah berkata kepada mereka berdua: Apakah yang ada padanya (Abu Muhammad a.s)? Mereka berdua telah berkata: Apa pendapat anda tentang seorang lelaki yang berpuasa pada siang hari dan bangun [beribadat] pada waktu malam, beliau tidak bercakap dan tidak sibuk dengan [urusan dunia] dan apabila kami telah melihat kepadanya, anggota kami merasa gementar dan apa yang kami tidak memilikinya daripada diri kami memasuki kami. Manakala mereka telah mendengar sedemikian, merekapun telah pulang di dalam keadaan dukacita.

(919)-24. Ali bin Muhammad, daripada al-Hasan bin al-Husain berkata: Muhammad bin al-Hasan al-Makfuf telah memberitahu kepadaku, berkata: Beberapa sahabat kami telah memberitahu kepadaku daripada sebahagian Nasrani yang bekerja sebagai "pembuang darah"[62] di al-'Askar bahawa Abu Muhammad a.s telah mengutus kepadaku pada suatu hari pada waktu sembahyang zuhur, maka beliau telah berkata kepadaku: Titiskan darah ini, beliau berkata: Beliau telah mengambil darah daripadaku, aku tidak memahaminya tentang darah yang dititiskan, maka aku telah berkata kepada diriku: [Pertama] Aku tidak pernah melihat satu perkara yang lebih pelik daripada ini, beliau telah menyuruhku supaya menitis [darah] pada waktu zuhur dan ia bukanlah waktunya dan kedua: Darah yang aku tidak memahaminya.

---

[62] *Fasaadah.* Di dalam Islam dikenali sebagai *al-Hijaamah* (berbekam).

Kemudian beliau telah berkata kepadaku: Tunggulah dan tinggallah di rumah anda. Manakala waktu petang sudah tiba, beliau telah menyeruku dan berkata kepadaku: Lepaslah darah, maka aku telah melepaskannya, kemudian beliau telah berkata kepadaku: Tahanlah, maka aku telah menahannya. Kemudian beliau telah berkata kepadaku: Tinggallah di rumah anda.

Manakala pada pertengahan malam, beliau telah mengutus kepadaku dan berkata kepadaku: Darah telah dititiskan, beliau telah berkata: Aku telah menjadi hairan daripada yang pertama, tetapi aku tidak suka bertanya kepadanya, beliau telah berkata: Anda telah menitiskan darah, maka darah putih telah keluar seperti garam, kemudian beliau telah berkata kepadaku: Tahanlah, maka aku telah manahannya (darah). Kemudiaan beliau telah berkata: Tinggallah di rumah, manakala aku telah bangun pagi, beliau telah menyuruh Qaharmanah supaya memberi kepadaku tiga dinar, maka aku telah mengambilnya dan aku telah keluar sehingga aku telah datang kepada Ibn Bakhtisyu' seorang Nasrani, maka aku telah menceritakan kisahnya kepadanya.

Maka beliau telah berkata kepadaku: Demi Allah, aku tidak faham apa yang anda katakan dan aku tidak mengetahui sesuatupun tentang ilmu kedoktoran dan aku tidak membacanya pada kitab dan aku tidak mengetahui pada masa kita ini orang yang lebih alim tentang agama Nasrani selain seorang Farsi, maka datanglah kepadanya, beliau telah berkata: Maka aku telah menaiki sampan ke Basrah dan aku telah datang ke al-Ahwaz, kemudian aku telah sampai ke Farsi kepada sahabatku, maka aku telah memberitahu kepadanya berita itu, beliau telah berkata: Tunggulah aku beberapa hari, maka aku telah menunggunya, kemudian aku telah datang kepadanya untuk mendapat kepastian, maka beliau telah berkata kepadaku: Sesungguhnya apa yang anda ceritakan tentang lelaki ini, maka al-Masih telah melakukannya[63] pada masanya satu kali.

(920)-25. Ali bin Muhammad, daripada sebahagian daripada sahabat kami berkata: Muhammad bin Hajr telah menulis kepada Abu Muhammad a.s mengadu tentang 'Abd al-'Aziz bin Dulaf dan Yazid bin Abdullah, maka beliau telah menulis kepadanya: Adapun 'Abd al-'Aziz, maka aku telah melakukan apa yang sepatutnya, adapun Yazid, sesungguhnya bagi anda dan beliau mempunyai kedudukan di hadapan Allah, maka 'Abd al-'Aziz telah mati dan Yazid pula telah membunuh Muhammad bin Hajr[64].

---

[63] Pembuangan darah (berbekam).
[64] Ketepatan "ramalan" Abu Muhammad a.s.

(921)-26. Ali bin Muhammad, daripada sebahagian daripada sahabat kami, berkata: Abu Muhammad a.s telah menyerah diri kepada Nahrir[65], beliau telah menyusahkannya dan menyakitinya, beliau telah berkata: Isterinya telah berkata: Aduhai dukacitanya anda, bertakwalah kepada Allah, anda tidak mengetahui siapa di dalam kedudukan anda dan anda tidak mengetahui kebaikannya dan beliau telah berkata lagi: Sesungguhnya aku khuatir anda daripadanya, maka beliau telah berkata: Aku akan mencampakkannya di kalangan binatang-binatang buas, kemudian beliau telah melakukannya, kemudian beliau telah melihat Abu Muhammad a.s sedang bersembahyang sedangkan binatang-binatang buas itu berada di sekitarnya[66].

(922)-27. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Ishaq berkata: Aku telah datang kepada Abu Muhammad, maka aku telah meminta beliau supaya menulis, justeru, aku dapat melihat kepada khatnya, maka aku akan mengetahuinya apabila ia tiba, maka beliau telah berkata: Ya, kemudian beliau telah berkata: Wahai Ahmad, sesungguhnya khat akan berbeza di atas anda di antara pensil yang tebal dan pensil yang nipis, maka janganlah anda syak kepadanya. Kemudian beliau telah menyeru dengan dakwat.

Lalu beliau telah menulis dan beliau mulai memanjangkan tempat mengalirnya dakwat, maka aku telah berkata kepada diriku ketika beliau sedang menulis : Aku telah berangan-angan bahawa beliau akan memberi pensil yang beliau telah menggunakannya di dalam khatnya, manakala beliau telah selesai daripada menulis, beliau mulai bercakap denganku ketika beliau menyapu dakwat di pensil dengan sapu tangan beberapa ketika, kemudian beliau telah berkata: Ambillah, wahai Muhammad, maka aku telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sungguhnya aku akan mendapat sesuatu yang terlintas di hatiku dan aku telah mahu bertanya bapa anda, tetapi aku tidak berkesempatan untuk bertanya beliau.

Maka beliau telah berkata: Apakah itu, wahai Ahmad? Maka aku telah berkata: Wahai *sayyidi*, diriwayatkan kepada kami daripada bapa-bapa anda bahawa sesungguhnya tidur para nabi adalah di atas tulang punggung mereka, tidur mukminin di atas iman mereka, tidur munafikin di atas tabiat mereka [yang mewah] dan tidur syaitan di atas muka-muka mereka. Maka beliau a.s telah berkata: Begitulah yang berlaku, maka aku telah berkata: Aku telah berusaha untuk tidur di sebelah kananku, maka aku tidak boleh tidur di atasnya, lalu beliau telah diam beberapa ketika, kemudian beliau telah berkata: Hampirilah aku, maka aku telah menghampirinya, lalu beliau telah berkata:

---

[65] Khadam khalifah dan penjaga binatang buas dan anjing khalifah.
[66] Tidak mengganggunya.

Masukkan tangan anda di bawah pakaian anda, maka aku telah memasukkannya, lalu beliau telah mengeluarkan tangannya di bawah pakaiannya dan memasukkannya di bawah pakaianku, kemudian beliau telah menyapu dengan tangan kanannya di sebelah kiriku dan tangan kirinya di sebelah kananku sebanyak tiga kali, maka Ahmad telah berkata: Aku tidak mampu lagi tidur di sebelah kiriku semenjak beliau a.s telah melakukannya kepadaku.

Bab 125

☼Kelahiran Sahib Al-Zaman A.S (*maulid al-Sahib a.s*)☼

Beliau a.s telah dilahirkan pada 15hb Sya'ban tahun 255 hijrah.

(923)-1. Al-Husain bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad berkata: [Kata-kata] Telah keluar daripada Abu Muhammad a.s ketika al-Zubairi dibunuh: Ini adalah balasan orang yang telah berdusta kepada Allah tentang para wali-Nya, beliau telah menyangka beliau akan membunuhku dan aku pula tidak mempunyai zuriat, bagaimana beliau telah melihat kepada kekuasaan Allah. Seorang anak lelaki dilahirkan untuknya dinamakan "m h m d" [67]pada tahun 256 hijrah.

(924)-2. Ali bin Muhammad berkata: Muhammad dan al-Hasan bin Ali bin Ibrahim[68], telah memberitahu kepadaku pada tahun 279 hijrah berkata: Muhammad bin Ali bin 'Abd al-Rahman al-'Abdi telah memberitahu kepadaku-daripada 'Abd Qais-daripada al-Dhau' bin Ali al-'Ajali, daripada seorang lelaki daripada Farsi yang beliau telah menamakannya, beliau telah berkata: Aku telah datang ke Sarra man ra'a dan aku telah pergi ke pintu [rumah] Abu Muhammad a.s, lalu beliau telah menyeruku tanpa aku meminta izin [daripadnya], manakala aku telah masuk dan memberi salam, beliau telah berkata kepadaku: Wahai bapa polan, apakah keadaan anda?

Kemudian beliau telah berkata kepadaku: Duduklah, wahai polan, kemudian beliau telah bertanyaku tentang sekumpulan lelaki dan perempuan daripada keluargaku, kemudian beliau telah berkata kepadaku: Apakah yang membuat anda datang ke sini? Aku telah berkata: Kerana ingin berkhidmat kepada anda, maka beliau telah berkata: Tinggallah di rumah[ku], beliau telah berkata: Aku telah tinggal di rumah bersama khadam-khadam, kemudian aku telah membeli

---

[67] *Mim haa' mim daal* (Muhammad)
[68] Anak lelaki Musa bin Ja'far a.s

barang-barang keperluan mereka dari pasar dan aku telah masuk kepadanya tanpa izin apabila beliau berada di rumah untuk lelaki, maka aku telah datang kepadanya ketika beliau berada di rumah [khadam] lelaki, lalu aku telah mendengar pergerakan di rumah itu, maka beliau telah menyeruku: Tetapkan tempat anda, janganlah bergerak, maka aku tidak keluar dan aku tidak masuk, lalu seorang hamba perempuan telah datang kepadaku bersamanya sesuatu yang ditutup, kemudian beliau a.s telah menyeruku: Masuklah, maka aku telah masuk dan beliau telah menyeru seorang hamba perempuan.

Maka beliau telah kembali, lalu beliau a.s telah berkata kepadanya: Dedahlah apa yang ada pada anda, lalu beliau telah mendedahkannya seorang kanak-kanak yang putih, elok mukanya dan beliau telah mendedahkan perutnya. Maka beliau mendapati rambut[nya] tumbuh dari bahagian dada kepada pusatnya [berwarna] hijau bukan hitam, maka beliau telah berkata: Inilah sahabat anda (imam anda), kemudian beliau a.s telah menyuruhnya untuk membawanya. Maka aku tidak melihatnya sehingga Abu Muhammad a.s telah mati, lalu Dhau' bin Ali berkata: Maka aku telah berkata kepada seorang Farsi: Berapakah anda menilai umurnya? Beliau telah berkata: Dua tahun, al-'Abdi telah berkata: Aku telah berkata kepada al-Dhau': Berapakah anda menilai umurnya? Beliau telah berkata: Empat belas tahun, Abu Ali dan Abu Abdillah [berkata]: Kami menilai umurnya dua puluh satu tahun[69].

(925)-3. Ali bin Muhammad dan daripada lebih seorang daripada para sahabat kita di Qum, daripada Muhammad al-'Aamiri, daripada Abu Sa'id Ghanim al-Hindi telah berkata: Aku telah berada di sebuah bandar di India, dikenali dengan Kasymir, di pendalaman dan beberapa orang sahabatku sedang duduk di atas kerusi-kerusi di sebelah kanan raja, seramai empat puluh orang kesemuanya membaca empat kitab: Taurat, Injil, Zabur dan Mashaf Ibrahim, kami mengehukum di kalangan manusia dan mengajar agama kepada mereka dan kami memberi fatwa kepada mereka tentang halal dan haram mereka, orang ramai menjadi takut kepada kami begitu juga raja.

Lalu kami telah menyebut Rasulullah s.a.w, maka kami telah berkata: Nabi ini disebut di dalam kitab-kitab, tetapi urusannya tersembunyi kepada kita. Justeru, wajib ke atas kita mengkajinya dan menjejaki kesannya. Lalu kami bersepakat supaya aku keluar dan akupun telah keluar dan bersamaku harta yang banyak, maka aku telah berjalan selama dua belas bulan sehingga aku telah menghampiri Kabul, lalu satu kumpulan dari Turki telah merampas hartaku dan aku telah mengalami luka-luka yang banyak dan aku dibawa ke bandar Kabul, lalu rajanya telah menyelamatkan aku, manakala beliau telah

[69] Pada masa yang berbeza.

mengetahui beritaku di bandar Balkh yang dikuasai oleh Daud bin al-'Abbas bin Abi Aswad, maka beritaku telah sampai kepadanya bahawa aku telah keluar di dalam keadaan murtad dari India, aku telah belajar bahasa Farsi, aku telah berhujah dengan para fakih dan *mutakallimun*, maka Daud bin al-'Abbas telah mengutus kepadaku dan menjemputku ke majlisnya, beliau telah mengumpulkan para fakih, lalu mereka telah mengadakan dialog denganku, maka aku telah memberitahu kepada mereka bahawa aku telah keluar dari negeriku mencari nabi ini yang mana aku telah mendapatinya di dalam kitab-kitab, maka beliau telah berkata kepadaku: Siapakah dia dan apakah namanya?

Maka aku telah berkata: Muhammad, maka beliau telah berkata: Beliau adalah nabi kami yang mana anda sedang mencarinya, maka aku telah bertanya mereka tentang syariatnya, maka mereka telah menceritakannya kepadaku. Aku telah memberitahu kepada mereka: Aku mengetahui bahawa Muhammad itu adalah seorang nabi, tetapi aku tidak mengetahui [nabi] ini yang kamu ceritakan ataupun tidak, justeru, beritahulah kepadaku tempatnya supaya aku pergi kepadanya, maka aku akan bertanya kepadanya tentang alamat-alamat dan dalil-dalil di sisiku. Jika beliaulah sahabatku yang aku sedang mencarinya, maka aku telah beriman kepadanya, maka mereka telah berkata: Baginda s.a.w telah mati, maka aku telah berkata: Siapakah wasinya dan khalifahnya, maka mereka telah berkata: Abu Bakr, aku telah berkata: Berilah namanya kepadaku kerana ini adalah nama gelarannya?

Mereka telah berkata: Abdullah bin Uthman dan mereka telah menisbahkannya kepada Quraisy, aku telah berkata: Sebutlah kepadaku nasab Muhammad, maka mereka telah menyebutnya kepadaku dan aku telah berkata: Ini bukanlah sahabatku yang aku telah mencarinya, sahabat yang aku sedang mencarinya adalah khalifahnya, saudaranya pada agamanya, sepupunya pada nasab, suami anak anak perempuannya dan bapa anak-anaknya, tidak ada zuriat bagi nabi ini selain daripada anak lelaki ini yang menjadi khalifahnya. Maka mereka telah melompat kepadaku dan berkata: Wahai Amir, sesungguhnya lelaki ini telah keluar dari syirik kepada kafir, ini [lelaki] adalah halal darahnya.

Maka aku telah berkata kepada mereka: Wahai kalian, aku adalah seorang lelaki yang berpegang kepada agama, aku tidak akan meninggalkannya sehingga aku melihat apa yang lebih kuat daripadanya. Sesungguhnya aku telah mendapati sifat lelaki ini di dalam kitab-kitab yang telah diturunkan oleh Allah ke atas para nabi-Nya. Sesungguhnya aku telah keluar dari negeri India dan kemuliaan yang aku miliki adalah untuk mencarinya. Manakala aku telah mengkaji tentang urusan sahabat kamu yang kamu telah menyebutnya, beliau bukanlah seorang nabi yang anda ceritakannya, lalu mereka telah

menahanku, kemudian seorang pekerja diutuskan kepada seorang lelaki yang dikenali dengan nama al-Husain bin Asykib, maka beliau telah menyerunya dan berkata kepadanya: Berhujahlah dengan lelaki India ini, lalu al-Husain telah berkata kepadanya: *Aslaha-ka llahu* di sisi anda para fakih dan para ulama, mereka adalah lebih alim dan lebih baik untuk berhujah dengannya, lalu beliau telah berkata: Berhujahlah dengannya sebagaimana aku katakan kepada anda dan berlembutlah dengannya, maka al-Husain bin Asykib telah berkata kepadaku selepas aku berbincang dengannya: Sesungguhnya sahabat anda yang anda sedang mencarinya adalah nabi yang telah diceritakan oleh mereka dan ia bukanlah tentang urusan khalifah sebagaimana mereka telah katakannya, nabi ini adalah Muhammad bin Abdullah bin 'Abd al-Muttalib dan wasinya adalah Ali bin Abu Talib bin 'Abd al-Muttalib iaitu suami Fatimah binti Muhammad dan bapa al-Hasan dan al-Husain, dua anak lelaki Muhammad s.a.w.

Ghanim Abu Sa'id telah berkata: Maka aku telah berkata: Allahu akbar, inilah [lelaki] yang aku telah mencarinya, lalu aku telah berpaling kepada Daud bin al-'Abbas dan aku telah berkata kepadanya: Wahai Amir, aku telah dapat apa yang aku telah mencarinya dan aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah Rasulullah, beliau telah berkata: Beliau telah membuat baik kepadaku dan berhubung denganku, maka beliau telah berkata: Aku telah pergi kepada al-Husain sehingga aku telah bertanya kepadanya dan beliau telah mengajarku apa yang aku telah berhajat kepadanya seperti sembahyang, puasa dan segala fardu.

Maka aku telah berkata kepadanya: Sesungguhnya kita telah membaca pada kitab-kitab kita bahawa Muhammad adalah penutup para nabi, tiada nabi selepasnya, kemudian kepada wasi selepas wasi, sentiasa urusan Allah berlalu pada keturunan mereka sehingga berakhirnya dunia, justeru, siapakah wasi kepada wasi Muhammad? Beliau telah berkata: Al-Hasan, kemudian al-Husain adalah dua anak lelaki Muhammad s.a.w, kemudian urusan wasiat berterusan sehingga berakhir kepada Sahib al-Zaman a.s, kemudian beliau telah menceritakan kepadaku apa yang telah berlaku, aku tidak mempunyai cita-cita melainkan mencari "kejayaan".

Maka beliau telah sampai di Qum dan tinggal bersama para sahabat kami pada tahun 264 hijrah dan keluar bersama mereka ke Baghdad dan bersamanya juga seorang kawan dari penduduk al-Sind, sahabat semazhab dengannya pada masa dahulu, beliau telah berkata: Ghanim telah memberitahu kepadaku, berkata: Aku telah mengingkari sebahagian akhlak kawanku, maka aku telah meninggalkannya dan aku telah keluar dan aku telah berjalan ke [masjid] al-'Abbasiyyah, aku sedang bersedia untuk bersembahyang dan aku bersembahyang dan

aku sedang memikir niatku untuk mencarinya, tiba-tiba seorang telah datang kepadaku dan berkata: Anda adalah polan?

Namanya di dalam bahasa Hindi, maka aku telah berkata: Ya, maka beliau telah berkata: Datanglah kepada *maula* anda, maka aku telah datang bersamanya, maka beliau sentiasa melalui beberapa jalan sehingga aku telah mendatangi sebuah rumah dan sebuah taman, tiba-tiba beliau a.s sedang duduk, maka beliau a.s telah berkata: Selamat datang (*marhaban*), wahai polan-di dalam bahasa Hindi-Apa khabar anda? Dan bagaimana anda telah meninggalkan polan dan polan? Sehingga beliau telah menghitung empat puluh orang semuanya, maka beliau telah bertanya kepadaku seorang selepas seorang. Kemudian beliau telah menceritakan kepadaku apa yang telah berlaku di antara kami, semuanya di dalam bahasa Hindi, kemudian beliau telah berkata: Anda telah mahu melakukan haji bersama ahli Qum?

Aku telah berkata: Ya, wahai *sayyidi*, maka beliau telah berkata: Janganlah anda melakukan haji bersama mereka dan pulanglah pada tahun anda ini ke Kabul, kemudian beliau telah mencampakkan satu dompet di hadapannya kepadaku. Kemudian beliau telah berkata kepadaku: Jadilah ia perbelanjaan anda dan janganlah anda memasuki Baghdad [dan bertemu dengan] polan yang mana beliau telah menamakannya, janganlah anda memberitahu sesuatu kepadanya dan kembalilah kepada kami di dalam perjalanan pulang anda ke negeri [India]. Dan kami telah melaksanakannya. Kemudian kami telah diberitahu bahawa para sahabat kami telah pulang dari al-'Aqabah dan pergi ke Khurasan, manakala beliau telah berada di Kabul, beliau telah pergi haji dan mengirim kepada kami hadiah melalui Khurasan, lalu beliau telah menetap di sana beberapa ketika, kemudian beliau telah mati *rahimahu llah.*

(926)-4. Ali bin Muhammad, daripada Sa'ad bin Abdullah berkata: Sesungguhnya al-Hasan bin al-Nadhar, Abu Saddam dan satu kumpulan [yang lain] telah bercakap selepas kematian Abu Muhammad a.s tentang apa yang ada pada tangan para wakil dan mereka telah berhasrat untuk mengkajinya, lalu al-Hasan bin al-Nadhar telah datang kepada Abu Saddam dan berkata: Sesungguhnya aku ingin melakukan haji, maka Abu Saddam telah berkata kepadanya: Tangguhlah pada tahun ini, maka al-Hasan bin al-Nadhar telah berkata kepadanya: Sesungguhnya aku takut [melihat] di dalam mimpiku, [aku] pasti keluar dan beliau telah berwasiat kepada Ahmad bin Ya'la bin Hammad tentang harta dan menyuruhnya supaya tidak mengeluarkan sesuatu melainkan dari tangannya kepada tangannya selepas kezahirannya.

Maka al-Hasan telah berkata: Manakala aku telah sampai di Baghdad, aku telah menyewa sebuah rumah, maka aku telah bermalam padanya, lalu seorang telah datang kepadaku dengan pakaian dan wang

dinar dan beliau telah meninggalkannya di sisiku, maka aku telah berkata kepadanya: Apakah ini? Beliau telah berkata: Ia sebagaimana anda melihatnya, kemudian wakil yang lain telah melakukan perkara yang sama dan datang lagi wakil yang lain pula sehingga mereka telah menyerang rumah[ku], kemudian Ahmad bin Ishaq telah datang kepadaku dengan segala apa yang ada bersamanya, maka aku telah hairan dan berfikir [tentangnya], tiba-tiba cebisan surat [Sahib al-Zaman a.s] telah sampai kepadaku: "Apabila berlalunya siang hari, maka bawalah apa yang ada bersama anda"

Maka aku telah mengembara dan membawa apa yang ada bersamaku dan di jalan terdapat seorang miskin yang merompak seramai enam puluh lelaki, maka aku telah melintasinya dan Allah telah menyelamatkan aku daripadanya, kemudian aku telah sampai di al-'Askar dan akupun turun, maka cebisan surat [Sahib al-Zaman a.s] telah datang kepadaku dan berkata: Bawalah apa yang ada bersama anda, lalu aku telah meletakkannya di dalam satu bakul. Manakala aku telah sampai di al-Dihliz, tiba-tiba seorang yang berkulit hitam sedang berdiri, maka beliau telah berkata: Adakah anda al-Hasan bin al-Nadhar?

Aku telah berkata: Ya, maka beliau telah berkata: Masuklah, maka aku telah memasuki rumahnya dan aku telah memasuki sebuah rumah [yang lain] dan aku telah meletakkan bakul itu, tiba-tiba aku dapati di sudut rumah ada roti yang banyak, kemudian beliau telah memberi kepada setiap pembawa dua keeping roti dan mereka dikeluarkan dan rumah ditutup dan aku diseru padanya: Wahai al-Hasan bin al-Nadhar, aku memuji Allah di atas apa yang Dia kurniakan dan janganlah anda menjadi syak kerana syaitan telah mahu anda menjadi syak dan beliau telah mengeluarkan kepadaku dua helai kain dan dikatakan: Ambillah, anda akan memerlukan kepadanya, lalu aku telah mengambilnya dan akupun keluar. Sa'd telah berkata: Al-Hasan bin al-Nadhar telah pulang dan mati pada bulan Ramadan dan dikapankan di dalam dua helai pakaian.

(927)-5. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad bin Hamawaih al-Suwaidawi, daripada Muhammad bin Ibrahim bin Mihziyar berkata: Aku telah menjadi syak selepas kematian Abu Muhammad a.s dan harta yang banyak telah dikumpulkan di sisi bapaku, maka beliau telah membawanya menaiki kapal dan aku telah keluar bersamanya dengan tertib, maka aku telah dijangkiti demam yang teruk, maka beliau telah berkata: Wahai anakku, kembalilah, maka ia adalah maut dan berkata kepadaku: Bertakwalah kepada Allah pada harta ini dan beliau telah berwasiat kepadaku dan beliau telah mati. Maka aku telah berkata kepada diriku: Bapaku tidak mungkin berwasiat sesuatu yang tidak betul, aku akan membawa harta ini ke Iraq, aku akan membeli sebuah

rumah di tepi sungai dan aku tidak akan menceritakannya kepada sesiapapun dan jika perkara ini jelas sebagaiman pada masa Abu Muhammad a.s, aku akan melaksanakannya dan jika tidak, aku akan membelanjakannya untuk makan-minumku.

Kemudian aku telah datang ke Iraq dan aku telah membeli sebuah rumah di tepi sungai dan aku telah tinggal beberapa hari. Tiba-tiba aku didatangi oleh utusan: Wahai Muhammad, bersama anda jumlah wang tertentu sehingga beliau telah menceritakan kepadaku semua yang ada bersamaku yang aku sendiri tidak mengetahuinya, maka aku telah menyerahkannya kepada utusan itu dan aku telah tinggal beberapa hari tanpa mengangkat kepalaku dan aku telah berdukacita. Maka beliau a.s telah datang kepadaku: Kami telah meletakkan anda pada kedudukan bapa anda, justeru pujilah Allah.

(928))-6. Muhammad bin Abi Abdillah, daripada Abi Abdillah al-Nasaa'i berkata: Aku telah menyampaikan beberapa perkara kepada Marzabani al-Harithi antaranya gelang emas, maka beliau telah mengembalikan kepadaku gelang itu, lalu aku disuruh memecahkannya, maka akupun telah memecahkannya, tiba-tiba di tengahnya terdapat beberapa karat besi dan tembaga, maka aku telah mengeluarkannya dan aku telah membersihkan emas, maka beliau telah menerimanya.

(829)-7. Ali bin Muhammad, daripada al-Fadhl al-Khazzaz al-Mada'ini *maula* Khadijah binti Muhammad Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya sekumpulan penduduk Madinah di kalangan al-Talibiyyin telah bercakap benar, justeru segala tugasan[70] diberikan kepada mereka pada masa tertentu. Manakala Abu Muhammad a.s telah mati, sebahagian daripada mereka berkata bahawa Abu Muhammad a.s mempunyai seorang anak lelaki, justeru tugasan diberikan kepada mereka. Sementara sebahagian yang lain pula berkata beliau a.s tidak mempunyai anak lelaki. Oleh itu, mereka tidak lagi ditulis di dalam senarai dan segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam.

(930)-8. Ali bin Muhammad berkata: Seorang lelaki daripada ahli al-Sawad telah menyampaikan harta[nya], lalu ia dipulangkan kepadanya dan dikatakan kepadanya: Keluarlah hak sepupu anda daripadanya iaitu 400 dirham. Lelaki itu masih menyimpan harta peninggalan untuk sepupunya, padanya "syarikat" yang beliau telah tahan ke atas mereka, maka beliau telah melihat, tiba-tiba untuk sepupunya adalah 400 dirham daripada harta itu, lalu beliau telah mengeluarkannya dan menghabiskan bakinya [untuk dirinya], maka beliau telah menerimanya.

---

[70] Iaitu tugasan daripada Abu Muhammad a.s

(931)-9. Al-Qasim bin al-'Alaa' berkata: Aku telah mendapat beberapa orang anak lelaki, maka aku telah menulis [kepada Sahib al-Zaman a.s] dan meminta doa, maka beliau a.s tidak menulis kepadaku untuk mereka, maka mereka telah mati semuanya. Manakala al-Hasan, anak lelakiku telah dilahirkan, aku telah menulis [kepadanya a.s] dan meminta doa, lalu doaku dimakbulkan, dan beliau [masih] hidup dan segala puji bagi Allah.

(932)-10. Ali bin Muhammad, daripada Abi Abdillah bin Salih berkata: Pada suatu tahun aku telah keluar ke Baghdad, maka aku telah meminta izin [daripada Sahib al-Zaman a.s] untuk keluar, tetapi beliau tidak mengizinkan aku, lalu aku telah tinggal selama 22 hari dan satu kafilah telah keluar ke Nahrawan, maka aku telah diizinkan keluar pada hari Rabu dan dikatakan kepadaku: Keluarlah pada hari Rabu, maka aku telah keluar dalam keadaan berputus asa tentang kafilah yang aku akan mengikutinya. Lalu aku telah sampai di Nahrawan dan kafilah itu telah bermukim [di sana]. Sebaik saja aku telah memberi makan sesuatu kepada untaku, kafilah itu telah pergi, lalu akupun telah pergi dan sesungguhnya beliau a.s telah berdoa untuk keselamatanku, maka aku tidak bertemu dengan kejahatan dan segala puji bagi Allah.

(933)-11. Ali, daripada al-Nadhar bin Sabah al-Bajali, daripada Muhammad bin Yusuf al-Syasyi berkata: *Fistula* telah keluar di punggungku, lalu aku telah memperlihatkannya kepada beberapa orang doktor dan aku telah membelanjakan wang yang banyak kerananya, maka mereka telah berkata: Kami tidak mengetahui ubat untuknya, lalu aku telah menulis cebisan surat [kepada Sahib al-Zaman a.s] meminta doa[71], maka beliau a.s telah menulis kepadaku: Mudah-maudahan Allah memberikan anda kesihatan dan menjadikan anda bersama kami di dunia dan di akhirat. Maka beliau telah berkata: Aku telah sembuh sebelum hari Jumaat lagi seperti keadaan dahulu, lalu aku telah menyeru seorang doktor di kalangan sahabat kami dan aku telah memperlihatkannya kepadanya, maka beliau telah berkata: Kami tidak mengetahui ubat untuk [penyakit] ini.

(934)-12. Ali, daripada Ali bin al-Husain al-Yamani berkata: Aku telah berada di Baghdad, maka satu kafilah untuk mereka dari Yaman telah bersedia [untuk berlepas], maka aku mahu keluar bersamanya, maka aku telah menulis [kepada Sahib al-Zaman] meminta izin tentang perkara itu. Maka beliau telah keluar (menjawab): "Janganlah anda keluar bersama mereka, tidak ada kebaikan jika anda keluar bersama

[71] Menulis cebisan surat kepada Sahib al-Zaman a.s dengan menggantungkannya atau meletakkannya di mana-mana

mereka dan tinggallah di Kufah", maka aku telah tinggal di Kufah dan kafilah itu telah keluar, lalu [golongan] Hanzalah[72] telah keluar di hadapan mereka, melintasi mereka dan aku telah meminta izin [daripadanya a.s] untuk pergi melalui jalan laut.

Maka beliau tidak membenarkan aku, maka aku telah bertanya [beliau] tentang pelayar-pelayar yang telah keluar pada tahun itu di lautan, maka tidak ada seorangpun yang terselamat. Satu kumpulan daripada India bernama al-Bawarih telah merampasnya. Aku telah melawat al-'Askar, aku telah datang di jalannya serta tempat ghaibnya (imam), aku tidak bercakap kepada sesiapapun, malah aku tidak kenal sesiapapun dan aku melakukan sembahyang di masjid selepas aku selesai daripada ziarah[73], tiba-tiba seorang khadam telah datang kepadaku, maka beliau telah berkata kepadaku: Berdirilah, maka aku telah berkata kepadanya: Jika begitu, ke mana?

Beliau telah berkata kepadaku: Ke rumah, aku telah berkata: Siapalah aku, mungkin anda diutus kepada orang lain. Maka beliau telah berkata: Tidak, aku tidak diutus melainkan untuk anda. Anda adalah Ali bin al-Husain, utusan Ja'far bin Ibrahim, maka beliau telah datang bersamaku sehingga beliau menempatkan aku di rumah al-Husain bin Ahmad. Kemudian beliau telah bercakap kepadanya sesuatu. Aku tidak mengetahui apa yang beliau telah berkata kepadanya: Sehingga beliau telah membawa kepadaku apa yang aku perlukan kepadanya. Aku telah duduk padanya selama tiga hari dan aku telah meminta izin daripadanya untuk melakukan ziarah dari dalam [masjid]. Beliau telah izin untukku, lalu aku telah melakukan ziarah pada waktu malam.

(935)-13. Al-Hasan bin al-Fadhl bin Zaid al-Yamani berkata: Bapaku telah menulis surat [kepada Sahib al-Zaman a.s] dengan khatnya, maka beliau telah mendapat jawapannya, kemudian aku telah menulis surat [kepadanya a.s] dengan khatku, maka aku telah mendapat jawapannya, kemudian beliau telah menulis [kepadanya a.s] dengan khat seorang lelaki yang fakih di kalangan para sahabat kami, maka beliau tidak mendapat jawapannya.

Maka kami telah merenung, lalu kami telah mendapati lelaki itu telah bertukar menjadi seorang yang berfahaman Qaramitah, al-Hasan bin al-Fadhl telah berkata: Maka aku telah melawat Iraq melalui Tus dan aku telah berazam bahawa aku tidak akan keluar melainkan mendapat keterangan tentang urusanku dan kejayaan daripada hajat-hajatku. Jika aku pergi haji, aku akan tinggal di sana meminta sedekah, beliau telah berkata: Di dalam keadaan sedemikian, dadaku telah

[72] Kabilah daripada Bani Tamim
[73] Sahib al-Zaman a.s

menjadi sesak di Maqam Ibrahim dan aku khuatir bahawa haji akan terlepas daripaku, berkata: Pada suatu hari aku telah datang kepada Muhammad bin Ahmad untuk mengetahui pendapatnya.

Maka beliau telah berkata kepadaku: Pergilah di masjid tertentu dan seorang lelaki akan berjumpa dengan anda di sana, maka aku telah pergi kepadanya, lalu seorang lelaki telah datang kepadaku, manakala beliau telah melihat kepadaku, beliau telah tersenyum dan berkata: Janganlah anda berdukacita kerana anda akan melakukan haji pada tahun ini dan anda akan pulang kepada keluarga anda dan dan anak lelaki anda dengan selamat. Maka aku telah tenang, hatiku telah menjadi senang dan aku berkata: Inilah kebenarannya, segala puji bagi Allah.

Beliau telah berkata: Kemudian aku telah datang ke al-'Askar, lalu satu dompet dikeluarkan untukku padanya wang dinar dan satu kain, maka aku telah berdukacita dan aku telah berkata kepada diriku: Balasanku di sisi mereka ini sahaja dan aku telah menggunakan kejahilanku, lalu aku telah menolaknya dan aku telah menulis di satu cebisan kertas (*ruq'ah*), orang yang telah menerimanya daripadaku[tadi] tidak memberi apa-apa isyarat kepadaku dan beliau tidak pula bercakap sekalipun satu huruf. Kemudian aku telah menyesal selepas itu dengan penyesalan yang kuat dan aku telah berkata kepada diriku: Aku telah kafir dengan penolakkanku ke atas *maula*ku (Sahib al-Zaman a.s) dan aku telah menulis *ruq'ah* meminta maaf tentang perbuatanku, aku dipenuhi dosa, aku memohon istighfar daripada perkara itu dan aku telah melaksanakannya.

Aku benar-benar telah menyesal dan aku sedang memikir pada diriku dan aku berkata: Jika wang dinar itu dikembalikan kepadaku, aku tidak akan membuka ikatannya dan aku tidak akan melakukan sesuatu sehingga aku membawanya kepada bapaku kerana beliau lebih mengetahui daripadaku untuk melakukan apa yang beliau kehendaki, maka beliau telah keluar kepada utusan yang telah membawa dompet kepadaku, kemungkinan kami telah melakukan perkara yang sama kepada hamba-hamba kami, kemungkinan mereka telah bertanya kami perkara itu untuk mendapatkan berkat dan beliau telah keluar kepadaku: Anda telah salah kerana menolak kebaikan kami, maka apabila anda telah memohon maaf, maka Allah akan memaafkan anda. Adapun niat anda bahawa anda tidak akan melakukan sesuatu padanya dan anda tidak akan membelanjakannya di dalam perjalanan anda, maka kami telah memalingkannya daripada anda.

Adapun kain, maka ia adalah suatu kepastian bahawa anda akan melakukan ihram padanya. Beliau telah berkata: Aku telah menulis [kepadanya] di dalam dua makna dan aku telah mahu menulis [kepadanya] pada makna yang ketiga, tetapi aku tidak melakukannya kerana khuatir beliau akan membencinya, maka beliau a.s telah

menjawab dalam dua makna dan makna ketiga yang aku telah melipatkannya[74] dan segala puji bagi Allah, beliau telah berkata: Aku telah bersetuju dengan Ja'far bin Ibrahim al-Nisaburi di Nisabur bahawa aku akan menunggang bersamanya dan menemaninya.

Manakala aku telah sampai di Baghdad, aku telah meniggalkannya dan aku telah pergi mencari 'Adil, maka Ibn al-Wajna telah berjumpa denganku selepas aku telah datang kepadanya dan aku telah memintanya supaya menyewakan [rumah] untukku, maka aku telah mendapatinya di dalam keadaan benci, maka beliau telah berkata kepadaku: Aku mencari anda dan dikatakan kepadaku: Sesungguhnya beliau menemani anda, maka perelokanlah pergaulannya dan carilah 'Adil untuknya dan sewalah [rumah] untuknya.

(936)-14. Ali bin Muhammad, daripada al-Hasan bin 'Abd al-Hamid berkata: Aku telah syak tentang urusan Hajiz[75], maka aku telah mengumpulkan sesuatu (wang), kemudian aku telah pergi ke al-'Askar, lalu beliau a.s telah datang kepadaku: "Tidak ada pada kami syak dan [tidak ada syak] pada orang yang mewakili kami dengan urusan kami. Justeru kembalilah apa yang ada pada anda kepada Hajiz bin Yazid.

(937)-15. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad bin Salih berkata: Manakala bapaku telah mati, maka urusan telah bertukar kepadaku, bapaku memiliki bil-bil pertukaran wang (*suftajah*) daripada orang yang berhutang, maka aku telah menulis kepadanya [a.s] memberitahu kepadanya, maka beliau a.s telah menulis: Mintalah daripada mereka dan kemukalah mereka kepada pengadilan, lalu orang ramai telah menyelesaikannya kecuali seorang lelaki yang mempunyai satu bil (*suftajah*) yang bernilai 400 dinar. Maka aku telah datang kepadanya memintanya [daripadanya], tetapi anak lelakinya telah memandang rendah kepadaku dan memperbodoh-bodohkan aku, lalu aku telah mengadu kepada bapanya, maka beliau telah berkata: Tentang apa?

Lantas aku telah memegang janggutnya dan mengambil kakinya, lalu menariknya ke tengah rumahnya, kemudian aku telah menendangnya beberapa kali. Anak lelakinya telah keluar meminta tolong daripada penduduk Baghdad sambil berkata: Seorang ahli Qum *rafidhi*, telah membunuh bapaku, lalu orang ramai telah berkumpul di sekelilingku, maka aku telah menunggang binatangku dan aku telah berkata: Alangkan baiknya kamu penduduk Baghdad, kamu cenderung kepada orang yang zalim kepada orang asing yang dizalimi, aku adalah seorang lelaki daripada penduduk Hamadan di kalangan Ahl al-Sunnah,

[74] Tidak menghantarnya kepadanya a.s.
[75] Iaitu tentang perwakilannya untuk Sahib al-Zaman a.s.

tetapi lelaki ini mengaitkan aku dengan ahli Qum dan Rafidhah untuk menghilangkan hakku dan hartaku, beliau telah berkata: Mereka telah cenderung kepadanya dan mereka telah mahu memasuki kedainya sehingga aku telah menenangkan mereka dan bapanya telah berjanji kepadaku untuk membayar hartaku sehingga aku telah mengeluarkan mereka daripadanya.

(938)-16. Ali, daripada beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin al-Hasan dan al-'Alaa' bin Rizqillah, daripada Badr Ghulam Ahmad bin al-Hasan berkata: Aku telah menaiki sebuah gunung[76] dan aku tidak berkata[77] tentang *imamah*, [tetapi] aku mencintai mereka secara keseluruhan sehingga Yazid bin Abdullah telah mati. Maka beliau telah berwasiat pada masa sakitnya supaya diberikan kudanya, pedangnya dan tali pinggangnya kepada *maula*-nya[78]. Maka aku khuatir jika aku tidak memberinya kepada Iz Kutkin[79], beliau akan menghinaku, justeru, aku telah menilai harga kuda, pedang dan tali pinggangnya sebanyak 700 dinar di dalam diriku, aku tidak memberitahunya kepada sesiapapun, tiba-tiba surat telah datang kepadaku dari Iraq[80]: Kemukakan 700 dinar untuk kami daripada anda daripada harga kuda, pedang dan tali pinggang.

(939)-17. Ali, daripada orang yang telah menceritakannya kepadanya, berkata: Seorang anak lelaki telah dilahirkan untukku, maka aku telah menulis [kepada Sahib al-Zaman a.s] meminta izin untuk mencucinya pada hari ke tujuh, maka beliau telah menjawab: Janganlah anda melakukannya, lalu beliau telah mati pada hari ke tujuh atau kelapan. Kemudian aku telah menulis [kepadanya] tentang kematiannya, maka beliau a.s telah menjawab: "Anda akan digantikan [anak] yang lain dan yang lainnya, namalah Ahmad dan selepas Ahamad Ja'far", maka ia telah berlaku sebagaimana kata-katanya, beliau telah berkata: Aku telah bersedia untuk pergi haji dan aku telah mengucap selamat tinggal kepada orang ramai dan aku ketika ingin keluar, beliau telah menjawab: "Kami tidak suka perkara itu, tetapi ia terserah kepada anda"

Beliau telah berkata: Dadaku telah menjadi sesak dan aku telah berdukacita, kemudian aku telah menulis [kepadanya a.s] bahawa aku tetap mendengar dan mematuhinya a.s hanya aku berdukacita kerana kelewatan hajiku, maka beliau a.s telah menulis: "Janganlah dada anda menyusahkan anda, sesungguhnya anda akan pergi haji dari Qabul jika

---

[76] Di antara Baghdad dan Azbaijan
[77] Tidak mempercayai tentang *imamah.*
[78] Sahib al-Zaman a.s
[79] Seorang berbangsa Turki daripada pengikut Bani 'Abbas.
[80] Surat daripada Sahib al-Zaman a.s.

Allah kehendaki, beliau telah berkata: Manakala di Qabul, aku telah menulis [kepadanya] meminta izin, maka beliau telah memberi izin, lalu aku telah menulis [kepadanya] bahawa aku telah menggandingkan Muhammad bin al-'Abbas dan aku percaya dengan agamanya dan amalannya, maka beliau a.s telah menjawab: Al-Asadi adalah gandingan anda, jika beliau datang, maka janganlah anda menolaknya, lalu al-Asadi telah datang, maka aku telah berganding dengannya.

(940)-18. Al-Hasan bin Ali al-'Alawi telah berkata: Mirdas bin Ali telah menyimpan harta al-Majruh[81] dan harta Tamim bin Hanzalah, maka beliau a.s telah menulis kepada Mirdas: "Pulangkan harta Tamim dan harta Syirazi".

(941)-19. Ali bin Muhammad, daripada al-Hasan bin Isa al-'Uraidhi Abi Muhammad berkata: Apabila Abu Muhammad a.s telah mati, seorang lelaki telah membawa harta dari Mesir ke Makkah, lalu berlakulah perselisihan pendapat tentangnya, maka sebahagian manusia telah berkata: Sesungguhnya Abu Muhammad a.s telah mati tanpa pengganti dan [jika ada] penggantinya adalah Ja'far dan sebahagian yang lain pula berkata: Abu Muhammad a.s telah mati dan meninggalkan pengganti, lalu beliau telah mengutus seorang lelaki dipanggil Abu Talib, maka beliau telah pergi ke al-'Askar dan bersamanya surat, maka beliau telah menyokong Ja'far dan beliau telah ditanya tentang bukti, maka beliau telah berkata: Beliau tidak bersedia pada masa ini, lalu beliau telah pergi ke pintu [rumah] dan memberi surat kepada para sahabat kami, lalu beliau telah keluar kepadanya: Semoga Allah memberi pahala kepada sahabat anda, maka beliau telah mati dan berwasiat dengan harta yang ada bersamanya kepada orang yang dipercayai untuk melakukan apa yang beliau suka dan suratnya dijawab.

(942)-20. Ali bin Muhammad telah berkata: Seorang lelaki dari penduduk Aabah telah membawa sesuatu untuk disampaikan kepadanya a.s dan beliau telah terlupa satu pedang[82] di Aabah, lalu beliau telah melaksanakan apa yang ada padanya, kemudian beliau a.s telah menulis kepadanya: "Apakah berita pedang yang anda telah melupainya?"

(943)-21. Al-Hasan bin Khafif, daripada bapanya: Beliau a.s[83] telah mengutus seorang khadam ke Madinah Rasulullah s.a.w dan bersama nya ada dua orang khadam, Khafif telah menulis kepadaku supaya

[81] Syirazi
[82] Pedang untuk diberikan kepadanya a.s.
[83] Sahib al-Zaman a.s

beliau keluar bersama mereka, lalu beliau telah keluar bersama mereka. Manakala mereka telah sampai di Kufah, seorang daripada dua khadam telah meminum minuman yang memabukkan. Justeru mereka tidak keluar dari Kufah sehingga sampai surat dari al-'Askar menolak khadam yang telah minum minuman yang memabukkan dan memecatnya dari perkhidmatan[nya].

(944)-22. Ali bin Muhammad, daripada [Ahmad bin] Abi Ali bin Ghiyath, daripada Ahmad bin al-Hasan berkata: Yazid bin Abdullah telah berwasiat seekor binatang, sebilah pedang dan harta [untuk Sahib al-Zaman a.s], beliau telah melaksanakan harga binatang dan dan lain-lain, tetapi beliau tidak mengirim pedang, lalu beliau a.s telah menulis: "Di antara apa yang anda telah kirimkan kepada mereka adalah pedang, tetapi ia belum lagi sampai-atau sebagaimana beliau a.s telah katakan".

(945)-23. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad bin Ali bin Syazan al-Nisaburi berkata: 500 dirham kurang 20 dirham[84] telah terkumpul di sisiku, tetapi aku tidak mahu mengirim 500 dirham kurang 20 dirham, lalu aku telah menambah 20 dirham wangku sendiri dan aku telah mengirimnya kepada al-Asadi, tetapi aku tidak menulis tentang wang aku padanya, maka beliau a.s telah menulis: "500 dirham telah sampai dan 20 dirham daripadanya adalah wang anda".

(946)-24. Al-Husain bin Muhammad al-Asy'ari telah berkata: Surat Abu Muhammad a.s telah sampai untuk pengurusan ke atas al-Junaid; seorang penglima perang, Abi al-Hasan dan lain-lain. Manakala Abu Muhammad a.s telah mati, surat dari Sahib al-Zaman a.s telah sampai kepada Abi al-Hasan dan sahabatnya, tetapi beliau a.s tidak mengirim surat mengenai al-Junaid, beliau telah berkata: Aku telah berdukacita di atas perkara itu, lalu surat takziah [daripada Sahib al-Zaman a.s] untuk al-Junaid telah sampai selepas itu.

(947)-25. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad bin Salih berkata: Aku telah memiliki seorang hamba perempuan yang aku tertarik kepadanya, lalu aku telah menulis [kepada Sahib al-Zaman a.s] meminta supaya hamba perempuanku melahirkan anak, maka beliau a.s telah menjawab: Buatlah beliau hamil (*istaulid-ha*), Allah akan melakukan apa yang Dia kehendaki, maka aku telah menyetubuhinya, kemudian beliau telah hamil, kemudian beliau telah gugur, lalu mati.

(948)-26. Ali bin Muhammad telah berkata: Ibn al-'Ajami telah menjadikan 1/3 hartanya untuk Sahib al-Zaman a.s dan beliau telah

[84] Iaitu 480 dirham sahaja.

menulisnya sebelum beliau mengeluarkan 1/3, beliau telah memberinya kepada anak lelakinya al-Miqdam, tidak seorangpun telah mengetahuinya, lalu beliau a.s telah menulis kepadanya: Di manakah harta yang anda telah berikan kepada Abi al-Miqdam?"

(949)-27. Ali bin Muhammad, daripada Abi 'Uqail Isa bin Nasr berkata: Ali bin Ziyad al-Saimari telah menulis [kepada Sahib al-Zaman a.s] meminta kain kapan, lalu beliau a.s telah menulis kepadanya: Sesungguhnya anda akan memerlukannya [ketika umur anda genap] lapan puluh tahun, maka beliau telah mati [ketika berusia] lapan puluh tahun dan beliau a.s telah mengirim kain kapan kepadanya beberapa hari sebelum kematiannya.

(950)-28. Ali bin Muhammad, daripada Muhammad bin Harun bin 'Imran al-Hamdani berkata: Di atasku 500 dinar untuk [diberikan kepada Sahib al-Zaman a.s] sedangkan aku di dalam kesusahan, kemudian aku telah berkata kepada diriku: Aku memiliki beberapa buah kedai yang aku telah membelinya dengan [harga] 530 dinar. Sesungguhnya aku telah menjadikannya 500 dinar untuk Sahib al-Zaman a.s dan aku tidak pernah bercakap tentangnya, maka beliau a.s telah menulis kepada Muhammad bin Ja'far: Terimalah kedai-kedai itu daripada Muhammad bin Harun dengan 500 dinar untuk kami di atasnya.

(952)-29. Ali bin Muhammad telah berkata: Ja'far [85]telah mejual seorang kanak-kanak Ja'fariyyah[86] yang mereka didik di rumahnya, maka beliau telah mengutus seorang 'Alawi supaya memberitahu kepada seorang pembeli tentang beritanya, maka pembeli itu telah berkata: Jiwaku telah menjadi baik untuk menjualnya dan aku tidak akan mengurangkan harganya walaupun sedikit. Justeru ambillah, kemudian al-'Alawi telah pergi, lalu beliau telah memberitahu kepada penduduknya tentang berita itu, kemudian mereka telah mengutus kepada pembeli sebanyak 41 dinar dan mereka telah menyuruhnya supaya memberinya (kanak-kanak) kepada pemiliknya.

(953)-30. Al-Husain bin al-Hasan al-'Alawi berkata: Seorang lelaki kawan kepada Ruz Hasani dan serorang lagi bersamanya berkata kepadanya: Lelaki ini memungut harta[87] dan baginya wakil-wakil dan mereka telah menamakan semua wakil di seluruh negeri dan ia berakhir kepada 'Ubaidillah bin Sulaiman, seorang wazir. Justeru, wazir berhasrat untuk menangkap mereka, maka sultan telah berkata: Carilah

---

[85] Dikenali dengan Ja'far al-Kadhdhab.
[86] Dengan harga 41 dinar.
[87] Untuk Khumus Sahib al-Zaman a.s.

di mana lelaki ini [berada] kerana ini perkara yang berat, maka 'Ubaidillah bin Sulaiman telah berkata: Kami akan menangkap wakil-wakil[nya], maka sultan telah berkata: Tidak, tetapi sembunyikan untuk mereka satu kumpulan yang tidak mengetahui tentang harta. Justeru sesiapa yang ditangkap memiliki sesuatu di kalangan mereka, maka beliau akan ditangkap, beliau telah berkata: Lalu beliau telah keluar kepada semua wakil supaya mereka tidak mengambil sesuatu daripada seseorangpun dan mereka hendaklah mencegah daripada perkara itu dan berpura-pura tidak mengetahui urusan itu, kemudian seorang lelaki yang tidak dikenali telah menyamar kepada Muhammad bin Ahmad, maka beliau telah berkata: Bersamaku harta, aku ingin menyampaikannya kepadanya a.s,

Maka Muhammad telah berkata kepadanya: Anda telah silap, aku tidak mengetahui sesuatupun tentang perkara ini, tetapi beliau masih berlembut kepadanya dan Muhammad telah berpura-pura tidak mengetahuinya. Kemudian mereka telah mengutus mata-mata, tetapi beliau telah menegah para wakil [dari memungut harta] manakala beliau telah datang kepada mereka.

(954)-31. Ali bin Muhammad telah berkata: Beliau a.s telah melarang lawatan ke kubur-kubur Quraisy dan Hirah. Manakala selepas beberapa bulan, wazir al-Baqita'i telah menyeru, maka beliau telah berkata: Campaklah (tangkaplah) Bani al-Furat dan al-Barsiyyin[88] dan katalah kepada mereka: Janganlah mereka melawat kubur-kubur Quraisy, sesungguhnya khalifah telah memerintahkkan supaya ditangkap pelawat-pelawatnya.

Bab 126

[88] Al-Baras adalah antara Kufah dan al-Hillah.

☼Hadis-Hadis Tentang Dua Belas Para Imam Dan Nas-Nas Ke Atas Mereka A.S (*ma jaa'a fi al-Ithna 'asyara wa al-Nas 'alai-him,a.s*)☼

(955)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad al-Barqi, daripada Abi Hasyim Daud bin al-Qasim al-Ja'fari, daripada Abi Ja'far al-Thani a.s telah berkata: Amir al-Mukminin a.s telah datang dan bersamanya al-Hasan bin Ali a.s yang berpegang di atas tangan Salman, lalu beliau telah memasuki Masjid Haram, maka beliau telah duduk, tiba-tiba seorang lelaki yang mempunyai pendirian dan pakaian yang elok telah datang, lalu beliau telah memberi salam kepada Amir al-Mukminin a.s, maka beliau a.s telah menjawab salamnya, kemudian beliau telah duduk dan beliau telah berkata: Wahai Amir al-Mukminin, aku akan bertanya anda tiga masalah, jika anda memberitahu kepadaku tentangnya, aku mengetahui bahawa mereka telah mengabaikan urusan anda dan mereka tidak aman di dunia dan di akhirat, tetapi jika anda tidak dapat menjawabnya, maka anda dan mereka adalah sama saja.

Maka Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepadanya: Tanyalah aku apa yang terlintas di hati anda, beliau telah berkata: Beritahulah kepadaku tentang seorang lelaki apabila beliau telah tidur di manakah pergi rohnya dan bagaimana beliau [boleh] mengingati dan melupai? Dan tentang seorang lelaki, bagaimana anak lelakinya menyerupai bapa-bapa saudaranya sama ada di sebelah ibu ataupun di sebelah bapa? Lalu Amir al-Mukminin a.s telah berpaling kepada al-Hasan, maka beliau telah berkata: Wahai Abu Muhammad, berilah jawapan kepadanya, beliau telah berkata: Maka al-Hasan a.s telah memberi jawapan kepadanya[89], lantas lelaki itu berkata: Aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku sentiasa menyaksikannya dan aku naik saksi bahawa Muhammad adalah Rasul-Nya dan aku sentiasa menyaksikannya.

Dan aku naik saksi bahawa sesungguhnya anda adalah wasi Rasulullah s.a.w dan *al-Qaim* bagi *Hujjah*-Nya-beliau telah menunjuk kepada Amir al-Mukminin a.s-dan aku sentiasa menyaksikannya. Dan aku naik saksi bahawa sesungguhnya anda adalah wasinya dan *al-Qaim* bagi *Hujjah*-Nya-beliau telah menunjukkan kepada al-Hasan a.s-dan aku naik saksi bahawa sesungguhnya al-Husain bin Ali adalah wasi saudaranya dan *al-Qaim* bagi *Hujjah*-Nya selepasnya. Aku naik saksi bahawa sesungguhnya Ali bin al-Husain adalah *al-Qaim* bagi urusan al-

[89] Tiga jawapan al-Hasan a.s kepada lelaki yang telah bertanya itu tidak dicatat oleh syeikh al-Kuliani di dalam *Kitab al-Hujjah*. Walaubagaimanapun lelaki itu, nampaknya, telah mendapat jawapan yang memuaskan. Justeru beliau telah percaya kepada Allah, Rasul-Nya dan para wasi a.s.

Husain selepasnya dan aku naik saksi bahawa sesungguhnya Muhammad bin Ali adalah *al-Qaim* bagi urusan Ali bin al-Husain.

Aku naik saksi bahawa sesungguhnya Ja'far bin Muhammad adalah *al-Qaim* bagi urusan Muhammad dan aku naik saksi bahawa sesungguhnya Musa adalah *al-Qaim* bagi urusan Ja'far bin Muhammad. Aku naik saksi bahawa sesungguhnya Ali bin Musa adalah *al-Qaim* bagi urusan Musa bin Ja'far. Aku naik saksi bahawa sesungguhnya Muhammad bin Ali adalah *al-Qaim* bagi urusan Ali bin Musa. Aku naik saksi bahawa sesungguhnya Ali bin Muhammad adalah *al-Qaim* bagi urusan Muhammad bin Ali. Aku naik saksi bahawa sesungguhnya al-Hasan bin Ali adalah *al-Qaim* bagi urusan Ali bin Muhammad dan aku naik saksi bahawa sesungguhnya seorang lelaki daripada anak al-Hasan, tidak diberikan nama dan gelarannya sehingga urusannya terserlah.

Lalu beliau akan memenuhi bumi dengan keadilan sebagaimana ia dipenuhi kezaliman dan salam ke atas anda, wahai Amir al-Mukminin, rahmat Allah dan berkat-Nya, kemudian beliau telah berdiri dan pergi, lalu Amir al-Mukminin telah berkata: Wahai Abu Muhammad, ikutlah beliau dan lihatlah ke manaka beliau tuju, lalu al-Hasan bin Ali a.s telah keluar dan berkata: Beliau hanya telah meletakkan kakinya di luar masjid, maka aku tidak mengetahui di manakah beliau telah pergi di bumi Allah, maka aku telah kembali kepada Amir al-Mukminin a.s, lalu aku telah memberitahu kepadanya, maka beliau telah berkata: Wahai Abu Muhammad, adakah anda mengetahuinya? Aku telah berkata: Allah, Rasul-Nya dan Amir al-Mukminin lebih mengetahuinya, beliau telah berkata: Beliau adalah Khidir a.s.

(956)-2. Muhammad bin Yahya telah memberitahu kepadaku, daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar, daripada Ahmad bin Abi Abdillah, daripada Abi Hasyim seumpamanya. Muhammad bin Yahya telah berkata: Aku telah berkata kepada Muhammad bin al-Hasan: Wahai Abu Ja'far, aku telah suka berita ini telah datang bukan daripada pihak Ahmad bin Abi Abdillah,[90] berkata: Sesungguhnya beliau telah memberitahu kepadaku sepuluh tahun sebelum "kekusutannya".

(957)-3. Muhammad bin Yahya dan Muhammad bin Abdullah, daripada Abdullah bin Ja'far, daripada al-Hasan bin Zarif dan Ali bin Muhammad, daripada Salih bin Abi Hammad, daripada Bakr bin Salih, daripada 'Abd al-Rahman bin Salim, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Bapaku Muhammad telah berkata kepada Jabir bin Abdullah al-Ansari: Sesungguhnya aku ada hajat dengan anda, apabila anda ada masa aku akan bersama-sama anda dan aku akan

---

[90] Kerana celaannya kepada Ahmad bin Khalid al-Barqi.

bertanya kepada anda mengenainya? Jabir telah berkata kepadanya: Pada bila-bila masa anda kehendaki, wahai *sayyidi*, bapa aku telah berada beberapa hari bersama-samanya.

Beliau telah berkata kepada Jabir: Beritahulah kepada aku tentang *Lauh* yang anda telah melihatnya pada tangan ibu aku Fatimah a.s dan apa yang telah diberitahu kepada anda oleh ibu aku, dan apa yang tertulis di *Lauh* ini? Jabir telah berkata: Aku naik saksi dengan Allah bahawa aku telah memasuki rumah Fatimah a.s pada masa hidup Rasulullah s.a.w, aku telah memberi tahniah kepadanya di atas kelahiran al-Husain a.s, aku telah melihat di tangannya *Lauh* berwarna hijau. Aku telah menyangkanya zamrud. Aku telah melihat padanya surat berwarna putih seperti cahaya matahari, maka aku telah berkata kepadanya: Dengan nama bapa aku, anda, dan ibu aku apakah *Lauh* ini? Beliau telah berkata: Ini adalah *Lauh* yang mana Allah telah menghadiahkannya kepada Rasulullah s.a.w.

Di dalamnya terdapat nama bapa aku, nama aku, nama Ali, nama dua anak lelaki aku dan nama-nama para wasi daripada anak-anak aku. Maka bapa aku telah memberikannya kepada aku untuk menggembirakan aku dengannya, Jabir telah berkata: Ibu anda telah memberikannya kepada aku, maka aku telah membacanya, dan membuat salinannya, bapa aku a.s telah berkata: Adakah anda, wahai Jabir, akan membentangkannya kepada aku? Beliau telah berkata: Ya, lalu bapa aku berjalan bersama-samanya menuju ke rumah Jabir, kemudian bapa aku telah mengeluarkan dari genggamnya mashaf dari kulit nipis sambil berkata: Wahai Jabir, lihatlah pada surat (kitab) anda supaya aku membacanya kepada anda, lantas beliau telah melihat kepada suratnya, lalu bapa aku telah membaca kepadanya, ia tidak menyalahi walaupun satu huruf, Jabir telah berkata: Aku naik saksi dengan Allah sesungguhnya aku telah melihatnya seperti di *Lauh* tertulis:

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim

Surat (kitab) ini adalah daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui untuk Muhammad Nabi-Nya, Duta-Nya, Hijab-Nya, Penunjuk-Nya. Diturunkan oleh *al-Ruh al-Amin* dari sisi Tuhan semesta alam, hormatilah, wahai Muhammad, akan nama-nama-Ku, bersyukurlah kepada nikmat-nikmat-Ku dan janganlah Engkau mengingkarinya, sesungguhnya Aku adalah Allah, tiada tuhan melainkan Aku, Pemusnah para penguasa, Pembantu mereka yang dizalimi.

Pemilik hari Kiamat, sesungguhnya Aku adalah Allah, tiada tuhan melainkan Aku, Sesiapa yang telah berharap selain dari kelebihan-Ku,

atau beliau takut selain dari keadilan-Ku, nescaya Aku akan menyeksanya dengan penyeksaan yang belum pernah Aku melakukannya kepada sesiapapun di seluruh semesta. Maka kepada-Akulah engkau sembah, dan kepada Akulah engkau bertawakal. Aku tidak mengutus seorang nabi melainkan aku menyempurnakan hari-harinya, dan tamat masanya melainkan Aku menjadikan untuknya seorang wasi.

Sesungguhnya Aku telah melebihkan engkau ke atas para nabi dan Aku telah melebihkan wasi engkau ke atas para wasi. Aku menghormati engkau dengan dua orang anak lelaki engkau selepasnya; al-Hasan dan al-Husain, Aku telah menjadikan al-Hasan galian ilmu-Ku selepas tamat masa bapanya. Aku telah menjadikan al-Husain penyimpan wahyu-Ku, Aku memuliakannya dengan kesyahidan. Dan Aku menamatkannya dengan kebahagiaan. Justeru, beliau adalah sebaik-baik mereka yang telah mati syahid dan yang paling tinggi darjat di kalangan para syahid di sisi-Ku. Aku telah menjadikan kalimat-Ku yang sempurna bersama-nya dan hujah Aku yang kukuh di sisinya.

Dengan *'itrah*nya, Aku memberi pahala dan menyeksa, awal mereka adalah Ali sayyid al-'Abidin dan perhiasan kepada para wali-Ku yang lalu dan anak lelakinya seperti datuknya yang terpuji Muhammad al-Baqir kerana ilmu-Ku, dan galian hikmah-Ku dan akan membinasakan mereka yang tidak mempunyai pendirian tentang Ja'far; penentang kepadanya adalah seperti penentang kepada-Ku. Kata-kata yang tepat bagi-Ku bahawa Aku akan menghormati kedudukan Ja'far. Aku akan menggembirakannya di kalangan penyokong-penyokong dan pembantu-pembantunya dan para walinya.

Dan selepasnya adalah Musa. Fitnah yang buta dan halus akan berlaku, kerana rancangan jahat tidak terputus dan hujah-Ku tidak juga tersembunyi. Sesungguhnya para wali-Ku akan meminum gelas yang sempurna. Sesiapa yang telah menentang seorang daripada mereka, maka sesungguhnya beliau telah mengingkari nikmat-Ku dan telah mengubah ayat daripada kitab-Ku dan telah berbohong ke atas-Ku, neraka wail bagi pembohong-pembohong yang menentang selepas Musa, hamba-Ku, kekasih-Ku, dan pilihan-Ku, kerana pembohong kepada salah seorang daripada mereka adalah pembohong kepada semua para wali-Ku. Ali adalah wali-Ku dan pembantu-Ku.

Siapa yang Aku meletakkan ke atasnya tanggungan kenabian atau Aku mengujinya dengan kekuatan tersebut, akan dibunuh oleh jin yang sombong, di kapankan di bandar yang telah dibina oleh hamba yang soleh (Dhu l-Qurnain) di sisi sejahat-jahat makhluk-Ku. Aku akan menggembirakannya dengan Muhammad anak lelakinya, khalifahnya selepasnya, dan pewaris ilmu-nya. Lantaran itu, beliau adalah galian ilmu-Ku, dan tempat simpan ilmu-Ku, dan *Hujjah*-Ku di atas makhluk-Ku. Aku telah menjadikan syurga tempat tinggalnya.

Aku telah memberi syafaat kepadanya bagi membolehkannya menyelamatkan tujuh puluh ribu keluarganya yang layak untuk ke neraka. Aku telah menamatkan kebahagiaan anak lelakinya Ali, wali-Ku dan penolong-Ku, dan saksi kepada makhluk-Ku, pemegang amanah wahyu-Ku. Aku akan mengeluarkan daripadanya seorang pendakwah kepada jalan-Ku dan penyimpan kepada ilmu-Ku al-Hasan, kemudian Aku menyempurnakannya selepasnya anak lelakinya (al-Mahdi) sebagai rahmat kepada alam semesta.

Di atasnya kesempurnaan Musa, kehebatan Isa dan kesabaran Ayyub. Para wali-Ku akan dihina pada zamannya, kepala-kepala mereka menunduk sebagaimana dilakukan oleh orang- orang Turki dan Dailam, mereka akan dibunuh, dibakar, mereka menjadi takut, bumi dimerahi dengan darah-darah mereka, penderitaan dan tangisan berlaku kepada perempuan-perempuan mereka, mereka itu adalah para wali-Ku yang sebenar, dengan mereka Aku menolak segala bala dan fitnah yang buta, dengan mereka Aku menahan litgeran dan dengan mereka Aku menolak bencana, ke atas mereka itu adalah selawat dan rahmat daripada Tuhan mereka dan merekalah yang mendapat hidayat.

Abd al-Rahman bin Salim berkata: Abu Basir berkata: Sekiranya anda tidak mendengar hadis selain daripada hadis ini, nescaya ia memadai bagi anda, lantaran itu, jagalah hadis ini melainkan untuk ahlinya.

(958)-4. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Hammad bin Isa, daripada Ibrahim bin Umar al-Yamani, daripada Abban bin Abi 'Iyaysy, daripada Sulaim bin Qais dan Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Umar bin Abu Udhinah dan Ali bin Muhammad, daripada Ahmad bin Hilal, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Umar bin Udhinah, daripada [Abban] bin Abi 'Iyyasy, daripada Sulaim bin Qais berkata: Aku telah mendengar Abdullah bin Ja'far al-Tayyar berkata: Kami telah berada di sisi Mu'awiyah, aku, al-Hasan, al-Husain, Abdullah bin al-'Abbas, Umar bin Umm Salmah dan Usamah bin Zaid, maka telah berlaku di antara aku dan Mu'awiyah percakapan, lalu aku telah berkata kepada Mu'awiyah: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Aku adalah lebih baik (*aula*) dengan mukminin daripada diri mereka sendiri, kemudian saudaraku Ali bin Abu Talib adalah lebih baik (*aula*) dengan mukminin daripada diri mereka sendiri.

Apabila Ali mati syahid, maka al-Hasan bin Ali adalah lebih baik dengan mukminin daripada diri mereka sendiri, kemudian anak lelakiku al-Husain selepasnya adalah lebih baik dengan mukminin daripada diri mereka sendiri. Apabila beliau mati syahid, maka anak lelakinya Ali bin al-Husain adalah lebih baik dengan mukminin daripada diri mereka

sendiri dan anda akan mendapatinya, wahai Ali[91], kemudian anak lelakinya Muhammad bin Ali adalah lebih baik dengan mukminin daripada diri mereka sendiri. Dan anda akan mendapatinya, wahai Husain, kemudian sembilan daripada anak-anak lelaki al-Husain akan menyempurnakan dua belas imam, Abdullah bin Ja'far telah berkata: Aku telah menyaksikan al-Hasan, al-Husain, Abdullah bin 'Abbas, Umar bin Umm Salmah dan Usamah bin Zaid, maka mereka telah memberi penyaksian kepadaku di sisi Mu'awiyah, Sulaim telah berkata: Sesungguhnya aku telah mendengar sedemikian daripada Salman, Abu Dhar dan al-Miqdad dan mereka telah menyebut bahawa mereka telah mendengarnya daripada Rasulullah s.a.w.

(959)-5. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Khalid, daripada bapanya, daripada Abdullah bin al-Qasim, daripada Hanan bin al-Sarraj, daripada Daud bin Sulaiman al-Kasa'i, daripada Abi Tufail berkata: Aku telah menyaksikan jenazah Abu Bakr pada hari beliau telah mati dan aku telah menyaksikan Umar ketika beliau dibaiah dan Ali sedang duduk di satu sudut, tiba-tiba seorang kanak-kanak Yahudi yang cantik mukanya, memakai pakaian yang cantik, beliau adalah daripada keturunan Harun sehingga beliau telah berdiri di hadapan Umar, maka beliau telah berkata: Wahai Amir al-Mukminin, adakah anda orang yang paling mengetahui [daripada] umat ini dengan kitab mereka dan urusan nabi mereka?

Beliau telah berkata: Umar telah menggerakkan kepalanya, maka beliau telah berkata: Kepada anda aku maksudkan dan beliau telah mengulangi kata-katanya kepadanya, maka Umar telah berkata kepadanya: Kenapa anda? Beliau telah berkata: Sesungguhnya aku telah datang kepada anda di dalam keadaan murtad untuk diriku, syak pada agamaku, maka beliau telah berkata: Waspada dengan pemuda ini, beliau telah berkata: Siapakah pemuda ini? Beliau telah berkata: Ini adalah Ali bin Abu Talib, sepupu Rasulullah s.a.w dan suami Fatimah binti Rasulullah s.a.w, ini adalah Abu al-Hasan dan al-Husain dua anak lelaki Rasulullah s.a.w, lantas Yahudi telah datang kepada Ali a.s dan berkata: Adakah ini anda [Ali?].

Beliau telah berkata: Ya, beliau telah berkata: Sesungguhnya aku mahu bertanya anda tentang tiga, tiga dan satu. Beliau telah berkata: Amir al-Mukminin a.s telah tersenyum dan berkata: Wahai Haruniyyun, apakah yang telah menghalang anda dari berkata tujuh? Beliau telah berkata: Aku akan bertanya anda tentang tiga, jika anda telah menjawabnya kepadaku, aku akan bertanya anda selepasnya dan jika anda tidak mengetahuinya, aku akan mengetahui bahawa tidak ada

[91] Al-Husain telah mati syahid pada tahun 40 hijrah, sementara Ali bin al-Husain telah dilahirkan pada tahun 38 hijrah.

orang yang alim pada kamu, Ali a.s telah berkata: Aku bertanya anda dengan [nama] Tuhan yang anda sembah, jika aku dapat menjawab apa yang anda mahu, anda akan meninggalkan agama anda dan anda akan memasuki agamaku? Beliau telah berkata: Aku tidak datang melainkan untuk itu, beliau telah berkata: Tanyalah, beliau telah berkata: Beritahulah kepadaku titisan darah yang pertama tumpah di muka bumi ini?

Mata yang pertama telah mengalir di muka bumi? Perkara yang pertama telah bergerak di muka bumi? Maka Amir al-Mukminin a.s telah menjawabnya dan berkata kepadanya: Beritahulah kepadaku tentang tiga yang akhir, beritahulah kepadaku tentang Muhammad dan berapakah imam yang adil beliau miliki? Di syurga manakah beliau akan memasukinya? Siapakah yang akan tinggal bersamanya di syurga? Maka beliau a.s telah berkata: Wahai Haruniyyun, sesungguhnya bagi Muhammad adalah dua belas imam yang adil, tidak akan memudaratkan oleh kehinaan orang yang telah menghinanya, tidak takut kepada mereka yang menentangnya dan sesungguhnya mereka di dalam agama adalah lebih teguh daripada gunung di bumi dan tempat tinggal Muhammad di syurganya bersama dua belas imam yang adil, maka beliau telah berkata: Anda telah berkata benar, demi Allah, tiada tuhan melainkan Dia, sungguhnya aku mendapatinya di dalam kitab bapaku Harun, beliau telah menulisnya dengan tangannya dan imlak Musa, bapa saudaraku a.s. Beliau telah berkata: Beritahulah kepadaku tentang satu (*al-Wahidah*)? Beritahulah kepadaku tentang wasi Muhammad berapa lamakah beliau hidup selepasnya? Adakah beliau akan mati (biasa) atau akan dibunuh?

Beliau a.s telah berkata: Wahai Haruniyyun, beliau akan hidup selama tiga puluh tahun selepasnya, tidak lebih walaupun satu hari dan tidak kurang walaupun satu hari. Kemudian beliau akan dipukul [dengan] satu pukulan di sini-iaitu di kepalanya-lalu ia akan berlumuran dengan darah daripada sini, beliau telah berkata: Harunniyyun telah melaung dan memutuskan benang tebalnya di pakaiannya dan berkata: Aku naik saksi tiada tuhan melainkan Allah yang Satu, tida sekutu bagiNya dan aku naik saksi bahawa sesungguhnya Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya dan sesungguhnya anda adalah wasinya, sewajarnya anda melebihi [orang lain] dan tidak [boleh] ditandingi dan anda wajar dihormati dan bukan diperkecil-kecilkan, beliau telah berkata: Kemudian Ali a.s telah pergi bersamanya ke rumahnya, maka beliau a.s telah mengajarnya petanda-petanda agama.

(960)-6. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin Ahmad, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Abu Sa'id al-'Usfuri, daripada Umar bin Thabit, daripada Abu Hamzah telah berkata: Aku

telah mendengar Ali bin al-Husain a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah menciptakan Muhammad, Ali dan sebelas daripada anak-anaknya daripada cahaya kebesaran-Nya, lalu Dia telah mendirikan bentuk-bentuk yang kurang jelas (*asybaah*) pada ruang cahaya-Nya, mereka bertasybih kepada Allah dan mentakdiskanNya. Mereka adalah para Imam daripada anak-anak Rasulullah s.a.w.

(961)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Abdullah bin Muhammad al-Hasysyab, daripada Ibn Sama'ah, daripada Ali bin al-Hasan bin Ribat, daripada Ibn Udhinah, daripada Zurarah telah berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Dua belas imam daripada keluarga Muhammad a.s semuanya *muhaddath* daripada anak-anak Rasulullah s.a.w dan daripada anak-anak Ali a.s. Rasulullah s.a.w dan Ali a.s adalah dua bapa (*al-Waalidaani*)[92], maka Ali bin Rasyid, saudara Ali bin al-Husain sebelah ibunya telah mengingkarinya, lalu Abu Ja'far a.s telah melaung dan berkata: Adapun anak lelaki ibu anda bukanlah salah seorang daripada mereka.

(962)-8. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Mas'adah bin Ziyad, daripada Abi Abdullah dan Abi Sa'id al-Khudri telah berkata: Aku telah hadir ketika Abu Bakr telah mati dan Umar dilantik, tiba-tiba seorang pembesar Yahudi Yathrib dan yang paling alim mereka telah datang sehingga dibawa kepada Umar, lalu beliau telah berkata kepadanya: Wahai Umar, sesungguhnya aku telah datang kepada anda kerana mahu Islam, jika anda dapat menjawab apa yang aku akan bertanya anda tentangnya, maka anda adalah orang yang paling alim di kalangan para sahabat Muhammad dengan Kitab dan Sunnah dan semua yang aku mahu bertanya tentangnya.

Umar telah berkata kepadanya: Aku bukanlah begitu, tetapi aku akan menunjukkan kepada anda orang yang paling alim pada umat kita dengan Kitab dan Sunnah dan semua yang anda akan bertanya tentangnya, maka beliaulah-Umar telah menunjukkan kepada Ali a.s-maka Yahudi itu telah berkata kepadanya: Wahai Umar, jika inilah yang anda katakan, apakah kedudukan anda dan baiah orang ramai [kepada anda] kerana beliau (Ali) adalah orang yang paling alim di kalangan kamu! Lalu Umar telah menentangnya, kemudian Yahudi itu telah datang kepada Ali a.s dan berkata: Anda sebagaimana telah dikatakan oleh Umar? Maka beliau a.s telah berkata: Apakah yang telah dikatakan oleh Umar? Lalu beliau telah memberitahu kepadanya, beliau telah berkata: Jika anda sebagaimana telah dikatakan olehnya, aku akan

---

[92] Rasulullah s.a.w telah bersabda kepada Ali a.s: Aku dan anda adalah dua bapa umat ini, justeru, Allah melaknati orang yang menderhakai kita"

bertanya anda beberapa perkara yang aku ingin mengetahuinya dan aku akan memeluk Islam.

Maka Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Ya, aku adalah sebagaimana dikatakan oleh Umar, tanyalah apa yang terlintas dihati anda, aku akan memberitahu tentangnya kepada anda, jika Allah kehendaki. Beliau telah berkata: Beritahulah kepadaku tentang tiga, tiga dan satu, maka Ali a.s telah berkata kepadanya: Wahai Yahudi, kenapakah anda tidak berkata tentang tujuh, lalu Yahudi itu telah berkata: Sesungguhnya anda, jika anda telah memberitahu kepadaku tentang tiga, aku akan bertanya anda yang bakinya, jika tidak, anda akan menegah. Jika anda dapat menjawab tujuh perkara ini kepadaku, maka anda adalah penduduk bumi yang paling alim dan yang paling baik (*aula*) di kalangan manusia, maka beliau a.s telah berkata: Tanyalah apa yang terlintas di hati anda, wahai Yahudi, beliau telah berkata: Beritahulah kepadaku batu yang pertama diletakkan di atas muka bumi? Dan pokok yang pertama disiram di muka bumi? Dan mata yang pertama yang mengalir di muka bumi? Lalu Amir al-Mukminin a.s telah memberitahu kepadanya tentangnya[93], kemudian Yahudi telah berkata: Beritahulah kepadaku tentang umat ini berapa baginya imam petunjuk? Dan beritahulah kepadaku tentang nabi kamu Muhammad, di manakan kedudukannya di syurga?

Dan beritahulah kepadaku siapakah bersamanya di syurga? Maka Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepadanya: Sesungguhnya bagi umat ini dua belas imam petunjuk daripada zuriat nabinya dan mereka daripadaku[94]. Adapun kedudukan nabi kami di syurga adalah di syurga Adan yang lebih baik dan lebih mulia. Adapun mereka yang bersamanya pada kedudukannya di dalamnya adalah dua belas orang daripada zuriatnya[95], ibu mereka, datuk perempuan mereka, ibu kepada ibu mereka dan hamba-hamba perempuan mereka, tidak ada seorangpun yang akan tinggal bersama mereka padanya.

(963)-9. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ibn Mahbub, daripada Abi al-Jarud, daripada Abu Ja'far a.s daripada Jabir bin Abdullah al-Ansari berkata: Aku telah datang kepada Fatimah a.s dan di hadapannya loh (*lauh*) yang mangandungi nama-nama para wasi daripada [suaminya dan] anak-anaknya, maka aku telah menghitung dua belas [orang] dan yang akhir mereka adalah al-Qaim a.s, tiga daripada mereka[96] adalah Muhammad dan empat daripada mereka adalah Ali.

---

[93] Syeikh al-Kulaini hanya membentangkan jawapan Amir al-Mukminin a.s kepada Yahudi tentang Imam Dua Belas selepas Rasulullah s.a.w.

[94] Daripada zuriat Rasulullah s.a.w dan Ali a.s

[95] Rasulullah s.a.w dan Ali a.s adalah satu cahaya yang dibahagi dua.

[96] Tiga daripada anak-anak lelaki dan bukan daripada semua anak.

(964)-10. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abi Hamzah, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah mengutus Muhammad s.a.w kepada jin dan manusia dan telah menjadikan selepasnya dua belas wasi di antara mereka ada yang telah berlalu dan di antara mereka ada yang masih hidup dan setiap wasi selepas Muhammad s.a.w telah berlaku mengikut sunnah para wasi Isa dan mereka adalah dua belas orang dan Amir al-Mukminin adalah di atas sunnah al-Masih.

(965)-11. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa dan Muhammad bin Abi Abdullah dan Muhammad bin al-Hasan daripada Sahal bin Ziyad, daripad al-Hasan bin al-'Abbas bin al-Jarisy, daripada Abu Ja'far al-Thani a.s bahawa Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepada Ibn 'Abbas: Sesungguhnya *lailatu l-Qadr* (malam kuasa) adalah pada setiap tahun dan sesungguhnya urusan setahun akan turun pada malam itu, justeru, urusan itu adalah [untuk] para wali selepas Rasulullah s.a.w, maka Ibn 'Abbas telah berkata: Siapakah mereka? Beliau a.s telah berkata: Aku dan sebelas daripada salbiku adalah para imam *muhaddathun.*

(966)-12. Dan dengan sanad-sanad ini, beliau telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda kepada para sahabat: Berimanlah kepada *lailatu l-Qadr*, sesungguhnya ia akan berlaku kepada Ali bin Abu Talib dan anak-anaknya seramai sebelas orang selepasku".

(967)-13. Dan dengan sanad-sanad ini bahawa Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepada Abu Bakr pada suatu hari "*Janganlah kamu mengira bahawa mereka yang telah gugur di jalan Allah itu mati bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhan-nya mendapat rezeki*"[97] Dan aku naik saksi bahawa Muhammad s.a.w adalah Rasulullah s.a.w telah mati syahid, demi Allah, baginda s.a.w akan mendatangi anda, maka yakinlah apabila baginda s.a.w datang kepada anda kerana syaitan tidak akan menyerupainya, Ali telah mengambil tangan Abu Bakr, lalu beliau a.s telah memperlihatkan Nabi s.a.w kepadanya, lantas baginda s.a.w telah bersabda: Wahai Abu Bakr, Berimanlah kepada Ali dan sebelas orang daripada anak-anaknya, sesungguhnya mereka adalah sepertiku kecuali kenabian dan bertaubatlah kepada Allah daripada apa yang ada pada tangan anda (*khilafah*) kerana ia bukanlah hak anda padanya, beliau telah berkata: Kemudian baginda s.a.w telah pergi dan tidak dapat dilihat lagi.

---

[97] Surah Ali Imran (3): 169.

(968)-14. Abu Ali al-Asy'ari, daripada al-Hasan bin 'Ubaidillah, daripada al-Hasan bin Musa al-Khasysyab, daripada Ali bin Sama'ah, daripada Ali bin al-Hasan bin Ribat, daripada Ibn Udhinah, daripada Zurarah berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Dua belas imam daripada keluarga Muhammad semua mereka adalah *muhaddath* daripada anak-anak Rasulullah s.a.w dan anak-anak Ali bin Abu Talib a.s. Justeru, Rasulullah s.a.w dan Ali a.s adalah dua bapa (*al-Waalidaani*).

(969)-15. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Sa'id bin Ghazwan, daripada Abu Basir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Akan berlaku sembilan para imam selepas al-Husain bin Ali dan yang ke sembilan mereka adalah Qaim mereka.

(970)-16. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wisyaa', daripada Abban, daripada Zurarah berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: Kami adalah dua belas imam, daripada mereka adalah al-Hasan, al-Husain dan dan para imam daripada anak-anak al-Husain a.s.

(971)-17. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin Ahmad, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Abi Sa'id al-'Usfuri, daripada 'Amru bin Thabit, daripada Abi al-Jarud, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Rasulullah s.aw telah bersabda: Sesungguhnya aku dan dua belas (sebelas) daripada anak-anakku dan anda, wahai Ali, *Zarr al-Ardh* iaitu tunjang bumi dan gunungnya, dengan kami Allah menguatkan bumi dari musnah bersama penghuninya. Apabila dua belas (sebelas) daripada anak-anakku pergi, bumi akan musnah dengan penghuninya dan mereka tidak akan dilihat lagi.

(972)-18. Dan dengan sanad-sanand ini, daripada Abu Sa'id secara *marfu'*, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Daripada anak-anakku [dan Ali a.s] dua belas orang cerdik, *muhaddathun, mufahhamun* [98], akhir mereka adalah al-Qaim dengan kebenaran yang akan memenuhi bumi dengan keadilan sebagaimana ia dipenuhi dengan kezaliman".

(973)-19. Ali bin Muhammad dan Muhammad bin al-Hasan, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Muhammad bin al-Hasan bin Syammun, daripada Abdullah bin 'Abd al-Rahman al-Asamm, daripada Karram berkata: Aku telah bersumpah di antara aku dan diriku bahawa aku tidak akan memakan makanan di siang hari selama-lamanya sehingga datangnya Qaim keluarga Muhammad, maka aku telah datang

[98] Boleh memahami setiap sesuatu.

kepada Abu Abdillah a.s, lalu aku telah berkata kepadanya: Seorang lelaki Syiah kamu telah bersumpah kepada Allah bahawa beliau tidak akan memakan makanan di siang hari selama-lamanya sehingga datangnya Qaim keluarga Muhammad?

Beliau a.s telah berkata: Maka berpuasalah, jika begitu, wahai Karram, tetapi janganlah anda berpuasa pada hari raya puasa dan hari raya haji, pada tiga hari tasyriq, ketika anda musafir atau sakit kerana al-Husain a.s manakala dibunuh, langit, bumi, mereka di atasnya dan para malaikat telah menangis, maka mereka telah berkata: Wahai Tuhanku, izinlah kami bagi membinasakan makhluk sehingga kami memperbaharui mereka dari mula kerana mereka telah menghalalkan kehormatan Engkau, mereka telah membunuh orang pilihan Engkau, lalu Allah telah mewahyukan kepada mereka: Wahai para malaikat-Ku, wahai langit-Ku, wahai bumi-Ku, bawalah bertenang", kemudian Dia telah mendedahkan hijab[Nya], lalu Muhammad s.a.w telah meninggalkan dua belas wasi untuknya dan beliau telah mengambil tangan polan al-Qaim di kalangan mereka, Dia telah berfirman: Wahai para malaikat-Ku, wahai langit-Ku, wahai bumi-Ku dengan ini, Aku menang [untuk ini]- Dia telah berfirman sebanyak tiga kali-.

(974)-20. Muhammad bin Yahya dan Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Abi Talib, daripada Uthman bin Isa, daripada Sama'ah bin Mihran berkata: Aku, Abu Basir dan Muhammad bin 'Imran *maula* Abu Ja'far a.s telah berada di rumahnya di Makkah, maka Muhammad bin 'Imran telah berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Kami adalah dua belas *muhaddathan*, lalu Abu Basir telah berkata kepadanya: Adakah anda telah mendengar daripada Abu Abdillah a.s? Maka beliau telah bersumpah kepadanya satu kali atau dua kali bahawa beliau telah mendengarnya? Maka Abu Basir telah berkata: Tetapi aku telah mendengarnya daripada Abu Ja'far a.s.

Bab 127

☼Apabila Sesuatu Dikatakan Kepada Seseorang, Tetapi Ia tidak terjadi Padanya, Maka Ia terjadi Pada Anaknya(Atau Cucunya Kerana Beliaulah Dikatakan Kepadanya (*fi anna-hu idha qiila fi al-Rujul syai'un fa-lam yakun fi-hi wa kana fi waladi-hi au walad waladi-hi fa-inna-hu huwa alladhi qila fi-hi*☼

(975)-1. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad dan Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Mahbub, daripada Ibn Ri'aab, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah telah mewahyukan kepada 'Imran: "Sesungguhnya Aku memberi kepada engkau seorang lelaki yang sempurna, berkat, akan menyembuhkan orang yang buta dan orang yang berpenyakit sopak dan menghidupkan orang yang mati dengan izin Allah dan menjadikannya seorang rasul kepada Bani Israel", maka 'Imran telah memberitahu kepada isterinya Hanah, ibu Maryam.

Manakala beliau telah hamil, beliau telah menyangka kandungannya adalah lelaki, "*Manakala beliau telah melahirkannya, beliau telah berkata: Wahai Tuhanku, aku telah melahirkan seorang anak perempuan dan anak lelaki tidaklah sama dengan anak perempuan*", iaitu anak perempuan tidak boleh menjadi seorang rasul, tetapi Allah telah berfirman: "*Allah lebih mengetahui apa yang dilahirkannya itu*"[99], manakala Allah telah mengurniakan Isa kepada Maryam, maka beliaulah Allah telah memberi berita gembira kepada 'Imran dan telah menjanjikannya dengannya. Justeru, apabila kami telah berkata sesuatu kepada lelaki daripada kami, maka ia akan berlaku kepada anaknya atau cucunya, lantaran itu, janganlah kamu mengingkarinya.

(976)-2. Muhammad bin Isma'il, daripada al-Fadhl bin Syazaan, daripada Hammad bin Isa, daripada Ibrahim bin Umar al-Yamani, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Apabila kami telah berkata sesuatu kepada seseorang, jika ia tidak berlaku padanya, maka [ia akan berlaku] pada anaknya atau pada cucunya. Oleh itu, janganlah kamu mengingkarinya kerana Allah melakukan apa yang Dia kehendaki.

(977)-3. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Ahmad bin 'Aa'idh, daripada Abi Khadijah berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Kadangkala seorang itu dinilai dengan keadilan atau kezaliman serta kaitannya dengannya sekalipun beliau tidak melakukannya kerana ia terletak kepada anak lelakinya atau cucu selepasnya [yang akan

99 Surah Ali 'Imran (3): 36

melakukannya], justeru, beliau [dan anaknya atau cucunya] adalah orang yang sama (*fa-huwa huwa*).

Bab 128

☼Sesungguhnya Para Imam A.S Semuanya Melaksanakan Perintah Allah Ta'ala, Penunjuk Kepada-Nya (*inna al-Aimmata a.s kulla-hum qaa'imuun bi-amri llahi ta'ala haaduun ilai-hi*)☼

(978)-1. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Zaid Abi al-Hasan, daripada al-Hakam bin Abi Nu'aim berkata: Aku telah datang kepada Abu Ja'far a.s ketika beliau berada di Madinah, maka aku telah berkata kepadanya: Aku telah bernazar di antara *al-Rukn wa al-Maqam,* jika aku berjumpa dengan anda, aku tidak akan keluar dari Madinah sehingga aku mengetahui bahawa anda adalah Qaim keluarga Muhammad ataupun tidak, maka beliau tidak menjawab sesuatu kepadaku, lalu aku telah tinggal selama tiga puluh hari, kemudian beliau telah menyambutku di jalan, lalu berkata: Dan sesungguhnya anda masih ada di sini, maka aku telah berkata: Ya, aku telah memberitahu kepada anda tentang nazarku.

Anda tidak menyuruhku atau melarangku dari sesuatu dan anda tidak menjawab kepadaku dengan sesuatu? Maka beliau telah berkata: Datanglah di rumahku pada petang besok, maka akupun telah datang, beliau a.s telah berkata: Tanyalah tentang hajat anda, maka aku telah berkata: Aku telah bernazar, berpuasa atau bersedekah di antara *al-Rukn wa al-Maqam,* jika aku berjumpa dengan anda, aku tidak akan keluar dari Madinah sehingga aku mengetahui bahawa adakah anda *Qaim* keluarga Muhammad ataupun tidak, jika anda menahan diriku dari menolong anda, nescaya aku akan pergi ke tempat lain di bumi ini untuk mencari kehidupan.

Lalu beliau a.s telah berkata: Wahai Hakam, semua kita adalah *Qaim* dengan urusan Allah, aku telah berkata: Anda adalah al-Mahdi? Beliau telah berkata: Semua kita (al-Mahdi) menunjuk kepada Allah, aku telah berkata: Maka anda adalah pemilik pedang? Beliau telah berkata: Semua kita pemilik pedang dan pewaris pedang, aku telah berkata: Andalah pembunuh musuh-musuh Allah, para wali Allah menjadi kuat dengan anda dan agama Allah akan terserlah? Maka beliau a.s telah berkata: Wahai Hakam, bagaimana aku [Mahdi] sedangkan aku telah sampai empat puluh lima tahun? Sesungguhnya sahabat urusan ini (*sahib hadha al-Amr*) lebih hampir masanya dengan

susu (hari Kiamat) daripadaku dan lebih ringan di atas belakang bintang (berperang).

(979)-2. Al-Husain bin Muhammad al-Asy'ari, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Ahmad bin 'Aa'idh daripada Abi Khadijah, daripada Abu Abdillah a.s bahawa beliau telah ditanya tentang *al-Qaim*, maka beliau telah berkata: Semua kita adalah *Qaim* dengan urusan Allah, satu selepas satu sehingga pemilik pedang datang. Apabila pemilik pedang datang, maka beliau datang dengan urusan yang berbeza daripada urusan yang lalu.

(980)-3. Ali bin Muhammad, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Muhammad bin al-Hasan bin Syammun, daripada Abdullah bin 'Abd al-Rahman, daripada Abdullah bin al-Qasim al-Batal, daripada Abdullah bin Sinan berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdillah a.s tentang firman-Nya: "*Suatu hari Kami menyeru tiap umat dengan pemimpinnya*"[100] Beliau a.s telah berkata: Imam di hadapan mereka adalah *al-Qaim* pada zaman-nya.

Bab 129

☼Perhubungan [Dengan] Imam A.S (*silat al-Imam a.s*)☼

(981)-1. Al-Husain bin Muhammad bin 'Amir dengan sanad-sanadnya secara *marfu'* berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesiapa yang telah menyangka bahawa imam a.s berhajat kepada apa yang ada di tangan orang ramai, maka beliau adalah kafir[101], sesungguhnya orang ramai memerlukan imam a.s untuk menerima mereka, Allah telah berfirman: "*Dan ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka*"[102]

(982)-2. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Isa bin Sulaiman al-Nuhas, daripada al-Mufadhdhal bin Umar, daripada al-Khaibari dan Yunus bin Zubyaan berkata: Kami telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Tidak ada suatu perkara yang paling dicintai Allah dari mengeluarkan dirham-dirham kepada imam a.s dan sesungguhnya Allah

[100] Surah al-Israa' (17): 71
[101] Kerana beliau tidak mengetahui kelebihan imam a.s, imam menuntut zakat dan khumus adalah dengan perintah Allah, bukan di atas keperluannya. Dan kafir di sini bererti kafir nikmat, bukan kafir yang terkeluar daripada Islam.
[102] Surah al-Taubah (9): 103

akan menjadikan untuknya satu dirham di syurga seperti bukit Uhud, kemudian beliau telah berkata: Sesungguhnya Allah telah berfirman di dalam kitab-Nya: "*Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik, maka Dia akan melipatgandakan pembayaran kepadanya*"[103] Beliau a.s telah berkata: Demi Allah, ia adalah perhubungan [dengan] imam a.s secara khusus[104].

(983)-3. Dan dengan sanad-sanad ini, daripada Ahamd bin Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Hammad bin Abi Talhah, daripada Mu'adh, pemilik pakaian telah berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah tidak meminta [daripada] makhluk-Nya apa yang ada di tangan mereka sebagai pinjaman kerana Dia berhajat kepadanya; [tetapi] apa saja hak Allah, maka ia adalah untuk wali-Nya.

(984)-4. Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Abi al-Mughra, daripada Ishaq bin 'Ammar, daripada Abi Ibrahim a.s telah berkata: Aku telah bertanya tentang firman Allah: "*Siapakah mahu meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, maka Allah akan melipatgandakan pinjaman itu untuknya dan beliau akan memperoleh pahala yang banyak*"[105] Beliau a.s telah berkata: Ayat ini telah diturunkan tentang perhubungan [dengan] imam a.s.

(985)-5. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada al-Hasan bin Miyyaah, daripada bapanya telah berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata kepadaku: Wahai Miyyaah, satu dirham yang disampaikan kepada imam a.s itu, adalah lebih berat timbangannya dari bukit Uhud.

(986)-6. Ali bin Ibrahim, daripada Muhammad bin Isa, daripada Yunus, daripada sebahagian lelakinya, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: Satu dirham yang disampaikan kepada imam a.s adalah lebih baik daripada 200 ribu dirham [yang disampaikan] selain daripadanya daripada jalan-jalan kebaikan.

(987)-7. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Fadhdhal, daripada Ibn Bakir berkata: Aku telah mendengar Abu Abdillah a.s telah berkata: Aku mengambil dirham daripada salah seorang daripada kamu, sesungguhnya bagiku adalah

---

[103] Surah al-Baqarah (2): 245
[104] Segala ibadat mesti ada kaitan dengan para imam a.s selepas Rasulullah s.a.w.
[105] Surah al-Hadiid): 57

untuk orang yang banyak harta di Madinah, [tetapi] aku tidak mahu semuanya itu kecuali untuk mereka membersihkan [diri mereka][106].

Bab 130

☼*Al-Fa'*, *Anfaal*, Tafsir Khumus, Dan Batasannya Serta Apa Yang Wajib Padanya (*al-Fa' wa al-Anfaal wa tafsir al-Khums wa hududi-hi wa ma yajibu fi-hi*)☼

Sesungguhnya Allah telah menjadikan dunia semuanya untuk khalifahnya sebagaimana Dia berfirman kepada malaikat-Nya: "*Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi*"[107] Semua dunia adalah untuk Adam dan selepasnya [untuk] anak-anaknya yang baik dan pengganti-penggantinya, Justeru, apa yang dapat dikalahkan ke atasnya oleh musuh-musuh mereka, kemudian dikembalikan kepada "mereka" dengan peperangan atau kemenangan dinamakan *fai'* iaitu diberikan kepada mereka dengan kemenangan dan peperangan dan hukumnya sebagaimana firman Allah: "*Sesungguhnya apa saja yang dapat kamu peroleh, maka sesungguhnya seperlima untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul, anak-anak yatim, mereka yang miskin dan ibnussabil*"[108] Maka ia adalah untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul, maka ini adalah *fai'* yang dikembalikan. Sesungguhnya ianya dikembalikan daripada tangan orang lain, lalu diambil daripada mereka dengan pedang.

Adapun apa yang dikembalikan kepada mereka tanpa mengerahkan seekor kudapun atau seekor untapun, maka ia adalah *al-Anfaal*, iaitu untuk Allah dan Rasul-Nya secara khusus, tidak ada seorangpun yang berkongsi padanya kerana dijadikan perkongsian di dalam sesuatu yang diperangi bersama ke atasnya. Justeru, dijadikan bagi orang yang berperang -daripada rampasan perang- empat saham, maka bagi Rasul satu saham dan [saham] untuk Rasul s.a.w dibahagikan kepada enam bahagian, tiga untuknya dan tiga untuk anak-anak yatim, mereka yang miskin dan *ibnussabil*. Adapun *al-Anfaal*, maka ini bukanlah caranya kerana ia adalah untuk Rasul s.a.w secara khusus, begitu juga Fadak adalah untuk Rasulullah s.a.w secara khusus kerana Rasulullah s.a.w telah membukanya bersama Amir al-Mukminin a.s dan tidak ada seorangpun bersamanya [di dalam pembukaannya], justeru, nama *fai'* telah hilang daripadanya dan digantikan dengan nama *al-Anfaal*.

[106] Dengan memberi zakat dan khumus.
[107] Surah al-Baqarah (2): 30
[108] Surah al-Anfaal (8): 41

Begitu juga harta selain daripada tanah milik (*aajaam*), galian-galian, lautan dan padang pasir, maka ia adalah khusus untuk imam a.s. Jika satu kumpulan mengerjakannya dengan izin imam a.s, maka bagi mereka 4/5 dan bagi imam 1/5. Dan sesiapa yang berkerja padanya tanpa izin imam a.s, maka imam a.s akan mengambil kesemuanya, tidak ada hak bagi orang lain padanya. Demikian juga sesiapa yang telah memajukan sesuatu atau mengadakan terusan air atau berkerja di tanah *kharab* tanpa izin daripada pemilik tanah, maka tidak ada baginya hak ke atasnya, jika beliau mahu, beliau boleh mengambilnya daripadanya kesemuanya, jika beliau mahu, beliau boleh meninggalkannya pada tangannya[109].

(988)-1. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Hammad bin Isa, daripada Ibrahim bin Umar al-Yamani, daripada Abban bin Abi 'Iyyas, daripada Sulaim bin Qais berkata: Aku telah mendengar Amir al-Mukminin a.s telah berkata: Kamilah, demi Allah, mereka yang dimaksudkan oleh Allah dengan kaum kerabat (*dhi al-Qurba*) yang mana Allah telah menyertai mereka dengan diri-Nya dan nabi-Nya s.a.w, maka Dia telah berfirman: "*Apa saja fai' yang diberikan kepada Rasul-Nya yang berasal dari penduduk kota-kota, maka ia adalah untuk Allah, untuk Rasul, kaum kerabat, anak-anak yatim, mereka yang miskin dan ibnussabil*"[110] Untuk kami secara khusus dan Dia tidak menjadikan kami saham di dalam sedekah, Allah telah memuliakan Nabi-Nya dan memuliakan kami [dari] memakan kotoran yang ada di tangan manusia (sedekah).

(989)-2. Al-Husain bin Muhammad, daripada Mu'alla bin Muhammad, daripada al-Wasyaa', daripada Abban, daripada Muhammad bin Muslim, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah: "*Sesungguhnya apa saja yang dapat kamu peroleh, maka sesungguhnya seperlima untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul*"[111] Beliau a.s telah berkata: Mereka adalah kerabat Rasulullah s.a.w, khumus adalah untuk Allah, Rasul dan kami.

(990)-3. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Hafs bin al-Bukhturi, daripada Abu Abdillah a.s telah berkata: *Al-Anfaal* adalah apa yang tidak dikerahkan kuda dan unta atau satu kaum telah berdamai atau mereka telah memberi[nya] dengan tangan mereka. Dan setiap bumi yang terbiar (*khirbah*) dan perut-perut wadi,

---

[109] Dari awal bab sehingga ke sini adalah pendapat al-Kulaini *rahimahu llah.*
[110] Surah al-Hasyr (59):7
[111] Surah al-Anfaal (8): 41

maka ia adalah untuk Rasulullah s.a.w dan ia adalah untuk imam a.s selepasnya, beliau boleh melakukan apa yang beliau kehendaki.

(991)-4. Ali bin Ibrahim bin Hasyim, daripada bapanya, daripada Hammad bin Isa, daripada sebahagian daripada sahabat kami, daripada al-'Abd al-Salih a.s telah berkata: Khumus adalah daripada lima perkara: Sebarang keuntungan atau laba yang diperolehi, [hasil] penyelaman, barang simpanan, galian-galian dan galian garam. Diambil [khumus] dari lima jenis ini, kemudian diberikan kepada orang yang telah dijadikan Allah untuknya dan dibahagikan kepada 4/5 di antara orang yang mendapatinya[112]. Kemudian dibahagikan khumus di kalangan mereka di atas enam saham: Saham untuk Allah, saham untuk Rasulullah, saham kerabat, saham anak-anak yatim, saham mereka yang miskin dan saham *ibnussabil*.

Maka saham Allah dan saham Rasulullah adalah untuk *uli al-Amr* selepas Rasulullah s.a.w secara warisan, maka baginya tiga saham: Dua saham warisan[113] dan satu saham yang dibahagikan untuknya daripada Allah[114] dan baginya separuh khumus untuk penyempurnaan dan separuh khumus yang baki [dibahagikan] di antara keluarganya. Maka satu saham untuk anak-anak yatim mereka, satu saham untuk mereka yang miskin mereka dan satu saham untuk *ibnussabil* mereka, dibahagikan di kalangan mereka menurut Kitab dan Sunnah[115]. Dan jika terdapat lebihan, maka ia adalah untuk wali dan jika ia berkurangan dari hajat mereka, maka wali membelanjakannya kepada orang di sisinya menurut kadar keperluan mereka kerana beliau memiliki lebihan [bahagian] daripada mereka.

Sesungguhnya Allah telah menjadikan khumus ini secara khusus untuk mereka dan bukan untuk mereka yang miskin lain dan *ibnussabil* lain sebagai gantian kepada mereka dari sedekah manusia, sebagai penghormatan daripada Allah untuk mereka kerana kekerabatan mereka dengan Rasulullh s.a.w dan kemuliaan daripada Allah untuk mereka daripada kekotoran [dosa] manusia (*ausaakh al-Naas*). Justeru, Dia telah menjadikan khumus untuk mereka secara khusus bagi mengelakkan mereka dari kehinaan dan kemiskinan. Tidak mengapa sedekah [berlaku] di kalangan mereka. Dan mereka yang mana Allah telah menjadikan khumus untuk mereka adalah kaum kerabat Nabi s.a.w yang telah disebutkan oleh Allah: *"Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat"*[116]

---

[112] Di dalam *ghanimah* (*man qaata 'alai-hi*)
[113] Daripada Rasulullah s.a.w.
[114] Saham kerabat.
[115] Menurut riwayat yang lain: "Menurut kemudahan dan kesenangan mereka"
[116] Surah al-Syu'araa' (26): 214

Mereka adalah Bani 'Abd al-Muttalib sendiri, lelaki dan perempuan daripada mereka, tidak termasuk seorangpun di kalangan mereka *ahlu buyuutaat* Quraisy dan Arab di dalam khumus ini, begitu juga *mawaali*-mereka. Kadangkala dihalalkan sedekah orang ramai kepada *mawaali* mereka, mereka dan orang ramai adalah sama. Sesiapa yang ibunya daripada Bani Hasyim dan bapanya daripada Quraisy, maka sedekah adalah halal baginya dan khumus bukanlah untuknya kerana Allah berfirman: "*Panggillah mereka dengan [nama] bapa-bapa mereka*"[117] Dan bagi imam a.s harta yang bersih: Beliau a.s mengambil daripada harta-harta ini yang bersih lagi elok, binatang yang baik, barang-barang menurut apa yang beliau suka atau kehendaki kerana ia adalah untuknya sebelum dibahagikan dan sebelum dikeluarkan khumus dan beliau hendaklah menunaikan semua yang mewakilinya seperti memberi kepada muallaf dan lain-lain.

Jika ada lagi bakinya, maka khumus dikeluarkan daripadanya, kemudian beliau membahagikannya di kalangan keluarganya dan yang bakinya kepada orang selepasnya. Jika bakinya tidak ada selepas pembahagian, maka tidak ada sesuatu untuk mereka dan tidak ada sesuatu bagi mereka yang berperang dan tidak ada sesuatu bagi mereka yang telah menang ke atasnya (musuh) melainkan yang meliputi askar. Tidak ada bahagian bagi Arab (*A'raab*) jika mereka berperang bersama wali kerana Rasulullah s.a.w telah berdamai dengan Arab supaya baginda s.a.w meninggalkan mereka di rumah-rumah mereka dan mereka tidak berhijrah dengan alasan jika Rasulullah s.a.w diserbu oleh musuhnya, baginda s.a.w dapat melepaskan mereka [menentang musuhnya], justeru baginda s.a.w telah berperang dengan mereka dan mereka tidak ada bahagian di dalam *ghanimah* kerana sunnahnya berlaku sedemikian kepada mereka dan pada selain daripada mereka.

Adapun tanah-tanah yang diambil secara kekerasan dengan [kerahan] kuda dan tentera, maka ia di tinggalkan pada tangan orang yang memajukannya dan menghidupkannya dan wali menilainya di atas kemampuan mereka dan kepentingan mereka sama ada1/2 atau 1/3 atau 2/3 menurut kadar kepentingan mereka dan beliau tidak akan memudaratkan mereka. Apabila dikeluarkan hasilnya, maka dikeluarkan 1/10 daripada semuanya, jika ia menggunakan air hujan atau air yang mengalir. Dan separuh 1/10, jika baldi atau penyiram yang besar digunakan. Kemudian wali mengambilnya dan mengajukannya kepada pihak yang ditetapkan oleh Allah di atas lapan saham: Fakir, miskin, amil, muallaf, hamba, mereka yang berhutang, untuk jalan Allah dan *ibnussabil.* Dibahagikan secara sederhana di kalangan mereka menurut kadar yang mereka perlukan, jika ada lebihan, maka ia dikembalikan kepada wali.

[117] Surah al-Ahzab (33): 5

Dan jika ia kurang dan tidak mencukupi untuk hajat mereka, maka wali hendaklah menolong mereka menurut kadar yang terdaya bagi memenuhi hajat mereka dan diambil baki daripada 1/10 dan dibahagikan di antara wali dan kongsi-kongsinya yang terdiri daripada pekerja-pekerja tanah, lalu diberikan kepada mereka bahagian mereka menurut perjanjian dan diambil bakinya sebagai bayaran kepada pembantu-pembantunya di atas agama Allah dan memperkukuhkan agama Islam melalui jihad di dalam berbagai-bagai bidang untuk kepentingan umum dan bukan untuk kepentingan dirinya sendiri sedikit ataupun banyak.

Dan baginya selepas khumus adalah *al-Anfaal*. *Al-Anfaal* adalah setiap bumi *khirbah* yang telah diabaikan oleh ahlinya dan setiap tanah yang tidak dikerah ke atasnya kuda atau unta, tetapi mereka telah membuat perdamaian dan mereka telah memberikan[nya] dengan tangan mereka [kepada wali], tanpa berperang. Baginya puncak-puncak gunung, perut-perut wadi, harta-harta selain daripada tanah (*aajaam*) dan setiap bumi yang mati tanpa pemiliknya. Dan baginya harta-harta peribadi kepunyaan raja-raja (*sawaafi al-Muluak*), apa yang dimiliki oleh mereka tanpa rampasan kerana barang rampasan mesti dipulangkan, beliau adalah pewaris bagi orang yang tidak ada waris, menanggung [makanan] orang yang tidak mampu.

Beliau telah berkata: Sesungguhnya Allah tidak meninggalkan sesuatu daripada jenis-jenis harta melainkan Dia telah membahagi-bahagikanya dan telah memberi setiap orang yang mempunyai hak akan haknya secara khusus dan umum, fakir-fakir, mereka yang miskin dan setiap jenis manusia, maka beliau telah berkata: Jika diperlakukan keadilan pada manusia, nescaya mereka telah menjadi kaya", kemudian beliau telah berkata: Sesungguhnya keadilan adalah lebih manis daripada susu dan tidak akan melakukan keadilan melainkan orang yang layak untuk keadilan.

Beliau telah berkata: Rasulullah s.a.w telah membahagi-bahagikan sedekah penduduk padang pasir di tempat mereka dan sedekah penduduk bandar di tempat mereka dan baginda s.a.w tidak membahagi-bahagikan di antara mereka dengan sama di atas lapan saham sehingga baginda s.a.w memberi kepada penduduk setiap saham akan harganya, tetapi baginda s.a.w membahagikannya di atas kadar orang yang hadir daripada lapan jenis menurut kadar yang dinilai olehnya. Tidak ada masa yang tertentu atau temujanji. Sesungguhnya baginda s.a.w telah melakukan sedemikian menurut kadar yang dilihatnya sehingga baginda s.a.w melaksanakan hajat setiap kumpulan daripada mereka. Jika terdapat lebihan harta itu, maka mereka telah membentangkannya kepada orang lain dan *al-Anfaal* kepada wali.

Dan setiap tanah yang dibuka pada masa Nabi s.a.w sehingga ke akhir abad sama ada dibuka oleh ahli kezaliman atau ahli keadilan

kerana *dhimmah* Rasulullah s.a.aw pada mereka yang terdahulu dan terkemudian adalah satu kerana Rasulullah s.a.w telah bersabda: Muslimun adalah saudara, darah mereka dibela dan yang paling rendah di kalangan mereka berjalan dengan *dhimmah* mereka". Dan tidak ada zakat pada harta khumus kerana mereka yang fakir telah menjadikan rezeki mereka pada harta orang ramai, maka ia di atas lapan saham, justeru, tidak ada seorangpun daripada mereka tinggal, Dia telah menjadikan fakir-fakir sebagai kerabat Rasulullah s.a.w separuh khumus, maka Dia telah memperkayakan mereka dengannya daripada sedekah orang ramai, sedekah Nabi s.a.w dan *wali al-Amr*.

Justeru, tidak ada fakir yang tinggal dan tidak ada fakir di dalam kerabat Rasulullah s.a.w melainkan beliau telah menjadi kaya, maka tidak ada fakir lagi. Justeru, tidak ada zakat ke atas harta Nabi s.a.w dan wali kerana tidak ada fakir yang berhajat, tetapi mereka masih mempunyai cara-cara yang harus dipatuhi.

(992)-5. Ali bin Muhammad bin Abdullah, daripada seorang daripada sahabat kami [bernama] al-Sayyaari, daripada Ali bin Asbat berkata: Manakala Abu al-Hasan Musa a.s telah datang kepada[khalifah] al-Mahdi, beliau telah melihatnya mengembalikan harta-harta yang di rampas (*al-Mazalim*), lantas beliau a.s telah berkata: Wahai Amir al-Mukminin, kenapakah harta [118]kami (Fadak) tidak dikembalikan? Maka beliau telah berkata kepadanya: Apakah itu, wahai Abu al-Hasan? Beliau a.s telah berkata: Sesungguhnya Allah manakala Dia telah membuka Fadak melalui Nabi-Nya s.a.w dan memeritahkannya tanpa dikerahkan kuda dan unta ke atasnya, lalu Dia telah menurunkan di atas nabi-Nya s.a.w: "*Dan berilah kepada keluarga yang terdekat akan haknya*"[119] Rasulullah s.a.w tidak mengetahui siapakah mereka, lalu baginda s.a.w telah merujukkannya kepada Jibrail dan Jibrail pula telah merujukkannya kepada Allah, maka Allah telah mewahyukan kepadanya: Barilah Fadak kepada Fatimah a.s"

Kemudian baginda s.a.w telah memanggil Fatimah a.s dan bersabda kepadanya: Wahai Fatimah, sesungguhnya Allah telah memerintahkan aku supaya memberikannya kepada anda Fadak, maka beliau a.s telah berkata: Aku telah menerimanya , wahai Rasulullah daripada Allah dan daripada anda (*min Allah wa-min-ka*). Maka para wakilnya sentiasa berada padanya pada masa hidup Rasulullah s.a.w. Manakala Abu Bakr dilantik, beliau telah mengeluarkan para wakilnya daripadanya, lalu Fatimah a.s telah datang kepadanya dan memintanya supaya mengembalikannya (Fadak) kepadanya, maka Abu Bakr telah berkata kepadanya: Bawalah kepadaku orang yang berkulit hitam atau berkulit

---

[118] *Mazlamatu-na la turaddu*
[119] Surah al-Israa' (17): 26

merah yang akan memberi saksi untuk anda tentangnya, lalu beliau a.s telah datang dengan Amir al-Mukminin a.s dan Umm Aiman, kemudian mereka berdua telah menjadi saksi untuknya.

Lalu Abu Bakr telah menulis kepada Fatimah a.s supaya meninggalkan bantahan[nya], lalu beliau a.s telah keluar dan surat bersamanya, tiba-tiba beliau a.s telah terserempak dengan Umar, lalu Umar telah berkata: Apakah bersama anda, wahai anak perempuan Muhammad? Beliau a.s telah berkata: Surat yang telah ditulis oleh Ibn Abi Qahafah[120], Umar telah berkata: Perlihatlah kepadaku, tetapi Fatimah a.s telah enggan, lalu Umar telah merampasnya daripada tangannya dan melihat padanya, kemudian beliau telah meludahkan padanya (*tafila fi-hi*), memadamkannya dan mengoyakkannya[121]. Kemudian beliau telah berkata kepadanya: Ini juga bapa anda tidak mengerahkan kuda dan unta?[122]

Lantaran itu, letaklah tali di tengkuk-tengkuk kami"[123] Maka al-Mahdi telah berkata kepadanya: Wahai Abu al-Hasan, berilah sempadannya[124] kepadaku, maka beliau a.s telah berkata: Di antara sempadannya adalah bukit Uhud sehingga ke 'Uraisy di Mesir dan sempadan Saif al-Bahr daripada Daumah al-Jandal, maka beliau telah berkata kepadanya: Semua ini? Beliau a.s telah berkata: Ya, wahai Amir al-Mukminin, ini semuanya, sesungguhnya semuanya ini tidak dikerahkan oleh Rasulullah s.a.w di atas penduduknya dengan kuda dan unta[125], maka [khalifah] al-Mahdi telah berkata: [ini] banyak dan aku akan melihat padanya[126].

(993)-6. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s telah berkata: *Al-Anfaal* adalah [daripada] *al Nafal* dan Surah al-Anfaal adalah untuk menghancurkan kesombongan.

(994)-7. Ahmad, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abi Nasr, daripada al-Ridha a.s telah berkata: Beliau ditanya tentang firman Allah: "*Sesungguhnya apa saja yang dapat kamu perolehi, maka sesungguhnya*

---

[120] Abu Bakr
[121] Perbuatan Umar sedemikian dianggap tidak bertamadun.
[122] Ini bererti: Ini juga milik bapa anda tanpa peperangan? Suatu penghinaan kepada Fatimah a.s.
[123] Kata-kata Umar kepada Fatimah a.s: Letaklah tali di tengkuk-tengkuk kami" adalah suatu penghinaan kepada Fatimah a.s dan bapanya Rasulullah s.a.w.
[124] Sempadan Fadak
[125] Tanpa peperangan.
[126] Aku akan mengkajinya.

seperlima untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul"[127] Maka dikatakan kepadanya: Apa yang dimiliki oleh Allah maka ia untuk siapa? Beliau telah berkata: Untuk Rasulullah s.a.w dan apa yang dimiliki oleh Rasulullah sa.w adalah untuk imam a.s, lalu dikatakan kepadanya: Apakah yang anda lihat jika satu jenis[128] bertambah dan jenis yang lain pula berkurangan? Beliau a.s telah berkata: Itu terserah kepada imam a.s, tidakkah anda telah melihat kepada Rasulullah s.a.w bagaimana baginda s.a.w buat? Tidakkah baginda s.a.w telah memberi[nya] menurut apa yang dilihat oleh baginda s.a.w. Begitulah halnya dengan imam a.s.

(995)-8. Ali bin Ibrahim, bin Hasyim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Jamil bin Darraj, daripada Muhammad bin Muslim, daripada Abu Ja'far a.s bahawa beliau a.s ditanya tentang galian emas, perak, besi, plumbum (logam) dan tembaga kuning. Maka beliau a.s telah berkata: Di atasnya khumus.

(996)-9. Ali, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Jamil, daripada Zurarah berkata: Imam (a.s) membelanja, mengambil lebihan (*nafal*) dan memberi apa yang beliau kehendaki sebelum jatuhnya anak panah[129]. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah memerangi satu kaum, tetapi baginda s.a.w tidak menjadikan untuk mereka bahagian *fai'* dan jika baginda s.a.w kehendaki, baginda s.a.w membahagikannya di kalangan mereka.

(997)-10. Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada 'Abd al-Samad bin Basyir, daripada Hakim Mu'azzin Ibn Isa berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang firman Allah: "*Sesungguhnya apa saja yang dapat kamu perolehi, maka sesungguhnya seperlima untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul*"[130] Maka Abu Abdillah a.s telah berkata dengan dua sikunya di atas dua lututnya, kemudian beliau telah menunjukkan dengan tangannya, kemudian beliau telah berkata: Ia, demi Allah, [adalah] kegunaan dari hari ke hari, tetapi bapaku telah menjadikan Syiahnya di dalam kelapangan supaya mereka dapat membersihkan diri mereka.

(998)-11. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada al-Hasan bin 'Uthman, daripada Sama'ah berkata: Aku telah bertanya Abu al-Hasan a.s tentang khumus, maka beliau telah

---

[127] Surah al-Anfaal (8): 41
[128] Jenis (kumpulan) yang menerima khumus.
[129] Sebelum berlakunya peperangan.
[130] Surah al-Anfaal (8): 41

berkata: Pada setiap apa yang memberi faedah kepada manusia sama ada sedikit atau banyak.

(999)-12. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa bin Yazid berkata: Aku telah menulis: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, ajarlah aku apakah faedah dan hadnya menurut pendapat anda- Semoga Allah memanjangkan umur anda-anda hendaklah memberi penerangan kepadaku supaya aku tidak tinggal di atas haram, tidak ada sembahyang dan puasa untukku, maka beliau a.s telah menulis: Faedah adalah apa yang mendatangkan manfaat kepada anda di dalam perniagaan daripada keuntungannya dan tanaman selepas hutang atau hadiah.

(1000)-13. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Ibn Abi Nasr berkata: Aku telah menulis kepada Abu Ja'far a.s tentang khumus, adakah aku mengeluarkannya selepas perbelanjaan makan atau sebelumnya? Maka beliau telah menulis: Selepas perbelanjaan makan.

(1001)-14. Ahmad bin Muhammad, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Ali bin Abi Hamzah, daripada Abu Basir, daripada Abu Ja'far a.s telah berkata: Sesuatu yang diperangi di atas syahadah tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad Rasulullah s.a.w, sesungguhnya bagi kami khumusnya dan tidak halal bagi seorangpun membeli sesuatu daripada khumus sehingga hak kami sampai kepada kami (*la yahillu li-ahadin an yasytariya min al-Khums syai'an hatta yasila ilai-na haqqu-na*).

(1002)-15. Ahmad bin Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Yunus bin Ya'qub, daripada 'Abd al-'Aziz bin Nafi' berkata: Kami telah meminta izin daripada Abu Abdillah a.s dan kami telah mengutus kepadanya, lalu beliau telah mengutus kepada kami: Masuklah kamu berdua, maka aku dan seorang lelaki bersamaku telah masuk, lalu aku telah berkata kepada lelaki itu: Aku mahu anda meminta izin [Abu Abdillah a.s] tentang satu masalah[131], maka beliau telah berkata: Ya, lalu beliau telah berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya bapaku adalah di kalangan tawanan Bani Umayyah.

Sesungguhnya aku telah mengetahui bahawa Bani Umayyah tidak [berhak] mengharam dan menghalalkan [sesuatu], sesungguhnya apa yang mereka telah lakukan sedikit atau banyak adalah untuk kamu. Manakala aku mengingati perkara itu, sesuatu telah mengganggu

[131] Tentang Yazid

fikiranku, lalu beliau telah berkata kepadanya: Kamipun telah berdiri dan keluar, lalu kami telah mendahului al-Mu'tab[132] kepada beberapa orang yang sedang menunggu izin Abu Abdillah a.s, maka beliau telah berkata kepada mereka: 'Abd Al-'Aziz bin Nafi' telah menang dengan sesuatu, tidak ada seorangpun yang telah menang seumpamanya, dikatakan kepadanya: Apakah itu? Maka beliau telah menjelaskannya kepada mereka.

Kemudian dua orang telah datang kepada Abu Abdillah a.s, salah seorang daripada mereka berdua telah berkata: Aku telah menjadikan diriku tebusan anda, sesungguhnya bapaku adalah di kalangan tawanan Bani Umayyah dan aku telah mengetahui bahawa Bani Umayyah tidak mengharam dan menghalalkan [sesuatu] sesungguhnya apa yang mereka miliki sedikit atau banyak adalah untuk kamu, aku ingin anda menyelesaikan perkara ini, maka beliau a.s telah berkata: [Penyelesaian] itu kepada kami? Itu bukan untuk kami, kami bukanlah untuk menghalal atau mengharamkan [sesuatu][133]

Kemudian dua lelaki itu telah keluar dan Abu Abdillah a.s telah menjadi marah dan tidak ada seorangpun yang dapat berjumpa dengannya pada malam itu melainkan beliau telah memulakannya, lalu beliau a.s telah berkata: Tidakkah kamu hairan dengan polan mendatangiku, lalu beliau meminta halal daripadaku tentang apa yang telah dilakukan oleh Bani Umayyah, seolah-olah beliau melihat itu adalah hak kami!? Justeru, tidak ada seorangpun yang telah dapat berjumpa dengan Abu Abdillah a.s pada malam itu melainkan dua lelaki yang pertama itu kerana mereka berdua telah dapat[bertanya] apa yang mereka mahu.

(1003)-16. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Mahbub, daripada Dhuraisy al-Kinasi berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata: Dari manakah zina telah masuk kepada manusia? Aku telah berkata: Aku tidak mengetahui[nya], aku telah menjadikan diriku tebusan anda, beliau a.s telah berkata: Tidak menerima khumus kami Ahlu l-Bait melainkan Syaih kami yang paling baik (*syi'atu-na al-Atyabiin*), sesungguhnya ia dihalalkan untuk mereka kerana kelahiran mereka" (*fa-inna-hu muhallalun la-hum li-miilaadi-him*). [134]

(1004)-17. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Syu'aib, daripada Abi Sabah telah berkata: Abu Abdillah a.s telah berkata kepadaku: Kami adalah satu kaum yang mana

---

[132] Hamba Abu Abdillah a.s
[133] Beliau a.s telah berkata sedemikian kerana *taqiyyah.*
[134] Yang baik, bukan anak zina.

Allah telah memfardukan ketaatan kami[135], bagi kami *al-Anfaal* dan bagi kami harta yang bersih".

(1005)-18. Beberapa orang daripada sahabat kami, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Qasim bin Muhammad, daripada Rifa'ah, daripada Abban bin Taghlab, daripada Abu Abdillah a.s tentang seorang lelaki yang akan mati, tidak ada pewaris dan tuan, beliau a.s telah berkata: Beliau adalah daripada ahli ayat ini: "*Mereka akan bertanya engkau tentang al-Anfaal*"[136].

(1006)-19. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Hammad, daripada al-Halabi, daripada Abu Abdillah a.s tentang harta simpanan (*al-Kanz*)[137], berapakah padanya? Beliau a.s telah berkata: Khumus (1/5); dan tentang galian-galian berapakah padanya? Beliau a.s telah berkata: Khumus (1/5), begitu juga dengan logam, tembaga kuning dan besi. Dan setiap daripada galian diambil [khumus] daripadanya sebagaimana diambil [khumus] daripada emas dan perak.

(1007)-20. Muhammad bin Yahya, daripada Ahamd bin Muhammad, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Sabah al-Azraq, daripada Muhammad bin Muslim, daripada salah seorang daripada mereka berdua a.s telah berkata: Orang yang paling mengambil berat pada hari Kiamat adalah pemilik khumus (*Sahib al-Khums*), lalu beliau berkata: Wahai Tuhan, khumusku; dan sesungguhnya kami telah [memberikannya] dengan kebaikan [hati] kami kepada Syiah kami kerana kebaikan dan kebersihan kelahiran mereka"[138]

(1008)-21. Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin al-Husain, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abi Nasr, daripada Muhammad bin Ali, daripada Abu al-Hasan a.s, berkata: Aku telah bertanya beliau a.s tentang hasil yang keluar dari lautan seperti mutiara, yaqut, jed, galian-galian emas dan perak? Beliau a.s telah berkata: Apabila harganya satu dinar, maka padanya khumus.

(1009)-22. Muhammad bin al-Husain dan Ali bin Muhammad, daripada Sahal bin Ziyad, daripada Ali bin Mihziyar berkata: Aku telah menulis kepadanya: Wahai *sayyidi,* seorang lelaki telah diberikan kepadanya harta untuk melakukan haji, adakah wajib ke atasnya memberi khumus daripada harta itu atau lebihan [daripada harta itu] di

---

[135] Kepada umat Muhammad s.a.w
[136] Surah al-Anfaal (8): 1
[137] Harta yang tersimpan di dalam tanah.
[138] Di dalam riwayat yang lain untuk "Membersihkan [jiwa] anak-anak mereka".

tangannya selepas melakukan haji? Maka beliau a.s telah menulis: Tidak wajib ke atasnya khumus [daripada harta itu].

(1010)-23. Sahal bin Ziyad, daripada Muhammad bin Isa, daripada Ali bin al-Husain bin 'Abd Rabbi-hi berkata: Al-Ridha a.s telah memberi wang kepada bapaku, lalu bapaku telah menulis kepadanya: Adakah wajib khumus di atas wang yang anda telah berikan kepadaku? Maka beliau a.s telah menulis: Tidak wajib khumus di atas wang yang telah diberikan oleh pemilik khumus kepada anda.

(1011)-24. Sahal, daripada Ibrahim bin Muhammad al-Hamdani berkata: Aku telah menulis kepada Abu al-Hasan a.s[139]: Sementara Ali bin Mihziyar telah membaca kepadaku surat bapa anda tentang apa yang telah diwajibkan ke atas pemilik-pemilik tanah sebanyak separuh 1/6 selepas perbelanjaan makan dan tidak wajib bagi orang yang tidak memajukan tanahnya dengan perbelanjaannya separuh 1/6 dan tidak selain daripada itu, maka ia telah berbeza di pihak kami sebelum ini tentangnya, maka mereka telah berkata: Wajib khumus di atas hartanah selepas perbelanjaan, iaitu perbelanjaan hartanah dan *kharaj*nya dan bukan perbelanjaan seseorang dan tanggungannya, lalu beliau a.s telah menulis: "Selepas perbelanjaannya dan perbelanjaan tanggungannya dan [selepas] *kharaj* sultan".

(1012)-25. Sahal, daripada Ahamd bin al-Muthanna berkata: Muhammad bin Zaid al-Tabari telah memberitahu kepadaku, berkata: Seorang lelaki daripada peniaga-peniaga Farsi dari kalangan bekas-bekas hamba Abu al-Hasan a.s meminta izin daripadanya tentang khumus, maka beliau telah menulis kepadanya:

"*Bismillahi r-Rahmani r-Rahim*, sesungguhnya Allah Maha Luas dan Maha Mulia telah menjamin amalan dengan pahala, kesusahan dengan kesenangan, mana-mana harta [adalah] tidak halal melainkan menurut cara yang dihalalkan oleh Allah dan sesungguhnya khumus telah menolong kami di atas agama kami, di atas tanggungan kami dan hamba-hamba kami. Justeru, janganlah kamu menjauhkannya [daripada kami] dan janganlah kamu mengharamkan diri kamu doa kami menurut kemampuan kamu kerana pengeluarannya (khumus) adalah anak kunci rezeki kamu, menghilangkan dosa-dosa kamu dan persediaan untuk kamu pada hari kamu berhajat [di akhirat kelak]. Seorang muslim akan menunaikan untuk Allah apa yang beliau telah janjikan kepadaNya dan bukan seorang muslim yang hanya menjawab dengan lidahnya dan menyalahi hatinya, *wa al-Salam*".

---

[139] Abu al-Hasan a.s yang ketiga.

(1013)-26. Dan dengan sanad-sanad ini, daripada Muhammad bin Zaid berkata: Satu kumpulan dari Khurasan telah datang kepada Abu al-Hasan al-Ridha a.s, maka mereka telah memintanya supaya menyelesaikan khumus untuk mereka[140], maka beliau telah berkata: Aku tidak akan tertipu dengannya, kamu telah menunjukkan kasih sayang dengan lidah kamu kepada kami sedangkan kamu menjauhkan daripada kami hak yang Allah telah menjadikannya untuk kami, iaitu khumus, kami tidak akan menjadikan seorangpun daripada kamu [terlepas] di dalam penyelesaian [khumus][141].

(1014)-27. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya berkata: Aku telah berada di sisi Abu Ja'far al-Thani a.s, tiba-tiba Salih bin Muhammad bin Sahal telah datang kepadanya. Beliau telah mengurus wakaf di Qum, maka beliau telah berkata kepadanya: Wahai *sayyidi*, jadilah 10, 000 [dinar] untukku di dalam penyelesaian (tanpa membayarnya) kerana aku telah membelanjakannya, maka beliau a.s telah berkata: Anda di dalam penyelesaian (anda tidak perlu membayarnya). Manakala Salih telah keluar, Abu Ja'far a.s telah berkata: Seorang daripada mereka melompat di atas harta-harta hak keluarga Muhammad, yatim-yatim mereka, miskin-miskin mereka, fakir-fakir mereka, *ibnussabi-ibnussabil* mereka, lalu beliau mengambilnya, kemudian beliau datang dan berkata: Jadilah aku di dalam penyelesaian (tidak perlu membayarnya), adakah anda melihat bahawa aku berkata: Aku tidak akan menuntutnya, demi Allah, pada hari Kiamat kelak, Allah akan bertanya mereka tentangnya dengan soalan yang cepat.

(1015)-28. Ali, daripada bapanya, daripada Ibn Abi 'Umair, daripada Hammad, daripada al-Halabi berkata: Aku telah bertanya Abu Abdillah a.s tentang *'anbar* (*ambergris*)[142] dan penyelaman mutiara, maka beliau a.s telah berkata: Wajib di atasnya khumus.

---

[140] Tidak mengeluarkan khumus.
[141] Terlepas daripada khumus yang cukup syaratnya.
[142] Benda seperti lilin yang terdapat di dalam perut ikan paus. (jenis bauan).

BIBLIOGRAFI

Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad,* Beirut, 1382

al-Baladhuri, *Ansab al-Asyraf*, Tunis, 1384 H.

al-Bukhari, *Sahih*, Beirut, 1377 H.

al-Darimi, *al-Sunan*, Cairo, 1385 H.

al-Dhahabi, *al-Talkhis*, Cairo, 1969.

al-Fadhl bin Syadhan al-Naisaburi, *al-Idhah*, Beirut, 1990.

Fakhr al-Din al-Razi, *Mafatih al-Ghaib*, Cairo, 1382H.

al-Haithami, *Majma'al-Zawa'id*, Baghdad, 1378 H.

al-Hakim, *al-Mustadrak Baina al-Sahihaini*, Cairo, 1969.

Al-Kasyi, *al-Rijal*, Baghdad, 1389 H.

Ibn 'Abd al-Birr, *al-Isti'ab fi Ma'rifah al-Sahabah*, Cairo, 1365

Ibn Abu al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, Baghdad, 1382 H.

Ibn al-Athir al-Jazari, *Usd al-Ghabah*, Baghdad, 1969.

Ibn Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, Cairo, 1956.

al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib*, Teheran, 1378 H.

al-Kulaini, *Usul al-Kafi*, Beirut 1380 H.

__________, *Raudhat al-Kafi*, Beirut, 1405 H.

Ibn al-Nadim, *al-Fihris* , Baghdad, 1391H..

Ibn Hajr al-'Asqalani, *al-Isabah fi Ma'rifah al-Sahabah*, Beirut, 1953.


____________, *Fath al-Bari*, Cairo, 1965.

____________, *Tahdhib al-Tahdhib*, Hyderabad, 1328 H.

Ibn Hajr al-Makki, *al-S.a.wa'iq al-Muhriqah*, Baghdad, 1374 H.

al-Halabi, *al-Sirah al-Halabiyyah*, Beirut, 1987.

Ibn Hazm al-Andalusi, *al-Muhalla,* Beirut, 1401 H.



Ibn Hisyam, *Sirah Ibn Hisyam*, Beirut, 1987.

Ibn Kathir, al-*Tafsir*, Cairo, 1958.

____________,*al-Bidayah wa al-Nihayah*, Cairo, 1365 H.

Ibn Majah, *al-Sunan*, Baghdad, 1367 H.

al-Majlisi, Muhammad al-Baqir, *Bihar al-Anwar* , Beirut 1993.

Malik bin Anas, *al-Muwatta'*, Tunis, 1972.

Muhibb al-Din al-Tabari, *Dhakha'ir al-'Uqba*, Tunis, 1376 H.

____________, *al-Riyad al-Nadirah*, Cairo, 1389 H.

Muhsin al-Amini, *al-Ghadir fi al-Kitab wa al-Sunnah wa al-Adab* Beirut, 1967.

Muslim, *Sahih*, Cairo, 1967.

al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, Hyderabad, 1374 H.

al-Nasa'i, *al-Khasaa'is*, Beirut, 1959.

____________, al-Sunan, Cairo, 1958.

al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, Baghdad, 1395

al-Saduq , *al-Amali* , al-Najaf, 1389 H

_________, *Ma ani al-Akhbar*, al-Najaf , 1391 H

al-Salih al-Hanafi , *al-Kaukab al-Durriyy*, Tunis, 1367 H.

Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwaas*, Cairo, 1381 H.

al-Syablanji al-Syafi'i, *Nur al-Absar*, Cairo, 1367 H.

al-Syarif al-Radhi, *Nahj al-Balaghagh*, Beirut, 1984.

Al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, Cairo, 1961.

____________, *Tarikh al-Khulafa'*, Cairo, 1368

_________, *al-Itqaan fi 'Ulum al-Qur'an*, Cairo, 1387

Al-Tabari, *Tarikh,* Beirut, 1958

al-Turmudhi, *Sahih,* Cairo, 1382

____________, *Jaami al-Turmudhi'*, Cairo, 1380.

INDEKS

كتاب الحجة

من

الكافي

تأليف

ثقة الإسلام أبي جعفر محمد بن يعقوب بن إسحاق

الكليني الرازي رحمه الله

المتوفى سنة ٣٢٨ / ٣٢٩ هـ

مع تعليقات نافعة مأخوذة من عدة شروح

صححه وعلق عليه علي أكبر الغفاري

الناشر

الجزء الأول

١٣٨٠ هـ

مكتبة الصدوق

طهران - بازار سراي اردبيلي

جنب مسجد سلطاني تلفن ٥٦٥١٣

چاپخانه ی حيدري ـ طهران